



KOLOKIU M BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU MERENTASI DISIPLIN ILMU

E-PROSIDING

Anjuran:
Jabatan Bahasa Melayu
IIUM Kampus Pagoh
Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru
Kampus Tun Abdul Razak
31 MAC 2022

Penceramah Jemputan:
Professor
Dr. Vijayaletchumi
a/p Subramaniam
Universiti Putra Malaysia

Penyusun:
Dr. Mohamad Suhaizi Suhaimi
Prof Madya Dr. Faridah Nazir
En. Ismail Jaafar
Dr. Sara Beden
Dr. Nurul Jamilah Rosly
Nur Ain Afza Mohd Fauzi

Penerbit:
Kulliyah of Languages
and Management
Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru
Kampus Tun Abdul Razak


9 789672 771050
© Penerbit, Kulliyah
Bahasa, Sastera dan Sastera




e ISBN 978-967-2771-05-0

© Kulliyah of Languages and Management 2022
Cetakan Pertama 2022

Diterbit oleh
Kulliyah of Language and Management
KM1, Jalan Panchor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
84600 Muar Johor

Jabatan Bahasa Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
Jalan Dato Mohd Musa,
94300 Kota Samarahan, Sarawak

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam simpanan kekal atau dipindahkan dalam pelbagai bentuk atau kaedah elektronik, mekanik, penggambaran semula dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Kulliyah of Languages and Management.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA

KERTAS KERJA:

1. Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kepada Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Yang Berumur 3 Hingga 5 Tahun 9
Nora' Azian Nahar & Nurul Jamilah Rosly
2. Representasi Argumen Gerak Ruang Bersifat Arah *Mai* Dalam Dialek Perak Utara Berdasarkan Teori Struktur Konseptual 19
Nurul Jamilah Rosly (PhD) & Nora' Azian Haji Nahar (PhD)
3. Perbandingan Aspek Morfologi Dalam Hikayat Melayu Klasik Dan Novel Melayu Moden 30
Faridah binti Nazir (PhD)
4. Leiksis Gender Kekeluargaan Dalam Novel Terpilih A. Samad Said: Kajian Analisis Komponen Makna 43
Aminnudin Saimon (PhD)
5. Celahan Dalam Perbualan Segmen *Asam Garam Rumah Tangga* 60
Azean Idruwani Idrus (PhD)
6. Pemahaman Mahasiswa Mengenai Istilah Semasa Bahasa Melayu Dalam Bidang Teknologi Dan Maklumat 70
Aminnudin Saimon (PhD), Siti Arfah Nazman, Nur Salehah Mat Isa, Nadia Nadhirah Radzali & Siti Norlina Mohd Zulkeffle
7. Ketidaksantunan Berbahasa Melalui Aplikasi Twitter Dalam Kalangan Mahasiswa 89
Aminnudin Saimon (PhD), Nurdiyana Noordin, Nur Amira Mohd Hisham, Nur Ashikin Syahirah Zamri & Nur Amirah Nabilah Nor Azmi
8. Penggunaan Ragam Bahasa Sindiran Dalam Kalangan Pengguna Twitter 104
Aminnudin Saimon (PhD), Saidatun Aishah Mashori, Nurizzati Sabarudin, Nor Fahimah Umar & Nur Haziqah Zulkifli
9. Pencerapan Amalan Strategi Metakognitif Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Sekolah Rendah 122
Pati Alap (PhD)
10. Pemikiran Sosial Dalam Cerpen-Cerpen Jong Chian Lai 135
Latipah Mohamad & Sara Beden
11. Pemerksaan Bahasa Melayu Di IPGKTAR Ke Arah Globalisasi 152
Anis Alisya Abdullah & Sara Beden

12. Ayat Majmuk Dalam Lirik Lagu Walinong Sari: Satu Analisis Menggunakan Teori Transformasi Generatif
Melvina Chung Hui Ching (PhD) 170
13. Mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi KBAT Dalam Pembelajaran
Muhaimi Bin Suhaili 181
14. Pemahaman Bacaan Mekanis Murid Pemulihan Sekolah Kurang Murid (SKM): Satu Tinjauan Psikolinguistik
Radna Wismawati Muhibah Binti Yahya Sawek (PhD) & Halik Bin Wang 194
15. Teknik Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah
Hj. Sapiee Bin Saidi & Sawal Bin Achong 206
16. Analisis SWOT Tatacara Pelaksanaan Dan Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi Secara Dalam Talian Bagi Kursus Elektif Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Islam IPGKTAR
Hafizie Bin Abdullah Hasbie, Elni Haliza Hassim, Ernia Syefeka Sam, Nur Assykin Jamhari & Nur Azra Syafiqah Abdul Wahap 222
17. Tahap Pembelajaran Pelajar Opsyen Bahasa Melayu Dari Aspek Kemahiran Menghasilkan Kit Persembahan Melalui Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi
Empenai Fung Jui Kei, Esther Liong Chien Ning, Lai Mee Ing & Nurul Sabariah Binti Eduad 237
18. Analisis Refleksi Dan Pencapaian Hasil Pembelajaran Dalam Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi Berdasarkan Kaedah WEWIT
Maszanirah binti Ahmad, Nur Aliah Syazwinie Binti Azmi, Lee Wen Qing & Fatin Nabilah Binti Alias 247
19. Reka Bentuk Bilik Darjah Abad Ke-21 Tahun 2072 Melalui Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi
Norshafika Madian, Nur Farah Nadia Buana, Sharifah Nuur Qhamelia Wan Azeman & Dayang Nurin Sabrina Ag Dzulkifli 259
20. Penilaian Terhadap Tugas Binaan Kumpulan Dari Aspek Kreativiti Dalam Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi
Muhammad Ashraf Bin Abdullah, Mohamad Aidil Ikhwan Bin Gayuh & Shahril Zulkarnain Bin Haslan 269
21. *Ke Hujung Usia* Dari Kaca Mata Takmilah
Nur Aisyah Shahira Binti Naimon & Nurul Nadia Binti Mohd Isa 279
22. Manifestasi Kejiwaan Dalam Sampah: Satu Pendekatan Psikologi
Nur Aleya Binti Hassan & Nur Syahira Izzati Binti Marzelan 291
23. Bingkisan Sejarah Dalam Interlok: Analisis Sisi Sejarah 307

Sara Beden (PhD), Alice Rayon & Rismaya Abbas

24. Maksim-Maksim Leech (1983) Sebagai Tanda Kesopanan *Bahasa Dalam Puisi Sahabatku Pelangiku Dan Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* 327
Clarysa Nantai & Cassryllin Lia Benjamin
25. Pantun Melayu: Analisis Ayat Majmuk Pancangan Berdasarkan Teori Transformatif Generatif 345
Elma Diana Binti Julkapli & Siti Sairah Binti Abdullah
26. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Tunggal Dalam Penulisan Blog 357
Noor Fatehah Shahira Binti Roslee & Syakirah Binti Sadiro
27. Citra Jiwa Seorang Ibu Sebagai Wanita Dalam *Ibu Adalah Pentafsir: Kajian Feminisme* 367
Frada Dea Anak Linggi & Nur Aina Syazwina Binti Subri
28. Bingkisan Neurosis Dalam Patriarch: Satu Pendekatan Psikologi 378
Nur Haifa Rosle & Mohd Fadzman Kennedy@Junaidi
29. Penerapan KBAT Dalam Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi Bagi Kursus Elektif BMMB3182 Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Islam IPGKTAR 388
Kelvin Yung Shi Hong, Mohd. Harris Haiqal Bin Ahmad Moslini, Mohammad Syaid Fikrie Bin Mohamad Hadad & Muhammad Nor Faizmie Bin Rasman
30. Masuk Dalam Cahaya: Analisis Takmilah 403
Siti Khatijah Morjadi & Rexsal Larry Rodney Matu
31. Aplikasi Teori Takmilah Dalam Syair Agama: Makna Takbur 412
Lina Afiqah Azaman & Nurul Syaqirah Abdul Wahab
32. Analisis Kesalahan Penggunaan Imbuhan, Kata Sendi Nama Dan Ejaan Dalam Ruang Berita Pendidikan 427
Emmy Emelda Anak Tunai & Nurjanna Binti Mohd Yusof
33. Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Aplikasi Media Sosial 442
Rebecca Lu Yann Ru
34. *Di Sebalik Sebuah Kubah* Dari Perspektif Pengkaedahan Melayu 454
Nurul Hasmiera Abd Rashid & Shariff Putra Haikal Sharie Albane
35. Pemaknaan Lambang Dalam Sajak Sazalee Yacob: Rekayasa Semiotik Peirce 466
Muhd Syafiq Farhan Mohammad1 & Vanessa Vynn Aline2
36. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Berimbuhan Dalam Ruang Isu-Isu Semasa Akhbar *Online* 483

Syilvera Gobin & Rosemarry Rundin Engkang

- | | | |
|-----|---|-----|
| 37. | Analisis Kesalahan Penggunaan Imbuhan Dalam Media Sosial Mengikuti Teori Corder
<i>Ervinia Jeselyne Anak Yat & Umi Shafirah Binti Jinal</i> | 493 |
| 38. | Novel Mahabbah: Analisis Pandangan Sisi Teori Pengkaedahan Melayu
<i>Nur Afrina Miza Binti Mazlan & Victoria Webbly</i> | 504 |
| 39. | Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama Dalam Akhbar Digital Edisi Sukan
<i>Brineysa Bangie Anak Changgau & Stacey Olivia Anak John Brooklyn</i> | 516 |

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Syabas dan tahniah diucapkan kepada para pensyarah dan para pelajar / penuntut Jabatan Pengajian Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak dan Jabatan Bahasa Melayu Kuliyah Bahasa dan Pengurusan Kampus Pagoh kerana telah berjaya menghasilkan penyelidikan dan membuat pembentangan sempena Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2022 yang bertemakan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Merentas Disiplin Ilmu.

Penghasilan e-prosiding ini membuktikan impak yang signifikan dalam usaha kedua-dua institusi mengarusperdanakan penyelidikan di peringkat kebangsaan menerusi kolaboratif dalam penganjuran kolokium. Inisiatif ini juga berupaya meningkatkan kemahiran membuat penyelidikan bagi pensyarah dan para pelajar di kedua-dua institusi dalam pengkhususan bidang Bahasa Melayu. Penyelidikan yang dihasilkan oleh para pengkaji menunjukkan komitmen dan kesungguhan mereka untuk melibatkan diri dalam penyelidikan yang mendokong aspirasi Teras 2 yang termaktub dalam Perancangan Strategik 2019-2022 iaitu memperkasakan amalan inovasi dan penyelidikan keguruan. Penyelidikan yang bertemakan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Merentas Disiplin Ilmu merupakan satu lonjakan kepada para penyelidik untuk memartabatkan Bahasa Melayu bersesuaian dengan tuntutan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam himpunan penyelidikan ini, para penyelidik telah berganding bahu untuk mengaplikasikan pelbagai disiplin ilmu termasuklah amalan pedagogi terkini, ranah-ranah bahasa Melayu dan teori-teori sastera Melayu. Usaha ini berupaya merungkai dan menemukan dapatan-dapatan serta input-input yang dapat dikongsi bersama-sama dengan para penyelidik dalam usaha merungkai isu dan memartabatkan bahasa Melayu. Komitmen yang tinggi dalam membuat penerokaan dan penggalian data merupakan satu usaha yang murni sehingga terhasilnya sebuah himpunan penyelidikan yang dibukukan dalam e-prosiding sempena Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2022 yang berlangsung pada 31 Mac 2022. Penghasilan e-prosiding ini sudah tentu memerlukan idea-idea kreatif dan kritis daripada para penyelidik yang peka dan sentiasa prihatin dengan isu semasa bahasa Melayu.

Akhir kata, syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Pengajian Melayu kedua-dua institusi atas kejayaan menerbitkan hasil penyelidikan kolokium 2022. Semoga kolaboratif dalam perkongsian ilmu seperti ini diadakan secara berterusan pada masa akan datang dalam usaha mengimarah dan menyemarakkan budaya keilmuan.

Dr. Sara Beden

Ketua Jabatan, Jabatan pengajian Melayu IPGKTAR

Dr. Nurul Jamilah Rosly

Ketua Jabatan, Kuliyah Bahasa dan Pengurusan Kampus Pagoh

KOLOKIU M BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU 2022
Anjuran Jabatan Pengajian Melayu International Islamic University Malaysia & Jabatan Pengajian Melayu
IPG Kampus Tun Abdul Razak 31 Mac 2022

KESAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KEPADA PERKEMBANGAN BAHASA KANAK-KANAK YANG BERUMUR 3 HINGGA 5 TAHUN

NORA'AZIAN NAHAR*¹
NURUL JAMILAH ROSLY ²
¹noraazian@iium.edu.my
²nuruljamilah@iium.edu.my

^{1,2}Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM),
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, Malaysia

Abstrak

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia yang terlalu lama disebabkan pandemik *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) telah menjejaskan norma kehidupan kanak-kanak. Pendedahan kepada penggunaan telefon pintar, komputer, tablet dan media digital yang melampau menyebabkan kanak-kanak sukar berinteraksi secara verbal. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti penguasaan perkataan golongan kata nama bahasa Melayu kanak-kanak. Kajian juga ingin menjelaskan faktor-faktor dalam penguasaan perkataan bahasa Melayu kanak-kanak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penyelidik telah memilih seramai 7 orang kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun dari Kedah, Perak, Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Johor, dan Pahang secara rawak bagi mendapatkan data. Data yang diperolehi dari pemerhatian dan temu bual ditranskripsi dan dianalisis. Hasil dapatan mendapati walaupun pemerolehan bahasa pertama terjadi secara alamiah namun faktor persekitaran turut mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak yang menggunakan bahasa Melayu secara lisan. Perkembangan bahasa awal kanak-kanak perlu diberikan stimulus dan respons oleh ibu bapa serta persekitaran untuk membantu dan memberikan sokongan kepada mereka yang sedang berdepan dengan perubahan disebabkan COVID-19. Semua pihak perlu bertindak sebagai pejuang bahasa Melayu untuk memartabatkan bahasa kebangsaan Malaysia.

Kata kunci : *Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), leksikal, kanak-kanak, pemerolehan bahasa, lisan.*

Pengenalan

Pandemik *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) telah mempengaruhi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat dunia termasuk perkembangan bahasa kanak-kanak. Akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kanak-kanak terpaksa berkurung lama di dalam rumah. Hal ini menghalang kanak-kanak untuk berinteraksi, bersosial, keluar rumah dan bermain bersama-sama rakan bagi mencegah penularan wabak tersebut. Kesan PKP menyebabkan anak-anak terdedah dengan penggunaan telefon pintar dan juga televisyen menyebabkan ketidakaktifan fizikal, dan gaya hidup anak-anak juga berubah. Rentetan itu, kanak-kanak juga terpaksa melalui perubahan drastik dengan tinggal di rumah untuk jangka masa yang lama. Perkara ini melanggar norma kanak-kanak yang suka bermain, berseronok, meneroka pelbagai perkara bersama dengan kawan-kawan lain yang mengakibatkan tekanan, kebimbangan, keresahan, kebosanan, dan kemurungan (Sigh et al., 2020, (Hidayu & Hemaloshinee, 2020). Kajian turut mendapati kanak-kanak mempamerkan simptom tidak boleh berenggang dan ketakutan (Viner et al., 2020).

Sorotan Kajian

Kajian Siti Arina Badli dan Suziyana Mohamed (2021) tentang hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan kanak-kanak di Tabika Kemas mendapati bahawa nilai koefisien korela

Spearman antara penglibatan ibu bapa. Terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan kanak-kanak dalam aspek bahasa komunikasi. Sebanyak 26% penglibatan ibu bapa bagi aspek bahasa. Hal ini menunjukkan dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak, wujud hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak. Dapatan menunjukkan bahawa ibu bapa merupakan individu terawal yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak terutama aktiviti membaca dan menulis kanak-kanak. Sokongan yang diberikan oleh ibu bapa secara langsung memberikan impak positif kepada perkembangan kanak-kanak (Masran et al.(2010).

Kajian mengenai pembangunan perkembangan bahasa kanak-kanak telah dijalankan oleh Majorano, Rainieri dan Carsano (2013). Seramai 37 orang kanak-kanak iaitu 18 orang kanak-kanak perempuan dan 19 kanak-kanak lelaki Itali telah dipilih sebagai responden. Kajian memfokuskan ciri-ciri ibu bapa yang mempengaruhi komunikasi langsung dan hubungan ibu bapa terhadap perkembangan penghasilan ujaran kanak-kanak. Ibu bapa pula dinilai berdasarkan penelitian di makmal ketika permainan bebas dilaksanakan. Data kajian dikumpul ketika berkomunikasi langsung antara ibu bapa dengan anak-anak mereka ketika permainan bebas dijalankan dengan memfokuskan fungsi komunikasi seperti yang direkodkan sebagai norma psikolinguistik bagi bahasa Itali. Versi Itali iaitu "*Peabody Picture Vocabulary Test*" (*PPVT -R*) telah dijadikan instrumen penting bagi tujuan penganalisisan data. Selain itu, data turut dikumpul menerusi analisis yang memperlihatkan perbezaan antara ibu dengan bapa berdasarkan ciri-ciri fungsi dalam komunikasi dan bahasa. Kajian turut membuktikan bahawa kaum ibu dilihat menghasilkan kekerapan dalam penghasilan kata nama dalam leksikon kanak-kanak.

Kajian oleh Sherry (2004) pula membuktikan bahawa aliran perkembangan pengalaman ketika bermain permainan video dalam kalangan kanak-kanak lelaki menunjukkan peningkatan berbanding perkembangan pengalaman dalam kalangan kanak-kanak perempuan. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah temu bual kepada 33 orang kanak-kanak yang berumur sekitar 7 hingga 9 tahun menggunakan media digital bagi memperoleh kepuasan dan bertindak sebagai elemen yang membantu dalam menghadapi kesukaran ketika menjalani kehidupan seharian. Kajian bertujuan untuk membincangkan perkembangan pengalaman kanak-kanak dalam interaksi sosial yang dihasilkan ketika bermain permainan video.

Kajian Dayang Sufikawany e tal., (2017) menunjukkan pengaruh sosial dominan yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah faktor motivasi, sikap dan persekitaran. Kajian tinjauan yang melibatkan 225 orang murid Iban tahap 2 di sekolah rendah pedalaman 3 di daerah Kapit yang menggunakan 42 item borang soal selidik mendapati pengaruh dominan yang mempengaruhi murid belajar bahasa Melayu ialah faktor motivasi, sikap dan persekitaran. Selain itu rakan-rakan dan keluarga. Guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah perlulah menggunakan pendekatan aspek sosial motivasi, sikap dan persekitaran dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran, selain rakan sebaya dan keluarga, terutamanya yang mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Bertitik tolak daripada kajian-kajian lepas, akibat pandemik yang melanda dunia dan PKP yang dijalankan di Malaysia, penyelidik ingin melihat penguasaan perkataan bahasa Melayu dan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan perkataan tersebut. Kajian ini hanya memfokuskan golongan kata nama.


OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif seperti berikut:

1. Mengetahui penguasaan perkataan golongan kata nama bahasa Melayu kanak-kanak berumur 3 hingga 5 tahun.
2. Kajian juga menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan perkataan bahasa Melayu kanak-kanak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data kajian berdasarkan carta aliran pada Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Reka bentuk Kajian

Responden Kajian

Ciri-ciri subjek dipilih berdasarkan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 3 hingga 5 tahun. Kanak-kanak dipilih berdasarkan tempat kelahirannya secara rawak dan penjaga memberikan sokongan untuk penyelidik menjalankan kajian. Kriteria pemilihan kanak-kanak berdasarkan kanak-kanak tersebut mahu menjawab soalan kad imbasan yang ditunjukkan melalui pautan *Google Meet*. Jadual 1.2 merupakan responden kajian yang berjaya memberikan respons.

Bil	Responden	Jantina	Umur	Persekitaran
1.	Subjek 1 (perempuan)	Perempuan	4 tahun (Pahang)	Adik-beradik sudah berumur dalam lingkungan 20-an. Terdedah dengan persekitaran golongan dewasa.
2.	Subjek 2 (Lelaki)	Lelaki	4 tahun (Kedah)	Abang OKU - fizikal Subjek diberikan telefon bimbit untuk menonton rancangan YouTube
3.	Subjek 3	Lelaki	4 tahun (Johor)	Didedahkan dengan bahasa Melayu dalam keluarga oleh ibunya.
4.	Subjek 4	Perempuan	3 tahun (Melaka)	Selalu terdedah dengan promosi perniagaan secara dalam talian
5.	Subjek 5	Lelaki	4 tahun (Selangor)	Tinggal dengan pengasuh (nenek)
6.	Subjek 6	Perempuan	5 tahun (Kuala Lumpur)	Prasekolah (Swasta)
7.	Subjek 7	Perempuan	5 tahun (Perak)	Mempunyai kakak berumur 11 tahun, abang 9 tahun dan adik 16 bulan.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengukur penguasaan perkataan kepada kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun ialah kad imbasan berkaitan dengan haiwan, buah-buahan, sayur-sayuran, benda dan kenderaan. Pemilihan kad imbasan berdasarkan pendapat Joan Herberg (2012) iaitu salah satu alat yang paling baik bagi membantu kanak-kanak dalam proses awal membaca. Hal ini disebabkan kad imbasan berimej dan berwarna dapat menarik perhatian kanak-kanak. Hal ini disokong oleh dapatan daripada kajian Hafizah Ramlee et al., (2011) bahawa penggunaan kad imbasan ini juga boleh diguna pakai oleh guru-guru tahap satu bagi memastikan keberhasilan kanak-kanak menguasai kemahiran mengenal dan mengenali abjad atau gambar secara berterusan.

Sebelum kajian di lapangan dijalankan, kad-kad imbasan yang terpilih telah diuji dalam kajian rintis. Sebanyak 5 orang peserta telah dipilih untuk menilai gambar-gambar yang akan digunakan dalam kajian sebenar. Instrumen kajian yang digunakan juga telah disemak oleh individu yang berkelayakan iaitu guru Bahasa Melayu yang mengajar di prasekolah. Tujuannya untuk memastikan instrumen kajian yang digunakan memenuhi piawaian bagi kanak-kanak 3 hingga 5 tahun. Selain itu, instrumen kajian (Ujian Mengkategorikan Gambar) telah disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Ujian Mengkategorikan Gambar hanya memfokuskan penggolongan kata nama dalam bahasa Melayu. Berdasarkan ciri-ciri di atas penyelidik memilih kad imbasan keluaran Kiddibird untuk instrumen kajian ini. Kad-kad imbasan tersebut diterbitkan oleh KIDDIBIRD SDN. BHD (350161-A) dan diedarkan oleh Kids Book Distributors Sdn. Bhd. (464660-V).

Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan secara *Google Meet* dengan keluarga kanak-kanak. Penyelidik akan menunjukkan gambar-gambar menggunakan kad imbasan mengikut kategori. Sebanyak 5 kategori gambar telah disediakan di dalam Ujian Mengkategorikan Gambar iaitu kategori haiwan, buah-buahan, sayur-sayuran, benda dan kenderaan. Kanak-kanak diminta untuk menyebut gambar-gambar yang ditunjukkan dengan sebutan yang betul menggunakan bahasa Melayu. Jika sebutannya betul maka markah akan dicatatkan di dalam ruangan yang disediakan. Data hanya diambil sekali setelah mendapat persetujuan daripada keluarga subjek kajian secara berasingan. Jumlah perkataan yang disebut dengan betul akan dijumlahkan. Kemudian hasil dapatan akan dijadikan dalam bentuk peratus. Selain itu, penyelidik juga mengumpul data menggunakan kaedah kualitatif. Maklumat berkaitan dengan subjek kajian diperolehi melalui temu bual berstruktur dengan ibu bapa kanak-kanak melalui aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, rakaman video, *YouTube*, *Tik Tok*, dan panggilan telefon. Maklumat-maklumat tersebut ditranskripkan untuk dilaporkan. Di samping itu, data juga diperolehi melalui analisis dokumen. Dapatan kajian tidak mengambil kira sebelum dan selepas *Google Meet* dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1 – Penguasaan perkataan golongan kata nama

Jadual 1.3 Keputusan Ujian Mengkategorikan Gambar

Kanak-kanak	Kad Gambar				
	Haiwan	Benda	Buah	Sayur	Kenderaan
Subjek 1	10	8	8	4	9
Subjek 2	0	3	2	1	4
Subjek 3	0	5	5	3	5

Subjek 4	10	8	10	6	8
Subjek 5	4	8	4	1	8
Subjek 6	0	4	2	4	4
Subjek 7	3	4	4	1	4

Hasil dapatan menunjukkan kesemua subjek kajian dapat mengenali gambar-gambar yang ditunjukkan berdasarkan 5 kategori iaitu haiwan (10 keping gambar), Benda (10 keping gambar), Buah (10 keping gambar), sayur (10 keping gambar) dan kenderaan (10 keping gambar). Hanya kategori haiwan, benda dan kenderaan penguasaan perkataan bahasa Melayu yang banyak disebut dengan betul dalam bahasa Melayu. Jadual 1.3 menunjukkan perkataan yang disebut betul bagi kata nama dalam bahasa Melayu. Selain itu perkataan bagi setiap gambar disebut menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Punjabi dan bahasa Mandarin. Bagi subjek 8 yang berumur 5 tahun sudah boleh mengenal huruf namun apabila ditunjukkan gambar, kanak-kanak tersebut akan menyebutnya dengan sebutan yang tidak mengikut suku kata. Contohnya cendawan menjadi cadiwa, kubis menjadi kubi. Buah oren menjadi olen, manggis menjadi magis, selipar menjadi sipar.

Bagi kategori haiwan hanya Subjek 1 dan Subjek 4 yang berjaya mencatatkan pengecaman haiwan bagi kata nama yang betul iaitu (ayam, anjing, arnab, gajah, ikan, kucing, kuda, kambing, monyet dan udang). Seramai 3 orang kanak-kanak tidak dapat menyebut nama-nama haiwan dalam bahasa Melayu. Kategori benda 3 orang Subjek yang dapat mengecam dan menyebut benda gambar-gambar yang ditunjukkan. 3 benda yang setiap kanak-kanak dapat mengenalinya iaitu seluar, selipar dan roti. Perkataan lain seperti bakul, biskut, cincin, lampu, vakum, dan yoyo kurang dikenali oleh mereka. Kategori buah hampir semua subjek mengenali buah strawberi, betik, pisang dan mangga tetapi bagi betik mereka lebih mengenalinya dengan papaya dan pisang mereka menyebut *banana*, manakala mangga semua subjek menyebutnya *manggo*. Hanya subjek 4 dapat menyebut semua nama buah dalam bahasa Melayu iaitu belimbing, tembikai, mangga, strawberi, jambu batu, oren, pisang, betik, rambutan dan jagung.

Bagi kategori sayur tiada responden yang dapat menyebut semua jenis sayur dengan betul. Hanya Subjek 4 yang dapat menyebut paling banyak iaitu 6 jenis sayur dengan betul iaitu cendawan, tomato, timun, terung, bawang, dan brokoli. Semua subjek menyebut lobak dengan *carrot*, timun dengan *cucumber*, kentang dengan *potato*, labu dengan *pumpkin* dan kubis tiada subjek yang dapat menyebutnya dengan betul kecuali Subjek 8 mengeja tetapi menyebut dengan kubi. Kategori terakhir ialah kenderaan. Sama ada kanak-kanak lelaki atau perempuan, mereka dapat menyebut jenis-jenis kenderaan dengan betul iaitu bas, basikal, helikopter, kereta, motosikal manakala kapal terbang semuanya menyebut *aeroplane*, kereta api dengan sebutan *train*, dan hanya Subjek 5 mengenali jentolak. Subjek 1 mengujarkan perkataan bersifat baharu, iaitu perkataan yang diciptanya sendiri untuk menggantikan perkataan asal jentolak dengan perkataan ‘angkut-angkut’ manakala kanak-kanak lain tidak dapat menjawabnya dengan tepat.

Objektif 2 – Faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa Kanak-kanak

Subjek 1

Subjek 1 merupakan anak ke-5 dalam keluarga. Seorang anak yang keletah dan peramah. Anak ini sering menegur sesiapa sahaja sama ada jiran tetangga yang dewasa, atau anak-anak yang berjoging di hadapan rumah, atau sering berinteraksi melalui simulasi telefon dengan bapa saudara, ibu saudara, sepupu, atau kenalan ibu bapa mereka.

Anak saya... kalau dapat telefon memang habis semua orang ditelefonnya... Walaupun belum kenal huruf tetapi nombor yang dipanggil memang tepat. Jika tak dapat menggunakan telefon bimbit dia akan mengambil *remote aircond* untuk dia bercakap dengan sepupu atau bapa saudaranya. ... Anak saya ni sangat peramah dan suka bercakap atau membaca...

Telatahnya boleh diperhatikan melalui video-video yang dirakam oleh ibunya setiap kali dia ingin berhubung dengan orang dewasa yang dikenalnya sama ada menggunakan *remote aircond*, atau gagang telefon di rumahnya yang sudah tidak berfungsi lagi atau jika dia berjaya menggunakan telefon bimbit ibu atau ayahnya, pasti dia akan menelefon mereka secara terus.

Subjek 2

Anak ini merupakan anak kedua dalam keluarga. Subjek 2 mempunyai abang yang OKU tidak dapat bercakap dan tidak dapat menguruskan diri. Ibu tidak bekerja manakala bapanya bekerja sebagai anggota PDRM. Setiap hari anak ini akan bermain dengan telefon bimbit atau ipad Mereka sering berebut dengan abangnya yang hanya menggunakan telefon atau media digital seperti ipad dan televisyen sebagai hiburannya setiap hari.

Hujung minggu saya akan menonton televisyen bersama-sama anak saya ... Di situlah saya mengajar anak saya menyebut perkataan-perkataan menggunakan kad imbasan dalam bahasa Melayu... tetapi walaupun saya menyebutnya dalam bahasa Melayu namun anak saya akan menyebutnya dalam bahasa Inggeris. Apabila saya menunjukkan barangan dapur yang dibeli contohnya, cendawan ... dia tidak dapat menyebutnya dengan betul kerana ada 3 suku kata... dia hanya boleh menyebut cen... terus dia akan menyebut perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris *mushroom*. Saya pun pelik kerana abangnya tidak boleh bercakap dan kami semua di rumah bertutur menggunakan bahasa Melayu...

Daripada temu bual yang telah dijalankan bersama-sama dengan bapa subjek 2 dapatlah difahamkan bahawa pengaruh bahasa asing terutama bahasa Inggeris amat mudahlah meresap kepada anak-anak yang berumur 3-5 tahun.

Subjek 3

Subjek 3 merupakan anak sulung bagi pasangan berbangsa Punjabi. Subjek ini dibesarkan dalam keluarga yang semua ahli keluarganya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah. Namun, ibunya sering bercakap menggunakan bahasa Melayu berdasarkan pengalamannya dibesarkan dalam kalangan masyarakat Melayu di kampung.

Sebelum PKP, anak saya suka membaca menggunakan Ipad dan sangat fokus belajar bahasa Melayu. Kami juga sering menonton filem-filem P.Ramlee di kaca televisyen. Setelah kerajaan Malaysia mengisytiharkan PKP, fokus anak saya untuk belajar bahasa Melayu semakin hilang tambahan pula Tadika juga ditutup. Banyak masa anak saya dipenuhi dengan aktiviti menonton cerita-cerita Hindustan bersama-sama dengan datuk dan neneknya. ... saya tak pernah mengajar anak saya bahasa Punjabi... tetapi ...

Walaupun ibu subjek 3 sering mendedahkan dan bertutur menggunakan bahasa Melayu, namun semasa temu bual dijalankan secara dalam talian, hampir separuh daripada gambar yang

ditunjukkan kepadanya, disebut dalam bahasa Punjabi. Pengaruh bahasa asing dan persekitaran mudah meresap dalam diri anak-anak yang berumur 3 hingga 5 tahun kerana mereka mendengarnya perkataan-perkataan itu dituturkan setiap hari.

Subjek 4

Subjek 4 baru berumur 2 tahun 8 bulan namun hanya subjek 4 yang berjaya menyebut gambar-gambar haiwan dan buah-buahan dengan tepat dan betul dalam bahasa Melayu. Sejak kecil lagi banyak perkataan ‘bombastik’ telah dikuasainya kerana anak ini sering didedahkan dengan pembikinan ‘Tik Tok’ disebabkan ibunya menjalankan perniagaan secara dalam talian. Menurut ibunya, sikap anak keduanya sangat berdikari. Segala-galanya mahu dilakukannya sendiri. Setelah ibu mengajar abangnya yang berumur 6 tahun membaca, dia akan mengambil bahan-bahan tersebut dan menyebutnya. Anak keduanya sangat cepat belajar bahasa Melayu.

Sepanjang PKP anak-anaknya tidak dapat bermain di taman permainan, menyebabkan kedua-duanya memberontak tidak mahu belajar. Setelah kami mengumpul duit dan berjaya membelikan alat-alat permainan seperti di taman permainan yang sangat mahal harganya, sikap mereka memang berubah. Setelah penat bermain di dalam rumah apabila disuruh belajar membaca dan mengenal huruf kedua-duanya tiada membantah. ... seperkara lagi saya sangat mengawal anak-anak saya daripada menonton rancangan televisyen walaupun disiarkan dalam bahasa Melayu. Saya dan suami sanggup mengorban keinginan untuk menonton drama kegemaran kami demi anak-anak. Pada peringkat umur sebegini mereka mudah meniru perlakuan dan bahasa yang dituturkan oleh pelakon-pelakon.

Jelasnya, PKP telah menyebabkan norma kehidupan kanak-kanak terjejas. Masa mereka bermain dan berseronok-seronok telah digantikan dengan permainan video. Mereka banyak didedahkan dengan penggunaan telefon, komputer, dan media digital menyebabkan anak-anak mudah terpengaruh dengan cerita-cerita yang ditonton oleh mereka.

Subjek 5

Hasil temu bual yang telah dijalankan dengan ibu Subjek 5 beliau menjelaskan bahawa anak sulungnya sudah didaftarkan di prasekolah swasta di Selangor. Anaknya sudah mengenal huruf namun disebabkan PKP kelas dijalankan secara dalam talian menyebabkan anaknya kurang berminat belajar terutama bahasa Melayu.

Sepanjang PKP walaupun saya bekerja dari rumah tetapi sejujurnya saya tidak pernah mendedahkan anak saya dengan rancangan-rancangan televisyen dalam bahasa Melayu sepenuhnya. Mereka tidak berminat belajar bahasa Melayu.. Mereka hanya didedahkan dengan bahasa Melayu semasa pembelajaran bahasa Melayu oleh guru-guru di Tadika sepanjang PKP. Dalam sehari sekurang-kurangnya mereka menonton televisyen 4-6 jam.

Jelasnya, PKP telah memberikan ruang dan peluang kepada anak saya untuk lebih belajar sendiri melalui YouTube atau rancangan-rancangan yang diminatnya. Jika mereka tinggal dengan pengasuh, anak saya ada teman untuk bercakap iaitu sepupunya.

Subjek 6

Subjek 6 terdiri daripada kanak-kanak perempuan yang sangat pemalu dan kebanyakan gambar yang ditunjukkan kepadanya dia akan menjawab 'tak tahu'. Jawapan bagi gambar haiwan semua dijawab dalam bahasa Inggeris dan banyak haiwan yang tidak dikenalnya.

Menurut bapanya,

anaknyanya sukar memberikan respons kepada orang dewasa kecuali gurunya. Jika anaknyanya ke sekolah dia akan elok bermain dengan rakan-rakan sebayanya. Namun kesemua rakan juga bertutur menggunakan bahasa Inggeris. Sepanjang PKP kami membelikan buku-buku bahasa Melayu dan saya sendiri mengajarnya ... setiap perkara yang dibacanya dalam bahasa Inggeris akan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu namun jawapan yang diberikan dalam sesi soal jawab ini agak kurang memuaskan. Saya sedar akan kepentingan memberikan pendedahan awal tentang bahasa Melayu kepada anak saya namun generasi sekarang lebih gemar bertutur menggunakan bahasa Inggeris.

Subjek 7

Subjek 7 merupakan kanak-kanak berbangsa Tionghoa. Kakak dan abangnya bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Subjek 7 sudah boleh mengenal huruf namun sebutan dalam bahasa Melayu belum mantap. Kerjasama yang diberikan kepada penyelidik amat padu.

Masa PKP... dia tak ada belajar. Saya pun tak hantar dia pergi tadika kerana dia tak suka belajar *online*. Hari-hari main dam ular bahasa Inggeris dengan kakak dan abang dia di rumah. Sekarang sahaja saya baru hantar dia pergi tadika.

Semasa temu bual dijalankan ibu turut memberikan arahan kepada anaknyanya dalam bahasa Mandarin. Hanya sebutan yang tepat dan betul bagi gambar yang ditunjukkan dicatatkan di dalam Jadual 1.3.

Perbincangan Dapatan

Subjek kajian didapati dapat mengujarkan gambar-gambar yang ditunjukkan kerana kesemua kategori dalam penggolongan kata nama. Hal ini disebabkan kata nama dapat dirujuk dengan objek konkrit berbanding dengan bentuk golongan kata adjektif dan kata tugas yang bersifat abstrak. Kanak-kanak juga telah diperkenalkan dengan abjad sejak lahir atau sebelum melangkah ke kelas prasekolah. Ibu bapa kebanyakannya telah memberikan pendedahan awal kepada anak-anak mereka untuk mengenali abjad melalui pelbagai cara. Melalui penggunaan kad imbasan, buku-buku yang dijual di pasaran dan tayangan rancangan kanak-kanak seperti Astro Nickjr, Upin dan Ipin, Agen Ali, dan Boboy. Sepanjang PKP, anak-anak turut didedahkan dengan suasana pembelajaran yang canggih, berteknologi dan efektif.

Walau bagaimanapun, penguasaan perkataan bagi golongan kata nama bahasa Melayu kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun sukar dikenal pasti kerana tiada pembahagian jitu antara peringkat bahasa bayi dengan peringkat bahasa kanak-kanak prasekolah. Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berbeza walaupun umur mereka sama. Pemerolehan bahasa biasanya merujuk kepada pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak. Bahasa pertama ini merupakan potensi lahiriah yang dimiliki oleh setiap anak. Keadaan ini menyebabkan anak-anak mengalami proses kedwibahasaan. Kedwibahasaan yang diperkenalkan iaitu bahasa Melayu dan bahasa asing seperti bahasa Inggeris. Kesan PKP dan pengaruh daripada persekitaran menyebabkan kanak-kanak mengalami kecelaruan dalam mengecam benda-benda di persekitaran mereka.

Banyak faktor yang telah mempengaruhi penguasaan perkataan bahasa Melayu kanak-kanak sepanjang PKP. Ahli keluarga merupakan salah satu persekitaran khusus yang mempengaruhi perkembangan tingkah laku dan emosi kanak-kanak. Ahli keluarga merupakan individu yang berada dalam persekitaran terdekat seseorang kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran yang dibentuk oleh ahli keluarga sama ada positif atau negatif akan memberikan kesan kepada kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, ahli keluarga perlu memainkan peranan penting dalam memastikan kanak-kanak menguasai perkataan-perkataan asas dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam kehidupan seharian. Sokongan daripada ahli keluarga untuk memahami perkara baharu yang berlaku di sekeliling mereka dapat membantu kanak-kanak berdepan dengan situasi pandemik COVID-19. Kajian ini selari dengan dapatan Noralina Omar (2018).

Selain keluarga, perkembangan bahasa kanak-kanak turut dipengaruhi oleh persekitaran. Kesan PKP kanak-kanak terpaksa melalui perubahan drastik dengan duduk di rumah dalam jangka masa yang lama. Perkara ini telah melanggar norma kanak-kanak yang suka bermain, berseronok, meneroka pelbagai perkara bersama dengan kawan-kawan lain yang mengakibatkan tekanan, kebimbangan, keresahan, kebosanan, dan kemurungan. Dapatan jelas menunjukkan apabila kanak-kanak berinteraksi dengan manusia dan persekitaran, mereka telah berusaha untuk menambah penguasaan perkataan secara mempelajarinya. Tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekeliling mereka dapat membantu mereka mengecam flora dan fauna. Semakin tinggi pendedahan persekitaran kanak-kanak itu semakin banyak perkara yang dikuasainya semakin banyak perkataan pelbagai kategori dikenalnya.

Jelasnya, PKP juga turut memberikan impak positif terhadap kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun. Ibu bapa mempunyai banyak masa bersama-sama dengan anak-anak di rumah untuk memberikan pendedahan awalan bahasa terutama memperkenalkan bahan-bahan maujud serta mengenali benda-benda di sekeliling mereka.

KESIMPULAN

Hasil penyelidikan telah membuktikan bahawa akibat penularan wabak COVID-19 menyebabkan kanak-kanak tidak menjalani kehidupan sebenar zaman kanak-kanak. Gaya hidup anak-anak yang berumur 3 hingga 5 tahun juga berubah. Akibat duduk lama di rumah, anak-anak banyak terdedah dengan rancangan-rancangan yang disajikan oleh media digital turut menjejaskan pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak. Selain memberikan kesan negatif terdapat juga kesan positif daripada PKP yang menyebabkan anak-anak prasekolah telah didedahkan dengan suasana pembelajaran canggih, dan berteknologi tinggi. Instrumen kajian untuk pengecaman gambar-gambar asas yang digunakan dalam penyelidikan ini merupakan alat pengajaran pertama bagi kanak-kanak menguasai pembelajaran dengan baik apabila ke sekolah. Jika tidak, proses pembelajaran bahasa Melayu akan menjadi lebih sukar.

Walaupun kajian ini hanya memilih bilangan responden yang minimum namun hasil dapatan daripada kajian ini dapat memberikan gambaran fenomena yang akan berlaku pada masa akan datang. Akibat proses kedwibahasaan dan kecelaruan yang berlaku kepada anak-anak di peringkat prasekolah ini akan menyebabkan bahasa Melayu semakin kurang dituturkan oleh generasi akan datang. Kajian yang berterusan bagi semua peringkat terutama barisan kepimpinan perlu dilakukan bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di bumi Malaysia ini. Sokongan yang padu daripada semua pihak perlu diambil dan pihak ibu bapa terutamanya merupakan pejuang bahasa Melayu yang memulakan tugasnya dari rumah.

RUJUKAN

- Brown, R.,1973. *A First Language: The Early Stages*. London: George Allen and Urwin.
- Brown, G. & Yule, G. (1983) *Discourse Analysis*, England: Cambridge University Press,

- Burling, R. (2005). *The Talking Ape: How Language Evolved*. Oxford: Oxford University Press.
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. ISSN:2180-4842. Vol. 7. Bil, 1 (Mei 2017): 74-84.
- Dunn, R., Honigsfeld, A., Doolan, L.S., Bostrom, L., Russo, K., Schiering, M.S. & Suh, B. (2009). Impact of Learning-style Instructional Strategies on Student's Achievement and Attitudes: Perception of Educators in Diverse Institutions. *Journal of Educational Strategies: Issues and Ideas*. 82 (3), 135 -140.
- Hidayu & Hemaloshinee, (2020). COVID-19 Pandemic during 2020 Malaysia Movement Control Order (MCO) – The Case of Residential College Students' Mental Health. *CNR'S Internasional Journal of Social & Scientific Research, India*.
- Joan Herberg, T.F. McLaughlin K. Mark Derby & Kimberly P. Weber. 2012. The Effects of repeated Readings and Flashcard Error Drill The Reading Accuracy and Fluency with Rural Middle School Student with Learning Disabilities. *Academic Research Internasional Journal* 3, Volume 2: 2012. Gongaga University USA.
- Majorana, M., Rainieri, C. & Corsano, P. (2013). Parents' Child-directed Communication and Child Language Development: A Longitudinal Study With Italian Toddlers, *Journal Children Language*. 40, 836-859.
- Noralina Omar. 2018. *Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Puteri Roslina Abdul Wahid & Nurul Haniza Samsudin. 2016. *Bahasa dan Kanak-kanak Autisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shweta Sigh, Deblina Roy, Kritika Sinha, Sheeba Parveen, Ginni Sharma dan Gunjan Joshi. 2020. Impact of COVID-19 and lockdown on mental health of children and adolescents: A narrative review with recommendations. *ELSEVIER*
- Vygotsky, L.S., 1978. *Mind in Society*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Russell M Viner, Simon J Russell, Helen Croker, Jessica Packer, Joseph Ward, Claire Stansfield, Oliver Mytton, Chris Bonell, Robert Booy. 2020. School closure and management practices during coronavirus outbreaks including COVID-19: A rapid systematic review. *ELSEVIER*.
- Whetherby, A.M, Prizant, B.M, dan Sculer, A.L., 2000. "Understanding the Nature of Communication and Language Impairments"
- World Health Organization. (June 4, 2020). Coronavirus disease (COVID-19) advice for public. Dicapai daripada <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public>.

REPRESENTASI ARGUMEN GERAK RUANG BERSIFAT ARAH MAI DALAM DIALEK PERAK UTARA BERDASARKAN TEORI STRUKTUR KONSEPTUAL

Nurul Jamilah Rolsy (PhD)
nuruljamilah@iium.edu.my
Jabatan Bahasa Melayu
Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan

Nora Azian Haji Nahar (PhD)
noraazian@iium.edu.my
Jabatan Bahasa Melayu
Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan

Abstrak

Gerak difahami sebagai perubahan dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Kajian ini tertumpu pada penggunaan leksikal gerak ruang bersifat arah dalam dialek Perak Utara. Pengumpulan data dibuat menerusi kajian lapangan di Kampung Denistown sebuah kawasan dalam daerah Kerian. Penganalisisan data menggunakan teori Struktur Konseptual oleh Ray Jackendoff (1997 & 2011). Pemetaan argumen ini merangkumi empat tatatingkat utama, iaitu pemetaan kepada representasi struktur fonologi, representasi struktur konseptual, pemetaan kepada rajah pohon struktur konseptual dan pemetaan kepada peranan tematik serta hubungan struktur konseptual ini kepada peringkat struktur sintaksis. Hasil dapatan menunjukkan, kehadiran gerak ruang hadir dalam fungsi [Peristiwa] yang membawa rumus asas [[[Gerak [X [Y]]]. Analisis juga menunjukkan leksikal [mai] yang mempunyai pemetaan representasi argumen yang tersendiri dan melibatkan konstituen seperti [Benda] [Masa], [Situasi], [objek rujukan] dan [hala]. Bagi peringkat pemetaan dalam peranan tematik, menunjukkan terdapat 5 item yang terlibat iaitu peranan Aktor, Matlamat, Objek Rujukan, Lokasi dan Penerima (+). Pemetaan kepada struktur sintaksis menunjukkan membentuk realisasi utama iaitu Frasa Nama yang menjadi subset kepada Frasa Kerja, Frasa Sendi Nama dan Frasa Keterangan. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menunjukkan pemetaan teori struktur konseptual ini dapat dihubungkan secara lengkap dan menyeluruh berdasarkan hubungan kepada representasi struktur fonologi, representasi struktur konseptual dan representasi struktur sintaksis secara sistematik dan berpada khususnya dalam gerak ruang bersifat arah dalam dialek Perak Utara.

Kata kunci: *dialek Perak Utara, gerak ruang, konstituen, argumen, struktur konseptual dan tematik*

PENGENALAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), mendefinisikan dialek merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard. Mario Pei dan Frank Gaynor (1954), mentakrifkan dialek sebagai suatu bentuk bahasa, dituturkan di kawasan atau daerah tertentu serta memperlihatkan perbezaan yang memadai dengan bentuk baku atau bentuk persuratan bahasa tersebut dari segi sebutan, binaan tatabahasa dan penggunaan perkataan secara idiomatik untuk dianggap ketara berbeza, namun perbezaan tersebut belum begitu banyak atau meluas daripada dialek-dialek lain dalam bahasa tersebut untuk dianggap sebagai bahasa yang berbeza. Di Malaysia, Asmah Haji Omar (1991), telah mengelompokkan pelbagai dialek yang ada di Semenanjung Malaysia yang dikelompokkan kepada lima kawasan utama iaitu kelompok barat daya yang terdiri daripada kelompok Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan yang meliputi Perak Utara. Sementara itu bagi kelompok Timur Laut pula diwakili oleh dialek negeri Kelantan,

dan seterusnya kelompok Timur pula yang meliputi Terengganu. Selain itu, bagi kelompok Selatan pula yang meliputi dialek yang dituturkan di negeri Johor, Melaka, Pahang, Selangor, dan juga Perak Selatan. Bagi kelompok yang terakhir sekali ialah dialek Negeri Sembilan.

Bagi dialek Perak, Asmah Haji Omar (1991) pernah membahagikan dialek negeri Perak kepada 2 kawasan iaitu Parit dan Kuala Kangsar. Namun, perkembangan teknologi berdasarkan aplikasi *Geographical Information System* (GIS)¹, telah membuktikan pemetaan dialek Perak ini sebenarnya lebih meluas. Ini adalah berdasarkan kajian oleh Siti Noraini Hamzad dan Nor Hashimah (2018), menyatakan perluasan dialek Perak ini berdasarkan pengaruh migrasi dan persempadanan kawasan yang menjadi dialek Perak bukan sahaja dalam kawasan Parit dan Kuala Kangsar malah meliputi 11 daerah utama iaitu merangkumi daerah baru iaitu daerah Mualim seperti Hulu Perak, Larut Matang dan Selama, Kerian, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Manjung, Kinta, Kampar, Hilir Perak dan Batang Padang. Setiap daerah ini mempunyai varian representasi bunyi yang berbeza khususnya dalam daerah Kerian. Persempadanan daerah Kerian ini yang meliputi sempadan negeri Pulau Pinang dan Kedah pasti membentuk variasi yang berbeza berbanding dengan dialek-dialek Perak yang lain.

Bagi mengkaji devirasi leksikal ini, Jackendoff (2007) di dalam organisasi struktur konseptual mendapati variasi pada bunyi-bunyi yang dilafazkan boleh dikategorikan sebagai frasa intonasi² yang hubungan autonomi sepenuhnya dengan konstiuens semantik dan konstituens sintaksis. Hal ini kerana kedua-duanya mempunyai hubungan seperti kesejajaran dan iramanya khususnya dalam struktur fonologi. Pemetaan ini dapat dilihat dalam representasi setiap leksikal dalam representasi seperti:

- a. Struktur fonologi: [masoʔ₁]
- b. Struktur semantik: [Peristiwa GERAK₁ ([Benda x], [Hala y]₂)]
- c. Struktur sintaksis: [KK₁ FPre₂]

Secara keseluruhan, kajian ini hanya memfokuskan kepada penelitian dialek Perak Utara iaitu kawasan Parit Buntar dalam daerah Kerian dengan memfokuskan kepada analisis representasi leksikal bagi kata kerja gerak berdasarkan struktur konseptual³. Menurut Ray Jackendoff (2002), pemahaman kepada leksikal gerak ini boleh dijelaskan dalam gerak ruang yang menunjukkan perubahan dari satu titik permulaan kepada titik akhir penamat gerak tersebut. Terdapat banyak perbincangan dalam kata kerja gerak seperti berjalan, berlari, masuk, datang yang melihat hubungannya antara semantik dan sintaksis namun aliran struktur konseptual menekankan bahawa pemetaan pada sesuatu leksikal perlu dilihat secara keseluruhan termasuk dalam hubungan leksikal tersebut dengan struktur fonologi. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan pemetaan leksikal kata kerja gerak dalam dialek Perak Utara berdasarkan organisasi struktur konseptual iaitu merujuk kepada kepada struktur fonologi, struktur semantik dan struktur sintaksis.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian dalam negara dan luar negara dalam mengkaji penggunaan dialek. Kajian oleh Maulana Al-Fin dan Fazal Mohammed (2020), membincangkan pola yang wujud dalam dialek negeri Perlis dengan membezakan ayat selapis dialek negeri Perlis dengan bahasa Melayu Baku dan menganalisis konstituen subjek dan predikat menggunakan kerangka Minimalis. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Pengkaji telah memilih kajian lapangan dengan menemu bual sepuluh orang responden bagi memperolehi data dan menggunakan kaedah perpustakaan bagi mendapatkan gambaran awal mengenai kajian serta menjelaskan konsep. Selain itu kajian oleh Rohani Mohd. Yusof (2020), telah meninjau dan meneliti variasi dari dialek Perak, iaitu subdialek Kuala Kangsar. Metodologi kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu sumber, pemilihan informan dan analisis data. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini. Teknik produksi pertuturan seperti cara rakaman temu bual berdasarkan judul-judul

digunakan melalui kaedah temu duga dan pertanyaan. Hasil dapatan mendapati bahawa langkah-langkah persiapan subdialek ini memperlihatkan ciri-ciri dialek Perak yang bercampur aduk dengan dialek luar dan dialek pendatang di zon Kuala Kangsar. Pengkaji merumuskan Kuala Kangsar sebagai kawasan peralihan dialek dan masih dapat mempertahankan ciri-ciri sejati dialek Perak.

Kajian oleh Nur Habibah, Rahim Aman dan Shahidi (2019), pula memfokuskan varian Hulu Perak Utara (HPU) yang ditinjau dengan menggunakan kaedah geografi dialek. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Aspek yang dikaji untuk penyelidikan ini adalah sistem fonologi dan leksikal varian HPU untuk melihat ciri linguistik bagi setiap varian yang wujud di HPU. Hasil analisis kajian yang pertama ialah wujud kesejajaran fonologi bagi vokal dan konsonan dalam varian HPU. Hasil kajian yang kedua ialah data leksikal memperlihatkan yang sangat berlainan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain, bahkan sering berlaku tumpang tindih antara kawasan. Hasil ketiga ialah varian di HPU dibahagikan kepada tiga kelompok kawasan yang masing-masingnya mempunyai ciri linguistik yang berbeza antara satu sama lain. Varian HPU mempunyai keunikan yang tersendiri berdasarkan penyesuaian daripada penutur tempatan terhadap dialek yang diterima dan jelas berlakunya pergerakan dalaman di dalam kawasan HPU.

Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah (2020) yang mengkaji kepelbagaian dialek yang ada di Perak berdasarkan data leksikal 'air', 'bantal' dan 'saya'. Pengumpulan data dibuat menerusi kajian lapangan di 102 buah kampung, iaitu meliputi seluruh negeri Perak. Pengkaji menyaring, transkripsi dan menganalisis data kajian menggunakan pendekatan *Geographical Information System* (GIS). Dapatan analisis menunjukkan bahawa generasi tua yang tidak berpendidikan dan bekerja kampung ataupun suri rumah didapati lebih mengekalkan penggunaan varian asli dialek Perak berbanding dengan generasi mudanya. Pengkaji merumuskan pengaplikasian GIS telah membantu menghasilkan peta taburan bagi ketiga-tiga leksikal di Perak secara jelas dan saintifik. Nor Hashimah Jalaluddin (2018), menghuraikan tiga aspek, iaitu penyebaran, kesan migrasi, isoglos baharu dan masa yang bersangkutan kajian dialek Melayu di Perak. Kajian ini telah mengaplikasikan perisian *Geographic Information System* (GIS) dalam melakarkan taburan dialek dan isoglos dengan tepat dan sistematik. Pengkaji memilih seramai 1500 responden dari seluruh negeri Perak dengan mengambil golongan tua, dewasa dan remaja sebagai responden. Hasil kajian mendapati wujud pelbagai varian sebutan bagi leksikal kata ganti nama, air dan bantal. Pengkaji juga membuktikan walaupun Kuala Kangsar dan Perak Tengah adalah pusat bagi dialek Perak asli, namun berlaku unsur-unsur keupudaran dalam kalangan generasi muda. Pengaruh daripada media massa, pendidika dan proses asimilasi telah menjadi faktor penyumbang kepada kehilangan bahasa dan dialek di Perak.


Selain itu, pengkajian dialek dalam penelitian dialek dalam linguistik juga pernah dibincangkan oleh Nurul Aini dan Fazal Mohamed (2018), yang mengkaji struktur kata kerja, dan mengkategorikan kerja kepada struktur kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif, dan menganalisis struktur kata kerja dalam dialek Perlis menggunakan Program Minimalis. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan merangkumi kajian lapangan iaitu kaedah temu bual dan kaedah analisis data menggunakan Program Minimalis. Seramai 5 orang responden dipilih yang merupakan penutur natif dialek Perlis. Dapatan kajian mendapati bahawa kata kerja yang wujud dalam dialek Perlis terbahagi kepada dua iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Struktur binaan ayat dalam dialek Perlis juga mempunyai persamaan dengan binaan ayat dalam bahasa Melayu iaitu subjek, kata kerja dan objek. Hasil analisis juga menunjukkan kata kerja dalam ayat-ayat dalam dialek Perlis memiliki fitur kala kini dan kala lepas. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan teori baharu iaitu Kerangka Minimalis ini mampu untuk menganalisis kata kerja yang wujud dalam dialek Perlis dengan sistematik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan:

- a. menganalisis representasi argumen mai berdasarkan semantik konseptual

KERANGKA TEORETIS



Rajah 2 Organisasi Reka bentuk Sejajaran TSK (Ray Jackendoff: 2011)

Langkah seterusnya adalah membincangkan perkaitan daripada semantik kepada sintaksis bagi gerak ruang dalam peringkat ujaran. Pemetaan ini bertujuan menunjukkan pemetaan makna gerak ruang dalam argumen kepada struktur sintaksis. Pemetaan sintaksis ini bukanlah sesuatu yang dilakukan secara keseluruhan pada peringkat tatabahasa, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada subsistem yang kecil, iaitu pemetaan makna gerak tersebut dalam struktur argumen frasa nama. Berdasarkan rumus yang dianjurkan oleh Culicover dan Jackendoff (2005), rangka pemetaan hubungan ini dilihat kepada prinsip fungsi utama (FU) dan fungsi argumen (FA)⁵ dalam ayat. Kedua-dua hubungan ini dapat digambarkan melalui rumus struktur di bawah:

Struktur Konseptual


Sintaksis

Fungsi Utama [Fungsi (Argumen₁.....Argumen_n);Petunjuk₁,.....} ↔ {FU....., U_j,.....}j

Fungsi Argumen [Fungsi.....X₁.....]j {YP,.....}j ^{default} ↔

Rangka struktur konseptual di atas menunjukkan simbol F sebagai Fungsi, Argumen sebagai *n* dan *p* sebagai Petunjuk. Pada peringkat ini, Fungsi akan diwakili sebagai kata kerja, Argumen diwakili oleh KN, dan Petunjuk selalunya diwakili oleh keterangan aspek seperti waktu. Rangka

pemetaan struktur ini dapat dijelaskan berdasarkan representasi garisan argumen seperti dalam Rajah 2 di bawah:



Rajah 3 Pemetaan Argumen

Langkah terakhir adalah membekal struktur pemetaan sintaksis dengan mematuhi Prinsip argumen atau petunjuk, iaitu simbol X merujuk kepada konstituens X yang terikat dengan konstituens j manakala struktur YP dengan X terikat dengan konstituens j. Kedua-dua prinsip hubungan ini mempunyai struktur yang terikat di antara struktur konseptual dengan struktur sintaksis. Sebagai contoh FU memerlukan fungsi semantik FA dalam pemetaan frasa sintaksis utama. Bagaimana pemetaan argumen hendak dikaitkan dengan skop kajian ini iaitu kata kerja gerak ruang? Apa yang hendak ditunjukkan oleh stuktur konseptual ini kepada kata kerja gerak ruang?

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian ini mengetengahkan kaedah kajian lapangan yang seterusnya membawa kepada data kajian. Dalam penelitian data kajian, aspek penting seperti jenis data, responden dan kaedah pengumpulan data adalah penting bagi menguruskan data tersebut. Keperluan data dari dialek Perak Utara ini memerlukan kajian lapangan dijalankan dan menemu bual responden secara bersemuka. Data tersebut seterusnya ditranskripsikan agar pemilihan data yang mempunyai leksikal gerak ruang bersifat arah dapat dianalisis.

DAPATAN


Jackendoff (2002) menyifatkan gerak bersifat arah berlaku apabila adanya perubahan tempat. Hal ini dijelaskan berdasarkan rumus struktur konseptual seperti jadual di bawah:

JENIS GERAK	KATEGORI ONTOLOGI
RUANG	(KONSTITUEN)
a. GERAK _{arah}	[PERISTIWA], [BENDA] dan [HALA]

Rajah 4 Rumus struktur konseptual gerak bersifat arah

b. Hang mai tido? sini duo tiga havi. (T10: 64:09 minit)

Berdasarkan ayat di atas (b) pemetaan kepada keseluruhan organisasi struktur konseptual digambarkan seperti di bawah:




Berdasarkan representasi di atas, menunjukkan hubungan pemetaan antara struktur fonologi, struktur konseptual dan struktur sintaksis. Berdasarkan ayat (b) di atas, menunjukkan representasi dalam struktur fonologi yang menunjukkan seperti:

Representasi fonologi

Fonologi : [[[[Hang] [mai] [tido?] [sini] [duo tiga haʋi]]]]

Representasi fonologi ayat di atas menunjukkan bahawa representasi frasa intonasi berdasarkan bunyi dengan menggunakan kosa kata standard iaitu entri [Hang] yang merujuk sebagai kata ganti nama pertama iaitu *awak*. Didapati terdapat dua entri [mai] dan [tido?] merujuk kepada kata kerja. Representasi entri pada kata kerja [tido?] ini juga menunjukkan pengguguran pada perkataan huruf ‘u’ digugurkan dan digantikan dengan huruf bunyi vokal [o] dan mempunyai hentian glotis [ʔ] diakhir kata. Bagi entri [duo] juga turut menunjukkan pengguguran huruf ‘a’ iaitu [a] vokal depan luas digugurkan dan digantikan dengan huruf bunyi vokal [o] dan entri [haʋi] menunjukkan pengguguran pada getaran [r] dan digantikan dengan geseran lelangit lembut [ʋ].

Representasi konseptual




Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (b), menerangkan peristiwa GERAK mempunyai tiga kategori semantik iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda, Hala dan Masa. Ketiga-tiga dekomposisi ini ditandai pada konstituen [Benda- Hang], [Hala- sini] dan [Peristiwa – lama juga]. Penentuan kepada fungsi [peristiwa GERAK] adalah berdasarkan peranan AKTOR iaitu *Hang* dan

Lakuan bagi menjawab soalan ‘Apa yang sedang berlaku?’ dan mempunyai jawapannya kepada *Hang mai tidur sini dua tiga hari*. Fungsi Peristiwa ini menunjukkan peranan FN yang bertindak sebagai [LAKUAN] bagi mengilustrasikan ‘Apa yang berlaku’ yang diinterpretasi sebagai [LAKUAN] manakala peranan [AKTOR] pula memainkan peranan sebagai karektor yang mempamerkan [LAKUAN].

Representasi rajah pohon

Berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi leksikal [mai] yang menunjukkan terdapat elemen GERAK_{arah} seperti rajah di bawah:



Representasi TSK di atas menunjukkan, terdapat tiga argumen yang terlibat iaitu [BENDA], argumen kedua adalah [HALA] dan [PERISTIWA-SITUASI] sebagai argumen ketiga. Argumen [BENDA] bertindak sebagai aktor kepada lakuan. Berdasarkan ayat di atas menunjukkan *Hang* diwakili sebagai sebagai Aktor yang berperanan menjelaskan lakuan yang dikelaskan di dalam fungsi peristiwa bagi menggambarkan perkara yang sedang berlaku. Dari segi representasi semantik, gerak *mai* diikuti dengan *tidur* berperanan sebagai adanya perubahan tempat yang digambarkan melalui penghalusan fungsi semantiknya seperti:


(c) Penghalusan fungsi semantik



Kedudukan argumen gerak *mai* ini dihubungkan oleh peranan [HALA] iaitu *sini* yang bersifat terikat begi menggambarkan berlakunya gerak bersifat hala. Walau bagaimanapun, struktur konseptual bagi gerak *mai* ini hanya dihubungkan dengan konstituen [BENDA] [HALA] dan

[SITUASI] di mana dari segi temantiknya, ayat ini menerangkan adanya hubungan pada peranan Tema dan Matlamat sebagai realisasi gerak *mai* sebagai gerak bersifat arah:

(d) Peranan tematik



Berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen pertama merujuk kepada *Hang* sebagai Aktor dan gerak *mai + lokasi* diwakili sebagai GERAK + lokasi yang menunjukkan peranan berlakunya perubahan tempat dan Matlamat yang diwakili oleh *sini*.

KESIMPULAN

Representasi semantik	Pencirian struktur konseptual	Gerak bersifat arah
Fungsi Peristiwa GERAK (X, Y)	[PERISTIWA _{GERAK}] [GERAK][SUBJEK] [SITUASI]	mai

Berdasarkan rajah 6 di atas menunjukkan bahawa leksikal gerak bersifat arah dalam dialek Perak Utara berdasarkan TSK, membentuk Fungsi Peristiwa GERAK (X, Y) dan membuktikan adanya gerak bersifat arah khususnya dalam perbezaan argumen seperti di dalam kategori ontologi [MASA], [SITUASI], [OBJEK RUJUKAN], [LOKASI] dan [HALA]. Hal ini menunjukkan peranan argumen gerak bersifat arah bukan sahaja terikat kepada peranan [HALA] dan [LOKASI] sebagai indikator berlakunya perubahan gerak semata-mata malah juga merujuk kepada gerak itu pada titik akhir yang tidak jelas dengan merujuk kepada konstitues [MASA] dan [SITUASI]. Hubungan argumen yang memetakan struktur Sumber kepada KN dan Tema yang juga merujuk KN disimpulkan kelima-lima argumen gerak bersifat arah ini memerlukan FN sebagai frasa utama pada tatatingkat struktur argumen dan sintaksis dan gerak bersifat arah sebagai permintaan FK di dalam argumen.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (1991). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Chomsky, Noam. (1957). *Syntactic structure*. Mouton: The Hague.
- Chomsky, Noam. (1965). *Aspect s of the theory of syntax*. Cambridge: MIT Press.
- Chomsky, Noam. (1972). *Studies on semantics in generative grammar*. Mouton: The Hague.
- Chomsky, Noam. (2002). *On nature and language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cullicover, P.W. (1972). *OM sentences: On the derivation of sentences with systematically unspecifiable interpretation*. Oxford: Cambridge Mass.
- Cullicover, P.W. (1997). *Principle and parameters: An introduction to the theory of government and binding and its parameters*. Oxford: Oxford University Press.
- Cullicover, P. W. (1999). *Syntactic nuts. Hard cases in syntax*. Oxford: Oxford University Press.
- Cullicover, P.W. & Jackendoff, Ray. (1995). Something else for the binding theory. *Linguistic inquiry* (26): 249-75.
- Cullicover, P.W. & Nowak, A. (2002). *Markeness, antisymmetry and the compexcity of construction*. Amsterdam: Benjamins Publisher.
- Cullicover, P.W. (2003). *Dynamical grammar*. Oxford: Oxford University Press.
- Fazal Mohamed dan Nur Affika (2020). Kata kerja bantu dialek Kelantan: Analisis kerangka program minimalis. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Vol. 8 (2), 1-15.
- Folli, R. & Ramchand, G. (2005). Prepositions and results in Italian and English. An Analysis from event decomposition. *Perspective on aspect*, Academic Publisher. (81-105). Gail McKoon and Talke Macfarland. 2000. Externally and internally caused change of state verbs. *Journal of Language* 76(4): 833-858
- Jackendoff, Ray. (1972). *Semantic Interpretation in generative grammar*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1977). *X-Bar syntax*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1983). *Semantics and cognition*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1987). *Consciousness and the computational mind*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1990). *Semantic structure*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1992). *Language of the mind*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1992). *Parts and boundaries. Lexical and conceptual semantics*, penyunting oleh Beth Levin dan Steven Pinker. Cambridge: Blackwell MA.
- Jackendoff, Ray. (1993). *Patterns in the mind: Language and human nature*. New York: Harvester.
- Jackendoff, Ray. (1994). *Pattern in the mind. Language and human nature*. New York: Basic Book.
- Jackendoff, Ray. (1996). Conceptual semantics and cognitive linguistics. *Journal of Cognitive Linguistics* (7): 93-129.

- Jackendoff, Ray. (1996). How language help us think. *Journal of Pragmatic and Cognitive* (4): 93-129.
- Jackendoff, Ray. (2002). *Foundations of language: brain, meaning, grammar, evolution*. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2005). *The architecture of the language faculty*. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. & Cullicover, P.W. (2005). *Simpler syntax*. New York: Oxford University Press.
- Jackendoff, Ray. (2007). *Language of the mind: Essays on mental representation*. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2011). *Meaning and the lexicon: The parallel archicture 1975-2010*. London: MIT Press.
- James, H-Y Tai. (2004). Conceptual structure and conceptualization in Chinese. *International Symposium on Chinese Language and Language and Linguistic 9th*. 19-21 James, H-Y Tai. 2004. Conceptual structure and conceptualization in Chinese. *International Symposium on Chinese Language and Language and Linguistic 9th*. 19-21
- Kamus Dewan*. (2010). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2011). Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Dalam Kesultanan Negeri Perak. *Jurnal SARI* 29, 3-35.
- Maslida Yusof. (2010). Analisis situasi gerak bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. 11 (1):1-1.
- Maslida Yusof. (2010). Perkaitan semantik kata kerja bahasa Banjar Kuala: Satu analisis varian Kuin, Banjarmasin. *Jurnal Melayu*. 5(1): 87-102.
- Maulana Al-Fin Bin Che Man & Fazal Mohammed Mohammed Sultan (2020). Ayat Selapis Dalam Dialek Perlis Menggunakan Kerangka Minimalis. *Jurnal Lingusitik* 24 (1) .(001-018).
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norli Safina Mohd Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. (2016). Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS) . *Jurnal GEMA Online®* (1), 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah & Harishon Radzi. (2020). Dialektologi dan GIS.Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Halim & Khairul Ashraf Saari. The continuum of Terengganu dialect along the East Coast: A geolinguistics analysis. *Journal of Nusantara Studies*, 6 (1), 176-198.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi & Norlisafina Sanit. 2016. Varian Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *Jurnal GEMA Online®* 16 (1), 109-12.

Nur Habibah, Rahim Aman dan Shahidi (2019), Dialektologi Hulu Perak Utara: Implementasi Sinkronik. *Jurnal Linguistik*, 23 (2), 61-82).

Nurul Aini dan Fazal Mohamed (2018), Kata Kerja dalam dialek Perlis: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana* 2 (3), 1-14.

Siti Noraini Hamzad dan Nor Hashimah (2018), Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(2), 2018: 69 – 82.

Van Valin, R. 1997. *Syntax: structure, meaning and funtion*. Cambridge: University Press.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Majlis_Daerah_Kerian

PERBANDINGAN ASPEK MORFOLOGI DALAM HIKAYAT MELAYU KLASIK DAN NOVEL MELAYU MODEN

Faridah binti Nazir (PhD)

fidafn@iium.edu.my

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Hub Pendidikan Pagoh, Muar, Johor

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian perbandingan menggunakan analisis kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan dilakukan terhadap naskhah Bahasa Melayu Klasik, iaitu Hikayat Malim Deman, naskhah Bahasa Melayu Moden melalui novel Ombak Rindu dan dibandingkan dengan ciri-ciri morfologi yang dikemukakan dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011). Pengkaji menganalisis kedua-dua karya yang dipilih berdasarkan buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011) untuk aspek morfologi yang terdiri daripada (i) imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong, bentuk fleksi, dan (ii) perkataan, iaitu kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda. Dapatan kajian tentang ciri-ciri morfologi dalam novel Ombak Rindu menunjukkan bahawa terdapat penggunaan imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong, bentuk fleksi, kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda. Dapatan ciri-ciri morfologi dalam Hikayat Malim Deman pula adalah lebih kompleks dengan penggunaan kata pangkal ayat yang klise dan kuno; laras bahasa istana; kata penegas pun dan lah; perkataan berunsur Arab; penggunaan kata tunjuk, kata hubung dan kata bantu; penggunaan imbuhan awalan, apitan dan akhiran, kelainan penggunaan imbuhan serta kosa kata bahasa Melayu klasik

Kata kunci: *Bahasa Melayu Klasik; Bahasa Melayu Moden; Ciri-ciri Morfologi; Hikayat Malim Deman; Novel Ombak Rindu*

PENGENALAN

Bahasa Melayu telah tersebar sejak awal lagi ke beberapa daerah di rantau Asia Tenggara. Hal ini dibuktikan melalui penemuan prasasti di pelbagai tempat di Asia Tenggara. Bahasa Melayu yang tersebar ini berkembang secara berperingkat-peringkat, iaitu dari satu zaman ke zaman. Menurut Amat Juhari Moain (1994), kita dapat membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada lima zaman, iaitu zaman bahasa Melayu purba, zaman bahasa Melayu kuno, zaman Bahasa Melayu Klasik, zaman Bahasa Melayu pramoden dan zaman Bahasa Melayu Moden.

SOROTAN LITERATUR

Tidak dinafikan terdapat perbezaan antara Bahasa Melayu Klasik dengan Bahasa Melayu Moden daripada sudut perkataan (morfologi) dan ayat (sintaksis). Bahasa Melayu Klasik menggantikan bahasa Melayu kuno. Peralihan bahasa Melayu kuno kepada Bahasa Melayu Klasik berkait dengan kedatangan Islam ke Asia Tenggara pada abad ke-13. Bahasa Melayu Klasik terdapat dalam karya prosa Melayu lama seperti hikayat, cerita dongeng, bahasa istana dan gurindam. Contoh perkataan Bahasa Melayu Klasik yang terkandung dalam hikayat contohnya dalam bab 1, halaman 5 Sulatul Al-Salatin (1979), iaitu terbangkit, ratna mutu manikam, orang besar-besar. Perkataan terbangkit dalam Bahasa Melayu Moden bermaksud bangun, ratna mutu manikam bermaksud berbagai-bagai intan permata dan orang besar-besar bermaksud orang yang berjawatan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

Antara contoh ayat Bahasa Melayu Klasik pula ialah ‘Maka dikawinkan Nabi Khidir anak Raja Kida Hindi dengan Raja Iskandar atas syari’at Nabi Ibrahim Khalilullah, di hadapan segala mereka yang tersebut itu’ (Sulatul al-Salatin, 1979). Berdasarkan Bahasa Melayu Moden (Kamus Dewan Edisi Keempat), ayat klasik di atas bermaksud ‘Nabi Khidir telah mengahwinkan anak Raja Kida Hindi dengan Raja Iskandar mengikut hukum Islam yang diperintahkan oleh Nabi Ibrahim Khalilullah. Syari’at bermaksud hukum Islam (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Kajian ini terbatas kepada tiga perkara utama, iaitu (a) perbezaan konsep Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden, (b) analisis perbandingan aspek morfologi untuk satu naskhah Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden, (c) naskhah Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden yang dipilih, dan (d) ciri-ciri morfologi yang digunakan dalam kajian ini.

Sebagai permulaan kajian, konsep Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden dibandingbezakan dalam bahagian definisi. Perbezaan kedua-dua konsep ini diberi penekanan khusus pada ciri-cirinya. Seterusnya, pengkaji menganalisis perbezaan ciri-ciri Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden untuk dua naskhah yang berbeza. Naskhah yang berbeza ini merujuk kepada satu naskhah Bahasa Melayu Klasik yang dipilih, iaitu Hikayat Malim Deman, manakala naskhah Bahasa Melayu Moden yang dipilih ialah novel Ombak Rindu karya Fauziah Ashari.

OBJEKTIF

Kajian ini mempunyai tiga objektif seperti berikut:

- (a) Menganalisis ciri-ciri morfologi dalam naskhah Bahasa Melayu Klasik dan naskhah Bahasa Melayu Moden dengan terperinci berdasarkan buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011).
- (b) Membanding beza ciri-ciri bahasa dalam naskhah Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden berdasarkan aspek morfologi berdasarkan buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011).
- (c) Meneliti sama ada ciri-ciri morfologi berdasarkan buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011) dipatuhi dalam naskhah Bahasa Melayu Klasik dan naskhah Bahasa Melayu Moden yang dipilih.

KERANGKA TEORETIS

Kajian dilakukan dengan menganalisis kedua-dua karya yang dipilih berdasarkan buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011) untuk aspek morfologi. Aspek morfologi yang dikaji tersebut berdasarkan buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011), iaitu (i) imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong, bentuk fleksi, (ii) perkataan, iaitu kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu kajian perbandingan yang menggunakan analisis kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan dilakukan terhadap naskhah Bahasa Melayu Klasik, iaitu Hikayat Malim Deman, naskhah Bahasa Melayu Moden melalui novel Ombak Rindu dan dibandingkan dengan ciri-ciri morfologi yang dikemukakan dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011).

Kaedah Analisis Kandungan

Terdapat pelbagai definisi yang diberi oleh pengkaji barat tentang kaedah analisis kandungan. Walizer dan Wienir (1978), mendefinisikannya sebagai suatu kaedah sistematik untuk menganalisis kandungan sesuatu maklumat yang dirakamkan. Kerlinger (1986) pula mendefinisikan kaedah analisis kandungan sebagai suatu teknik mengkaji dan menganalisis komunikasi secara sistematik

dan objektif. Sistematis di sini bermaksud kandungan yang dikaji dipilih dengan betul dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Objektif pula bermaksud, analisis kandungan yang dilakukan adalah tepat dan tidak dipengaruhi oleh unsur lain seperti pandangan pengkaji atau orang lain yang tidak berkenaan.

Melalui kajian ini, analisis kandungan yang dilakukan melibatkan data daripada petikan naskhah Bahasa Melayu Klasik, iaitu Hikayat Malim Deman dan naskhah Bahasa Melayu Moden, iaitu novel Ombak Rindu. Pengkaji mengkaji keseluruhan kandungan kedua-dua naskhah tersebut untuk meneliti ciri-ciri morfologi dan sintaksis yang terdapat dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011). Seterusnya, pengkaji memaparkan dapatan berupa ciri-ciri morfologi dan sintaksis yang digunakan dalam naskhah Bahasa Melayu Moden dan naskhah Bahasa Melayu Klasik tersebut secara perbandingan. Pengkaji turut memilih halaman yang sesuai daripada kedua-dua naskhah tersebut sebagai data kajian.

DAPATAN

Analisis morfologi yang dilakukan terhadap novel Ombak Rindu menunjukkan bahawa, terdapat penggunaan imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong, bentuk fleksi kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda.

Imbuhan Awalan

Imbuhan awalan ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian hadapan kata dasar. Berdasarkan novel Ombak Rindu, imbuhan awalan didapati banyak digunakan oleh pengarang yang meliputi imbuhan awalan untuk kata nama, imbuhan awalan untuk kata kerja dan imbuhan awalan untuk kata adjektif. Imbuhan yang digunakan dapat dilihat melalui Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Imbuhan awalan dalam novel Ombak Rindu

	Kata Nama	Contoh Perkataan
Awalan	pe- 1 pe- 2 pem- pen- peng- penge-	
	pel- peR- ke- juru-	pelukis (246), peminat (248), pelakon (308), penasihat (291) pemandu (223), penenang (310), pemandu (223),
	Kata Kerja	Contoh Perkataan
Awalan	me- mem- men- meng- menge- memper- ber- bel- ter-	Merenung (3), merancang (5), merampas (6), memandang (3) menjamah (7), mencengkam (8), mencekak (6) - - - berhenti (4), berjimat (5), berjalan (7), berjaya (8), berjumpa (8) - terhenti (6),tersenyum (8),terjadi (9),tersengih (13),terketar (14)

di-	dicari(11),dibuat(12),ditangkap (12),dimakan(246),dipujuk (248)
diper-	-
Kata Adjektif	Contoh Perkataan
Awalan ter-	
se-	seindah (346), seingat (384), seimbang (148)

Imbuhan Akhiran

Imbuhan akhiran ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian belakang kata dasar (sesudah kata dasar) dalam pemakaian. Imbuhan akhiran terdapat pada kata nama dan kata kerja. Berdasarkan novel Ombak Rindu, imbuhan akhiran juga digunakan oleh pengarang dalam penulisannya. Selain imbuhan asli bahasa Melayu, imbuhan pinjaman juga digunakan namun penggunaan imbuhan akhiran pinjaman tidak begitu meluas. Contoh imbuhan akhiran dapat dilihat daripada Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Imbuhan akhiran dalam novel Ombak Rindu

Kata Nama	Contoh Perkataan	Kata Kerja	Contoh Perkataan
Akhiran -an	simpanan (5), alunan (10) senyuman (13), cengkaman (13), makanan (147) bayangan (72)	-kan	hentikan (73) rindukan (354) tinggalkan (379)
		-i	dengari (370) cintai (415)
-wan	wartawan (335)		

Imbuhan Apitan

Imbuhan apitan ialah imbuhan yang ditambahkan serentak pada bahagian hadapan dan belakang kata dasar. Imbuhan apitan boleh terbentuk pada kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Imbuhan apitan dalam Ombak Rindu dapat kita lihat daripada Jadual 3 di bawah. Imbuhan apitan untuk kata kerja menyeluruh penggunaannya oleh pengarang berbanding imbuhan apitan kata nama.

Jadual 3

Imbuhan apitan dalam novel Ombak Rindu

Imbuhan	Kata Nama	Contoh Perkataan
Apitan	ppe-....an1 ppe-....an2 ppem-....-an ppen-.....-an ppeng-....-an ppenge-....-an pper-....-an kpe-....-an	pembesaran (148), pembohongan (347) pendengaran (392), penjelasan (437) pengambilan (241), pengumuman (240) - perjanjian (4), permainan (147), pertemuan (150) - -

Imbuhan	Kata Kerja	Contoh Perkataan
Apitan	me-...-kan	menafikan (238), melakukan (3), melepaskan (149),
	mem-....-kan	membiarkan (149), memejamkan (221), membuktikan (236)
	men-...-kan	mentertawakan (146), mencurigakan (148), menjatuhkan (253)
	meng-....-kan	mengalihkan(4), menggalakkan(5), mengiakan
	menge-....-kan	(235),menghasilkan (240)
	ber-...-kan	mengejutkan (235), mengembalikan (146), mengerdipkan
	ber-...-an	(235)
	di-....-kan	berdasarkan (246), berulamkan (248), bersulamkan (450)
	me-...-i	berpandangan (72), beriringan (226), berpeleseran (229)
	mem-...-i	dilaksanakan (4), dipedulikan (72), dibiarkan (145)
	men-...i	melingkari (79), menutupi (145), menikahi (149),
	meng-...-i	memasuki(235)
	menge-...-i	membelakangi (229), membolosi (241), membelakangi (251)
	di-...-i	mendekati (229), mencintai (210), menyedari (72), menemani
	memper-..-kan	(13)
memper-.....-i	mengamati(73), mengiringi(224), mengelilingi(229),	
ke-...-an	menghampiri(235)	
diper-....-kan	-----	
diper-...-i	ditakuti (220), dibintangi (243), dimiliki (254), diselangi (230)	
	mempersoalkan(276), memperkenalkan(254),	
	mempersiapkan(392)	
	di-....kan	diperkatakan (9), dipersalahkan (11), dipertemukan (224)
Imbuhan	Kata Adjektif	Contoh Perkataan
Apitan	ke-.....-an	kesedihan (248), kehilangan (150), ketakutan (12)

Imbuhan Sisipan

Imbuhan sisipan ialah imbuhan yang hadir pada celahan kata dasar. Sisipan terbahagi kepada empat iaitu *er-*, *el-*, *em-* dan *in-*. Contohnya *el-* dalam *telunjuk*, *em-* dalam *gemuruh*, *er-* dalam *serabut* dan *in-* dalam *sinambung*. Dalam novel *Ombak Rindu* imbuhan sisipan yang terhad digunakan oleh pengarang seperti dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4

Imbuhan sisipan dalam novel *Ombak Rindu*

Imbuhan	Kata Adjektif	Contoh Perkataan
Sisipan	em	gementar (4), gemilang (328), gemerlap (335)

Pembentukan Kata

Pembentukan kata merujuk cara bagaimana sesuatu perkataan terbentuk dalam sesuatu bahasa. Dalam konteks bahasa Melayu, pembentukan kata adalah proses mengolah unsur-unsur bahasa tersebut sehingga menjadi perkataan yang boleh diujarkan dan difahami oleh penuturnya. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011), terdapat empat bentuk kata asas dalam bahasa Melayu iaitu bentuk kata tunggal, bentuk kata terbitan, bentuk kata ganda dan kata majmuk. Sehubungan itu, berdasarkan novel *Ombak Rindu* terdapat aspek pembentukan kata dari aspek kata tunggal dan kata terbitan.

Bentuk Kata Tunggal

Kata tunggal ialah perkataan yang paling dasar dan tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak mengalami proses penggandaan dan perangkaian. Berdasarkan novel *Ombak Rindu* terdapat pelbagai kata tunggal satu suku kata, dua suku kata dan tiga suku kata atau lebih seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5

Bentuk kata tunggal dalam novel *Ombak Rindu*

Kata Tunggal	Satu Suku Kata	Dua Suku Kata	Suku Kata	Tiga Suku Kata Atau Lebih
Kata Nama	wang (48)	malam (3) pagar (51) rumah (51) tempat (47)		kereta (52) lelaki (9) isteri (11)
Kata Kerja		kerja (3) pakai (7) hantar (27) duduk (33) buat (52) datang (27)		
Kata Adjektif		kaya (3) kotor (27) mewah (31) pantas (31) lembut (31) rindu (48)		gembira ((12) ceria (27)

Kata Terbitan

Kata terbitan ialah perkataan yang terbentuk melalui proses pengimbuhan, iaitu dengan menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Imbuhan terbahagi kepada empat jenis, iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan dan terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Sehubungan itu, berdasarkan novel *Ombak Rindu*, bentuk kata terbitan begitu produktif penggunaannya. Terdapat penggunaan kata terbitan awalan, apitan dan akhiran yang amat ketara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Namun, tiada penggunaan kata terbitan sisipan yang digunakan oleh pengarang.

Jadual 6

Bentuk kata terbitan dalam novel *Ombak Rindu*

Kata Terbitan Awalan	Contoh Perkataan
Kata nama	pelakon (328), penyelia (330), pemilik (10), penyelamat (11), pengunjung (13), pelacur (15)
Kata kerja	dipaksa (15), berlutut (15), mengalir (15), termenung (30), memasak (31), memuji (31), diatur (4), dimamah (6)
Kata adjektif	terguris (47), secucuk (51), secantik (224), terluka (523), terkesima (326), terpana (99), terpaksa (327) selantang (4)

Kata Terbitan Akhiran	Contoh Perkataan
Kata nama	masakan (38), dentuman (39), harapan (45), tambahan (47), deraian (48), latihan (49), senyuman (11), genggaman (13), cengkaman(13), pandangan (4), habuan (4)
Kata kerja	inginkan (6), siapkan (4), bagaikan (9), ucapkan (11), nakkan (13), selamatkan (15), perlukan (16) serahkan (160), takutkan (17).
Kata Terbitan Apitan	Contoh Perkataan
Kata nama	pengetahuan (38), persoalan (39), kelihatan (51), persahabatan (224), kehidupan (324), kejernihan (324), persinggahan (81), penglihatan (99), keimanan (22), pemasalahan (22), kedatangan (24)
Kata kerja	mengingati (38), mengelilingi (41), dihabiskan (47) menghambakan (47), dilakukan (47), dipertemukan (224), merelakan (323), memperlengkapkan (324), mengenali (24), merosakkan (33), memejamkan (33)
Kata adjektif	kebiruan (229), kepanasan (244)

Kata Ganda

Kata ganda terbentuk daripada kata yang digandakan sama ada sebahagian atau seluruhnya. Kata ganda terdiri daripada kata ganda seluruh, kata ganda separa, kata ganda berirama dan kata ganda berimbuhan. Dalam novel *Ombak Rindu*, penggunaan kata ganda agak ketara kerana hampir kesemua bentuk digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan mesej seperti dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7

Bentuk kata ganda dalam novel *Ombak Rindu*

Kata Ganda	Contoh Perkataan
Seluruh perkataan	kata-kata (4), manik-manik (15), lumpur-lumpur (17), senang-senang (19), tiba-tiba(24), tugas-tugas (48), pokok-pokok (53), sedar-sedar(63), rapat-rapat (74), suka-suka (104), kucing-kucing (119), betul-betul(123)
Separu Berentak	Tiada
Berirama	Hutang-piutang (8), hiruk-pikuk (10), serta-merta (15) Kelam-kabut (55), mundar-mandir (66), gundah-gulana (76), remeh-temeh (82), segan-silu (84), lauk-pauk (98), hingar-bingar (192), gerak-geri (209)
Berimbuhan	Terkulat-kulat (3), teresak-esak (4), berterus-terang (5), berjingkit-jingkit (5), perlahan-lahan (19), tumbuh-tumbuhan (51), memicit-micit (60), terhenjut-henjut (73), tenguk-tengukkan (60), sambar-menyambar (140).

Kata Majmuk

Kata majmuk terbentuk dengan merangkaikan kata dasar atau lebih dengan makna baharu. Kata majmuk dalam bahasa Melayu merupakan satu unit yang biasanya dieja secara terpisah. Dalam novel *Ombak Rindu*, pengarang memasukkan ayat majmuk dan paling menonjol kata majmuk simpulan bahasa seperti dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 8

Bentuk kata majmuk dalam novel *Ombak Rindu*

Kata Majmuk	Contoh Perkataan
Kata Majmuk Istilah Umum	air mata (4), jam dinding (5), tali pinggang (7), terima kasih (48), makan malam (48), sekolah rendah (46), luar negara (56), telefon bimbit (136), air kosong (138), pisang goreng (143), cermin mata (201), tanah air (220)
Kata Majmuk istilah khusus	tiang seri (3), wang simpanan (5), air badak (69), kertas kerja (134)
Kata Majmuk Simpulan Bahasa	ekor mata (6), pucuk muda (6), anak saudara (6), lupa diri (6) dunia (11), darah daging (12), seurat benang (13), sangkar indah (17), perempuan simpanan (17), awan kelabu (47), anak emas (46), anak tunggal (46), perempuan besi (52), barang kemas (61), dunia luar (61), naik angin (71) kaki perempuan (86), anak mata (98), mabuk cendawan (106), lumba haram (118)

DAPATAN CIRI MORFOLOGI HIKAYAT MALIM DEMAN

Analisis morfologi yang dilakukan terhadap Hikayat Malim Demam menunjukkan bahawa, terdapat penggunaan kata pangkal ayat yang klise dan kuno; laras bahasa istana; kata penegas *pun* dan *lah*; perkataan berunsur Arab; penggunaan kata tunjuk, kata hubung dan kata bantu; penggunaan imbuhan awalan, apitan dan akhiran serta kelainan penggunaan imbuhan; dan penggunaan kosa kata bahasa Melayu klasik.

Penggunaan Kata Pangkal Ayat yang Klise dan Kuno

Penggunaan kata pangkal ayat yang klise dan kuno agak meluas dalam Hikayat Malim Demam contohnya *sabermula*, *syahadan*, *maka*, *alkisah*, *hatta*, *arakian*, *kata sahibul hikayat*, *maka*, *tatkala* dan *adapun*. Secara perbandingan, penulisan dalam bahasa Melayu moden tidak memperlihatkan penggunaan kata pangkal ayat yang sebegini kerana ayat dimulakan dengan subjek. Sehubungan itu, Jadual 9 di bawah menunjukkan penggunaan kata pangkal ayat yang klise dan kuno.

Jadual 9

Penggunaan Kata Pangkal Ayat yang Klise dan Kuno

Hikayat Malim Deman	Bahasa Melayu Moden
<i>Sa-bermula</i> ,maka tersebutlah pula cerita Tuanku Malim Deman beradu di dalam hutan..... (<i>Hikayat Malim Deman m/s 1</i>)	<i>Tuanku Malim Deman</i> pun tidur bersama anjingnya di dalam hutan.

Laras Bahasa Istana

Hikayat Malim Deman didapati kerap menggunakan laras *bahasa istana*. Hal ini amat ketara dari segi penggunaan perkataan dan sistem panggilannya, manakala dalam sistem Bahasa Melayu Moden banyak menggunakan bahasa basahan yang ditulis, ditutur dan digunakan dalam kalangan rakyat biasa seperti dalam Jadual 10 di bawah.

Jadual 10

Laras Bahasa Istana

Hikayat Malim Deman	Bahasa Melayu Moden
TuanKu Malim Deman hendak berangkat ... (<i>Hikayat Malim Deman m/s 3</i>)	Perkataan <i>berangkat</i> ialah bahasa istana yang membawa maksud <i>pergi</i> atau <i>berkunjung</i> .
.. <i>disemayamkan</i> di atas takhta singgahsana kerajaan (<i>Hikayat Malim Deman m/s 41</i>)	Perkataan <i>disemayamkan</i> ialah bahasa istana yang bermaksudkan duduk
Hatta, maka baginda pun <i>bertitah</i> kepada Si Kembang Cina..... (<i>Hikayat Malim Deman m/s 40</i>)	Perkataan <i>bertitah</i> ialah bahasa istana yang bermaksud berucap.

Kata Penegas *Pun* dan *Lah*

Penggunaan kata penegas *pun* dan *lah* juga amat kerap digunakan dalam Hikayat Malim Deman. Contoh perkataan yang digandingkan dengan partikel *pun* dan *lah* ini adalah seperti *adapun*, *bermohonlah*, *tentera pun*, *berputeralah*, *Tuan puteri pun*, *TuanKu Malim Deman pun* seperti dalam Jadual 11 di bawah. Secara perbandingan, dalam bahasa Melayu moden kata penegas *pun* dan *lah* ini digunakan pada perkataan tertentu sesuai dengan kehendak ayat dan situasi.

Jadual 11

Kata Penegas *Pun* dan *Lah*

Hikayat Malim Deman	Bahasa Melayu Moden
<i>Adapun</i> sebab kami kemari dengan suruhan keramat wali Allah,.... (<i>Hikayat Malim Deman m/s 24</i>)	Dalam bahasa Melayu moden, perkataan <i>adapun</i> , boleh digugurkan tanpa menjejaskan ayat, iaitu memulakan ayat dengan <i>Kami datang</i>
....rakyat <i>tentera pun bermohonlah</i> kembali pulang ke rumahnya masing-masing. (<i>Hikayat Malim Deman m/s15</i>)	

Penggunaan Kata Tunjuk, Kata Hubung dan Kata Bantu

Teks Hikayat Malim Deman juga didapati menggunakan pelbagai kata tunjuk, kata hubung dan kata bantu. Kata tunjuk didapati sering digunakan secara berulang, iaitu itu, ini, dan sana. Kata tunjuk pula hanya digunakan untuk menerang atau menunjukkan sesuatu. Kata hubung juga banyak digunakan dalam Hikayat Malim Deman contohnya maka, sebab, dengan, seraya, tetapi, dan. Namun, terdapat juga kata hubung yang menyalahi hukum bahasa dalam bahasa Melayu moden yang diletakkan di hadapan ayat. Kata bantu telah didapati kerap digunakan dalam Hikayat Malim Deman, iaitu pada pangkal ayat secara berulang-ulang. Berbeza halnya jika dalam bahasa Melayu moden, penggunaan kata bantu telah lebih sesuai digunakan untuk membantu menunjukkan penegasan untuk kata kerja dalam ayat. Sehubungan itu, penggunaan kata tunjuk, kata hubung dan kata bantu dalam Hikayat Malim Deman ditunjukkan dalam Jadual 12 di bawah.

Jadual 12

Penggunaan Kata Tunjuk, Kata Hubung dan Kata Bantu

Hikayat Malim Deman	Bahasa Melayu Moden
Kata Tunjuk: Ayohai orang muda, dari manakah orang muda datang <i>ini</i> ? (<i>Hikayat Malim Deman m/s21</i>)	Struktur ayat tanya yang digunakan sudah dikira <u>lengkap tanpa penambahan kata tunjuk ini</u> .
Kata Hubung: <i>Tetapi</i> ia berjalan juga menyerahkan dirinya kepada Allah subhanahu wata'ala menempoh duri <i>dan</i> semak. (<i>Hikayat Malim Deman m/s 21</i>)	Perkataan <i>tetapi</i> di hadapan ayat tidak dibenarkan dalam struktur ayat bahasa melayu moden, manakala kata hubung <i>dan</i> bertepatan dengan binaan ayat dalam bahasa Melayu moden.
Kata Bantu: <i>Telah</i> didengar oleh Nenek Kebayan suara Tuan Puteri Bungsu itu, maka Tuanku Malim Deman disembunyikan (<i>Hikayat Malim Deman m/s 29</i>)	Nenek Kebayan <u>telah</u> menyembunyikan Tuanku Malim Deman

Penggunaan Imbuhan Awalan, Apitan, Akhiran dan Kelainannya

Berdasarkan analisis terhadap Hikayat Malim Deman didapati bahawa, imbuhan awalan, akhiran dan apitan telah digunakan. Imbuhan awalan yang digunakan ialah *-ter*, *-ber*, *-men*, *-per*, dan *meng*. Imbuhan akhiran yang digunakan pula ialah imbuhan *-an*, *-kan* dan *-i*, manakala imbuhan apitan yang digunakan ialah apitan kata nama, iaitu *pen-...an*, *per-...an*, *ke-...an*, apitan kata kerja, iaitu *men-...-kan*, *ber-...-kan*, *di-...-kan*, *meN-...-i*, *di-...-i*, *memper-...kan*, *memper-...-i*, *diper-...-kan* dan imbuhan kata adjektif, iaitu *ke-...an* seperti dalam Jadual 13 di bawah. Penggunaan imbuhan dalam Hikayat Malim Deman, adakalanya sama dan sesuai seperti penggunaannya dalam sistem Bahasa Melayu Moden tetapi ada ketikanya tidak menepati hukum morfologi yang sepatutnya.

Jadual 13

Penggunaan Imbuhan dalam Hikayat Malim Deman

Kata Terbitan Awalan	Contoh Perkataan
Kata nama	pengasuh (48)
Kata kerja	berpantun (32)
Kata adjektif	tersabar (22)
Kata Terbitan Akhiran	Contoh Perkataan

Kata nama	bumbungan (7), goyangan (10)
Kata kerja	turunkan (33),
Kata adjektif	sepian (1)
<hr/>	
Kata Terbitan Apitan	Contoh Perkataan
Kata nama	peraduan (3)
Kata kerja	berpatutan (1)
Kata adjektif	tersabarkan (32)

Kelainan Imbuan

Penggunaan imbuan ber pada perkataan berpantun adalah sesuai digunakan dalam ayat manakala penggunaan imbuan apitan ter dan kan digandingkan dengan sabar adalah tidak sesuai malah tidak perlu sama sekali contohnya dalam ayat *Rasanya tidak tersabarkan lagi*. Selain itu imbuan akhiran kata nama *-an* untuk *bumbungan* dan *goyangan* merupakan kelainan yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu moden. Selain itu, terdapat imbuan akhiran kata adjektif yang berbeza, iaitu *sepian* untuk menunjukkan kesepian. Begitu juga dengan penggunaan imbuan akhiran *-kan* dalam *turunkan* yang sepatutnya menggunakan imbuan apitan *me...kan*, iaitu *menurunkan*.

Penggunaan Kosa Kata Bahasa Melayu Klasik

Perbezaan daripada aspek penggunaan kosa kata juga jelas dapat dilihat berpandukan petikan Hikayat Malim Deman ini. Terdapat penggunaan kosa kata lama berbentuk klasik yang kerap, iaitu *kasai*, *mustaid*, *percintaan*, *terpermanai* dan sebagainya seperti dalam Jadual 14. Perkataan sebegini tidak ditemui dalam penulisan prosa moden kini kerana telah digantikan dengan perkataan baharu.

Jadual 14

Penggunaan Kosa Kata Bahasa Melayu Klasik dalam Hikayat Malim Deman

Hikayat Malim Deman	Bahasa Melayu Moden
Telah sudah lalu bersiram, langsung berlimau, berbedak, cukup <u>kasai</u> yang ketujuh (m/s 29)	<u>Kasai</u> dalam bahasa Melayu moden bermaksud bau-bauan yang digunakan untuk mencuci rambut atau bedak basah yang wangi untuk menggosok dan mengharumkan kulit badan.
Setelah sudah <i>mustaid</i> sekaliannya kepada masa ketika yang baik... (m/s 34)	<i>Mustaid</i> bermaksud selesai
..selama anakanda baginda hilang itu, sangatlah <i>percintaan</i> kedua laki isteri.	<i>Percintaan</i> bermaksud bimbang.
..penuh-sesak di dalam kota istana, tiada <i>terpermanai</i> banyaknya	<i>Terpermanai</i> - bermaksud amat atau sangat (11)

Perbincangan Dapatan

Analisis morfologi yang dilakukan terhadap novel Ombak Rindu menunjukkan bahawa, terdapat penggunaan imbuan, iaitu imbuan awalan, akhiran, sisipan, apitan, kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda. Analisis morfologi yang dilakukan terhadap Hikayat Malim Demam pula menunjukkan bahawa, terdapat penggunaan penggunaan kata pangkal ayat yang klise dan kuno; laras bahasa istana; kata penegas pun dan lah; perkataan berunsur Arab; penggunaan kata

tunjuk, kata hubung dan kata bantu; penggunaan imbuhan awalan, apitan dan akhiran serta kelainan penggunaan imbuhan; dan penggunaan kosa kata bahasa Melayu klasik.

Berdasarkan novel *Ombak Rindu*, penggunaan imbuhan amat ketara dan meliputi imbuhan awalan, akhiran dan apitan. Imbuhan awalan didapati amat kerap digunakan untuk kata nama, kata kerja dan kata adjektif, manakala imbuhan apitan dan akhiran kerap digunakan untuk kata nama dan kata kerja. Berlainan pula dengan Hikayat Malim Deman yang menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis imbuhan, iaitu awalan, apitan dan akhiran telah digunakan untuk kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Walau bagaimanapun, imbuhan sisipan amat terhad penggunaannya dalam novel *Ombak Rindu* dan tiada dalam Hikayat Malim Deman. Novel *Ombak Rindu* juga menunjukkan kelainan dengan penggunaan kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda yang amat terhad penggunaannya dalam Hikayat Malim Deman.

Berlainan pula dengan Hikayat Malim Deman, terdapat kelainan dalam penggunaan imbuhan yang tidak menepati tatabahasa bahasa Melayu misalnya, imbuhan ter dalam tersabar yang sepatutnya bersabar. Novel *Ombak Rindu* pula tidak menunjukkan sebarang kelainan atau kesilapan penggunaan imbuhan. Selain itu, sesuai dengan bahasa Melayu klasik yang digunakan, Hikayat Malim Deman menunjukkan penggunaan kata pangkal ayat yang klise dan kuno agak meluas contohnya sabermula, syahadan, maka, alkisah, hatta, arakian, kata sahibul hikayat, maka, tatkala dan adapun yang tidak terdapat dalam novel *Ombak Rindu* yang menggunakan bahasa Melayu moden. Hikayat Malim Deman juga didapati kerap menggunakan laras bahasa istana. Hal ini amat ketara dari segi penggunaan perkataan dan sistem panggilannya, manakala dalam sistem Bahasa Melayu Moden banyak menggunakan bahasa basahan contohnya bertitah, patik dan sebagainya. Hal ini berlaku disebabkan oleh, terdapat penceritaan yang melibatkan golongan raja yang memerlukan bahasa istana digunakan dalam Hikayat Malim Deman jika dibandingkan dengan novel *Ombak Rindu* yang merupakan kisah percintaan dalam kalangan rakyat biasa.

Sehubungan itu, sesuai dengan sifat bahasa Melayu klasik, Hikayat Malim Deman didapati kerap menggunakan kata penegas *pun* dan *lah* contohnya adapun, bermohonlah, tentera pun, berputeralah. Turut kerap digunakan ialah, kata tunjuk, kata hubung dan kata bantu. Kata tunjuk yang sering digunakan ialah *itu*, *ini* dan *sana*, manakala kata hubung yang digunakan secara berulang ialah *maka*, *sebab*, *dengan*, *seraya*, *tetapi*, dan. Kata bantu yang sering digunakan pula ialah *telah*. Namun, terdapat juga penggunaan kata hubung tetapi yang menyalahi hukum bahasa dalam bahasa Melayu moden yang diletakkan di hadapan ayat misalnya, Tetapi ia berjalan juga menyerahkan dirinya kepada Allah subhanahu wata'ala menempoh duri dan semak. Seterusnya, sesuai dengan bahasa Melayu klasik yang digunakan dalam Hikayat Malim Deman, pastinya terdapat penggunaan kosa kata bahasa Melayu lama seperti *kasai*, *mustaid*, *percintaan*, *terpermanai* yang tidak terdapat ataupun yang berlainan maksudnya jika dibandingkan dengan bahasa Melayu moden yang digunakan dalam novel *Ombak Rindu*.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, bahasa Melayu klasik dalam Hikayat Malim Deman dan bahasa Melayu moden dalam novel *Ombak Rindu* mempunyai ciri-ciri persamaan dan perbezaan. Ciri-ciri persamaan ditunjukkan melalui penggunaan imbuhan awalan, apitan dan akhiran dalam Hikayat Malim Deman dan novel *Ombak Rindu*. Selain itu, kedua-dua genre juga turut menunjukkan persamaan untuk kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda walaupun penggunaan kata majmuk dan kata ganda agak terhad dalam Hikayat Malim Deman. Sehubungan itu, ciri-ciri lain yang turut menunjukkan persamaan untuk kedua-dua genre ialah penggunaan kata penegas *pun* dan *lah*, kata tunjuk *itu*, *ini*, *sana*, kata hubung *maka*, *sebab*, *dengan*, *tetapi*, dan serta kata bantu *telah*. Akan tetapi, kata hubung *seraya* tidak digunakan dalam novel *Ombak Rindu* kerana kata hubung ini khusus untuk bahasa Melayu klasik.

Ciri-ciri perbezaan dalam kedua-dua genre pula ditampikan melalui penggunaan imbuhan yang lebih menyeluruh dalam Hikayat Malim Deman kerana melibatkan ketiga-tiga kata nama, kata kerja dan kata adjektif berbanding novel Ombak Rindu. Selain itu, penggunaan imbuhan sisipan yang terdapat dalam novel Ombak Rindu tidak ditemui penggunaannya dalam Hikayat Malim Deman. Sehubungan itu, Hikayat Malim Deman yang menggunakan bahasa Melayu klasik didapati turut menampilkan penggunaan kata pangkal ayat yang klise dan kuno; laras bahasa istana; perkataan berunsur Arab; kelainan penggunaan imbuhan; dan penggunaan kosa kata bahasa Melayu klasik yang tidak terdapat dalam novel Ombak Rindu.

RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad (1979), *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain (1994), *Sejarah Keagungan Bahasa Melayu*. Serdang: penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Amat Juhari, Moain & Abdul Rashid, Melebek. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Selangor: Utusan Publications & Distributors.
- Asmah Hj. Omar (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauziah Ashari, (2012). *Ombak Rindu*. Shah Alam: Grup Buku Karangraf.
- Ismail Hussein (1981). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim et.al (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pawang Ana dan Raja Haji Yahya (1983). *Hikayat Malim Deman*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Sinar Harian, 9 Disember 2011. Shah Alam: Grup Buku Karangraf.
- Walizer, Michael H. dan Paul L. Wienir (1978). *Research Methods and Analysis; Searching for Relationships*. New York: Harper & Row Publishers.

LEKSIS GENDER KEKELUARGAAN DALAM NOVEL TERPILIH A. SAMAD SAID: KAJIAN ANALISIS KOMPONEN MAKNA

Aminnudin Saimon (PhD)
Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Pagoh Edu Hub,
Johor.

Abstrak

Novel merupakan wadah untuk menyampaikan pengalaman atau pengamatan seseorang terhadap sesuatu kejadian atau peristiwa. Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk menerangkan makna leksis gender kekeluargaan dalam novel terpilih A. Samad Said. Masalah yang dikaji dalam penyelidikan ini ialah kebanyakan pengguna bahasa mengetahui penggunaan leksis gelaran kekeluargaan, namun makna sesuatu leksis kekeluargaan kurang difahami. Dalam penyelidikan ini juga memaparkan dua objektif yang utama, iaitu mengenal pasti leksis gender kekeluargaan dalam novel A. Samad Said dan menganalisis leksis gender kekeluargaan dalam novel A. Samad Said menggunakan teori analisis komponen. Hasil penyelidikan mendapati bahawa leksis gender lelaki kekeluargaan merupakan leksis gender yang paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 833, diikuti leksis gender perempuan sebanyak 499 dan leksis gender neuter sebanyak 80. Komponen makna leksis gender kekeluargaan yang mempunyai komponen makna yang hampir sama juga dapat dirangkaikan seperti leksis 'bapa', 'ayah', dan 'bapak'.

Kata kunci: *Leksis Gender, Kekeluargaan, Novel, A. Samad Said*

PENGENALAN

Gender merupakan kelamin kata (Lyons, 1993). Gender atau nama tradisionalnya, genus merupakan perkataan yang berasal daripada satu perkataan yang umum bermakna 'golongan' atau 'jenis' (*Romawi genus*) (Lyons, 1993). Dalam nahu tradisional, nama untuk ketiga-tiga genus yang terdapat dalam bahasa Indo-Eropah Klasik ialah 'maskulin', 'feminin' dan 'neuter' (Kempson, 1993). Untuk mudah memahami pengertian leksis gender, kata yang lebih mudah untuk mewakilinya ialah kosa kata yang digunakan untuk merujuk kepada jantina. Sebagai contoh, kata ayah yang merujuk kepada penggunaan jantina lelaki, kata ibu merujuk kepada jantina perempuan dan kata adik merujuk kepada gender neuter. Leksis gender ini dapat dikenal pasti komponen maknanya adalah berdasarkan pemaknaannya yang diperoleh melalui kamus dan konteks.

Teori Analisis Komponen merupakan satu teori yang dikemukakan oleh Katz dan Fodor yang digunakan untuk menentukan hubungan kekeluargaan (Abdullah Yusof, Adenan Ayob dan Mohd. Ra'in Shaari, 2014). Teori analisis komponen makna ini digunakan untuk menghuraikan kata-kata yang mempunyai hubungan makna antara satu dengan yang lain. Oleh hal yang demikian, teori analisis komponen bersesuaian dengan penyelidikan ilmiah ini yang mengkaji dari sudut perkataan untuk memperoleh makna sesuatu perkataan.

Indirawati Zahid & Jasminerah Abdul Jalil (2019) menyatakan bahawa leksis merupakan tahap analisis linguistik yang tidak bersifat fonologi atau tatabahasa, yang biasanya terdiri daripada butir kosa kata atau makna leksikal atau semantiknya dalam konteks tertentu. Dengan kata yang lebih mudah, leksis merupakan kosa kata yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Kata merupakan unit teristimewa khusus bagi nahu tradisional dan kata ialah asas bagi perbezaan yang sering dibuat antara morfologi dengan sintaksis dan juga merupakan unit utama dalam leksikografi (Lyons, 1993). Oleh hal yang demikian, leksis atau kata merupakan kosa kata yang digunakan dalam bahasa untuk membezakan sesuatu dan unsur terpenting dalam pembentukan ayat.

OBJEKTIF

Penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti lexis gender kekeluargaan dalam novel ASS dan menganalisis lexis gender kekeluargaan dalam novel ASS menggunakan teori analisis komponen. Terdapat pelbagai lexis gender kekeluargaan yang digunakan dalam novel terpilih ASS antaranya lexis 'ayah', 'emak', 'kakak' dan 'menantu'. Oleh hal yang demikian, perkataan kekeluargaan dalam novel terpilih ASS inilah yang hendak dianalisis dan ditentukan maknanya. Suhaidah Said, Siti Nurul Jannah Fital & Nor Suhaila Che Pa (2014) menyatakan bahawa lexis 'kakak' dalam budaya Indonesia merupakan lexis gender neuter kerana komponen makna yang dimiliki oleh lexis 'kakak' terdiri daripada [+abang], [+kakak], [+lelaki] dan [+perempuan]. Oleh hal yang demikian, komponen makna yang terdapat dalam gender kekeluargaan menarik untuk dikaji.

SOROTAN KAJIAN

Siti Farida Salleh et, al (2020) menjalankan kajian yang bertajuk Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor mendapati bahawa melalui pendekatan semantik leksikal, membolehkan pelbagai golongan leksikal yang berbeza dikelaskan dalam golongan makna yang sama. Novel merupakan salah satu medium komunikasi bukan lisan yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Melalui pembacaan novel, pembaca dapat merasai emosi yang pelbagai. Sama ada sedih, gembira, teruja dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini akan meneroka makna di sebalik novel yang bertajuk "Sangkar" oleh Samsiah Mohd. Nor. Novel ini diterbitkan pada tahun 2010 melalui penerbitan Alaf 21 Sdn. Bhd. Terdapat 248 muka surat dan 26 bab bagi novel ini. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu analisis teks yang telah dibukukan serta pendekatan kuantitatif mudah untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal dalam novel Sangkar ini. Bagi menganalisis novel ini pengkaji, akan mengaplikasikan pendekatan semantik leksikal. Melalui pendekatan semantik leksikal ini, pengkaji dapat mengelaskan jenis leksikal kepada sinonim, antonim, hiponim, polisim, homonim, homofon, homograf, metonim dan meronim. Melalui dapatan kajian ini, jumlah kekerapan dan peratusan bagi keseluruhan semantik leksikal ini mencatat nilai kekerapan sebanyak 1019 (100%) leksikal sahaja. Namun begitu, melalui novel ini, hanya terdapat pecahan semantik leksikal yang terdiri daripada antonim-442 (43.37%), sinonim-218 (21.39%), meronim-185 (18.15%) dan hiponim-174 (17.07%). Dapat dirumuskan bahawa, melalui pendekatan semantik leksikal ini, membolehkan pelbagai golongan leksikal yang berbeza dikelaskan dalam golongan makna yang sama.

Kajian bertajuk Kata Kerja, Hubungan Leksikal Dan Komponen Makna Dalam Bahasa Iklan Kecantikan yang dijalankan oleh Indirawati Zahid dan Jasminerah Abdul Jalil (2019) mendapati bahawa kelima-lima kelompok kata sinonim ini akhirnya membentuk tiga komponen makna bersama, iaitu [-mencukupi], [+ada] dan [-ada]. Kesimpulannya, komponen makna bersama ini telah menjadi asas pemilihan kata kerja dalam bahasa iklan. Dalam konteks iklan produk kecantikan wanita terdapat sejumlah kata kerja yang digunakan untuk mempengaruhi penggunaanya. Bagi memperlihatkan fungsi ini, analisis frekuensi, hubungan leksikal dan komponen makna kata kerja dilakukan pada slogan dan keterangan produk kecantikan dua syarikat ternama di Malaysia. Produk kecantikan tubuh, iaitu kecantikan dalaman dan luaran dikumpulkan mulai bulan Julai sehingga September 2018. Jumlah keseluruhan kata kerja ialah 233 kata. Antara metod yang diaplikasi, ialah syot layar, analisis frekuensi dan analisis teks. Analisis ini mempunyai dua objektif, iaitu mengenal pasti kata kerja yang lazim digunakan; dan menganalisis hubungan leksikal dan komponen makna kata kerjanya. Pengenalpastian kata kerja yang lazim dalam iklan bertitik tolak daripada perbincangan Leech (1966) manakala komponen makna berasaskan Nida (1979). Dapatan analisis memperlihatkan penggunaan kata kerja yang lazim disebabkan oleh faktor ketepatan makna dan kolokasi. Terdapat 18 kata kerja yang lazim dan membentuk lima kelompok hubungan leksikal, sinonimi. Kelima-lima kelompok kata sinonim ini akhirnya membentuk tiga komponen makna

bersama, iaitu [-mencukupi], [+ada] dan [-ada]. Kesimpulannya, komponen makna bersama ini telah menjadi asas pemilihan kata kerja dalam bahasa iklan.

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad et, al (2017) yang bertajuk *Leksikal Sinonim dalam Al Quran: Satu Analisis Fungsi Dan Kesan Semantik* mendapati bahawa konsep dan hubungan semantik antara leksikal sebagai asas untuk mengetengahkan peranannya secara linguistik terutamanya dalam al Quran. Sinonim merupakan salah satu fenomena linguistik yang menjadi perbincangan di kalangan ahli bahasa terutama isu kewujudannya dalam teks al Quran. Perkara tersebut menyebabkan sebilangan sarjana mengemukakan kategori dan ciri tertentu mengenai sinonim berdasarkan pandangan dan hujah masing-masing. Lanjutan daripada itu, kajian kualitatif ini memaparkan beberapa leksikal sinonim (LS) menurut perbincangan Himadah Muhammad (2007). Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti fungsi dan kesan semantik leksikal terhadap konteks ayat. Di samping itu, kajian juga mengklasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi melalui kata dasar dan bentuk asal untuk menampakkan kategori semantik. Justifikasi pandangan daripada sarjana al Quran juga diketengahkan sebagai validasi tafsiran. Kajian ini menerapkan teori *Analisis Komponen Makna* (AKM) sebagai panduan. Dapatan menunjukkan setiap LS dalam kajian ini mendokong perincian maksud yang khusus dan bukan sinonim. Ini kerana, LS yang wujud di dalam al Quran mempunyai nilai kesempurnaan, fungsi dan kesan tersendiri. Pemilihan perkataan juga selaras dengan kepentingan, justifikasi dan konteks ayat. Justeru, perbincangan yang dijalankan diharap menjelaskan konsep dan hubungan.

Sumalee Nimmanupap (1994) dalam kajiannya yang bertajuk *'Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai'* mendapati bahawa bentuk panggilan KGND kedua dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua jenis, iaitu dalam kalangan kerabat diraja dan oleh orang biasa. Bentuk panggilan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu adalah seperti *'bapa'*, *'ibu'*, *'datuk'* dan *'pak cik'*. Tujuannya adalah untuk mengeratkan pertalian dari segi umur, status, jantina dan ikatan perkahwinan. Daripada kajian yang dijalankan oleh Sumalee, walaupun beliau ada menyentuh mengenai bentuk panggilan kekeluargaan, namun beliau tidak menjelaskan makna bentuk panggilan kekeluargaan. Oleh hal yang demikian, masalah yang hendak dikaji ialah kebanyakan pengguna bahasa menggunakan panggilan kekeluargaan dalam keluarga, namun penjelasan mengenai makna panggilan kekeluargaan kurang dijalankan. Pemilihan novel daripada sasterawan negara A. Samad Said (seterusnya ASS) adalah kerana ASS berpegang pada fahaman realisme dan mempunyai pegangan kuat terhadap novel yang bersifat antihero. Abdullah Tahir (2007) menyatakan bahawa ASS mempunyai konsep dan kepercayaan kepada aliran realisme, manakala Sahlan Mohd. Saman (2007) menyatakan bahawa ada satu trend yang amat jelas menjadi pegangan ASS bahawa beliau berpegang kuat kepada jenis novel antihero. Novel yang menjadi pilihan penyelidik ialah novel *'Adik Datang (2012)'*, *'Di Hadapan Pulau (2000)'*, *'Langit Petang (1980)'* dan *'Sungai Mengalir Lesu (2005)'*.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan mempunyai fokus yang tertentu. Antara batasan kajian yang diberikan tumpuan adalah dari segi pemilihan leksis gender yang dikaji. Leksis gender yang menjadi tumpuan dalam penyelidikan ini ialah leksis gender kekeluargaan. Batasan ini dilakukan adalah kerana ingin memberi fokus kepada leksis gender kekeluargaan berbanding leksis gender yang lain antaranya gelaran, pekerjaan, bentuk panggilan dan kata ganti nama diri. Oleh itu, penyelidikan yang dijalankan juga memberi fokus kepada gender yang mewakili sesuatu leksis, iaitu gender lelaki, perempuan dan neuter. Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini hanyalah berfokuskan leksis gender dan gender yang mewakili sesuatu leksis.

Kaedah kajian merupakan suatu pendekatan yang digunakan bagi sesuatu kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang dipilih akan menentukan kesesuaian pemilihan sesuatu ujian statistik bagi menganalisis data kajian. Dalam penyelidikan ini, kaedah yang digunakan ialah

kaedah deskriptif, iaitu satu kaedah yang menghuraikan dan menerangkan sesuatu perkara. Selain itu, penyelidikan ini juga menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kajian yang dijalankan secara tinjauan terhadap novel ASS serta sumber-sumber di atas talian dan bahan-bahan bacaan yang lain untuk mengetahui lebih mendalam mengenai lexis gender kekeluargaan.

Bahan kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah menggunakan novel terpilih daripada sasterawan negara ASS. Novel yang dipilih ialah novel 'Adik Datang' (seterusnya AD), 'Di Hadapan Pulau' (seterusnya DHP), 'Langit Petang' (seterusnya LP) dan 'Sungai Mengalir Lesu' (seterusnya SML). Pemilihan novel daripada ASS adalah kerana ASS mengamalkan fahaman realistik dan berpegang teguh pada jenis novel antihero.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dalam konteks kajian ini adalah berdasarkan novel ASS yang dijadikan bahan kajian. Daripada pemilihan novel ASS pengkaji mendapati bahawa lexis gender kekeluargaan banyak digunakan dalam pelbagai konteks. Lexis gender kekeluargaan mempunyai makna yang bertindan dengan kategori yang lain seperti sistem panggilan. Walaupun terdapatnya pertindanan makna, namun sesuatu lexis itu dapat dibezakan dengan menggunakan analisis komponen makna. Dengan adanya teori ini, makna yang terkandung dalam lexis dapat dibezakan.

LEKSIS GENDER KEKELUARGAAN

Lexis gender kekeluargaan merupakan kosa kata yang digunakan dalam keluarga sama ada merujuk kepada lelaki, perempuan atau neuter. Hasil dapatan daripada novel terpilih ASS, mendapati bahawa lexis gender kekeluargaan banyak digunakan sama ada keluarga asas ataupun keluarga kembangan. Asmah Haji Omar (2009) menyatakan bahawa keluarga asas terdiri daripada 'pak', 'ayah', 'emak', 'abang', 'adik' dan 'kakak', manakala keluarga kembangan pula terdiri daripada 'datuk', 'nenek', 'pak cik', 'mak cik', 'cucu', 'cicit', 'menantu', 'mertua', 'ipar' dan 'tiri'. Oleh hal yang demikian, dalam objektif ini, penyelidik mengenal pasti penggunaan lexis gender kekeluargaan yang terdapat dalam novel terpilih ASS.

Keluarga Asas

Keluarga asas ini membawa pengertian keluarga utama dalam sesuatu organisasi kekeluargaan, iaitu terdiri daripada ayah, ibu, abang, kakak dan adik (Asmah Haji Omar, 2009).

Lexis Gender Lelaki

Dalam novel terpilih ASS mendapati bahawa penggunaan lexis gender lelaki dalam kategori kekeluargaan keluarga asas menunjukkan kekerapan penggunaan yang konsisten dan sering kali digunakan. Data di bawah menunjukkan penggunaan lexis gender lelaki kekeluargaan keluarga asas yang terdapat dalam novel terpilih ASS.

Data 1:

"...Betul bapa kau pulang?" dia bertanya. "betul?" Sakinah mengangguk-angguk... (SML, 2005: 155)

Data 2:

...Aziz sendiri sedapat-dapatnya tidak mahu mempercayainya kalau boleh (dan arwah ayahnya sendiri pernah menengkingnya kerana mempercayai sedemikian)... (DHP, 2000: 2)

Data 3:

...Seorang dua pula cuba mematahkan batang ubi, terkejut disergah seorang lelaki, mungkin abangnya... (LP, 1980: 56)

Data 4:

“...Jangan disusah-susahkan sangat soal bapak kita. Yang perlu kaujaga ialah diri kau sendiri. Jangan susah-susahkan sangat...”
 (AD, 2012: 4)

Berdasarkan Data 1, 2, 3 dan 4, leksis gender lelaki kekeluargaan digunakan dalam novel terpilih ASS. Berdasarkan keempat-empat data dan Jadual 1 yang dinyatakan, leksis ‘*abang*’ merupakan leksis yang paling banyak dan konsisten digunakan dalam novel terpilih ASS. Penggunaan leksis ‘*abang*’ yang digunakan berulang-ulang menunjukkan bahawa hubungan keakraban dalam sesebuah keluarga dipaparkan dalam novel terpilih ASS. Leksis ‘*abang*’ lazimnya digunakan dalam komunikasi antara adik dengan abang. Selain merujuk kepada bentuk panggilan, leksis ‘*abang*’ juga merujuk kepada saudara yang lebih tua daripada sendiri seperti yang terdapat pada Data 3. Asmah Haji Omar (2009) menyatakan bahawa ‘*abang*’ digunakan untuk ditujukan kepada laki-laki yang tidak setua ayah sendiri dan juga tidak semuda sendiri. Keempat-empat data yang disenaraikan mengandungi komponen makna yang sama, iaitu boleh digunakan sebagai bentuk panggilan. penggunaan keempat-empat data menunjukkan pola yang tidak sama, iaitu leksis ‘*ayah*’ dan ‘*bapak*’ tidak terdapat pada novel ‘*LP*’. Oleh hal yang demikian, perhatikan jadual di bawah yang menunjukkan kekerapan penggunaan leksis gender kekeluargaan keluarga asas.

Jadual 1. Nilai kekerapan penggunaan leksis gender lelaki kekeluargaan asas

Novel/leksis	Bapa	Ayah	Bapak	Abang
AD	2	83	11	177
SML	12	12	1	26
DHP	8	50	6	3
LP	5	0	0	3
Jumlah	27	145	18	209

Berdasarkan nilai kekerapan yang diperolehi seperti pada Jadual 1, hal ini menunjukkan bahawa leksis ‘*abang*’ dan ‘*ayah*’ paling banyak digunakan dalam novel AD, dan digunakan dalam keempat-empat novel. Hal ini menunjukkan bahawa leksis ‘*ayah*’ dan ‘*abang*’ mempunyai kepelbagaian komponen makna dan penggunaannya yang lebih meluas berbanding leksis ‘*bapa*’ dan ‘*bapak*’. Hal ini menunjukkan bahawa dalam menganalisis makna adalah adanya kenyataan bahawa tidak selalu ‘*yang menandai*’ dan ‘*yang ditandai*’ berhubung sebagai satu lawan satu, artinya setiap *tanda linguistik* hanya memiliki satu makna. Adakalanya hubungan itu berlaku sebagai satu lawan dua atau lebih (Datzman, 2017).

Leksis Gender Perempuan

Dalam leksis gender perempuan kekeluargaan keluarga asas, penyelidik mendapati bahawa leksis ‘*kakak*’, ‘*ibu*’ dan ‘*emak*’ digunakan dengan kerap dalam novel terpilih ASS. Oleh hal yang demikian, data di bawah menunjukkan penggunaan leksis gender perempuan kekeluargaan keluarga asas.

Data 5:

...Dalim yang sudah pun berenang menuju ke arah tikus yang gelisah itu terkejut mendengarkan teriakan kakaknya...”
 (SML, 2005: 4)

Data 6:

...Walaupun dia lebih dulu mengenali Zawiyah yang datang duduk bersama ibu dan ayah tirinya yang penjudi... (LP, 1980: 100)

Data 7:

“...Za, boleh jaga emak,” sampuk Zalifah.

“Ya, Za memang patut jaga emak...,” kata Mokhsen (AD, 2012: 6)

Berdasarkan Data 5, 6 dan 7, leksis gender kekeluargaan perempuan, iaitu leksis ‘ibu’ dan ‘emak’ digunakan saling berganti antara satu sama lain. Leksis ‘ibu’ dan ‘emak’ merupakan leksis gender perempuan kekeluargaan yang paling banyak digunakan dalam novel terpilih ASS berbanding leksis ‘kakak’. Antara ketiga-tiga leksis gender perempuan kekeluargaan yang digunakan dalam novel terpilih ASS, leksis ‘emak’ merupakan leksis yang paling kerap digunakan dan konsisten dalam novel terpilih ASS. Hal ini menunjukkan bahawa ASS memaparkan unsur bentuk panggilan kekeluargaan tradisional dalam novelnya. Nor Hashimah Jalaluddin et, al, (2005) menyatakan bahawa kebanyakan daripada responden dalam kajiannya memanggil ibu dengan panggilan ‘emak/mak’, iaitu sebanyak 71.3% atau 1062 orang daripada 1499 responden. Perhatikan Jadual 2 yang menunjukkan penggunaan leksis gender perempuan kekeluargaan ‘emak’, ‘ibu’ dan ‘kakak’ dalam novel terpilih ASS.

Jadual 2. Nilai kekerapan penggunaan leksis gender perempuan kekeluargaan ‘emak’, ‘ibu’ dan ‘kakak’.

Novel/leksis	Emak	Ibu	Kakak
AD	65	87	2
SML	118	15	10
DHP	57	32	15
LP	0	23	1
Jumlah	240	157	28

Berdasarkan Jadual 2, penggunaan leksis ‘emak’ menunjukkan kekerapan yang tinggi dan digunakan dalam keempat-empat novel terpilih ASS. Walaupun leksis ‘emak’ dan ‘ibu’ mempunyai pertindihan dan memiliki komponen yang hampir sama, namun ASS lebih gemar menggunakan leksis ‘emak’, terutamanya dalam bentuk panggilan seperti yang terdapat pada Data 7. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lebih mesra memanggil ibu dengan panggilan ‘emak/mak’ (Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalauddin, 2018).

Leksis Gender Neuter

Dalam leksis gender neuter kekeluargaan keluarga asas, hanya leksis ‘adik’ yang tergolong dalam gender neuter. Hal ini demikian kerana leksis ‘adik’ tidak merujuk kepada gender lelaki dan perempuan. Oleh itu, perhatikan Data 8, 9, 10 dan 11 mengenai penggunaan leksis gender neuter ‘adik’.

Data 8:

...Mokhsen merapati katil adiknya, memeriksa botol ubat di atas meja... (AD, 2012: 4)

Data 9:

...Masih sibuk menolong ibu dan adiknya, atau sibuk menggali lubang-lubang shelter...
(SML, 2005: 105)

Data 10:

...Tapi ini cepat dimatikan oleh ingatan dan kesedaran bahawa dua orang adiknya menjadi hamba rumahtangga...
(LP, 1980: 38)

Data 11:

...Dia hanya tahu dia mempunyai seorang adik di kampung, tapi dia tidak pernah menjumpainya...
(DHP, 2000: 1)

Data 8, 9, 10 dan 11 menunjukkan bahawa penggunaan leksis gender neuter kekeluargaan 'adik' dalam novel terpilih ASS. Penggunaan leksis gender neuter 'adik' menunjukkan nilai kekerapan yang tinggi dalam novel AD dan konsisten dalam keempat-empat. Hal ini demikian kerana ASS telah berjaya memaparkan ciri-ciri kemelayuan dalam bentuk panggilan kekeluargaan. S. Nathesan (2008) menyatakan bahawa leksis gender neuter 'adik' digunakan dalam bentuk panggilan dan kekerabatan dalam kekeluargaan. Perhatikan Jadual 3 mengenai penggunaan leksis gender kekeluargaan 'adik' dalam novel terpilih ASS.

Jadual 3. Penggunaan leksis gender neuter kekeluargaan 'adik'

Novel/leksis	Adik
LP	8
DHP	17
SML	11
AD	45
Jumlah	71

Berdasarkan Jadual 3, leksis gender neuter 'adik' banyak digunakan dalam keempat-empat novel. Panggilan umum 'adik' digunakan dalam masyarakat Melayu begitu meluas. Hal ini dinyatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et., all., (2005) dalam kajiannya, panggilan 'adik' dalam keluarga adalah meluas, iaitu sebanyak 26.3%. Hal ini menunjukkan bahawa ASS menggunakan leksis gender kekeluargaan 'adik' yang masih utuh digunakan sehingga ke hari ini.

Dapatan yang diperoleh daripada leksis gender kekeluargaan keluarga asas, penyelidik mendapati leksis gender perempuan 'emak' paling banyak digunakan, iaitu sejumlah 240 dalam keempat-empat novel, manakala leksis gender kekeluargaan 'abang' sebanyak 209. Berdasarkan dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa ASS menerapkan unsur kemelayuan dalam novelnya melalui leksis gender kekeluargaan.

Keluarga Kembangan

Keluarga kembangan merupakan ahli keluarga yang dikembangkan dan semakin meluas keturunannya (Asmah Haji Omar, 2009). Keluarga kembangan ini terdiri daripada datuk, pak cik, mak cik, sepupu, cucu, cicit dan seterusnya.

Leksis Gender Lelaki

Hasil penyelidikan yang dijalankan, leksis gender lelaki keluarga kembangan hanya merujuk kepada leksis 'datuk' dan 'pak cik'. Berdasarkan novel terpilih ASS, leksis 'datuk' paling banyak digunakan dalam novel DHP dan AD, manakala leksis 'pak cik' banyak digunakan dalam novel LP.

Oleh itu, perhatikan Data 12 dan 13 tentang penggunaan leksis gender lelaki keluarga kembangan dalam novel terpilih ASS.

Data 12:

“...*Pak cik* tidak menyesal lihat orang lain dapat hasilnya?” tanya Hafiz, amat bersimpati dengan pejuang seumpama ini... (LP, 1980: 22)

Data 13:

...*Afidah* mengikuti sehingga *datuknya* itu menghilang di sebalik rimbun. Dia merasa terlalu sayang kepada *datuknya*,... (DHP, 2000: 89)

Data 12 dan 13, menunjukkan penggunaan leksis gender keluarga yang merujuk kepada gender lelaki, iaitu leksis ‘*pak cik*’ dan ‘*datuk*’. Leksis ‘*datuk*’ mencatat jumlah yang tinggi dalam dua novel terpilih ASS, manakala leksis ‘*pak cik*’ pula digunakan dalam keempat-empat buah novel dan digunakan paling banyak dalam novel LP. Oleh itu, perhatikan Jadual 4 tentang penggunaan leksis gender lelaki keluarga kembangan.

Jadual 4. Kekerapan penggunaan leksis gender lelaki keluarga kembangan

Novel/leksis	Datuk	Pak cik
LP	0	40
DHP	181	29
SML	0	2
AD	153	29
Jumlah	334	100

Jadual 4 menunjukkan pola yang tidak konsisten bagi leksis ‘*datuk*’, manakala leksis ‘*pak cik*’ menunjukkan pola yang konsisten, iaitu digunakan dalam keempat-empat novel. Hal ini demikian kerana leksis ‘*pak cik*’ banyak digunakan oleh ASS dalam bentuk panggilan seperti yang terdapat pada Data 12.

Leksis Gender Perempuan

Hasil penyelidikan yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa penggunaan leksis gender perempuan keluarga kembangan ialah leksis ‘*mak cik*’ dan ‘*nenek*’. Oleh itu, perhatikan Data 14 dan 15 yang menggunakan leksis gender perempuan ‘*mak cik*’ dan ‘*nenek*’ dalam novel terpilih ASS.

Data 14:

“...*Kalau tak fikir tentang mak cik aku, siapa nak fikir dia lagi?*” suara Ling Po bersambung semula... (SML, 2005: 40)

Data 15:

...*Barangkali tabii yang diwarisi daripada ibunya, Atikah atau Mek Nileh, neneknya, fikir Mokhsen...* (AD, 2012: 314)

Berdasarkan Data 14 dan 15, leksis gender perempuan keluarga kembangan menunjukkan nilai kekerapan yang berbeza. Leksis gender '*mak cik*' merupakan leksis gender yang paling banyak dan kerap digunakan dalam keempat-empat novel, manakala leksis gender perempuan '*nenek*' pula menunjukkan jumlah yang sedikit dan tidak digunakan dalam keempat-empat novel. Oleh itu, perhatikan Jadual 5 mengenai penggunaan leksis gender perempuan '*mak cik*' dan '*nenek*' dalam novel terpilih ASS.

Jadual 5. Kekerapan penggunaan leksis gender perempuan keluarga kembangan

Novel/leksis	Mak cik	Nenek
LP	16	0
DHP	33	1
SML	2	5
AD	16	7
Jumlah	67	13

Berdasarkan Jadual 5, kekerapan penggunaan leksis '*mak cik*' dan '*nenek*' menunjukkan penggunaan leksis gender perempuan kekeluargaan dipaparkan dalam novel terpilih ASS. Namun, jika dilihat berdasarkan jadual, leksis '*mak cik*' merupakan leksis gender perempuan kekeluargaan yang paling banyak dan dominan digunakan dalam novel terpilih ASS. Hal ini demikian kerana ASS mewujudkan nilai keakraban dalam keluarga. Parkins (2019) menyatakan bahawa bentuk panggilan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu adalah untuk mengeratkan pertalian dari segi umur, status, jantina, dan ikatan perkahwinan.

Leksis Gender Neuter

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, leksis gender neuter yang dikenal pasti dalam novel terpilih ASS ialah leksis '*menantu*', '*ipar*' dan '*tiri*'. Oleh itu, perhatikan data di bawah yang menggunakan leksis gender neuter kekeluargaan dalam novel terpilih ASS.

Data 16:

...Yang penting, hujah Syed Agil, *menantunya* itu seorang saudagar berdarah Arab...
 (AD, 2012: 136)

Data 17:

...Entah mengapa tidak ada langsung gambar kakak *iparnya* itu...
 (DHP, 2000: 28)

Data 18:

...Zawiyah pernah cuba dirogol oleh ayah *tirinya* sendiri – satu jeritannya menyelamatkannya bila Hafiz dan dia bersama-sama berkejar...
 (LP, 1980: 101)

Berdasarkan Data 16, 17, dan 18 menunjukkan bahawa penggunaan leksis gender neuter dalam novel terpilih ASS tidak menunjukkan kekerapan yang dominan. Kekerapan penggunaan ketiga-tiga leksis hanya sedikit jika dibandingkan dengan leksis gender lelaki dan perempuan kekeluargaan.

ANALISIS LEKSIS GENDER KEKELUARGAAN

Berdasarkan data yang diperoleh, penyelidik menganalisis leksis gender menggunakan teori analisis komponen. Lyons (1993) menyatakan bahawa makna bagi sesuatu perkataan bukan dianalisis sebagai satu unit, tetapi dianalisis secara terperinci sebagai satu komponen-komponen yang kompleks. Komponen tersebut dikenali sebagai komponen semantik yang terdiri daripada perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa. Kempson (1991) pula menyatakan bahawa cara yang ringkas, jelas dan jitu mencirikan hubungan ini dengan kaedah analisis komponen makna ialah perkataan tidak mempunyai makna yang tunggal, tetapi lebih bersifat sekelompok komponen makna.

Leksis Gender Lelaki

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, leksis gender lelaki yang dianalisis ialah leksis 'abang', 'ayah', 'bapa', 'bapak', 'datuk' dan 'pak cik'. Leksis 'ayah', 'bapa' dan 'bapak' merupakan leksis yang mempunyai komponen yang hampir sama. Oleh hal yang demikian, ketiga-tiga leksis dianalisis komponen maknanya. Kamus Dewan Edisi Keempat (seterusnya KDE4) mendefinisikan 'ayah' sebagai lebih halus daripada bapa; ibu bapa, orang tua, manakala leksis 'bapa' pula mempunyai makna **1.** Orang tua; **2.** Saudara laki-laki ibu atau bapa **3.** Panggilan kepada orang tua sebagai tanda hormat kepadanya **4.** Pelopor. KDE4 mendefinisikan 'bapak' sebagai bahasa perbualan bapa.

Berdasarkan makna yang diberikan, ketiga-tiga leksis mempunyai persamaan makna, iaitu orang tua. Walaupun ketiga-tiga leksis kelihatan bersinonim, namun jika ditinjau berdasarkan makna, ketiga-tiga leksis tidak mempunyai makna yang sama dan tidak bersinonim. Walau bagaimanapun ketiga-tiga leksis boleh digunakan sebagai kata ganti nama diri seperti yang terdapat pada Data 1, 4 dan 19.

Data 1:

"...Betul bapa kau pulang?" dia bertanya. "betul?" Sakinah mengangguk-angguk...
(SML, 2005: 155)

Data 4:

"...Jangan susah-susahkan sangat soal bapak kita. Yang perlu kaujaga ialah diri kau sendiri. Jangan susah-susahkan sangat..."
(AD, 2012: 4)

Data 19:

"...Dia, ayah dia guru ngaji," katanya kemudian menunjuk ke arah Razip.
"O, ayah awak guru ngaji?"
"Kami belajar mengaji dari dia," kata Aziz pula.
(DHP, 2000: 19)

Berdasarkan Data 1, 4 dan 19, dapatlah difahami bahawa leksis 'bapa', 'ayah' dan 'bapak' boleh digunakan dalam bentuk panggilan dan digunakan juga sebagai kata ganti nama diri. Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi et., all., (2005) menyatakan bahawa bentuk panggilan yang digunakan untuk merujuk kepada bapa antaranya 'abah', 'ayah', 'bapa' dan 'bapak'. Hasil daripada kajian yang dijalankan, beliau mendapati bahawa bentuk panggilan 'ayah' mencatat bilangan yang tinggi, iaitu 39.1%, 'bapak' 5.1% dan 'bapa' 4.4%. Dalam memperoleh makna komponen ketiga-tiga leksis, Lyons (1993) mengatakan bahawa teori analisis komponen digunakan dalam menentukan istilah berdasarkan hubungan kekeluargaan sesuatu perkataan. Teori ini juga dapat menghuraikan makna perkataan dengan menerangkan unsur bertentangan seperti yang terdapat pada ketiga-tiga leksis tersebut. Oleh itu, leksis 'bapa' mempunyai komponen makna [+lelaki], [+orang tua], [+bentuk panggilan], [+kata ganti nama], [+panggilan hormat kepada orang

tua], [+pelopor], manakala leksis ‘ayah’ pula mempunyai komponen makna [+lelaki], [+orang tua], [+bentuk panggilan], [+kata ganti nama], [+bahasa halus], [+panggilan hormat kepada orang tua], [+bahasa rasmi]. Leksis ‘bapak’ mempunyai komponen makna [+lelaki], [+panggilan hormat kepada orang tua], [+orang tua], [+kata ganti nama]. Perhatikan fitur distingtif dalam Jadual 6 untuk lebih jelas mengenai komponen makna ketiga-tiga leksis.

Jadual 6. Komponen makna leksis ‘ayah’, ‘bapa’ dan ‘bapak’

Leksis/komponen makna	Ayah	Bapa	Bapak
Lelaki	+	+	+
Perempuan	-	-	-
Panggilan hormat kepada orang tua	+	+	+
Pelopor	-	+	-
Bahasa halus	+	-	-
Orang tua	+	+	+
Bahasa perbualan	+	+	+
Kata ganti nama	+	+	+
Bahasa rasmi	+	+	-

Leksis ‘abang’, ‘datuk’ dan ‘pak cik’ juga tergolong dalam leksis gender kekeluargaan. Ketiga-tiga leksis boleh digunakan sebagai bentuk panggilan di samping digunakan dalam kekeluargaan. Perhatikan Data 20 mengenai penggunaan leksis gender lelaki kekeluargaan.

Data 20:

“...Salah abang juga. Terlalu memanjakan adiknya,” kata Suhaidah, cuba tersenyum, menelan pil...

(AD, 2012: 5)

Berdasarkan Data 20, dapatlah difahami bahawa leksis gender lelaki kekeluargaan ‘abang’ juga boleh digunakan dalam bentuk panggilan di samping mempunyai komponen makna saudara lelaki yang lebih tua seibu sebapa. KDE4 mendefinisikan ‘abang’ sebagai **1.** Saudara lelaki yang lebih tua daripada seseorang (biasanya seibu seayah dengannya) **2.** Panggilan khusus kepada saudara tua lelaki, adik-beradik **3.** Panggilan kepada seseorang lelaki yang lebih tua sedikit **4.** Panggilan kepada suami. Asmah Haji Omar (2009) pula menyatakan pendapatnya mengenai leksis ‘abang’ sebagai ditujukan kepada orang lelaki yang tidak setua ayah sendiri dan juga tidak semuda sendiri. Berdasarkan data 20 juga, leksis ‘abang’ digunakan untuk merujuk kepada panggilan adik-beradik lelaki pertama. Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi et, al, (2005), menyatakan bahawa panggilan yang paling tinggi digunakan adik-beradik lelaki pertama ialah panggilan umum ‘abang’. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bentuk panggilan dalam keluarga yang dipaparkan dalam novel terpilih ASS mewujudkan rasa hormat dan keakraban antara adik-beradik. Selain panggilan ‘abang’ untuk merujuk kepada adik-beradik lelaki, leksis ‘abang’ juga digunakan untuk merujuk kepada panggilan suami seperti yang terdapat pada Data 21.

Data 21:

“...Abang Hamid dah tak ada...”

“Betul, suami Haidah dah tak ada. Dia dah diambil Tuhannya...”

(AD, 2012: 4)

Berdasarkan Data 21, leksis ‘*abang*’ yang digunakan tidak merujuk kepada adik-beradik lelaki, namun leksis ‘*abang*’ yang digunakan untuk merujuk kepada panggilan mesra isteri kepada suami. Hal ini menunjukkan bahawa leksis ‘*abang*’ tidak hanya digunakan untuk merujuk kepada adik-beradik lelaki, tetapi juga digunakan dalam panggilan antara suami dengan isteri. Kepelbagaian komponen makna yang dimiliki oleh leksis ‘*abang*’ itu merupakan ‘inti makna’. Kempson (1993) menyatakan bahawa makna perkataan dikaji bukan sebagai unit konsep itu sendiri, tetapi sebagai himpunan yang terdiri daripada komponen makna.

Leksis gender ‘*abang*’ mempunyai komponen makna [+lelaki], [+panggilan hormat kepada saudara lelaki seibu sebapa], [+panggilan kepada suami], [+saudara lelaki yang lebih tua], [+panggilan khusus saudara lelaki], [+kata ganti nama], [+bentuk panggilan]. Perhatikan fitur distingtif dalam Jadual 7 untuk lebih jelas mengenai komponen makna yang dimiliki oleh leksis ‘*abang*’.

Jadual 7. Komponen makna leksis ‘*abang*’

Leksis/komponen makna	Abang
Lelaki	+
Perempuan	-
Panggilan hormat saudara lelaki seibu sebapa	+
Panggilan kepada suami	+
Saudara lelaki yang lebih tua	+
Panggilan khusus saudara lelaki	+
Kata ganti nama	+
Bentuk panggilan	+

Leksis ‘*datuk*’ dan ‘*pak cik*’ juga tergolong dalam leksis gender lelaki kekeluargaan. Leksis ‘*datuk*’ dan ‘*pak cik*’ dibezakan mengikut peringkat umur. Palmer (1976) menyatakan untuk membezakan generasi, sekurang-kurangnya lima generasi yang boleh dilabelkan sebagai g1, g2, g3, g4, g5. Menurut beliau lagi g1 mewakili ‘*datuk*’, g2 ‘*ayah*’, ‘*pak cik*’, g3 ‘*abang*’, ‘*sepupu*’, g4 ‘*anak lelaki*’, ‘*anak saudara perempuan*’ dan g5 ‘*cucu lelaki*’. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Palmer, leksis ‘*datuk*’ dan ‘*pak cik*’ merupakan peringkat yang berbeza, iaitu ‘*datuk*’ lebih tinggi peringkatnya berbanding ‘*pak cik*’. KDE4 mendefinisikan ‘*datuk*’ sebagai **1.** Bapa kepada ayah atau ibu seseorang **2.** Panggilan oleh seseorang terhadap bapa kepada ayahnya (ibunya) atau terhadap seseorang lain yang sedemikian tuanya, aki, kakek. Asmah Haji Omar (2009) pula menyatakan bahawa ‘*pak*’ ditujukan kepada orang laki-laki yang kira-kira sebaya dengan ayah sendiri. Menurut beliau lagi gelaran ‘*pak*’ biasanya juga digantikan dengan ‘*pak cik*’. Berdasarkan definisi yang telah diberikan, dapatlah difahami bahawa leksis ‘*pak cik*’ dan ‘*datuk*’ boleh digunakan dalam bentuk panggilan selain mempunyai komponen makna lelaki. Oleh itu, Data 12 dan 22 memaparkan penggunaan leksis ‘*pak cik*’ dan ‘*datuk*’ sebagai bentuk panggilan.

Data 12:

“...*Pak cik* tidak menyesal lihat orang lain dapat hasilnya?” tanya Hafiz, amat bersimpati dengan pejuang seumpama ini... (LP, 1980: 22)

Data 22:

“...Tapi kenapa *datuk* menangis?”

“Menangis?”

“Tu. *Datuk* menangis.”

“*Datuk* tak menangis, cu...”

“Ya, ya, datuk menangis. Datuk susah...”

(DHP, 2000: 9)

Berdasarkan Data 12 dan 22, leksis gender lelaki ‘*pak cik*’ dan ‘*datuk*’ yang digunakan merujuk kepada bentuk panggilan. Leksis gender ‘*datuk*’ yang terdapat pada Data 22 menunjukkan bahawa leksis tersebut bukan hanya boleh digunakan untuk merujuk kepada kata ganti nama diri ketiga dan kedua, namun leksis tersebut juga boleh digunakan sebagai kata ganti nama diri pertama. Hal ini juga berlaku pada leksis gender ‘*pak cik*’ yang begitu meluas penggunaannya dalam masyarakat Melayu. Selain itu, penggunaan leksis gender ‘*datuk*’ dan ‘*pak cik*’ sebagai kata ganti nama diri menunjukkan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan kesantunan berbahasa dan mewujudkan kemesraan semasa berkomunikasi dengan orang yang lebih tua. Oleh hal yang demikian, leksis ‘*datuk*’ mempunyai komponen makna [+lelaki], [+bapa kepada ayah atau ibu], [+panggilan bapa kepada ayah], [+panggilan seseorang yang lebih tua], [+bentuk panggilan], [+kata ganti nama diri], manakala leksis ‘*pak cik*’ pula mempunyai komponen makna [+lelaki], [+bapa saudara], [+panggilan seseorang yang lebih tua], [+bentuk panggilan], [+kata ganti nama diri]. Perhatikan fitur distingtif dalam Jadual 8 untuk lebih jelas mengenai komponen makna leksis ‘*datuk*’ dan ‘*pak cik*’.

Jadual 8. Komponen makna leksis ‘*datuk*’ dan ‘*pak cik*’

Leksis/komponen makna	Datuk	Pak cik
Lelaki	+	+
Perempuan	-	-
Bentuk panggilan	+	+
Kata ganti nama diri	+	+
Bapa saudara	-	+
Bapa kepada ayah atau ibu	+	-
Panggilan bapa kepada ayah	+	-
Panggilan seseorang kepada orang yang lebih tua	+	+

Leksis Gender Perempuan

Leksis ‘*ibu*’, ‘*emak*’, ‘*kakak*’ dan ‘*mak cik*’ merupakan leksis gender yang tergolong dalam leksis gender perempuan kekeluargaan. Namun, leksis yang dikaji hanyalah leksis ‘*ibu*’ dan ‘*emak*’ kerana kedua-dua leksis mempunyai pertindihan makna dan mempunyai komponen yang hampir sama. KDE4 mendefinisikan ‘*ibu*’ sebagai **1.** Orang yang melahirkan kita, emak; **2.** Panggilan hormat terhadap wanita yang berumur atau wanita yang bersuami **3.** Bahagian yang besar (induk, utama, pusat dan lain-lain) daripada sesuatu, manakala leksis ‘*emak*’ pula mempunyai definisi orang yang melahirkan kita. S. Nathesan (2008) pula menyatakan bahawa leksis ‘*emak*’ dan ‘*ibu*’ hanya memiliki satu persamaan makna, iaitu makna ‘orang yang berupaya untuk melahirkan anak atau orang yang melahirkan kita. Leksis ‘*ibu*’ ada dua komponen makna yang tidak terdapat pada leksis ‘*emak*’ seperti yang dinyatakan pada KDE4. Oleh hal yang demikian, perhatikan Data 7 dan 23 yang menunjukkan leksis ‘*emak*’ dan ‘*ibu*’.

Data 7:

“...Za, boleh jaga emak,” sampuk Zalifah.

“Ya, Za memang patut jaga emak...,” kata Mokhsen

(AD, 2012: 6)

Data 23:

“...Baik Talib ataupun War... Hassan tidak tahu keistimewaan ibu mereka..” kata Suparman
 (AD, 2012: 301)

Berdasarkan Data 7 dan 23, leksis ‘ibu’ dan ‘emak’ yang digunakan merupakan kata ganti nama yang merujuk kepada perempuan. Leksis ‘ibu’ merujuk kepada penggunaan kata yang lebih lembut dan halus jika dibandingkan dengan leksis ‘emak’. Penggunaan leksis ‘ibu’ juga dilihat lebih meluas berbanding leksis ‘emak’, iaitu bagi yang merujuk kepada benda-benda tidak bernyawa dan bahagian terbesar seperti yang terdapat pada data di bawah.

Data 24:

...Mulai waktu itulah dia berubah dari seorang gadis pemalu di Jeram kepada seorang wanita yang sebebaskan-bebasnya di ibu kota...
 (LP, 1980: 109)

Berdasarkan Data 24, leksis ‘ibu’ yang digunakan tidak merujuk kepada ‘pelahir anak’, tetapi leksis ‘ibu’ yang terdapat pada Data 24 merujuk kepada bahagian terbesar, benda tidak bernyawa. Oleh hal yang demikian, leksis ‘ibu’ lebih meluas penggunaannya dan mempunyai himpunan komponen makna (inti makna). Asmah Haji Omar (2009) menyatakan bahawa leksis ‘emak’ dan ‘ibu’ tidak sama seratus peratus. Leksis ‘ibu’ dapat mempunyai komponen makna [-bernyawa], [-manusia] sedangkan emak tidak. Hal ini bersesuaian dengan data yang diperolehi, iaitu leksis ‘ibu’ tidak hanya merujuk kepada [+manusia]. Leksis ‘emak’ lebih banyak digunakan dalam bentuk panggilan dan kata ganti nama diri. Oleh hal yang demikian, leksis ‘emak’ mempunyai komponen makna [+perempuan], [+pelahir anak], [+panggilan hormat], [+benda tidak bernyawa], [+bahagian terbesar], manakala leksis ‘ibu’ pula mempunyai komponen makna [+perempuan], [+pelahir anak]. Perhatikan fitur distingtif dalam Jadual 9 mengenai komponen makna ‘emak’ dan ‘ibu’.

Jadual 9. Komponen makna leksis ‘emak’ dan ‘ibu’

Leksis/komponen makna	Ibu	Emak
Perempuan	+	+
Lelaki	-	-
Pelahir anak	+	+
Panggilan hormat	+	-
Benda tidak bernyawa	+	-
Bahagian terbesar	+	-
Bentuk panggilan	+	+
Kata ganti nama diri	+	+

Leksis Gender Neuter

Leksis ‘adik’, ‘ipar’, ‘tiri’ dan ‘menantu’ merupakan leksis gender yang tergolong dalam gender neuter. Leksis yang tergolong dalam kategori ini merupakan leksis yang boleh digunakan untuk lelaki dan perempuan. Oleh hal yang demikian, leksis gender neuter ini boleh berubah menjadi gender lelaki atau perempuan jika penambah jantina disertakan. S. Nathesan (2008) menyatakan bahawa untuk membezakan jantina atau gender, penambah jantina atau gender perlu digunakan, iaitu lelaki atau perempuan. Contohnya, untuk menentukan leksis ‘adik’ digunakan untuk merujuk kepada lelaki, penambah jantina ‘lelaki’ perlu disertai untuk menjadi ‘adik lelaki’. Namun, leksis ‘ipar’, dan ‘tiri’, leksis gender kekeluargaan perlu ditambah kecuali leksis ‘adik’ untuk

membezakan gender menjadi 'kakak ipar', 'abang tiri'. Oleh hal yang demikian, dalam penyelidikan ini leksis 'tiri' dan 'ipar' sahaja yang dianalisis kerana kedua-dua leksis mempunyai komponen makna yang hampir sama dan hanya dibezakan mengikut ikatan perkahwinan. Perhatikan Data 17 dan 18 yang menggunakan leksis 'ipar' dan 'tiri' dalam novel terpilih ASS.

Data 17:

...*Entah mengapa tidak ada langsung gambar kakak iparnya itu...* (DHP, 2000: 28)

Data 18:

...*Zawiyah pernah cuba dirogol oleh ayah tirinya sendiri – satu jeritannya menyelamatkannya bila Hafiz dan dia bersama-sama berkejar...* (LP, 1980: 101)

KDE4 mendefinisikan leksis 'ipar' sebagai saudara suami atau isteri, manakala leksis 'tiri' pula bermaksud (anak, bapa, ibu) yang tidak ada perhubungan darah, bukan (anak, bapa, ibu) sendiri. Asmah Haji Omar (2009) pula memberikan pendapat mengenai 'ipar', iaitu digunakan untuk merujuk kepada ahli-ahli dalam keluarga suami atau isteri, kecuali yang sudah dirujuk dengan 'menantu' atau 'mertua'. Oleh hal yang demikian, leksis 'ipar' mempunyai komponen makna [+lelaki], [+perempuan], [+bukan adik-beradik sendiri], [+adik-beradik kepada suami atau isteri], [+ikatan perkahwinan], manakala leksis 'tiri' mempunyai komponen makna [+lelaki], [+perempuan], [+bukan adik-beradik sendiri], [+ikatan perkahwinan]. Perhatikan fitur distingtif dalam Jadual 10 mengenai komponen makna 'tiri' dan 'ipar'.

Jadual 10. Komponen makna leksis gender 'ipar' dan 'tiri'

Leksis/komponen makna	Ipar	Tiri
Lelaki	+	+
Perempuan	+	+
Bukan adik-beradik sendiri	+	+
Adik-beradik kepada suami atau isteri	+	-
Ikatan perkahwinan	+	+
Bentuk panggilan	-	-
Kata ganti nama diri	-	-

Berdasarkan fitur distingtif dalam Jadual 10, kedua-dua leksis dibezakan dengan komponen makna [adik-beradik kepada suami atau isteri]. Kedua-dua leksis juga tidak digunakan dalam bentuk panggilan dan kata ganti nama diri. Hal ini demikian kerana leksis 'ipar' dan 'tiri' bukan tergolong dalam bentuk panggilan dan tidak wujud dalam kata ganti nama. Walaupun kebanyakan leksis gender kekeluargaan boleh berubah dan digunakan dalam bentuk panggilan, namun leksis gender kekeluargaan berdasarkan ikatan perkahwinan tidak boleh digunakan untuk merujuk kepada bentuk panggilan dan kata ganti nama diri.

KESIMPULAN

Teori yang dikemukakan oleh Lyons (1993) dan Kempson (1993) mengenai analisis komponen amat bersesuaian dengan penyelidikan ini. Hasil penyelidikan mendapati bahawa setiap leksis gender yang terdapat dalam bahasa mempunyai komponen maknanya yang tersendiri khususnya leksis gender kekeluargaan. Hasil kajian mendapati bahawa leksis gender kekeluargaan dalam novel

terpilih ASS leksis gender lelaki lebih dominan berbanding leksis perempuan dan neuter. Leksis gender lelaki mencatat sejumlah 833, leksis gender perempuan mencatat 499 dan leksis neuter sebanyak 80. Kebanyakan leksis gender kekeluargaan sering digunakan dalam bentuk panggilan dan kata ganti nama. Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi et., all., (2005) menyatakan bahawa kata panggilan kekeluargaan yang digunakan untuk memanggil seseorang digunakan sebagai kata ganti nama diri, sama ada merujuk kepada ganti diri pertama, kedua dan ketiga. Sebagai contoh, leksis gender kekeluargaan 'datuk', 'kakak', dan 'adik' boleh digunakan sebagai kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga di samping penggunaannya sebagai bentuk panggilan.

Kajian makna yang dijalankan terhadap leksis gender kekeluargaan mendapati bahawa leksis yang dikatakan bersinonim seperti leksis 'ibu' dan 'emak', 'bapa', 'ayah' dan 'bapak' menunjukkan leksis tersebut tidak bersinonim jika ditinjau berdasarkan teori analisis komponen. selain meninjau perkataan yang mempunyai komponen makna yang hampir sama, penyelidikan ini juga menjalankan kajian terhadap leksis yang mempunyai makna yang bertentangan seperti leksis 'ipar' dan 'tiri'.

RUJUKAN

- A.Samad Said (1980), *Langit Petang*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- A. Samad Said (2000), *Di Hadapan Pulau Edisi Pelajar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said (2005), *Sungai Mengalir Lesu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- A. Samad Said (2012), *Adik Datang*. PTS Pop Sdn. Bhd.
- Abdul Chaer (1995), *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia Edisi Revisi*. Penerbit RINEKA CIPTA.
- Abdullah Yusof, Adenan Ayob dan Mohd. Ra'in Shaari (2014), *Penyelidikan Makna*. Emeritus Publications.
- Abdullah Tahir (2007), *Idea dan Konsep Kesusasteraan A. Samad Said*. A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (1986), *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2009), *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Datzman, B. (2017). Gender Representation and EFL Textbooks: A Cased Study. *Journal of The Faculty of Global Communication*. University of Nagasaki. No. 14 (2017).
- Indirawati Zahid. (2019). Kata Kerja dan Hubungan Leksikal dalam Iklan Produk Kecantikan Wanita. *Issues in Language Studies*. Vol. 8. No. 1. 2019.
- Indirawati Zahid & Jasminerah Abdul Jalil. (2019). Kata Kerja, Hubungan Leksikal dan Komponen Makna dalam Bahasa Iklan Kecantikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 09 (2). 27 – 42.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kamus Linguistik (1997). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Kempson, R. M, (1991), *Teori Semantik (Terjemahan Zaiton Ab. Rahman)*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Lyons, J. (1993), *Pengenalan Linguistik Teoritis (Terjemahan Abdullah Hassan, Rogayah Abdul Razak, Wan Zailena Mohd. Noordin)*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Lyons, J. (1968), *Introduction to Theoretical Linguistics*. London & New York: Cambridge University Press.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Muhammad Zaidi Zakaria. (2017). Leksikal ‘Sinonim’ dalam Al-Quran: Satu Analisis Fungsi dan Kesan Semantik. *Jurnal Linguistik*, Vol. 21 (1). Jun 2017. 36 – 54.
- Nathesan, S (2008), *Makna dalam Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, et, al. (2005), *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Othman Mohamed (2001), *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Palmer, F. R (1976), *Semantics*. Cambridge University Press.
- Parkins, R. (2019). Gender and Emotional Expressiveness: An Analysis of Prosodic Features in Emotional Expression. *Griffith Working Papers in Pragmatics and Intercultural Communication* 5, 1 (2019), 46 – 54.
- Sahlan Mohd. Saman (2007), *World-view A. Samad Said dari Salina dan Daerah Zeni*. A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Siti Farida, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis Semantik Leksikal dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor. *ASEAN PEOPLE JOURNAL*. 2020. Vol. 3 (1). 45 – 63.
- Siti Nuraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika* 88 (1). April 2018: 137 – 152.
- Stamarski. C. S, & Son Hing, L. S. (2015). Gender Inequalities in the Workplace: The Effects of Organizational Structures, Processes, Practices and Decision Makers Sexism. *Frontier in Psychology*. Volume 6. Sept 2015.
- Suhaidah Said, Siti Nurul Jannah Fital & Nor Suhaila Che Pa. (2014). Analisis Gender dalam Bahasa Melayu dari Sudut Leksikal dan Makna. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan* 2014.

CELAHAN DALAM PERBUALAN SEGMENT ASAM GARAM RUMAH TANGGA

Azean Idruwani Idrus (Ph.D)
azeanidruwaniidrus@ium.edu.my
Kulliyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Hub Pendidikan Pagoh, Muar, Johor

Abstrak

Program pengacaraan merupakan perbualan yang dilakukan secara bersemuka dengan memasukan elemen perbualan harian. Dalam program pengacaraan, perbualan menjadi unsur utama untuk menyampaikan tujuan serta pandangan tentang sesuatu perkara. Pengacara dan orang yang diwawancara memainkan peranan yang signifikan dalam menjayakan sesebuah program pengacaraan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur celahan dalam perbualan segmen *Asam Garam Rumah Tangga* yang dikupas daripada program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Sebanyak lima topik daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga* telah dipilih dan dianalisis berdasarkan kaedah analisis kandungan teks. Setiap ujaran dalam teks dianalisis menggunakan Model Celahan oleh Roslina Mamat (2004). Dapatan menunjukkan unsur celahan dalam perbualan *Asam Garam Rumah Tangga* terdiri daripada celahan gangguan dan celahan pertolongan. Celahan gangguan ini digunakan untuk mengganggu percakapan penutur semasa, seterusnya membawa kepada pengambilan giliran secara tidak sah. Sementara celahan pertolongan pula merupakan celahan yang berperanan untuk menolong penutur semasa, sekiranya pertuturan tidak lancar. Seterusnya, unsur celahan ini turut digunakan untuk merencanakan perbualan. Unsur celahan ini bukan sahaja membantu dalam kelancaran berbahasa tetapi juga mewujudkan kefahaman dalam perbualan antara pemeran. Oleh itu, kemahiran untuk berinteraksi menggunakan unsur celahan perlu difahami, dipelajari dan dikuasai oleh pengguna bahasa.

Kata kunci: *Celahan; Perbualan; Analisis Perbualan; Program Pengacaraan; Segmen Asam Garam Rumah Tangga*

PENGENALAN

Celahan (*Interruption*) merupakan pertindanan ujaran sebelum penutur semasa menghabiskan ujaran atau mungkin juga pada masa penutur baru hendak memulakan ujaran. Celahan dalam perbualan ini berlaku secara spontan kerana ujaran yang diujarkan merupakan ujaran yang tidak dirancang oleh pemeran dan lahir secara semula jadi. Celahan oleh pemeran dalam perbualan juga dilakukan berdasarkan kepada keinginan ujaran yang ingin diujarkan oleh pemeran. Celahan yang berlaku dalam sesebuah program pengacaraan berhubung kait dengan kuasa yang merujuk pada penguasaan terhadap perbualan dan topik perbualan (Nur Amirah Che Soh, 2022:49). Pengacara dan orang diwawancara (ODW) yang terlibat dalam segmen Segmen *Asam Garam Rumah Tangga* diberikan kuasa sewaktu perbualan berlangsung, iaitu pengacara berperanan mengendalikan, mengawal, mengutarakan soalan, meminta maklumat melalui serangkaian soalan bagi mendapatkan maklumat tentang isu yang dibincangkan manakala ODW pula bertindak sebagai pihak yang menjawab atau menjelaskan perkara yang dibincangkan.

Perbualan yang berlaku dalam kalangan pemeran dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* bersifat mesra, informal dan lebih bersifat manusiawi. Hal ini demikian kerana, perbualan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* wujud tanpa mengikut skrip, atau mengikut skrip tetapi tidak terikat kepada skrip seratus peratus dan perbualan berlaku secara spontan. Keadaan ini mewujudkan pendominasian dalam perbualan oleh pengacara dan ODW. Pendominasian ini

menyebabkan kelancaran dalam perbualan terganggu akibat wujudnya celahan dalam perbualan (Hanh, 2008; Indah Arvianti, 2010; Roslina Mamat, 2004). Celahan, pertindanan, merampas giliran, maklum balas atau maklum balas minimal dalam perbualan tidak diendahkan oleh masyarakat penuturnya walaupun ia berlaku pada setiap hari dalam perbualan (Roslina Mamat, 2012:855). Hal ini menyebabkan ujaran penutur semasa sukar didengar dengan jelas dan ujaran penutur kedua pula tidak dapat didengar dan berlakunya kekaburan dalam penyampaian maklumat (Ohara dan Saft, 2003). Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji unsur celahan dalam perbualan yang signifikan dalam menjayakan sesebuah perbualan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Winda Afrina, Muhammad Yusuf & Ridwan Hanafiah (2022) bertajuk *Conversational Analysis of Interruption in Suits Series Season 1* bertujuan untuk menganalisis celahan dan fungsi celahan berdasarkan teori Kennedy dan Camden (1983) dan dijalankan secara deskriptif, iaitu menggunakan kaedah kualitatif. Hasil kajian menunjukkan penggunaan unsur celahan mendominasi perbualan dalam kalangan pemeran. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan celahan berfungsi untuk mengambil giliran dalam perbualan, sebagai tanda persetujuan, menukar topik, memberi penjelasan, memberi bantuan dan celahan juga turut menimbulkan perselisihan faham antara pemeran.

Kajian yang dijalankan oleh Nur Amirah Che Soh (2020) mendapati bahawa celahan menyokong, merupakan antara cara ambilan giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani*. Sifat celahan menyokong ini bersifat sementara dengan tujuan untuk menyerahkan semula giliran bertutur kepada penutur semasa. Selain itu, dapatan juga menunjukkan celahan menyokong hanyalah berniat untuk membuat persetujuan, bantuan dan sokongan. Kajian Nur Amirah Che Soh (2020) mempunyai keputusan kajian yang hampir sama dengan Roslina Mamat (2012) yang mengatakan celahan tidak semestinya dianggap sebagai suatu yang negatif tetapi bertujuan untuk merencanakan perbualan dan menjalinkan hubungan yang harmoni dengan penutur semasa yang sedang bercakap

Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim dan Normaliza Abd Rahim (2012) menjalankan kajian yang bertajuk 'Celahan Dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia Dan Pelancong Jepun'. Dapatan kajian mendapati adanya pengambilan giliran, pertindanan, aizuchi, celahan dan kesopanan dalam perbualan pemandu pelancong Malaysia dan pelancong Jepun. Dapatan kajian menunjukkan dua bentuk celahan yang digunakan, iaitu celahan yang mengganggu perbualan dan celahan yang membantu perbualan. Celahan yang dilakukan mengganggu keterujaan pelancong untuk bercakap. Walau bagaimanapun, celahan yang membantu dilakukan bagi membantu penutur dalam mencari perkataan sebenar dan serta maklumat tambahan kepada pendengar. Celahan seperti ini tidak mengganggu perbualan malah membantu merencanakan perbualan. Kesimpulannya ialah walaupun pemandu pelancong di dalam kajian ini bercakap bahasa Jepun dengan lancar tetapi gagal mengenal pasti sifat bahasa dan budaya Jepun sehingga ia mencelah dan mengganggu aliran perbualan

Sementara itu, kajian pengambilan giliran dalam bual bicara radio yang dilakukan oleh N. Saraswati & W. Hamsia (2017) hanyalah memberi tumpuan terhadap ketiga-tiga sistem pengambilan giliran dan pengkaji hanya menghuraikan setiap sistem yang terlibat tanpa menyentuh ciri perbualan seperti celahan, pertindihan, pasangan berdampingan, maklum balas minimal dan gangguan. Melalui sorotan literatur yang dihuraikan, pengaplikasian celahan dalam perbualan segmen bual bicara masih kurang diberikan perhatian, sedngkan keperluan pengaplikasian unsur celahan dalam perbualan sangat penting dititik beratkan dalam komunikasi, khususnya dalam segmen bual bicara. Justeru kajian yang berfokuskan unsur celahan dalam perbualan adalah perlu bagi rujukan untuk tujuan peningkatan penguasaan berkomunikasi terutamanya apabila berhadapan dengan khalayak.


OBJEKTIF

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- (a) Mengenal pasti bentuk celahan dalam perbualan segmen *Asam Garam Rumah Tangga*
- (b) Menganalisis celahan dalam perbualan segmen *Asam Garam Rumah Tangga* mengganggu perbualan atau sebaliknya

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan Model Celahan oleh Roslina Mamat (2004). Terdapat dua jenis bentuk celahan, iaitu celahan gangguan dan celahan pertolongan. Setiap celahan diperincikan seperti Jadual 1 di bawah:



Jadual 1: Model Celahan Roslina Mamat (2004)

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Kajian yang dilakukan ini menfokus kepada celahan perbualan yang terdapat dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga*, yang bertajuk *Caras Milik Orang, Hidayah Ramadan, Hari-Hari Jatuh Cinta, Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah* dan *Belanja Raya Tanggungjawab Siapa*

KAEDAH ANALISIS KANDUNGAN

Kaedah analisis kandungan teks digunakan bagi menganalisis data dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga*. Dalam analisis kandungan teks ini, terdapat beberapa langkah dilakukan, iaitu pengkaji menggunakan data dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* yang diperoleh daripada laman sesawang <http://www.tonton.com/whi>. Seterusnya, pengkaji menonton dan mendengar data dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* secara holistik untuk ditranskripsikan ke dalam bentuk bertulis. Penandaan, iaitu teks yang dipilih mengandungi celahan perbualan dikumpulkan dan ditanda secara sistematik. Proses penandaan ini penting untuk mengelakkan pertindanan celahan perbualan yang akan dianalisis. Seterusnya, data dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* yang telah dikenal pasti dianalisis secara kritis dan kualitatif dengan menggunakan Model Celahan oleh Roslina Mamat (2004). Untuk memudahkan analisis data dijalankan, program pengacaraan tersebut telah ditranskripsi, iaitu dalam bentuk teks bertulis berdasarkan sistem transkripsi konvensional Jefferson (2014). Bagi memudahkan kerja analisis, setiap ujaran dinomborkan mengikut gerakan.

DAPATAN

Analisis yang dilakukan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* menunjukkan terdapatnya unsur celahan dalam perbualan antara pengacara dengan orang yang diwawancara. Celahan yang wujud ialah celahan dengan niat untuk mengganggu percakapan penutur semasa, seterusnya membawa kepada pengambilan giliran secara tidak sah. Kedua, unsur celahan yang berperanan untuk menolong penutur semasa, sekiranya pertuturan tidak lancar dan dapatan seterusnya menunjukkan celahan dilakukan untuk merencanakan perbualan dalam kalangan pemeran.

Celahan dengan niat untuk mengganggu percakapan penutur semasa, seterusnya membawa kepada pengambilan giliran secara tidak sah

Celahan dalam perbualan dianggap sebagai gangguan apabila seseorang itu memang berniat dengan sengaja mahu mencelah dan mengganggu perbualan penutur semasa dan ini seterusnya mewujudkan pengambilan giliran perbualan secara tidak sah. Ini dapat dilihat dalam dialog 1 hingga dialog 3 di bawah:

Dialog (1)

37 RNI: >ketawa< ok // **dia kalau macam saya husband saya : macam awal cakap / dia akan sediakan / untuk anak-anak / tapi : kalau saya ada teringin benda yang saya rasa melampau-lampau : sikit tu kan / kadang-kadang / saya akan beli sendiri pakai duit sendiri juga : tapi *claim* dekat dia**

38 AA: bertuahnya

39P(i): tapi : **Awal tak payah *claim* kan/**

40 AA: **dia :: bergantung cara gosokkan tu :: >ketawa<**

41 RNI : **kadang-kadang kalau kita seorang isteri : kita cakap lemah lembut / kita bodek / terlebih sikit / dia memang tak sampai hati sebab**

(Belanja Raya Tanggungjawab Siapa?, 10 Julai 2015)

Dialog (2)

57 AAR: (...) / kadang-kadang saya tau pada waktu-waktu tertentu :: / yang kita rasa perasaan tu tak boleh ambil sekarang ni :/ .kita relaks dulu :: *and ...*

58 ER: **Tapi kalau perempuan kalau dia marah kitakan sejuk / kita kena pujuk / kenapa sayang :: kenapa :: apa-apa masalah dia :: / tapi kadang-kadang kita tak dapat benda tu daripada pasangan kita / pada pasangan**

(Hari-Hari Jatuh Cinta, 27 Mac 2015)

Dialog (3)

12 P(i) : **Berapa agaknya jumlah? Boleh kita tahu berapa jumlah yang telah diberikan kepada suami ni tadi?**

13 PS : ***Amount* tu tak de lah kita kata bagi sese // apa macam //**

14 P (ii) : Selepuk macam tu

15 PS : Selepuk macam tu. Cuma kadang-kadang kalau dia kata ok boleh tak saya nak pinjam sikit untuk :: pinjam ya istilahnya :: pinjam sikit ya untuk (...) kita pun fikir : fikir : fikir : Sebab kita pun pernah susah *so* tak tergamak rasa macam nak :: tak :: tak ::. bagi tu kan. Jadi kita rasa macam / oklah saya bagi. Saya bagi

pinjam so kita akan bagilah *amount* tu / kadang tak pernah pun berganti //

16 P (i) : Tak pernah pun ganti.

17 P (ii) : Tak pernah dibayar balik

18 PSG : (...) mungkin akak boleh selit sikit :: Dia merupakan *client* akak so masa dia jumpa dengan akak 6 bulan baru kahwin masa tu dia kata kak Su saya dah bagi dekat suami saya tujuh ribu. Betul (...) // enam bulan kahwin dah bagi dekat suami tujuh ribu dekat suami. Suami tak bagi langsung duit kat dia.

19P(ii) : Adakah suaminya bekerja sebelum ini?

(Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah, 10 April 2015)

Celahan yang berperanan untuk menolong penutur semasa, sekiranya pertuturan tidak lancar

Celahan yang dilakukan dengan niat untuk membantu penutur semasa dianggap sebagai satu pertolongan. Celahan ini berlaku apabila pertuturan pemeran semasa tidak lancar dan seolah-olah kelihatan seperti mencari ujaran yang sesuai seperti dalam dialog (4) di bawah:

Dialog (4)

17 Lut: Antaranya :: :: ada perkara // yang tiba-tiba Lutfia rasa macam sedih sangat / kenapa :: *something missing* dalam hidup / macam tu ::///

18 P(i) : **ada kekosongan yang perlu dilengkapi**

19 Lut: (...) **perlu dilengkapi** // jadi macam /// jadi // Lutfia dekatkan diri dengan // Allah s.w.t dengan / menghadiri usrah / dengan berkawan dengan orang-orang yang / boleh menyokong / kita perlukan sokongan daripada kawan-kawan juga untuk / untuk kuatkan hati itu untuk terus / ok kita dah nak berubat you *know* / nak pakai tudung / nak berhijab / macam tu semua / kita pun perlu

...

(Hidayah Ramadan, 26.6.2015)

Celahan dilakukan untuk merencanakan perbualan.

Sungguhpun celahan dalam ujaran menyebabkan gangguan dalam perbualan namun begitu, celahan juga mampu membantu melancarkan, merencanakan perbualan dan seterusnya dapat menjalinkan hubungan yang harmoni antara penutur. Antaranya, celahan yang mengandungi unsur humor melalui sindiran dan humor melalui lawak. Celahan ini dapat dilihat dalam dialog 5 dan dialog 6 yang berikut:

Dialog (5)

30 Dr: ... Kita kena ganti balik dan begitu juga keadilan dari segi nafkah kan / apa yang kita beri pada isteri pertama / apa yang kita beri pada isteri kedua pun kena ikut kepada ukurannya ... kerana nak adil rumah isteri pertama kedua ketiga keempat semua sama ... kita kena ikut juga isteri pertama mungkin suka konsep kontemporari

33 BB: **Bukan isteri pertama lebih lama**

lebih banyak

34 Dr : sudah semestinya / sebab isteri semestinya / sebab isteri pertama dia ada harta sepencarian / dia dah hidup lebih lama / jadi mungkin / kerana itu rumah dia lebih besar / sebab dia dah lebih lama hidup begitulah besarnya / mungkin yang kedua kecik / sedikit tetapi dari segi konsep bila nak bangunkan / rumah kena tanya isteri pertama nak rumah yang macam mana / yang ni nak rumah yang macam mana / jadi tak boleh kata oh sebab semua kena adil semua rumah kena moden semua / tak boleh / begitu juga anak 5 orang / dengan anak seorang //

(Caras Milik Orang, 22.5.2015)

Dialog (6)

42 P(i): (...) ok dan apabila wujudnya *Syaitonirrojim* / tentunya ada dugaan dan ujian

43 Us: *Syaitonirrojim* >ketawa< dah lama tak dengar istilah tu :

44 P(i) : bila adanya kewujudan mereka : adanya dugaan / dan dugaan ini berlaku : sebelum ▲ dan juga selepas ▲ kita berhijrah pun ada dugaannya / bagaimana : Lutfia untuk terus //// memegang hidayah tu / ?

(Hidayah Ramadan, 26 Jun 2015)

PERBINCANGAN DAPATAN

Celahan dilakukan oleh pengacara dalam dialog (1) 39 P(i), iaitu “... *Awal tak payah claim kan*” sebelum ODW dalam dialog (1) 37(RNI) sempat menamatkan ujarannya. Celahan ini mengganggu kelancaran perbualan ODW dalam dialog (1) 37 (RNI) dan ini menyebabkan ujaran ODW terganggu dan terhenti selain hilangnya giliran dalam berbual. Secara khususnya, celahan oleh pengacara ini bukan sahaja bertujuan untuk memberikan peluang kepada ODW menyatakan pandangan dalam dialog (1) (40) (AA) tetapi juga bertujuan untuk menunjukkan kuasa dan hak mutlak pengacara dalam memberikan hak berbual kepada penutur lain. Kepatuhan pemeran kepada giliran dalam berbual secara tidak langsung mempamerkan peranan pengacara yang besar dengan memberi peluang kepada setiap pemeran untuk menyuarakan pendapat mereka (Rohaidah Mashudi et al., 2013: 169). Sekali gus, menunjukkan celahan yang dilakukan oleh pengacara turut berperanan untuk mengawal aliran perbincangan sesebuah program pengacaraan supaya tersusun dan terkawal.

Sementara itu, dalam dialog (1) 40AA di atas, pengambilan giliran yang diberikan oleh pengacara kepada ODW, iaitu “...*dia:: bergantung cara gosokkan tu...*” mengakibatkan ujaran ODW dalam dialog (1) 37 (RNI) sekali lagi terhenti. Namun demikian, celahan sekali lagi berlaku dalam dialog (1) 41 (RNI), iaitu “*kadang-kadang kalau kita seorang isteri : kita cakap lemah lembut / kita bodek / terlebih ...*” Celahan ini bertujuan untuk tidak memberikan kesempatan bagi peserta lainnya untuk mengambil giliran atau memberikan respons (Stenstrom, 2014: 73). Ini dilakukan dengan bercakap dengan nada yang lebih kuat, lebih cepat dan di dalam intonasi yang lebih tinggi (Zimmerman dan West, 1975: 120). Hal ini menunjukkan bahawa setiap orang memiliki hak untuk memonopoli atau mendominasi percakapan dan tindakan ini akhirnya menyebabkan berlakunya celahan kerana celahan merupakan pelanggaran aturan pengambilan giliran dalam bercakap (Wardhaugh, 2012: 150).

Dalam dialog 2 58 ER di atas jelas menunjukkan celahan yang dilakukan oleh penutur lain sebelum sempat penutur terdahulu menghabiskan ujarannya, iaitu “*Tapi kalau perempuan kalau dia marah kitakan sejuk / kita kena pujuk / kenapa sayang :: kenapa :: apa-apa masalah dia :: / tapi kadang-kadang kita tak dapat ...*” Celahan ini berlaku dengan niat merampas hak bercakap daripada pemeran terdahulu disebabkan perbezaan pendapat tentang topik yang sedang dibincangkan. Pemeran ingin menegakkan pendapat peribadinya tentang keinginan naluri seorang wanita untuk dipujuk apabila berlaku situasi yang tidak diingini dalam rumah tangga. Selain itu, celahan ini wujud kerana sikap pemeran yang tidak sabar menunggu giliran (Roslina Mamat, 2004: 52). Secara tidak langsung menunjukkan pemeran tidak memiliki pemahaman mengenai giliran bercakap yang tersusun, iaitu pemeran bercakap sebelum diajukan soalan.

Program pengacara *Wanita Hari Ini* yang bersiaran secara langsung ini memerlukan penyediaan soalan yang rapi agar soalan yang dikemukakan kepada ODW tidak menjatuhkan air muka mereka. Soalan yang dikemukakan dalam dialog (3)12 P(i), iaitu “*Berapa agaknya jumlah? Boleh kita tahu berapa jumlah ...*” bukan sahaja membuka aib bekas suami bahkan juga boleh menjatuhkan air muka ODW. Hal ini menyebabkan pengambilan giliran oleh ODW semasa menjawab permintaan maklumat tersebut tidak lancar, iaitu “*Amount tu tak de lah kita kata bagi sese // apa macam*” dalam dialog (3) 13 PS. Di samping itu, kelancaran perbualan oleh ODW dalam dialog (3) 15 PS sekali lagi terganggu apabila pengacara mencelah dalam dialog (3) 16 (P)(i) dan (3)17 (P)(ii). Ini menyebabkan berlakunya celahan dalam dialog (3) 18 PSG yang seterusnya merampas giliran melalui ujaran, “*mungkin akak boleh selit sikit :: Dia merupakan client akak ...*” dan secara tidak langsung dapat menjaga air muka pemeran utama. Secara tuntasnya, celahan ini tidak dianggap sebagai kurang sopan kerana celahan yang dilakukan adalah atas dasar tanggungjawab seorang peguam yang menjaga hak anak guamnya. Justeru, kedudukan beliau sebagai seorang peguam yang cenderung untuk membuat celahan adalah bagi mempertahankan hak dan air muka pelanggannya (*client*).

Dalam dialog (4) 18 (P) (i) di atas, pengacara membuat celahan sewaktu ODW mengujarkan ujarannya dalam dialog (2) 17 Lut, iaitu “*Antaranya :: :: ada perkara // yang tiba-tiba Lutfia rasa macam sedih sangat / kenapa :: something missing dalam hidup / macam tu ::///*” . Celahan oleh pengacara ini bertujuan memberi bantuan kepada penutur semasa kerana perbualannya terhenti dalam tempoh yang lama yang ditandai oleh tanda hentian yang panjang (///) dan tanda pemanjangan bunyi ujaran (:::). Tanda pemanjangan bunyi ujaran (:::) ini menunjukkan ODW sedang mencari-cari perkataan yang sesuai bagi meneruskan perbualannya. Justeru, celahan melalui ungkapan “*ada kekosongan yang perlu dilengkapkan*” oleh pengacara dalam dialog (4) 18 P(i) bukan berniat untuk merampas giliran sebaliknya untuk membantu melancarkan ujaran ODW dalam program pengacaraan. Hal ini demikian kerana celahan ini berlaku dalam masa yang sekejap sahaja dan selepas itu penutur semasa boleh meneruskan ujarannya yang tergendala (Roslina Mamat, 2004: 72). Ungkapan celahan pengacara dalam dialog (4) 18 P(i), iaitu “*perlu dilengkapkan*” diguna pakai oleh ODW dalam dialog (4) 19 Lut dan kemudian meneruskan ujarannya.

Di samping itu, faktor waktu turut mempengaruhi celahan di dalam perbualan bagi mengelakkan ujaran terhenti dalam tempoh yang lama. Hal ini demikian kerana program pengacaraan *Wanita Hari Ini* disiarkan secara langsung dan tempoh masa bersiaran bagi sesebuah program di televisyen telah ditetapkan. Oleh yang demikian kepatuhan pada tempoh masa ini merupakan faktor berlakunya celahan dalam perbualan kerana apabila masa perbualan menjadi lebih panjang, topik perbualan akan turut bertambah, emosi peserta turut terpengaruh untuk membuat celahan atau mengambil giliran (Roslina Mamat, 2004: 162-163).

Celahan dalam dialog (5) 33 BB, iaitu “*Bukan isteri pertama lebih lama lebih banyak*” diujarkan oleh penutur yang lain walaupun ODW sedang meneruskan ujarannya. Celahan ini tidak semestinya dianggap sebagai suatu yang negatif. Hal ini kerana secara umumnya, masyarakat Malaysia kerap mencelah perbualan orang lain dengan maksud memberi sokongan, sebagai tanda

persetujuan ataupun sebagai isyarat bahawa mereka sedang mengikuti perbualan tersebut. Celahan ini dilihat secara positif dan seterusnya dapat membantu perkembangan isu yang sedang diperbualkan (Jamaliah Mohd. Ali, 2000: 451). Di samping itu, celahan yang dilakukan dengan penggunaan humor melalui sindiran merancakkan lagi perbualan selain untuk membuat orang lain ketawa. Penggunaan humor melalui sindiran merupakan sindiran terhadap orang yang dikritik tidak disebut nama dan sesuatu yang berkaitan secara langsung dengannya (Asmah Hj. Omar, 2013: 85).

Selain itu, celahan dalam dialog (5) 33(BB) juga bertujuan untuk memberikan tekanan psikologi kepada khalayak, khususnya para suami yang mengamalkan kehidupan berpoligami. Tekanan psikologi ini mengakibatkan turutan pengambilan giliran dalam perbualan terganggu. Hal ini kerana, celahan ini bersifat serampang dua mata yang mana sindiran ini ditujukan juga kepada ODW yang merupakan seorang suami dan mengamalkan konsep poligami dan juga para suami yang berpoligami di luar sana bahawa seharusnya kelebihan diberikan kepada isteri pertama walaupun mereka telah mempunyai isteri-isteri yang lain. Celahan yang wujud dalam kalangan wanita adalah lebih bersifat peribadi dalam ujaran, berdiplomasi, cakap bertindih dan memiliki pertuturan yang bersifat simetri (Tannen, 1990: 98). Oleh hal yang demikian, penggunaan humor melalui sindiran ini menyebabkan ODW terpaksa mengiakkan celahan yang diujarkan oleh penutur sebelumnya melalui ujarannya, iaitu "*sudah semestinya / sebab isteri ...*" dalam dialog (5) 34(Dr). Dengan kata lain melalui celahan yang berlaku dalam perbualan dapat membantu perkembangan isu yang sedang diperbualkan.

Dalam dialog (6) 43 Us celahan yang dilakukan oleh ODW dengan mengulang semula perkataan yang diujarkan oleh ODW bukan untuk mengganggu perbualan sebaliknya perkataan "*Syaitonirrojim*" menimbulkan humor melalui lawak kerana dalam budaya masyarakat Melayu apabila perkataan "*syaitan*" merujuk kepada sejenis makhluk halus yang jahat (Kamus Dewan, 2015: 1558). Namun begitu apabila perkataan "*Syaitonirrojim*" yang merupakan gaya bahasa hiperbola digunakan ia membawa maksud tahap kejahatan yang paling tinggi berbanding perkataan "*syaitan*". Elemen jenaka atau humor sememangnya bertujuan menghiburkan hati, namun begitu, pada masa yang sama membawa pelbagai peranan bagi memenuhi fungsi yang lebih kompleks dalam latar dan praktis sosiobudaya masyarakat (Hasuria Che Omar, 2012: 85).

Justeru, penggunaan perkataan tersebut oleh pengacara menimbulkan minat ODW untuk mencelah dan mengulang semula perkataan tersebut. Unsur-unsur kecindan atau gurau senda memainkan peranan penting dalam perbualan kerana dapat menimbulkan suasana mesra, riang dan boleh mengurangkan ketegangan dalam perbualan. Hal ini demikian kerana dalam kehidupan realiti berumah tangga tidak sepi dilanda pelbagai masalah. Justeru, unsur-unsur kecindan perlu diserapkan bagi melegakan bebanan emosi yang ditanggung. Perbualan yang berlaku secara serius tanpa diselitkan dengan unsur-unsur gurau senda akan menimbulkan rasa tertekan, terikat, tidak seronok dan ingin menamatkan perbualan dengan segera.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga*, mengandungi unsur celahan dalam perbualan. Unsur celahan ini wujud dalam perbualan kerana pemeran ingin mendapatkan maklumat, penjelasan, menyelesaikan, memutuskan dan menunjukkan kesepakatan. Penggunaan unsur celahan dalam perbualan dengan baik akan menentukan keberkesanan dan keberjayaan sesuatu wacana dalam menyampaikan maklumat. Justeru, pengambilan giliran yang berlaku melalui celahan bukan merupakan satu gangguan dalam perbualan sebaliknya, celahan dilakukan adalah untuk memberi idea dan membetulkan maklumat dalam perbualan selain merancakkan perbualan.

RUJUKAN

- Asmah Hj Omar. (2013). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanh, T.N. (2008). *Sequence Organization as Local and Longitudinal Achievement*. Text & Talk. 28(4), 501-528, diakses pada 25 April 2015, daripada <http://das.sageub.com/content>
- Hasuria Che Omar. (2012). Analisis wacana kritis dalam program televisyen Raja Lawak dan implikasinya terhadap psikososial audiens di Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 60-72.
- Jamaliah Mohd. Ali. (2000). *Malaysian Student Seminar: A Study of Pragmatic Features in Verbal Interaction*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Indah Arvianti. (2010). Ideologi Konversasi (Studi Kasus pada Wawancara terhadap Barack Obama oleh Putra Nababan). *Majalah Ilmiah Informatika*, 1(1), 47-65.
- Jefferson, G. (2014). Glossary of Transcript Symbols with an Introduction. In G.H. Lerner (ed.) *Conversation Analysis: Studies from the First Generation*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamins. 13-31. (Also available at <http://www.liso.ucsb.edu/Jefferson>).
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Amirah Che Soh. (2020). Ambilan Giliran Bertutur dalam Bual Bicara Radio IKIMFM. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(2), 2020: 41 – 49 (<https://doi.org/10.17576-2020-0802-05>).
- Rohaidah, M., Ahmad Mahmood, M., AdiYasran, A.A., & Hasnah, M. (2013). Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3), 164-178.
- Roslina Mamat. (2004) *Analisis Perbualan Penutur Asli Bahasa Jepun: Satu Kajian Pengambilan Giliran dan Aizuchi*. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan Dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia Dan Pelancong Jepun. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(3), 849—863.
- Roslina Mamat, Roswati Abdul Rashid, Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abd Rahim & NorShahila Mansor. (2014). Ciri-Ciri Perbualan dan Strategi Komunikasi Pemandu Pelancong Tempatan dalam Bahasa Jepun. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 56-66.
- Saraswati, N & Hamsia, H. 2017. A Study of turn taking used in radio talk show under the topic “Gender Equality and Women’s Empowerment”. *TELL Journal*: 60-70.
- Tannen, D. (1990). *You just don’t understand: Women and men in conversation*. New York: Ballantine Books.
- Wardhaugh, K. (2012). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell Publishing.

Winda Afrina , Muhammad Yusuf & Ridwan Hanafiah (2022) Conversational Analysis of Interruption in Suits Series Season 1. *Ling Poet: Journal of Linguistics and Literary Research*, 3(1). 72 – 83

Zimmerman, D. H., and West, C., (1975) Sex roles, interruptions, and silences in conversation *Language and sex: Difference and dominance*. Stanford, CA: Stanford University Press.

PEMAHAMAN MAHASISWA MENGENAI ISTILAH SEMASA BAHASA MELAYU DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN MAKLUMAT

Aminnudin Saimon*
Siti Arfah Nazman
Nur Salehah Mat Isa
Nadia Nadhirah Radzali
Siti Norlina Mohd Zulkeffle
*Corresponding Author
deanamin@iium.edu.my
Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Pagoh, Johor.

Abstrak

Perkembangan bahasa Melayu dilihat semakin meluas terutamanya dalam bidang peristilahan. Istilah-istilah dalam sesuatu bidang dilihat semakin berkembang sejajar dengan perkembangan dunia semasa termasuklah bidang teknologi dan maklumat. Bidang ini memberikan satu impak yang besar dalam kehidupan masyarakat terutama sekali dalam kalangan mahasiswa. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan dua objektif yang utama, iaitu mengenal pasti dan menganalisis tahap pemahaman istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi dan maklumat dalam kalangan mahasiswa di universiti awam Malaysia. Seramai 108 mahasiswa daripada empat buah universiti awam telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini akan dipersembahkan dalam bentuk perkiraan seperti bilangan dan peratusan. Dapatan kajian mendapati bahawa mahasiswa dari UPSI mencatatkan jumlah pemahaman yang paling tinggi iaitu sebanyak 516 istilah dan diikuti oleh UIAM sebanyak 494 istilah, UMK sebanyak 448 istilah dan akhir sekali UUM sebanyak 445 istilah. Hasil dapatan juga menunjukkan terdapat beberapa istilah yang menunjukkan peratusan pemahaman yang rendah, antaranya webisod dan tunafoto. Hal ini demikian kerana, mahasiswa lebih gemar menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris berbanding istilah bahasa Melayu dan tahap pemahaman mahasiswa dalam beberapa istilah bahasa Melayu masih lagi kurang. Rumusannya, pemahaman mahasiswa terhadap istilah bidang teknologi dan maklumat berada pada tahap yang baik berdasarkan dapatan yang diperolehi.

Kata kunci: *Istilah, teknologi dan maklumat, mahasiswa, tahap pemahaman, IPTA*

PENGENALAN

Perkembangan teknologi dan maklumat dilihat semakin canggih dan bervariasi. Kewujudan dan perkembangan teknologi dan maklumat telah membawa kepada pembaharuan dalam pelbagai bidang. Pada hari ini, terdapat pelbagai istilah baharu yang wujud dalam pelbagai bidang, terutamanya bidang teknologi dan maklumat. Kosa kata dan juga istilah yang terkandung dalam bidang tersebut juga dilihat semakin bervariasi dan memberikan satu lonjakan kepada penguasaan istilah. Hal ini demikian kerana masyarakat pada hari ini terdedah dan banyak meluangkan masa kepada media sosial. Masyarakat sering menghabiskan masa dengan sosial media seperti, *Facebook, Instagram, Twitter, Wechat* dan sebagainya (Mohd. Mokhtarishah Mohamed Mokhtar & Hasmadi Hj. Hassan, 2021). Berdasarkan kenyataan ini, kewujudan istilah baharu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi semakin bertambah. Helen Simon dan Azizan Morshidi (2017) menyatakan bahawa kewujudan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai satu aspek yang diperlukan untuk memproses data secara atas talian, manakala Shun & Caroll (2017)

mendefinisikan TMK sebagai satu alat yang mengumpul, memproses, menyimpan, menukar dan menggunakan maklumat.

Kemunculan bidang teknologi dan maklumat pada hari ini dilihat semakin pesat berikutan perubahan pemikiran manusia yang semakin maju. Sebelum kemunculan zaman teknologi maklumat dan komunikasi, manusia terdedah dengan zaman pertanian dan kemudian zaman perindustrian (Mohd. Fadhil Aziz & Mardzelah Makhsin, 2021). Pada zaman dahulu, manusia terdedah dengan proses atau konteks komunikasi yang klasik berbanding pada hari ini yang lebih moden. Seterusnya, sekitar tahun 2000 hingga sekarang manusia mulai terdedah dengan teknologi yang semakin moden saban tahun. Tambahan pula, berikutan berlakunya isu kesihatan sekitar tahun 2019 akibat penularan virus Covid-19 yang telah mempengaruhi kehidupan harian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana penularan virus Covid-19 yang telah menyerang seluruh dunia telah menyebabkan berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau *Lockdown*. Arahan tersebut telah mendorong manusia pada hari ini untuk menggunakan teknologi seperti telefon pintar sebagai alat untuk berkomunikasi.

Perkara ini dilihat sebagai satu perubahan yang drastik menyebabkan masyarakat pada hari ini bergantung harap pada teknologi sepenuhnya untuk berkomunikasi. Hal ini demikian kerana bukan sahaja bidang pendidikan, malah bidang perniagaan turut meletakkan teknologi sebagai medium utama kepada pengguna. Kesannya, masyarakat hari ini terdedah kepada pelbagai istilah semasa dalam pelbagai bidang terutamanya bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Sebagai contoh, perkataan netizen, *youtuber*, hasut maya (*troll*) dan lain-lain. Perkara ini jelas dapat dilihat bahawa kewujudan istilah baharu ini dipengaruhi oleh penggunaan bahasa Inggeris yang bersifat universal menyebabkan masyarakat pada hari ini tidak terdedah kepada istilah dalam bahasa Melayu. Oleh itu, usaha daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dilihat sebagai satu perkara yang produktif dan proaktif dilihat berjaya mewujudkan dan mengetengahkan istilah dalam bahasa Melayu. Kesannya, masyarakat dunia, terutamanya masyarakat di Malaysia akan sedar dan memahami istilah dalam pelbagai bidang seperti bidang teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Akhir sekali, kajian ini memfokuskan kepada pemahaman mahasiswa terhadap istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

PENYATAAN MASALAH

Teknologi dan maklumat merupakan satu bidang yang telah memberikan impak yang begitu besar kepada kehidupan masyarakat pada masa kini. Masyarakat dapat menyampaikan dan menerima sesuatu maklumat dengan mudah dan pantas melalui teknologi ini. Walaupun tidak mempunyai ilmu kepakaran yang mendalam, kebanyakan masyarakat mempunyai pengetahuan asas dalam bidang berasaskan pengkomputeran. Hasil daripada penciptaan perkakasan, peralatan serta aktiviti yang terdapat dalam bidang teknologi dan maklumat telah membawa kepada kewujudan penggunaan istilah-istilah baharu yang berkaitan dengan bidang ini. Istilah-istilah ini kebanyakannya terdiri daripada istilah bahasa Inggeris, tetapi telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Walaupun bidang teknologi dan maklumat telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia namun tidak semua memahami dan mengetahui istilah-istilah bidang teknologi dan maklumat dalam bahasa Melayu. Pengaruh penggunaan istilah teknologi dan maklumat dalam bahasa Inggeris yang lebih kuat berbanding bahasa Melayu menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam masyarakat tentang makna sesuatu istilah terutamanya dalam bahasa Melayu. Hal ini sejajar dengan kenyataan Buqdoon (2019) yang mengatakan bahawa isu dalam peristilahan ialah pemahaman terhadap istilah itu sendiri dan penterjemahan ke dalam bahasa sasaran yang kurang mendapat perhatian dan jarang didengari.

Peristilahan memberikan manfaat kepada perkembangan bahasa terutamanya bahasa Melayu yang dapat memperkaya dan memperkasa kosa kata itu sendiri. Namun, penterjemahan istilah daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dilihat memberikan kekeliruan dan ketidakfahaman penggunaannya dalam kehidupan masyarakat. Aminuddin Saimon et. al. (2019)

mengatakan bahawa masyarakat tidak dapat memahami sesuatu istilah itu adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya ketidakbiasaan istilah digunakan, pendedahan penggunaan istilah, pewartaan istilah dan kesebarluasan istilah itu menyebabkan masyarakat tidak dapat memahami istilah yang digunakan. Justeru, istilah yang terhasil perlulah disebarluaskan agar masyarakat dapat memahami dan menggunakan istilah tersebut dalam pelbagai medium supaya kosa kata bahasa Melayu dapat berkembang dan menjadi kebiasaan kepada pengguna bahasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, terdapat dua objektif kajian dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji, iaitu:

- a. Mengenal pasti pemahaman istilah bahasa Melayu dalam bidang teknologi dan maklumat dalam kalangan mahasiswa di IPTA.
- b. Menganalisis tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah semasa bidang teknologi dan maklumat bahasa Melayu di IPTA.

SOROTAN LITERATUR

Kajian bertajuk ‘Semantic Relations Of English Mass Media Terminology’ yang dijalankan oleh Uktamova (2022) mendapati bahawa media massa memainkan peranan penting yang penting dalam masyarakat. Hal ini disebabkan oleh peristiwa menarik yang berlaku setiap hari dan peristiwa tersebut diterjemahkan dalam bentuk berita. Justeru, kosa kata dan istilah yang digunakan dapat disampaikan kepada masyarakat dengan jayanya. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perkaitan semantik dengan peristilahan dalam media massa. Penganalisan mendapati penonton dan masyarakat dapat mempelajari sesuatu istilah melalui penyampaian berita dan pandangan masyarakat dapat dikukuhkan melalui pembacaan surat khabar, majalah, internet, televisyen dan radio. Atas dasar ini, kajian istilah dalam media mendapati peristilahan dalam bidang linguistik, analisis semantik dan struktur istilah, dan pemahaman penuh maknanya menjadi relevan dengan sains. Penyelidikan aktif dalam kajian terminologi media membolehkan penemuan pengetahuan dan maklumat baharu.

Aminnudin Saimon et, al. (2021) menjalankan kajian yang bertajuk ‘Tahap Pemahaman Pelajar terhadap Istilah Baharu COVID-19: Kajian terhadap Universiti Awam di Malaysia’ mendapati bahawa tahap pemahaman pelajar terhadap istilah Covid-19 adalah sangat baik. Objektif kajian adalah bertujuan untuk mengetahui istilah-istilah baharu dalam Covid-19 dan mengkaji tahap pemahaman pelajar terhadap Covid-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan mengaplikasikan teknik soal selidik untuk mengenal pasti istilah-istilah baharu dalam Covid-19. Seramai 200 orang pelajar daripada empat buah universiti awam yang dipilih dengan menggunakan persampelan rawak berstrata. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar UIAM mencatat jumlah pemahaman yang tinggi diikuti UPSI, UKM dan UM. Daripada 3952 jumlah keseluruhan, pelajar UIAM mencatat 1001 pemahaman terhadap istilah yang diberikan, diikuti UPSI sebanyak 998, UKM 995 dan UM 958. Dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memahami istilah yang digunakan dalam Covid-19. Istilah R-Naught, Aktiviti Survelan dan Triaging merupakan istilah yang dominan tidak diketahui dari keempat-empat buah universiti. Hasil dapatan mendapati faktor ketidakbiasaan istilah digunakan, pendedahan penggunaan istilah, pewartaan istilah dan kesebarluasan istilah itu menyebabkan masyarakat tidak dapat memahami istilah yang digunakan.

Lorini dan Chigona (2020) menjalankan kajian yang bertajuk ‘ICT For Development, Empowerment or Emancipation? A Reflection On Terminology Based On Case Studies In Underserved Communities Of Cape Town’ mendapati bahawa penjelasan terminologi merangsang refleksi terhadap ideologi dan motivasi yang mendorong penyelidikan dan aktiviti. Dalam konteks projek penyelidikan ini, penyelidikan yang dijalankan mencetus, mengikuti, dan menganalisis tiga proses pembangunan sosial dan manusia yang dibentangkan dalam komuniti bandar yang kurang mendapat perkhidmatan di Cape Town, Afrika Selatan. Proses tersebut dibangunkan selama tiga

tahun melalui pendekatan yang fleksibel terhadap hasil yang berkait dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Objektif kajian adalah untuk memacu analisis penilaian kajian pelbagai kes. Apakah proses tersebut? Apakah proses yang dilakukan? Apakah yang mereka bawa? Apakah warisan projek-projek ini? Soalan-soalan ini dianalisis melalui penjelasan evolusi kajian kes yang dikemukakan. Soalan yang paling penting adalah tentang niat peserta-penyelidik, profesional luar dan ahli komuniti berhubung dengan falsafah latar belakang dan andaian. Jarang dinyatakan, kadang-kadang di luar dalam pendekatan intervensi, sebab-sebab untuk mengambil bahagian dalam projek adalah penentu yang paling mungkin untuk hasil - pembangunan dan/atau pemeraksanaan dan/atau emansipasi. Hasil dapatan mendapati bahawa penjelasan terminologi merangsang refleksi terhadap ideologi dan motivasi yang mendorong penyelidikan dan aktiviti.

Bakirova (2020) menjalankan kajian yang bertajuk 'Teaching Foreign Language Terminology At A Non-Language Universities' mendapati kecekapan istilah pakar adalah disiasat sebagai asas kepada pembentukan profesional asing kecekapan komunikatif bahasa pakar masa depan dan adalah salah satu tugas utama mengajar bahasa asing dalam bukan linguistik universiti. Objektif artikel ini membincangkan pengajaran bahasa asing terhadap istilah-istilah bahasa di universiti bukan linguistik dalam rangka kerja pendekatan pengajaran moden berasaskan kecekapan bahasa asing. Artikel ini menganalisis penguasaan kemahiran leksikal yang diperlukan untuk komunikasi profesional dalam bahasa asing. Di samping itu, kecekapan istilah pakar adalah disiasat sebagai asas kepada pembentukan profesional asing kecekapan komunikatif bahasa pakar masa depan dan adalah salah satu tugas utama mengajar bahasa asing dalam bukan linguistik universiti.

Kajian yang dilaksanakan oleh Harishon Radzi dan Nurul Husna Abdul Halim (2018) yang bertajuk Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat dalam Kalangan Pelajar Universiti: Analisis Sosiokognitif mendapati pengetahuan pelajar universiti terhadap istilah teknologi maklumat adalah 'sangat baik'. Teknologi maklumat merupakan bidang yang memainkan peranan dalam memudahkan kerja-kerja manusia dan bidang ini berkembang dengan pesat. Perkembangan sesuatu bidang memerlukan istilah bagi membawa konsep bidang tersebut. Penggunaan teknologi maklumat turut dipengaruhi oleh latar belakang sosial. Hal ini dapat menjelaskan alasan teknologi maklumat hanya digunakan oleh golongan tertentu. Oleh itu, kajian ini membincangkan tahap pengetahuan istilah teknologi maklumat dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan analisis sosiokognitif. Aspek sosiokognitif yang diteliti dalam kajian ini melibatkan pengetahuan istilah teknologi maklumat yang diteliti berdasarkan umur, program pengajian dan kawasan tempat tinggal. Antara objektif yang menjadi panduan kajian ini; pertamanya adalah untuk mengukur tahap pengetahuan pelajar tahun tiga Pusat Penyelidikan dan Kelestarian Sains Bahasa (PPKSB) terhadap istilah teknologi maklumat. Objektif kedua pula ialah untuk menghuraikan tahap pengetahuan istilah teknologi maklumat berteraskan pendekatan sosiokognitif. Kajian ini melibatkan 100 orang responden dari kalangan pelajar Linguistik tahun akhir (50 orang) dan pelajar English Language Studies (ELS) (50 orang). Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pengetahuan pelajar universiti terhadap istilah teknologi maklumat adalah 'sangat baik'. Aspek pengetahuan ini diteliti berasaskan latar belakang informan. Sehubungan itu, kajian ini telah meneliti pertalian antara latar belakang sosial yang mempengaruhi kognitif pelajar universiti terhadap istilah teknologi maklumat.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji membincangkan mengenai metodologi kajian yang menjadi salah satu aspek yang penting dalam menghasilkan sesuatu kajian. Metodologi kajian merupakan satu aspek yang menjelaskan tentang cara, kaedah, dan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Selain itu, metodologi kajian ini dapat membentuk hasil penyelidikan yang sistematik dan teratur. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji dapat melihat dan memfokuskan objektif kajian serta memudahkan proses pengumpulan data. Metode yang digunakan dalam kajian adalah terdiri

daripada reka bentuk kajian, sampel kajian, persampelan, alat kajian dan tempat kajian serta diikuti dengan kaedah pengumpulan data.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada satu tatacara pengolahan data yang diambil berlandaskan perancangan yang telah dibuat oleh pengkaji terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah dalam sesuatu kajian (Liamputtong, 2017). Dalam kajian ini, pengkaji memilih reka bentuk kuantitatif. Hal ini demikian kerana pengkaji meninjau dan menganalisis tahap pemahaman istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi dan maklumat dalam kalangan mahasiswa di universiti awam Malaysia. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kuantitatif untuk meneliti hubungan antara pemboleh ubah dengan maklumat utama dan seterusnya menganalisis data dalam bentuk pengiraan. Kaedah ini turut digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berbentuk saintifik. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini akan dipersembahkan dalam bentuk perkiraan seperti bilangan dan peratusan.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk menerangkan cara pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan mengaplikasikan teknik soal selidik. Pengkaji menggunakan borang soal selidik melalui borang 'google form' dan diedarkan melalui pautan.

Soal Selidik

Pengkaji menggunakan teknik soal selidik, iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik yang diedarkan secara talian menggunakan *Google Form* kepada 108 orang mahasiswa yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Pagoh, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), iaitu seramai 27 orang mahasiswa dari setiap universiti yang dipilih. Responden yang dipilih adalah secara rawak.

Bahan Kajian

Bahan kajian yang digunakan ialah responden yang terdiri daripada pelajar universiti awam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Pagoh, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Selain itu, pengkaji turut menggunakan istilah-istilah semasa bidang teknologi dan maklumat dalam bahasa Melayu yang diperoleh daripada laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji membentangkan dapatan kajian yang telah dilaksanakan berdasarkan dua objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti istilah bahasa Melayu dalam bidang teknologi dan maklumat dalam kalangan mahasiswa di IPTA dan menganalisis tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah semasa bidang teknologi dan maklumat bahasa Melayu di IPTA.

Mengenal Pasti Istilah Semasa Bahasa Melayu dalam Bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Dalam kajian ini pengkaji telah menyenaraikan sebanyak 25 istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Istilah-istilah tersebut diambil daripada platform media sosial dan laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Jadual 1 di menunjukkan istilah-istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang TMK berserta dengan istilah dalam bahasa Inggeris dan makna setiap perkataan.

Jadual 1. Senarai istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Bil.	Istilah B.I	Istilah B.M	Makna
1	<i>Audio conferencing</i>	Sidang audio	➤ Satu set teknologi telekomunikasi interaktif yang membenarkan orang di dua atau lebih lokasi berinteraksi melalui penghantaran video dan audio dua- hala secara serentak. Ia juga telah dirujuk sebagai kerjasama pandang dan merupakan sejenis perisian kumpulan.
2	<i>E-hailing</i>	E-panggilan	➤ Proses menempah atau memesan kereta, teksi, limosin atau pengangkutan awam yang lain melalui komputer atau peranti bergerak seperti telefon pintar.
3	<i>Trending</i>	Sohor kini	➤ Perkataan sohor yang bermaksud “terkenal” dan “masyhur”. Perkataan kini pula merujuk kepada “sekarang ini” atau “masa ini”
4	<i>Dark – side hacker</i>	Penggodam jahat	➤ Kumpulan atau orang yang mencerooboh masuk ke dalam sistem komputer untuk mengakses data atau maklumat sulit dan sebagainya.
5	<i>Groufie</i>	Swafoto Berkumpulan	➤ Mengambil gambar foto dengan usaha sendiri secara berkumpulan oleh tiga orang atau lebih dengan menggunakan kamera digital atau kamera telefon pintar.
6	<i>Selfie</i>	Swafoto	➤ Satu bentuk fotografi potret sendiri, biasanya diambil dengan menggunakan kamera digital ataupun telefon bimbit berkamera yang dipegang dengan tangan ataupun disokong dengan kayu penyokong khas.
7	<i>Wefie</i>	Swafoto bersama	➤ Mengambil gambar dengan usaha sendiri oleh dua orang atau lebih dengan menggunakan kamera digital atau kamera telefon pintar.
8	<i>Hashtag</i>	Tanda pagar	➤ Merupakan bentuk tanda tag. Tanda pagar ini berfungsi sebagai satu bentuk penyediaan cara untuk mengelompokkan pesan kerana semua orang dapat mencari tanda pagar dan seperangkat pesan yang mengandungi sesuatu isu atau perkara.
9	<i>Viral</i>	Tular	➤ Keadaan sesuatu yang merebak atau diedarkan dengan cepat dan meluas menerusi alam maya daripada satu pengguna kepada pengguna lain melalui internet.
10	<i>Photo bomb</i>	Tunafoto	➤ Gambar foto yang terganggu atau rosak disebabkan sesuatu yang tidak dijangka semasa mengambil foto.
11	<i>Netizen</i>	Warga internet	➤ Istilah yang dibentuk dari perkataan “Net” (internet) dan “Citizen (warga). Gabungan perkataan tersebut menjadi warga internet yang merujuk kepada pengguna internet yang mengambil bahagian secara aktif dalam media sosial.
12	<i>Countdown</i>	Kira detik	➤ Urutan pengiraan mundur untuk menunjukkan masa yang tinggal sebelum sesuatu peristiwa dijadualkan akan berlaku.
13	<i>Pendrive</i>	Pemacu pena	➤ Peranti penyimpanan data yang merangkumi memori denyar dengan antara muka Bas Serial Universal bersepadu.

14	<i>Copy and paste</i>	Salin dan tampal	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Arahan dalam antara muka pengguna komputer dan merupakan satu kaedah pemindahan data dari satu lokasi ke lokasi lain. ➤ Tidak seperti potong dan tampal, yang memindahkan kandungan ke lokasi baharu, salin dan tampal mencipta pendua di lokasi baharu. ➤ Salin dan tampal juga membolehkan replikasi data mudah.
15	<i>Platform</i>	Pelantar	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menjelaskan sejenis perkakasan seni bina dan rangka kerja perisian yang membenarkan perisian komputer untuk dilaksanakan. ➤ Beberapa pelantar terkenal termasuk seni bina, sistem pengendalian, bahasa pengacaraan dan beberapa latar muka berkaitan pengguna.
16	<i>Link</i>	Pautan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Merupakan satu rangkaian untuk menghubungkan kepada sesuatu laman web atau laman sesawang.
17	<i>Instafamous</i>	Sohor Instagram / Pesohor Instagram	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Individu yang terkenal kerana mempunyai jumlah pengikut yang ramai dan jumlah tanda suka yang banyak pada hantaran gambaran di aplikasi Instagram.
18	<i>Feature – rich</i>	Aneka ciri	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Aplikasi khas yang mengandungi kepelbagaian ciri untuk kemudahan pengguna untuk berkomunikasi.
19	<i>Troll</i>	Hasut maya	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kata yang mempersendakan atau mengejek seseorang terhadap sesuatu perkara. ➤ Kata ini juga umum dan dilabelkan juga sebagai istilah dalam bidang komputer oleh kamus bahasa Inggeris. ➤ Penggunaannya khusus dalam konteks teknologi maklumat.
20	<i>Phubbing</i>	Lekafon	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Amalan mengabaikan rakan dengan memberikan perhatian kepada peranti mudah alih.
21	<i>Webisode</i>	Webisod	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Rancangan Tv, video dan lain-lain yang ditayangkan secara berepisod yang hanya dapat ditonton secara atas talian.
22	<i>Digital influence</i>	Pempengaruh digital	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Merujuk kepada seseorang yang boleh mempengaruhi pengikut antara peminat. ➤ Antaranya termasuk mereka dalam kalangan selebriti, atlet, model, pelukis dan lain- lain.
23	<i>Youtuber</i>	Penggiat You tube	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pihak yang menggiatkan sesuatu dan menggunakan laman sesawang YouTube sebagai tempat kegiatan.
24	<i>Top fan</i>	Pengikut utama	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Lencana yang merujuk kepada pengguna yang paling aktif pada sebuah laman sesawang muka buku (Facebook). ➤ Lencana ini akan muncul pada laman tersebut sekiranya anda merupakan seorang yang aktif.
25	<i>Screenshot</i>	Tangkap layer	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Suatu gambar yang menunjukkan apa yang dipaparkan pada skrin ketika waktu ia ditangkap.

Jadual 1 yang dipersembahkan menjelaskan istilah-istilah semasa dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris beserta maknanya yang digunakan dalam laman sesawang dan telah diwartakan oleh DBP.

Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Semasa Bidang Teknologi dan Maklumat Bahasa Melayu.

Dalam bahagian dapatan, pengkaji menjelaskan demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga objektif kajian. Dalam konteks kajian ini, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti istilah semasa bidang teknologi dan maklumat dalam bahasa Melayu dan menganalisis tahap pengetahuan mahasiswa terhadap istilah semasa bidang teknologi dan maklumat bahasa Melayu di IPTA terpilih.

Demografi Responden


Bahagian ini membincangkan demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur dan universiti. Untuk memudahkan lagi pemahaman mengenai demografi responden, jadual 2 dan carta pai 1 telah disediakan oleh pengkaji agar lebih jelas.

Jantina

Responden kajian yang dipilih adalah terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan. Peratusan responden bagi jantina lelaki adalah sebanyak 28% bersamaan 30 orang dan peratusan responden bagi jantina perempuan adalah sebanyak 72% bersamaan 78 orang.

Jadual 2. Demografi responden mengikut jantina.

Bil.	Jantina	Bil. Responden	Peratus (%)
1	Lelaki	30	28
2	Perempuan	78	72
	Jumlah	108	100



Carta Pai 1. Demografi responden berdasarkan jantina.


Berdasarkan Jadual 2 dan Carta Pai 1 menunjukkan seramai 108 orang responden terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan hasil dapatan, kajian ini terdiri daripada 30 mahasiswa lelaki dengan peratusan sebanyak 28%, manakala responden perempuan pula mencatatkan seramai 78 mahasiswa atau sebanyak 72%. Bilangan tersebut diambil adalah berdasarkan jumlah keseluruhan responden berdasarkan 4 universiti yang dipilih.

Umur

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga peringkat umur responden, iaitu lingkungan 18 – 20 tahun, 21 – 23 tahun dan 24 – 26 tahun. Bilangan responden bagi lingkungan umur tersebut dipersembahkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Demografi responden berdasarkan umur.

Bil.	Umur	Bil. Responden	Peratus (%)
1	18 – 20	1	1
2	21 – 23	94	87
3	24 – 26	13	12
	Jumlah	108	100




Carta Pai 2. Umur responden

Berdasarkan Jadual 3 dan Carta Pai 2, menunjukkan peratusan responden mengikut umur yang berada dalam lingkungan 18 tahun hingga 26 tahun. Responden yang berumur 18 hingga 20 tahun mencatatkan bilangan peratusan yang paling sedikit iaitu 1% bersamaan dengan 1 orang responden. Seterusnya, responden yang berumur antara 20 tahun hingga 23 tahun pula mencatatkan bilangan yang paling ramai, iaitu seramai 94 orang responden dengan catatan peratusan sebanyak 87%, manakala bagi responden yang berumur 24 tahun hingga 26 tahun pula merekodkan sebanyak 12% iaitu seramai 13 responden. Secara keseluruhannya, jumlah responden bagi kesemua lingkungan umur tersebut adalah seramai 108 responden merangkumi keempat – empat universiti yang dipilih.

Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Berdasarkan Carta Pai 3 pula membincangkan mengenai senarai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terlibat dalam menjawab soal selidik. Antara universiti yang dipilih ialah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Berdasarkan Carta Pai 3 yang

ditunjukkan, jumlah responden bagi setiap IPTA adalah sama, iaitu seramai 27 orang responden dengan catatan peratusan sebanyak 25%.



Carta Pai 3. Demografi Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) responden

Menganalisis Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Bahasa Melayu Bidang Teknologi dan Maklumat.

Bagi dapatan objektif yang kedua pula, pengkaji membincangkan tahap pemahaman mahasiswa di UIAM, UMK, UPSI dan UUM terhadap istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi dan maklumat (TMK). Dalam bahagian ini data akan dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti Jadual 4.

Jadual 4. Jumlah keseluruhan tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah bahasa Melayu dalam bidang teknologi dan maklumat

Istilah TMK	UAIM		UPSI		UUM		UMK		Jumlah		Jumlah
	Tahu	Tak tahu	Tahu	Tak tahu	Tahu	Tak tahu	Tahu	Tak tahu	Tahu	Tak tahu	
Sidang audio	17	10	20	7	18	9	20	7	75	33	108
E - Panggilan	18	9	19	8	17	10	16	11	70	38	108
Sohor kini	19	8	14	13	10	17	12	15	55	53	108
Penggodam jahat	21	6	25	2	15	12	18	9	79	29	108
Swafoto berkumpulan	26	1	27	0	24	3	23	4	100	8	108
Swafoto	27	0	27	0	27	0	25	2	106	2	108
Swafoto bersama	25	2	27	0	23	4	23	4	98	10	108
Tanda pagar	25	2	23	4	20	7	20	7	88	20	108
Tular	27	0	27	0	24	3	25	2	103	5	108
Tuna foto	7	20	8	19	5	22	3	24	23	85	108
Warga internet	26	1	27	0	23	4	24	3	100	8	108
Kira detik	19	8	25	2	16	11	19	8	79	29	108
Pemacu pena	15	12	17	10	9	18	13	14	54	54	108
Pelantar	17	10	18	9	13	14	12	15	60	48	108
Pautan	27	0	27	0	26	1	27	0	107	1	108


Sohor	20	7	18	9	16	11	14	13	68	40	108
instagram/pesohor											
instagram											
Aneka ciri	16	11	19	8	16	11	17	10	68	40	108
Hasut maya	15	12	14	13	13	14	12	15	54	54	108
Lekafon	14	13	9	18	3	24	14	13	40	68	108
Pempengaruh digital	7	20	16	11	10	17	15	12	48	60	108
Penggiat Youtube	24	3	26	1	21	6	24	3	95	13	108
Pengikut utama	27	0	26	1	20	7	23	4	96	12	108
Tangkap layar	23	4	26	1	20	7	22	5	91	17	108
Salin dan tampal	27	0	27	0	26	1	26	1	106	2	108
Webisod	5	22	4	23	3	24	5	22	17	91	108
Jumlah	494	161	516	189	445	257	448	223	1880	820	2700

Pautan

Pautan didefinisikan sebagai satu rangkaian untuk menghubungkan pengguna kepada sesuatu laman web atau laman sesawang (Forbes, 2018). Istilah pautan ini dipanggil sebagai ‘link’ dalam istilah bahasa Inggeris. Istilah ini sering digunakan oleh umum pada hari ini terutamanya golongan pelajar dan atau mahasiswa berikutan berlakunya perubahan terhadap pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, berikutan penularan virus Covid-19 pada tahun 2019 telah mengubah sistem pembelajaran negara di mana pelajar melaksanakan aktiviti pembelajaran secara atas talian. Oleh itu, penggunaan pautan atau “link” sering digunakan oleh mereka ketika sesi pembelajaran. Jadual 5 menunjukkan tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah pautan.

Jadual 5. Pemahaman Mahasiswa terhadap Istilah Pautan.

IPTA	Tahu	Tak tahu	Jumlah
UIA	27	0	27
UMK	27	0	27
UPSI	27	0	27
UUM	26	1	27
Jumlah	107	1	108



Carta Bar 1. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah pautan.


Secara keseluruhannya, istilah pautan mencatatkan tahap pemahaman yang tertinggi iaitu sebanyak 107 mahasiswa daripada 108 mahasiswa. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 5 dan Carta Bar 1 menunjukkan mahasiswa daripada UIAM, UMK DAN UPSI masing-masing merekodkan 27 mahasiswa yang tahu akan istilah pautan. Bagi UUM pula, menunjukkan sebanyak 26 mahasiswa yang tahu dan seorang mahasiswa yang tidak tahu akan istilah pautan. Secara totalnya, majoriti mahasiswa mengetahui akan istilah pautan ini berbanding istilah yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana istilah ini sering digunakan dalam proses pembelajaran pada hari ini, terutamanya dalam pdpr.

Webisod

Webisod ini merupakan rancangan TV, video dan lain-lain yang ditayangkan hanya secara berepisod dan dapat ditonton hanya secara atas talian (Forbes, 2018). Istilah webisod ini mendapat jumlah yang tinggi bagi mahasiswa yang tak tahu mengenai istilah ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, mahasiswa kurang pengetahuan berkenaan dengan penggunaan istilah tersebut dalam bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, berdasarkan pandangan yang telah diberikan oleh salah seorang mahasiswa juga telah mengatakan bahawa istilah dalam bahasa Melayu ini kurang digunakan dalam perbualan harian dan kurang membaca mengenai istilah-istilah dalam bahasa Melayu. Hal ini telah menyebabkan, mahasiswa kurang memahami terhadap istilah tersebut. Jadual 6 di bawah menunjukkan tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah webisod.

Jadual 6. Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Webisod.

IPTA	Tahu	Tak Tahu	Jumlah
UIA	5	22	27
UMK	5	22	27
UPSI	4	23	27
UUM	3	24	27
Jumlah	17	91	108



Carta Bar 2. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah webisod.

Berdasarkan Jadual 6 dan Carta Bar 2, istilah webisod ini merupakan istilah yang paling tinggi tak tahu oleh mahasiswa. Terdapat 91 mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah ini berbanding dengan jumlah keseluruhan mahasiswa iaitu seramai 108 mahasiswa. Hal ini kerana istilah tersebut jarang digunakan oleh mahasiswa dan lebih menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris berbanding istilah dalam bahasa Melayu. Jika dilihat daripada jumlah hasil borang soal


selidik yang dilakukan oleh para pengkaji, UUM telah mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu seramai 24 mahasiswa yang tak mengetahui istilah tersebut, kemudian diikuti dengan UPSI iaitu seramai 23 mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah tersebut. Akhir sekali, bagi UMK dan UIAM telah mencatat jumlah mahasiswa yang sama, iaitu seramai 22 mahasiswa yang tak tahu tentang istilah webisod ini.

Tunafoto

Istilah tunafoto ini bermaksud gambar foto yang terganggu atau rosak disebabkan sesuatu yang tidak dijangka semasa mengambil foto (Sytnyk, 2020). Tunafoto ini juga dikenali sebagai “*photo bomb*” dalam istilah bahasa Inggeris. Bagi dapatan bagi tunafoto ini merupakan kedua yang paling tinggi bagi mahasiswa tak tahu terhadap istilah ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, mahasiswa terbiasa menggunakan istilah bahasa Inggeris dan telah menyebabkan mahasiswa kurang memahami istilah tersebut dalam bahasa Melayu. Selain itu, mahasiswa juga kurang mengambil tahu tentang perkara ini dan telah menyebabkan pengetahuan mahasiswa tentang istilah dalam bahasa Melayu ini lemah. Berikut merupakan dapatan terhadap tahap pengetahuan mahasiswa terhadap istilah tunafoto ini.

Jadual 7. Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Tunafoto.

IPTA	Tahu	Tak Tahu	Jumlah
UIA	7	20	27
UMK	3	24	27
UPSI	8	19	27
UUM	5	22	27
Jumlah	23	85	108



Carta Bar 3. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah tunafoto.

Berdasarkan Jadual 7 dan Carta Bar 3, istilah tunafoto dalam bahasa Melayu bagi bidang teknologi dan maklumat ini merupakan dapatan kedua paling tinggi setelah webisod. Jumlah mahasiswa yang tak tahu tentang istilah ini adalah seramai 85 mahasiswa daripada 108 mahasiswa di IPTA. Hal ini dikatakan demikian kerana, istilah tuna foto ini lebih digunakan dalam istilah bahasa Inggeris iaitu “*photo bomb*”. Berdasarkan hasil dapatan, mahasiswa di UMK mempunyai jumlah mahasiswa yang paling tinggi tak tahu istilah ini iaitu bersamaan dengan 24 mahasiswa dan


diikuti oleh UUM, iaitu seramai 22 mahasiswa. Bagi mahasiswa UIAM pula, terdapat 20 mahasiswa yang tak tahu dan akhir sekali 19 mahasiswa dari UPSI yang tak tahu terhadap istilah tunafoto ini.

Salin dan tampal

Salin dan tampal atau lebih dikenali sebagai *copy and paste* ini merupakan arahan dalam antara muka pengguna komputer dan merupakan satu kaedah pemindahan data dari satu lokasi ke lokasi yang lain (Sytnyk, 2020). Bukan itu sahaja, salin dan tampal ini juga membolehkan replikasi data dengan mudah. Swafoto ini pula adalah satu bentuk fotografi potret sendiri dan biasanya akan diambil dengan menggunakan kamera digital ataupun telefon bimbit berkamera yang dipegang dengan tangan ataupun disokong dengan kayu penyokong khas. Istilah swafoto ini juga dikenali sebagai *selfie* dalam bahasa Inggeris. Kedua-dua istilah ini memperoleh dapatan paling rendah mahasiswa tak tahu berkenaan dengan istilah itu. Hal ini bermakna, lebih ramai mahasiswa di IPTA tahu tentang istilah tersebut berbanding dengan tak tahu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesedaran mahasiswa atau individu tersebut untuk mengambil tahu tentang istilah-istilah ini dalam bahasa Melayu dan menyebabkan istilah tersebut dikenali walaupun dalam bahasa Melayu.

Jadual 8. Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Salin dan Tampal.

IPTA	Tahu	Tak Tahu	Jumlah
UIA	27	0	27
UMK	26	1	27
UPSI	27	0	27
UUM	26	1	27
Jumlah	106	2	108



Carta Bar 4. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah salin dan tampal.


Swafoto

Berdasarkan Jadual 8 dan Carta Bar 4, dapat disimpulkan bahawa istilah salin dan tampal, dan swafoto ini mendapat jumlah mahasiswa yang sama berdasarkan tahap tak tahu, iaitu masing-masing bersamaan dengan 2 mahasiswa sahaja yang tidak mengetahui istilah tersebut. Walau bagaimanapun, hasil dapatan bagi setiap IPTA adalah berbeza. Berdasarkan dapatan bagi salin dan tampal, UIAM dan UPSI mempunyai jumlah mahasiswa yang tak tahu yang sama iaitu kosong mahasiswa. Hal ini kita dapat lihat bahawa mahasiswa di IPTA UIAM dan UPSI masing-masing mengetahui istilah tersebut dalam bahasa Melayu. Bagi mahasiswa di UMK dan UUM pula, masing-masing mencatatkan bahawa terdapat seorang daripada IPTA tersebut yang tak tahu

berkenaan dengan istilah tersebut dan telah menjadikan seramai 2 mahasiswa daripada 108 mahasiswa yang tak tahu berkenaan dengan istilah salin dan tampal ini dalam bahasa Melayu. Seterusnya, hasil dapatan bagi swafoto pula, IPTA di UIAM, UPSI dan UUM mencatatkan jumlah mahasiswa yang sama iaitu kosong mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah tersebut dan menjadikan kesemua mahasiswa dia IPTA tersebut tahu tentang istilah swafoto ini. Terdapat 2 mahasiswa daripada 27 mahasiswa di UMK yang tak tahu berkenaan dengan istilah swafoto ini dalam bahasa Melayu dan menjadikan keseluruhan mahasiswa yang tak tahu tentang istilah tersebut adalah seramai 2 mahasiswa.

Jadual 9. Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Swafoto.

IPTA	Tahu	Tak Tahu	Jumlah
UIA	27	0	27
UMK	25	2	27
UPSI	27	0	27
UUM	27	0	27
Jumlah	106	2	108




Carta Bar 5. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah swafoto.

Tular

Tular ini merupakan satu keadaan yang merebak atau diedarkan dengan cepat dan meluas menerusi alam maya daripada satu pengguna kepada pengguna yang lain melalui internet (Anton & Pimentel, 2019). Bagi dapatan tular ini, atau dikenal sebagai *viral* dalam istilah bahasa Inggeris telah mendapat jumlah responden yang kedua paling rendah tak tahu dalam kalangan mahasiswa di IPTA. Hal ini dikatakan demikian kerana, berdasarkan hasil pandangan yang diberikan oleh mahasiswa telah mengatakan bahawa kekerapan membuat aktiviti dengan menggunakan istilah bahasa Melayu ini telah menyebabkan mahasiswa tahu tentang istilah tersebut dalam bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, terdapat juga mahasiswa yang semakin memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Berikut merupakan hasil dapatan bagi istilah tular ini.

Jadual 10. Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Tular.

IPTA	Tahu	Tak Tahu	Jumlah
UIA	27	0	27
UMK	25	2	27
UPSI	26	1	27
UUM	25	2	27
Jumlah	103	5	108



Carta Bar 6. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah tular.


Berdasarkan Jadual 10 dan Carta Bar 6, dapat dirumuskan bahawa hanya kesemua mahasiswa IPTA di UIAM sahaja yang mengetahui terhadap istilah tersebut dalam bahasa Melayu dan dapat juga dirumuskan bahawa tiada seorang pun mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah tular ini. Bagi mahasiswa di IPTA UPSI pula, terdapat hanya seorang sahaja mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah tersebut. Akhir sekali, bagi mahasiswa di IPTA UMK dan UUM pula mencatatkan jumlah mahasiswa yang sama iaitu seramai 2 mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah tular ini. Secara keseluruhan telah menjadikan hanya 5 mahasiswa sahaja daripada 108 mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah tular ini.

Hasut maya

Istilah hasut maya ini atau lebih dikenali sebagai *troll* merupakan kata yang mempersendakan atau mengejek seseorang terhadap sesuatu perkara. Kata ini juga umum dan dilabelkan juga sebagai istilah dalam bidang komputer oleh kamus bahasa Inggeris. Berikut merupakan hasil dapatan yang telah diperolehi.

Jadual 11. Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Hasut Maya.

IPTA	Tahu	Tak Tahu	Jumlah
UIA	15	12	27
UMK	12	15	27
UPSI	14	13	27
UUM	13	14	27
Jumlah	54	54	108




Carta Bar 7. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah hasut maya.

Pemacu Pena

Istilah pemacu pena atau dalam istilah bahasa Inggeris adalah *pendrive* ini merupakan peranti penyimpanan data yang merangkumi memori denyar dengan antara muka Serial Bus Universal bersepadu (*USB – Universal Serial Bus*) (Anton & Pimentel, 2019). Kedua-dua istilah mendapat jumlah yang sama bagi yang tahu dan tak tahu dan menjadikan jumlah tersebut adalah seimbang.

Jadual 12. Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Istilah Pemacu Pena.

IPTA	Tahu	Tak Tahu	Jumlah
UIA	15	12	27
UMK	13	14	27
UPSI	17	10	27
UUM	9	18	27
Jumlah	54	54	108



Rajah 8. Tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah pemacu pena.

Berdasarkan Jadual 12 dan Carta Bar 8, dapat dilihat bahawa hasut maya dan pemacu pena mendapat jumlah mahasiswa yang sama iaitu seramai 54 mahasiswa yang tahu dan 54 mahasiswa

yang tak tahu terhadap kedua-dua istilah ini. Walau bagaimanapun, dapatan yang diperoleh setiap IPTA adalah berbeza. Bagi hasut maya, mahasiswa di UMK mencatatkan 15 mahasiswa yang tak tahu tentang istilah ini dan diikuti oleh UUM seramai 14 mahasiswa dan seterusnya UPSI seramai 12 mahasiswa dan akhir sekali UIAM seramai 12 mahasiswa yang tak tahu terhadap istilah ini. Bagi istilah pemacu pena pula, dapat dilihat bahawa UUM mendapat mahasiswa yang paling ramai tak tahu terhadap istilah tersebut iaitu seramai 18 mahasiswa dan diikuti oleh UMK seramai 14 mahasiswa, kemudian UIAM seramai 12 mahasiswa dan akhir sekali UPSI yang hanya mencatatkan 10 mahasiswa sahaja yang tidak mengetahui terhadap istilah tersebut. Hal ini telah menjadikan seramai 54 mahasiswa daripada 108 mahasiswa di IPTA yang tak tahu terhadap istilah hasut maya dan pemacu pena ini.

KESIMPULAN

Pengkaji membincangkan dan menjelaskan tentang hasil dapatan kajian iaitu mengenai istilah istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah tersebut. Dapatan yang diperoleh adalah berdasarkan kaedah pemerhatian di media sosial dan borang soal selidik “*google form*” yang diedarkan secara atas talian kepada responden. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat 25 istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang dapat dikenal pasti. Kesemua istilah tersebut disenaraikan dan dijelaskan berdasarkan perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu serta maksudnya. Hal ini kerana pengkaji ingin melihat kepada perbezaan istilah antara kedua-dua bahasa. Seterusnya, bagi dapatan objektif yang kedua pula iaitu menganalisis tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah semasa bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh majoriti mahasiswa tahu akan istilah pautan dengan merekodkan seramai 107 mahasiswa daripada 108 mahasiswa. Namun begitu, bagi istilah webisod dan tuna foto pula mencatatkan bilangan tak tahu yang tertinggi dengan masing-masing mencatatkan sebanyak 91 dan 85 mahasiswa secara keseluruhannya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemahaman mahasiswa terhadap istilah semasa berada di tahap sederhana. Terdapat juga mahasiswa yang menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui istilah semasa dalam bahasa Melayu dan penggunaan istilah bahasa Inggeris yang meluas bukan sahaja di media sosial malah pengaruh daripada rakan juga menjadi faktor kepada tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah semasa.

Kesimpulannya, terdapat juga beberapa istilah yang diketahui dan tidak diketahui oleh mahasiswa. Hal ini dikatakan demikian kerana, tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah semasa bahasa Melayu mengikut bidang ini dipengaruhi oleh ilmu pengetahuan sedia ada dan pendedahan mereka terhadap istilah tersebut. Misalnya, pelajar dari jurusan Inggeris dan lain-lain tidak didedahkan dengan istilah bahasa Melayu dalam bidang teknologi dan maklumat.

RUJUKAN

- Aminuddin Saimon et, al. (2021). Tahap Pemahaman Pelajar terhadap Istilah Baharu COVID-19: Kajian terhadap Universiti Awam Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Educational and Literature* Jilid 12 Edisi Khas, hlm. 33-48.
- Amalina Athman (2021). Padanan untuk Istilah “Digital Influencer” Pempengaruh Digital. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Ammar (2019). Cara Dapatkan Lencana”Top Fan” di face book page.
- Deepublish (2021). Definisi Operasional: Tujuan,Manfaat dan Cara Membuat.

Helen Simon & Azizan Morshidi (2017). Teknologi dan Maklumat Komunikasi. *International E-journal of Advances in Social Sciences*, hlm.163-173.

Fauzi Firdaus (2022). Pengertian Istilah dan Definisi Istilah.

Harishon Radzi & Nurul Husna Abdul Halim (2018). Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat dalam kalangan Pelajar Universiti: Analisis Sosiokognitif. *Jurnal Linguistik* Vol.22, hlm. 037-053.

Jejak Pendidikan Portal Indonesia (2021), Pemahaman.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Margaret Melisa Sinnapan (2014). Kajian Pembentukan Istilah Sains dan Teknologi Maklumat dalam AKhbar Harian Bahasa Tamil.

Sugino (2015). Metode Penelitian Kombinasi (Mix Methods). Bnadung. Alfabeta.

Rusli Abd Ghani & Hazimah Yusof (2001). Penggunaan Istilah Komunikasi dan Maklumat: Suatu Kajian berdasarkan Teks Akhbar Harian. Dewan Bahasa dan Pustaka.

KETIDAKSANTUNAN BERBAHASA MELALUI APLIKASI TWITTER DALAM KALANGAN MAHASISWA

Aminnudin Saimon*

Nurdiyana Noordin

Nur Amira Mohd Hisham

Nur Ashikin Syahirah Zamri

Nur Amirah Nabilah Nor Azmi

*Corresponding Author

deanamin@iium.edu.my

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Hab Pendidikan Pagoh,
Johor.

Abstrak

Ketidaksantunan merupakan satu strategi ancaman muka pendengar. Ketidaksantunan memberikan implikasi negatif dalam sesuatu komunikasi. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan aplikasi Twitter dalam kalangan mahasiswa di Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM, Pagoh dan menganalisis ketidaksantunan bahasa menggunakan teori Culpeper 1996. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan antara kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan penganalisan teori Culpeper (1996). Hasil kajian mendapati bahawa kekerapan penggunaan aplikasi Twitter adalah bertujuan untuk mengetahui isu semasa dan bukan sahaja sebagai medium meluahkan perasaan. Pengadaptasian Teori Culpeper (1996) dalam kajian ini memaparkan bahawa mahasiswa UIAM, Pagoh banyak menggunakan strategi ketidaksantunan positif dalam ujaran. Oleh itu, kajian berkaitan ketidaksantunan berbahasa ini akan memberi ilmu pengetahuan baharu kepada masyarakat berkaitan situasi bahasa Melayu yang sering digunakan semasa berkomunikasi. Kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji lain untuk menjalankan kajian berkaitan ketidaksantunan berbahasa pada masa akan datang.

Kata kunci: *Ketidaksantunan, Twitter, Teori Culpeper (1996), mahasiswa, UIAM*

PENGENALAN

Mills (2003) mengatakan bahawa ketidaksantunan hanya dapat difahami dan dianalisis secara pragmatik apabila dikaitkan dengan pemahaman kelompok atau komuniti ujaran. Mills (2003) menambah bahawa ketidaksantunan harus dilihat sebagai penilaian perilaku seseorang dan bukan kualiti intrinsik tuturan. Dalam hal ini, ketidaksantunan merupakan penilaian yang sangat kompleks terhadap niat. Berdasarkan tujuan ujaran atau niat penutur, ada dua jenis ketidaksantunan, iaitu ketidaksantunan termotivasi dan tidak termotivasi (Culpeper, 2011). Dalam ketidaksantunan termotivasi, penutur dianggap berniat melakukan ketidaksantunan dengan tujuan tidak santun (kasar), sebaliknya ketidaksantunan tidak termotivasi merupakan ketidaksantunan yang tidak bertujuan tidak santun. Yang dimaksudkan tidak diniatkan ialah tidak memahami bahawa hal yang dilakukan itu tidak santun. Ketidaksantunan tersebut disebabkan pelbagai faktor, antaranya budaya yang berbeza (berhubungan dengan etnik), pemahaman konteks yang berbeza, atau faktor kedekatan. Oleh sebab itu, Mills (2003) mengemukakan kajian ketidaksantunan yang menjurus kepada penilaian ketidaksantunan yang menggunakan pertimbangan yang dikaitkan dengan pemahaman kelompok atau komuniti, baik berupa peran stereotaip kelas, gender, dan ras mahupun etnik.

Ketidaksantunan merupakan sikap dan perilaku negatif yang terjadi dalam konteks tertentu (Culpeper, 2011). Perilaku tidak santun sering kali disokong oleh harapan, keinginan dan atau keyakinan tentang nilai tertentu. Sering muncul perilaku yang dipandang negatif dianggap "tidak

santun" ketika terjadi pertentangan, mempertahankan, atau berharap orang lain ikut meyakini keyakinan atau nilai yang diyakini. Culpeper (2008: 36) mengemukakan bahwa ketidaksantunan merupakan perilaku komunikasi yang berniat mengancam muka pendengar atau menyebabkan lawan tutur menjadi berasa begitu. Maksud definisi ini adalah tindakan ketidaksantunan bergantung pada niat pembicara dan pemahaman pendengar dari segi niat pembicara dan hubungan keduanya. Dengan kata lain, suatu tindakan mungkin dapat diklasifikasikan sebagai tindakan tidak santun jika si pendengar telah menganggap bahawa penutur mengancam muka pendengar dan menampakkan tindakan mengancam. Culpeper (1996) menjelaskan secara terperinci bahawa ketidaksantunan terjadi apabila dalam berkomunikasi penutur bertujuan untuk mengancam muka pendengar dan pendengar berasakan bahawa penutur melakukan perilaku menyerangnya, atau kombinasi dari kedua-dua kondisi tersebut.

PENYATAAN MASALAH

Kajian ketidaksantunan telah banyak dijalankan oleh sarjana terdahulu, antaranya Ahmad Fuad Mat Hassan dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012), Ahmad Fuad Mat Hassan, Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd. Mutalib (2017), Anwar (2019), Bustan & Alakrash (2020) dan Isma Noornisa Ismail & Shanmuganathan (2020). Daripada kajian ketidaksantunan yang telah dijalankan, ternyata masih terdapat ruang untuk penyelidik menjalankan kajian yang melibatkan penggunaan aplikasi Twitter dalam kalangan mahasiswa UIAM, Kampus Pagoh. Bertitik tolak daripada permasalahan dan isu ini, penyelidik mendapati bahawa masih terdapat ruang untuk penyelidik menjalankan penyelidikan ini bagi mengenal pasti sama ada amalan ketidaksantunan dalam kalangan mahasiswa dipraktikkan atau sebaliknya.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggariskan dua objektif utama, iaitu;

1. Mengetahui kekerapan penggunaan aplikasi Twitter dalam kalangan mahasiswa
2. Menganalisis ketidaksantunan bahasa menggunakan teori Culpeper (1996).

SOROTAN KAJIAN

Kajian yang bertajuk Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di Sekolah (2012) hasil penulisan Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan mendapati bahawa remaja sekolah mengaplikasikan strategi ketidaksantunan dalam komunikasi. Kajian ini adalah berdasarkan teori ketidaksantunan Culpeper (1996). Matlamat kajian ini adalah untuk membincangkan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja sekolah yang mempunyai tujuan untuk mengancam dan menyerang muka remaja lain. Metodologi kajian ini menggunakan tiga teknik persampelan, iaitu teknik persampelan variasi maksimum, persampelan *snowball* dan persampelan mengikut peluang dengan melibatkan seramai 978 orang remaja sekolah yang dijadikan sebagai sampel kajian. Hasil penelitian mendapati bahawa remaja sekolah mengaplikasikan strategi ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, penggunaan sindiran dan penggunaan menahan kesantunan untuk tujuan mentertawakan, memperlekehkan, mengejek, memaki, mencaci, mengusir, menghina dan menjatuhkan air muka remaja lain. Kajian ini memberikan gambaran keseluruhan bahawa amalan berbudi bahasa telah tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya oleh remaja di sekolah. Secara tidak langsung kajian ini mendedahkan sikap dan perwatakan yang negatif dalam kalangan remaja yang telah mencalarakan imej negara. Cogan kata pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara tidak dapat direalisasikan kerana masalah dalaman ini. Oleh itu, semua pihak haruslah menggalas tanggungjawab masing-masing untuk membentuk, membina dan melahirkan generasi remaja yang berakhlak mulia demi masa depan negara.

Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim dan Noor Aida Mahmor (2016) menjalankan kajian yang bertajuk Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi di Laman Sosial. Kajian ini bertujuan untuk meninjau penggunaan bahasa semasa berkomunikasi dalam kalangan netizen yang memberikan reaksi dan maklum balas terhadap penyiaran berita mengenai kerajaan yang terdapat di media sosial. *Facebook* merupakan medium komunikasi yang dipilih sebagai bahan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersama pengaplikasian Teori Kesantunan Asmah Haji Omar (2000). Berdasarkan data yang diperolehi, majoriti netizen akan menggunakan kata-kata kesat ketika memberi komen terhadap isu berkaitan dengan kerajaan yang disiarkan di laman sosial. Kajian ini menyedarkan pengkaji bahawa masyarakat menggunakan hak kebebasan bersuara dengan cara yang salah. Meluahkan perasaan amarah di media sosial dan memandang sepi akan etika serta kesantunan berbahasa. Hal ini menyebabkan masyarakat dunia mengetahui perilaku buruk yang dimiliki oleh netizen di Malaysia. Hal ini juga mempamerkan bahawa masyarakat Melayu sudah hilang sifat keayuan dan sopan-santun yang dahulunya menjadi satu aset negara. Jangan biarkan pembangunan dan arus kemodenan ini menelan identiti masyarakat Melayu. Kembalilah dan berpegang teguhlah kepada pepatah tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Strategi Kesantunan Bahasa dalam Komen *MalaysiaKini* (2018) yang merupakan hasil penulisan Murugan Krishnan mendapati bahawa strategi sindiran banyak digunakan oleh pengguna. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji strategi-strategi ketidaksantunan bahasa yang digunakan oleh pengguna *Facebook* di ruangan komen *MalaysiaKini* (Versi Bahasa Melayu) berlandaskan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996) dan analisis komen terhadap harga petrol. Data kajian ini diambil daripada 60 komen dari tahun 2016 dan tahun 2017. Strategi ketidaksantunan sindiran banyak digunakan sewaktu perbincangan mengenai isu kenaikan harga petrol. Kombinasi strategi ketidaksantunan secara langsung dan sindiran merupakan yang paling tinggi digunakan oleh pengguna *Facebook*. Elemen penggunaan kata ganti nama diri dan pernyataan yang berbentuk sindiran diaplikasikan oleh pengguna *Facebook* untuk membahaskan isu kenaikan harga petrol. Kajian ini memberitahu pengkaji bahawa masyarakat Malaysia lantang menyuarakan pandangan mahupun pendapat masing-masing di laman sosial *MalaysiaKini* tanpa sebarang sekatan. Hal ini dapat mengurangkan jurang antara pemerintah dan rakyat. Secara tidak langsung, pemerintah dapat mengetahui reaksi masyarakat terhadap isu semasa dan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Namun begitu, masyarakat seharusnya menggunakan bahasa yang santun bukan mengeluarkan kata-kata kesat. Hal ini telah memburukkan nama baik masyarakat dan negara di mata dunia.

Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) turut menghasilkan kajian Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial dalam Kalangan Remaja Malaysia. Kajian tersebut membincangkan beberapa kejadian buli siber antarabangsa yang mendapat perhatian dunia dan kajian terdahulu untuk melihat corak ketidaksantunan bahasa dalam kalangan remaja di Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan ialah temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan selama 12 bulan melibatkan seramai 120 orang remaja di Malaysia. Sebanyak 324, 362 perkataan yang telah berjaya dikumpulkan. Hasil kajian tersebut dianalisis berasaskan teori ketidaksantunan (Culpeper 1996). Paparan data menunjukkan penggunaan kata-kata kesat yang berleluasa dalam kalangan remaja lelaki berbangsa Melayu dan Cina, tetapi agak kurang dalam kalangan remaja berbangsa India (lelaki dan perempuan). Hal ini memperlihatkan fenomena ketidaksantunan bahasa yang jelas dalam kalangan remaja di Malaysia. Kajian ini menjadi salah satu bukti bahawa peribadi negatif yang remaja kini miliki akibat daripada kecanggihan teknologi. Kata-kata kesat atau lucah dilontarkan di media sosial dengan lantang tanpa rasa bersalah ini sebagai refleksi individu yang memberontak terhadap nilai-nilai tradisional dan budaya masyarakat. Rangkaian media sosial ini menyebabkan persepsi dan tanggapan generasi kini sangat berbeza dengan generasi terdahulu. Hal ini mengakibatkan Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan tidak lagi diamalkan dalam kehidupan remaja kini.

METODOLOGI

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah atau pendekatan gabungan, iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini memberi tumpuan terhadap Ketidaksantunan Berbahasa melalui Penggunaan Aplikasi Twitter dalam Kalangan Mahasiswa di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM, Kampus Pagoh. Oleh itu, pemerhatian bertumpu kepada borang soal selidik dan rujukan teori Culpeper (1996) yang menjadi sumber analisis data bagi kajian ini.

Sampel Kajian

Sampel kajian pengkaji terdiri daripada pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM), UIAM, Pagoh. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan persampelan secara rawak. Kesemua responden terdiri daripada mahasiswa daripada empat jurusan di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Pagoh. Empat jurusan tersebut ialah Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa atau *Malay for International Communication* (MLCOM), Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa (*English for International Communication*) (ENCOM), Bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa (*Arabic for International Communication*) (ARCOM) dan Pengurusan Pelancongan Pemandaran dan Hospitaliti (*Tourism Planning and Hospitality Management*) (TPHM). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menganalisis sampel dari segi penggunaan aplikasi Twitter dalam kalangan mahasiswa di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM, Kampus Pagoh.

Intrumen Kajian

Dalam usaha memperoleh data, pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk dijawab oleh responden. Borang soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian A adalah berkisar demografi responden dan bahagian B adalah berkisar soal jawab berdasarkan skala likert. Satu set soal selidik yang terdiri daripada 10 soalan telah dikemukakan kepada responden untuk dilengkapkan. Item yang digunakan dalam soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian. Terdiri daripada jantina, umur, jurusan dan soalan mengenai kajian. Soal selidik ini dibina bagi mengenal pasti penggunaan ketidaksantunan bahasa di aplikasi Twitter dalam kalangan mahasiswa UIAM, Pagoh. Responden diberi tempoh 10 hingga 15 minit untuk menjawab soal selidik dan responden mempunyai masa yang mencukupi untuk melengkapkan borang soal selidik tersebut. Set soalan dalam soal selidik ini terdiri dari dua item aneka pilihan dan selebihnya digubal dengan menggunakan 'Skala Likert' sebagai pilihan jawapan responden. Untuk skala likert, para responden hanya perlu menyatakan darjat persetujuan berdasarkan arahan dan keterangan skala yang dinyatakan pada awal set soal selidik. Penggunaan skala likert ini memudahkan responden memberikan respons. Soal selidik juga memudahkan pengkaji mengekodkan data dan seterusnya menganalisis data yang diperoleh.

KERANGKA TEORI

Bagi mendapatkan dapatan untuk objektif kedua iaitu menganalisis ketidaksantunan bahasa dengan menggunakan teori Culpeper 1996. Culpeper telah membangunkan lima strategi ketidaksantunan iaitu:

- 1. Ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*)**

Tingkah laku pengancaman muka dilakukan secara langsung, jelas, tidak kabur dan dalam cara yang singkat keadaan muka diaibkan dan dianggap tidak perlu menghubungkannya dengan muka.

- 2. Ketidaksantunan positif (*positive impoliteness*)**

Penggunaan strategi yang bertujuan untuk menjatuh air muka penutur, misalnya menganggap penutur tidak ada dalam aktiviti yang dilakukan merangkumi tidak memerhatikan atau mengabaikannya, tidak memberikan simpati, menggunakan penanda identiti yang tidak tepat, menggunakan bahasa yang tidak jelas atau rahsia, menunjukkan ketidaksetujuan, menggunakan bahasa yang tabu, dan menyapa dengan nama lain.

3. Strategi ketiga ialah ketidaksantunan negatif (*negative impoliteness*)

Penggunaan strategi yang bertujuan merosak air muka penutur yang meliputi menakutkan, memandang rendah atau memperlekehkan, mencemuh atau mengejek, menghina, tidak memperlakukan dengan bersungguh-sungguh atau mempermain-mainkan, memperkecilkan perasaan pendengar mengambil kesempatan terhadap pendengar menggunakan sapaan dengan menonjolkan personaliti yang negatif, dan menempatkan orang lain sebagai orang yang bertanggungjawab.

4. Penggunaan sarkarme atau sindiran (*sarcasm or mock politeness*)

Tindak tutur yang hanya berpura-pura.

5. Menahan kesantunan (*withhold politeness*)

Tidak melakukan strategi kesantunan seperti yang diharapkan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian adalah berdasarkan keputusan tindak balas yang diterima daripada responden terhadap borang soal selidik. Pengkaji membentangkan analisis kajian dalam bentuk jadual dan graf bar. Tujuan pengkaji mengemukakan hasil kajian adalah untuk menjawab kedua-dua objektif kajian. Bagi menjawab kedua-dua objektif tersebut, pengkaji telah menggunakan frekuensi skala likert dan peratusan dalam menganalisis data daripada responden. Setelah frekuensi skala likert dijalankan, data yang terpilih akan dianalisis menggunakan teori Ketidaksantunan Culpeper (1996).


Demografi Responden

Bagi maklumat demografi, pengkaji telah meletakkan elemen jurusan, gender dan tahun pengajian untuk dijawab oleh responden. Penglibatan sampel pada instrumen ini adalah secara rawak. Jadual 1 dan Carta Pai 1 memaparkan taburan jumlah sampel yang digunakan dalam kajian soal selidik ini mengikut jantina, jurusan pengajian dan tahun pengajian di universiti.

Jadual 1: Jantina Responden

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	15	29.4
Perempuan	36	70.6
Jumlah	51	100

Jantina
51 responses



Carta Pai 1: Jantina Responden


Berdasarkan Jadual 1 dan Carta Pai 1, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah daripada kalangan mahasiswa UIAM Kampus Pagoh. Seramai 51 orang telah menjawab soal selidik ini, iaitu sebanyak 70.6% atau 36 orang ialah perempuan dan 29.4% atau 15 orang terdiri daripada lelaki.

Jadual 2 dan Carta Pai 2 pula memaparkan taburan dan peratusan responden mengikut jurusan. Perhatikan Jadual 2 yang menjelaskan ilustrasi tersebut.

Jadual 2: Jurusan Responden

Jurusan	Bilangan	Peratusan
MALCOM	24	47.1
ENCOM	8	15.7
ARCOM	13	25.5
TPHM/TMGT	6	11.8
Jumlah	51	100

Jurusan
51 responses



Carta Pai 2: Jurusan Responden

Daripada paparan maklumat dalam Jadual 2, menunjukkan peratusan responden mengikut jurusan. Jumlah penyertaan responden daripada semua jurusan tidak ditetapkan oleh pengkaji. Statistik data yang diperolehi menunjukkan seramai 24 (47.1%) responden daripada jurusan


Malcom, 13 (64%) responden daripada jurusan Arcom, 8 (28%) responden jurusan Encom diikuti 6 (6%) responden daripada jurusan TPHM/TMGT.

Jadual 3 dan Carta Pai 3 pula menjelaskan tahun pengajian responden. Daripada soal selidik yang dijalankan, didapati majoriti responden ialah pelajar tahun kedua. Hal ini diperjelaskan dalam Jadual 3 dan Carta Pai 3.

Jadual 3: Tahun Pengajian Responden

Pengajian	Bilangan	Peratusan
Tahun 1	3	5.9
Tahun 2	27	52.9
Tahun 3	17	33.3
Tahun 4	4	7.8
Jumlah	51	100

Tahun Pengajian
51 responses



Carta Pai 3: Tahun Pengajian Responden

Daripada paparan Jadual 3 dan Carta Pai 3, jelas menunjukkan bahawa pelajar tahun 2 merupakan responden yang dominan dalam penyelidikan ini. Daripada 51 responden, seramai 27 responden atau 52.9% terdiri daripada pelajar tahun 2, diikuti pelajar tahun 3 seramai 17 responden atau 33.3%. pelajar tahun 4 pula mencatatkan jumlah kedua terendah, iaitu hanya 4 responden (7.8%) diikuti oleh pelajar tahun 1 seramai 3 responden atau 5.9%.

Penggunaan Aplikasi Twitter dalam Kalangan Mahasiswa

Objektif kajian yang pertama adalah berkenaan kekerapan mahasiswa terhadap penggunaan aplikasi Twitter dalam kehidupan harian. Input terhadap objektif ini dicerakinkan dari data kuantitatif soal selidik. Bahagian ini merupakan dapatan dan perbincangan bagi objektif mengenal pasti kekerapan penggunaan aplikasi Twitter dalam kalangan mahasiswa di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM, Kampus Pagoh. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik dan diagihkan kepada responden secara atas talian. Topik yang ditanya adalah berkaitan kekerapan mahasiswa terhadap penggunaan ketidaksantunan bahasa di aplikasi Twitter. Seramai 51 orang pelajar daripada berbeza jurusan telah menjadi responden kajian.

Skop yang diukur ialah berkenaan kekerapan penggunaan mahasiswa terhadap aplikasi Twitter. Pengkaji mengemukakan satu item soalan bagi mendapatkan respon tentang kekerapan responden terhadap ketidaksantunan bahasa seperti dalam Jadual 4. Terdapat tiga jenis bentuk

soalan, iaitu berbentuk ya atau tidak, respon aneka jawapan dan skala likert yang digunakan dalam item soal selidik. Soalan satu hingga tiga merupakan soalan yang berbentuk Ya atau Tidak. Bagi soalan empat hingga tujuh pula, responden perlu menjawab soalan yang beraneka jawapan. Bagi soalan lapan hingga sepuluh pula adalah berbentuk skala likert dengan memilih respon yang sesuai daripada lima skala pilihan jawapan, iaitu dari skala 1 untuk Sangat Setuju dan seterusnya Setuju, Neutral, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju pada skala 5. Berikut adalah dapatan data yang diperolehi daripada responden menerusi instrumen yang dijalankan.

Jadual 4: Kekerapan Penggunaan Aplikasi Twitter

Bil.	Soalan	Ya		Tidak	
		Bil.	Peratusan	Bil.	Peratusan
1	Adakah anda mempunyai akaun media sosial Twitter?	47	92.2	4	7.8
2	Adakah anda kerap menggunakan aplikasi Twitter untuk meluahkan ketidakpuasan hati?	19	37.3	32	62.7
3	Adakah Twitter merupakan medium yang terbaik untuk mengekspresikan perasaan anda?	20	39.2	31	60.8

Berdasarkan Jadual 4, bilangan mahasiswa yang mempunyai akaun media sosial Twitter adalah seramai 47 orang (92.2%), manakala responden yang tidak memiliki akaun media sosial Twitter adalah seramai 4 responden mewakili 7.8%. Berdasarkan data yang diperolehi, hal ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa di UIAM Kampus Pagoh memiliki akaun media sosial Twitter.

Bagi soalan yang kedua pula, dapat dirumuskan bahawa majoriti mahasiswa tidak menggunakan aplikasi Twitter sebagai tempat untuk meluahkan rasa ketidakpuasan hati. Majoriti mahasiswa telah memberikan respon yang positif, iaitu seramai 32 orang (62.7%) tidak meluahkan rasa ketidakpuasan hati di aplikasi Twitter. Namun begitu, masih terdapat 19 responden (37.3%) yang kerap meluahkan rasa ketidakpuasan hati di Twitter.

Seterusnya, menerusi soalan yang ketiga, seramai 31 responden (60.8%) mengakui tidak bersetuju dengan hipotesis bahawa aplikasi Twitter merupakan medium yang terbaik untuk mengekspresikan perasaan. Terdapat 20 responden mewakili (39.2%) bersetuju dengan hipotesis tersebut. Jumlah ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa tidak bersetuju bahawa Twitter merupakan medium yang terbaik untuk mengekspresikan perasaan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai aplikasi lain yang lebih bersesuaian untuk dijadikan sebagai platform untuk meluahkan perasaan.

Jadual 5: Peratusan Tujuan Responden Menggunakan Twitter

Bil.	Soalan/Hipotesis	Sebagai medium meluahkan perasaan		Mengetahui isu semasa		Berkomunikasi dengan rakan		Mengisi masa lapang	
		Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	peratus

4.	Apakah tujuan anda menggunakan Twitter	6	11.8	36	70.6	4	7.8	5	9.8
----	--	---	------	----	------	---	-----	---	-----

Berdasarkan Jadual 5, dapat dirumuskan bahawa majoriti responden menggunakan aplikasi Twitter bertujuan untuk mengetahui isu semasa. Seramai 36 orang (70.6%) bersetuju bahawa Twitter sebagai satu platform untuk memperoleh maklumat berkenaan isu semasa yang berlaku dari semasa ke semasa. Seramai 6 responden (11.8%) yang memberi respon aplikasi Twitter dijadikan sebagai satu medium untuk meluahkan perasaan. Hal ini dikatakan demikian kerana kebiasaannya aplikasi ini akan memaparkan pelbagai isu semasa yang berlaku dan pengguna media sosial akan melontarkan pendapat dalam bentuk luahan terhadap isu tersebut.

Seterusnya, sebahagian daripada responden, iaitu seramai 5 responden (9.8%) hanya menggunakan aplikasi Twitter untuk mengisi masa lapang dan 4 responden (7.8%) menjadikan aplikasi tersebut sebagai media untuk berkomunikasi dengan rakan. Secara keseluruhannya, mahasiswa UIAM Kampus Pagoh lebih cenderung menggunakan aplikasi Twitter untuk memperoleh maklumat berkaitan isu semasa berbanding tujuan yang lain.

Jadual 6: Peratusan Responden Mengekspresikan Rasa Tidak Puas Hati di Twitter

Bil.	Soalan/Hipotesis	Mencarut dan mengeluarkan kata kesat		Melampiasikan kemarahan kepada orang lain		Menyokong pernyataan yang ditulis orang lain	
		Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
5.	Bagaimanakah anda mengekspresikan rasa tidak puas hati di Twitter?	1	2	4	7.8	46	90.2

Berdasarkan Jadual 6, seramai 46 responden (90.2%) bersetuju bahawa responden menggunakan Twitter dalam mengekspresikan rasa ketidakpuasan hati dengan cara menyokong pernyataan yang ditulis oleh orang lain. Namun begitu, terdapat 4 responden bersamaan 7.8% melampiaskan kemarahan kepada orang lain sebagai cara untuk mengekspresikan perasaan tidak puas hati di Twitter. Hanya seorang responden (2%) yang memilih untuk mencarut dan mengeluarkan kata kesat bagi menonjolkan rasa tidak puas hati di Twitter. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa UIAM Kampus Pagoh tidak mendedahkan diri dengan ketidaksantunan bahasa di aplikasi Twitter. Hal ini dikatakan demikian kerana responden mempunyai nilai moral yang tinggi menyebabkan responden lebih memilih untuk menyokong pernyataan orang lain berbanding mengeluarkan kata kesat atau mencarut untuk mengekspresikan rasa tidak puas di Twitter.

Jadual 7: Peratusan Sebab Ketidakpuasan Hati Pengguna Twitter

Bil.	Soalan/Hipotesis	Platform terbaik untuk meluahkan perasaan		Lebih privasi dan selesa		Hanya dilihat rakan yang diikuti	
		Bil.	Peratusan	Bil.	Peratusan	Bil.	Peratusan
6	Mengapakah anda rasa ketidakpuasan hati perlu diluahkan di Twitter?	4	7.8	33	64.7	14	27.5

Berdasarkan Jadual 7, majoriti responden memilih rasa tidak puas hati perlu diluahkan di Twitter adalah atas dasar lebih privasi dan selesa. Seramai 33 responden (64.7%) memilih pernyataan tersebut, manakala 14 orang responden (27.5%) telah memilih hanya boleh dilihat oleh rakan yang diikuti sahaja dan selebihnya seramai 4 orang responden (7.8%) memilih hipotesis platform yang terbaik untuk meluahkan perasaan apabila rasa tidak puas hati. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa di UIAM, Pagoh meluahkan rasa ketidakpuasan hati di Twitter adalah disebabkan aplikasi Twitter lebih privasi dan selesa. Hal ini demikian kerana melalui aplikasi Twitter pengguna bebas untuk menetapkan akaun kepada akaun privasi. Hanya rakan pengikut aplikasi itu yang dibenarkan untuk melihat setiap ciapan yang disiarkan. Justeru, sememangnya aplikasi Twitter ini menjadi medan meluahkan isi hati kerana lebih privasi dan selesa.

Jadual 8: Peratusan Twitter Sebagai Medium Meluahkan Perasaan Marah, Benci, Dendam dan Sebagainya.

Bil.	Soalan/Hipotesis	Saya berpendapat pengguna Twitter ingin mencari perhatian		Saya berpendapat pengguna Twitter tiada rakan atau tempat berkongsi masalah		Saya berpendapat pengguna Twitter ingin mendapat ciapan semula (retweet) atau suka (like) yang banyak	
		Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
7.	Apakah pendapat anda tentang warga Twitter yang sering menggunakan medium tersebut sebagai satu platform untuk meluahkan perasaan?	12	23.5	22	43.1	17	33.3

Berdasarkan Jadual 8 menjelaskan seramai 12 orang responden atau 23.5% memilih meluahkan perasaan marah, benci, dendam di Twitter adalah untuk mendapatkan perhatian masyarakat sahaja. Seramai 22 orang responden atau 43.1 % memilih meluahkan perasaan marah, benci dendam di Twitter adalah disebabkan pengguna Twitter tiada rakan atau tempat untuk berkongsi masalah. Akhir sekali, seramai 17 orang responden atau 33.3% memilih meluahkan perasaan marah, benci, dendam adalah untuk memperoleh ciapan semula yang banyak. Hal ini menunjukkan majoriti mahasiswa di UIAM, Pagoh memilih penggunaan aplikasi Twitter sebagai tempat untuk meluahkan perasaan marah, benci dan dendam adalah disebabkan pengguna Twitter tiada rakan atau tempat untuk berkongsi masalah. Hal ini dikatakan demikian kerana, aplikasi Twitter merupakan aplikasi yang mempunyai pengikut paling ramai selepas beberapa aplikasi lain. Apabila seseorang itu meluahkan perasaan, ramai pengguna lain boleh melihat ciapan yang disiarkan di aplikasi tersebut. Jika ciapan itu menarik perhatian pembaca, ciapan itu akan menjadi tular dan pengguna Twitter akan mempunyai ramai pengikut. Oleh itu, majoriti responden memilih pernyataan tersebut kerana responden tidak mempunyai tempat meluahkan perasaan.

Jadual 9: Skala Likert Terhadap Penggunaan Kata-Kata Kesat di Twitter


No.	Soalan	SS	%	S	%	TP	%	TS	%	STS	%
8	Saya menggunakan kata-kata	1	2	6	11.8	8	15.7	7	13.7	29	56.9

kesat	di									
aplikasi										
Twitter										

Bagi item pertama untuk bahagian soalan skala Likert ini, majoriti mahasiswa sangat tidak setuju jika penggunaan kata-kata kesat digunakan di Twitter. Statistik menunjukkan seramai 29 orang responden bersamaan dengan 56.9% memilih sangat tidak setuju dan 7 (13.7%) memilih tidak setuju bagi pernyataan ini. Selain itu, seramai 6 orang responden bersamaan dengan 11.8% memilih setuju, 8 orang responden bersamaan dengan 15.7% memilih tidak pasti.

9. Saya sering menyindir rakan saya di Twitter?

51 responses




Carta Pai 4: Peratusan Menyindir Rakan di Twitter

Berdasarkan Carta Pai 4, menunjukkan bahawa majoriti pengguna aplikasi Twitter tidak menyindir rakan di Twitter. Berdasarkan statistik, seramai 28 orang responden 54.9% memilih sangat tidak setuju, 8 orang responden (15.7 %) memilih tidak setuju, manakala untuk skala likert tidak pasti seramai 5 orang responden (9.8 %). Akhir sekali, seramai 2 orang responden bersamaan dengan 3.9% memilih sangat setuju dengan pernyataan tersebut.

10. Saya sering menggunakan bahasa kiasan di Twitter?

51 responses



Carta Pai 5: Peratusan Menggunakan Bahasa Kiasan di Twitter

Berdasarkan Carta Pai 5, jelaslah bahawa pengguna Twitter dalam kalangan mahasiswa di UIAM, Pagoh bersetuju menggunakan bahasa kiasan semasa dalam aplikasi Twitter. Seramai 20 orang responden bersamaan dengan 39.2% memilih setuju. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 5 orang responden memilih tidak pasti bersamaan

dengan 9.8%. Selain itu, seramai 4 orang responden bersamaan dengan 7.8% memilih tidak setuju, 17 orang responden bersamaan dengan 33.3 % memilih sangat tidak setuju. Akhir sekali, seramai 5 orang responden bersamaan dengan 9.8% memilih sangat setuju dengan pernyataan menggunakan bahasa kiasan dalam aplikasi Twitter.

Analisis Ketidaksantunan Bahasa Berdasarkan Teori Culpeper (1996)

Strategi ketidaksantunan bahasa berlandaskan teori Culpeper 1996 terbahagi kepada lima, iaitu ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*), ketidaksantunan positif (*positive impoliteness*), ketidaksantunan negatif (*negative impoliteness*), penggunaan sarkarme atau sindiran (*sarcasm or mock politeness*) dan menahan kesantunan (*withhold politeness*). Data yang dipersembahkan adalah daripada ciapan yang diambil secara langsung daripada Twitter. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996).

Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Secara Langsung

Strategi ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*) melibatkan tindak tanduk penutur yang melakukan pengancaman muka secara langsung melalui pengujaran kata-kata yang jelas, tidak kabur dan dalam masa yang singkat boleh menyebabkan air muka penerimanya diaibkan (Culpeper, 1996). Jadual 10 memaparkan ciapan yang mengandungi ketidaksantunan semasa membuat siaran di Twitter.

Jadual 10. Ketidaksantunan dalam Ciapan di Twitter

Data	Ayat
1	‘Pengurusan gelang pink pun macam KIMAK! Memang sial sistem kerajaan yang sedia ada. Apa punya bahalul ’
2	‘Hahahahaha natang ’
3	‘Malaysia rosak bukan kerana rakyat bodoh , tapi kerana pemimpin rakus kuasa dan rasuah. Dari yang paling tinggi sampai AJK Kampung pun ada yang menerima suapan rasuah’

Pengujaran kata “pengurusan gelang pink pun macam KIMAK! Memang sial sistem kerajaan yang sedia ada. Apa punya bahalul” dalam Data 1 menunjukkan penuturnya menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung apabila secara eksplisitnya melakukan ancaman muka terhadap penerimanya. Hal ini menunjukkan berlakunya ketidaksantunan apabila penutur tidak menghormati perasaan dan air muka penerima. “Pengurusan macam kimak” merupakan ujaran yang jelas dan tidak kabur dan penerimanya mudah memahaminya (Culpeper, 1996).

Penggunaan perkataan “natang” seperti Data 2 dianggap mengancam peribadi penerimanya, terutama apabila penutur mengujarnya untuk pelbagai tujuan seperti mentertawa dan memperlekeh, mengejek dan menghina penerima ujaran tersebut. Ujaran 3 juga membuktikan bahawa penutur menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung kerana terdapat unsur makian terhadap pihak tertentu dengan tujuan untuk menjatuhkan air muka pihak. Hal ini dapat dilihat pada penggunaan leksikal Data 3, iaitu ‘Malaysia rosak bukan kerana rakyat **bodoh**’. Dengan menggunakan perkataan ‘bodoh’ secara eksplisitnya telah mengancam muka pendengar. Penutur tidak harus ada niat untuk merosakkan air muka penerima atau pendengarnya. Namun, pengujaran kata-kata kasar yang dilontarkan penutur secara terus terang dengan tujuan memburukkan lagi air muka penerima sehingga menyebabkan penerima berada dalam keadaan malu. Berdasarkan Data yang dipersembahkan, penutur dianggap telah menggunakan strategi kitadaksantunan secara langsung dalam ujarannya.

Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Positif

Mahasiswa UIAM Pagoh juga didapati menggunakan strategi ketidaksantunan positif di laman Twitter dan secara tidak langsung menonjolkan perilaku yang menjadi kayu ukur identiti diri. Penggunaan kata tabu dalam ujaran ayat juga menonjolkan keadaan diri yang seakan selesa dan tidak malu semasa mengujarkannya. Berdasarkan contoh ujaran yang dinyatakan dalam Jadual 11, dapat dilihat bahawa penggunaan bahasa tabu dalam ujaran seperti “bodoh” “bengong” kelihatan biasa bagi kumpulan mahasiswa dalam menyampaikan ujaran. Selain itu, penggunaan strategi ketidaksantunan positif tidak memberikan simpati jelas terpancar seperti Data 4. Penutur terangkan menyatakan kekurangan seseorang dengan menggunakan perkataan tertentu seperti “kepam” “masyam” dan sebagainya. Penggunaan strategi ketidaksantunan positif ini lebih menonjolkan tingkah laku mahasiswa melalui tuturannya sepanjang hari. Perkara ini berlaku akibat kebiasaan penggunaannya dalam rutin harian sehingga dianggap biasa dan secara tidak langsung melakukan strategi ketidaksantunan positif dengan tujuan tertentu. Berikut merupakan Data yang mengandungi ketidaksantunan positif.

Jadual 11. Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Positif

Data	Ayat
4	‘Jodoh itu saling melengkapi, kalau kau bengong takkan dapat pasangan yang bengong ’
5	‘ Bodolah , aku sedeh tengok start up. Benci’
6	‘Sebab kenapa aku meluat dan menyampah dengan golongan ekstremis agama. Kalau teori dia macam tu, kiranya Kelantan dulu penuh maksiatlah. Asyik banjir je’
7	‘Always the kepam , masham and pahit one’

Penggunaan Sarkarme atau Sindiran

Penggunaan sarkarme atau sindiran (*sarcasm or mock politeness*), iaitu tindak tutur secara ajukan, hanya berpura-pura, disengajakan atau dibuat-buat (Culpeper, 1996). Hal ini dapat dilihat melalui ujaran dalam Jadual 12 yang memaparkan penulis ciapan tersebut menghina dan mengejek rakan pelajar antarabangsa. Dalam paparan Jadual 12, “macam gampang pelajar antarabangsa UIA. **Sudahlah disuap macam budak sekolah rendah**, bla bla”. Ujaran tersebut menggambarkan penulis membuat pernyataan mengenai sikap yang dimiliki oleh pelajar antarabangsa. Perkataan “sudahlah disuap” menunjukkan rasa tidak puas hati penulis terhadap situasi yang berlaku terhadap dirinya. Penulis juga menghina pelajar antarabangsa ini dengan menyamakan pelajar tersebut dengan budak sekolah rendah. Ujaran yang berbentuk sindiran ini boleh mencetuskan kemarahan sekiranya dalam kalangan pembaca ciapan tersebut. Penggunaan retorik ini tampak jelas melalui pernyataan atau luahan isi hati penulis ketika mengemaskini ciapannya.

Jadual 12. Penggunaan Sarkasme atau Sindiran

Data	Ayat
8	‘Macam gampang pelajar antarabangsa UIA. Sudahlah disuap macam budak sekolah rendah ’

Kombinasi Penggunaan Ketidaksantunan Negatif dengan Sarkarme atau Sindiran

Pengkaji mendapati bahawa kombinasi penggunaan ketidaksantunan negatif dengan sindiran sering diaplikasikan dalam ciapan penulisan. Strategi ini bertujuan untuk menjatuh air muka, mencemuh, menghina, memandang rendah, mempermainkan, menggunakan sapaan dengan menonjolkan aspek personaliti yang negatif dan sebagainya (Culpeper, 1996). Mahasiswa UIAM Pagoh menyatakan rasa tidak puas hati dengan menggunakan perkataan “celaka” kerana pihak tertentu tidak cakna dengan situasi banjir yang dihadapi pada waktu itu. Mahasiswa tersebut menggunakan

ketidaksantunan negatif seperti “celaka” dan memaparkan gambar jamuan yang diadakan untuk menunjukkan perasaan marah kerana perbuatan tersebut bertentangan dengan situasi dalam Data 9. Ujaran tersebut menunjukkan kombinasi penggunaan ketidaksantunan negatif dengan sarkarme atau sindiran seperti jadual di bawah.

Jadual 13. Kombinasi Penggunaan Ketidaksantunan Negatif dengan Sarkasme

Data	Ayat
9	‘ Celakanya, siap buat makan-makan dulu’
10	‘ Dasar tak guna , aku memang menyampah dapat ‘groupmate’ dari neraka ni’
11	‘If i were Syed Saddiq and got called ‘budak sekolah’, im sorry i’d just call orang tua dah nak masuk kubur tak sedar diri . I believe respect need to learned, hence’

Menahan kesantunan

Data yang diperolehi menjelaskan bahawa ciapan dalam jadual 14 menggunakan strategi menahan kesantunan. Strategi ini bermaksud tidak melakukan strategi kesantunan seperti yang diharapkan (Culpeper, 1996). Penggunaan kata-kata kesat seperti “*fuck*” yang kurang sopan untuk didengari atau dibaca oleh pengguna Twitter. Penulis menghina dan berkonfrontasi dengan diri sendiri akibat daripada telefon pintar yang dipegang jatuh dari tangannya. Penggunaan retorik oleh penulis ketika mengujarkan kata-kata yang mempamerkan strategi menahan kesantunan akan menimbulkan persoalan tentang sejauh mana prinsip kesantunan telah diamalkan bagi meningkatkan keharmonian dalam masyarakat.

Jadual 14. Menahan Kesantunan

Data	Ayat
12	‘Fuck Handphone jatuh atas muka’

KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meninjau penggunaan ketidaksantunan bahasa dalam kalangan mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, (UIAM) Pagoh di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM) di laman sosial Twitter. Seterusnya, kajian ini juga menganalisis penggunaan ketidaksantunan bahasa berlandaskan teori Culpeper 1996. Kajian ini dijalankan melalui soal selidik yang melibatkan 51 orang daripada setiap jurusan di *KLM*. Jurusan terpilih ialah *MLCOM*, *ENCOM*, *ARCOM* dan *TMGT* untuk terlibat sebagai responden dan dipilih secara rawak demi menjawab soalan yang dikemukakan melalui soal selidik secara atas talian di *Google Form*. Analisis kajian menunjukkan bahawa ketidaksantunan bahasa yang diaplikasikan oleh mahasiswa di laman sosial Twitter bertujuan untuk mengetahui isu semasa dan bukan sahaja sebagai medium meluahkan perasaan. Hal ini memperlihatkan bahawa mahasiswa menggunakan aplikasi Twitter ke arah yang positif.

Seterusnya, melalui strategi ketidaksantunan Teori Culpeper 1996 memaparkan penggunaan ketidaksantunan positif yang kerap digunakan dalam kalangan mahasiswa UIAM, Pagoh. Perkara ini menunjukkan bahawa mahasiswa mengaplikasikan teori ketidaksantunan positif tersebut tanpa rasa malu dan secara tidak langsung mempamerkan peribadi atau personaliti yang negatif. Hal ini dapat dilihat melalui ciapan yang ditulis tanpa menitikberatkan penjagaan perasaan pembaca seperti menjatuhkan air muka memalukan dan mengaibkan. Konklusinya, mahasiswa sewajarnya mengadaptasi kesantunan teori Brown dan Levinson (1987) dalam pertuturan harian. Hal ini mampu mencerminkan identiti sebagai kumpulan masyarakat yang beradab sopan. Tambahan pula, mahasiswa merupakan tonggak masa depan negara supaya cogan kata pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara dapat direalisasikan. Oleh itu, semua pihak haruslah

menggalas tanggungjawab masing-masing untuk membentuk, membina dan melahirkan generasi remaja yang berakhlak mulia demi masa depan negara. Bersatu teguh, bercerai kita roboh.

RUJUKAN

- Ahmad Fuad Mat Hassan, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib. (2017). Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa pelajar di UUM. Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, Pusat Konvensyen KUIS.
- Ahmad, A. A., Yahya, M. A., Hashim, N., & Mahmor, N. A. (2016). Kesantunan Bahasa Semasa Berkommunikasi di Laman Sosial. In *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair*.
- Anwar. M. (2019). Impoliteness In Indonesian Language on Facebook As a Representation of Cultural Blindness. *Multicultural Education*. Volume 5. Issue 1. Winter 2019.
- Bustan. E. S. & Alakrash. H. M. (2020). An Analysis of Impoliteness Strategies Performed by Donald Trump Tweets Addressing the Middle East Countries. *Global Journal of Social Sciences and Humanities*. 1 (2020), 66 – 74.
- Culpeper. J. (1996). Towards an Anatomy of Impoliteness. *Journal of Pragmatics*. 25. 349 – 367.
- (2011). *Impoliteness: Using Language to Cause Offence*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Isma Noornisa & Shanmuganathan. T. (2019). Face Threats in Treads: Assessing the Responses to Impoliteness in Facebook Comments on 1MDB. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies – Vol. 25 (4): 34 – 50*.
- Kamus Dewan. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Edisi keempat.
- Karim, A. (2014). *Penggunaan Bahasa Tidak Sopan*. Blogspot.com. Dimuat turun daripada <http://abkar178.blogspot.com/2014/05/penggunaan-bahasa-tidak-sopan.html>
- Kelinger, Fred.N (1973), *Foundation of Behavioral Researches*. Second edition. New York: Horlt, Rinehart and Wiston.
- Murugan, K. (2018). *Strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen Malaysiakini/Murugan Krishnan* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Mc Graw Hill, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2012). Penggunaan strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16(1).

PENGUNAAN RAGAM BAHASA SINDIRAN DALAM KALANGAN PENGGUNA TWITTER

Aminnudin Saimon*

Saidatun Aishah Mashori

Nurizzati Sabarudin

Nor Fahimah Umar

Nur Haziqah Zulkifli

Nur Arina Syakila Mohd Suffian

*Corresponding Author

deanamin@ium.edu.my

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Hab Pendidikan Pagoh,
Johor.

Abstrak

Bahasa sindiran merupakan satu bentuk kata yang mempunyai makna yang tersirat. Makna yang tersirat ini menyukarkan penginterpretasian makna sesuatu ujaran. Penggunaan bahasa sindiran merupakan satu bentuk bahasa yang dinamik dalam berkomunikasi. Bahasa sindiran digunakan adalah untuk menjaga air muka peserta komunikasi daripada diancam secara terus terang. Kajian ini merupakan kajian yang mengaplikasikan teori Kerangka Keraf (2007). Teori ini membahagikan bahasa sindiran kepada tiga jenis iaitu ironi, sarkastik dan sinisme. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti ragam bahasa sindiran dalam kalangan masyarakat di aplikasi *Twitter* dan menganalisis ragam bahasa sindiran berdasarkan Kerangka Keraf (2007). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu mengumpul data yang diperolehi daripada aplikasi *Twitter* serta menggunakan kaedah penganalisan data secara analisis kandungan teks. Dalam kajian ini, data telah diperolehi daripada 30 orang responden yang membuat ciapan di aplikasi *Twitter* secara rawak. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa sindiran dalam kalangan pengguna diaplikasikan secara meluas dan bahasa sindiran ini bukanlah satu perkara yang baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat kini kurang mementingkan etika, adab dan amalan bersopan santun dalam penulisan mahupun lisan sehinggakan penggunaan bahasa sindiran ini sudah dianggap biasa dan telah digunakan tanpa batasan oleh sesetengah masyarakat di Malaysia.

Kata kunci: Bahasa Sindiran, Teori Keraf (2007), pengguna Twitter, ironi, sarkastik, sinisme

PENGENALAN

Media sosial merupakan antara alat komunikasi yang penting pada hari ini dan dimanfaatkan oleh semua penduduk dunia dalam memudahkan urusan harian. Hal ini dikatakan demikian kerana, media sosial menyediakan cara berkomunikasi yang baharu dengan sistem yang lebih cepat, mudah dan murah (Amirah Ahmad et.al, 2019). Dalam sistem perhubungan, bahasa yang baik dan tersirat sangat penting untuk mengelakkan salah faham atau pertelingkahan dalam perhubungan sosial. Bahasa menjadi nadi dalam melambangkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa, serta ketinggian adab susila sesuatu masyarakat. Hal ini demikian bertepatan dengan pendapat Awang Sariyan (2007) yang menyatakan bahawa kesantunan bahasa adalah merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Salah satu ciri kesantunan berbahasa yang baik adalah dengan menggunakan ragam bahasa yang tepat ketika berkomunikasi. Ragam bahasa yang tepat dapat menyampaikan sesuatu maksud, perasaan dan pandangan yang ingin diungkapkan, malah secara tidak langsung ianya turut melambangkan keperibadian seseorang penutur tersebut.

Ragam bahasa didefinisikan sebagai variasi bahasa berdasarkan penggunaannya dan berkaitan dengan situasi tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Za'ba (1965) mengenai ragam bahasa;

“...ragam bahasa merupakan beberapa jenis bahasa yang khas yang merupakan bahasa dalam karangan atau percakapan kerana menguatkan tujuan kata dan mempertajam hasilnya kepada fahaman pendengar dan pembaca”.

Hal ini dikatakan demikian menjelaskan bahawa gaya penggunaan bahasa sama ada lisan (percakapan) atau gaya tulisan (karangan) untuk menguatkan tujuan perkataan, malah mempertajam hasilnya bagi membentuk fahaman yang jelas kepada pembaca atau pendengar. Ragam bahasa merupakan satu unsur bahasa yang penting kerana digunakan dalam pelbagai situasi dan konteks sosial tertentu untuk menyampaikan sesuatu mesej, tujuan dan maksud tertentu. Justeru itu, pemilihan ragam bahasa yang tepat dapat mengikat emosi seseorang pendengar mahupun pembaca dalam proses komunikasi. Za'ba (1965) menyenaraikan sebanyak 15 jenis ragam bahasa, iaitu bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa merendah, bahasa naik, bahasa seruan atau mengeluh, bahasa berulang, bahasa bertimbal, bahasa bukan dan bahasa jenaka.

Salah satu bentuk penulisan yang banyak memaparkan ragam bahasa sindiran ialah penulisan di media sosial. Tidak dapat dinafikan bahawa media sosial seperti *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* dijadikan tempat meluahkan isi hati seseorang berdasarkan kehidupan sehari-hari. Ragam bahasa sindiran ialah suatu pernyataan yang ditujukan oleh penutur kepada seseorang dengan tidak disebutkan secara tepat atau jelas, malah penutur hanya berkias atau diibaratkan kepada perkara lain (Za'ba, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana perkara yang dinyatakan itu tidak mahu disebut secara terang-terangan. Lazimnya, orang yang disindir akan faham maksud yang ditujukan kepadanya secara tidak langsung. Ragam bahasa ini digunakan dengan tujuan untuk menjaga air muka orang yang ditujukan sindiran tersebut. Walau bagaimanapun, ragam bahasa ini akan hilang fungsinya sebagai sindiran sekiranya orang yang ditujukan itu tidak memahami maksud penyampaian tersebut (Rohaidah Haron, 2016). Terdapat beberapa jenis bahasa sindiran seperti ironi, sarkastik, dan sinisme yang digunakan dalam kehidupan masyarakat (Siti Norsyahida Mohd A.Rashid & Nor Azuwan Yaakob, 2017).

PENYATAAN MASALAH

Komunikasi merupakan perhubungan secara langsung atau perantaraan, media komunikasi perhubungan dengan orang lain atau yang ingin disampaikan kepada orang lain. Dalam konteks media sosial, komunikasi ini lebih tertumpu kepada penyampaian maklumat dalam masa yang singkat kepada ramai orang. Akan tetapi, tidak semua berita atau maklumat dapat disampaikan dengan baik. Kadang-kadang terjadi ketidaksefahaman atau perbezaan pendapat yang disebabkan oleh adanya komunikasi. Komunikasi yang dibangun tidak efektif sehingga jauh dari hal saling memahami pertuturan yang ada. Bahkan, tidak jarang kita jumpai terjadinya konflik di mana-mana. Konflik yang terjadi itu, bahkan dalam bidang hukum, politik, dan lain-lain, serta banyaknya demonstrasi yang terjadi saat ini, merupakan wujud dari komunikasi yang tidak efektif.

Komunikasi yang berlaku mempunyai banyak ragam terutamanya bahasa sindiran. Namun, kepelbagaian jenis bahasa sindiran ini menyebabkan masyarakat gagal memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Menurut Mustafa Atan (2010), penggunaan bahasa yang diujarkan berkait dengan darjah kefahaman penggunaan unsur bahasa tersebut. Tambahan lagi, mesei yang ingin disampaikan seseorang tidak dapat difahami dan berlaku juga pentafsiran yang salah terhadap sesuatu ujaran. Justeru itu, kajian ini mengenal pasti dan menganalisis ragam bahasa sindiran dalam

kalangan masyarakat di aplikasi *Twitter* berdasarkan Kerangka Keraf (2007) untuk memudahkan penafsiran ragam bahasa di media sosial.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat dua objektif utama, iaitu;

1. Mengenal pasti ragam bahasa sindiran dalam kalangan pengguna *Twitter*
2. Menganalisis ragam bahasa sindiran berdasarkan Teori Kerangka Keraf (2007).

SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Siti Norsyahida Mohd A Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2017) di dalam Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog menganalisis bahasa sindiran yang terdapat dalam ujaran vlog Mat Luthfi. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kualitatif bagi mengenal pasti kekerapan dan jenis penggunaan bahasa sindiran dalam vlog Mat Luthfi. Kerangka teori dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan Kerangka Keraf. Teori ini memberi penekanan kepada bahan kajian yang dikaji, iaitu video yang dihasilkan oleh vlogger Mat Luthfi yang diperolehi daripada laman sesawang Youtube, dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Ujaran yang dikaji telah ditranskripsikan daripada bentuk lisan kepada bentuk penulisan. Pemilihan data dibuat berdasarkan kepada ketiga-tiga jenis bahasa sindiran, iaitu ironi, sarkastik dan sinisme. Dapatan kajian mendapati sebanyak 84% kekerapan penggunaan bahasa sindiran jenis sinisme, 10% bahasa sindiran jenis ironi dan 6% bahasa sindiran jenis sarkastik.

Kajian oleh Mohd Hazreen Shah Hassan dan Mohd Roslan Rosnon (2016) dalam Bahasa Juri dalam Program Mentor Legend: Satu Analisis Ragam Bahasa Za'ba meneliti dan menilai penggunaan ragam bahasa oleh juri ketika mereka mengemukakan pandangan atau kritikan. Oleh itu, kajian ini telah memfokuskan kepada rancangan realiti TV Mentor Legend 2014-2015. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan sumber data melalui kaedah pemerhatian tidak turut serta dan kaedah rakaman audio-visual yang telah ditranskripsi ke dalam bentuk teks perbualan. Analisis kandungan teks telah digunakan dalam menganalisis data yang diperolehi berpandukan kepada kerangka konsep ragam bahasa Za'ba bagi membincangkan penggunaan ragam bahasa oleh juri Mentor Legend. Hasil kajian mendapati bahawa 12 jenis ragam bahasa yang dijumpai dalam pernyataan juri ketika memberi pandangan atau kritikan. Namun dalam makalah ini hanya membincangkan enam jenis ragam bahasa yang dominan berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat. Enam jenis ragam bahasa iaitu ragam bahasa melampau, bahasa naik, bahasa menggiat, bahasa berulang, bahasa sindiran dan bahasa bertimbal.

Kajian oleh Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan dan Nik Norazira Abd Aziz (2020) dalam Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam Novel 'Kasyaf Ain' bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ragam bahasa Melayu dalam novel *Kasyaf Ain*. Kaedah kajian adalah berbentuk analisis kandungan yang melihat novel *Kasyaf Ain* dan bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan dengan novel kajian dan tentang ragam bahasa. Disfemisme adalah konotasi yang tidak sopan namun ianya bertujuan untuk menguatkan sesuatu maksud, sebagai senjata untuk menyerang lawan, meluapkan kekecewaan, kemarahan dan emosi lain. Analisis menunjukkan bahawa novel *Kasyaf Ain* menggunakan ragam bahasa yang menarik dan mudah difahami seperti ragam bahasa sindiran, ragam bahasa menggiat, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa tempelak, ragam bahasa herdik dan ragam bahasa melampau.

Kajian daripada Nordiana Ab Jabar dan Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021) yang bertajuk *Komunikasi Bahasa Sindiran dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk* yang menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengumpul dan menganalisis data berkaitan tajuk kajian. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kerangka SPEAKING framework oleh Dell Hymes iaitu Kaedah Penyampaian (Instrumentalities), Peristiwa (Norms of Interaction) dan jenis peristiwa berbahasa (Genre). Hasil kajian mendapati salah satu identiti masyarakat Melayu ialah melalui

penggunaan kaedah sindiran secara halus. Kaedah ini bertujuan untuk mengelak tercetusnya konflik semasa komunikasi berlangsung.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Creswell (2007) mengatakan bahawa pendekatan kualitatif merupakan pendekatan yang menghuraikan suatu situasi, peristiwa, kelakuan dan hubungan yang dilakukan melalui pemerhatian secara mendalam. Data dan maklumat kajian juga dikumpul dalam perkataan dan teks. Kebaikan menggunakan pendekatan kualitatif adalah kerana lebih fleksibel dan memudahkan pengkaji bagi memperoleh data kajian.

Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis bahasa sindiran yang digunakan oleh masyarakat di laman sosial *Twitter* berpandukan kepada Kerangka Keraf (2007). Menurut Keraf (2007) bahasa sindiran terbahagi kepada tiga jenis iaitu ironi, sinisme dan sarkasme.

Kaedah Analisis Kandungan Teks

Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan teks untuk menyempurnakan objektif kedua kajian ini. Teks-teks yang dikumpulkan daripada *Twitter* merupakan ciapan yang berunsurkan sindiran. Kemudian teks tersebut akan dianalisis menggunakan teori kerangka Keraf (2007).

Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji mengumpulkan data menggunakan rangkaian internet. Data yang dikumpulkan adalah bahan rujukan yang berkaitan dengan ragam bahasa sindiran. Bahan rujukan yang dipilih termasuk kajian-kajian lepas. Bahan-bahan ini diperolehi daripada sumber yang dijamin kesahihannya dan boleh dipercayai. Penggunaan seperti rujukan terhadap kajian lepas membantu pengkaji untuk menyempurnakan kajian yang dijalankan. Selain mendapatkan bahan rujukan, pengkaji juga menggunakan rangkaian sosial iaitu *Twitter* untuk mendapatkan data bagi objektif satu, iaitu ragam bahasa sindiran dalam bentuk teks.

Kerangka Teori

Kajian bahasa sindiran ini berpandukan teori yang telah dikeluarkan oleh Kerangka Keraf (2007). Teori tersebut telah membincangkan jenis-jenis bahasa sindiran yang telah dibahagikan kepada tiga, iaitu bahasa sindiran jenis ironi, bahasa sindiran jenis sarkastik dan bahasa sindiran jenis sinisme.

Sindiran terbahagi kepada tiga iaitu unsur ironi, unsur sarkasme, unsur sinisme (Keraf, 2007). Menurut teori yang dikeluarkan oleh Keraf (2007), bahasa sindiran jenis ironi merupakan satu acuan yang mempunyai makna yang berlainan dari perkara yang terkandung rangkaian kata. Dalam erti kata lain, ironi merupakan satu sindiran yang dilakukan secara gurauan tidak langsung dan ayat yang diujarkan bertentangan dengan apa yang tersurat dalam ujaran tersebut.

Sindiran jenis sarkastik pula merupakan sebuah penggunaan kata yang bersifat keras dan kasar dengan tujuan untuk menyindir seseorang atau sekelompok masyarakat (Keraf, 2007). Jika diteliti dengan lebih mendalam, sindiran jenis sarkastik ini kebiasaannya digunakan bagi tujuan untuk mengejek, menyindir dan sebagainya tanpa memikirkan perasaan orang lain.

Yang ketiga, menurut Kerangka Keraf (2007) sindiran jenis sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan atau ketulusan hati penutur. Dalam erti kata lain, sindiran ini merupakan perkataan sindiran yang lebih kasar daripada ironi.

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji akan membentangkan hasil dapatan berdasarkan objektif kajian, iaitu mengenal pasti ragam bahasa sindiran dalam kalangan pengguna *Twitter* dan menganalisis ragam bahasa sindiran berdasarkan Kerangka Keraf (2007).

Ragam Bahasa Sindiran

Objektif ini akan menyenaraikan data-data kajian berdasarkan jenis-jenis bahasa sindiran, iaitu bahasa sindiran jenis ironi, sarkastik dan sinisme.

Sindiran Ironi

Keraf (2007) mengatakan bahawa bahasa sindiran jenis ironi merupakan satu acuan yang mempunyai makna yang berlainan dari perkara yang terkandung rangkaian kata. Dalam erti kata lain, ironi merupakan satu sindiran yang dilakukan secara gurauan tidak langsung dan ayat yang diujarkan bertentangan dengan apa yang tersurat dalam ujaran tersebut. Perhatikan Jadual 1 yang mengandungi bahasa sindiran ironi di Twitter.

Jadual 1. Ragam Bahasa Sindiran Ironi

Jenis	Data	Tarikh	Ujaran
Ironi	1	19/12/2021	@diyanaamira: Sebab kau menantu PM boleh diselamatkan naik heli, siap tayang kat IG. BAGOS! Yang lain duduk atas bumbung rumah dari semalam tido dalam hujan, tido dalam kereta.
	2	19/12/2021	@mynewshub: Kayangan bila turun lawat mangsa banjir , lain sikit gaya dia.
	3	3/1/2022	@zunarkartunis Peribahasa baru.. Kalau takut Balak di bumbung, Jangan berumah di negeri Pahang
	4	8/11/2021	@ashribasri Isu lahabau pun politik. Rasuah xmo ke???
	5	8/11/2021	@Dean39569247 Penjawat awam bawah KPM ni mereka ‘terlalu’ pandai, sbb itu mereka tidak mahu divaksinkan.
	6	2/1/2021	@SyedAkramin JAKIM tak mahu share hadith berkenaan larangan merosakkan alam sekitar?
	7	26/12/2021	@sofeahjoned Seronok kan PM main-main sodok. Only in Malaysia.
	8	26/12/2021	@williamtan2020 Cerita suami @twitter, isteri fesbuk. Anak mesti tiktok. Semoga keluarga bahagia selalu.
	9	13/1/2022	@araeilish Orang ajar pun tak mau dengar, fikir pandailah sangat?!
	10	22/1/2022	@harizJamal Azam Baki <i>holds many secrets among the VVVIPS and the scandalous activity they were involved in.</i> Kalau tak, mana maunya sampai polis pun siap buat road block. <i>At this stage, you might want to ponder what our country situation is.</i>

Berdasarkan Jadual 1, data yang diperoleh menunjukkan bahasa sindiran jenis ironi. Hal ini dapat dikenal pasti berdasarkan penggunaan leksikal dan bahasa dalam ciapan pengguna *Twitter*. Menurut Keraf (2007) ironi merupakan satu acuan yang mempunyai makna yang berlainan dari

perkara yang terkandung rangkaian kata. Dalam erti kata lain, ironi merupakan satu sindiran yang dilakukan secara gurauan tidak langsung dan ayat yang diujarkan bertentangan dengan apa yang tersurat dalam ujaran tersebut. Berdasarkan pendefinisian ironi ini, jelaslah bahawa data yang diperoleh menunjukkan bahasa sindiran jenis ironi. Hal ini dapat dibuktikan melalui Data 1, menerusi ayat ‘Sebab kau **menantu PM boleh diselamatkan naik heli, siap tayang kat IG. BAGOS!** Yang lain duduk atas bumbung rumah dari semalam tido dalam hujan, tido dalam kereta dan Data 7, iaitu ‘**Seronok kan PM main-main sodok. Only in Malaysia**’. Data 1 dan 7 yang dipaparkan ini jelas sekali merupakan satu bentuk ironi yang disampaikan secara tersirat bagi menyindir sasaran.

Sindiran Sarkastik

Sindiran jenis sarkastik pula merupakan penggunaan kata yang bersifat keras dan kasar dengan tujuan untuk menyindir seseorang atau sekelompok masyarakat (Keraf, 2007). Jika diteliti dengan lebih mendalam, sindiran jenis sarkastik ini kebiasaannya digunakan bagi tujuan untuk mengejek, menyindir dan sebagainya tanpa memikirkan perasaan orang lain.

Jadual 2. Penggunaan Sarkastik di Twitter

Jenis	data	Tarikh	Ujaran
Sarkastik	11	24/12/2021	@HermyRahim Kau dengan Muhyiddin dua-dua bebal lahanat.
	12	26/12/2021	@chairman_GLC Kenapa korang follow si bodoh nak mampus ni?
	13	8/11/2021	@prettyrain_492 Sembanglah natang ni...tgk dri video tercungap2 nk cakap melayu...ini semua butuhhh
	14	8/11/2021	@FShaziq Sila berambus dari negara kami...negara kami ada undang2..sila patuhi..x boleh ikut undang2 kami dipersilakan berambus ko dr sini..
	15	24/1/2022	@CharlieUKEY Menteri KBS bangang! Dia duk pikir politik <i>survival</i> dia aja!
	16	27/12/2021	@lia_zul Bodoh si mail ni bodoh lagi yang hat penyokong dok wahhh tuuu eiii bodo laaa semua kat situ pon hat dok sokong sodok lumpur nii.
	17	21/1/2022	@NabilHussein Kerajaan ni punya celaka semua pakat jahanam; habis negara, sukan, SPRM, orang utan pun kena sekali. Rakyat terciduk.
	18	23/1/2022	@techsupremo Engkau pun kena covid masa PRN Sabah aritu, tak pulak kena masuk lokap. Bodoh.
	19	20/1/2022	@yangmunirahh <i>I have no words. The son committed a crime. It's a fucking r*pe! And it is his own sister! Yet the parents had the audacity to sent him to pondok instead?!</i> Jadi mak bapak tolong laa jangan jadi bangang sangat2!!!
	20	24/1/2022	@snugdeal3r

			<i>Anywhere is dangerous for women lah bodoh???? Even in public toilet and fitting room pun people be putting hidden cams?!!! Ignorant bingai gi mampos???</i>
--	--	--	---

Berdasarkan Jadual 2, bahasa sindiran sarkastik dapat dikesan dengan jelas melalui penggunaan kata-kata kesat dan kasar secara eksplisit. Jika diperhatikan, Data 11 hingga 20 mengandungi kata-kata kesat yang jelas memberikan ancaman air muka, antaranya perkataan ‘bodoh’, ‘bangang’, ‘bebal lahanat’, ‘mampus’ dan ‘bingai’. Perkataan yang dinyatakan ini merupakan hasil daripada rasa ketidakpuasan hati penggunaan Twitter terhadap sesuatu isu. Jelasnya di sini bahawa pengguna Twitter sering menggunakan bahasa sindiran sarkastik dalam mengespresikan rasa tidak puas hati, pendapat, marah dan sebagainya.

Sindiran Sinisme

Menurut Keraf (2007) sindiran jenis sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan atau ketulusan hati penutur. Dalam erti kata lain, sindiran ini merupakan perkataan sindiran yang lebih kasar daripada ironi. Perhatikan Jadual 3 yang memaparkan ragam bahasa sindiran sinisme di *Twitter*.

Jadual 3. Ragam Bahasa Sindiran Sinisme

Jenis	Data	Tarikh	Ujaran
Sinisme	21	18/12/2019	<i>@hanifhaiqall</i> Ada orang tu nampak baik, tapi sebenarnya dialah setan.
	22	24/12/2021	<i>@ail_shino</i> Makin hari makin jijik aku tengok muka-muka orang tua ni. Majlis tak habis-habis.
	23	8/11/2021	<i>@areistida891</i> Eee, mentang2 pegi butik Dior terus dapat <i>surname</i> Dior. Kalau gitu aku nak g buat perangai kat Versace la
	24	5/11/2021	<i>@ZettyMukhlis</i> Kalau betul lah dia gf pelaku, <i>better</i> tinggalkan. Kang dengan kau sekali kena tekap seterika, Adan uke.
	25	21/01/2022	<i>@aimansalim_</i> Booooo kepada polis2 yang backup para perasuah. Booooo kena suap duit haram sikit terus menggelabah. Booooo bagi anak bini makan duit haram. Eeeeeeee malunyaaaaa.
	26	21/01/2022	<i>@aimansalim_</i> Malaysia penuh korupsi. Pemimpin lupa diri. Polis ramai dibeli. Nak sembunyi apa lagi? Itu realiti.
	27	22/01/2022	<i>@lupihadi</i> Inilah jadinya kalau menteri hanya pernah bersukan di sukaneka <i>family day</i> sahaja. Good job!!
	28	18/01/2022	<i>@iamfadhilutfi</i> Mudahnya saman org. Adakah orang yg ada sedikit ilmu undang2 dan banyak duit ni dengan senang boleh saman orang lain? Nak jugak saman orang and dapat duit dengan mudah.
	29	18/01/2022	<i>@SalwaaAzmi</i>

			<i>I am going through grief of early pregnancy miscarriage and shared a picture of makanan pantang to someone old and she suddenly out of nowhere insensitively said to me “please exercise jaga berat badan. Surprise husband. I nasihat sbb sayang”</i>
	30	13/12/2021	<i>@haziqmarphy9817 Boyfriend doesnt cheat, provide most of the thing..work like hell..busy life..Trying to give his best for his loved ones. And girl said that the guy doesnt appreciate her, x provide enough, bla, bla, Sedarlah diri tu skit. Nk mewah je, yg membanting tulang si laki..kesian dia</i>

Berdasarkan Data 21 hingga 30 memaparkan ujaran-ujaran yang mengandungi ragam bahasa sindiran sinisme. Berdasarkan pernyataan Keraf (2007) sinisme digunakan untuk menunjukkan sindiran yang lebih kasar berbanding ragam bahasa yang lain. Jika diperhatikan Data 21 hingga 30 ujaran seperti ‘**Ada orang tu nampak baik, tapi sebenarnya dialah setan**’, ‘**Makin hari makin jijik aku tengok muka-muka orang tua ni. Majlis tak habis-habis**’ dan ‘**Inilah jadinya kalau menteri hanya pernah bersukan di sukaneka family day sahaja**’. Ujaran sinisme dapat diperhatikan melalui perkataan-perkataan kesat yang diujarkan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Analisis Ragam Bahasa Sindiran Berdasarkan Kerangka Keraf (2007)

Objektif yang kedua ini akan menganalisis ragam bahasa sindiran, iaitu ragam bahasa sarkastik, ironi dan sinisme menggunakan kerangka Keraf (2007).

Bahasa Sindiran Jenis Ironi

Bahasa sindiran jenis ironi ialah bahasa sindiran yang diungkapkan oleh seseorang secara halus (Keraf, 2007). Walau bagaimanapun makna di sebalik ujaran itu mempunyai makna yang tajam. Bunyi penyebutan dan cara ungkapan disampaikan secara lembut, tetapi orang yang ditunjukkan bahasa sindiran jenis ironi akan terasa kesan dan nada sindirannya bersifat tajam. Bahasa sindiran jenis ini lazimnya bertentangan dengan maksud sebenar. Berdasarkan Kerangka Keraf (2007), ironi merupakan suatu acuan yang mempunyai makna yang berlainan daripada perkara yang terkandung dalam rangkaian kata-katanya. Hal ini demikian kerana ironi ialah gaya bahasa yang menyatakan sesuatu secara bertentangan dengan membawa makna mengejek. Justeru, pemilihan data diambil kerana menepati aspek bahasa sindiran jenis ironi, iaitu mempunyai makna yang bertentangan dengan ujaran yang diujarkan oleh penutur.

Dalam ujaran yang ditulis oleh @diyanaamira, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Sebab kau menantu PM boleh diselamatkan naik heli, siap tayang kat IG. BAGOS! Yang lain duduk atas bumbung rumah dari semalam tido dalam hujan, tido dalam kereta.

Hal ini dikatakan demikian kerana, sindiran ironi dalam ujaran bersifat halus, iaitu tidak terlalu kasar dan tidak terlalu sinis. Penggunaan kata ‘bagus’ dalam data menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) membawa maksud berkeadaan atau bersifat baik lagi memuaskan hati, tetapi maksud yang disampaikan oleh penutur adalah berlawanan dengan makna sebenar, iaitu menunjukkan rakyat tidak puas hati dengan tindakan pihak berwajib dalam menangani isu banjir yang mengakibatkan ramai yang lambat diselamatkan. Ironi merupakan sindiran yang menyembunyikan sesuatu kenyataan atau fakta (Ratna, 2009). Sindiran ini bersifat halus dan mempunyai makna tertentu. Mengikut ujaran, perkara yang dinyatakan adalah bertentangan dengan

maksud. Justeru itu, dalam ujaran, maksud sebenar ialah penutur ingin menyatakan bahawa sindiran kepada pihak berwajib lambat dalam membantu mangsa banjir.

Dalam ujaran yang ditulis oleh @mynewshub, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Kayangan bila turun lawat mangsa banjir, lain sikit gaya dia.

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana ungkapannya bersifat halus tetapi mempunyai makna di sebalik ujaran tersebut. Ironi merupakan sindiran yang disampaikan secara halus (Arba'ie Sujud, 2010). Berdasarkan ujaran, makna yang terdapat dalam ujaran tersebut ialah warga *Twitter* menyindir kelakuan golongan bangsawan ketika turun padang melihat mangsa banjir. Cara penyebutannya adalah lembut tetapi boleh membuatkan seseorang memahami ungkapan ironi tersebut. Justeru itu, ujaran tersebut dikenal pasti sebagai ironi berdasarkan cara ungkapannya yang lembut berbanding sarkastik dan sinisme. Selain itu, dalam ujaran yang ditulis oleh @zunarkartunis, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Peribahasa baru.. Kalau takut Balak di bumbung, Jangan berumah di negeri Pahang.

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana ungkapannya bersifat halus tetapi mempunyai makna di sebalik ujaran tersebut. Berdasarkan ujaran, makna yang terdapat dalam ujaran tersebut ialah warga *Twitter* menyindir isu pembalakan di negeri Pahang yang kian menjadi-jadi sehingga kawasan tadahan hujan terjejas menyebabkan banjir besar. Konteks dalam ujaran berkisar tentang isu banjir. Konteks merupakan latar belakang yang dikatakan sebagai pengetahuan yang membantu proses maklumat (Leech, 1993). Maklumat ini akan dikumpul dan ditafsir oleh pembaca selari dengan pengetahuan yang sedia ada atau pengetahuan tambahan setelah proses pengguguran maklumat tidak relevan dibuat. Konteks bukan sahaja berdasarkan pengetahuan fizikal atau teks, tetapi berkaitan dengan psikologi pembaca.

Seterusnya, dalam ujaran yang ditulis oleh @ashribasri, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Isu lahabau pun politik.. Rasuah xmo ke???

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana ungkapannya bersifat implisit dan diujarkan secara eksplisit, iaitu memerlukan proses penginterpretasian makna secara bijak dilakukan oleh pembaca. Ironi tergolong daripada bahasa sindiran yang mengandungi makna yang tersirat (Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Berdasarkan ujaran, makna yang terdapat dalam ujaran tersebut ialah penulis menyindir sikap sesetengah pihak yang mengutamakan isu remeh berbanding isu yang lebih penting. Di samping itu, dalam ujaran yang ditulis oleh @Dean39569247, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Penjawat awam bawah KPM ni mereka 'terlalu' pandai, sbb itu mereka tidak mahu divaksin.

Hal ini dikatakan demikian kerana sindiran ironi dalam ujaran bersifat halus, iaitu tidak terlalu kasar dan tidak terlalu sinis. Penggunaan kata 'pandai' dalam data menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) membawa maksud orang yang terpelajar dan berilmu, tetapi maksud yang disampaikan oleh penulis ialah berlawanan dengan makna sebenar, iaitu menunjukkan orang yang bodoh. Ironi merupakan sindiran yang menyembunyikan sesuatu kenyataan atau fakta (Ratna,

2009). Sindiran ini bersifat halus dan mempunyai makna tertentu. Mengikut ujaran, perkara yang dinyatakan adalah bertentangan dengan maksud. Justeru itu, dalam ujaran, maksud sebenar ialah penulis ingin menyindir sikap penjawat awam yang bersikap seolah-olah terlalu bijak sehingga mereka boleh bertindak sewenang-wenangnya. Tambahan lagi, dalam ujaran yang ditulis oleh @SyedAkramin, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

JAKIM tak mahu share hadith berkenaan larangan merosakkan alam sekitar?

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana ungkapannya bersifat halus tetapi mempunyai makna di sebalik ujaran tersebut. Cara penyebutannya adalah lembut tetapi boleh membuatkan seseorang memahami ungkapan ironi tersebut. Berdasarkan ujaran, makna yang terdapat dalam ujaran tersebut ialah penulis menyindir badan JAKIM akan cicipannya (*tweet*) mengenai larangan menghina sultan sedangkan pada masa itu hangat isu mengenai keluarga diraja dan isu pembalakan. Selanjutnya, dalam ujaran yang ditulis oleh @sofeahjoned, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Seronok kan PM main-main sodok. Only in Malaysia.

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana bertentangan dengan maksud literalnya. Ironi berlaku sekiranya terdapat percanggahan antara sesuatu yang diharapkan dengan perkara sebenar (Rahman Shaari, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana penulis menggunakan kata ironi bertujuan untuk menyindir Tan Sri Ismail Sabri yang membuat rakaman bersama para wartawan menunjukkan bahawa beliau turut mengambil bahagian dalam menangani isu banjir yang berlaku baru-baru ini. Ujaran yang kelapan ditulis oleh @williamtan2020, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Cerita suami @twitter, isteri fesbuk. Anak mesti tiktok. Semoga keluarga bahagia selalu.

Hal ini dikatakan demikian kerana sindiran ironi dalam ujaran bersifat halus, iaitu tidak terlalu kasar dan tidak terlalu sinis. Sindiran ini bersifat halus dan mempunyai makna tertentu. Mengikut ujaran, perkara yang dinyatakan adalah penulis menyindir seorang isteri yang merupakan anti vaksinasi yang menyaman suami serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana memberi vaksin kepada anaknya.

Seterusnya, dalam ujaran yang ditulis oleh @araeilish, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Orang ajar pun tak mau dengar, fikir pandailah sangat?!

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana ungkapannya bertentangan dengan maksud literalnya iaitu penulis mengacukan *tweet* tersebut kepada seseorang yang tidak mahu dengar ketika belajar atau diberikan bimbingan dan tunjuk ajar seolah-olah dia sudah pandai. Perkara ini disokong dengan pendapat Francisco Yus (1998) yang menyatakan bahawa ironi merupakan ungkapan yang mengandungi makna yang bertentangan dengan maksud yang diungkapkan secara literal. Akhir sekali, dalam ujaran yang ditulis oleh @harizJamal, terdapat penggunaan kata ironi, iaitu:

Azam Baki holds many secrets among the VVVIPS and the scandalous activity they were involved in. Kalau tak, mana maunya sampai polis pun siap buat road block. At this stage, you might want to ponder what our country situation is.

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana ungkapannya mempunyai makna yang tajam. Berdasarkan ujaran, makna yang terdapat dalam ujaran tersebut ialah penulis menyindir pihak yang terlibat secara halus. Ironi merupakan ujaran yang mempunyai unsur sindiran (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992).

Bahasa Sindiran Jenis Sarkastik

Bahasa sindiran jenis sarkastik ini merupakan sebuah ujaran yang dipenuhi dengan celaan dan cemuhan. Jika kita teliti dengan lebih mendalam, perkataan sarkastik ini berasal daripada bahasa Yunani, iaitu “*sarkasmos*” dan ianya termasuk dalam golongan kata kerja “*sarkasein*” yang membawa maksud “merobek-robek daging seperti anjing” atau “bercakap dengan kepahitan”. Kata-kata yang bersifat sarkastik ini kebiasaannya mampu menyakiti hati orang lain disebabkan ianya bersifat kasar dan keras. Lanjutan daripada perkara di atas, sarkastik ini boleh dianggap bersifat ironi disebabkan gayanya yang mampu menyakitkan hati. Kebiasaannya, penggunaan sarkastik ini telah diujarkan sewaktu seseorang itu tidak dapat mengawal emosi dan marah dengan sesuatu perkara. Malah, ujaran yang dilafazkan kebiasaannya jelas dan mampu difahami oleh orang lain. Menurut kerangka keraf (2007), sarkastik merupakan sebuah penggunaan kata yang bersifat kasar dan keras bertujuan untuk menyindir seseorang atau sekelompok masyarakat.

Berdasarkan ujaran yang ditulis oleh @*HermyRahim*, terdapat sebuah penggunaan kata sarkastik, iaitu,

“Kau dengan Muhyiddin dua-dua bebal lahanat.”

Dalam ujaran tersebut, terdapat satu perkataan sarkastik iaitu perkataan “bebal”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), bebal membawa maksud bodoh, tumpul otak dan salah. Melalui ujaran tersebut, penulis ingin menyindir pemerintah Malaysia iaitu Tan Sri Ismail Sabri bin Yaakob kerana memiliki cara pemerintahan yang sama dengan pemerintah yang sebelumnya, iaitu Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Yassin. Perkataan bebal ini tidak seharusnya digunakan kerana perkataan bebal ini merupakan perkataan yang sangat kasar. Secara tidak langsung perkataan sindiran yang berbentuk sarkastik ini boleh menyakiti hati kedua-dua pemerintah. Menurut Leggit dan Gibbs (2000), penutur sarkastik mampu mempengaruhi emosi pendengar kerana sarkastik bersifat kasar.

Seterusnya, terdapat ujaran sindiran yang berbentuk sarkastik iaitu pada komen yang dikongsikan oleh @*chairman_GLC*:

“Kenapa korang *follow* si bodoh nak mampus ni?”

Berdasarkan ayat tersebut terdapat dua perkataan sindiran yang berbentuk sarkastik, iaitu “bodoh” dan “mampus”. Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) mendefinisikan bodoh sebagai perkataan yang sukar mengerti atau mempelajari sesuatu, bebal, tolol, dungu dan tidak cerdas. Manakala, perkataan “mampus” pula merupakan perkataan yang membawa maksud mati. Dalam ujaran ini, penulis menggelar perdana menteri Malaysia Tan Sri Ismail Sabri bin Yaakob dengan bahasa sindiran yang sarkastik, iaitu “si bodoh yang nak mampus” dan mempertanyakan kepada rakyat Malaysia yang masih menyokong beliau. Selain itu, terdapat juga warga *Twitter* yang turut sama menggunakan perkataan “bodoh” dan “mampus” iaitu pada komen yang ditulis oleh @*snugdeal3r*.

“*Anywhere is dangerous for women lah bodoh!!! Even in public toilet and fitting room pun people be putting hidden cams?!!! Ignorant bingai gi mampus!!!*”

Berdasarkan ayat sindiran jenis sarkastik yang ditulis oleh @snugdeal3r ini, penulis telah menggunakan perkataan “bodoh” dan “mampus” kerana beliau terlalu marah dengan perkongsian seorang warga *Twitter* yang menakutkan warga *Twitter* yang lain dengan mengatakan kedai buku sekarang sudah menjadi tidak selamat untuk wanita. Beliau merasakan perkara tersebut adalah tidak logik kerana sejak dahulu lagi wanita dalam keadaan tidak selamat walau di mana mereka berada. Bukan sahaja di kedai buku, bahkan di tandas serta bilik persalinan pakaian di pusat beli belah turut tidak selamat. Melalui postingannya, kita dapat lihat bahawa beliau tidak dapat mengawal emosi kerana terlalu marah dan geram dengan perkongsian tersebut yang mengakibatkan beliau memilih untuk menggunakan bahasa sindiran secara sarkastik. Menurut Clark & Marshall (1981), penggunaan bahasa sarkastik itu sememangnya berkait dengan pengalaman dan pengetahuan seseorang. Seterusnya, terdapat juga warga *Twitter* yang turut menggunakan perkataan bodoh, iaitu @lia_zul.

“Bodoh si mail ni bodoh lagi yang hat penyokong dok wahhh tuuu eiii bodo laaa semua kat situ pon hat dok sokong sodok lumpur nii.”

Berdasarkan ayat tersebut, penulis memberi komen pada video rakaman yang viral di laman *Twitter* di Malaysia, iaitu video perdana Menteri Malaysia yang membuat aktiviti menyodok tanah dan dikelilingi oleh juru kamera daripada beberapa buah siaran dari stesen televisyen yang sedang merakam perbuatan tersebut. Lanjutan daripada perkara di atas, penulis mengutuk situasi tersebut kerana menurut beliau, perdana Menteri tidak seharusnya membuat perbuatan tersebut jika tujuannya hanya untuk menunjukkan beliau turut membantu mangsa-mangsa banjir. Selain itu, penulis juga turut marah terhadap masyarakat yang berada di sekeliling perdana Menteri yang menjadi penyokong dan turut menyokong perbuatan tersebut. Lanjutan daripada perkara di atas, terdapat penulis ketiga yang turut menggunakan perkataan “bodoh” iaitu @techsupremo.

“Engkau pun kena covid masa PRN Sabah aritu, tak pulak kena masuk lokap. Bodoh.”

Dalam hantaran warganet di laman *Twitter* ini, perkataan bodoh yang digunakan oleh warganet itu bertujuan untuk mengecam dan mengkritik cicipan yang dibuat oleh sebuah gerakan ahli parti politik yang telah membuat perarakan parti politik. Hal ini kerana, perkara tersebut akan menyebabkan berlakunya penularan wabak *Covid 19*. Cicipan yang dibuat oleh warganet itu menunjukkan rasa tidak puas hati kepada ahli politik itu kerana dia juga berkelakuan sedemikian ketika berlangsungnya PRN Sabah, malahan ahli politik itu juga tidak mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dalam membendung penularan wabak *Covid 19*. Selain itu, terdapat bahasa sindiran jenis sarkastik pada komen @prettyrain_492.

“Sembanglah natang ni...tggk dri video tercungap2 nk cakap Melayu...ini semua butuhhh”

Berdasarkan ujaran berikut, terdapat dua perkataan sindiran jenis sarkastik iaitu “natang” dan “butuh”. Perkataan “natang” merupakan perkataan singkatan bagi “binatang”. Menurut Burton (2009), sarkastik merupakan ungkapan yang bertentangan daripada penyampaian yang sebenar dan ia bersifat bahasa yang tidak logik daripada bahasa-bahasa yang lain. Seperti yang kita tahu, binatang digunakan untuk haiwan bukan manusia. Manakala, perkataan “butuh” di dalam ayat ini merupakan perkataan yang bersifat kasar dan tidak sopan kerana perkataan tersebut mempunyai unsur lucah dan tabu. Penulis mengutuk orang yang berada di dalam video tersebut kerana tidak lancar bercakap dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, perkataan bahasa sindiran jenis sarkastik yang ditulis oleh @yangmunirahh adalah sama dengan perkataan bahasa sindiran sarkastik yang ditulis oleh seorang warga Twitter yang lain, iaitu @CharlieUKEY. @yangmunirahh

“I have no words. The son committed a crime. It’s a fucking r*pe! And it is his own sister! Yet the parents had the audacity to sent him to pondok instead?!”
Jadi mak bapak tolong laa jangan jadi bangga sangat2!!!”

@CharlieUKEY

Menteri KBS bangga! Dia duk pikir politik survival dia aja!”

Berdasarkan kedua-kedua ayat tersebut, didapati bahawa kedua-dua penulis menggunakan perkataan bahasa sindiran jenis sarkastik yang sama iaitu “bangang”. Bangang merupakan perkataan yang membawa maksud bodoh dan dungu. Perkataan sarkastik yang digunakan mampu memberikan impak dan imej yang negatif terhadap orang yang dimaksudkan dalam komen tersebut. Menurut McDonald (1999), perselisihan faham itu wujud disebabkan penggunaan bahasa sarkastik yang dapat diinterpretasi dalam pelbagai bentuk ujaran sehingga mengakibatkan pembinaan ayat sarkastik itu mampu untuk menghasilkan kesan yang mendalam kepada pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa tersebut selalu digunakan bagi tujuan untuk mengejek, menyindir dan sebagainya tanpa mengira sensitiviti seseorang (Noor Azura, 2017). Lanjutan itu, pada komen @yangmunirahh, beliau menggunakan perkataan “bangang” disebabkan beliau terlalu marah dengan tindakan sepasang ibu bapa perogol yang menghantar anaknya ke pondok untuk memberi tindakan disiplin terhadap anaknya berbanding menghantar anaknya ke balai polis atau ke pusat juvana, sedangkan anak mereka telah melakukan kesalahan yang besar kerana telah merogol adik kandungnya sendiri. Menurut beliau, si perogol tersebut sewajarnya dikenakan hukuman yang lebih berat dari tindakan ibu bapa tersebut yang menghantar anak mereka ke pondok.

Seterusnya, sebuah perkongsian @CharlieUKEY yang dikongsi di laman Twitter turut menggunakan perkataan “bangang” kerana marah dengan tindakan yang telah dilakukan oleh Menteri KBS yang lebih memikirkan tentang politik berbanding nasib rakyat Malaysia yang terumbang-ambing disebabkan dampak daripada banjir besar. Disamping itu, terdapat penggunaan bahasa sindiran jenis sarkastik, iaitu pada hantaran yang ke sembilan yang ditulis oleh @FShaziq:

Sila berambus dari negara kami...negara kami ada undang2..sila patuhi..x boleh ikut undang2 kami di persilakan berambus ko dr sini.

Perkataan “berambus” tersebut membawa maksud keluar atau pergi. Pemilik akaun Twitter ini menghalau secara sarkastik warga asing yang tidak mematuhi peraturan negara dan undang-undang Malaysia yang mewajibkan untuk memakai pelitup muka ketika hendak keluar daripada rumah. Tambahan pula, perkataan “berambus” terlihat tidak sopan dan kasar, malah ianya mampu menyakitkan perasaan individu yang dimaksudkan dalam ucapan tersebut. Tambahan pula, perkataan sarkastik ini merupakan perkataan yang tidak baik digunakan kerana bersifat tidak sopan dan kasar. Menurut Keraf (2007), sarkastik dianggap sebagai sindiran yang disampaikan seseorang secara langsung dan kasar. Pada perkongsian kesepuluh yang dilakukan oleh @NabilHussein:

“Kerajaan ni punya celaka semua pakat jahanam; habis negara, sukan, SPRM, orang utan pun kena sekali. Rakyat terciduk.”

Terdapat satu perkataan sindiran sarkastik yang dapat dikenal pasti iaitu perkataan “celaka”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), celaka didefinisikan sebagai sesuatu yang tidak baik (tentang nasib), tidak bahagia, malang atau sial. Dalam hantaran ini, penulis menggambarkan pihak

kerajaan kini sebagai kerajaan yang membawa sial kepada rakyat. Selain itu, penulis juga marah dengan cara pentadbiran pihak kerajaan yang tidak teratur sehingga menyebabkan negara, sukan dan khazanah alam di Malaysia turut terancam.

Bahasa Sindiran Jenis Sinisme

Sinisme merupakan sindiran yang mengandungi ejekan yang sifatnya lebih kasar dari ironi. Penjelasan ini diperkuat oleh pendapat Keraf (2008:143) berikut ini: Sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati. Antara dapatan kajian ini, Dalam ujaran yang ditulis @hanifhaiqall:

Ada orang tu nampak baik, tapi sebenarnya dia lah setan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) ujaran “setan” merupakan sinonim kepada “syaitan” yang membawa maksud makhluk halus yang jahat iaitu makhluk yang menggalakkan manusia membuat kejahatan. Berdasarkan teks di atas iaitu “*tapi dia lah setan*”, pengguna Twitter memberi sindiran kepada seseorang yang menunjukkan sikap yang baik di hadapan orang lain, tetapi sebenarnya dia merupakan individu yang melakukan kejahatan. Jika dilihat pada keseluruhan ayat, teks ini ditulis untuk ditujukan kepada individu yang berpura-pura mempunyai personaliti yang baik disebalik kesalahan dan kejahatan yang dilakukannya. Selain itu, Dalam ujaran yang ditulis @ail_shino:

Makin hari makin jijik aku tengok muka-muka orang tua ni. Majlis tak habis-habis.

Pada dasarnya kata “jijik” bermaksud meluat atau tidak suka melihat sesuatu perkara kerana kotor. Tetapi, berdasarkan teks di atas, penulis menggunakan kata “jijik” untuk menyatakan rasa tidak suka kepada seseorang iaitu “*makin hari makin jijik aku tengok muka-muka orang tua ni*” Pernyataan ini merupakan sindiran sinisme kerana sikap sesetengah pihak masih mengadakan majlis walaupun situasi semasa majlis itu dijalankan tidak bersesuaian. Warganet menganggap sikap golongan yang disindir itu tidak menghormati golongan yang terjejas dengan bencana banjir. Majlis yang dinyatakan di dalam teks di atas adalah yang diadakan semasa negara Malaysia dilanda bencana banjir yang telah menjejaskan ribuan keluarga di seluruh Malaysia. Seterusnya, Dalam ujaran yang ditulis @areistida891

“Eee, mentang2 pegi butik Dior terus dapat *surname* Dior. Kalau gitu aku nak g buat perangai kat *Versace* la”

Berdasarkan ayat ini, kita dapat lihat bahawa penulis menyindir seseorang yang berkelakuan buruk dan bersikap sombong. Individu tersebut telah bertindak menamakan dirinya dengan nama sebuah butik bernama *Dior*. Malah, individu tersebut turut mendapat manfaat dari segi gelaran nama yang menarik. Hal ini menyebabkan penulis bertindak mengeluarkan ayat yang sinis kerana penulis tidak gemar dengan sikap individu tersebut yang terlalu sombong dan suka membuat cicipan yang aneh. Ujaran ini mempunyai sifat yang lebih keras daripada ironi dan mempunyai sifat yang lebih lembut dari ironi. Menurut Arba'ie Sujud (2010), sinisme merupakan sindiran yang mengandungi makna yang berselindung dan bersifat sinis. Disamping itu, Dalam ujaran yang ditulis @ZettyMukhlis

Kalau betul lah dia gf pelaku, *better* tinggalkan. Kang dengan kau sekali kena tekap seterika, Adan uke.

Ayat ini dikategorikan sebagai sindiran jenis sinisme kerana perbuatan yang telah berlaku akan berlaku sekali lagi sekiranya individu yang dimaksudkan oleh penulis masih menjaga hal tepi kain orang lain. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2017), menjaga tepi kain orang merupakan sebuah perbuatan manusia yang selalu mengambil tahu hal orang lain. Jika diteliti dengan lebih mendalam, penulis mempunyai niat yang baik iaitu ingin menasihati individu yang berkaitan, tetapi ayat yang diujarkan tersebut tidak sesuai digunakan kerana mempunyai unsur sindiran seperti mengejek dan menyindir sikap orang lain.

Sindiran sinisme seterusnya ialah dalam ujaran yang ditulis @aimansalim_:

“Booooo kepada polis2 yang backup para perasuah. Booooo kena suap duit haram sikit terus menggelabah. Booooo bagi anak bini makan duit haram. Eeeeeeee malunyyaaaaa”

Berdasarkan ayat ini, penulis telah menyindir badan PDRM yang telah menyokong rasuah. Hal ini dikatakan demikian kerana, badan PDRM merupakan satu badan kerajaan yang diamanahkan untuk menegakkan undang-undang di Malaysia. Akan tetapi, sekiranya pihak berwajib tidak menjalankan amanah, keamanan dan keselamatan negara turut terancam. Jika diteliti dengan lebih mendalam, perkataan “booooo” yang digunakan merupakan sebuah ejekan yang terus kerana boleh diertikan sebagai hinaan. Menurut Keris Mas (1988), sinisme merupakan sesuatu perbuatan yang mencemuh atau menyindir seseorang secara halus. Malah, sifat penulis yang berani menyindir badan PDRM merupakan satu tindakan yang sangat berani. Hal ini sangat berkait dengan pendapat Caldwell (2011) yang menyatakan bahawa reaksi dalam sindiran adalah bersifat berani dan bersifat mengejek.

Seterusnya, Dalam ujaran yang ditulis @aimansalim_:

Malaysia penuh korupsi. Pemimpin lupa diri. Polis ramai dibeli. Nak sembunyi apa lagi? Itu realiti.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), “korupsi” bermaksud amalan atau perbuatan yang salah atau tidak amanah seperti pecah amanah dan rasuah. Pengguna twitter ini menyindir pemimpin negara dan badan beruniform yang terlibat dalam kegiatan rasuah dan pecah amanah. Teks “nak sembunyi apa lagi? Itu realiti” merujuk kepada sesetengah pihak yang masih cuba berselindung mengenai kes - kes pecah amanah yang telah dibongkarkan. Warganet berpendapat bahawa, sebagai pemimpin, mereka diamanahkan untuk memimpin negara supaya negara berada dalam keadaan harmoni, namun apabila korupsi seperti rasuah dan pecah amanah menjadi amalan dalam pemerintahan, menyebabkan rakyat menjadi tidak percaya terhadap kemampuan pemimpin untuk memimpin negara dalam tempoh masa yang lama. Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak menyebabkan kemarahan warganet iaitu juga merupakan rakyat Malaysia menggunakan aplikasi *Twitter* untuk menyindir pihak - pihak terlibat.

Bukan itu sahaja, dalam ujaran yang ditulis @lupihadi

Inilah jadinya kalau menteri hanya pernah bersukan di sukaneka family day sahaja. Good job!!

Warganet menyindir menteri belia dan sukan kerana tindakannya yang memberhentikan jurulatih paralimpik, iaitu R.jeganathan sehingga membuat Ridzuan Puzi menitiskan air mata. Warganet merasakan perkara tersebut adalah tidak adil kerana memperlakukan jurulatih paralimpik yang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang sukan dengan sedemikian. Ungkapan “good job” dalam ayat tersebut merupakan sindiran. Bukan itu sahaja warganet turut mengkritik tindakan menteri tersebut yang membuat keputusan sesuka hati tanpa mempertimbangkan aspek penting

yang lain. “*Good job*” yang asalnya bermaksud bagus digunakan oleh warganet untuk menyampaikan sindiran yang bertentangan dengan maksud sebenar perkataan itu dan membawa maksud ejekan kepada tindakan pihak menteri tersebut.

Dalam ujaran yang ditulis @iamfadhilutfi

Mudahnya saman org. Adakah orang yg ada sedikit ilmu undang2 dan banyak duitni dengan senang boleh saman orang lain? Nak jugak saman orang and dapat duit dengan mudah.

Warganet menyindir sikap seorang ibu yang menyaman KKM kerana memberi vaksin terhadap anak-anaknya yang mana anak-anaknya telah dibawa oleh suaminya secara senyap-senyap untuk divaksin. Bukan itu sahaja, warganet juga turut memerli tindakan orang kaya yang suka menyaman individu lain kerana mempunyai wang yang banyak meskipun cetek dalam ilmu pengetahuan berkaitan undang-undang. Hal ini demikian kerana, wang dianggap lebih berkuasa dan penting daripada ilmu pengetahuan.

Di samping itu, Dalam ujaran yang ditulis @SalwaaAzmi

I am going through grief of early pregnancy miscarriage and shared a picture of makanan pantang to someone old and she suddenly out of nowhere insensitively said to me “please exercise jaga berat badan. Surprise husband. I nasihat sbb sayang”

Berdasarkan ujaran diatas, dapat dilihat bahawa pemilik akuan ini cuba untuk menyampaikan sindiran kepada masyarakat yang tidak prihatin terhadap keadaan beliau yang telah keguguran. Ujaran “please exercise jaga berat badan. Surprise husband. I nasihat sbb sayang” dilihat agak melampau kerana dalam keadaan selepas keguguran kesihatan pesakit lebih penting jika dibandingkan dengan usaha untuk mendapatkan bentuk badan yang ramping dan langsing. Masyarakat Malaysia yang sering berfikiran bahawa bentuk badan yang sempurna adalah kunci kesetiaan suami dalam sebuah perkahwinan adalah kolot.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji telah menghuraikan dengan lebih terperinci dalam dapatan kajian yang diperolehi melalui pemerhatian dan catatan mengenai bahasa sindiran. Lanjutan daripada perkara yang dibincangkan, pengkaji telah menyenaraikan cicipan bahasa sindiran yang terdapat dalam aplikasi *Twitter*. Selain itu, data yang diperolehi oleh pengkaji telah dianalisis dan dihuraikan berdasarkan teori Kerangka Keraf (2007). Perbincangan dan analisis data yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian ini merupakan penjelasan terhadap kajian yang dilaksanakan. Data kajian telah diasingkan mengikut jenis-jenis bahasa sindiran, iaitu bahasa sindiran jenis ironi, bahasa sindiran jenis sarkastik dan bahasa sindiran jenis sinisme. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bahasa sindiran dalam kalangan masyarakat telah digunakan secara meluas dan bahasa sindiran ini bukanlah satu perkara yang baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat kini kurang mementingkan etika, adab dan amalan bersopan santun dalam penulisan mahupun lisan sehinggakan penggunaan bahasa sindiran ini sudah dianggap biasa dan telah digunakan tanpa batasan oleh sesetengah masyarakat di Malaysia.

RUJUKAN

Ab Jabar, N., & Ghazali, M. F. M. (2021). Komunikasi Bahasa Sindiran dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1).

- Amat Juhari Moain. (2000). *Sosiolinguistik dan Sosiologi Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirah Ahmad, Noriza Daud, Norizah Ardi, & Nurrisammimayantie Ismail. (2019). Ragam bahasa media sosial dalam isu yang sohor kini. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*.
- Arba'ie Sujud. (2010). *Apresiasi Bahasa: Interpretasi dan Ekspresi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. DAI, N. (2020). Penggunaan Gaya Bahasa Sindiran oleh Youtuber Indonesia. Skripsi, 1(311415005). <https://repository.ung.ac.id/skripsi/show/311415005/penggunaan-gaya-bahasa-sindiran-oleh-youtuber-indonesia.html>
- Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Mengalami dan menghayati makna kemiskinan melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 14, 28-43.
- Faridah Nazir, Jamilah Rosli & Nora'azian Nahar. (2020) Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu Melaka. Syfee Management Sdn Bhd.
- Francisco Yus. (1998). *Irony: Context Accessibility and Processing Effort*. Universidad de Cádiz. Servicio de Publicaciones.
- Halimah, S. N., & Hilaliyah, H. (2019). Gaya bahasa sindiran Najwa Shihab dalam buku catatan Najwa. *Deiksis*, 11(02), 157-165. <https://journal.lppmunindra.ac.id/index.php/Deiksis/article/view/3648>
- Hengki, E. (2019). Gaya Bahasa Sindiran Dalam Novel Elegi Karya Dewi Kharisma Michellia (Doctoral dissertation, STKIP PRGI Sumatera Barat). <http://repo.stkip-pgri-sumbar.ac.id/id/eprint/12821/>
- Heru, A. (2018). Gaya bahasa sindiran ironi, sinisme dan sarkasme dalam berita utama harian kompas. *Jurnal pembahsi (pembelajaran bahasa dan sastra indonesia)*, 8(2), 43-57. <https://jurnal.univpgri-palembang.ac.id/index.php/pembahsi/article/view/2083>
- Ibrahim, N. A., & Yusof, M. (2020). Sindiran dalam Media Sosial: Perspektif Lakuan Bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2).
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik*. (terjemahan) Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mara, R. S., & Bahry, R. (2019). Analisis gaya bahasa sindiran dalam syair Didong Jalu Arita Mude dan Biak Cacak. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13(1), 61-79.
<http://www.jurnal.unsyiah.ac.id/JLB/article/view/12946>
- Mohd A Rashid, S. N., & Yaakob, N. A. (2017). Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7.
<https://doi.org/10.15282/ijleal.v7.511>
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Mohd Roslan Rosnon. (2016). Bahasa Juri dalam Program Mentor Legend: Satu Analisis Ragam Bahasa Za'ba. *ESTEEM Academic Journal*, 12(2), 1-14.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan & Nik Norazira Abd Aziz. (2020). Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam Novel 'Kasyaf Ain'. *Sains Insani*, 5(1), 157-166.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). Implikatur: Satu Analisis Aspek Seni Berbahasa Orang Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Ogos, 676-690.
- Norhasliza Ramli, Norfazila Ab Hamid & Riduan Makhtar. (2018). Ragam Bahasa dalam Wacana Politik Lewat Pra-PRU 14. dlm. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018. (hlm.541-555). Selangor: Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Rahman Shaari. (2002). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sarjana Press Sdn. Bhd.
- Ratna, Nyoman Kutha. (2009). *Stlistika Kajian Puitika Bahasa, Aastra dan Budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rohaidah Haron. (2016). Ragam bahasa dalam wacana perbicaraan di Mahkamah. Dlm *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2016)*, 1: 208-224. Selangor: Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid. (2016). Bahasa Sindiran dalam Ujaran Blog. Universiti Putra Malaysia. (10).
<http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/67864/1/FBMK%202016%2081%20IR.pdf>
- Za'ba. (1965). *Pelita Bahasa Penggal 1*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu (Edisi Ejaan Rumi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENCERAPAN AMALAN STRATEGI METAKOGNITIF DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA GURU SEKOLAH RENDAH

Pati Alap (PhD)

pati.alap@ipgmktar.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pencerapan amalan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian ini menggabungkan konsep dan prinsip melalui Teori Pembelajaran Metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Selain itu, maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah juga diberi tumpuan. Peserta kajian terdiri daripada lapan orang guru Bahasa Melayu tahap 2. Pemilihan peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran di dalam bilik darjah, analisis dokumen dan nota lapangan pengkaji. Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 1.8.0, dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca melibatkan pembelajaran berkumpulan, pengukuhan pengalaman dan pencapaian matlamat. Implikasi dan cadangan kajian lanjutan dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu turut dikemukakan. Penemuan akhir kajian telah mencadangkan untuk menghasilkan sebuah model pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu sekolah rendah. Model pengajaran tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan guru Bahasa Melayu untuk membantu murid sekolah rendah bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu.

PENGENALAN

Membaca merupakan aktiviti penting dalam kehidupan manusia. Maklumat yang diperolehi melalui pembacaan dapat digunakan sebagai panduan dalam pelbagai aspek kehidupan. Keberkesanan dalam membaca juga merupakan satu perkara penting yang perlu diambil berat oleh murid ketika membaca (Zamri 2008; Yahya 2008). Sebagai contoh, bagi memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, seseorang murid perlu menguasai kemahiran membaca yang baik. Biasanya, murid akan mudah lupa dan tidak memahami apa yang dibaca walaupun membacanya dengan berulang kali. Jadi, murid perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah pembacaan yang bersesuaian dengan diri mereka.

Secara rumusnya, metakognitif merupakan kebolehan seseorang dalam mengaplikasikan strategi yang betul dalam proses melahirkan idea, tetapi bukannya buah fikiran yang dilahirkan atau bukan hasil sebenar berfikir. Seseorang murid yang ingin menyelesaikan satu masalah dalam proses pembelajaran perlu melalui proses memantau, menilai dan membuat regulasi setiap keputusan yang akan dibuat. Proses memantau, menilai dan membuat regulasi ini tidak ada kaitan langsung dengan keputusan yang akan dibuat atau diambil dalam penyelesaian sesuatu masalah pembelajaran.

SOROTAN LITERATUR

Secara spesifik apakah maksud sebenar metakognitif, Baron (2001), telah membahagikan metakognitif kepada dua perkataan secara berasingan iaitu meta dan kognitif. Meta bermaksud kesedaran dan kognitif bermaksud pemikiran. Gabungan kedua-dua perkataan ini membawa maksud berfikir mengenai pemikiran. Ini bererti, seseorang individu menggunakan kesedaran

dirinya ke atas pemikiran diri apabila melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran dengan menggunakan kesedaran ini untuk mengawal apa yang dilakukannya. Minda seseorang akan berfungsi dengan berkesan sekiranya seseorang itu menyedari terhadap apa yang dilakukannya. Keupayaan metakognitif yang tinggi boleh refleksi singkatkan pemikiran seperti aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Selain itu, pengajaran membaca menggunakan strategi metakognitif ini memberi kesan yang sangat baik terhadap pemahaman murid. Pendedahan dalam kalangan murid sekolah rendah juga sangat bersesuaian bagi melatih murid memahami teks bacaan dengan lebih bermakna Jafari et al.,(2012). Dalam konteks kajian ini juga menunjukkan bahawa pengajaran membaca dengan menggunakan strategi metakognitif dapat membantu meningkatkan pemahaman murid tahap sederhana apabila membaca teks ekspositori dengan lebih baik dan efektif berbanding pendekatan konvensional.

Kajian berkaitan strategi dalam pelaksanaan aktiviti PdPc sememangnya telah banyak dijalankan, namun fokus kajian secara spesifik dalam PdPc Bahasa Melayu melalui pendekatan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu didapati masih kurang. Antara kajian yang berkaitan adalah kajian Alizah (2016), pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sesuai dijalankan dengan menggunakan Teori Pembelajaran Metakognitif. Ini kerana aktiviti dan topik dalam pembelajaran aktiviti Bahasa Melayu banyak berkait rapat dengan pengalaman hidup murid. Pengalaman ini boleh membantu murid menterjemahkan pengalaman dengan mudah ke dalam bacaan.

Kajian berkaitan strategi dalam pelaksanaan aktiviti PdPc sememangnya telah banyak dijalankan, namun fokus kajian secara spesifik dalam PdPc Bahasa Melayu melalui pendekatan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu didapati masih kurang. Antara kajian yang berkaitan adalah kajian Alizah (2015), pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sesuai dijalankan dengan menggunakan Teori Pembelajaran Metakognitif. Ini kerana aktiviti dan topik dalam pembelajaran aktiviti Bahasa Melayu banyak berkait rapat dengan pengalaman hidup murid. Pengalaman ini boleh membantu murid menterjemahkan pengalaman dengan mudah ke dalam bacaan. Ini kerana Vygotsky (1978) berpendapat, bahasa memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemikiran murid. Oleh itu, kajian ini menggunakan Teori Pembelajaran Metakognitif dengan penekanan terhadap konteks pemikiran kerana ia berpadanan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Teori ini juga digunakan untuk membantu penyelidik sebagai panduan dalam memahami dan meneroka proses pengajaran bacaan Bahasa Melayu yang berlaku dalam bilik darjah tahap dua.

OBJEKTIF

Meneroka maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Kerangka teoritikal kajian ini terbina hasil daripada Model Interaktif (Rubin 1993). Pemilihan model tersebut adalah kerana model itu sama memberi penekanan kepada objektif pengajaran yang dapat menerangkan perkara yang hendak diajar serta membolehkan guru merancang pengajarannya dengan baik. Dalam hal ini, keberkesanan sesuatu proses pengajaran bergantung pada kebijaksanaan seseorang guru menentukan objektif pengajaran serta kecekapan menggunakan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai dengan tahap pencapaian murid. Selain itu, aspek masa dan persekitaran juga perlu diambil perhatian apabila merancang tentang objektif. Objektif pengajaran merupakan komponen terpenting bagi sesuatu rancangan pengajaran (Adenan & Khairuddin 2013) dan perlu ada kaitannya dengan pengetahuan sedia ada murid dan kemahiran yang hendak diajar. Berikut merupakan huraian dan justifikasi tentang fungsi bagi setiap teori dan model yang digunakan dalam kajian ini.

TEORI PEMBELAJARAN METAKOGNITIF

Teori Pembelajaran Metakognitif menekankan proses untuk berfikir dan perlakuan pemikiran yang bermakna ini dapat membantu seseorang individu mengurus, mengawal dan menggunakan mindanya pada peringkat pemikiran yang tinggi (Flavell 1979 et. Al. Pengertian metakognitif berasal dari perkataan ‘meta’ yang bermaksud kesedaran dan kognitif (*cognitive*) bermaksud pemikiran. Gabungan kedua-dua perkataan ini membawa pengertian berfikir mengenai pemikiran Tormala et al., (2007). Penerangan mengenai Teori Pembelajaran Metakognitif ini sesuai dengan pandangan pengasasnya Flavell (1970) yang mengatakan bahawa metakognitif adalah proses seseorang individu berfikir mengenai pemikiran dengan mengetahui apa yang diketahui dan tidak diketahui pada tahap pemikiran yang tinggi.

Dalam kajian ini, teori metakognitif oleh Flavell akan dijadikan asas perbincangan tentang strategi pemahaman pembacaan ini. Flavell telah mengemukakan satu model pemantauan kognitif atau '*cognitive monitoring model*' sebagai asas kepada teori metakognitif tersebut. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang metakognitif ini, fokus perbincangan menyentuh berkaitan dengan bacaan dan pemahaman, teori metakognitif dan kajian tentang strategi membaca serta kesannya kepada pemahaman pembacaan.


MODEL INTERAKTIF

Model ini merupakan kombinasi antara pemahaman Model Top-Down dan Model Bottom-Up. Pada Model Interaktif, pembaca mengambil pendekatan top-down untuk memprediksi makna, kemudian beralih ke pendekatan bottom-up untuk menguji apakah hal itu benar-benar dikatakan oleh penulis. Ertinya, kedua model tersebut saling memerlukan ketika membaca. Penganut teori ini memandang bahawa kegiatan membaca merupakan suatu interaksi antara pembaca dengan teks. Teori ini, menjelaskan bagaimana seorang pembaca menguasai, menyimpan dan mempergunakan pengetahuan dalam format skemata. Kegiatan membaca adalah proses membuat hubungan yang bererti bagi informasi baharu dengan pengetahuan yang dimiliki sebelumnya (skemata).

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Dalam kajian ini, perkongsian strategi metakognitif dalam PdPc bacaan pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen berdasarkan lima kitaran strategi metakognitif dalam PdPc bacaan pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua untuk menyelidiki maklumat berkaitan pengetahuan guru tentang pendekatan strategi metakognitif dalam PdPc bacaan pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua, maklumbalas guru tentang merancang, memantau dan menilai strategi metakognitif dalam PdPc kemahiran membaca Bahasa Melayu serta mengaplikasikan RPH bagi strategi merancang aktiviti, memantau dan penilaian strategi metakognitif dalam PdPc kemahiran membaca pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua bagi aktiviti sebelum, semasa dan selepas.. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.

Berdasarkan Rajah 1, proses pelaksanaan strategi metakognitif dalam pengajaran membaca Bahasa Melayu Tahap Dua bermula dengan menentukan matlamat pengajaran. Pada peringkat ini, guru mengkaji matlamat kurikulum dan sukatan pelajaran Bahasa Melayu untuk menentukan objektif pembelajaran. Kajian dan perbincangan memberi fokus terhadap masalah pembelajaran murid dalam sesuatu topik atau unit pelajaran yang sukar dikuasai oleh murid. Setelah itu, semua guru yang mengajar strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca pemahaman Bahasa Melayu menentukan matlamat yang hendak dicapai dalam sesi pelaksanaan strategi tersebut yang telah dirancang.



Rajah 1 Kerangka konseptual kajian. Strategi metakognitif dalam proses membaca (Teori Pembelajaran Metakognitif (Flavell 2000) dan Model Interaktif (Rubin 1982))

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini merupakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah kajian fenomena dengan menggunakan teknik temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Pendekatan kualitatif mendasari kajian ini berdasarkan andaian bahawa makna atau realiti sesuatu fenomena adalah dibina secara sosial oleh para pelaku yang terlibat dalam fenomena yang dikaji. Setiap makna yang diperolehi dalam kajian kualitatif adalah bersifat holistik, pelbagai dimensi dan dinamik (Merriam 2001). Oleh itu, reka bentuk kajian ini dipilih bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat secara lebih terperinci serta mendalam tentang perihal PdPc Bahasa Melayu yang dikaji melalui pendekatan strategi metakognitif dalam PdPc bacaan Bahasa Melayu.

Selaras dengan reka bentuk kajian fenomena ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian seperti temu bual, kaedah pemerhatian dan analisis dokumen untuk memperoleh data berbentuk kualitatif Bogdan et al.,(2007) dalam kajian ini. Penggunaan pelbagai kaedah sebagai teknik pengumpulan data dapat memberi triangulasi antara teknik yang digunakan sepanjang tempoh kajian dilaksanakan (Merriam 1988). Hal ini selaras dengan idea yang diutarakan Van (1983:136), iaitu tiga teknik tersebut dapat digunakan sebagai, “...a vehicle for cross validation...” Berikut dijelaskan dengan lebih lanjut tentang kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini.

KAEDAH TEMU BUAL

Penggunaan kaedah temu bual sebagai kaedah utama dalam proses pengumpulan data kualitatif dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan teknik temu bual sebagai metod utama pengumpulan data kajian ini kerana mempunyai beberapa kelebihan. Antaranya dari segi keanjalan penemubual menyelidik dan menentukan isu yang perlu diteroka dengan mendalam. Selain itu, penemubual bebas mengemukakan soalan baharu yang tidak dirancang semasa penyediaan protokol temu bual Patton et al.,(2002). Robson (2011) pula mendakwa teknik temu bual mempunyai potensi untuk menghasilkan bahan yang kaya dan menyerlah. Bagi temu bual separa berstruktur pula, Silverman (2016) menyatakan temu bual tersebut membenarkan peserta kajian ditemu bual menggunakan cara tersendiri bagi mengemukakan pandangan dan menjawab pertanyaan. Sementara itu, tidak ada turutan soalan yang tetap bagi responden yang ditemu bual. Selain itu, temu bual separa berstruktur membenarkan peserta kajian mengemukakan isu penting yang tidak terdapat dalam rancangan.

KAEDAH PEMERHATIAN

Pengkaji memilih kaedah pemerhatian sebagai data sokongan dalam kajian ini. Melalui pemerhatian, segala maklumat yang dikehendaki untuk memenuhi objektif kajian boleh diperhatikan secara langsung. Sehubungan itu, teknik pemerhatian turut melibatkan semua deria seperti pancaindra ketika pemerhatian dijalankan. Dalam situasi ini, data pemerhatian dijadikan sebagai triangulasi data temu bual untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan maklumat kajian. Untuk itu, pengkaji bertanggungjawab secara aktif memerhatikan segala fenomena yang dikaji ketika sesuatu peristiwa itu berlaku.

KAEDAH ANALISIS DOKUMEN

Analisis dokumen dalam kajian ini melibatkan bahan bercetak guru seperti Buku Rekod Mengajar (BRM), Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pelajaran Harian (RPH), Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) BM Tahap 2, buku latihan murid, fail laporan refleksi strategi metakognitif dalam PdPc kemahiran membaca Bahasa Melayu, fail minit mesyuarat panitia, perancangan strategik peningkatan akademik sekolah, takwim sekolah dan takwim panitia. Dokumen tersebut dikaji, disemak, dan dianalisis menggunakan borang senarai semak yang disediakan

DAPATAN

Soalan kajian iaitu “Apakah maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah?” Tema-tema tersebut terdiri daripada (i) masalah penguasaan kemahiran membaca, (ii) faktor yang mempengaruhi masalah penguasaan kemahiran membaca, dan (iii) menangani masalah penguasaan kemahiran membaca. Tema masalah penguasaan kemahiran membaca terdiri daripada pemahaman isi kandungan teks lemah iaitu dari segi makna kata dan makna ayat serta kelancaran bacaan yang lemah dari segi sebutan dan tanda baca. Seterusnya, tema faktor yang mempengaruhi masalah penguasaan kemahiran membaca terdiri kurang bahan bacaan, gangguan persekitaran, gangguan aktiviti sekolah, kurang minat membaca, dan kurang galakan keluarga. Tema menangani

masalah penguasaan kemahiran membaca pula terdiri dari pelbagai program membaca, inisiatif sekolah, guru, serta keluarga, dan sumbangan pihak luar.

Merancang: Masalah Penguasaan Kemahiran Membaca Murid

Tema masalah penguasaan kemahiran membaca merujuk pada penguasaan kemahiran membaca yang dihadapi oleh guru sekolah rendah yang terdiri daripada subtema pemahaman isi kandungan teks lemah dan kelancaran membaca lemah. Pemahaman isi kandungan teks lemah melibatkan kelemahan murid memahami makna kata dan seterusnya lemah memahami makna ayat.

Sebelum

i. Pemahaman isi kandungan teks lemah

Pemahaman isi kandungan teks lemah menunjukkan pengajaran kemahiran membaca lemah dalam memahami isi kandungan teks yang dibaca. Kelemahan ini menyebabkan pengajaran guru juga kurang cekap membina makna apabila guru tidak dapat mentafsir maklumat yang terkandung dalam bahan bacaan. Kelemahan pengajaran memahami isi kandungan teks disebabkan pengajaran lemah memahami makna perkataan menyebabkan pengajaran kemahiran membaca lemah memahami makna ayat.

ii. Lemah memahami makna kata

Lemah memahami makna kata merujuk pada kelemahan pembelajaran kemahiran membaca memahami makna perkataan dan perkataan berimbuhan dalam kandungan teks yang dibaca. Dapatan kajian menunjukkan murid sukar memahami maksud perkataan baharu yang terdapat dalam bahan yang dibaca. Murid perlu merujuk kamus bagi mencari maksud perkataan yang sukar difahami.

iii. Lemah memahami makna ayat

Dapatan kajian menunjukkan pengajaran kemahiran membaca lemah memahami makna ayat terutama ayat yang panjang dalam bahan yang dibaca. Di samping itu, murid juga kurang cekap menyusun ayat secara gramatis apabila menjawab soalan pemahaman.

iv. Kelancaran Membaca Lemah

Kelancaran membaca lemah merujuk pada pengajaran kemahiran membaca kurang menekankan kelancaran membaca terutama dalam menyebut perkataan baharu, perkataan berimbuhan dan membunyikan tanda baca semasa bacaan mekanis. Justeru itu, murid yang kurang lancar membaca menghadapi kelemahan dari segi sebutan dan kelemahan dari segi membunyikan tanda baca.

v. Lemah sebutan

Lemah dari segi sebutan merujuk pada kelemahan pengajaran kemahiran membaca dalam menyebut perkataan baharu dan perkataan yang berimbuhan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru perlu melatih menyebut berulang kali perkataan yang silap sebutan sehingga sebutan murid tepat. Murid juga membantu rakan lain untuk menyebut perkataan baharu dengan intonasi yang

betul. Kelemahan murid menyebut perkataan menyebabkan mereka kurang lancar dalam pembacaan.

vi. Lemah tanda baca

Lemah dari segi tanda baca merujuk pada kelemahan pengajaran kemahiran membaca dalam membunyikan tanda baca dalam bacaan mekanis mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid membaca terlalu cepat dan membaca tanpa mengikut jeda. Murid sering kali lupa membunyikan jeda yang terdiri daripada tanda bacaan seperti tanda titik, tanda soal, tanda seru, tanda noktah dan sebagainya.

Memantau: Faktor Mempengaruhi Masalah Penguasaan Kemahiran Membaca Murid

Faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca merupakan faktor penyebab ke arah kelemahan pengajaran kemahiran membaca dalam penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah. Faktor ini terdiri daripada kurang bahan bacaan, kurang minat membaca, kurang galakan membaca, gangguan persekitaran dan gangguan aktiviti sekolah.

Semasa

i. Kurang bahan bacaan

Sub tema kurang bahan membaca merujuk pada masalah kekurangan bahan bacaan yang dihadapi oleh guru sama ada di sekolah atau di luar sekolah.

ii. Kurang minat membaca

Subtema kurang minat membaca merujuk pada sikap tidak berminat untuk membaca dan bersikap sambil lewa dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu.

iii. Kurang galakan keluarga

Subtema kurang galakan keluarga membaca pula merujuk pada cara pengajaran kemahiran membaca serta sikap keluarga yang kurang memberi galakan untuk anak membaca di rumah disebabkan sentiasa sibuk dengan urusan kerja.

iv. Gangguan persekitaran

Subtema gangguan persekitaran merujuk pada persekitaran pengajaran yang tidak selesa sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keadaan di dalam bilik darjah sangat panas kipas angin tidak mencukupi. Di samping itu, bilangan murid yang ramai di dalam bilik darjah mengakibatkan kelas terlalu bising dan mengganggu pengajaran guru. Bunyi bising kenderaan juga membuatkan guru kurang selesa kerana bangunan kelas terletak berdekatan dengan jalan raya. Sikap murid yang kurang berminat dalam pelajaran dan terlalu aktif di dalam bilik darjah juga mengganggu proses pengajaran di dalam bilik darjah.

v. Gangguan aktiviti sekolah

Subtema gangguan aktiviti sekolah merujuk pada aktiviti sekolah yang terlalu padat memberi kekangan terhadap pengajaran guru di sekolah.

Selepas

i. Pelbagai program membaca

Subtema pelbagai program membaca merujuk pada program membaca yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan serta dilaksanakan oleh pihak sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) yang dilaksanakan di sekolah dengan memberi pengiktirafan bacaan buku secara kumulatif sepanjang tahun secara berterusan. Selain itu, terdapat program Membaca 10 Minit yang melibatkan semua murid Tahap 1 dan Tahap 2 di sekolah rendah. Murid menunjukkan minat yang positif dalam program membaca tersebut sebab dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik murid. Di samping itu, murid merasa seronok sebab dapat membaca banyak bahan bacaan dan dapat membaca secara beramai-ramai.

ii. Inisiatif sekolah

Subtema inisiatif sekolah merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan murid.

iii. Inisiatif guru

Inisiatif guru pula merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak guru untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru membawa sendiri buku rujukan untuk dipinjamkan kepada murid. Di samping itu, murid juga menjelaskan bahawa guru membuat pinjaman buku secara pukal di perpustakaan untuk dibaca bersama-sama semasa pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, guru juga membawa surat khabar, petikan fotostat dan majalah sebagai bahan bacaan murid di dalam bilik darjah.

iv. Inisiatif keluarga

Inisiatif keluarga dalam kajian ini merujuk pada usaha yang dilakukan oleh ahli keluarga bagi mencapai matlamat untuk membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Ahli keluarga yang lain juga terlibat menggalakkan anak rajin membaca dan membuat ulang kaji di rumah. Selain itu, hadiah berbentuk buku dan selalu membawa anak mengunjungi kedai buku dan perpustakaan awam juga merupakan inisiatif yang dilakukan oleh ahli keluarga.

v. Sumbangan pihak luar

Sumbangan pihak luar dalam konteks kajian ini merujuk pada usaha agensi-agensi luar bagi membantu guru meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak kantin sekolah di SLB2 membantu menyumbangkan tikar sebagai alas duduk yang bersih untuk keselesaan murid membaca semasa program Membaca

10 Minit. Selain itu, sumbangan buku dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membantu pihak sekolah mengatasi masalah kekurangan bahan bacaan. Dapatan kajian ini disokong melalui temu bual dengan peserta kajian guru yang menjelaskan bahawa sumbangan bahan bacaan seperti kamus, buku rujukan, majalah dan e-book dari pihak DBP banyak membantu mengatasi masalah kekurangan bahan bacaan dan rujukan di perpustakaan dan Pusat Sumber Sekolah. Pihak luar seperti pemilik Book Store yang berdekatan juga membantu menyumbangkan buku cerita dan memberi potongan harga yang rendah dan berpatutan kepada murid dan guru.

Menilai: Langkah-langkah Menangani Masalah Penguasaan Pengajaran Kemahiran Membaca

Tema bagi langkah menangani penguasaan pengajaran kemahiran membaca merupakan langkah yang dapat membantu menangani penguasaan kemahiran membaca yang dihadapi oleh guru di sekolah rendah. Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah pelbagai program membaca, inisiatif pihak sekolah, guru, dan ibu bapa serta sumbangan pihak luar.

Selepas

i. Pelbagai program membaca

Subtema pelbagai program membaca merujuk pada program membaca yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan serta dilaksanakan oleh pihak sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) yang dilaksanakan di sekolah dengan memberi pengiktirafan bacaan buku secara kumulatif sepanjang tahun secara berterusan. Selain itu, terdapat program Membaca 10 Minit yang melibatkan semua murid Tahap 1 dan Tahap 2 di sekolah rendah. Murid menunjukkan minat yang positif dalam program membaca tersebut sebab dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik murid.

ii. Inisiatif sekolah

Subtema inisiatif sekolah merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan murid.

iii. Inisiatif guru

Inisiatif guru pula merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak guru untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru membawa sendiri buku rujukan untuk dipinjamkan kepada murid. Di samping itu, murid juga menjelaskan bahawa guru membuat pinjaman buku secara pukal di perpustakaan untuk dibaca bersama-sama semasa pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, guru juga membawa surat khabar, petikan fotostat dan majalah sebagai bahan bacaan murid di dalam bilik darjah.

iv. Inisiatif keluarga

Inisiatif keluarga dalam kajian ini merujuk pada usaha yang dilakukan oleh ahli keluarga bagi mencapai matlamat untuk membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Ahli

keluarga yang lain juga terlibat menggalakkan anak rajin membaca dan membuat ulang kaji di rumah. Selain itu, hadiah berbentuk buku dan selalu membawa anak mengunjungi kedai buku dan perpustakaan awam juga merupakan inisiatif yang dilakukan oleh ahli keluarga.

Secara rumusnya, dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian “Apakah maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah?”, terbahagi pada maklum balas kelemahan penguasaan kemahiran bacaan, faktor yang mempengaruhi wujudnya kelemahan tersebut, serta langkah-langkah menanganinya. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu sekolah rendah terarah pada kelemahan penguasaan pengajaran kemahiran membaca untuk memahami isi kandungan teks yang dibaca yang melibatkan kelemahan memahami makna kata dan kelemahan memahami makna ayat. Guru juga tidak menekankan dari segi kelancaran membaca yang melibatkan kelemahan dari sebutan dan kelemahan membunyikan tanda baca.

Perbincangan Dapatan

Perbincangan yang dilaksanakan dalam kajian ini ialah berkaitan meneroka maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

Merancang : Sebelum

i. Penguasaan pengajaran kemahiran membaca

Hasil perbincangan dapatan kajian menunjukkan masalah penguasaan pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah melibatkan pemahaman isi kandungan teks yang lemah disebabkan murid lemah memahami makna perkataan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Ouellette (2006) dan Perfetti (2007) mendapati bahawa kualiti pemahaman fleksibel makna yang rendah dalam kemahiran membaca membawa masalah terhadap pembacaan dan proses pemahaman membaca murid. Kelemahan murid memahami makna perkataan seterusnya mengakibatkan murid kurang cekap memahami makna ayat.

Memantau : Semasa

Faktor mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca

Bagi dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi pengajaran kemahiran membaca guru sekolah rendah terdiri daripada faktor kurang bahan bacaan, kurang minat membaca, kurang galakan membaca, gangguan persekitaran dan gangguan aktiviti sekolah. Guru sekolah sering kali menghadapi kekurangan bahan bacaan menyebabkan murid terpaksa berkongsi bahan bacaan, tidak sempat menghabiskan bacaan. Hal ini disebabkan buku yang dibekalkan di perpustakaan dan Pusat Sumber juga sangat terhad bilangannya. Penggunaan bahan pengajaran yang menarik dan mencukupi menarik minat dan menyeronokkan murid di samping dapat mewujudkan suasana pengajaran Bahasa Melayu yang bersifat interaktif terhadap bahan (Yahya & Dayang 2011 dan Pati & Zamri 2015).

Menilai : Selepas

Langkah menangani penguasaan kemahiran membaca

Hasil bagi pelbagai program membaca telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan serta dilaksanakan pihak sekolah yang melibatkan guru Bahasa Melayu. Program membaca seperti NILAM, LINUS, PROBIM, PROTIM, dan Membaca 10 Minit telah dilaksanakan bertujuan meningkatkan penguasaan membaca murid. Tetapi, keberkesanan program membaca tersebut bergantung pada kesungguhan murid, minat membaca, penglibatan aktif dalam program serta usaha berterusan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca.

IMPLIKASI TERHADAP TEORI PEMBELAJARAN METAKOGNITIF

Bagi kajian ini memberi implikasi dalam teori pembelajaran metakognitif iaitu teori pengajaran yang berasaskan proses berfikir seseorang individu untuk mengurus tingkah laku, mengawal dan menggunakan minda (Morgan et al.,(2006). Menurut Rasid (2011) pemahaman membaca murid bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya pemikiran metakognitif dan pengalaman membaca murid. Justeru, guru digalakkan untuk mengungkapkan makna yang terkandung di teks yang dibaca serta makna yang ingin disampaikan oleh guru secara interaktif melalui gabungan pendekatan membaca atas ke bawah (Top-Down) dan bawah ke atas (Bottom-Up) bagi memperoleh pemahaman melalui proses interaksi antara pembaca dengan bahan yang dibaca (Rubin 1993 dan Field 2004).

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka strategi metakognitif yang tertumpu pada pendekatan, kaedah, teknik yang digunakan dalam meneroka maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Pemilihan tiga buah sekolah rendah yang dikaji adalah berasaskan kesemua penduduk yang tinggal berhampiran dengan lokasi yang dikaji menghantar anak mereka ke sekolah tersebut adalah terdiri daripada kaum Iban, Melayu, Cina, Melanau dan Bidayuh. Pada peringkat awal kajian ini, pengkaji memberi tumpuan terhadap strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 1-12.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. 2015. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1):1-12.
- Alizah Lambri. 2016. Pelaksanaan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusat Pelajar Dalam Kursus Bahasa Melayu Di Sebuah Universiti Awam. Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baron, R.A.2001. *Psychology*. Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S.K. 1998. *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. 3rd Edition. Boston: Allyn & Bacon.

- Coutinho, S.A., & Neuman, G. 2008. A model of metacognition, achievement goal, orientation, learning style and self-efficacy. *Learning Environments Research*, 11(2):131-151.
- Field. J. 2004. An insight into listeners' problems: too much bottom-up or too much top down? *System* 32(3):363-377.
- Flavell, J.H. 1970. *Development studies of mediated memory*. In Reese, N.W. & Lipsitt, L.P, (Ed.), *Advance in Child Development and Behavior*. New York: Academic Press, Inc.
- Flavell, J.H. 1979. *Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitive developmental inquiry*. *American Psychology*, 34(10): 906-911
- Flavell, J.H. 1999. *Cognitive development: Children's knowledge about mind*. *Annual Review of Psychology*, 50(1): 21-45.
- Flavell, J.H., Green, F.L. & Flavell, E.R. 2000. Development of children's awareness of their own thoughts. *Journal of Cognition and Development*, 24(1): 97-112.
- Jafari, D. & Ketabi, S. (2012). Metacognitive strategies and reading comprehension enhancement in Iranian inetermediate EFL setting. *International Journal of Linguistic*. Vol. 4(3), 1-14.
- Karami, S. & Hashemian, M. (2012). The relationship between metacognitive strategies and reading comprehension in Iranian female L2 learners. *International Journal of English*. Vol. 2(4), 58-64.
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, dan Faizah Hj. Shamsudin. 2013. *Siri Pengajian Bahasa Melayu: Bahasa Melayu Pemulihan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor.
- Merriam, S. B. 1988. *Case study research in Education. A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S.B.2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Educations. Revised and Expanded from Case Study research in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Morgan-Lopez, A.A., & MacKinnon, D.P. 2006. *Demonstrating and evaluation of a method for assessing mediated moderation*. *Behavior Research Method*, 38(1): 77- 87.
- Ouellette, G.P. 2006. What's meaning got to do with it: The role of vocabulary in word reading and reading comprehension? *Journal of Educational Psychology*, 98(3):554-566.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Ed. Ke-3. California: Sage Publications, Inc.
- Pati & Zamri (2015). Strategi Pelaksanaan Metakognitif dalam bacaan Teks Bahasa Iban . Kertas kerja di bentangkan dalam Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu kali Ke-4, anjuran bersama Fakulti Pendidikan, UKM dan IPG Kampus Batu Lintang, di IPG Kampus Batu Lintang Kuching, Sarawak pada 5-8 Mac 2015.

Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu kali Ke-4, hlm. 247-260.

- Perfetti, C. 2007. Reading ability: Lexical quality to comprehension. *Jurnal of Scientific Studies of Reading*, 11(4): 357-383.
- Pressley, M., & Harris, K.R. 2006. *Cognitive strategies instruction: from basic research to classroom instruction*. In Alexander, P.A & Winne, W. (Eds.). *Handbook of educational psychology* (2nd Edition. pp.265-286). New York: Macmillan.
- Robson C. 2011. *Real world Research: 3rd Edition*. Chichester: John Wiley & Sons Ltd.
- Rubin, D. 1993. *A practical approach to teaching reading*. Allyn and Bacon.
- Silverman, D. 2016. *Qualitative research*. London: Sage Publications Inc.
- Tormala, Z.L., DeSensi, V.L., & Petty, R.E. 2007. *Resisting persuasion by illegitimate means: A meta-cognitive perspective on minority influence*. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 33(3): 354-367.
- Van, M.J. 1983. *Qualitative methodology*. California: Sage Publicationa Inc.
- Vygotsky, L.S. 1978. *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Yahya Othman. (2008). *Proses dan strategi membaca berkesan*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. 2011. Kesan perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 27-49.
- Zamri Mahamod. 2008. *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. (Pnyt.). Shah Alam: Penerbitan Karisma.

PEMIKIRAN SOSIAL DALAM CERPEN-CERPEN JONG CHIAN LAI

Latipah Mohamad

latipah.mohamad@ipgmktar.edu.my

Sara Beden

sara.beden@ipgmktar.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Jong Chian Lai pengarang tempatan yang bukan asing dalam kesusasteraan tanah air. Beliau menghasilkan cerpen dengan gaya dan daya kepengarangan tersendiri serta mementingkan kualiti dalam cerpen-cerpennya. Antara aspek yang dipentingkan dalam cerpen adalah unsur pemikiran dari sudut realistik, dari segi tema, teknik penceritaan, gaya bahasa dan latar. Namun begitu, aspek pemikiran turut menjadi kekuatan dan kelainan yang digarap dalam cerpen-cerpennya. Pemikiran pengarang dapat menyerlahkan sensitiviti dan kreativiti pengarang dalam mengupas idea, permasalahan dan sebagainya yang berlaku di persekitaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis aspek pemikiran yang digarap, dikupas terhadap tiga buah cerpennya dalam *Antalogi Cerpen Kepompong*. Dalam kajian ini didapati pemikiran sosial cukup jelas digarapkan oleh pengarang. Melalui analisis teks kajian ini telah mendapati pemikiran sosial cukup jelas digambarkan melalui kupasan berkaitan dengan pemikiran sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Isu kemiskinan kemunduran dan kepincangan dalam politik yang rencam begitu dominan diungkapkan dalam cerpen-cerpennya. Sesungguhnya, pengolahan pemikiran sosial dalam cerpen –cerpen Jong Chian Lai berupaya menjadi renungan dan pengajaran kepada masyarakat. Kesimpulannya, isu-isu budaya, ekonomi dan politik jelas diungkapkan dalam cerpen-cerpen yang dikaji.

Kata kunci: sudut raelistik, sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik

PENGENALAN

Kajian ini menggunakan *Antalogi Cerpen Kepompong* karya Jong Chian Lai. Penulis merupakan penerima S.E.A Write Award 2006. Sungguhpun menulis puisi, drama pentas dan rencana, namun beliau juga dikenali sebagai penulis cerpen dan novel. Dari tahun 1980 hingga 2005, beliau telah menghasilkan 24 buah cerpen dan empat buah antologi cerpen yang diterbitkan secara persendirian. Antologi beliau ialah Musim Terakhir (1988), Bunga Rimba (1998), Menganyam Kedukaan (1999) dan Dunia Sebayan (2005). Cerpen beliau juga telah diterbitkan dalam 35 buah antologi bersama penulis lain dan diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan Mandarin. *Antalogi Cerpen Kepompong* yang diterbitkan pada tahun 2009 berkisar tentang kehidupan masyarakat dari sudut pandangan penulis tentang kepelbagaian kehidupan pelbagai etnik di Sarawak. Lantaran, latar belakang penulis amat dekat dengan kehidupan sebenar maka corak pemikiran penulisan memantapkan lagi gambaran pemikiran sosial dan budaya, ekonomi serta politik dalam cerpen beliau. Penulisan cerpennya cuba menggarap dimensi pemikiran sudut pandangan masyarakat yang daif, miskin atau kelas bawahan serta pengaruh politik dalam kehidupan sebenar. Jong Chian Lai turut dikenali sebagai perakam dan pengkritik sosial yang tekun, prihatin dan kritis seperti yang terpapar dalam teks-teks ciptaannya. Dalam berkarya, beliau ingin mencetuskan kesedaran kepada khalayak agar mengamalkan nilai hidup yang murni dan mengetepikan nilai yang negatif. Oleh itu, tidak hairanlah karya-karya beliau amat sarat dengan kritikan sosial, nilai moral dan kemanusiaan serta unsur pemikiran yang menyaranakan pembaharuan dan kemajuan (Sara, 2019).

Sehubungan dengan itu, Sara (2021) menjelaskan bahawa sastera dan masyarakat memiliki hubungan yang erat kerana sastera merupakan cerminan masyarakat, corak, gaya, bentuk, pola,

sistem dan nilai hidup masyarakat dipaparkan oleh penulis dalam karya sastera. Hal ini demikian kerana sastera ialah rakaman kehidupan yang menyelongkar kehidupan manusia daripada pelbagai dimensi dan pelbagai sudut pandangan yang berbeza. Hal ini bertepatan dengan konsep bahawa sastera adalah penyalinan kehidupan manusia sebenar yang diolah menjadi cerita dengan segala struktur dan kesan yang akhirnya, memberikan keunikan tersendiri. Ringkasnya, kajian ini memperjelas pemikiran Jong Chian Lai dalam cerpen-cerpen ciptaan beliau.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam kajian ini mengambil kira kajian tentang pemikiran dan kajian terhadap karya Jong Chian Lai. Farra Humaira (2018) telah membuat kajian yang bertajuk “Pemikiran Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 hingga 2015. Kajian ini mengkaji pandangan kaca mata penulis atau pemikiran yang peka dengan dunia kanak-kanak dan keperluan psikologi kanak. Didapati terdapat lima pemikiran dalam cerpen pilihan kanak-kanak tahun 2012 hingga 2015 iaitu pemikiran keagamaan, pemikiran budaya, pemikiran pendidikan dan pemikiran politik serta pemikiran ekonomi. Dalam Kajian ini didapati pemikiran keagamaan dan pemikiran pendidikan adalah pemikiran yang paling dominan diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji. Di samping itu keperluan kasih sayang adalah peringkat keperluan kanak-kanak yang paling dominan dipaparkan dalam kesemua cerpen kanak-kanak yang dikaji.

Manakala, Muhamad Khairi (2022) telah mengkaji pemikiran Osman Ayob dalam novelnya iaitu *Warna Sebuah Lembah, Ombak Bukan Penghalang, dan Dukhan Langit Akhir Zaman*. Dalam kajian ini didapati pemikiran Osman Ayob lebih banyak kepada isu agama. Di samping itu, kajian ini juga menengahkan pemikirannya dalam isu sosial, dan ekonomi. Seterusnya kajian Sara (2019), yang bertajuk Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme. Dalam kajian ini beliau mendapati bahawa Jong Chian Lai sentiasa membuat inovasi atau pembaharuan dalam ketiga-tiga novel dalam usaha menghadirkan kepelbagaian sumber dan idea yang baharu menerusi pengalaman peribadi dan penyelidikan. Beliau juga mengulas bahawa pembaharuan ini diteliti menerusi sumber idea, struktur dan aliran dalam ketiga-tiga teks. Struktur penciptaannya mengalami perubahan selain memperlihatkan pengekal terhadap struktur tertentu. Aliran turut menunjukkan pembaharuan dari realisme kepada aliran realisme magis. Impaknya, setiap teks ciptaannya menunjukkan pembaharuan dan pemantapan yang dilakukan dari semasa ke semasa bagi mencapai tahap unggul sekali gus memberikan perangsang kepada penulis-penulis lain agar sentiasa membuat pembaharuan dalam penciptaan.

Sementara, kajian Marzalina, Nor Hafidah & Hasmawati, (2016) pula turut mengkaji tentang aspek pemikiran pengarang dalam novel *Sebalik Yamashita dan Parcivel* karya Shaari Isa. Dalam kajian tersebut didapati pemikiran yang cuba ditonjolkan oleh pengarang ialah pemikiran kolonialisme dan imperialisme, pemikiran politik dan kepimpinan, dan yang ketiganya ialah pemikiran sejarah. Kajian ini juga menjelaskan, keperluan melengkapkan nilai yang terkandung dalam novel ini. Pengarang mendedahkan gambaran masyarakat dan permasalahan yang ditonjolkan bagi melengkapkan informasi yang terkandung dalam novel ini.

Berdasarkan sorotan kajian yang lepas, didapati banyak kajian yang berkaitan dengan pemikiran namun kajian terhadap pemikiran dalam cerpen-cerpen karya Jong Chian Lai masih belum dilakukan lagi. Justeru, pengkaji telah memilih 3 cerpen karya Jong Chian Lai dari *Antologi Cerpen Kepompong* bagi mengkaji pemikiran yang digarapkan oleh beliau dalam karya cerpennya.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis pemikiran yang terdapat dalam penemuan cerpen-cerpen karya Jong Chian Lai (2009), secara terperinci kajian ini menggunakan kerangka konsep pemikiran sosial yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Seterusnya berdasarkan kerangka konsep yang dirangka gambaran pemikiran penulis akan

dizahirkan melalui kekuatan peranan watak dan plot atau peristiwa yang dikaitkan oleh pengarang bagi menjelaskan pemikiran sosial sama ada dari segi sosiobudaya, sosioekonomi atau sosiopolitik.

KERANGKA KONSEP


Kajian ini menggunakan kerangka konsep pemikiran yang dijana daripada konsep-konsep pemikiran yang digagaskan oleh sarjana dan para ilmuwan serta kamus. *Kamus Dewan Edisi Keenam* (2010) mendefinisikan pemikiran sebagai perihal berfikir dan cara menyelesaikan dengan menggunakan daya imaginasi sehingga menghasilkan pelbagai pendekatan luar biasa tetapi berkesan. Menurut Asmah Omar (1986) pemikiran adalah sebagai satu keadaan atau situasi yang memaparkan kepelbagaian gambaran atau citra yang mempunyai konsep abstrak atau tersirat dan perkaitan antara peringkat inilah yang akan menjadi tumpuan dan perhatian. Menurut Hassan Ahmad (2004, p. 1), "Pemikiran ialah proses kognisi atau akal yang sifatnya sejagat, yakni dimiliki oleh semua tidak kira bangsa, justeru itulah manusia dikatakan makhluk yang rasional dan berakal berbeza daripada haiwan". Sementara Othman Puteh (1983, p. 97) pula menyatakan bahawa:

Pemikiran menjadi inti dan unsur paling dasar dalam kehidupan ini terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar. Antara persoalan itu termasuklah hubungan manusia dengan nilai-nilai hidup yang lebih mujarad seperti keadilan, persamaan hak, kesempurnaan dan kesefahaman yang tidak boleh dikesampingkan. Tanpa nilai tersebut, sesuatu tamadun atau masyarakat tidak akan mantap, teguh, padu dan berkeperibadian. Justeru, pemikiran sebagai unsur penting yang dapat menunjang pembentukan kebudayaan sesuatu bangsa.

S. Othman Kelantan (1989), pula merincikan bahawa pemikiran itu dihubungkan dengan akal. Akal itu sama dengan *mind* dalam bahasa Inggeris. Akal menjadi fakulti segala kegiatan berfikir manusia dan berpunca dari situ muncul pelbagai bentuk pemikiran manusia. Setelah itu, akal dihubungkan dengan individu intelektual yang selalu berfikir atas sesuatu masalah dalam masyarakat. Syed Hussein al-Attas (1970) menegaskan bahawa keintelektualan individu dalam masyarakat dizahirkan menerusi produk idea dan pemikirannya, yang seterusnya disebarkan kepada ahli komunitinya. Sidi Ghazalba (1973) mendefinisikan pemikiran sebagai satu urutan tanggapan yang tertib, yakni mengarah pada satu tujuan. Zainal Kling (1989) pula mengatakan bahawa pemikiran ialah suatu kegiatan untuk membentuk satu sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir bagi semua anggota masyarakat. Habibah Alias & Rahil Mahyudin (1990) mentakrifkan pemikiran sebagai satu proses untuk manusia memanipulasikan perkara di persekitaran. Proses yang terlibat dalam pemikiran ialah proses kognitif. Oleh itu, dalam aspek pemikiran, seseorang individu itu akan menggunakan pengamatan untuk melihat perkaitan rangsangan untuk meneruskan tujuannya.

Berdasarkan definisi, konsep dan penjelasan para ilmuwan tentang konsep pemikiran dapat diperjelas bahawa pemikiran merupakan aspek penting yang tersirat atau tersurat dalam sesebuah karya kerana pengarang menggunakan fakulti fikirannya dalam menghasilkan idea dan gagasan dalam penciptaan karya. Oleh itu, pemikiran dapat dirumuskan sebagai perihal berfikir iaitu terangkum di dalamnya pendapat, pertimbangan, idea, pengalaman, perenungan terhadap alam sekeliling dan kehidupan seharian yang merangkumi aspek yang melingkungi dan membina struktur sosial masyarakat, iaitu ekonomi, politik dan sosial. Ketiga-tiga aspek ini melambangkan kemajuan dan pencapaian sesebuah bangsa dalam membentuk bangsa yang maju. Dalam konteks karya sastera, setiap pengarang mempunyai pemikiran yang tersendiri terhadap dunia sastera sama ada yang melibatkan karya, pengkarya dan masyarakat pembaca. Atas dasar itulah dalam sesebuah karya sastera sudah pasti terungkap pengalaman, idea-idea dan gagasan yang membentuk pemikiran. Pemikiran yang dipaparkan pula melambangkan seluruh aspek kehidupan masyarakat sesuatu bangsa. Othman Puteh (1983) mengatakan bahawa pemikiran merupakan teras tamadun

sesuatu bangsa. Oleh itu, ketinggian sesuatu bangsa itu sendiri mencetuskan pemikiran yang menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan penyelesaian terhadap beberapa persoalan tentang kehidupan manusia. Persoalan kehidupan sosial manusia merangkumi aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik yang menunjangi sistem, corak, norma dan nilai kehidupan sesebuah bangsa. Dalam teks sastera, ketiga-tiga aspek ini diberi penekanan oleh pengarang agar berupaya menzahirkan keupayaan watak-watak dan tokoh untuk berfikir dan bertindak untuk menyelesaikannya. Oleh itu, kajian ini menggunakan kerangka pemikiran dengan memberikan fokus terhadap ketiga-tiga aspek tersebut sebagaimana dalam rajah berikut:



Rajah: 1

Kajian ini menggunakan kerangka konsep pemikiran dalam rajah di atas dalam menganalisis ketiga-tiga buah cerpen yang bertajuk “Anang Insap”, “Daerah Merdeka Yang Haram” dan “Jalur Gemilang”.

METODOLOGI

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah rujukan sekunder iaitu merujuk maklumat di perpustakaan dan kajian teks. Rujukan di perpustakaan adalah bagi memperoleh maklumat berkaitan dengan konsep pemikiran sosial, budaya, ekonomi dan politik. Sorotan 138 literature berkaitan kajian tentang pemikiran juga diteliti berdasarkan sumber dari jurnal dan buku. Kajian teks pula merujuk kepada kaedah analisis kandungan (content analysis). Kaedah kajian teks dilakukan menggunakan metode penyelidikan kualitatif yang berbentuk deskriptif. Sara (2021) menyatakan bahawa kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kepada kandungan teks cerpen bertulis yang dipilih. Teks cerpen yang dipilih ialah cerpen “Anang Insap, “Daerah Merdeka Yang Haram” dan “Jalur Gemilang” dalam *Antologi Kepompong* (2009). Oleh sebab kajian ini memberi tumpuan khusus kepada analisis terhadap teks kumpulan cerpen terpilih, maka kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji lebih dekat dengan teks yang akan dianalisis. Ketiga-tiga cerpen dianalisis dengan meneliti struktur teks yang merangkumi elemen watak perwatakan, peristiwa penting, isu dan gagasan idea pengarang dalam pembentukan teks.

DAPATAN

Berdasarkan analisis terhadap ketiga-tiga cerpen tersebut, didapati bahawa ketiga-tiga cerpen memperlihatkan kewujudan ketiga-tiga pemikiran sosial sebagaimana dalam jadual berikut:

PEMIKIRAN SOSIAL			
Cerpen	Sosiobudaya	Sosioekonomi	Sosiopolitik
Anang Insap	/	/	/
Daerah Merdeka Yang Haram	/	/	/
Jalur Gemilang	/	/	/

Jadual :1

Secara ringkasnya berdasarkan jadual analisis terhadap ketiga - tiga cerpen tersebut didapati pemikiran sosial turut digarapkan oleh penulis bagi menggambarkan kehidupan masyarakat dalam cerpen tersebut. Dalam cerpen “*Anang Insap*” Penulis telah menjelaskan tentang latar sosiobudaya kehidupan masyarakat Iban tentang corak hidup amalan negatif di rumah panjang, cerpen *Daerah Merdeka Yang Haram*, penulis menggambarkan kehidupan masyarakat setinggian yang daif yang masih terpinggir. Sementara dalam cerpen Jalur Gemilang pula penulis mengungkapkan kisah masyarakat sebelum merdeka dan selepas merdeka yang berusaha membina kehidupan untuk kemajuan dan jati diri agar dapat bersaing seiring dengan perubahan masa. Selain menggarapkan sosiobudaya melalui pemikiran watak dalam cerpen digambarkan juga sosiekonomi masyarakat yang mengaitkan kekuatan pengaruh sosiopolitik atau jatuh bangun ekonomi dan kesannya kepada masyarakat atau penduduk setempat ketika itu.

Perbincangan Dapatan

Perbincangan dapatan dalam kajian ini dipaparkan dengan membincangkan pemikiran dari aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik berdasarkan ketiga-tiga cerpen karya Jong Chian Lai.

Pemikiran Sosiobudaya

Othman Puteh (1983) mengatakan bahawa pemikiran merupakan teras tamadun sesuatu bangsa. Oleh itu, ketinggian sesuatu bangsa itu sendiri mencetuskan pemikiran yang menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan penyelesaian terhadap beberapa persoalan tentang kehidupan manusia. Persoalan kehidupan sosial manusia merangkumi aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik yang menunjangi sistem, corak, norma dan nilai kehidupan sesebuah bangsa.

Di dalam cerpen *Anang Insap* penulis atau Jong Chian Lai telah yang menggambarkan corak amalan negatif dalam kehidupan masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang. Melalui watak TR. Jabau pengarang berjaya menjelaskan tentang cara hidup masyarakat iban di rumah panjang yang akan bermesyuarat bagi mencapai kata sepakat. Dalam cerpen “*Anang Insap*” sikap masyarakat yang sukar membuang tabiat merokok telah menjadi masalah atau isu kepada kesihatan. Isu ini bertambah rumit apabila ketua atau *Tuai Rumah Panjang* sendiri menjadi perokok tegar. Bukan itu sahaja ahli keluarganya juga terlibat dengan merokok kecuali menantunya. Tabiat merokok ini telah menimbulkan rasa kurang senang menantunya lebih-lebih lagi apabila dia berasa bersalah terhadap kesihatan cucunya disebabkan asap rokok daripada mereka sekeluarga. Hubungan yang tegang ini telah menyedarkan dirinya sebagai ketua bukan sahaja dalam keluarganya malah kedudukannya sebagai ketua rumah panjang sebagaimana dalam petikan berikut:

Indai Jelian menceraikan dendam pada bapa mertuannya. Begitu juga, telah lama dia meluncurkan tombak kekecewaan ke dada langit, ia lenyap tanpa menyingkap kembali luka hatinya. Memang hatinya remuk apabila doktor telah melakukan diagnosis tentang penyakit anaknya. Maka wajah *Apai Duat*, *Indai Duat* dan *Duat* menjadi hantu dalam mindanya.

“*Apaii pembunuhhh!* Syaitan dalam hatinya semakin liar.

“*Indai pembunuhhhh!* Hantu dalam hatinya semakin meracau.

“*Nuan pembunuh pembunuhhh!* Polong dalam hatinya semakin mendesak.

“*Apa gunanya hisap rokok... Aki?* TR. Jabau tersengih sahaja. Sememang cucunya ada kelainan. Sering kali menyoal dan meminta jawapan sehingga pada soalan-soalan yang memalukan apabila seekor ayam jantan memperkosa ayam betina”.

(Jong Chian Lai, 2009: p 4:4)

Hubungan yang tegang bukan sahaja dengan TR. Jabau malah juga belaku konflik antara Indai Jelian dengan suaminya Duat, seperti dalam petikan berikut:

“Awak nak bunuh dia? Bengis wajah isterinya kemudian menepuk-nepuk perlahan belakang anaknya. Dia masih terbatuk-batuk sehingga merembes air mata dari tebing kelopak matanya.

“Banyak sangat dia soal.... “rungut Duat

“Patut dalam TV tu kata tak boleh...merokok rasa terbakar dada ni...” ujarnya sambil meneguk air sejuk; membayangkan dada perokok kehitaman asap oleh asap itu. Berjerebu paru-paru *Aki*.... tengok dalam TV tu,” suara manja itu menegurnya lagi.

“Aki.... *anang insap...tengok dalam tv tu,*” suara manjanya itu menegur lagi.

“Awwuukk uuuu! Datuknya tersengih memanjang.

(Jong Chian Lai, 2009: p 2-3:55)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menggambarkan watak TR. Jabau juga sering diingatkan oleh cucunya agar tidak merokok kerana merokok baginya akan merosakkan paru-paru; Kemuncak kesedaran TR. Jabau apabila cucunya telah meninggal dunia yang mengalami asma sejak dilahirkan. Pemergian Jelian cucunya menguatkan lagi semangatnya untuk menghentikan budaya merokok dalam keluarganya dan rumah panjang. Dia semakin tekad untuk berhenti walaupun tidak dipersetujui isteri dan anaknya Duat, namun keputusannya muktamad dan didorong dengan keadaan menantunya yang sudah mengandung lagi. Nasihat daripada doktor juga menyebabkan TR. Jabau perlu memikirkan bahawa dia perlu berhenti merokok seperti dalam petikan.

“Aku...kau dan Duat mesti berhenti hisap rokok. Malah sekayu rumah panjang ini...tegas suaranya.

(Jong Chian Lai, 2009: p.5: 7)

“Kau buat tu. Tak lama kau disingkirkan dari jadi Tuai Rumah”, sindir isterinya.

“Aku tahu. Tapi kita mesti berhenti. Perut dia dah besar....

(Jong Chian Lai, 2009: p.1:8)

“Untuk berhenti merokok, seseorang itu memerlukan tekad yang kuat, kegigihan yang tinggi, disiplin yang tegas dan kekuatan dalam diri. Tidak ada ubat yang paling mujarab selain daripada kemahuan diri” nasihat doktor.

(Jong Chian Lai, 2009, p.4:8)

Berdasarkan petikan di atas, penulis telah memperlihatkan kesungguhan TR. Jabau untuk berhenti merokok. Usaha menghapus atau menghalang budaya merokok telah menjadi isu hangat dan perdebatan antara mereka. Budaya merokok yang berakar umbi dalam kehidupan telah mencabar keupayaannya sebagai seorang ketua iaitu TR Jabau untuk menjadikan kehidupan di rumah panjang yang merupakan tempat tinggal bebas daripada asap rokok. Akhirnya TR. Jabau yang berhenti merokok telah memulakan kempen anti merokok. Semasa memulakan kempen anti merokok TR Jabau dengan tegas meminta penghuni 25 pintu rumah panjang membuang rokok dan menyatakan denda RM 20 sekiranya mereka merokok di rumah panjang. Ketika kempen dilakukan semasa dalam pertemuan bersama penghuni rumah panjang seorang demi seorang telah membuang

rokok dan diiringi dengan tepukan gemuruh mereka bangga dan dapat menerima teguran dari TR. Jabau sebagaimana digambarkan dalam petikan berikut;

“Seorang demi seorang perokok membuang rokok ke halaman rumah. Mereka diiringi tepukan gemuruh. Mereka merasa bangga. Mereka terasa tidak mendatangkan malu apabila *Tuai* rumah itu menegur mereka dengan cara paling tepat dan betul. Kira-kira 20 orang telah melakukannya termasuk beberapa orang penghuni rumah panjang masih keras hati.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.2:19)

TR. Jabau juga dengan tegas dan senang hati memaklumkan kepada mereka bahawa tindakan mereka yang mematuhi kempen tersebut tidak akan didenda dan menyatakan satu lagi kempen yang merupakan masalah dan menjejaskan kehidupan mereka iaitu budaya meminum minuman keras seperti langkau yang merupakan pembunuh kedua terutama Hari Gawai. Keyakinannya untuk melaksanakan kempen ke dua semakin kuat apabila melihat penghuni rumah panjang telah mematuhi kempen merokok, meskipun ada beberapa orang yang masih tidak dapat menerima. Ketegasannya TR. Jabau terungkap dalam petikan di bawah;

“Dengan begitu kamu tidak dikenakan denda. Bebaskan rumah panjang ini daripada rokok. Rokok itu adalah pembunuh dan pada tahun hadapan, kita singkirkan pembunuh ke dua. Kempen Anti langkau”. TR. Jabau begitu bangga dengan sokongan padu penghuni rumah dan mereka akan kembali untuk menyambut Hari Gawai.

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:19)

Ketika sambutan hari Gawai kempen anti merokok tetap dilaksanakan namun ada segelintir mereka yang merokok telah diminta keluar merokok di luar rumah panjang dan tidak dibenarkan menyambut Gawai. Meskipun sambutan gawai kali itu berlainan namun kempen Anti merokok tetap dilaksanakan. Kempen Anti merokok bukan sahaja mengenakan denda kepada penghuni rumah panjang dan mereka yang meraikannya malah turut mengenakan denda kepada wakil rakyat yang diwakili YB Jantum ketika berkunjung semasa Hari Gawai. Kempen anti merokok semakin tercabar apabila golongan pemerintah yang diwakili oleh YB Jantum dan setiausaha serta pegawai pengiringnya telah merokok ketika berada semasa berkunjung di situ. Namun dengan ketegasan TR. Jabau mereka akur dengan kempen tersebut.

“Aku akan bayar lebih daripada itu. Sepatutnya aku menjadi teladan” seorang demi seorang perokok, termasuk setiausahanya mula mematikan api rokok dan menenyahkan di antara lubang papan ruai. Mereka pula terpaksa membayar denda itu”

(Jong Chian Lai, 2009, p.2:24)

Tindakan tegas yang digambarkan pada watak TR Jabau telah menyedarkan YB Jantum yang akhirnya memuji tindakan TR Jabau yang berani menegur beliau dan beliau bersetuju membayar lebih denda dan meminta setiausaha dan pegawai pengiringnya juga perlu patuh pada peraturan kempen anti merokok sebagaimana digambarkan dalam petikan di atas.

Sementara, dalam cerpen *Daerah Merdeka Yang Haram* pula pemikiran sosiobudaya yang diutarakan oleh penulis adalah tentang kehidupan masyarakat yang menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran. Penulis menggambarkan kehidupan sosial masyarakat setinggan yang mengharap mereka diberi penempatan di tanah lot yang sah untuk diduduki. Pelbagai masyarakat telah menduduki kawasan setinggan tersebut seperti kaum Cina, Melayu, Iban, dan

Bidayuh. Ada juga pendatang dari Indonesia dan Bangladesh mendirikan pondok seperti gubuk-gubuk merdeka di bumi sendiri. Watak Ah Siong digambarkan sebagai salah seorang yang menetap di kawasan setinggan Kampung Kudei bersama keluarganya. Melalui watak Ah Siong, Jong Chian Lai telah menggambarkan keadaan tempat tinggal secara terperinci tentang kedaifan kehidupan masyarakat setinggan. Keadaan Kemiskinan tegar dan golongan yang terpinggir dalam arus pemodenan terungkap sebagaimana dalam petikan ini;

“Tiang-tiang rumahnya sudah banyak kali ditukar kerana dimamah anai-anai, ditumbuh kulat, dilanda banjir, tanah selut dan sisa-sisa air tahi yang mengalir di bawah setiap rumah setinggan di Kampong Kudei itu”

(Jong Chian Lai, 2009, p.2:42)

“Rumahnya semakin tidak menentu bentuknya, pintunya semakin sukar untuk ditutup rapat, tingkapnya pula enggan bertunang dengan jenangnya lagi, lantainya tinggi rendah dan tandasnya seringkali tersumbat kerana kematangan tapak rumahnya semakin lesu.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:42)

Penulis juga mengungkapkan kehidupan sebenar golongan setinggan yang sering menghadapi masalah bukan sahaja tempat tinggal yang daif dan tidak selesa malah dari segi kemudahan fasiliti juga sering dihadapi oleh masyarakat setinggan. Keadaan ini digambarkan oleh Jong Chian Lai tentang rumah watak Ah Siong yang sangat daif dan serba kekurangan melalui petikan berikut:

“... Rumahku masih senget tiangnya, tiada api dan masih rumah haram dan tanpa tanah.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:45)

Digambarkan juga persekitaran yang kurang bersih dan tidak selesa sebagaimana dalam petikan berikut;

“... Segugus angin sembilu menerjah masuk ke dalam rumah itu menyampaikan bahu tahi dan angin busuk sampah sarap dan angin hanyir longkang tersumbat

(Jong Chian Lai, 2009, p.4:45)

Selain itu penulis juga menggambarkan kehidupan yang sukar dalam membesarkan anak-anak dan memberi pendidikan. Melalui watak Ah Siong penulis mengetengahkan bagaimana watak Ah Siong berusaha memberi keperluan pendidikan seperti yang digambarkan dalam petikan berikut;

“Anak-anaknya semakin membesar dan dia kepayahan untuk menyekolahkan mereka di sekolah menengah. Tapi anak-anaknya terlalu baik...sabar, kental semangat, mereka menelaah buku di bawah pancaran cahaya suram kuasa bateri kereta terpakai itu. Mereka sudah biasa dengan lantai rumah senget, meja goyah lagi senget, kerusi goyah lagi senget dan buku-buku pudar dan koyak rabak, yang kehilangan sebahagian muka suratnya, yang disedekahkan saudara terdekat. Syukur anak-anaknya masih mengerti bahawa kemiskinan itu mengukuhkan kekuatan hati menjadikan mereka benar-benar seorang manusia.

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:46)

“Pelajaran anak-anak lebih penting daripada atap yang bocor itu. Kita masih boleh tidur di bawah titisan hujan itu. Tapi bolehkah kita lena kalau mereka gagal?” Ujar Ah Siong.

(Jong Chian Lai, 2009, p.4:48)

Berdasarkan dua petikan tersebut, jelas menggambarkan kesukaran dan kesungguhan Ah Siong dalam memberi pendidikan kepada anak-anaknya. Anak-anaknya juga digambarkan memahami kesusahan yang dihadapi oleh ayah mereka sehingga mereka dapat meneruskan pelajaran walaupun dengan kemudahan yang terhad dan daif.

Selain itu, Jong Chian Lai juga mengungkapkan watak yang berpegang teguh dengan prinsip hidup. Watak Ah Siong digambarkan walaupun miskin tetapi hatinya mulia dan berpegang teguh dengan prinsip hidup untuk tidak mengambil hak orang lain. Meskipun kehidupan mereka susah dan miskin, baginya biarlah dia mencari rezeki yang halal sebagai pejual aiskrim. Dia tetap berpegang teguh dan patuh dengan pesanan ayahnya seperti dalam petikan berikut;

“Jangan mencuri walaupun sekeping syiling yang tercicir di tepi jalanan”. Begitulah juga dilangsungkan nasihat ayah kepada anak-anaknya di daerah merdeka yang haram itu.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:45)

Pesanan itu tetap dipegang oleh watak Ah Siong dan disampaikan juga nasihat ini kepada anak-anaknya agar tidak mencuri atau mengambil hak orang lain meskipun hidup mereka miskin.

Dalam cerpen *Daerah Merdeka Yang Haram* ini juga, penulis memperlihatkan kegelisahan penduduk yang diwakili watak Ah Siong yang bukan sahaja hidup dalam kemiskinan dan kekurangan, namun masalah tempat tinggal mereka menjadi isu dalam arus pembangunan. Dalam hal ini, isu mereka boleh diusir pada bila-bila masa sahaja. Meskipun mereka telah berpindah di Kampung Belon untuk kali kedua, kehidupan Ah Siong masih seperti dia berada di setinggan Kampung Kudei dahulu. Penempatannya masih di tanah haram. Hal ini juga menjadi kebimbangan Ah Siong dan keluarganya. Dia berharap agar mereka sekeluarga ditempatkan di tanah lot atau di tanah yang sah. Meskipun anak-anaknya sudah berjaya dan bekerja serta membeli rumah yang tegap dan selesa namun dia tetap ingin menuntut haknya, sebagaimana dalam petikan;

“...Mereka sudah bekerja sebagai eksekutif dan membeli rumah yang tegap tiangnya. yang megah sekali dipandang, yang elok dan cantik warna atapnya tetapi dia mahu menuntut haknya daripada partinya yang diundi dengan setia semenjak beberapa kali pembubaran ADUN dan DP. Setiap pembubaran itu, tertanam bunga- bunga harapan di dalam hatinya; moga seorang YB terjeling menjuling ke arah rumahnya yang senget.

(Jong Chian Lai, 2009, p.1:57)

Perkara yang diharapkan oleh Ah Siong masih tidak menjadi kenyataan dan hanya yang berlaku pemilihan dan pembubaran berkali-kali sama ada wakil ADUN mahupun DP tetapi rumah sengetnya di tanah haram masih tidak diberi perhatian oleh wakil rakyat yang setia dipilihnya. Hal ini menjelaskan penulis cuba mengetengahkan tentang isu politik berkaitan dengan sikap pemimpin ketika meraih undi atau berkempen, mereka ada bersama masyarakat. Situasi ini berlaku setiap kali pilihan raya namun setelah menang atau terpilih masalah rakyat kurang diberi perhatian.

Selain itu penulis juga mengetengahkan tentang sikap dan tindakan tidak amanah golongan pemerintah yang diwakili oleh golongan pemimpin yang dipilih. Pemimpin yang dipilih ini sepatutnya perlu berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin. Malangnya

pemimpin atau wakil yang dipilih tidak melaksanakan tanggungjawabnya untuk memberi bantuan atau pembangunan di kawasan yang diwakilinya.

Dalam cerpen *Jalur Gemilang* pula, Jong Chian Lai telah telah mengetengahkan gambaran sosiobudaya kehidupan masyarakat sebelum merdeka dan selepas merdeka yang diwakili oleh watak Yong Fook Khui dan Mamat Dollah. Dalam cerpen ini penulis telah menggambarkan tiga era keadaan sebelum merdeka iaitu semasa pendudukan Inggeris, Jepun dan Pengaruh fahaman Komunis. Penulis menggerakkan idea cerpennya ini berlandaskan tiga zaman yang cukup getir bagi masyarakat ketika itu untuk meneruskan kehidupan. Penulis telah menggarapkan pemikiran sosial budaya melalui kehidupan seorang perantau iaitu watak Yong Fook Khui. Meskipun melalui masa yang panjang untuk menikmati kehidupan sebagai warganegara Malaysia, namun digambarkan juga kesetiaan wataknya juga dipersoalkan lantaran dia seorang perantau yang datang dari Tembok Besar.

Melalui watak Yong Fook Khui, penulis menggambarkan Yong Fook Khui telah melalui kehidupan yang susah di bawah pemerintahan Manchu, di negara asalnya telah mendorongnya berhijrah, meskipun penghijrahannya tidak direstui oleh ayahnya dia tekad untuk berhijrah ke Borneo bagi memulakan kehidupan baharu. Melalui watak Yong Fook Khui, penulis menggambarkan kehidupan seorang perantau dari dari Tembok Besar, telah merantau dan berhijrah ke Borneo. Penghijrahannya ke Borneo disebabkan banyak penderitaan, peperangan, kacau bilau dan kebuluran serta kepayahan semasa di negara asal juga turut dirasa ketika mula-mula berada di Borneo. Yong Fook Khui terpaksa melalui kehidupan yang getir untuk meneruskan kehidupannya. Suasana kedatangannya pada mulanya telah mencabar Yong Fook Khui meneruskan hasratnya untuk membina hidup baru di Borneo. Dia bertekad tidak kembali ke negara asalnya kerana dia perlu setia pada negara yang memberi peluangnya membina hidup baharu. Dengan semangat yang kental dia tabahkan hati dan berusaha untuk menjadi warga yang setia di tempat yang baharu.

Terdapat tiga era kehidupan pada zaman sebelum merdeka iaitu zaman penjajahan Inggeris di kepulauan Melayu termasuk di Borneo, jelas ditonjolkan oleh penulis, melalui watak Yong Fook Khui, pada peringkat awalnya digambarkan ketika dia mula berada di Borneo, dia hanya bekerja sebagai tukang masak pada seorang Kapitan di Kuching. Ketika itu juga dia berhasrat untuk bekerja di Lombong Emas di Bau, namun dia menghadapi kesukaran untuk bekerja di situ disebabkan persengketaan antara ketua puak dalam kawasan perlombongan. Situasi itu, menyebabkan dia berasa seolah-olah berada di negara asalnya. Kapitan-kapitan masih menghina, menindas dan menghukum orang miskin seperti dia. Keadaan ini telah menjadikan Yong Fook Khui bertekad untuk memerdekakan dan membebaskan diri daripada situasi yang sama di negara asalnya.

Era kedua pula penulis telah menggambarkan kehidupan masyarakat yang hidup pada zaman pendudukan Jepun. Pendudukan Jepun telah banyak mendatangkan kesusahan kepada penduduk tempatan, apatah lagi kaum Cina yang merupakan musuh utama di Tembok Besar termasuk watak Yong Fook Khui yang telah menghadapi saat getir ketika itu. Jepun sangat anti kerana permusuhan mereka dengan negara Tembok Besar. Hal ini ini jelas diungkapkan oleh pengarang seperti dalam petikan berikut.

Yong Fook khui teringat malam itu. Kedai sewanya di jalan Carpenter diceroboh, barang-barang dagangannya dirampas. Sudah lama isteri dan dua anaknya disembunyikan di kampung Melayu. Askar Jepun sangat benci dengan orang Cina kerana permusuhan dengan negara Tembok Besar.

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:113)

Seterusnya, pada era ketiga pula penulis menonjolkan fahaman komunis mula bertapak dan menjejaskan keamanan penduduk. Dalam hal ini watak Yong Fook Khui turut digambarkan

terpaksa menjadi pihak yang memihak kepada komunis kerana dia terlibat sebagai Min Yuen iaitu membekalkan makanan. Dia terpaksa melakukannya disebabkan kebimbangan terhadap anak-anak dan isterinya yang diancam dan dibunuh. Keadaan ini jelaskan digambarkan pada petikan berikut;

“.....Memang pada mulanya, dia menjadi Min Yuen yang membekalkan makan kepada komunis atas keterpaksaan. Anak-anak dan isterinya diancam dan dibunuh. Tanpa diketahui anak-anak dan isterinya, mereka dipindahkan ke kawasan putih. Dia memecah rahsia tempat persembunyian musuh negara. Ramai komunis yang terkorban. Dia enggan kerajaan membalas jasanya. Dia bimbang saki baki komunis mengancam keluarganya.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:121)

Selain itu, Pemikiran sosiobudaya berkaitan perkahwinan campur dalam masyarakat majmuk juga turut digarapkan oleh pengarang dalam cerpen ini. Perkahwinan campur yang diutarakan banyak membawa kebaikan dalam hubungan kekeluargaan. Melalui perkahwinan antara ahli Keluarga Yong Fook Khui dengan Mamat Dollah telah mengembangkan lagi generasi masyarakat majmuk dan hubungan kekeluargaan yang erat antara dua kaum. Perkahwinan Suraya dengan Yong Fook Min atau Mohd Amin bukan sahaja mengembangkan generasi majmuk malah telah mengembangkan lagi perniagaan yang dilakukan oleh kedua-dua orang tua mereka sebelum itu. Selain anak Mamat Dollah, anak Yong Fook Khui lain Ah Lin juga berkahwin dengan Siti anak orang Jawa iaitu sahabatnya juga Parno Subowo. Perkahwinan campur ini telah melestarikan lagi masyarakat majmuk di Malaysia.

Ikatan persahabatan antara mereka sejak sebelum merdeka yang saling bantu membantu telah dtunjukkan juga oleh penulis. Keakraban dan jalinan persahabatan antara mereka sangat unik kerana kesusahan dan semangat tolong menolong semasa zaman kesusahan mereka terutama semasa pendudukan Jepun. Yong Fook Khui sangat menghargai budi Mamat kerana dia menyelamatkannya dari kepungan tentera Jepun dan dibunuh ketika dia melarikan diri dari majikannya. Sementara Mamat juga terhutang budi kepada Yong Fook Khui kerana menyelamatkan Salmah iaitu isterinya dari diganggu dengan membunuh tentera Jepun tersebut. Sementara Parno pula, pernah dibantu oleh Yong Fook Khui untuk bekerja di kebun getah Tokey Lee. Semasa pendudukan Jepun juga Parno yang mengenang budi Yong Fook Khui telah membantu menyelamatkan anak dan isterinya dengan menyembunyikan mereka di tempat yang selamat ketika itu.

Pengarang juga menggambarkan budaya kehidupan selepas merdeka yang bukan sahaja kesan melahirkan masyarakat majmuk malah melahirkan budaya rakyat yang bersatu padu di bawah pentadbiran yang sistematik berlandaskan semangat perpaduan dan pemerintahan demokrasi. Hal ini dinyatakan oleh cucu watak Yong Fook Khui dalam petikan berikut;

“Atuk saya memainkan peranan yang maha penting dalam membentuk perpaduan masyarakat semenjak beliau berhijrah ke Malaysia. Beliau telah membentuk bangsa Malaysia dalam keluarganya dengan sikap baik, toleransi, pendirian tegas, pergaulan bebas, kesetiaan dan kejujuran pada negara. Perkampungan Global ini telah diserap nilai perpaduan masyarakat Malaysia malah fokusnya menjadikan Malaysia model untuk membentuk masyarakat sejagat yang mengalami revolusi masyarakat yang ganas.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.2:142)

Inti pati perkampungan Global yang diutarakan oleh pengarang ini diharap menjadi pemangkin kepada perpaduan masyarakat di dalamnya. Seluruh Komuniti diharap agar dapat melihat model ini dan melakukannya di mana-mana sahaja. Masyarakat diharap dapat membentuk

destinasi yang sama, memupuk nilai-nilai murni dan persepsi menyatukan kaum dengan bahasa tanpa dipaksa rupa bentuk budaya mereka, identiti dan tata susila yang unggul inilah menjadi keutamaan dalam membentuk suasana persekitaran di Malaysia.

Pemikiran Sosioekonomi

Pemikiran sosiokonomi turut digarapkan oleh penulis dalam cerpen *Anang Insap*. Penulis menggambarkan penduduk di rumah panjang kebanyakannya bekerja sendiri, suri rumah bagi wanita dan sebagai AJK yang dilantik daripada penghuninya. Selain itu, pekerjaan sebagai wakil kerajaan di peringkat kampung atau rumah panjang seperti TR. Jabau. Pengarang juga turut menonjolkan pekerjaan seperti pegawai kerajaan yang diwakili pegawai perubatan iaitu seperti Doktor iaitu Dr. Lee, pegawai kerajaan yang diwakili pegawai pengiring dan setiausaha politik. Terdapat juga pekerja kayu balak. Watak Rangka yang sebelum ini telah terlibat dengan pekerjaan kayu balak namun telah menjadi orang kurang upaya akibat kemalangan ditimpa kayu balak.

Sementara dalam cerpen *Daerah Merdeka Yang Haram*, Jong Chian Lai telah memperlihatkan pemikiran sosioekonomi masyarakat setinggan yang diwakili oleh watak Ah Siong. Penulis telah menggambarkan kehidupan watak Ah Siong yang telah terlibat sebagai penjual ais krim. Dia menjual ais krim hanyalah untuk mencari rezeki semata-mata. Di samping itu, cara dia menjalankan jualan ais krim tidak berubah sejak dari dahulu yang berjalan kaki, berbasikal dan akhirnya hanya menggunakan motosikal terpakai. Dia hanya menggunakan loceng untuk menarik perhatian pelanggan seperti kanak-kanak. Sedangkan peniaga lain lebih maju berbanding dengan caranya sebagaimana dalam petikan berikut;

“Dia tetap penjual ais krim dengan motosikal Honda 125G terpakai. Malah dia mulai cemburu kerana budak-budak terpancing pada penjual ais krim yang memainkan melodi asyik sedangkan dia masih menggunakan locengnya yang membosankan budak-budak sejak bertahun-tahun, berjaja di Jalan Matang dan Engsengei.

(Jong Chian Lai, 2009, p.1:58)

Sementara dalam cerpen *Jalur Gemilang* pula, telah menzahirkan pemikiran sosioekonomi masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Jong Chian Lai menggarapkan kehidupan masyarakat yang sentiasa berfikiran jauh dalam meningkat ekonomi keluarga. Selepas merdeka mereka memulakan lembaran baharu untuk membuka perniagaan. Melalui watak Yong Fook Khui yang pada mulanya hanya bekerja sebagai tukang masak kepada kapitan akhirnya menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya. Setelah dapat membebaskan diri dari majikannya dia akhirnya bertemu dengan Mamat Dollah dan memulakan hidup baharu dengan menanam sayur sayur bersama dengan keluarganya. Dia menjual sayur dengan berjalan kaki kemudian berbasikal. Kehidupan Yong Fook Khui digambarkan dalam petikan berikut;

Mamat termenung panjang sambil menacap matanya pada lelaki cina yang mengayuh basikal sambal memekik, “Sayur! Sayurrr!” suara- suara Yong Fook Khui itu menyemarakkan semangatnya untuk tidak ketinggalan membangunkan ekonomi negara ini. Sepatutnya itulah jasa yang dicurahkan. Kemudian dia masuk ke dalam bilik, menyelak tikar dan mengira wang yang disimpan di bawah lipatan sapu tangan kelabu “tidak mungkin aku jadi kaya dengan duit sebanyak ini. Ah Fook memang dah tak betul. Dia ingat senang berniaga kalau senang nak kaya...kenapa masih kayuh basikal, jual keliling kampung”?

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:115)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang telah mengetengahkan mentaliti kaum Melayu yang hanya bergantung kepada modal yang besar untuk berniaga. Bukan itu sahaja keyakinan pada diri sendiri dan sikap tidak mahu menerima risiko dalam perniagaan juga jelas terpapar pada watak Mamat Dollah ini. Dalam hal ini, penulis cuba memperlihatkan cara dan corak kaum lain untuk memulakan perniagaan. Melalui watak Yong Fook Khui penulis telah menggambarkan cara watak ini berjaya membuka minda kaum lain seperti Mamat Dollah untuk memulakan perniagaan dan akhirnya telah sama-sama terlibat dalam perniagaan yang kemudiannya dikembangkan lagi oleh anak-anak mereka.

Penulis juga menggambarkan Mamat Dolah yang hanya mengharapkan bertanam padi untuk menyara kehidupan. Begitu juga Parno yang menjadi kuli di kebun getah Tokey Lee. Mamat Dollah yang pada mulanya hanya berniat menjual tanah untuk mendapat ganjaran yang lumayan telah dihalang oleh Yong Fook Khui. Sebaliknya tanah tersebut telah diusahakan oleh mereka bersama-sama bermula dengan menanam sayur akhirnya mereka menjadi pembekal sayur, daging ayam dan telur secara besar-besaran. Perniagaan mereka semakin berkembang maju sehingga kepada pembukaan Syarikat Mayong. Perniagaan mereka semakin mantap dan berkembang apabila diurus oleh anak-anak mereka seperti dalam petikan berikut.

Syarikat Mayong yang didaftarkan dengan modal pusingan antara Yong Fook Khui dengan Mamat Dollah sebanyak 60%: 40% telah dikendalikan dengan begitu cekap oleh Yong Fook Lai dengan Ninawati Mamat. Kedua-duanya telah dua tahun memperolehi ijazah Sarjana Muda Ekonomi. Salmah menjemput Yong Fook Khui dan Yong Fook Lai duduk sebentar. Mamat Dolah masih sembahyang mahgrib. Ninawati melayan mereka ketika itu. Mereka berbincang tentang penyertaan dalam tender membekal daging ayam, telur dan sayur-sayuran ke sekolah-sekolah di bahagian Kuching. Mereka juga berbincang untuk membuka pusat komputer dan menjual komputer dan perisiannya.

(Jong Chian Lai, 2009, p.3:126)

“Syarikat Mayong akan eksport tiga kontena sayur ke Singapura, dua kontena ayam bersih, satu kontena telur dan yang paling penting kita nak beli bangunan untuk syarikat ini dijalan Green”. Ninawati membacanya melalui komputer ribanya...”

(Jong Chian Lai, 2009, p.2:127)

Berdasarkan dua petikan di atas, jelas menggambarkan pemikiran sosioekonomi dalam masyarakat majmuk yang berkembang maju ditambah lagi dengan pengurusan yang cekap oleh anak-anak mereka. Peniagaan mereka bukan hanya cukup makan, sebaliknya telah dapat bersaing di peringkat antarabangsa iaitu dapat memasarkan barangan mereka sehingga ke Singapura.

Pemikiran Sosiopolitik

Dalam cerpen *Anang Insap*, pengarang telah menggarapkan pemikiran sosiopolitik pada watak YB Jantum. Dalam hal ini penulis cuba mengutarakan sikap wakil rakyat yang sepatutnya melaksanakan pembangunan atau sebagai agen perubahan perlu peka dengan dasar-dasar kerajaan termasuk berkaitan isu kemasyarakatan seperti kempen anti merokok. Namun demikian melalui watak YB Jantum dia tidak melaksanakan atau menyokong, malah dia gagal mematuhi peraturan atau dasar yang ditetapkan oleh kerajaan.

Selain itu, corak pemilihan pemimpin juga turut ditonjolkan. Dalam hal ini pemilihan sebagai penghulu di rumah panjang pada peringkat awalnya menjadi kebimbangan JKK rumah panjang disebabkan keberanian TR. Jabau menegur golongan pemerintah atau wakil rakyat. Namun

demikian pengarang melalui watak YB Jantum telah menggunakan kebijaksanaan sebagai pemimpin telah memilih wakil atau penghulu di rumah panjang yang berani dan tegas seperti TR. Jabau.

Sementara, dalam cerpen *Daerah Merdeka Yang Haram* pula pengarang telah mengetengahkan kepincangan dalam politik tentang peranan wakil rakyat dalam pembangunan negara. Kritikan kepincangan peranan ahli politik yang sepatutnya berusaha menjaga kebajikan dan memastikan kawasan serta masyarakat yang mundur perlu diberi perhatian agar mereka tidak ketinggalan dalam arus kemajuan dan pembangunan. Namun perkara yang berlaku sebaliknya, kerana ahli politik yang bertukar ganti setiap kali pilihan raya tidak memberi perhatian kepada golongan setinggan yang diwakili keluarga Ah Siong. Selepas menang pilihanraya mereka lupa akan tanggungjawab sebagai wakil rakyat. Malah mereka lebih mengutamakan kepentingan peribadi berbanding membantu menyelesaikan masalah masyarakat marhaen seperti Ah Siong. Sebaliknya mereka telah membeli banglo dan kereta mewah sehingga mereka menjadi lebih angkuh setelah berkuasa.

Pengarang juga memberi gambaran yang jelas tentang sikap bakal pemimpin yang banyak menabur janji hanya semasa berkempen sahaja. Selepas menang mereka menjadi lebih bongkak dan janji hanya tinggal janji sahaja. Hal ini jelas diungkapkan dalam petikan berikut;

Maka dia tidak pernah mendapat keuntungan sesempun daripada YB itu. YB itu mempunyai banglo mewah dengan keluasan tanah besar, dia masih mendiami rumah senget itu.

(Jong Chian Lai, 2009, p.1:50)

“Mana pejuang marhaenis itu? Dia mendapat tahu daripada seorang yang bersuara bongkak bahawa pejuang itu buta matanya oleh timbunan wang kertas tulen tapi palsu, telinganya pekak oleh sogokan pujian tetapi palsu.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.4:58)

Kedua-dua petikan di atas, merupakan kritikan daripada pengarang tentang sikap golongan politik yang lebih mementingkan diri sendiri berbanding orang lain. Pengarang juga, mengetengahkan tentang suasana atau pemilihan wakil rakyat dan kesetiaan terhadap sokongan parti yang diharapkan membawa kepada perubahan turut digambarkan pada watak Ah Siong. Pengaruh fahaman komunis telah menguji kesetiaan Ah Siong daripada terpedaya dengan politik pembangkang yang membawa fahaman ini dalam parti mereka. Namun, ada segelintir telah terpedaya dengan fahaman ini. Mereka cuba mencaci, menabur fitnah dalam kempen mereka sehingga perpaduan mula tergugat di kawasan setinggan tersebut.

Selain itu, pengarang juga mengungkapkan tentang ahli politik yang tidak amanah dalam menjalankan tugas sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan berikut;

Ah Siong amat terkejut pula apabila terdengar dari radio berita mengenai seorang Datuk. Dato' atau Datu melesapkan wang PPRT pula. Apabila mendengarnya, bunga-bunga harapan di dalam hatinya melandur layu, tidak mungkin dia akan menjejak daerah yang halal itu ataupun sebuah rumah kos rendah.

(Jong Chian Lai, 2009, p.4:59)

Berdasarkan petikan tersebut, penulis menggambarkan ahli politik yang tidak amanah dan bertanggungjawab dan telah mengecewakan rakyat yang memilih mereka sebagai pemimpin. Ah Siong amat kecewa apabila mendengar ahli politik telah terlibat dalam pecah amanah. Sepatutnya pemimpin atau ahli politik yang telah diberi kepercayaan perlu berusaha menjalankan

tanggungjawab sebaik mungkin. Sebaliknya kepincangan dalam mentadbir seperti pecah amanah turut berlaku. Keadaan ini sudah pasti menjejaskan kestabilan politik dan imej pemimpin disebabkan sikap tidak jujur, tidak amanah dan tidak bertanggungjawab menjalankan tugas dalam kalangan golongan pemimpin.

Sementara dalam *Cerpen Jalur Gemilang* pula, penulis cukup teliti dalam mengungkapkan pemikiran sosiopolitik yang berlaku, dalam cerpen ini. Jong Chian Lai telah menonjolkan pemikiran sejarah yang mengaitkan kolonialisme, imperialisme, pemikiran politik dan kepimpinan, dalam cerpen ini digambarkan corak pentadbiran penjajah seperti penjajah Inggeris tidak berminat untuk menyatukan masyarakat sebaliknya mengamalkan dasar pecah dan perintah. Mereka lebih mengutamakan keuntungan dengan mengaut sebanyak yang mungkin hasil bumi di bawah jajahan mereka. Tambahan pula kelemahan dan kelalaian masyarakat peribumi sendiri telah diambil kesempatan oleh mereka. Kesan dasar pemerintahan ini wujud situasi dari segi hubungan masyarakat majmuk terpisah antara satu sama lain. Penulis menggambarkan keadaan ini ketika Yong Fook Khui datang ke Borneo. Ketika itu, dia mendapati masyarakat hanya dalam kelompok mereka sahaja. Keadaan ini jelas diungkapkan dalam petikan berikut;

“Dua minggu aku belayar dari Cina ke Singapura. Waktu tu umurku baru lima belas tahun. Kami singgah di Kuching., Aku tengok... orang Cina dengan Cina, Melayu dengan Melayu, di kampung Dayak dengan bangsanya di ulu...orang India tidak ramai waktu itu.”

(Jong Chian Lai, 2009, p.2:109)

Selain itu, melalui watak Yong Fook Khui juga pengarang menggambarkan sikap sebenar dasar pemerintahan penjajah Inggeris sebagaimana diungkapkan dalam petikan berikut;

“Aku benci sungguh cara Inggeris perintah kita. Kita tidak rapat sebelum merdeka ini. Lelaki Melayu melopong. Mungkin dia tidak perasan tentang penerapan kala jengking, lipan dalam pemerintahan Inggeris yang telah lama mengucar-ngacirkan struktur masyarakat majmuk di kepulauan Borneo ini,”

(Jong Chian Lai, 2009, p.7:108-109)

Sikap mengambil kesempatan dalam pemerintahan penjajah juga turut digambarkan oleh pengarang. Kelemahan yang ada pada orang Melayu yang naif dan miskin telah diambil kesempatan oleh pihak Inggeris untuk mendapatkan tanah dengan menggunakan kaum Cina seperti Yong Fook Khui menjadi orang tengah untuk mempengaruhi Mamat Dollah menjual tanahnya kepada Tuan Charles. Mereka menawarkan tawaran yang lumayan semasa dalam perbincangan bersama Mamat Dollah. Namun dengan kebijaksanaan dan kesetiaan persahabatannya dengan Mamat Dollah dia tidak meneruskan niatnya, sebaliknya meminta Mamat Dollah tidak menjual tanah tersebut dan merancang untuk diusahakan bersama.

Selepas merdeka, pemikiran politik negara sudah berubah apabila kuasa pemerintahan bukan lagi di bawah kekuasaan Inggeris. Para pemimpin yang terdiri dari kalangan pribumi sendiri berusaha untuk membawa kemajuan dan pembangunan. Banyak dasar–dasar baru diperkenalkan termasuklah Dasar Wawasan 2020. Melalui dasar ini, kerajaan berhasrat untuk memastikan pembangunan dan kelestarian masyarakat majmuk tercapai.

Selepas merdeka penulis juga menggambar kerajaan berusaha untuk membina sebuah negara yang bercorak masyarakat majmuk yang saling bekerjasama membina negara tanpa mengira kaum agama dan bangsa. Melalui Dasar Wawasan 2020 juga hasrat untuk menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama dari segi ekonomi melalui cara tersendiri dapat dicapai. Selain itu, usaha memupuk pengalaman sejarah dikongsi bersama, semangat ingin mempunyai identiti dan

tujuan yang dapat mengatasi semangat perkauman, perasaan setia yang tidak berbelah bagi, bertanggungjawab dan cintakan negara turut digarapkan oleh penulis dalam cerpen ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan konsep pemikiran sosial, pengarang telah mengungkap secara ideal tentang gambaran masyarakat yang berbeza kehidupan namun mengalami permasalahan yang sama dari segi budaya, ekonomi dan politik. Dalam ketiga-tiga cerpen tersebut pengarang telah memperincikan dengan jelas permasalahan yang berlaku dalam masyarakat sebenar. Kritikan sosial terhadap pemerintah jelas dipaparkan dalam ketiga-tiga cerpen meskipun setiap watak digambarkan dalam latar, tempat dan masa yang berbeza. Penekanan pentingnya pendidikan dan semangat untuk meningkatkan taraf hidup telah diungkapkan juga oleh pengarang untuk menggerakkan idea penulisan cerpen ini. Kepelbagaian budaya dan tempat sama ada di kampung seperti perkampungan orang Iban mahupun di bandar, kritikan sosial tentang kemiskinan dan kemuduran serta mentaliti masyarakatnya turut digarap oleh pengarang. Hal ini seiring dengan pernyataan yang dinyatakan oleh Othman Puteh (1983, p. 97) pula menyatakan bahawa, pemikiran menjadi inti dan unsur paling dasar dalam kehidupan ini terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar. Antara persoalan itu termasuklah hubungan manusia dengan nilai-nilai hidup yang lebih mujarad seperti keadilan, persamaan hak, kesempurnaan dan kesefahaman yang tidak boleh dikesampingkan. Tanpa nilai tersebut, sesuatu tamadun atau masyarakat tidak akan mantap, teguh, padu dan berkeperibadian. Justeru, pemikiran sebagai unsur penting yang dapat menunjang pembentukan kebudayaan sesuatu bangsa.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farra Humairah Mohd. (2018). *Pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012-2015*. Tesis Doktor Falsafah yang belum diterbitkan. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Habibah Alias & Rahil Mahyudin. (1990). *Psikologi pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2004). Bahasa dan pemikiran Melayu: Tradisi dan kesinambungannya. Dlm. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (pngr.). *Pemikiran Melayu: tradisi dan kesinambungan*, hlm.1-12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai, (.2009). *Kepompong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Keenam. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Khairi Mohamad Asri (2022 Februari 20). In Academia //https://www.academia.edu/19810465/pemikiran_osman_ayub_dalam_novel_warna_sebuah_lembah
- Othman Puteh. 1983. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Suatu analisa tentang pemikiran dan struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka &Kementerian Pelajaran Malaysia.

Penulis Bumi kenyalang Penulissarawak.blogspot.com/2008/06/jong-chian-lai.html

Sara Beden. (2019) Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme. *Jurnal Pendeta*, (10), p. 36-56.

Sidi Ghazalba. (1973). *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Jakarta: Yayasan Adikarya Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI).

S. Othman Kelantan. (1999). *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tendi Tendi. (2017). Perkembangan Sosio-ekonomi dan Perkebunan Masyarakat Kuningan, 1830-1870. *Jurnal Dialektika* Volume 2, Nombor 1.

Zainal Kling. (1989). *Pemikiran sosiopolitik Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PEMERKASAAN BAHASA MELAYU DI IPGKTAR KE ARAH GLOBALISASI

Anis Alisya Abdullah

pengarah@ipgmktar.edu.my

Sara Beden

sara.beden@ipgmktar.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Bahasa merupakan lambang dalam budaya dan melalui pembinaan bahasa juga sesuatu budaya boleh dipengaruhi. Antara isu yang sering dibangkitkan dalam pembinaan negara bangsa ialah isu bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa merupakan lambang jati diri bagi sesuatu masyarakat atau bangsa sekali gus melambangkan ketamadunan bangsa. Justeru, bahasa wajar dimartabatkan oleh bangsa yang menggunakannya tanpa mengira status dan usia. Makalah ini bertujuan untuk membincangkan usaha dan tindakan IPGKTAR menerusi Jabatan Pengajian Melayu (JPM) dalam memperkasa dan memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat IPGKTAR, bahagian, zon, kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Kerangka yang menjadi landasan perbincangan ialah Perancangan Strategik IPGKTAR (2018-2022) Kemas Kini Januari 2020 dengan memberikan fokus kepada Teras 1, Teras 2 dan Teras 3. Pemerksaan bahasa Melayu di IPGKTAR melibatkan pemerksaan pensyarah, pemerksaan pelajar dan pemerksaan BM menerusi JPM di IPGKTAR. Berdasarkan penelitian terhadap Perancangan Strategik (2018-2022), didapati pemerksaan dicapai menerusi empat strategi menerusi program yang diperksa serta dilaksanakan di IPGKTAR, iaitu program kolaboratif, pembudayaan inovasi, program CPD dan pembudayaan penyelidikan. Kesimpulannya, pemerksaan bahasa Melayu di IPGKTAR menepati Teras 1, Teras 2 dan Teras 3 dalam Perancangan Strategik 2018-2022 IPGKTAR. Pemerksaan ini membawa kepada pemerksaan peranan IPGKTAR menerusi JPM dalam memartabatkan bahasa Melayu agar terus berfungsi dengan signifikan di peringkat global dan global.

Kata kunci: *pemerksaan, Perancangan Strategik 2018-2022 IPGKTAR, memartabatkan, kolaboratif, inovasi*

PENGENALAN

Pemerksaan dalam *Kamus Dewan Edisi Ke-4* (2019) merujuk kepada usaha, tindakan atau perbuatan memperksakan sesuatu atau menjadikannya perksa (kuat, kukuh, hebat, unggul). Sementara globalisasi pula merujuk kepada proses yang membolehkan sesuatu aktiviti (ekonomi, kebudayaan dan pendidikan) disebar atau diperluas ke peringkat antarabangsa dengan kemudahan sistem komunikasi dan dasar terbuka (*Kamus Dewan Edisi Ke-4*, 2019). Dalam konteks perbincangan makalah ini, pemerksaan yang hendak dibincangkan adalah menjurus kepada usaha atau tindakan memperksakan Bahasa Melayu (BM) di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR). Pemerksaan diperlihatkan menerusi pelibatan pensyarah dan pelajar dalam program-program atau aktiviti yang dilaksanakan mahupun disertai pada peringkat bahagian, kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa yang menjurus kepada pemerksaan fungsi Institut Pendidikan Guru (IPG).

Bahasa merupakan lambang dalam budaya dan melalui pembinaan bahasa juga sesuatu budaya boleh dipengaruhi. Antara isu yang sering dibangkitkan dalam pembinaan negara bangsa ialah isu bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa merupakan lambang jati diri bagi sesuatu masyarakat atau bangsa itu (Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Maliati Mohamad (2020)). Perkara ini memperjelas kepentingan kedudukan bahasa Melayu di negara kita. Bahasa Melayu sebagai

bahasa kebangsaan sudah termaktub dalam perkara 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1957) dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia (1963). Pelaksanaan akta ini diterjemahkan melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan Akta Pendidikan 1996 (Fariza Md. Sham, et al., 2018). Kedudukan dan peranan BM sewajarnya diberi perhatian agar BM terus lestari dalam memainkan peranan dan fungsinya dalam pelbagai bidang. Justeru, semua pihak wajar berganding bahu dalam merealisasikan usaha untuk memperkasakan BM pada pelbagai peringkat. Ringkasnya, Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) turut memainkan peranan yang signifikan dalam usaha memperkasa dan memartabatkan BM ke arah globalisasi.

OBJEKTIF

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan usaha dan tindakan IPGKTAR menerusi Jabatan Pengajian Melayu (JPM) dalam memperkasa dan memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat IPGKTAR, bahagian, zon, kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Kerangka yang menjadi landasan perbincangan ialah Perancangan Strategik IPGKTAR (2018-2022) Kemas Kini Januari 2020 dengan memberikan fokus kepada teras 1, teras 2 dan teras 3. Ketiga-tiga teras ini diaplikasi dalam perbincangan atas faktor bersesuaian dan bertepatan dengan proses pemeraksanaan pensyarah dan pelajar yang akhirnya menyumbang kepada pemeraksanaan BM di IPGKTAR.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam makalah ini mengambil kira pandangan dan kajian lepas tentang penggunaan dan pemartabatan bahasa Melayu terutama dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar. Ibrahim Yahaya (2004) dalam makalah yang bertajuk “Perjuangan berterusan memartabatkan bahasa Melayu” menyatakan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ini diwartakan secara khusus dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967, manakala bahasa pengantar ilmu pula telah diwartakan dalam Akta Pendidikan 1961 dan seterusnya dalam Akta Pendidikan 1996. Sementara Hassan Baseri Budiman (2014) dalam makalah yang bertajuk “Wakil Rakyat Dan Bahasa Melayu” memperjelas bahawa Perlembagaan Persekutuan, yang meletakkan kedudukan tertinggi terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dengan sendirinya menjelaskan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan yang dimiliki oleh semua warga Malaysia. Pandangan ini menzahirkan bahawa tanggungjawab memartabatkan penggunaan BM adalah tanggungjawab bersama rakyat Malaysia. Hassan Baseri Budiman (2013) turut menyatakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga akan menjadi lemah jika pemimpin tertinggi tidak melaksanakan peranannya sebagai pencinta bahasa yang terulung. Penggunaan bahasa Melayu dalam urusan pentadbiran tidak sepenuhnya berlaku dalam kalangan pengurusan dan profesional walaupun wujudnya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011 mengenai Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam. Senario ini memantapkan bahawa kedudukan BM semakin tergugat akibat penggunaannya yang terhad dalam urusan pentadbiran.

Hassan Baseri Budiman (2017), turut memperkatakan keterpinggiran bahasa Melayu dalam sektor swasta yang berlanjutan memandangkan jumlah agensi kerajaan dan kemudahan awam yang telah diswastakan. Jika keadaan ini tidak dikawal maka penggunaan bahasa Melayu dalam urusan-urusan tertentu dalam sektor awam akan turut merosot dan akan digantikan oleh bahasa Inggeris. Kemunculan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam jumlah yang banyak di Malaysia juga sedikit sebanyak telah merencatkan lagi usaha pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Senario ini diperkukuh menerusi kajian Noraïen dan Rohana (2015) yang mendapati bahawa penerbitan ilmiah bagi semua kluster diungguli oleh penerbitan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, jelas sekali bahasa Melayu tidak menjadi pilihan atau keutamaan dalam kalangan ilmuwan. Dapatan kajian ini menginterpretasikan bahawa BM harus dimartabatkan dengan signifikan menerusi pelbagai kaedah. Kajian pemartabatan bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Abdul Razak dan Khalijah (2009) mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu mula terjejas


apabila pembelajaran sains dan matematik menggunakan bahasa Inggeris. Perkara ini turut memperlihatkan pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang dikhuatiri akan menjejaskan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Walaupun pelaksanaan PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2009, tetapi masih ada lagi pengajaran yang dijalankan dalam bahasa Inggeris, terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Arahan KPM pada 2018 yang memberikan pilihan kepada sekolah untuk melaksanakan *Dual Language Program (DLP)* iaitu menggunakan bahasa Inggeris untuk pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018) sekali lagi menggerhanakan kedudukan BM sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Situasi ini mengundang pelbagai polemik daripada sarjana-sarjana bahasa dan aktiviti BM kerana pelaksanaannya menjejaskan kedudukan BM. Walau bagaimanapun, apa-apa pelaksanaan sebaik-baiknya mengambil kira peruntukan dan undang-undang dalam perlembagaan. Awang Sariyan (2004) pernah menegaskan bahawa semua peruntukan tentang bahasa kebangsaan yang terdapat dalam undang-undang negara hendaklah bukan sahaja dihormati malah dilaksanakan dengan ikhlas dan jujur oleh semua lapisan, daripada pemimpin negara hingga penjawat awam dan masyarakat umum.

Kajian Nurul Jannah Roslan (2017) yang memberikan fokus tentang penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa menunjukkan sikap mahasiswa yang tidak prihatin dalam penggunaan bahasa Melayu yang betul. Menurut Nurul Jannah Roslan (2017), terdapat beberapa faktor mahasiswa kurang menguasai bahasa Melayu. Salah satu faktor yang signifikan ialah kebiasaan mahasiswa dalam pertuturan seharian menggunakan pelbagai ragam bahasa seperti bahasa pasar, bahasa slanga, dialek tertentu dan bahasa ibunda. Selain itu, faktor ledakan teknologi maklumat dan pengaplikasian peranti dan gajet yang canggih memberikan kesan besar kepada penggunaan bahasa Melayu yang betul. Penggunaan telefon pintar turut mempengaruhi menerusi penggunaan singkatan dan pencampuradukkan bahasa, terutamanya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dapatan ini selari dengan kajian Siti Nor Azhani, Adlina dan Ku Hasnita (2017) yang mendapati bahawa tahap kefasihan dan pengiktirafan mahasiswa terhadap bahasa Melayu adalah tinggi tetapi tahap keupayaan menggunakan bahasa Melayu adalah sederhana.

Berdasarkan pandangan dan sorotan terhadap kajian lepas, didapati usaha memartabat dan memperkasakan BM amat diperlukan bagi memastikan BM berdaya tahan dan terus lestari walaupun mendepani arus ledakan maklumat, arus globalisasi dan arus revolusi industri 4.0 yang semakin rancak. Dalam konteks ini, IPGK sebagai institusi pendidikan yang melahirkan bakal guru yang akan menerajui sistem pendidikan negara turut mengambil peranan dalam usaha memartabatkan BM di peringkat global.

PEMARTABATAN BAHASA MELAYU


Pemartabatan bahasa Melayu termaktub dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025) Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Dalam proses pemerksaan dan pemartabatan BM, ada lima rasionalnya sebagaimana dalam rajah 1:



Rajah 1: Rasional Pemerksaan BM

Sumber: Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 KPM (2017)

Berdasarkan Rajah 1, rasional pertama ialah bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 152, kedua bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara yang diperakui melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963 (pindaan 1967&1983) yang berkuat kuasa 1 Julai 1971, ketiga, bahasa Melayu dalam sistem pendidikan ialah bahasa pengantar sebagaimana dalam peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), keempat bahasa Melayu bahasa pengantar dalam Pembinaan Kurikulum Kebangsaan menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjadi hasrat KPM dan rasional yang kelima, iaitu Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) yang dilaksanakan pada 01 Januari 2011. Rasioanl kelima ini membawa kepada setiap sekolah dan IPGK diberikan peruntukan MBM bagi mencapai hasrat ini. Berdasarkan pelan ini, terdapat sembilan strategi pemerksasaan bahasa Melayu sebagaimana hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagaimana dalam rajah 2 berikut:



Rajah 2: Sembilan Strategi Pemerksasaan BM

Sumber: Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 (2017)

Pemartabatan BM ke arah pendidikan yang berkualiti dicapai menerusi sembilan strategi, iaitu kurikulum BM, kokurikulum, pentaksiran BM, kompetensi guru BM, jalinan/kolaboratif dengan pihak luar menerusi penyelidikan dan penghasilan khazanah ilmu yang diterima di peringkat global, memperkasakan Kesusasteraan Melayu, memperkukuh penggunaan BM standard dan menaik taraf Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu. Pemerksasaan strategi kurikulum, pentaksiran, kokurikulum, kompetensi guru, jaringan/kolaboratif, penyelidikan, memperkasakan kesusasteraan Melayu dan pemerksasaan kompetensi guru BM dilaksana dan dicapai menerusi pemerksasaan kompetensi pensyarah dan pelajar di IPGK amnya dan IPGKTAR khasnya berdasarkan program yang telah dirancang, dilaksanakan dan disertai pada pelbagai peringkat dan anjuran pelbagai agensi luar.

KERANGKA KONSEP & METODOLOGI

Perbincangan dalam makalah ini menggunakan kerangka Perancangan Strategik IPGKTAR (2018-2022) Kemas Kini Januari 2020 (2020). Perancangan Strategik 2018-2022 ini merupakan rangka perancangan lima tahun yang berfokus ke arah memacu bidang keguruan ke tahap yang lebih cemerlang sejajar dengan matlamat Transformasi Institut Pendidikan Guru Malaysia. Perkara ini jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan IPG Kampus Tun Abdul Razak bersepakat untuk bergerak dan seterusnya melonjakkan pendidikan negara ke tahap dunia. Perancangan ini mengandungi lima teras sebagaimana dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Perancangan Strategik IPGKTAR (2018-2022) Kemas Kini Januari 2020

TERAS				
Teras 1	Teras 2	Teras 3	Teras 4	Teras 5
Memantapkan Kecemerlangan Program Pembangunan Insan Guru	Memperkasakan Amalan Penyelidikan dan Inovasi Keguruan	Memperkukuh Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB/CPD)	Memantapkan Akauntabiliti Dalam Tadbir Urus Yang Cemerlang Dan Kondusif	Melonjakkan Kecemerlangan Institut Pendidikan Guru
Fokus 1: Memantapkan Kecemerlangan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Fokus 2: Memantapkan Kecemerlangan Kokurikulum Fokus 3: Memantapkan Kecemerlangan Praktikum Fokus 4: Membangunkan Insan Guru Fokus 5: Memperluas dan Memperkasa Khidmat Kaunseling	Fokus 1: Memperkukuh Budaya Penyelidikan Fokus 2: Melonjak Inovasi	Fokus 1: Memantapkan Kompetensi Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pensyarah Akademik Fokus 2: Memantapkan Kompetensi Pegawai Pengurusan dan Anggota Khidmat Sokongan Fokus 3: Meningkatkan Kualiti Pensyarah Akademik Fokus 4: Meningkatkan Amalan Budaya Membaca Fokus 5: Meningkatkan Amalan Budaya Kerja Berpasukan Fokus 6: Memantapkan Pelaksanaan Latihan Pembangunan Staf Fokus 7: Meningkatkan Program (CPD) kepada Guru Dalam Perkhidmatan / Meningkatkan Program Outreach Bersama Pemegang Taruh	Fokus 1: Memantapkan Akauntabiliti Dalam Tadbir Urus Organisasi Fokus 2: Memantapkan Akauntabiliti Dalam Pembangunan Sumber Fokus 3: Memantapkan Akauntabiliti Kepimpinan Dalam Organisasi	Fokus 1: Membangunkan Pusat Kecemerlangan Sukan Fokus 2: Membangunkan Pusat Seni dan Kebudayaan Fokus 3: Memantapkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan Prasekolah Fokus 4: Memantapkan Kecemerlangan STEM Lab Fokus 5: Membangunkan Pusat Kecemerlangan Islam

Sumber: Perancangan Strategik 2018-2022 IPGKTAR

Perancangan Strategik 2018-2022 ini adalah penting bagi menjenamakan IPGKTAR sebagai institut pendidikan guru yang unggul dalam melahirkan guru yang berketrampilan mengikut acuan sendiri. Perancangan Strategik yang telah dirangka ini akan dapat direalisasikan melalui pelaksanaan program serta aktiviti-aktiviti yang telah dirancang, sejajar dengan visi dan misi IPGTAR. Lima teras yang digarisi dalam Perancangan Strategik 2018-2022. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam makalah ini memberikan fokus kepada tiga teras pertama, iaitu teras 1, teras 2 dan teras 3 yang bersesuaian dengan matlamat untuk memperkasakan dan memartabatkan BM di IPGKTAR.

Makalah ini mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus terhadap analisis deskriptif berdasarkan kerangka Perancangan Strategik 2018-2022 IPGKTAR sebagai landasan perbincangan. Perancangan ini memiliki 5 teras yang menjadi tunjang bagi

mencapai visi IPGM sebagai Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru dan misi untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik menerusi program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Makalah ini menggunakan tiga teras, iaitu Teras 1, Teras 2 dan Teras 3 yang dipetakan dengan program pemerksaan pensyarah dan guru di IPGKTAR. Program-program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JPM diberi penekanan sebagai pembuktian pelaksanaan usaha memartabat dan memperkasakan BM di IPGKTAR sekali gus dalam usaha tahap global.


PEMERKASAAN BAHASA MELAYU DI IPGKTAR

Perbincangan dalam bahagian ini dicerakinkan kepada tiga bahagian, iaitu pemerksaan pensyarah, pemerksaan pelajar dan bahagian ketiga akan membincangkan pemerksaan BM menerusi JPM di IPGKTAR.

Pemerksaan Pensyarah IPGKTAR

IPG merupakan peneraju kecemerlangan guru, jadi sewajarnya memerlukan pemerksaan dari pelbagai dimensi agar kita dapat melonjakkan sistem pendidikan negara ke tahap dunia. Bagaimana kita hendak melonjakkan pendidikan ke tahap dunia? Inilah persoalan yang akan dirungkai bagi memperlihatkan peranan IPGK. Perkara utamanya, mestilah menerusi peningkatan kompetensi pensyarah bagi melahirkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Sebelum kita hendak melahirkan bakal guru yang cemerlang dan kompeten, maka pensyarah terlebih dahulu harus kompeten dan cemerlang. Timbul lagi persoalan bagaimana hendak melahirkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik? Justeru, pemerksaan wajar dilakukan menerusi pemerksaan kurikulum dan pemerksaan ekstrakurikulum kerana kurikulum sahaja tidak mencukupi bagi melahirkan bakal guru ke arah kemenjadian, berjiwa pendidik dan bersifat holistik yang berupaya menjadi peneraju kecemerlangan sistem pendidikan negara.

Persoalannya; Bagaimanakah kita hendak meningkatkan kompetensi pensyarah yang berupaya melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik? Matlamat ini termaktub dengan jelas dalam Teras 1, 2 dan 3 Perancangan Strategik 2018-2022. Rajah berikut memaparkan strategi pemerksaan kompetensi pensyarah di IPGK. Ada empat proses pemerksaan yang berlaku di IPGKTAR sebagaimana dalam rajah 2:



Rajah 2: Strategi Pemerksaan Teras 1, 2 dan 3 Perancangan Strategik 2018-2022

Pertama, Pemerksaan Pembangunan Profesional Berterusan. Strategi pemerksaan dilakukan menerusi bengkel dan kursus kepada semua pensyarah untuk meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan pembelajaran digital, pencerapan ketua jabatan, penyertaan dalam


kursus/bengkel di luar IPGK, Bengkel *Digital Learning Object* - Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (DLO-KPPB) dan *Showcase* DLO-KPPB. Strategi-strategi ini mencapai target untuk meningkatkan kompetensi pensyarah akademik dalam penyampaian kurikulum menerusi penerapan KPPB, PAK 21, Pembelajaran Digital, Pedagogi Terbeza, Pembelajaran Teradun dan amalan pedagogi terkini. Apabila kompetensi pensyarah meningkat, maka perkara ini menyumbang kepada usaha melahirkan bakal guru yang kompeten kerana pensyarah memiliki kompetensi.

Proses ke-2 ialah Pemerksaan Program Kolaboratif menerusi strategi Program pengantarabangsaan, jalinan pintar dengan rakan strategik dan kerjasama dengan agensi luar. Strategi ini berupaya membina keupayaan pensyarah IPGKTAR menerusi jalinan kerjasama dan perkongsian dengan agensi luar/ IPTA/IPTS/luar negara. Kolaboratif dengan agensi luar juga boleh meningkatkan kemahiran para pensyarah untuk mewujudkan jaringan pintar dengan pihak lain dalam memantapkan ilmu dan kemahiran yang dapat diadaptasi dalam pembelajaran di IPGK. Seterusnya, proses pemerksaan yang ke-3 adalah menerusi pemerksaan inovasi. Pemerksaan ini dicapai menerusi strategi Bengkel *Design Thinking*, penghasilan inovasi, penganjuran pertandingan inovasi dan penyertaan dalam pertandingan inovasi yang dianjurkan oleh pihak luar. Strategi-strategi ini berupaya membudaya dan menghasilkan inovasi dalam kaedah pembelajaran dan menterjemahkannya dalam amalan pedagogi di sekolah. Pembudayaan inovasi dalam kalangan pensyarah berupaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran kerana inovasi pembelajaran menjadikan PdP lebih dinamik, berdaya tahan, sesuai dengan teknologi digital, inovatif dan kreatif.

Proses ke-4 ialah pemerksaan penyelidikan. Pemerksaan ini dicapai menerusi strategi bengkel penyelidikan, bengkel analisis data, penyertaan dalam seminar/kolokium dan penerbitan artikel dalam jurnal/buku. Strategi-strategi ini berupaya mencapai salah satu inisiatif daripada lapan kluster di bawah Program Transformasi IPG (2016-2025) dalam mencapai kecemerlangan institusi pendidikan dengan mengamalkan keserjanaan yang tinggi. Pembudayaan penyelidikan sebagaimana dalam Teras 2 Perancangan Strategik IPGKTAR, mengupayakan pemikiran kritis dan memanfaatkan kekuatan dalam bidang intelektual yang sekali gus memberi kesan kepada bidang pendidikan. Ringkasnya, keempat-empat proses pemerksaan telah diperksa oleh IPGK dalam memperksakan dan meningkatkan kompetensi para pensyarah bagi melahirkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik.

Pemerksaan Pelajar IPGKTAR

Apabila para pensyarah sudah mencapai tahap kompeten, maka IPGK berupaya melahirkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Persoalannya; Bagaimana matlamat ini hendak dicapai? Justeru, pada peringkat IPGK kita melaksanakan pelbagai program, kursus, latihan dan bengkel kepada bakal guru yang boleh dilihat daripada dua perspektif, iaitu usaha melahirkan guru yang kompeten dan satu lagi usaha melahirkan guru yang berjiwa pendidik kerana guru tanpa jiwa pendidik tidak akan berdaya tahan dalam mendepani dunia pendidikan semasa yang semakin kompleks dan ketidaktentuan dewasa ini. Pemerksaan pelajar atau bakal guru dipetakan dalam Teras 1 Perancangan Strategik (2018-2022) IPGKTAR. Dalam usaha melahirkan guru yang kompeten di IPGK, ada empat proses pemerksaan yang telah diekstrak dan dilaksanakan dengan memberikan fokus kepada aspek kurikulum sebagaimana dalam rajah 3:



Rajah 3: Strategi Pemeraksanaan Teras 1 Perancangan Strategik (2018-2022)

Pertama, pemeraksanaan akademik kerana guru yang kompeten wajar cemerlang dalam akademik dengan menguasai kandungan bagi setiap major yang dipilih. Justeru, pemeraksanaan akademik dicapai menerusi strategi: *peer coaching*/rakan pembelajaran, bimbingan individu/kumpulan, program motivasi dan penyeliaan praktikum. Strategi-strategi tersebut mengupayakan usaha bagi melahirkan bakal guru/pelajar yang cemerlang akademik supaya mampu menguasai kandungan sekali gus berupaya meningkatkan kompetensi mereka sebagai pendidik yang cemerlang dengan membudayakan amalan pedagogi terkini apabila bertugas kelak.

Kedua, pemeraksanaan kemahiran teknologi menerusi strategi mempraktikkan teknologi digital dalam Pembelajaran dan menghasilkan bahan bantu mengajar secara digital untuk melengkapkan tugas dan juga semasa menjalani praktikum. Impaknya, kita berupaya melahirkan model pembelajaran digital apabila mereka berada di sekolah nanti. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembelajaran digital amat signifikan dewasa ini lebih-lebih lagi dalam menghadapi dunia pendidikan yang semakin kompleks dan ketidakpastian akibat ancaman pandemik COVID-19. Pembelajaran digital suatu tuntutan dalam sistem pendidikan ke arah globalisasi sebagaimana amalan di negara Barat, iaitu di negara-negara maju. Pembelajaran digital berupaya meneruskan kelangsungan pendidikan jika berlaku situasi yang tidak mengizinkan pembelajaran secara bersemuka dilaksanakan.


Ketiga ialah pemeraksanaan amalan pedagogi terkini menerusi strategi mengaplikasikan pedagogi (teknik / pendekatan / strategi / kaedah / teori) PAK 21 ke arah pembelajaran bermakna serta berupaya menyelesaikan masalah / isu pembelajaran. Impaknya mereka berupaya menjadi pengimplementasi amalan pedagogi terkini. Penguasaan dalam amalan pedagogi terkini atau PAK 21 membolehkan bakal guru mendepani cabaran dalam sistem pendidikan dan mendepani tuntutan globalisasi yang berkembang dengan pantas. Pendidikan abad ke-21 yang bersifat futuristik, fleksibel, dinamik, relevan dan koheran dengan senario pembangunan dan kemajuan teknologi berupaya melahirkan modal insan yang dapat menangani cabaran globalisasi, ledakan ilmu dan maklumat serta sesuai dengan budaya dan nilai-nilai semasa. Bakal guru juga akan berupaya menjadi agen transformasi untuk mengubah minda anak didik ke arah kemenjadian dan pembelajaran bermakna.

Keempat ialah memperkasa kepimpinan akademik menerusi strategi perkongsian inovasi pembelajaran di sekolah kepada guru-guru dan murid, menjadi fasilitator dalam program akademik di sekolah, menjadi peserta dan pembentang *showcase* KPPB dan mengalami sendiri pelaksanaan kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna menerusi penghasilan tugas. Strategi-strategi ini mengupayakan bakal guru untuk menjadi model pembelajaran bermakna. Apabila seorang guru berupaya menjadi model pembelajaran bermakna, maka mereka menjadi agen transformasi minda

kepada anak didik untuk memaknakan perkara yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Oleh itu, anak didik juga mempunyai sikap dan tujuan yang positif terhadap aktiviti pembelajaran.

Berdasarkan usaha dan strategi bagi melahirkan guru yang kompeten itu tadi, maka dapat disimpulkan bahawa proses pemerksaan tersebut memenuhi aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), iaitu memperkasakan kemahiran berfikir, kemahiran memimpin dan peningkatan ilmu pengetahuan yang seharusnya bermula daripada pensyarah/guru. Usaha ini juga menzahirkan bahawa bakal guru yang cemerlang akademik / kurikulum dan pengamal profesionalisme keguruan akan mencapai tahap kompetensi tinggi.

Seterusnya, perspektif kedua adalah untuk melahirkan guru yang berjiwa pendidik. IPGK melaksanakan usaha bagi melahirkan guru yang berjiwa pendidik menerusi aspek ekstrakurikulum. Guru yang berjiwa pendidik bukan sahaja kompeten dalam aspek pedagogi, sosial, profesional, dan peribadi namun memberi tunjuk ajar dengan sentuhan kasih sayang, bertindak dengan penuh tanggungjawab, dan menjadi suri teladan untuk menjadikan pelajarannya insan yang unggul dan holistik. Justeru, IPGK memainkan peranan untuk memperkasakan guru yang berjiwa pendidik agar berupaya menjadi suri teladan kepada anak didik. Ada empat proses dalam usaha untuk melahirkan guru berjiwa pendidik sebagaimana dalam rajah 4:



Rajah 4: Strategi Pemerksaan Teras 1 Perancangan Strategik (2018-2022)

Pertama, proses memperkasakan budaya ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat menerusi strategi penyertaan dalam pertandingan inovasi, menghasilkan penyelidikan, menyertai kolokium/seminar/forum/pidato/debat di peringkat IPGK, bahagian, negeri, kebangsaan dan antarabangsa dan membudayakan amalan membaca. Strategi – strategi ini berupaya membudayakan sikap mencintai ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat yang amat penting dalam pembangunan diri manusia agar dapat menjadi modal insan berkualiti dan menjadi suri teladan. Pembelajaran sepanjang hayat suatu pembangunan potensi manusia melalui proses pembelajaran berterusan yang memotivasi dan mengupayakan individu menguasai ilmu, menghayati nilai murni yang diperlukan sepanjang hayat dan sensitif dengan faktor persekitaran untuk meluaskan pengalaman hidup agar menjadi lebih bermakna.

Kedua, memantapkan penghayatan amalan nilai profesional keguruan dengan menghayati makna dan tujuan pendidikan yang dapat dicapai menerusi program pembangunan insan guru, program kemasyarakatan dan program kerohanian. Seterusnya, ketiga, memperkasakan sahsiah dan akhlak terpuji sebagai warga Malaysia dan IPGK menerusi program program insaniah, bengkel-bengkel kepimpinan, kursus-kursus pembangunan nilai, amanat-amanat dalam perhimpunan di IPGK dan bengkel kerohanian. Strategi – strategi ini menjurus kepada pemerksaan etika, kerohanian dan pemerksaan guru yang berdedikasi dengan menjadi pengamal profesionalisme

keguruan. Justeru, bakal guru yang dilahirkan akan memiliki jiwa yang kental sebagai pendidik yang bertanggungjawab, dedikasi dan memiliki perwatakan dan sahsiah terpuji sebagaimana dalam kompetensi 6C (pemikiran kritis, pemikiran kreatif, komunikasi, kolaboratif, karakter dan kewarganegaraan), yang salah satunya karakter (Character) yang melibatkan perwatakan dan sahsiah.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa peningkatan dan pementapan kompetensi pensyarah dan pelajar/bakal guru dicapai menerusi proses pemerksaan terhadap aspek-aspek yang ditunjukkan dalam Perancangan Strategik sebagaimana dalam rajah 5:


Pembelajaran Digital	Pembangunan Profesional Berterusan	Inovasi dan penyelidikan	Program kolaboratif dengan institusi luar negara/serantau	Pengamal Profesionalisme Keguruan	Cemerlang akademik/kompeten dan berjiwa pendidik
----------------------	------------------------------------	--------------------------	---	-----------------------------------	--

Rajah 5: Strategi Pemerksaan

Pemerksaan ini membawa kepada pemerksaan IPGK ke arah global menerusi program/aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh para pensyarah dan pelajar sebagaimana dalam Pelan Perancangan Strategik IPGK di pelbagai peringkat. Apabila para pensyarah dan para pelajar diperksa dan kompetensi meningkat, maka barulah kita berupaya untuk memperksakan bahasa Melayu di IPGKTAR ke arah global. Pemerksaan ini dijalankan oleh Jabatan Pengajian Melayu. IPGKTAR mempunyai pelajar major Bahasa Melayu kumpulan PISMP Ambilan Jun 2020 seramai 119 orang dan PISMP Ambilan Jun 2021 seramai 18 orang selain pelajar PDPP Bahasa Melayu Ambilan Jun 2021 seramai 30 orang. Pensyarah bahasa Melayu pula adalah seramai lapan orang. Pemerksaan bahasa Melayu di IPGKTAR merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan penguasaan dan pengetahuan para pelajar dan pensyarah-pensyarah agar peka dengan fungsi bahasa Melayu di peringkat nasional dan serantau mahupun antarabangsa sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi. Usaha pemerksaan ini juga selaras dengan usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagaimana dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 KPM. Pemerksaan bahasa Melayu di IPGKTAR adalah berteraskan Perancangan Strategik (2018-2022).

Pemerksaan Bahasa Melayu di IPGKTAR

Apakah program yang dirancang dan bagaimana untuk memastikan pemerksaan tersebut dapat dicapai di IPGKTAR? Berdasarkan penelitian terhadap Perancangan Strategik (2018-2022), didapati pemerksaan dicapai menerusi empat strategi /program yang diperksa dan dilaksanakan di IPGKTAR, iaitu menerusi program kolaboratif, pembudayaan inovasi, program CPD dan pembudayaan penyelidikan. Keempat-empat program tersebut dipaparkan sebagaimana dalam rajah 6:



Rajah 6: Strategi Pemeraksanaan Bahasa Melayu di IPGKTAR

Program Kolaboratif

Pertama, menerusi program kolaboratif di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah, kebangsaan dan antarabangsa antara JPM IPGKTAR dan agensi luar dalam bentuk bengkel, seminar dan kolokium. Antara program kolaboratif yang telah dilaksanakan terdapat dalam jadual 2 dan dan jadual 3 berikut:

Jadual 2: Program kolaboratif

PROGRAM	RAKAN KOLABORATIF	IMPAK
<u>Bengkel Didik Hibur Kamishibai Peringkat Antarabangsa 2017</u>	Kolaboratif JPM IPGKTAR, IPGKTI dengan kerjasama DBP Johor dan Tayo Yuden Sdn. Bhd. **fasilitator jemputan iaitu En. Noma Sigeyugi dan Pn Mihashi Tora tentang Teknik Bercerita Kamishibai	<ul style="list-style-type: none"> ▪ penyertaan 700 peserta ▪ menghasilkan bahan bantu mengajar menerusi teknik Kamishibai (pentas kertas) yang diadaptasi dari Jepun
<u>Kolokium Bahasa, Sastera & Budaya Melayu Peringkat Antarabangsa 2020</u>	Kolaboratif JPM IPGKTAR & Universitas Riau, Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> ▪ penyertaan pensyarah dan 13 pelajar JPM ▪ 13 kertas penyelidikan dan membentang (bahasa, sastera dan budaya)
<u>Seminar Bahasa, Budaya dan Kesusasteraan Melayu peringkat Serantau IV (SEBAHTERA IV) 2021</u>	Kolaboratif JPM IPGKTAR dan IPGK Keningau dengan kerjasama UNHAS Makassar, Indonesia serta DBP Cawangan Sabah **Pelibatan pensyarah dan pelajar JPM dalam pembentangan/penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ pelibatan pensyarah dan pelajar (24) JPM ▪ menghasilkan 13 kertas penyelidikan dan membentang (Bidang linguistik dan sastera)

Jadual 3: Program kolaboratif

PROGRAM	RAKAN KOLABORATIF	IMPAK
<u>Bengkel untuk Guru-guru Pemulihan dan Prasekolah PPD Simunjan peringkat bahagian (Meningkatkan KBAT dalam PdP BM) 2022</u>	Program Kolaboratif JPM IPGKTAR dengan PPD Simunjan untuk guru-guru pemulihan dan prasekolah PPD Simunjan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bengkel pengaplikasian modul EbAK untuk guru-guru ▪ membina bahan bantu mengajar ▪ praktis amalan pedagogi terkini
<u>Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu peringkat kebangsaan 2022</u>	Kolaboratif dengan UIAM Cawangan Pagoh **Pelibatan pensyarah dan pelajar JPM dalam pembentangan/penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ pelibatan semua pensyarah JPM dan pelajar (62) JPM ▪ membuat penyelidikan dan pembentangan (bahasa, sastera dan isu-isu pembelajaran)

Impak Program Kolaboratif

- i) Mewujudkan jalinan dan meningkatkan jalinan serta jaringan IPGK dengan IPTA dan agensi luar dalam bahasa Melayu (pendidikan bahasa, sastera dan budaya) di peringkat antarabangsa yang memenuhi Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025) KPM (2017), mewujudkan jalinan dengan pihak luar.
- ii) Memugar dan meningkatkan kompetensi pensyarah menerusi pertukaran dan perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pedagogi bahasa Melayu masa kini agar relevan dengan tuntutan dunia pendidikan semasa
- iii) Memantapkan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sekali gus meningkatkan kemahiran dan kualiti latihan guru ke arah melahirkan guru bertaraf dunia (global).

- iv) Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar sebagai nilai tambah menerusi penyertaan dalam program kolaboratif.
- v) Peningkatan jumlah pelajar JPM yang terlibat sebagai pembentang dalam kolokium 2020 (13 pelajar) 2021 (45 pelajar) dan 2022 (62 pelajar).
- vi) Jaringan dengan pihak luar merupakan salah satu visi dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025) Kementerian Pendidikan Malaysia.
- vii) Memenuhi KPI dalam Teras 2 Perancangan Strategik 2018-2022.

Pembudayaan Inovasi Pembelajaran

Kedua, pemeraksanaan BM juga dicapai menerusi pembudayaan inovasi pembelajaran. Slaid-slaid tersebut memperlihatkan program inovasi dan pertandingan inovasi yang dirancang, disertai dan pencapaian para pensyarah dan pelajar. Antara program inovasi yang disertai dan pencapaiannya dipaparkan dalam jadual 4 dan jadual 5 berikut:

Jadual 4: Program Inovasi

Program	Produk inovasi	Pencapaian
Konvensyen Inovasi Pembelajaran JPM 2021 (11-12 Ogos) Semua pelajar JPM terlibat (169) (PISMP/PDPP BM)	Buku Suku Katak/Kenali KHASAM/Rekayasa CKCC Pantun/Kembara Sendi Nama/KUASAI TB/Ko'SUKA/Inovasi PenBi/Bestari Kata Majmuk/Sabesting Kata Ganda	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 41 inovasi terhasil bagi menyelesaikan isu pembelajaran bahasa Melayu ▪ 18 kumpulan mendapat pingat Emas, 12 perak dan 7 Gangsa
Konvensyen Inovasi BM (KONBAYU) peringkat Kebangsaan Julai 2021 Anjuran IPGK BM <ul style="list-style-type: none"> ▪ kolaboratif pensyarah dan pelajar 	e-Bento, Jenga Peribahasa dan Magic Kit For Naratif Ogonshoto	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 inovasi pembelajaran dipertandingkan bagi menyelesaikan isu pembelajaran ▪ 2 perak dan 1 gangsa ▪ Inovasi e-Bento dikongsikan dengan guru dan murid di SK Mata Parang dan SK Kampung Baru

Jadual 5: Program Inovasi

Program	Produk inovasi	Pencapaian
Pertandingan Inovasi Pendidikan dan Teknologi Kebangsaan 2021 (NICETech2021)/ Peringkat Kebangsaan/ 30 November 2021	Let's Play Card/ Mencari harta karun/Witty Funny Boxy/Kit Kembara IMSIP /MONOKASNA/MISVO/Dam Ular SIMBA/E- Bento/Celik Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 4 emas dan 5 perak ▪ inovasi focus kepada penyelesaian isu pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah (golongan kata)
Annual Productivity & Innovation Showcase(AriSe) 2021/ 15-18 November 2021/ Peringkat Kebangsaan	Magic Kit For Ogonshoto	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anugerah Emas Tiga Bintang ▪ inovasi berkaitan penyelesaian isu pembelajaran dalam menguasai novel Komsas untuk Sekolah Menengah

Oleh itu, dapat diperjelas bahawa pembudayaan inovasi memberikan impak kepada pemeraksanaan BM sebagai bahasa ilmu dalam bidang teknologi menerusi penghasilan inovasi digital untuk menyelesaikan isu-isu pembelajaran yang sekali gus mengukuhkan fungsi BM.

Impak Pembudayaan Inovasi

- i) Menghasilkan inovasi dalam kaedah pembelajaran dan menterjemahkannya dalam amalan pedagogi di sekolah.

- ii) Mengamalkan budaya penyelidikan dalam penghasilan inovasi bagi menyelesaikan isu pembelajaran yang selaras dengan Teras 2 dalam Perancangan Strategik IPGK TAR dan selaras dengan salah satu inisiatif daripada lapan kluster di bawah Program Transformasi IPG (2016-2025) dalam mencapai kecemerlangan institusi pendidikan.
- iii) Memantapkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dalam penghasilan inovasi agar berupaya mendepani dunia pendidikan yang semakin mencabar.
- iv) Memperkukuh bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam bidang teknologi.
- v) Memperkukuh kemahiran teknologi digital menerusi penghasilan inovasi pembelajaran berbentuk digital bagi menyelesaikan isu pembelajaran BM dalam bilik kelas.

Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD)

Ketiga, pemerksaan juga dilaksanakan menerusi program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) dalam kalangan guru dalam perkhidmatan. Ini beberapa program CPD yang telah dilaksanakan oleh JPM, IPGKTAR kepada guru-guru dalam perkhidmatan khususnya guru-guru BM bagi meningkatkan penguasaan dan kompetensi terhadap BM sekali gus berupaya untuk memperkasakan fungsi BM dalam bidang pendidikan. Program CPD memberikan impak kepada guru-guru BM dari segi penguasaan amalan pedagogi terkini, penghasilan BBM, pembudayaan KBAT, pemikiran kritis, inovatif dan kreatif, penguasaan pembelajaran pedagogi terbeza dan penguasaan pembelajaran bermakna. Perkara ini dapat meningkatkan kompetensi dan kualiti guru dalam perkhidmatan yang sekali gus memberikan impak kepada kualiti pensyarah di IPGK. Bengkel dan konsultasi kepada guru-guru dalam perkhidmatan khususnya penekanan terhadap amalan pedagogi terkini dan PAK 21 mengupayakan para guru untuk berdaya saing dan selaras dengan aspirasi KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang bertujuan meningkatkan taraf pendidikan supaya mencapai standard antarabangsa. Antara program CPD yang dilaksanakan bagi memperkasakan BM diperlihatkan sebagaimana dalam jadual 6, 7, dan 8 berikut:

Jadual 6: Program CPD

TAJUK CPD	KETERANGAN / IMPAK
Bengkel Didik Hibur Kamishibai (4-5 April 2019)	PPD Kota Samarahan 25 orang guru sekolah menengah i. Peserta dapat mengaplikasikan Teknik didik hibur Kamishibai dalam PdP Bahasa Melayu di sekolah untuk meningkatkan minat dan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. ii. Peserta dapat mengembangkan cerita rakyat masyarakat setempat serta menanam sikap ingin tahu tentang cerita rakyat tempatan yang semakin dilupakan oleh generasi muda.

Jadual 7: Program CPD

TAJUK CPD	IMPAK / KETERANGAN
CPD di PPD Sri Aman- Model Dimensi Perancangan (MDP) dalam PdP BM (01-02 Julai 2020)	<p>PPD Sri Aman 25orang guru sekolah menengah Peserta dari SMK St Luke Sri Aman telah membuat perkongsian kepada guru-guru Bahasa Melayu menengah rendah dan atas agar guru berjaya mengaplikasikan MDP dalam Pdp.</p> <p>i. Membudayakan penggunaan alat berfikir MDP dalam penyelesaian masalah dalam pembelajaran Bahasa Melayu mahupun dalam kehidupan seharian.</p> <p>ii. Mempraktiskan budaya pemikiran aras tinggi dalam penyelesaian masalah bagi subjek bahasa Melayu sekali gus memperkukuh budaya berfikir.</p>

Jadual 8: Program CPD

TAJUK CPD	KETERANGAN / IMPAK
Kursus Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dengan Menggunakan Kaedah PUSAR+Do (16 & 17 Julai 2020 dan 11 & 12 Ogos 2020)	<p>PPD Simunjan 25 orang guru sekolah rendah</p> <p>i. Peserta dapat menggunakan kemahiran inovasi PUSAR + DO dalam meningkatkan kemahiran mengajar Bahasa Melayu di sekolah.</p> <p>ii. Peserta dapat menggunakan PUSAR + DO dalam menghasilkan inovasi dalam PdP di sekolah.</p> <p>iii. Menggunakan PUSAR + DO dalam menghasilkan kajian tindakan bagi menyelesaikan isu pembelajaran bahasa Melayu</p>

Impak Program CPD

- i) Program CPD yang dirancang oleh Jabatan Pengajian Melayu memenuhi Teras 3 Perancangan Strategik (2018-2022) iaitu Memperkukuh Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan.
- ii) JPM telah memenuhi matlamat strategik dengan menawarkan latihan (kursus pendek) kepada Guru Dalam Perkhidmatan (CPD Guru) seperti yang terkandung dalam piagam pelanggan IPGM.
- iii) JPM telah menawarkan kursus-kursus kepada Guru dalam Perkhidmatan bagi memenuhi KPI dalam Perancangan Strategik (2018-2022) IPGKTAR dengan menawarkan sekurang-kurangnya 14 kursus / latihan berimpak tinggi menjelang tahun 2022 (2018-2022).
- iv) Menerapkan dan menyebarkan pengetahuan dan amalan terkini kepada semua guru BM di peringkat daerah dan bahagian.

Pembudayaan Penyelidikan

Keempat, pemerksaan dilaksanakan menerusi penyertaan pensyarah JPM dalam seminar (penyelidikan dan pembentangan) di peringkat antarabangsa dan penerbitan khazanah dalam jurnal berwasit. Antara penyertaan para pensyarah dan pelajar sebagai penyelidik dan pembentang dalam seminar/webinar diperlihatkan menerusi jadual 9 dan jadual 10 berikut:

Jadual 9: Penyertaan dalam Seminar/Webinar

SEMINAR	TAHUN	TEMPAT/ANJURAN
International Conference On Education, Language and Psychology (ICELP) *pelibatan pensyarah	13-14 April 2019	Bayview Hotel Langkawi Malaysia Penganjur: Global Academic Excellent
Seminar Antarabangsa Terjemahan, Bahasa & Budaya Melayu-China II *pelibatan pensyarah	11-12 Oktober 2019	Yunnan Minzu University, China Penganjur: Unit Penyelidikan Terjemahan Dan Interpretasi (Uniti) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, Jabatan Pengajian Bahasa Melayu Fakulti Pengajian Asia Tenggara, Yunnan Minzu University of China & Dewan Bahasa dan Pustaka
International Conference On Islamic Education 2020 *pelibatan pensyarah	21-22 Disember 2020	Persatuan Intelektual Muslim Malaysia & JPIM IPGKTAR/dalam talian

Jadual 10: Penyertaan dalam Seminar/Webinar

SEMINAR	TAHUN	TEMPAT/ANJURAN
Webinar Pembelajaran Sastera peringkat Antarabangsa *Pelibatan pensyarah	31 Mac 2021	Medium Zoom (Live youtube) Penganjur: FKIP Universitas Riau Indonesia
Seminar Bahasa dan Sastera Melayu IV SEBAHTERA IV 2021 **Pelibatan pensyarah dan pelajar JPM	29-30 September 2021	Tempat/Medium : Youtube/GM Penganjur: IPGK Keningau & IPGKTAR Dengan Kerjasama DBP Cawangan Sabah & Universitas Hassanuddin Makasar Indonesia
Seminar Antarabangsa Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu-China III (SATBBMC III) **Pelibatan pensyarah dan pelajar JPM	23 Oktober 2021	Medium pelantar WEBEX Penganjur: USM & Universiti Guangxi China

Pembudayaan dalam penyelidikan bukan sahaja diperlihatkan menerusi penyertaan pensyarah JPM dalam seminar/webinar (penyelidikan dan pembentangan) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa malah diperlihatkan menerusi penerbitan khazanah dalam jurnal berwasit. Antara penerbitan para pensyarah diperlihatkan sebagaimana paparannya dalam jadual 11 dan jadual 12.

Jadual 11: Penerbitan dalam Jurnal

Nama Jurnal	Tahun/Tahap	Tajuk
Jurnal Issues and Language Studies, UNIMAS	2019/ Berwasit/ Scopus/ Google Scholar	Prinsip dan Strategi Kesantunan Penulisan Dalam Artikel Ruangan Agenda Bahasa
International Journal of Humanities, Philosophy and Language.	2019/ Berwasit/My Jurnal/Google Scholar	Strategi Kesantunan Penulisan: Aplikasi Model Leech (1983), Grice (1975) & Asmah (1996 & 2000)
Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa Pustaka Brunei	2019/ berwasit	Pemetaan Struktur dalam Peristiwa bahasa Melunas Rindu
Jurnal Pangsura, Dewan Bahasa Pustaka Brunei	2019/ berwasit	Kepimpinan Melayu dalam Prosa Tradisional dari Perspektif Prinsip Kepimpinan Pendekatan Pengurusan

Jadual 12: Jadual 11: Penerbitan dalam Jurnal

Nama Jurnal	Tahun/Tahap	Tajuk
Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik	2021/ Berwasit/ Google Scholar	Penggunaan Aplikasi Whatsapp dalam E-Pembelajaran Bagi Guru Interim di IPG
Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa Pustaka Brunei	2021/ berwasit	Pemetaan kesejajaran peribahasa Melayu dan kesantunan
Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik	2021/ Berwasit/ Google Scholar	Penilaian terhadap permainan interaktif didik hibur dalam pembelajaran tatabahasa BM SR

Impak Pembudayaan Penyelidikan

- i) Mempraktiskan budaya keserjanaan yang tinggi melalui penyelidikan secara profesional sebagaimana yang terkandung dalam Teras 2 Perancangan Strategik 2018-2022 IPGKTAR.
- ii) Mengamalkan budaya keserjanaan yang tinggi melalui penerbitan secara professional dalam jurnal berwasit, *My Cite*, *My Jurnal* dan *Scopus* serta disenaraikan dalam *Google Scholar* dan mendapat index-h dan index-i10 berkaitan kandungan bidang bahasa & sastera dan isu-isu pembelajaran bahasa Melayu.
- iii) Menambahkan khazanah bahasa Melayu dalam bidang pragmatik (kesantunan Melayu), semantik, kajian dialek, pedagogi dan isu-isu pembelajaran bahasa Melayu.
- iv) Memperkukuh penggunaan teori dalam bidang penyelidikan bahasa dan sastera Melayu sama ada teori Barat mahupun teori tempatan sebagaimana yang dikuasai dan dipelajari serta diimplementasi dalam seminar di peringkat antarabangsa
- v) Menyebarkan dan memperkasakan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai ranah bahasa, sastera dan budaya Melayu di peringkat antarabangsa.
- vi) Menyumbangkan kepada penyelidikan dan penghasilan khazanah ilmu sebagaimana Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025) KPM yang diterima di peringkat global

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pemerksaan bahasa Melayu di IPGKTAR menepati Teras 1, Teras 2 dan Teras 3 dalam Perancangan Strategik 2018-2022 IPGKTAR. Pemerksaan ini membawa kepada pemerksaan peranan IPGKTAR menerusi JPM dalam memartabatkan bahasa Melayu agar terus berfungsi dengan signifikan di peringkat glocal dan global. Selain itu, usaha ini juga memperkasakan peranan pensyarah dan meningkatkan kompetensi bakal guru dalam mendepani perubahan yang drastik dalam sistem pendidikan negara agar pendidikan menjadi lebih berkualiti. Akhirnya, menyumbang kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi dalam bidang bahasa, sastera dan budaya agar terus lestari sebagai asas pembentukan ketamadunan Melayu di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Fariza Md. Sham, et al, (2018), menegaskan bahawa bahasa Melayu lebih cepat dikembangkan sekiranya penggunaan bahasa Melayu dapat dibudayakan oleh para ilmuan dalam penerbitan ilmiah dan pengajaran serta pembelajaran. Situasi ini akan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam konteks penyebaran ilmu (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2015).

RUJUKAN

- Abdul Razak Salleh & Khalijah Salleh. (2009). Memperkasakan Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan di Persada Antarabangsa. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2009.
- Awang Sariyan. (2004). Bahasa Rojak Nilai Bahasa Rasmi Bahasa Kebangsaan Luntur. *Dewan Masyarakat*. Julai, p. 8-11.
- Fariza Md. Sham, Rohana Tan, Mohd Najib Adun, Azmah Ishak, Hamidah Erman, Rohazaini Hasan, Siti Noraida Sood & Harun Bintang. (2018). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(1), p.176-197.
- Ibrahim Yahaya. (2004). Perjuangan berterusan memartabatkan bahasa Melayu. *Dewan Masyarakat*, Julai, p. 21-22.
- Hassan Baseri Budiman. (2013). Bahasa Melayu dan Pemimpin. *Dewan Masyarakat*. September, p. 46-47.
- Hassan Baseri Budiman. (2014). Wakil Rakyat Dan Bahasa Melayu. *Dewan Masyarakat*. 3, p. 50-51.
- Hassan Baseri Budiman. (2017). Masih Relevankah Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan. *Dewan Bahasa*. 17, 20-23.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Maliati Mohamad. (2020). Cabaran Pemerksaan Bahasa Melayu dalam Usaha Mencapai Negara Bangsa di Malaysia. *Asian People Journal*, 3(1), p.181-191.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2019). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8 Garis Panduan Pelaksanaan *Dual language Program* di Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor. (2015). Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu Dalam Kalangan Ilmuan Negara. *Journal of Business and Social Development*, 3, p. 25-32.
- Nurul Jannah Roslan(2017). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Mahasiswa. *Dewan Bahasa*, 4, p.32-35.
- Pelan hala tuju pendidikan bahasa Melayu*. (2016-2025). 2017. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan pembangunan pendidikan Malaysia* (2013-2025). (2013). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Perancangan Strategik IPGKTAR 2018-2022*. (2020). Institut Pendidikan Guru Kampus Tuyn Abdul Razak Kota Samarahan.

Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim & Ku Hasnita Ku Samsu. (2017). Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(2), p.107-122.

AYAT MAJMUK DALAM LIRIK LAGU WALINONG SARI: SATU ANALISIS MENGGUNAKAN TEORI TRANSFORMASI GENERATIF

Melvina Chung Hui Ching (PhD)

melvina.chung@ipgmktar.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Lirik lagu boleh dijadikan sebagai satu medium untuk penulis meluahkan perasaan mahupun menyampaikan suatu mesej kepada khalayak pendengar. Penulis yang kreatif berupaya menghasilkan lirik lagu yang indah bahasanya dan puitis, malah mempunyai nilai estetika yang tinggi. Sesebuah lirik lagu yang bermutu dapat dinilai menerusi penyampaian mesej atau luahan hati yang jelas dan nyata menerusi lirik lagu. Lirik lagu juga tergolong dalam karya kreatif kerana penggunaan bahasa dalam penulisan lirik lagu tidak begitu terikat dengan hukum tatabahasa bahasa Melayu tetapi tidak menjejaskan bahasa yang digunakan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji lirik lagu “Walinong Sari” yang dinyanyikan oleh Dato’ Siti Nurhaliza menggunakan Teori Transformasi Generatif berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2013). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kewujudan ayat majmuk gabungan menerusi lirik lagu “Walinong Sari”. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kajian kepustakaan dan analisis teks yang berupa lirik lagu. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga ayat majmuk gabungan yang berjaya dianalisis menerusi lirik lagu “Walinong Sari”. Selain itu, kajian ini juga memperlihatkan struktur dalaman dan struktur permukaan ayat dengan menggunakan Teori Transformasi Generatif. Kesimpulannya, Teori Transformasi Generatif juga sesuai digunakan dalam menganalisis lirik lagu secara mendalam dan terperinci.

Kata kunci: *ayat majmuk, lirik lagu, Walinong Sari, Teori Transformasi Generatif*

PENGENALAN

Bahasa merupakan medium utama dalam menyampaikan buah fikiran, perasaan mahupun mesej dengan menerusi penciptaan lirik lagu, sejajar dengan Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020, p.38) menyatakan lirik lagu memerlukan bahasa dalam menyampaikan mesej kepada pendengar, sementara menurut Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abd Rahim (2017, p.102) bahawa bahasa merupakan tunjang utama untuk mengekspresikan idea atau perasaan dalam menghasilkan atau mencipta sesebuah lagu. Lagu juga telah menjadi satu medium hiburan yang menyampaikan sesuatu pesanan terhadap masyarakat (Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud, 2020, p.2). Penciptaan lirik lagu tergolong dalam kategori karya kreatif atau karya sastera kerana lagu juga dikategorikan sebagai puisi dan memerlukan elemen bahasa dan kreativiti penulis untuk menghasilkan lagu yang terbaik (Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abd Rahim, 2017, p.102; Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020, p.38). Penghasilan lirik lagu juga tergolong dalam karya sastera yang memerlukan kreativiti dan mementingkan keindahan bahasa, dengan berelemenkan nilai estetika yang boleh memikat hati pendengar.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020) yang berfokus pada interpretasi dan representasi sosial yang terkandung di dalam lirik lagu Aman Ra menggunakan tiga buah lirik, iaitu ‘Tabah’, ‘Budak Flat’ dan ‘Bangun’. Kajian tersebut dijalankan mengikut empat elemen Representasi Sosial yang diperkenalkan dalam Teori Representasi Sosial (1961), iaitu kepercayaan sepunya, skema, penanda dan prinsipal. Dapatan kajian mendapati teori ini sesuai digunakan untuk

mengenal pasti representasi sosial di sebalik lirik lagu rap. Hasil analisis mendapati terdapat mesej yang cuba disampaikan kepada masyarakat dalam konteks yang lebih luas, di samping lirik-lirik lagu tersebut ditulis dan disulami dengan mesej dan motivasi yang menggambarkan kehidupan sosial masyarakat dalam sesebuah struktur masyarakat. Seterusnya, Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2020) menjalankan kajian terhadap interpretasi resepsi sastera menerusi lirik lagu “Tolong Ingatkan Aku”. Hasil kajian tersebut mendapati lagu “Tolong Ingatkan Aku” merupakan sebuah karya berbentuk lagu puisi yang terhasil dalam penyampaian implisit sebagai memberi pesanan, sindiran halus dan nasihat terhadap kehidupan manusia agar tidak alpa tatkala berada di kemuncak kegemilangan. Selain itu, kajian Zul Hanis dan Zaitul Azma (2020) tentang makna implisit dalam lirik lagu “Rapuh” menggunakan teori relevans. Hasil kajian mendapati terdapat tiga data yang mempunyai makna implisit yang ditemukan dari aspek kata, frasa dan ayat. Dalam pada itu, kesemua data kajian berkenaan dianalisis dengan berlandaskan teori relevans melalui tiga gagasan, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Asma Ahmad, Hazlina Abdul Halim dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) terhadap aspek pengulangan dalam lirik lagu dikir barat. Sampel kajian terdiri daripada 20 lirik lagu dikir barat oleh Halim Yazid yang mempunyai 96 rangkap serta mengandungi empat hingga enam baris bagi setiap rangkap. Hasil penelitian menunjukkan pengulangan lirik pada peringkat perkataan, frasa dan ayat. Dalam pada itu, melalui kajian didapati pengulangan yang dilakukan bertujuan untuk menarik perhatian pendengar pada tema dan mesej yang berbentuk nasihat dan sindiran yang ingin disampaikan melalui lirik lagu. Masitah Mad Daud dan Zulkifley Hamid (2017) pernah menjalankan kajian untuk menganalisis jenis-jenis makna perkataan dan kategori gaya berfikir yang terdapat dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato’ Siti Nurhaliza. Dalam kajiannya turut menghuraikan perkaitan antara jenis makna perkataan yang digunakan dengan pemikiran yang terserlah melalui lirik lagu-lagu tersebut. Kajian berkenaan menggunakan pendekatan konsep tujuh jenis makna oleh Geoffery Leech (1974) dan model *Six Thinking Hats* oleh Edward De Bono (1992). Hasil kajian menunjukkan terdapat enam jenis penggunaan makna daripada tujuh jenis yang dikemukakan oleh Leech (1974), iaitu makna konotatif, stilistik, afektif, reflektif, kolokatif dan tematik. Hasil kajian turut menunjukkan keenam-enam skema warna topi atau gaya berfikir terserlah melalui bait-bait lagu yang diaplikasikan melalui penggunaan jenis-jenis skema berfikir tersebut. Dapatan kajian turut memperlihatkan bait-bait lagu bukan hanya untuk menghibur tetapi turut bertujuan untuk mewujudkan suasana ketenangan, di samping mendidik para pendengar dengan pelbagai nilai murni. Kajian oleh Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abd Rahim (2017) bertujuan untuk mengenal pasti kata kerja yang digunakan dalam lagu ‘*Let It Go*’ versi bahasa Melayu yang bertajuk ‘Bebaskan’ serta membincangkan makna dan fungsi kata kerja berdasarkan teori relevan. Hasil dapatan kajian mereka mendapati penggunaan kata kerja dalam lagu ‘Bebaskan’ dapat mempengaruhi pemahaman khalayak.

Selain itu, Siti Noor Riha dan Normaliza (2015) yang mengkaji laras bahasa dalam lirik lagu “Hakim yang Bijaksana”, mendapati struktur laras bahasa yang digunakan dalam bait-bait lagu tersebut adalah sangat penting dalam memastikan tahap kepengaruhan karya tersebut kepada khalayak umum, khususnya kepada kanak-kanak. Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian terhadap lirik lagu menggunakan teori Transformasi Generatif masih kurang dikaji. Maka, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada penggunaan teori Transformasi Generatif berdasarkan buku *Tatabahasa Dewan* oleh Nik Safiah Karim et al. (2013) sebagai landasan kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif makalah ini adalah untuk menganalisis lirik lagu Walinong Sari yang dinyanyikan oleh Dato’ Siti Nurhaliza Tarudin dengan menggunakan Teori Transformasi Generatif (TG) berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2013).

TEORI TRANSFORMASI GENERATIF

Zulkifley Hamid (2006, p.16) memetik kenyataan daripada Chomsky (1985, p.118) bahawa pengetahuan bahasa dan aspek-aspek yang berkaitan dengan penggunaan pengetahuan ini wujud dalam dua bentuk atau dua lapisan. Bentuk pertama ialah bentuk yang bersifat abstrak, iaitu hanya wujud dalam minda atau akal budi seseorang pengguna bahasa. Oleh kerana bentuk bahasa ini bersifat dalaman, ia diistilahkan sebagai struktur dalaman. Bentuk kedua ialah bentuk yang boleh ditanggapi secara luaran, bentuk ini dikenali sebagai bentuk permukaan atau struktur permukaan. Zulkifley Hamid turut menjelaskan bahawa semua ayat pada peringkat struktur dalaman adalah bersifat dasar, iaitu ayat tunggal aktif yang bersifat penyata. Ayat-ayat pada peringkat struktur permukaan pula berkemungkinan telah berubah kepada pelbagai bentuk yakni ayat pada peringkat struktur permukaan boleh wujud dalam bentuk ayat pasif atau ayat majmuk seperti ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Dalam pada itu, menurut Ab. Razak dan Nurul Ain (2016, p.23), Transformasi Generatif (TG) merupakan satu bidang analisis bahasa yang dikaitkan dengan proses kognitif. Proses ini menghubungkan realiti mental dengan pelahiran bahasa yang kreatif serta bersifat semula jadi.

Selain itu, menurut Nik Safiah Karim et al. (2013, p.534), teori tatabahasa transformasi-generatif mengandaikan adanya dua peringkat struktur ayat, iaitu peringkat struktur dalaman dan peringkat struktur permukaan. Kedua-dua peringkat struktur ini diterbitkan oleh dua jenis hukum atau rumus tatabahasa. Pertama, jenis *rumus struktur frasa*, yang menerbitkan ayat-ayat pada peringkat dalaman, dan jenis yang kedua dikenali sebagai *rumus transformasi*, yang berfungsi menukarkan pola atau struktur ayat hingga membawa kepada peringkat struktur permukaan. Teori ini mengandaikan juga bahawa kedua-dua jenis rumus tatabahasa ini menjadi sebahagian daripada unsur kecekapan berbahasa seseorang individu. Nik Safiah Karim et al. (2013, p.535) menambah, pelaksanaan rumus transformasi terhadap sesuatu struktur dalaman akan menghasilkan ayat-ayat yang berbentuk struktur permukaan. Setiap ayat ini terdiri daripada rentetan bunyi bahasa. Oleh sebab itu, setiap bahasa memerlukan satu set rumus yang akan menentukan cara penyebutan sesuatu ayat, dan ini terjadi pada bahagian atau komponen fonologi yang melahirkan *representasi fonetik*. Dalam tatabahasa generatif, diandaikan bahawa kesemua bentuk kata, iaitu bentuk terkecil sintaksis yang disebut morfem, ada tersimpan sebagai leksikon (data kamus) pada setiap penutur. Nik Safiah Karim et al. turut menjelaskan bahawa dengan hanya mengetahui bentuk-bentuk kata sesuatu bahasa seseorang itu tidak mungkin dapat membentuk ayat-ayat bahasa tersebut kerana yang diperlukan ialah satu set rumus tatabahasa yang disebut *rumus sintaksis*, yang akan menentukan aturan penyusunan bentuk-bentuk perkataan hingga menjadi ayat. Rumus tatabahasa ini dapat terbahagi kepada dua jenis, iaitu rumus struktur frasa dan rumus transformasi. Rumus struktur frasa terletak pada komponen dasar untuk menghasilkan deskripsi struktur yang seterusnya menghasilkan bentuk ayat dasar atau ayat inti. Justeru, rumus-rumus ini berfungsi untuk melahirkan rajah-rajah pohon yang menunjukkan hubungan gramatis (subjek, objek, predikat, dan sebagainya) antara berbagai-bagai bentuk kata yang terdapat pada sesuatu ayat dasar. Oleh itu, kajian ini berlandaskan Teori Transformasi Generatif (TG) dalam *Tatabahasa Dewan* (2013) untuk menganalisis lirik lagu "*Walinong Sari*" dalam makalah ini.

METODOLOGI

Kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan analisis teks digunakan dalam kajian ini. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan digunakan oleh penyelidik untuk mendapat data dan bukti melalui kajian terhadap dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Menurut Muhammad Farooq Joubish dan Muhammad Ashraf Khurram (2011), analisis tekstual dianggap sebagai metodologi keserjanaan dalam bidang kemanusiaan, yakni teks dikaji berdasarkan pengkaryanya, kesahihannya dan makna-makna teks. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menganalisis

kandungan lirik lagu Walinong Sari yang dinyanyikan Dato' Siti Nurhaliza. Data berbentuk lirik lagu dianalisis dengan menggunakan Teori Transformasi Generatif (TG) berdasarkan buku *Tatabahasa Dewan (2013)* bagi memperlihatkan struktur ayat majmuk yang terdapat dalam lirik lagu Walinong Sari secara terperinci. Selain itu, kaedah kepustakaan juga digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul maklumat dan bahan yang berkaitan iaitu buku dan artikel-artikel kajian lepas.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan terhadap lirik lagu Walinong Sari, terdapat tiga ayat majmuk jenis gabung dikenal pasti dan dianalisis.

Walinong Sari
(Siti Nurhaliza)

Walinong la yang sari
Puteri yang cantik
Datangnya dari puncak gunung Tahan
Puncak gunung Ledang, gununglah Banang

Turunlah bermain di taman sayang
Memetik bunga-bunga, menyusun bunga-bunga
Di dalam taman

Walinong la yang sari
Puteri yang cantik
Pandai menyabung pandai
Bersilat gayung, pandai melambung lembing
Pandai melambung

Walinong la yang sari
Puteri bestari
Datanglah mari
Datang membawa talam
Datanglah mari

Walinong la yang sari
Puteri bestari
Datang membawa turun
Membawa payung
Payung berwarna kuning
Membawa payung

Walinong la yang sari
Puteri bestari
Datang membawa talam
Talam dari kayangan
Membawa talam

Walinong la yang sari
Puteri bestari
Puteri yang cantik dari gunung Banang

Dari gunung Tahan, gununglah Ledang
 Turunlah hai tuan
 Turun segera
 Memetik bunga-bunga
 Menyusun bunga-bunga
 Di dalam taman
 Puteri yang cantik
 Hai... dari kayangan

Ayat Majmuk Gabungan

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2013, p.498), ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung. Contoh lirik lagu *Walinong Sari* menggunakan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung *dan* adalah seperti yang berikut:

- (a) *Memetik bunga-bunga*
Menyusun bunga-bunga


Dalam lirik lagu di atas, penggunaan ayat majmuk gabungan dapat dikesan. Struktur dalaman binaan ayat dapat ditunjukkan seperti berikut:

1. *Walinong Sari memetik dan menyusun bunga-bunga.*
 Binaan ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal, dapat ditunjukkan di bawah ini.
 - (i) *Walinong Sari / memetik bunga-bunga.* (FN / FK)
 - (ii) *Walinong Sari / menyusun bunga-bunga.* (FN / FK)

Oleh itu, dengan merujuk lirik lagu di atas, dalam dua baris lagu ini terdapat penggunaan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung gabungan *dan* telah digugurkan. Selain itu, proses transformasi pengguguran juga berlaku pada bahagian subjek yang serupa iaitu *Walinong Sari* dalam ayat (i) dan (ii). Justeru, struktur dalaman ayat ini setelah mengalami pengguguran perkataan *Walinong Sari*. Ayat yang terhasil dalam struktur permukaan dapat ditunjukkan seperti berikut:


Memetik bunga-bunga
Menyusun bunga-bunga [Struktur Permukaan]

Binaan ayat bagi struktur dalaman dapat ditunjukkan dalam rajah pohon 1(a).



Dalam rajah pohon 1(a) di atas, struktur dalaman terdiri daripada dua ayat tunggal Pola binaan dalam A₁ dan A₂ masing-masing terdiri daripada subjek (Frasa Nama) dan predikat (Frasa Kerja). Konstituen subjek (Frasa Nama) ayat ini ialah *Walinong Sari* manakala konstituen predikat (Frasa Kerja) ialah *memetik bunga-bunga*. Sementara A₂ juga terdiri daripada subjek (Frasa Nama) dan predikatnya (Frasa Kerja). Konstituen subjek (Frasa Nama) dalam ayat A₂ ialah *Walinong Sari* manakala konstituen predikat (Frasa Kerja) ialah *menyusun bunga-bunga*. Kata hubung gabungan *dan* digunakan untuk menggabungkan kedua-dua ayat tunggal tersebut. Hal ini demikian kerana menurut Nik Safiah Karim et al. (2013, p.251), kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya.

Dalam struktur permukaan pula telah mengalami proses transformasi dapat dilihat dengan jelas dalam A₁ dan A₂ kerana telah mengalami pengguguran dalam konstituen subjek (Frasa Nama) iaitu *Walinong Sari*. Kata hubung gabungan *dan* juga telah digugurkan. Oleh itu, struktur permukaan dalam baris lirik lagu dapat ditunjukkan dalam rajah pohon 1(b).



- (b) *Pandai menyabung*
Pandai bersilat gayung

Dalam lirik lagu di atas, penggunaan ayat majmuk gabungan turut dapat dikesan. Struktur dalaman binaan ayat dapat ditunjukkan seperti berikut:

2. *Walinong Sari pandai menyabung dan bersilat gayung.*


Binaan ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal, dapat ditunjukkan di bawah ini.

- (i) *Walinong Sari / pandai menyabung.* (FN / FA)
- (ii) *Walinong Sari / pandai bersilat gayung.* (FN / FA)

Oleh itu, dengan merujuk lirik lagu di atas, dalam dua baris lagu ini terdapat penggunaan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung gabungan *dan* telah digugurkan. Selain itu, proses transformasi pengguguran juga berlaku pada bahagian subjek yang serupa iaitu *Walinong Sari* dalam ayat (i) dan (ii). Justeru, struktur dalaman ayat ini setelah mengalami pengguguran perkataan *Walinong Sari*. Ayat yang terhasil dalam struktur permukaan dapat ditunjukkan seperti berikut:


Pandai menyabung
Pandai bersilat gayung [Struktur Permukaan]

Binaan ayat bagi struktur dalaman dapat ditunjukkan dalam rajah pohon 2 (a).



Dalam rajah pohon 2(a) di atas, struktur dalaman terdiri daripada dua ayat tunggal. Pola binaan dalam A₁ dan A₂ masing-masing terdiri daripada subjek (Frasa Nama) dan predikat (Frasa Adjektif). Konstituen subjek (Frasa Nama) ayat ini A₁ ialah *Walinong Sari* manakala konstituen predikat (Frasa Adjektif) ialah *pandai menyabung*. Sementara A₂ terdiri daripada subjek (Frasa Nama) dan predikatnya (Frasa Adjektif). Konstituen subjek (Frasa Nama) dalam ayat A₂ ialah *Walinong Sari* manakala konstituen predikat (Frasa Adjektif) ialah *pandai bersilat gayung*. Kata hubung gabungan *dan* digunakan untuk menggabungkan kedua-dua ayat tunggal tersebut. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2013, p.251), kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya.

Dalam struktur permukaan pula telah mengalami proses transformasi dapat dilihat dengan jelas dalam A₁ dan A₂ kerana telah mengalami pengguguran dalam konstituen subjek (Frasa Nama) iaitu *Walinong Sari*. Kata hubung gabungan *dan* juga telah digugurkan. Oleh itu, struktur permukaan dalam baris lirik lagu dapat ditunjukkan dalam rajah pohon 2(b).



- (c) *Membawa payung*
Payung berwarna kuning

Dalam lirik lagu di atas, dua baris lirik lagu tersebut terdiri daripada dua ayat tunggal yang digabungkan dengan menggunakan kata hubung *dan* untuk membentuk ayat majmuk gabungan. Struktur dalaman binaan ayat dapat ditunjukkan seperti berikut:

3. Walinong Sari membawa payung *dan* payung itu berwarna kuning.
 Binaan ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal, dapat ditunjukkan di bawah ini.


(i) Walinong Sari / membawa payung. (FN / FK)

(ii) Payung itu / berwarna kuning. (FN / FK)


Oleh itu, dengan merujuk lirik lagu di atas, dalam dua baris lagu ini terdapat penggunaan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung gabungan *dan* telah digugurkan. Selain itu, proses transformasi pengguguran juga berlaku pada bahagian subjek iaitu *Walinong Sari* dalam ayat (i), sementara pengguguran turut kelihatan dalam A₂, iaitu kata ganti nama tunjuk itu. Hasil daripada proses pengguguran dalam ayat yang terhasil dalam struktur permukaan dapat ditunjukkan seperti berikut:

membawa payung
payung berwarna kuning [Struktur Permukaan]

Binaan ayat bagi struktur dalaman dapat ditunjukkan dalam rajah pohon 3(a).



Dalam struktur permukaan pula telah mengalami proses transformasi dapat dilihat dengan jelas dalam A₁ kerana telah mengalami pengguguran dalam konstituen subjek (Frasa Nama) iaitu *Walinong Sari*, manakala A₂ kata ganti nama tunjuk *itu* turut digugurkan. Penggunaan kata hubung *dan* dalam ayat juga digugurkan. Pengguguran dalam konteks ayat tersebut dibolehkan kerana penghasilan lirik lagu tergolong dalam seni karya kreatif yang kurang mementingkan pematuhan pada hukum tatabahasa bahasa Melayu dan tidak menekankan kegramatisan bahasa. Hal ini bertepatan dengan pandangan Siti Noor Riha Sulong dan Normaliza Abd Rahim (2015, p.103) yang menyatakan bahawa sesebuah karya sastera merupakan karya yang penuh dengan kreativiti yang menggunakan bahasa sastera, maksudnya bahasa yang digunakan haruslah dibezakan dengan bahasa sehari-hari atau bahasa ilmiah. Justeru, walaupun berlaku pengguguran dalam ayat (struktur dalaman) tetap tidak menjejaskan makna dan pada masa yang sama keindahan bahasa turut terpelihara. Oleh itu, struktur permukaan dalam baris lirik lagu dapat ditunjukkan dalam rajah pohon 3(b)



Berdasarkan struktur permukaan dalam rajah pohon 3(b) di atas, pengguguran dalam ayat berlaku pada lirik lagu dan sesuai dengan penulisan lirik lagu sebagai penulisan karya kreatif, di samping nilai estetika dan keindahan bahasa dalam lirik lagu dapat dikekalkan. Ini sejajar dengan pendapat Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abd Rahim (2017, p.102) bahawa lirik dalam lagu boleh dikategorikan sebagai puisi, dan memerlukan elemen bahasa dan kreativiti penulis untuk penghasilan lagu terbaik. Oleh sebab itu, penulisan lirik lagu tidak terikat pada hukum tatabahasa sepenuhnya untuk mengekalkan ciri-ciri karya sastera.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, lirik lagu dapat dikaji menggunakan teori Transformasi Generatif untuk memperlihatkan struktur dalaman dan struktur permukaan. Pengguguran dalam ayat pada peringkat struktur permukaan dapat dilihat dengan jelas menerusi lirik lagu Walinong Sari agar lirik lagu tidak terlalu terikat dengan hukum tatabahasa yang boleh menjejaskan nilai estetika dan keindahan bahasa dalam sesebuah karya kreatif.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). Pantun Melayu: Ayat majmuk gabungan bahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 23-36.
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “Bebaskan” berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 102-111.
- Masitah Mad Daud & Zulkifley Hamid. (2017). Pemikiran dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Education and Social Sciences*, 6(2), 65-71.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab. Jabar. (2020). Interpretasi resepsi sastera menerusi lirik lagu tolong ingatkan aku. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 8(2), 35-53.
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Farooq Joubish & Muhammad Asyraf Khurram. (2011). Outlook on some concept in the curriculum of social studies. *World Applied Sciences Journal*, 12(9), 1374-1377.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan* (edisi ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Asma Ahmad, Hazlina Abdul Halim & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2018). Unsur pengulangan dalam lirik lagu dikir barat. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 1-9.
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim. (2015). Laras bahasa dalam lirik lagu “Hakim yang bijaksana”. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 103-113.
- Zulieda Azni & Wan Amizah Wan Mahmud. (2020). Representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman Ra. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-14.

Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Makna implisit dalam lirik lagu “rapuh”: analisis teori relevans. *MAHAWANGSA*, 7(2), 37-49.

Zulkiley Hamid. (2006). *Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

MENGAPLIKASIKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN

Muhaimi bin Suhaili

muhaimi.suhaili@ipgm.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

Abstrak

Penulisan ini menjelaskan pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah. Pemahaman guru tentang KBAT dan pengaplikasiannya dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting agar murid dapat membuat penaaakulan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan sesuatu masalah itu. Kertas kerja ini menjelaskan tentang konsep KBAT seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2015, sekali gus penulisan ini mengaitkan aras-aras Taksonomi Bloom (2001) dengan konsep-konsep tersebut. Terdapat pelbagai cara kreatif kita gunakan untuk menerapkan KBAT dalam tugas yang diberikan seperti melalui soalan-soalan yang dikemukakan, dalam aktiviti pembelajaran, dan kokurikulum. Cara pengaplikasian turut dijelaskan dengan mengambil contoh beberapa alat berfikir oleh Edward de Bono. Pengaplikasian Alat berfikir Cemerlang (ABC) Strategi Mendaki Bukit (SDM) dan SJS (Semua Jadi Satu) (Muhaimi, 2017) turut dijelaskan. Aktiviti menghasilkan soalan-soalan pula telah mengambil kira aras Taksonomi Bloom yang biasa digunakan untuk membina sesuatu instrumen. Aras-aras ini sebagai panduan kepada guru apabila berinteraksi atau bertanya kepada murid-murid tentang sesuatu isu atau tema yang dibicarakan. Secara tidak langsung meningkatkan aras pemikiran murid. Contoh-contoh yang diberikan adalah cara untuk meningkatkan pemikiran aras tinggi terutama pada *Cognitive (C) 5 – Menilai*, dan *C6 – Mencipta*. Aktiviti yang diaplikasikan itu akan dapat meningkatkan pemikiran yang kreatif dan kritis. Selain itu, penulisan ini juga menjelaskan tentang berlakunya penjajaran aspek kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Pendek kata, penguasaan KBAT haruslah bermula dengan pemahaman asas sehinggalah di peringkat yang mendalam. Oleh itu, penulisan ini sedikit sebanyak cuba membantu guru-guru untuk memahami dan menguasai KBAT dalam sistem pendidikan kita.

Kata kunci: KBAT, aras Taksonomi Bloom, kreatif, kritis dan alat berfikir

PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Negara menyatakan bahawa Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara seperti dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Manakala dalam Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 (KPM, 2013), menjelaskan bahawa terdapat enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing di peringkat global iaitu mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan indentiti nasional iaitu sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu, usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan bagi memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Dalam hal ini, usaha tersebut hendaklah selari dengan aspirasi murid. Daripada elemen aspirasi murid itu, aspek kemahiran berfikir sangat penting dalam sistem Pendidikan kita sejak dahulu lagi. Oleh itu, guru harus berpengetahuan tinggi untuk mengembangkan potensi murid ini melalui kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir ini telah ada dalam sistem Pendidikan kita sejak

dahulu lagi yang lebih dikenali sebagai kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK). Kemahiran berfikir diajar secara penerapan dalam subjek yang sedia ada di sekolah di bawah kemahiran bernilai tambah. Kini, kemahiran berfikir mula memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam sistem pendidikan di Malaysia sesuai dengan perkembangan semasa. Oleh yang demikian kemahiran berfikir ini haruslah selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara yang dapatlah dianalisis garapan idea tersebut seperti di bawah:

Fokus	Memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu
Tujuan	Mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani
Tunjang	Berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan
Tujuan holistik	Melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

KONSEP KBAT

KBAT ialah akronim untuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau HOTS iaitu *High Order Thinking Skill*. Menurut Bloom (2001) aras pemikiran seseorang itu diperingkatkan dari aras yang paling rendah kepada aras yang paling tinggi. Aras tersebut ditunjukkan seperti di bawah ini:



Rajah 1: Bloom (semakan Anderson & Kratwolth, 2001)

Oleh itu, konsep KBAT ialah sejauh manakah pemahaman guru untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran agar murid dapat membuat penaaakuan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan sesuatu masalah itu. Apabila dalam aktiviti pembelajaran guru-guru menggunakan aras-aras tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, maka seseorang guru itu telah menerapkan elemen KBAT dalam pembelajaran. Sekiranya dalam pembelajaran yang dilaksanakan guru hanya menerapkan unsur Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) iaitu peringkat mengingat dan memahami, maka elemen KBAT belum lagi diterapkan dalam pembelajaran.

Aras-aras Taksonomi Bloom & KBAT

Guru-guru haruslah menghayati dan menjiwai aras-aras taksonomi Bloom untuk memahami KBAT. Hari ini apabila seseorang guru menggunakan peta i-Think ketika mengajar, mereka mendakwa sudah ada unsur KBAT. Apabila ditanya bagaimana peta buih atau peta bulatan itu dikaitkan dengan KBAT, mereka tidak dapat menjelaskannya. Hal ini disebabkan oleh kurang pemahaman tentang KBAT. Kesimpulannya, mereka tidak memahami tentang elemen KBAT dan sukar untuk mengaitkannya dengan peta i-Think. Taksonomi Bloom menggariskan bahawa aras-aras berfikir murid dinyatakan dalam *cognitive* (C) berikut iaitu daripada aras yang paling rendah hingga ke aras paling tinggi iaitu bermula dengan *C1: Mengingat*, *C2: Memahami*, *C3: Mengaplikasi*, *C4: Menganalisis*, *C5: Menilai*, dan *C6: Mencipta*. Dalam menyampaikan standard kandungan seperti yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah ditetapkan dalam kurikulum, sejauh manakah seseorang guru itu mengaplikasikan aras-aras di atas bagi memastikan KBAT itu dilaksanakan? Isu yang kita peroleh daripada pemerhatian

mendapati bahawa kebanyakan dalam kalangan guru tidak mengetahui dan memahami Taksonomi Bloom ini dan tidak dapat mengaitkan bahan, aktiviti, dan soalan yang digunakan dalam pembelajaran dengan KBAT.

KBAT di peringkat global

Kurikulum Pendidikan di Malaysia sentiasa ditambah baik sesuai dengan perkembangan semasa. Hal ini agar sistem Pendidikan kita sentiasa relevan dan dapat menangani perubahan. Oleh sebab itu, kurikulum kita akan sentiasa disemak semula bagi satu-satu tempoh agar tidak ketinggalan dengan perubahan yang berlaku di seluruh dunia. Hal ini berlaku juga kepada kemahiran berfikir yang sentiasa disemak semula. Terdapat tiga kaedah KBAT diajar di sekolah-sekolah di seluruh dunia iaitu menggunakan tiga pendekatan iaitu mengajar KBAT dalam subjek atau mata pelajaran, melalui penerapan bagi subjek atau mata pelajaran, dan secara bertema seperti Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Pendekatan KBAT di beberapa negara

Jepun – Dalam subjek <i>Period of Intergrated Study</i>	Subjek
United Kingdom – Dalam subjek <i>Critical Thinking</i>	
Malaysia – Dalam setiap subjek	Penerapan bagi subjek sedia ada
Amerika Syarikat – Dalam subjek Matematik & Inggeris	
Singapura – Dalam subjek Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi dan Sejarah	
Hong Kong – Melalui <i>Liberal Studies (inquiry – Based Curriculum)</i>	Bertema
International Baccalaureate (IB) <i>Primary Years Programme</i>	

(KPM, Mingguan Malaysia, 2015)

DEFINISI KONSEP

KBAT didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan ketika berinovasi, mencipta, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2015). Daripada definisi tersebut, adakah murid kita diuji begitu rupa tentang keupayaan mereka untuk belajar dengan cara memasukkan elemen KBAT?

Daripada definisi tersebut, murid diharap dapat:

- i. Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai (*dalam membuat penaaakulan dan refleksi*)
- ii. *Tujuan untuk menyelesaikan masalah*
- iii. *Tujuan untuk membuat keputusan*
- iv. *Tujuan untuk berinovasi*
- v. *Tujuan supaya berupaya mencipta sesuatu*

i. Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai

Ketika mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai, seseorang murid itu diandaikan sudah berada dalam aras pemikiran C3 (mengaplikasi), sekali gus C2 (memahami) dan C1 (mengingat) telah dikuasai. Sekiranya murid-murid hanya mengaplikasikan ilmu, pengetahuan dan nilai yang “diajar” pada hari itu semula, maka aras pemikiran murid itu berada pada tahap C3 iaitu mengaplikasi.

Akan tetapi sekiranya murid itu mengaplikasikan ilmu, pengetahuan dan nilai yang diajar pada hari itu untuk menangani atau menyelesaikan sesuatu persoalan yang baharu, atau untuk menghasilkan konsep baharu (berdasarkan ilmu yang diajar pada hari itu) maka aras pemikiran murid itu pada tahap C6 iaitu mencipta.

Contohnya, murid hari ini diajar untuk membuat masakan barat termasuklah resipi yang ada. Jika aktiviti pada hari itu menjelaskan langkah-langkah untuk menyediakan masakan barat maka aras pemikiran pada masa itu hanya pada aras C3. Contoh lain ialah, guru meminta murid itu membuat demonstrasi tentang cara-cara menyediakan masakan barat yang diajar pada hari itu, maka aras pemikiran pada aras C3 sahaja. Sekiranya, murid-murid diminta menghasilkan atau mencipta satu menu baharu untuk diperkenalkan kepada rakan yang memenuhi cita rasa tempatan dan memenuhi selera atau tuntutan global, maka aktiviti itu pada aras C6 iaitu aras mencipta.

ii. Menyelesaikan masalah

Tugasan:

Seorang ayah bersama-sama dengan sepasang anaknya pergi membeli kuih. Harga kuih tersebut ialah RM1.00 untuk tiga biji. Mereka membeli kuih dengan mengeluarkan wang sebanyak RM3.00. Seorang anak lelakinya telah makan sebanyak empat biji kuih, manakala anak perempuannya mengambil dua biji kuih iaitu satu dimakannya, manakala satu terjatuh di atas lantai yang kotor. Ayahnya pula makan sebiji kuih. Baki kuih tersebut ialah 2 biji.

Soalan tugasan:

1. Berapakah jumlah keseluruhan biji kuih yang diterima oleh keluarga tersebut daripada penjual kuih?
2. Mengapakah jumlah biji kuih tersebut berbaki dua. Berikan alasan-alasan anda mengapa keadaan ini berlaku?

Tugasan di atas merupakan satu bentuk soalan yang mengkehendaki seseorang murid itu menjawab soalan bagi menyelesaikan masalah yang diberikan. Apabila secara keseluruhan seseorang berjaya menyelesaikan sesuatu masalah berdasarkan idea-idea yang dihasilkan itu maka seseorang murid itu berada pada aras C6; iaitu menghasilkan idea untuk menyelesaikan masalah. Untuk soalan 1, seseorang itu perlu mempunyai aras pemikiran C1, C2, C3, CO. Bagi soalan 2 pula, seseorang murid itu akan melalui aras-aras C4, C5, dan C6.

iii. Membuat keputusan

Cuba bayangkan bahawa dalam kehidupan kita, setiap hari kita mempunyai pilihan dan setiap pilihan itu kita terpaksa membuat keputusan. Kita berharap bahawa setiap yang kita buat itu betul. Sama ada keputusan yang dibuat itu betul atau salah, keputusan harus dibuat. Semua keputusan yang dibuat itu bagi membolehkan kita menyelesaikan sesuatu masalah. Untuk menyelesaikan sesuatu masalah, kita terpaksa membuat keputusan. Oleh yang demikian, kita terpaksa menganalisis masalah dan punca bagi membuat keputusan yang betul. Oleh itu, untuk membuat sesuatu keputusan, seseorang murid itu perlu memahami masalah, menganalisis dan menilai sesuatu hujah atau cadangan bagi memastikan seseorang itu dapat membuat keputusan yang betul dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Di sinilah, seseorang murid itu *membuat penaakulan dan refleksi* sebelum membuat keputusan. Oleh sebab itu, pentingnya seseorang itu perlu belajar menggunakan banyak alat berfikir bagi menentukan bahawa keputusan yang dibuat itu benar-benar kritis dan dapat menangani sesuatu persoalan. Seseorang guru itu boleh menggunakan beberapa alat berfikir bagi membantu seseorang murid itu lebih kritis dan kreatif dalam membuat sesuatu keputusan. Contohnya, melalui CoRT1, oleh Edward de Bono, seseorang itu boleh menggunakan alat-alat berfikir untuk membuat keputusan tentang sesuatu persoalan dengan menggunakan alat-alat berfikir di bawah (sekadar memberi beberapa contoh):

- CAF (*Consider All Factors*)
- P.M.I (*Plus, Minus, Interesting*)

- FIP (*First Important Priorities*)
- C&C (*Consequence and Sequel*)

Melalui alat-alat berfikir seperti CAF, P.M.I, F.I.P, dan C & S; seseorang murid itu dapat membuat penilaian atau MENILAI idea-idea yang dicadangkan itu. Aras pemikiran pada tahap ini ialah C5 (menilai).

Contoh tugas:

Masalah kesesakan lalu lintas yang teruk berlaku di kawasan sekolah pada waktu puncak telah memberi implikasi yang tinggi terhadap pengguna jalan raya.

Berikan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah tersebut dan berikan justifikasi kenapa anda memberi cadangan tersebut. (*Catatan:* menghasilkan cadangan merupakan aras mencipta, manakala memberi justifikasi ialah aras menilai).

iv. Berinovasi

Aspek berinovasi turut diberi penekanan dalam sistem Pendidikan kita. Dalam menangani perubahan yang berlaku dari masa ke masa, kita menghadapi banyak masalah dan kesulitan dalam menghadapi kehidupan. Dalam konteks ini, murid perlu dilatih untuk berhadapan dengan sesuatu persoalan dengan cara menyelesaikan sesuatu persoalan dalam kehidupan mereka dengan cara berinovasi. Contohnya, serorang murid telah mencipta payung yang boleh menyelesaikan masalahnya apabila dia pergi ke sekolah dalam keadaan cuaca yang sangat terik. Idea tersebut mungkin menjadi satu inovasi yang sangat praktikal untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid di kawasan pedalaman. Dengan cara ini penerapan kemahiran berfikir dalam subjek tertentu oleh guru boleh diterapkan bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang mungkin berlaku melalui budaya berinovasi.

v. Berupaya mencipta sesuatu

Selain itu, murid juga perlu diterapkan keupayaan berfikir dan mencipta sesuatu. Perkara ini dapat diterapkan dan dibudayakan secara penerapan dalam sistem pendidikan kita. Oleh itu, aktiviti yang dirancang oleh guru itu hendaklah menerapkan aktiviti menghasilkan sesuatu seperti mencipta kereta masa depan, menghasilkan sebuah rumah bagi menangani masalah banjir, pusat beli belah mengikut imaginasi murid dan sebagainya. Untuk melahirkan murid-murid yang berdaya cipta ini, aktiviti pertandingan inovasi boleh diadakan di peringkat sekolah rendah lagi. Untuk melahirkan masyarakat yang berdaya cipta, harus bermula dari bawah, seperti ungkapan peribahasa, “melentur buluh itu biar daripada rebungunya”.

PENJAJARAN ASPEK KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN

Penjajaran dalam aspek kurikulum, pedagogi, dan pentaksiran bermaksud bahawa wujudnya keselarasan bagi ketiga-tiga aspek ini dengan satu hala tuju yang sama. Kandungan kurikulum yang dihasilkan selari dengan proses pedagogi iaitu sebagai alat untuk menyampaikan kurikulum tersebut. Aspek kandungan yang dinyatakan dalam kurikulum pula dinilai dalam pentaksiran. Oleh itu, tidak wujud apa yang dipelajari itu tidak akan ditanya dalam pentaksiran. Oleh itu, selagi seseorang guru itu mengajar berdasarkan kurikulum, kandungan tersebut akan dinilai dalam pentaksiran.

Dalam KSSR dan KSSM sekarang ini, elemen kurikulum, pedagogi, dan pentaksiran dilaksanakan secara selari. Dengan perkataan lain, kandungan atau isi pengajaran oleh guru itu hendaklah disampaikan dengan menggunakan pedagogi yang sesuai, dan kandungan itulah merupakan kontruk yang diuji dalam pentaksiran. Sekiranya ketiga-tiga elemen tidak sehalu maka output yang dihasilkan itu tidak memenuhi hasrat yang diinginkan dalam sistem Pendidikan kita.

Contohnya, kandungan yang disampaikan itu hendaklah menggunakan kaedah (pedagogi) yang sesuai agar sistem penyampaian itu menjadi lebih berkesan. Dalam hal ini, kandungan yang diajar itu dapat dijawab oleh murid.

Terdapat pelbagai cara kreatif yang boleh kita gunakan untuk menerapkan *KBAT dalam*:

- i. Tugas yang diberikan
- ii. Soalan-soalan yang dikemukakan
- iii. Aktiviti-aktiviti pembelajaran
- iv. Kokurikulum

i. *KBAT dalam tugas yang diberikan*

Tugas biasanya diberikan dalam kumpulan. Tugas itu boleh juga dalam bentuk individu yang dianggap sebagai projek murid berkaitan dengan kandungan pembelajaran guru. Tugas itu juga bolehlah penghasilan sesuatu produk atau hasil yang bersifat masa depan, penghasilan baharu, produk yang berbeza dan lain-lain sebagai aktiviti murid di dalam kelas atau sebagai tugas yang dilakukan di rumah. Untuk memenuhi KBAT, tugas tersebut hendaklah menggunakan kata kunci yang sesuai mengikut aras yang boleh digunakan oleh guru. Berikut ialah kata kunci yang sesuai digunakan mengikut aras yang dikehendaki seperti dalam Taksonomi Bloom seperti dalam Jadual 2 di bawah ini.

Jadual 2: Contoh-contoh kata kunci soalan mengikut aras

KBAT	<p>Menilai (<i>evaluating</i>) Bahaskan Pertahankan Berikan hujah Berikan justifikasi Berikan pendapat Bincangkan Buat anggaran Buat generalisasi Buat penghakiman Buat ramalan Buat rumusan Buat verifikasi Buktikan Interpretasikan Nilaikan Pertimbangkan Taksirkan</p>	<p>Mencipta (<i>creating</i>) Bentukkan Cadangkan Ciptakan Berikan saranan Gabungkan Janakan Selesaikan Putuskan Selesaikan Putuskan Rancangkan Rumuskan Sediakan Hasilkan Sintesisikan</p>
	<p>Mengaplikasi (<i>Applying</i>) Bina Gambarkan gunakan Kemukakan Kira Laksanakan Selesaikan Simulasikan Sesuaikan Terapkan Tunjukkan</p>	<p>Menganalisis (<i>Annalysing</i>) Banding beza Bandingkan Bezakan Buat analisis Buat eksperimen Buat inferens Buat kiraan Buat hitungan Cerakinkan Diagnosiskan</p>

		Diskriminasikan Ilustrasikan Kategorikan Modelkan Perincikan Rangkakan Teliti Periksa
KBAR	Mengingat <i>(remembering)</i> Kenal pasti Labelkan Namakan Nyatakan Padankan Pasangkan Pilihkan Sebutkan Senaraikan Tandakan	Memahami <i>(understanding)</i> Huraikan Jelaskan Terangkan Terjemahkan Tulis semula Hitungkan Simpulkan

Sumber: KPM (2016)

Contoh-contoh tugasan:

1. *“Think of an idea to change our world – and put it into ACTION!*
(Tugasan yang diberikan oleh seorang guru dalam sebuah filem Hollywood bertajuk *Pay It Forward*).
2. Hasilkan satu kiub untuk mengajar guru-guru tentang panduan penghasilannya dan kemudian kumpulan anda diminta memuat naik panduantersebut dalam *Youtube*.
3. Hasilkan sebuah topeng untuk aktiviti lakonan mengikut kreativiti anda.
4. Ciptakan lipatan atau origami untuk menghasilkan mana-mana bentuk atau imej yang dapat dikaitkan dengan tema kasih sayang yang akan kita pelajari pada minggu depan.
5. Anda dikehendaki menemu bual guru di sekolah anda tentang cara-cara menggunakan masa dengan bijak di sekolah. Selepas itu anda diminta merumuskan hasil dapatan dan pengalaman tersebut untuk dikongsikan dengan rakan-rakan anda di perhimpunan sekolah.

ii. KBAT dalam soalan-soalan yang dikemukakan

Elemen-elemen KBAT juga boleh diterapkan melalui soalan-soalan yang dikemukakan kepada murid-murid yang boleh membangunkan tahap pemikiran seperti yang terdapat dalam taksonomi Bloom. Contohnya, seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Soalan-soalan yang membangunkan tahap pemikiran Bloom

Aras Pemikiran dan Penyoalan	Penerangan	Bahasa pemikiaran	Soalan pemula
Soalan kompleks	Mencipta Gabungkan maklumat untuk mencipta sesuatu yang baharu	Mereka bentuk, emncipta, menambah baik, merancang, membina, mengubah	Bagaimanakah kitab oleh mereka bentuk? Bolehkah kita menambah? Apa yang akan berlaku jika

	Menilai	Membuat pertimbangan dan penilaian untuk membuat kesimpulan	Menentukan kedudukan, menyimpul, menilai, mentaksir, menentukan	Mengapa anda berfikir tentang...? Mengapa anda suka ini...? Apakah yang terbaik...?
	Menganalisis	Pecahkan kepada bahagian yang lebih kecil – meneliti secara lebih mendalam dan memahami perhubungan	Membanding beza, mengelas, menyusun, meneliti, menganalisis	Bagaimana mereka sama/berbeza? Bagaimana ia berfungsi...? Apakah bukti...?
	Mengaplikasi	Mengaplikasikan pengetahuan kepada situasi atau pengalaman baharu	Menunjukkan, menggunakan, mengaplikasi, membina, menggambarkan	Apakah contoh-contoh lain yang anda tahu tentang ini?
Soalan mudah	Memahami	Mengungkap semula dan mentaksir untuk menunjukkan pemahaman	Menyatakan semula, menerangkan, mentafsir, menterjemah, merumus	Apakah maknanya? Apakah kegunaannya? Bolehkah anda terangkan?
	Mengingat	Jawapan berfakta, mengingat semula dan mengenal	Mengulangi, menamakan, mengingat semula, menyatakan, menyenaraikan	Siapakah? Apakah? Di manakah? Apabila? Yang manakah...?

Sumber: KPM (2017)

Selain itu, soalan-soalan lisan boleh diaplikasikan dengan menggunakan satu daripada Alat Berfikir Cemerlang iaitu SMB iaitu akronim untuk Soalan Mendaki Bukit (Muhaimi, 2017). Soalan-soalan yang dihasilkan adalah berdasarkan aras Taksonomi Bloom yang biasa digunakan untuk membina sesuatu instrumen. Aras-aras ini sebagai panduan kepada guru apabila berinteraksi atau bertanya kepada murid-murid tentang sesuatu tema dan secara tidak langsung aras pemikiran murid semakin meningkat. Kemahiran yang sangat sesuai ialah kemahiran bertutur dan mendengar, dan aras-aras tersebut sebagai idea kepada guru untuk menanyakan soalan yang bermula daripada soalan yang mudah menjadi soalan yang sukar. Murid-murid kalau diajar tentang aras dan bagaimana hendak menghasilkan soalan berdasarkan aras untuk meningkatkan kemahiran soalan berdasarkan soalan ini juga akan meningkatkan kemahiran lisan mereka. Selain itu, aktiviti kemahiran menulis juga boleh diaplikasikan dengan meminta murid dalam kumpulan menghasilkan soalan-soalan mendaki bukit. Dengan ini, guru juga dapat melatih murid-murid mesra dengan soalan KBAT malah menghasilkan soalan KBAT. Aras taksonomi Bloom (Semakan 2001) adalah seperti di bawah:

Berikut ialah contoh-contoh penggunaan SMB melalui penghasilan soalan yang boleh digunakan oleh guru atau murid mengikut kesesuaian aktiviti di dalam bilik darjah. Soalan-soalan tersebut dicadangkan bermula dengan yang mudah iaitu aras mengingat dahulu sebagai soalan “memanaskan badan”. Kemudian diikuti dengan soalan yang menguji pemahaman seseorang murid

tentang sesuatu idea, pengetahuan atau fenomena sama ada yang telah diketahui oleh mereka atau sesuatu yang terdapat dalam petikan. Kemudian diikuti soalan mengaplikasi yang lebih menjurus kepada penggunaan atau bagaimana sesuatu itu dilaksanakan iaitu peringkat mengaplikasi. Murid kemudian bolehlah diminta untuk menganalisis sesuatu idea, tema atau fenomena itu dengan cara membanding beza sebelum mereka diajukan soalan yang bersifat penilaian. Pada bahagian menganalisis dan menilai inilah kemahiran berfikir dilaksanakan dengan secara kritis apabila murid mula mencerakin, menganalisis dan menilai sesuatu persoalan yang dikemukakan. Akhir sekali, guru tanyalah soalan aras mencipta. Dengan ini cabaran murid berfikir lebih tinggi untuk menghasilkan resolusi terhadap sesuatu isu atau fenomena berdasarkan soalan tersebut dapat dilaksanakan. Begitulah cara menghasilkan soalan daripada soalan aras bawah, menaik ke atas seolah-olah mendaki bukit. Itulah sebabnya alat berfikir ini dinamakan sebagai Soalan Mendaki Bukit. Contoh penggunaan alat berfikir ini dapatlah dijelaskan seperti di bawah ini berdasarkan jadual pengurusan yang tersebut.

Jadual 4: ABC 3 - Soalan Mendaki Bukit (SMB) / Taksonomi Kognitif

Peringkat Aras Taksonomi Bloom	Objektif pertanyaan	Contoh soalan
MENCIPTA	Menghasilkan /mencipta PAL (Punca, Akibat, Langkah)	Sekiranya anda bekerja di sebuah syarikat pengiklanan, cadangkan warna tema yang sesuai untuk mempromosikan tempat letak kenderaan untuk pelanggan anda. Berikan justifikasi anda.
MENILAI	Menilai PAL (Punca, Akibat, Langkah)	Sejauh manakah anda bersetuju bahawa semua bangunan di Malaysia dicat dengan menggunakan warna hijau?
MENGANALISIS	Perbezaan / banding beza	Buat analisis warna tentang kumpulan warna gelap dengan kumpulan warna cerah.
MENGAPLIKASI	Bagaimana ? (cara/ proses)	Tunjukkan cara penghasilan warna hijau.
MEMAHAMI	Kenapa (sebab + akibat)?	Kenapa awak suka menggunakan baju berwarna biru?
MENGINGAT	Apa, siapa, bila, mana (ASBM?)	Pen ini berwarna apa? (guru menunjukkan sebatang pen berwarna hijau)

Berikut ialah contoh lain berdasarkan satu tema atau tajuk – “botol air”.

- a. Apakah nama benda ini? (*aras mengingat*)
- b. Kenapa benda ini diperlukan? (*aras memahami*)
- c. Bagaimanakah cara minum air yang sopan? (*aras mengaplikasi*)
- d. Apakah perbezaan botol plastik dengan botol kaca? (*aras menganalisis*)

- e. Penggunaan botol sebagai bekas minuman tidaklah relevan lagi. Berikan justifikasi anda. (*aras menilai*)
- f. Cadangkan caracara untuk menghasilkan air jika dunia dilanda kemarau yang teruk secara berterusan dalam tempoh yang lama. Cadangkan penggunaan lain untuk botol selain digunakan sebagai bekas minuman dan buat justifikasinya (*aras menilai & mencipta*)

iii. KBAT dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran

Elemen KBAT juga boleh diterapkan melalui aktiviti di dalam kelas. Contohnya, guru boleh menggunakan Alat Berfikir Cemerlang SJS. SJS ialah akronim untuk Semua Jadi Satu (Muhaimi, 2017). SJS ialah alat berfikir yang disesuaikan melalui konsep yang dibawa oleh Steve Jobs dalam mempromosikan produk-produk keluaran *Apple*. Dalam penghasilan *i-Phone*, beliau mengemukakan idea telefon pintar yang berfungsi bukan sekadar telefon untuk membuat panggilan, malah lebih daripada itu. Semuanya terangkum sekali dengan pelbagai fungsi seperti yang ada dalam telefon pintar sekarang. SOLO pula ialah taksonomi SOLO yang menjelaskan tentang tahap peningkatan kerencaman dalam proses seseorang murid memahami sesuatu perkara yang dibina oleh Biggs dan Collin (1982), di dalam KPM (2013). Berdasarkan Taksonomi SOLO, murid memahami sesuatu mengikut tahap yang bermula dengan tahap prestruktural, diikuti tahap-tahap berikut iaitu unistruktural, multistruktural, *relational*, dan akhir sekali abstrak lanjutan. Berdasarkan konsep “semua dalam satu” dan idea tentang proses pemahaman seseorang daripada peringkat yang kecil sehingga membentuk satu konsep, maka SJS ini terbentuk. Daripada dapatan ini, SJS terbentuk bagi menghasilkan aktiviti di dalam kelas sama ada guru berinteraksi secara lisan melalui soal jawab atau guru membuat aktiviti berdasarkan langkah-langkah yang dicadangkan di atas daripada peringkat yang mudah sehinggalah di peringkat pembentukan konsep baharu. Dengan ini, ABC 4 SJS ini akan mengarahkan murid ke arah berfikir secara konseptual yang sangat jelas sehinggalah murid berjaya membentuk konsep baharu daripada pemahaman mereka terhadap konsep yang sedia ada. Berikut ialah contoh ABC 4 SJS seperti dalam Jadual pengurusan di bawah.

Jadual 5: ABC 4- Semua Jadi Satu (SJS)

Struktur Pemahaman	APA? Peringkat hendak memperkenalkan idea	SATU IDEA Menyatakan idea awal / satu idea	BANYAK IDEA Menyatakan idea-idea lain	BUAT KAITAN/HUBUNGAN ANTARA IDEA	HASILKAN IDEA BAHARU BERDASARKAN KAITAN TERSEBUT
Soalan / Aktiviti	Tayangan sedutan idea tentang cerita <i>Cicak Man</i>	Siapakah watak utama dalam cerita tersebut?	Berikan watak-watak adiwira yang pernah anda tonton.	Nyatakan ciri-ciri / sifat-sifat yang kebanyakannya dimiliki oleh adiwira ini.	Pada pendapat anda, cadangkan watak utama adiwira abad ke-21. Filem-filem sekarang harus menampilkan watak hero versi Asia. Cadangkan ciri-ciri tersebut.
Jawapan	Adiwira	Cicak Man	Superman Spiderman	Bijak Kuat Kacak Berani dll	(Murid akan mencadangkan idea tentang ciri-ciri adiwira tersebut, tetapi


			Iron Man Batman	dalam konsep baharu - adiwira versi Asia.)
--	--	--	-----------------------	---

Alat SJS diharap dapat melatih seseorang murid itu menjadi lebih kritis dan kreatif, dan akhir sekali, perkara atau ilmu yang dipelajari oleh mereka berjaya membimbing mereka mencipta konsep baharu dalam kehidupan manusia sekarang. Guru yang kreatif boleh mengambil beberapa aspek atau input-input atau tajuk-tajuk dalam mata pelajaran yang diajar dan boleh diaplikasikan secara lisan mahupun secara lebih sistematik melalui aktiviti kumpulan berdasarkan jadual pengurusan yang diberikan.

iv. KBAT dalam kokurikulum

Menurut Maznah (2015), setiap sekolah perlu menunjukkan satu komuniti pembelajaran profesional untuk membantu guru membudayakan KBAT dalam pembelajaran, pengajaran dan pentaksiran disokong oleh lima aktiviti iaitu:

1. Pengajaran bersama-sama rakan
2. Tunjuk cara dalam pengajaran
3. Sistem sokongan rakan sekerja
4. Pengkongsian pintar antara komuniti sekolah dengan komuniti di luar sekolah
5. Pengajaran secara kolaboratif



Rajah 3: Kaitan kurikulum, kokurikulum, dan keberhasilan murid

Sememangnya penerapan KBAT dalam kurikulum dapat dilakukan tetapi perlu dibimbing oleh guru. Umpamanya, dalam pertandingan berbahasa sekarang ini, kita lihat guru banyak membuat sesuatu di belakang tabir. Hakikatnya, ada ketika pertandingan seumpama itu adalah pertandingan antara guru dengan guru, bukan antara murid dengan murid. Murid hanya alat semata-mata untuk merealisasikan gagasan guru. Walaupun tidak semuanya berlaku tetapi pemikiran konvensional ini masih ada dalam kalangan sekolah yang mengambil bahagian seperti dalam Jadual 6 di bawah ini.

Jadual 6: Pemikiran konvensional dalam aktiviti pertandingan

Pemikiran konvensional	
Guru buat skrip	Murid ikut skrip
Guru hasilkan idea	Murid akur dengan idea
Guru pemikir	Murid ikut apa yang guru fikir
Guru perancang	Murid pelaksana

Guru buat skrip pidato/syarahan/bahas dll	Murid hafal skrip pidato/syarahan/bahas dll
Guru mempunyai autoriti membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	Murid mengikut keputusan / tidak membuat keputusan/ tidak menyelesaikan masalah sendiri

Kalau dalam pertandingan berbalas pantun, guru sepatutnya memberi tugas dan biarkan mereka yang merancang sehinggalah ke peringkat penghasilan atau output (pertandingan). Guru hanya menjadi pembimbing dan mencadangkan idea, dan mereka perlu melatih pelajar untuk menilai idea guru. Dengan ini murid belajar melalui proses sehingga ke aras menilai (C5), dan mencipta (C6). Contohnya lain ialah pertandingan perbincangan. Tajuknya ialah:

“Hang Jebat ikon generasi baharu berbanding Hang Tuah”

Kalau kita lihat dalam aras yang telah ditetapkan ialah murid itu sepatutnya:

1. Tahu apa yang dibuat
2. Faham tajuk tersebut
3. Dapat mengaplikasikan tajuk dalam situasi lain
4. Dapat menganalisis idea tersebut dalam pelbagai dimensi
5. Mampu menilai dan mempunyai strategi untuk membuat bidasan
6. Menghasilkan idea-idea melalui brainstorming untuk membentuk resolusi /strategi sekiranya sesuatu isu itu dibangkitkan atau mematahkan hujah lawan

Kalau dalam sesuatu pertandingan, kita lihat sesebuah sekolah sahaja yang menang kerana gurunya, bukan kerana muridnya. Semua aspek atau peringkat yang dinyatakan di atas itu perlu dilakukan oleh murid, bukan guru. Dengan perkataan lain, pembelajaran tersebut sepatutnya dalam sesuatu pertandingan itu hendaklah berpusatkan murid, bukan guru. Pemikiran konvensional masih berlaku kerana guru tidak memberi autoriti kepada murid mereka untuk memahami sendiri tajuk, mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan menciptanya. Adakah kita bangga kemenangan sesebuah sekolah itu kerana kuatnya hafalan mereka ketika bertanding dalam pidato (mengingat), tetapi tidak melatih murid berfikir lebih kritis dan kreatif. Oleh itu, elakkan daripada menjadikan murid itu alat untuk “memuntahkan” idea guru yang tinggi falsafahnya, tetapi murid sendiri tidak belajar untuk menjadi “ahli falsafah.”

KESIMPULAN

Alat terbaik untuk menyelesaikan masalah kita ialah otak kita sendiri. Penyelesaian masalah bermula dengan pemikiran yang jelas. Pemikiran yang asas ialah pemikiran saintifik dan kreatif (Mackall, 2003). Tidak kira apa sahaja jenis pemikiran yang kita gunakan, segala-galanya bergantung kepada tujuan kita sama ada untuk mengasah pemikiran seseorang pada tahap rendah ataupun tahap tinggi. Secara tidak langsung pembelajaran murid sama ada dari soalan, tugas atau aktiviti yang dilaksanakan di dalam darjah akan menentukan peringkat mana pemikiran pelajar itu hendak dibawa. Oleh itu, kemahiran berfikir aras tinggi perlu dikuasai oleh seseorang guru tersebut dengan lebih mendalam dan jelas agar pengaplikasian KBAT dapat dilaksanakan mengikut standard kurikulum yang telah ditetapkan. Dengan yang demikian, kita berharap akan dapat melahirkan murid-murid kelas pertama yang kritis dan kreatif pemikiran mereka.

RUJUKAN

Dandi Daley Mackall. (2003). *Problem Solving*. New Delhi: Viva Books Private Limited.

- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Panduan Latihan Kursus i-THINK Bersemuka*. Cyberjaya: IPGM.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2016). *Buku Panduan Pentaksiran*. Cyberjaya: IPGM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015, Mac). KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) Cabar Minda Pelajar. *Mingguan Malaysia*, pp. 1-16.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan - Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Putrajaya: KPM, BPK.
- Lembaga Peperiksaan KPM. (2013). *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Kuala Lumpur: LPKPM.
- Muhaimi Suhaili. (2017). *Apabila Dron Mendarat Di Dalam Bilik Darjah - Eksplorasi Bahasa dan Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kota Samarahan: Jabatan Pengajian Melayu, IPGKTAR.

PEMAHAMAN BACAAN MEKANIS MURID PEMULIHAN SEKOLAH KURANG MURID (SKM): SATU TINJAUAN PSIKOLINGUISTIK

Radna Wismawati Muhibah Bt. Yahya Sawek (Phd)

radna.yahya@ipgmktar.edu.my

Halik bin Wang

halik.wang@ipgmktar.edu.my

Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman bacaan mekanis dalam kalangan murid-murid pemulihan Sekolah Kurang Murid (SKM). Kaedah kajian beracukan pendekatan kualitatif, iaitu dengan menggunakan ujian saringan dan temu bual. Selain itu, pengkaji menggunakan soalan soal selidik interpersonal bagi mengumpul data kualitatif. Pemaklum kajian terdiri daripada 4 orang murid pemulihan yang berlainan jantina. Pemilihan pemaklum kajian dicadangkan oleh guru besar bersama guru interim di bawah program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah,ambilan Jun 2021. Keputusan kajian melalui triangulasi tiga data tersebut menunjukkan pemahaman bacaan mekanis peserta kajian (murid pemulihan) di SKM berada pada tahap terhad iaitu sentiasa mengalami ‘kekeliruan’ dan ‘tidak konsisten’ apabila mempersepsi sesuatu input bahasa. Hal ini disebabkan ingatan deria, ingatan jangka masa pendek dan ingatan jangka masa panjang tidak berupaya dirangsang secara aktif, teratur dan bermakna. Dapatan kajian ini membawa implikasi bahawa golongan murid ini dapat dibantu untuk menguasai pemahaman bacaan mekanis apabila guru memberi bantuan sepenuhnya dan ansur maju dan latih maju dimanfaatkan secara optimum. Rangsangan pengisian aktiviti pemahaman kemahiran membaca juga perlu dijana melalui aplikasi aktiviti didik hibur yang penuh kreatif dan santai.

Kata kunci; *Pemahaman bacaan mekanis, murid Pemulihan, Sekolah Kurang Murid (SKM), ujian Saringan dan didik hibur*

PENGENALAN

Secara sederhana, perilaku berbahasa yang dikuasai seseorang itu, pada dasarnya mencerminkan satu sistem komunikasi di dalam akal budi dan pemikiran masyarakatnya (Awang Sariyan 2015). Walaupun dampak langsung tidak bersifat tampak, namun fungsi bahasa sebagai alat pengisi tamadun sesuatu negara bangsa (pemikiran, nilai, kesenian dan kebudayaan) amat penting sekali. Melalui bahasa, pelbagai idea, konsep, dapatan dan temuan dapat diungkapkan sekali gus disebarluaskan kepada masyarakat sama ada dalam sistem pendidikan, media massa dan interaksi mengikut pelbagai bentuk wacana (Asmah Omar, 2015 dan Awang Sariyan, 2015). Justeru itu, setiap individu tanpa mengira usia dan kedudukan wajib menguasai bahasa terutama sekali kemahiran membaca.

Pewajarannya, kompetensi membaca direalisasikan dalam bentuk bahasa tulisan (D. Diringer 1968 dan Marohaini Yusoff, 2004). Hal ini amat dituntut pada abad 21, yang dikatakan bersinonim dengan arus globalisasi iaitu satu proses yang membolehkan idea, nilai dan produk dari satu tempat disebarluaskan ke seluruh pelosok dunia dengan pantas melalui teknologi baharu dalam semua aspek kehidupan manusia sejagat (Md. Salleh Yaapar, 2011). Oleh itu, masalah kegagalan pemahaman membaca mekanis dalam kalangan murid-murid pemulihan Sekolah Kurang Murid

(SKM) secara tidak langsung sudah tentu memberi kesan negatif terhadap pencapaian hasrat yang tersurat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Dalam hubungan ini, proses perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran pemahaman bacaan mekanis perlu dibedah siasat, didedahkan dan dikukuhkan kerangka disiplin psikolinguistik mengikut kaedah yang betul dan bersistematik. Aspek terpenting ialah amalan pedagogi guru-guru sekolah rendah yang hanya menjurus perihal murid semata-mata perlu difikirkan semula (Abdul Aziz Abdul Talib, 2016). Isu penguasaan membaca berhubung kait dengan elemen bahasa sahaja dan bersifat formal. Hal ini sejajar dengan pendapat Mangantar Simanjuntak (2020) yang menegaskan “masalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca adalah masalah psikolinguistik”.

Dari segi disiplin psikolinguistik, proses pemahaman membaca bukanlah satu kerja yang mudah berbanding dengan proses dengar tutur (bahasa lisan). Kajian Zulkifley Hamid (2007) mendapati setiap individu itu tidak dibekalkan dengan alat nurani untuk membolehkannya mengenal, memahami dan menulis simbol bahasa secara semula jadi. Menurutnya lagi, tingkah laku pemahaman membaca merupakan satu proses yang rumit dan berturutan, iaitu seseorang itu perlu mengamati, mengingati, mendengar dan membezakan bunyi dengan tepat, menyebut simbol-simbol huruf yang mewakili bunyi tertentu, menggabungkan bunyi itu untuk membentuk perkataan dan memindahkan lambang tersebut kepada sistem kognitif untuk diterjemahkan dan difahami. Pendek kata, PdP kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan sekolah rendah harus dikaji berdasarkan asas pengetahuan dan kemahiran mengenai sistem fonologi, leksikal, sintaksis dan pragmatik dalam bahasanya (Abdul Aziz Abdul Talib, 2016; Soenjono Dardjowidjojo, 2007; Zulkifley Hamid, 2007).

SOROTAN LITERATUR

Di Malaysia, banyak kajian dilakukan oleh penyelidik tempatan untuk cuba meneroka masalah kesukaran atau tidak boleh membaca dalam kalangan pelajar sekolah sama ada di peringkat menengah, rendah dan prasekolah. Namun demikian, pengisian kajian yang berkaitan dengan masalah pemahaman bacaan mekanis melibatkan masih kurang. Semenjak kerajaan memperkenalkan pelbagai program untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid-murid tahap 2 sekolah rendah, pelbagai kajian telah dilakukan oleh penyelidik tempatan untuk menelusuri permasalahan tersebut secara serius.

Kajian oleh Noor Aina Dani dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2007) yang bertajuk “Amalan Psikolinguistik dalam Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu Tahun 1” menunjukkan bahawa subjek kajian (murid-murid tahun 1) boleh menguasai bacaan asas pada peringkat sintaksis dengan baik dan berkesan sesudah guru menerapkan amalan psikolinguistik dalam sesi pengajarannya. Peningkatan penguasaan bacaan asas pada peringkat sintaksis berlaku kerana mereka didedahkan dengan kepelbagaian kaedah, teknik dan strategi pengajaran yang bersistematik. Keteguhan hubungan di antara penguasaan bahan bacaan (asas membaca) berdasarkan amalan psikolinguistik dengan pencapaian bahasa Melayu subjek kajian ditentukan dengan formula pekali korelasi Pearson. Keputusan analisis berdasarkan formula pekali korelasi Pearson yang diperolehi daripada kedua-dua proses pengujian uji dan uji kembali telah menunjukkan hubungan yang signifikan dengan markat ujian. Walau bagaimanapun, masih terdapat juga sebilangan kecil subjek kajian (kumpulan lemah atau lambat) tidak dapat menguasai modul bacaan secara keseluruhan.

Manakala dalam kajian Tajul Ariffin Kassin (2006) yang bertajuk “Masalah Penguasaan Kemahiran Membaca di Kalangan Murid-murid Prasekolah”. Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti permasalahan teks yang menyebabkan murid-murid prasekolah di beberapa buah sekolah rendah di daerah Kuala Kangsar, Perak gagal menguasai kemahiran membaca. Tek yang dikaji berjumlah 12 buah dan rujukan untuk mengukur kesesuaian teks dan permasalahan teks adalah berdasarkan Modul Bahasa Melayu Prasekolah, KPM. Metodologi kajian ini cuba menggunakan dua buah modul iaitu Modul Sistem Bacaan USM (KBUSM) dan Modul Sistem

Bacaan Huruf (KSBH) yang dijalankan melalui dua peringkat iaitu praujian (Februari, 2004) dan pascaujian (September, 2004). Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 10 buah dan merangkumi seramai 325 orang subjek kajian (225 orang bagi modul KBUSM dan 100 orang menggunakan modul KSBH).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teks bacaan mengikut Sistem Bacaan Huruf (SBH) yang diamalkan oleh sebahagian besar guru-guru prasekolah dan sekolah rendah menimbulkan masalah besar terhadap tahap kefahaman murid-murid tersebut. Kekeliruan tersebut berlaku kerana wujud ketidaksinkronisan bunyi input dengan bunyi output. Dalam kata lain, lain dieja (input), lain pula dibunyikan (output). Gejala ini semakin ketara apabila guru lebih cenderung menggunakan dialek daerah atau Sistem Sebutan Bahasa Melayu Baku Johor (BMB) semasa proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca. Contohnya, bunyi vokal /a/ disebut sebagai [e], vokal /i/ disebut sebagai [ai] dan vokal /e/ disebut sebagai [i]. Dalam hal ini, penghasilan perkataan 'kata' akan dieja sebagai 'kete' dioutputkan sebagai [katə] untuk BMB dan [kata] untuk SBMM. Dapatan kajian ini menyarankan agar guru prasekolah dan guru Tahun 1 menggunakan sistem Bacaan Bunyi Universiti Sains Malaysia (KBUSM) untuk mengajar kemahiran asas 2M.

Masalah kegagalan murid-murid tahun 1 menguasai kemahiran pemahaman bacaan mekanis juga dikaji oleh Charlotte J Bolling (2008) dalam artikelnya yang bertajuk "Reading Success In The Intervention Classroom". Berdasarkan artikel ini, beliau menyatakan masalah kegagalan membaca menjadi semakin serius jika tiada langkah sistematik dilakukan terhadap murid-murid lemah (subjek kajian). Mereka memerlukan lebih tumpuan daripada gurunya. Kaedah pengajaran guru perlu mengintegrasikan proses membaca dengan keperluan kurikulum. Barulah kemahiran membaca dapat dipelajari secara sistematik dan mendapat perhatian murid lemah.

Zulkifley Hamid (2007) menyatakan lakuan pemahaman melibatkan satu proses mental iaitu satu urutan gerak laku memproses maklumat yang kompleks. Clark & Clark 1977, dalam Soenjono Dardjowidjojo, (2007) mentakrifkan istilah pemahaman bahasa kepada dua konsep iaitu pemahaman terhadap ujaran yang didengari seseorang dan pemahaman yang dikaitkan dengan tindakan yang perlu dilakukan setelah pemahaman itu terjadi. Istilah mekanis pula diertikan sebagai menyuarakan lambang tulisan dengan sebutan, intonasi dan irama yang jelas mengikut gaya yang betul melalui pergerakan alat-alat artikulasi atau melakarkan semula lambang tulisan mengikut bentuk, saiz, jarak dengan kemas dan cantik (Kamarudin Husin, 2010). Tegasnya, ungkapan pemahaman mekanis merujuk kepada satu proses mental pembentukan makna daripada bunyi sama ada secara bersuara (huruf atau perkataan).

Bagi kajian ini, tahap pemahaman bacaan mekanis hanya memperihalkan proses mental yang berlaku dalam kalangan murid-murid pemulihan SKM. Peringkat pemahaman input bahasa hanya melibatkan kebolehan mengeja, membatang dan menyebut semula struktur pola suku kata terbuka.. Secara logik, semakin banyak huruf dan perkataan difahami seseorang murid, maka semakin baik tahap pemahaman bahasanya.

Dalam hirarki pembejarian bahasa, kemahiran membaca harus diajar setelah seseorang murid menguasai kemahiran mendengar dan bertutur (Aziz Abdul Talib, 2016. Smith (1969, dalam Zulkifley Hamid 2007:141) mentakrifkan membaca sebagai proses psikolinguistik yang berlaku apabila seseorang membentuk semula di dalam pemikirannya (dengan sebaik mungkin) makna yang telah diterbitkan oleh seseorang penulis dalam bentuk tulisan yang kemudian dibaca oleh si pembaca tadi. Kesimpulannya, pemahaman bacaan mekanis merupakan proses yang kompleks dan melibatkan tiga lakuan pemahaman secara bertahap-tahap. Proses pertama ialah mengenal lambang tulisan, kemudian disusuli dengan proses menterjemahkan lambang tadi kepada bentuk bunyi. Proses yang terakhir ialah mendapatkan makna bagi bentuk-bentuk tulisan tersebut melalui bantuan tiga kiu (tanda saran) iaitu kiu grafik, kiu sintaktik dan kiu semantik (Goodman 1969, dalam Abdul Aziz Talib, 2016).

Berdasarkan sorotan kajian-kajian di atas, boleh disimpulkan bahawa guru perlu ada semangat tanggungjawab yang tinggi dan mampu memahami keperluan kaedah pengajaran yang

khusus kepada murid-murid yang bermasalah dalam kemahiran pemahaman bacaan mekanis. Pemilihan sistem bacaan sama ada sistem bacaan huruf atau sistem bacaan fonik merupakan pendekatan kaedah yang harus dibuat pemilihan yang betul agar proses pengajaran dan pembelajaran membaca lebih mudah dan menarik. Dalam konteks ini, guru seharusnya menggunakan bahasa yang benar-benar sesuai dengan tahap kemampuan pembelajaran murid-murid kategori lemah atau lambat.

Hasil tinjauan penyelidikan pustaka menggambarkan beberapa dapatan penting untuk mengenal pasti tahap pemahaman mekanis dan bentuk kesukaran dalam pembelajaran kemahiran membaca yang dialami oleh murid-murid sekolah rendah katgori SKM. Pertama, faktor kesediaan bahasa yang merangkumi persediaan alat-alat fizikal, pemahaman mendengar dan bertutur dan pengalaman atau pengetahuan berbahasa untuk membolehkan proses mendiskriminasi dan mengaitkan lambang bahasa bertulis menjadi pra syarat kepada murid-murid SKM untuk memahami bahan bacaan. Dapatan penyelidikan pustaka juga menunjukkan bahawa aspek penguasaan kosa kata mempengaruhi proses pemahaman asas membaca. Dari segi kaedah, amalan yang berteraskan psikolinguistik perlu diberi keutamaan dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran pemahaman bacaan mekanis secara berkesan dan bermakna.

OBJEKTIF

Mengenal pasti pemahaman bacaan mekanis (asas membaca dan memahami) murid-murid pemulihan di SKM, Simunjan, Sarawak

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan amalan pedagogi guru yang berkhidmat di Sekolah Kurang Murid (SKM), didapati murid-murid pemulihan (tahap 1) di peringkat rendah masih gagal menguasai kemahiran pemahaman membaca pada peringkat mekanis (Zamri Mahamod, 2007). Defisit masalah ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor keciciran (Ishak Harun, 2009). Jurang tersebut semakin melebar apabila operasi sekolah terpaksa ditutup buat sementara waktu (3 bulan) dan guru Bahasa Melayu terpaksa menggunakan kaedah pembelajaran 'online' semasa Malaysia menguatkuasakan dasar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mendepani pandemik Covid 19 pada tahun 2020. Kajian Azlin Norhaini Mansor et. al. (2020) mendapati kadar kehadiran murid yang mengikuti PDPR (Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah) tidak mencapai 80%.


Banyak kajian dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negara terhadap masalah ini. Namun begitu, kajian yang memberi tumpuan khusus terhadap tahap dan bentuk kesukaran pemahaman bacaan mekanis kurang ditelusuri secara terperinci dan sistematik. Kefahaman mendalam dua pembolehubah ini perlu diambil kira oleh para pendidik untuk menambahbaik strategi PdP standard pemahaman bacaan mekanis murid pemulihan secara berfikir sejajar dengan pengetahuan sedia ada mereka. Dengan demikian, tingkah laku pemahaman ini berupaya dijadikan asas untuk menyediakan golongan murid ini belajar aras pemahaman bacaan selanjutnya (bacaan dan memahami). Rata-rata sarjana psikolinguistik bersepakat menyatakan bahawa golongan murid ini dianggap terasing, istimewa dan sering menemui jalan buntu apabila mengikuti kaedah pengajaran murid arus perdana. Berdasarkan senario di atas, maka, penyelidik berpendapat satu kajian secara teliti dan mendalam perlu dijalankan untuk mengenal pasti tahap dan bentuk kesukaran pemahaman bacaan mekanis peserta kajian untuk membantu guru Bahasa Melayu menambahbaik kaedah pengajaran yang efektif dan bermakna sedia ada.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Penyelidik akan menerapkan teori Pemprosesan Maklumat R.M Gagne (1988) untuk membincangkan masalah yang berhubungkait dengan status penguasaan dan bentuk pemahaman bacaan mekanis dan dalam kalangan murid-murid pemulihan Tahun 2 kategori SKM yang telah dikenalpasti melalui ujian saringan. R.M Gagne dan M.P Driscoll dalam bukunya *Essentials of*

Learning for Instructions (1988) telah mengemukakan satu teori mengenai bagaimana manusia memperoleh dan memahami maklumat dalam sesuatu proses pembelajaran. Berdasarkan teori ini, rangsangan-rangsangan dari persekitaran luar akan diterima dalam sistem saraf melalui deria-deria manusia. Input bahasa atau maklumat ini akan ditafsirkan melalui ingatan deria, stor ingatan jangka pendek dan stor ingatan jangka panjang dan akhirnya kepada penggerak tindak balas melalui sistem saraf sebagaimana yang digambarkan dalam rajah 1.

Lakuan pemahaman akan bermula daripada rangsangan-rangsangan di luar tetapi bergantung kepada motivasi luaran atau dalaman murid-murid itu sendiri. Sekiranya motivasi pada ketika itu memilih motif dalam kesediaan pembelajaran, maka proses pemahaman input akan berlaku. Selain itu, pengalaman-pengalaman yang disimpan dalam stor ingatan jangka panjang adalah penting untuk dikaitkan dengan pengalaman-pengalaman baharu bagi memudahkan proses pemahaman sedia ada berlaku. Apabila perubahan tingkah laku dapat diperlihatkan, maka proses pemahaman (pembelajaran) dikatakan telah berlaku. Menurut Gagne, fasa maklum balas yang terakhir adalah penting dalam lakuan pemahaman kerana fasa ini menjadi alat untuk memperkukuhkan konsep dan ilmu pengetahuan yang baru diperoleh. Oleh itu aktiviti peneguhan seperti pujian atau penghargaan terhadap prestasi yang ditunjukkan harus diberi keutamaan yang paling tinggi.



Rajah 1: Model Proses Pembelajaran Gagne

(Sumber: R.M. Gagne & M.P. Driscoll, *Essentials of Learning for Instruction*, 1988)

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kualitatif. Bagi menjayakan kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah spesifik bagi mendapatkan data secara komprehensif. Hasil daripada data yang diperolehi akan mencorakkan bentuk dapatan kajian ini. Metodologi kajian yang digunakan pengkaji adalah secara kaedah analisis data kualitatif. Seramai 4 orang murid pemulihan kategori SKM telah dikenalpasti oleh guru Bahasa Melayu (guru interim di bawah program PDPP) dan diperakukan guru besar melalui ujian saringan pemahaman bacaan mekanis. Kesemuanya berada dalam tahun 2 di SK Sg. Arus (2 orang murid) dan SK Bulan Jeragam (2 orang murid), Simunjan, Sarawak.

Kajian berdasarkan kaedah kualitatif memerlukan pengkaji memerhati dan meneliti masalah sebenar di persekitaran yang sebenar (Marohaini, 2011). Dalam hubungan ini, isu kesukaran pemahaman bacaan mekanis peringkat mekanis pemaklum kajian di SKM tahap 1 yang diklasifikasikan sebagai murid pemulihan dapat ditentukan dengan tepat setelah selesai 3 bulan mengikuti arus pembelajaran perdana (ujian saringan).

Pemilihan Tempat Kajian

Menurut Bogdan dan Bikken (1998), kebanyakan kajian kualitatif perlu dijalankan di tempat lapangan bertujuan untuk mengutip data secara komprehensif. Dalam hal ini, pengkaji melalui bimbingan berstruktur kepada guru Bahasa Melayu (guru interim yang sedang mengikuti program PDPP) di SK Sg. Arus dan SK Bulan Jeragam, Simunjan telah dipilih kerana kerana sekolah tersebut mempunyai segala aspek yang diperlukan bagi membolehkan kajian ini dijalankan. Guru besar dua sekolah juga meminta jasa baik (secala lisan) pengkaji untuk mengkaji peserta kajian yang telah ditentukan. Pernyataan ini selaras dengan pendapat Jorgensen (2009) dan Marohaini Yusoff (2001), yang mengatakan sesuatu data itu boleh dikutip jika ia mempunyai ciri-ciri yang sama dan tidak berubah.

Pemilihan Peserta Kajian

Pengkaji telah memilih seramai 4 orang peserta kajian yang telah ditentukan oleh guru Bahasa Melayu dan disokong teraju kepimpinan sekolah. Pengkaji telah menggunakan beberapa garis panduan dalam memilih peserta kajian seperti berikut, iaitu;

1. Murid pemulihan yang mendapat markah ujian paling rendah dalam ujian saringan.
2. Murid pemulihan 'atas pagar'. Jika dibantu murid ini mempunyai potensi yang cerah untuk menguasai kemahiran pemahaman bacaan mekanis.

Teknik Pengumpulan Data

Penyelidik telah menjalankan teknik pengumpulan data untuk mengumpul seberapa banyak data deskriptif. Data ini mampu memberikan gambaran holistik tentang amalan memerhati dan temu bual serta bukti dokumentasi yang dapat dijadikan asas dalam tempoh kajian yang dilakukan (Spradley 1980; Merriam 1988; Bogdan dan Bikken 1988; dalam Marohaini Yusoff 2018).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini akan meliputi semua aspek sumber data yang diperolehi melalui temu bual, soal selidik dan ujian saringan.

Dapatan Temu bual Guru Bahasa Melayu (Guru Interim di bawah PDPP)

Paparan maklumat berdasarkan analisis data mengikut pengumpulan data daripada jadual 1 ;

Jadual 1: Data Temu bual Guru Bahasa Melayu (Guru Interim di bawah program PDPPambilan Jun 2021) Tentang Tahap dan Bentuk Kesukaran Pemahaman Bacaan Mekanis Peserta Kajian (Murid Pemulihan)

Latar Belakang Murid		Masalah Dihadapi		Tindakan Guru (PdP)		Tahap Penguasaan Membaca	
Perawakan normal	3	Lambat	4	Latih tubi	4	Mengeja/batang	4
SES rendah	4	Hafal	3	BBM	3	Mengeja/batang	3
Abang/ kakak ber-masalah membaca	2	Mudah Lupa	2	Kekerapan Ulangan	3	Terhad	4
Dorongan belajar	1	Tiada keyakinan	3	Usaha konsisten	3	Terhad	3
Jumlah Murid	4	Perlu bantuan	4		4	Terhad	1

Jadual 1 di atas menunjukkan peserta kajian (murid pemulihan) yang berjumlah 4 orang terdiri daripada keluarga yang SES rendah (aspek demografi). 3 orang berperawakan normal dan seorang kelihatan selekeh. Dapatan ini disokong melalui data temu bual guru Bahasa Melayu seperti berikut;

Temu bual 1 : Guru Interim Bahasa Melayu (PDPP)
“Banyak sebablah cikgu. Kebanyakannya datang daripada keluarga yang tidak pandai membaca. Biasanya tiada follow up di rumah...”

Data daripada temu bual dengan guru Bahasa Melayu menunjukkan abang atau kakak dua orang peserta kajian yang pernah mengikuti kelas pemulihan seolah-olah menjadi *“trend”* bahawa faktor *“genetik”* mempunyai hubung kait yang kuat menyebabkan adik mereka juga tidak dapat menguasai kemahiran pemahaman bacaan mekanis. Malah, pihak sekolah juga telah mendapat *“hint”* jika ada murid pemulihan yang mempunyai *“bin”* atau *“binti”* yang sama, maka pihak sekolah boleh bersedia untuk menerima adik mereka di kelas pemulihan pada tahun akan datang.

Temu bual 2 : Guru interism bahasa Melayu (PDPP)

*“Macam ada suatu **“trend”** pula. Kalau abang dan kakaknya pernah belajar kelas pemulihan, jika ada **“bin”** atau **“binti”** yang sama, kami boleh bersedia menerima adiknya pada tahun hadapan. Macam PK2 tu, dia ada abangnya di sini dulu.”*

Analisis temu bual dengan guru Bahasa Melayu juga mendapati rata-rata peserta kajian mempunyai perwatakan yang pendiam, malas bertanya, *“kurang fokus”*, suka *“merapu”* dan sentiasa memerlukan dorongan atau motivasi daripada guru atau kawan-kawan. Biasanya mereka suka menjawab soalan dengan mengulangi jawapan yang sama sebanyak dua kali. Suatu aspek

menarik tentang murid ini ialah mereka juga mempunyai sifat tekun, mendengar kata dan gemar mencuba setelah diberi dorongan oleh seseorang.

Selain itu, analisis temu bual guru Bahasa Melayu (guru interim di bawah PDPP) mendapati masalah utama peserta kajian dalam aktiviti pemulihan mengambil kira faktor **“lambat”** tetapi **bukan lembam**. Mereka juga menghadapi masalah daripada aspek **suka menghafal tanpa memahami** hafalannya.

Temu bual 1 : Guru Bahasa Melayu (guru Interim)

“Kita kena mengajar macam KLSRlah sebab mereka ini lambat sikit dapat.”

“Apa maksud “lambat” dapat ni, cikgu?”

“Tidak mudah dapat mengeja. Kena diajar betul-betul. Tak sama macam budak-budak normal lain.”

Temu bual 1 : Guru Bahasa Melayu (guru Interim)

“Ada nampaknya. Mereka dah boleh mengenal huruf tapi lebih kepada menghafallah”

“Pada tahap sekarang mereka sudah boleh kenal vokal dan konsonan walaupun macam menghafal sahaja.”

Data temu bual juga ada memberikan tentang kesukaran memahami membaca dan mengeja akibat daripada masalah **“mudah lupa”** ini. Misalnya:

Temu bual 1 : Guru Bahasa Melayu (guru Interim)

“Mereka ada macam masalah “short term memori” Sekejap saja ingat kemudian lupa balik.”

”Apa maksud cikgu?”

“Seperti yang saya cakap tadilah. Mudah sangat lupa. Dapat je satu pola suku kata, kemudian sekejap saja boleh lupa balik. Kenalah ulang-ulang selalu.”

Analisis data TB 1 (Guru Bahasa Melayu) dan TBSS, mendapati PK2, PK3 dan PK4 terlalu bergantung kepada guru atau pun rakan-rakan dalam proses membaca. Bila ada guru atau rakan yang membantu untuk mengeja, mereka akan berasa lebih yakin dan mulai eja-baca. Dari segi usaha mengatasi masalah yang dialami peserta kajian, analisis data temu bual menunjukkan guru Bahasa Melayu ada menggunakan pendekatan pengajaran berfokuskan latih tubi bagi memastikan golongan sasaran ini memberikan fokus dan dapat mengingat huruf vokal dan konsonan serta mampu mengeja KVKV. Usaha ini turut disokong melalui penggunaan bahan bantu belajar yang pelbagai.

Temu bual 1 : Guru Bahasa Melayu (Guru Interim)

“Kami gunakan kaedah lama macam KLSR dululah. Tapi nampak berkesan juga. Kami kena banyakkkan penggunaan BBM seperti kad imbasan huruf, gambar-gambar dan dilatih tubi membunyi dan menulis huruf konsonan.”

Temu bual 3 : Guru Bahasa Melayu (Guru Interim)

“Latih tubi paling berkesan Ia perlu dilakukan secara kerap juga.”

Analisis temu bual juga memperlihatkan tahap bentuk kesukaran pemahaman bacaan mekanis yang dihadapi peserta kajian berbeza dari aspek menyebut, mengeja atau membatang dan menyebut semula perkataan yang mempunyai pola suku kata terbuka.;

Temu bual 1 : Guru Bahasa Melayu (Guru Interim)

*“Pada tahap sekarang mereka sudah **mulai kenal huruf vokal dan konsonan** walaupun macam **menghafal** sahaja tapi bila sampai membunyikan huruf, itu yang menjadi masalahnya. Boleh membunyikan huruf tapi sukar betul dan **membatangkan suku kata**.*

Temu bual 3 : Guru Bahasa Melayu (Guru Interim)

*“**Tak tahu membatang** huruf vokal dan konsonan pun tak tahu secara rawak. Kalau menyanyikan ok. Paling sukar jika **membatangkan KVKV**. Namun dalam suku kata awal KVKV ok.”*

Temu bual 4 : Guru Bahasa Melayu (Guru Interim)

*“Stainley ni **suka menghafal**. Bila menyanyi lagu ABC boleh tapi bila huruf depan mata sebesar gajah pun tak kenal.”*

*“Agak menakjubkan Selepas menjalankan kelas Intervensi selama 5 bulan, dia telah **dapat menguasai** kebanyakan perkara asas membaca dan menulis*

Jika ditinjau dapatan data ujian saringan, pencapaian tahap pemahaman bacaan mekanis semua peserta kajian masih berada pada terhad. Dalam hubungan ini, PK1 mendapat 11/60 markah, PK2 memperoleh 20/60 markah, PK3 meraih 12/60 markah dan PK4 hanya mampu menguasai 26/60 markah..Berdasarkan respons yang dikemukakan peserta kajian, di dapati peserta kajian (murid pemulihan) mengalami masalah membunyi huruf dan membatang suku kata KVKV. Kesukaran pemahaman bacaan mekanis berkisar tentang kekeliruan nama huruf, bentuk huruf dan bunyi abjad, mengecam suku kata KV, membatang suku kata KVKV dan akhir sekali adalah mengingati bunyi suku kata KVKV. Bukti ini dapat digambarkan melalui Jadual 2.

Jadual 2 : Bentuk Kesukaran Pemahaman Bacaan Mekanis Ujian Saringan

BENTUK KESUKARAN MEMBACA PEMAKLUM KAJIAN					
Kenal Abjad		Mengecam Suku Kata KV		Membatang Suku Kata KVKV	
Keliru nama Huruf	3	Konsistensi	3	Boleh (Dengan bantuan)	1
Keliru bentuk huruf	4	Lupaan	4	Tidak boleh (Tanpa Bantuan)	0

Keliru bunyi huruf	4	Penggantian	4	Tinggalan Boleh (Dengan bantuan)	4
--------------------	---	-------------	---	----------------------------------	---

Berdasarkan analisis triangulasi data temu guru Bahasa Melayu dan peserta kajian serta ujian saringan di atas, pemahaman bacaan mekanis dapat disimpulkan seperti berikut, iaitu;

- i. Dari aspek demografi, masalah pemahaman bacaan mekanis peserta kajian turut dipengaruhi pembolehubah **SES yang rendah**.
- ii. Pemahaman bacaan mekanis peserta kajian amat dipengaruhi elemen **“kekeliruan”** dan **“tidak konsisten”**.
- iii. **“Slow learner”** yang bukan lembam wujud dalam kalangan peserta kajian memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran memusatkan guru dan berfokus.
- iv. Kaedah pengajaran guru berbentuk **latih tubi** dengan BBM yang sesuai dan PdP secara **”Didik Hibur”** menjadi jalan penyelesaian untuk membantu peserta kajian menguasai pemahaman bacaan peringkat mekanis secara berstruktur dan sistematik.

Apabila dapatan i-iv dikaitkan dengan kerangka Model Proses Pembelajaran Gagne (1988), pengkaji mendapati bahawa elemen persekitaran dan motivasi menjadi pra syarat untuk mengaktifkan tiga jenis ingatan untuk memproses maklumat yang dipelajari peserta kajian. Dalam hal ini, ingatan jangka pendek, deria dan ingatan jangka panjang merupakan pembolehubah yang paling penting untuk menjelaskan proses pemahaman bacaan mekanis dalam kalangan peserta kajian. Ingatan jangka pendek kurang dimanipulasi oleh individu yang berada di persekitarannya. Dalam hal ini, motivasi positif amat perlu diberikan terlebih dahulu sebelum pengajaran sebenar dilakukan kepada murid lemah membaca dan menulis ini. Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa tahap penguasaan mengeja dan membatang suku kata asas KVKV juga masih belum mantap dalam kalangan peserta kajian. Faktor ini adalah dipengaruhi oleh kegagalan mereka mengenal dan mengecam huruf asas vokal dan konsonan. Justeru kesukaran itu berterusan dan menjadi kendala kepada proses membaca seterusnya. KVKV adalah pola paling asas membaca kepada murid. Hal ini sepatutnya telah mulai dikuasai murid pada peringkat tadika lagi. Daripada maklumat temu bual guru, pengkaji mendapati bahawa proses pembelajaran pada peringkat tadika langsung tidak membantu peserta kajian menguasai kemahiran asas M iaitu 2membaca dan menulis. Rentetan daripada itu, peserta kajian lebih berisiko menghadapi masalah **“keciciran”** apabila mereka masuk ke kelas arus perdana.

Kegagalan murid membaca dan menulis ini lebih menumpu kepada menggabung suku kata kedua tertutup KVKV. Pengkaji mendapati peserta kajian tidak menghadapi banyak masalah ketika mengeja dan membatang suku kata terbuka KVKV seperti **“ba + ta”**. Namun jika berhadapan dengan suku kata KVKV terbuka dan tertutup seperti **“ba + lu”** didapati mereka akan **“keliru”** dan gagal membatang suku kata tersebut tanpa bantuan guru atau rakan-rakan yang lain. Jelas kepada pengkaji bahawa peserta kajian masih berada pada peringkat asas mengeja dan membatang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, bahan dan sistem bacaan yang digunakan dalam pembelajaran membaca perlu dinilai dari aspek pengisian bahasanya yang bersesuaian dengan tahap akal budi murid-murid dan diperingkatkan secara teratur iaitu dari aras yang mudah ke aras yang sukar. Guru-guru sekolah rendah kategori SKM harus berpengetahuan tentang keperluan pembelajaran dan ciri-ciri murid-murid tahap 1 dari pelbagai aspek. Dengan demikian, pembelajaran kemahiran membaca yang dilalui murid-murid dapat dibina dan berkembang secara positif dan menyeronokkan. Pendek kata,

secara keseluruhan kesemua pembolehubah yang ditinjau melalui penyelidikan pustaka merujuk kepada empat kategori sahaja iaitu kesediaan bahasa, kaedah, guru dan murid. Dari sudut psikolinguistik, semua kategori tersebut saling bertindan tindih atau cukup kuat dipengaruhi elemen mental, emosi, fizikal, sosioekonomi dan kecerdasan pada kapasiti yang berbeza-beza antara seorang murid dengan murid yang lain. Jurang perbezaan tersebut perlu diketahui secara mendalam oleh para guru kerana penentuan “proses” yang salah akan mengakibatkan murid-murid tertentu tersekat untuk melalui proses pembelajaran secara berkesan.

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin (2012). *“Ke Arah Negara Maju dan Inspirasi Kepada Kurikulum Sekolah”*, Seminar Kurikulum Kebangsaan 1, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- American Federation of Teachers (2001). <http://www.aft.org/edissues/index.htm>. Anna L Casebeer (1997). *“Combining Qualitative Research Methods: Considering The Possibilities For Enhancing of Study”*, London: Oxford University.
- Azman Wan Chik (2019). *“Kesilapan Penggunaan Bahasa Melayu oleh Murid-murid Melayu”*. Dalam Abdullah Hassan (Ed), *“Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Melayu”*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Charlotte J Bolling (2008), *“Reading success in the intervention classroom”*. Washington : Winter 2008. Vol 52 Iss.2; Pg 58.
- Muhammad Saiful Haq bin Hussin dan Nor Aina Dani, 2007, *Amalan psikolinguistik dalam penguasaan sintaksis Bahasa Melayu murid tahun 1*. Jilid 7. Bil. 1, Jun 2007. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia. m.s 47-88.
- Molly M Menzies (2007), *“Early intervention in reading: from research to practice”*.: Vol. 29. Iss.2 pg 67.
- Gumperz, J.J & Gumperz J, (1988). *“Language and the communication of social identity”*. Open University Press.
- Gardner, H. (1991), *“Multiples intelegences: the theory in practice”*. Basic Books: New York.
- Jorgensen, D (1989), *“Exploring topics of consequence in early reading childrens”*. Boston: Allyn and Bacon.
- Kamaruddin Abdullah (2020). *“KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu”*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2016). *“Masalah penguasaan membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah”*. : Pusat Perkembangan Kurikulum.
- L.R. Gay, Peter Airasian (2003). *“Educational research : competencies for analysis and applications (7th Editions)”*. New Jersey, Pearson Educations Inc.
- Michael D. Mayers (1997). *“Qualitative research: an information system”*, MISQ Discovery: New York.

Marohaini Yusoff (2001). "*Penyelidikan kualitatif: pengalaman kerja lapangan kajian*"
Universiti Malaya:Kuala Lumpur.

Salehudin Ahmad (2015). "*Analisis kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun 1 di sekolah menengah agama negeri Melaka*" Seminar Penyelidikan Pendidikan, IPBA : Kuala Lumpur.

Tolmann J. (1996). "*Purposive behaviorism in theory of the children*" DELMAR Thomson Learning, Inc.

TEKNIK DRAMA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH

Hj. Sapiee Bin. Saidi

sapiee.saidi@ipgmktar.edu.my

Sawal Bin Achong

sawal.achong@ipgmktar.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Kaji penyelidikan ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Soal selidik dan pemerhatian turut serta digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden khususnya berkaitan dengan minat dan sikap murid-murid Iban terhadap penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Penggunaan teknik drama seperti lakonan, pentomin dan beberapa aktiviti lain yang berkaitan dengan amalan pedagogi bahasa Melayu telah terbukti mampu mewujudkan keseronokan dan meningkatkan pemahaman murid terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh guru di dalam kelas. Kepelbagaian aktiviti dalam pengajaran guru dapat menggalakkan penyertaan murid-murid tanpa mengira tahap kecerdasan mereka. Seterusnya, kajian ini digunakan untuk memastikan adakah penggunaan teknik drama dapat mempengaruhi minat dan sikap murid-murid Iban untuk datang ke sekolah seterusnya mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan 30 (24%) orang responden yang terdiri daripada murid-murid Iban Tahun 5 dan 6 di Sekolah Kebangsaan St. Michael Entingan, Kota Samarahan, Sarawak. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis menggunakan statistik frekuensi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden berminat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama. Mereka mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh guru. Kajian ini juga membuktikan bahawa dengan menggunakan teknik drama di dalam kelas bahasa Melayu, mampu menarik minat responden untuk datang ke sekolah.

PENGENALAN

Pengajaran ialah satu usaha ke arah mempertingkatkan dan memperkembangkan potensi diri dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seseorang individu. Pengajaran juga berupaya menambah kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman murid supaya dapat memberi kegembiraan, faedah dan kemajuan dalam kehidupannya. Ini akan membantu dan mendorongnya bertindak dengan cara yang sihat bagi faedah diri dan masyarakat, bangsa dan negaranya. Bagi mencapai hasrat itu, guru memainkan peranan penting. Seseorang guru harus merancang, melaksana dan membuat penilaian sesi pengajaran dan pembelajaran agar menepati citarasa dan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

PERMASALAHAN KAJIAN

Secara puratanya responden kajian di kawasan kajian mempunyai pencapaian yang sederhana dalam akademik. Mereka juga tidak mempunyai minat yang tinggi untuk belajar. Begitu juga dengan sikap terhadap pelajaran. Kebanyakan mereka begitu pasif dan pemalu. Namun begitu, sifat-sifat negatif yang sinonim dengan mereka terutamanya dari aspek minat dan sikap terhadap pelajaran bukanlah sesuatu yang tepu sifatnya. Minat boleh dipupuk dan sikap boleh diubah jika kena dengan cara dan gayanya. Apa yang paling penting adalah usaha yang berterusan oleh para pendidik untuk mencari strategi yang sesuai dalam usaha menyampaikan ilmu dan nilai kepada murid-murid Iban. Hakikatnya dari segi teori, pelaksanaan teknik drama dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah mampu menyuburkan daya kognitif dan kemahiran sosial murid-murid.

Apa yang diharapkan agar strategi yang dirancang dengan mengaplikasikan beberapa teknik drama mampu memberi semangat dan dimensi baru kepada minat dan sikap murid-murid Iban terhadap subjek Bahasa Melayu khususnya dan terhadap bidang pelajaran amnya. Sesungguhnya usaha murni ini diharap dapat mengubah senario amalan pedagogi Bahasa Melayu ke arah yang lebih mantap, kemas dan tersusun dalam usaha meningkatkan prestasi mereka ke arah yang lebih cemerlang dan terbilang. Melalui daya kreativiti guru, pengubahsuaian strategi dan teknik mengajar dapat dilakukan untuk menjadikan pengajarannya lebih menarik, bermakna dan membawa kesan yang maksimum lebih-lebih lagi berdepan dengan murid-murid yang bermasalah. Salah satu teknik yang mampu memenuhi ciri tersebut adalah melalui pelaksanaan teknik drama dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini kerana bahasa sebagai medium penting dalam proses penyampaian ilmu perlu dikuasai dengan mempelajarinya melalui kurikulum yang dirangka.

Bagi memastikan keberkesanan program pengajaran sesuatu bahasa, ia perlu diiringi dengan sikap yang positif dan persepsi yang tinggi terhadap bahasa itu sendiri. Sikap terhadap sesuatu bahasa ditandai oleh tiga ciri utama, iaitu kesetiaan bahasa, kebanggaan atau gah bahasa dan kesedaran akan adanya norma bahasa. Sikap positif dan persepsi yang tinggi terhadap sesuatu bahasa juga merupakan faktor penting dalam pelestarian sesuatu bahasa (dalam konteks kajian ini merujuk kepada teknik drama dalam pengajaran Bahasa Melayu, dalam kalangan murid-murid Iban).

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang teknik dan kaedah pengajaran bahasa Melayu telah banyak dijalankan oleh ramai pengkaji tempatan dengan tema-tema tertentu. Begitu juga perbincangan tentang kepelbagaian dan kesesuaian teknik pengajaran dan pembelajaran juga disentuh secara tidak langsung oleh ramai pengkaji. Misalnya menurut Slavin (1994) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*) dan masa (*time*). Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar. Coldwell Cook sebagaimana yang dipetik oleh Zainal Latiff (1991) pula telah memperkenalkan kaedahnya cara mainan (*Play Way*) untuk pembelajaran. Prinsip asasnya ialah aktiviti drama adalah cara yang berkesan untuk pembelajaran, di mana kanak-kanak belajar dengan cara membuat sesuatu.

Tokoh-tokoh yang lain menggunakan kaedah-kaedah yang hampir serupa ialah John Menik dan William Went. Bermula dari sini, banyak sekolah telah cuba mengadakan aktiviti pembelajaran dengan berbagai-bagai kaedah drama. Sebilangan besar guru menganggap mengajar Bahasa Melayu merupakan suatu tugas yang mudah. Kajian Seman Salleh (2005) menunjukkan semua guru yang menjadi responden dalam kajiannya berminat dan seronok mengajar bahasa Melayu kerana mereka menganggap Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang mudah untuk diajar. Matlamat ini tidak akan menjadi realiti sekiranya para guru tidak dapat melaksanakan set pengajaran dan pembelajaran dengan berpaksikan ilmu kemahiran yang tinggi, perancangan yang rapi dan pelaksanaan yang sistematik.

Hal ini juga sejajar dengan pendapat Robiah Kulup Hamzah (1989) yang mengungkapkan bahawa pengaplikasian teknik drama dalam bilik darjah mampu membina daya pemikiran intelek yang tinggi, perkembangan bahasa dan interaksi sosial yang baik. Tegasnya, penerapan teknik drama dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya di sekolah rendah mampu memainkan peranan sebagai pemangkin dalam usaha dan menambah kefahaman terhadap isi pelajaran dan menyuburkan minat belajar dalam kalangan murid-murid. Menurut Mana Sikana (1985), beliau mengungkapkan bahawa meskipun drama yang sifatnya sebagai satu cabang seni selalunya bercorak eksklusif tetapi drama dapat digunakan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

OBJEKTIF

Tujuan kajian ini juga adalah untuk mencapai objektif khusus seperti berikut :


- a) Mengenal pasti reaksi murid - murid Iban terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu yang menerapkan teknik drama.
- b) Mengenal pasti tahap minat murid-murid Iban dalam penglibatan setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang mengaplikasikan teknik drama.
- c) Meninjau implikasi pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu menggunakan teknik drama terhadap motivasi diri untuk datang ke sekolah dalam kalangan murid-murid Iban

KERANGKA KONSEP

Kajian-kajian yang lalu mendapati bahawa minat murid-murid Iban untuk datang ke sekolah seterusnya untuk mempelajari Bahasa Melayu adalah sangat rendah. Oleh yang demikian, pengkaji dalam kajiannya akan cuba mengenal pasti adakah penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dapat menarik minat murid-murid Iban di Sekolah Kebangsaan St. Michael, Entingan untuk datang ke sekolah dan mempelajari bahasa Melayu. Satu kerangka konseptual telah di bina untuk menerangkan hubungan variabel dalam kajian dan kesan perhubungan tersebut terhadap responden. Kerangka konseptual yang digunapakai dalam kajian ini adalah merupakan adaptasi daripada kajian Nik Zaharah (2000) dalam modul (David Lim Chong Lim, Nor Azizah Salleh, Saat Md. Yasin, Mohd. Kaidin Shahrn, Alias Mohd. Yatim dan Abdul Razak Habib, 2010) Kerangka konseptual tersebut adalah seperti di bawah.

Pembolehubah Bebas

Pembolehubah Bersandar



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual


Dalam kerangka kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti masalah penurunan minat dan sikap dalam kalangan murid-murid Iban di Sekolah Kebangsaan St. Michael untuk datang ke sekolah khususnya untuk mempelajari Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah pemerhatian bagi menilai tahap minat dan sikap mereka. Seterusnya, pengkaji mencadangkan kepada pihak pentadbir untuk menggunakan teknik drama dalam pengajaran Bahasa Melayu. Setelah mendapat respon positif pengkaji melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik

drama. Di akhir sesi pengajaran dan pembelajaran pengkaji menjalankan penilaian semula untuk mengenal pasti maklum balas murid-murid yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan teknik drama.

Dalam pada itu , pengkaji turut merujuk kerangka konseptual yang digunapakai oleh Malek Shah dan Liew Swee Liang,(2002), bagi menjelaskan perkaitan antara penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan minat dan dan sikap murid-murid Iban di Sekolah Kebangsaan St. Micheal, Entingan untuk datang ke sekolah khususnya untuk mempelajari bahasa Melayu.

Pembolehubah Bebas

Pembolehubah Bersandar



Rajah 1.2 : Model Interaksi tahap minat dan tahap sikap

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan (Gay & Arasian, 2003). Best dan Kahn (1998) , kajian deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan apa sebenarnya berlaku. Ia juga menjelaskan keadaan atau perhubungan, pendapat pada proses yang berlaku, keberkesanan dan corak yang dibangunkan. Gray (1996) pula menjelaskan bahawa kajian deskripif melibatkan data dalam usaha menjawab persoalan kajian dengan melihat status semasa terhadap perkara yang dikaji. Penilaian deskripif berguna untuk menilai sikap, maklumat demografi, suasana dan prosedur. Populasi kajian ini melibatkan murid-murid Iban yang belajar Sekolah Kebangsaan St. Michael, Entingan, di Daerah Samarahan. Pemilihan sekolah tersebut sebagai kawasan kajian disebabkan oleh (95%) enrolmen murid di sekolah tersebut adalah berketurunan Iban dan sudah pasti mereka menggunakan definisi bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi di rumah dan menganggap belajar Bahasa Melayu adalah sukar.

Dalam kajian ini, menurut Mohd. Majid (2005), alat ukur adalah perlu untuk mengumpul maklumat mengenai konsep dan gagasan penyelidikan. Oleh itu, alat ukur yang digunakan dalam kajian ini ialah jenis soal selidik iaitu alat yang digunakan untuk mendapatkan data daripada sampel. Menurut Mohd. Majid Konting (2005), pemerhatian turut serta menghendaki penyelidik hadir sama di dalam perkembangan tingkah laku responden. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik akan melibatkan diri dengan responden khususnya untuk mendapatkan maklumat. Pemerhatian turut serta juga membolehkan penyelidik menghayati tingkah laku responden.

Menurut Mohd Majid Konting (2005), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik adalah sesuai dan berkesan digunakan bagi populasi yang besar. Begitu juga soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberikan. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini akan melibatkan pembinaan set soal selidik kajian.

DAPATAN

Analisis Latar Belakang Responden

Soal selidik yang diedarkan melalui guru bahasa Melayu kepada 30 orang murid Sekolah Kebangsaan St. Michael, Entingan telah dikumpulkan semula dalam tempoh dua minggu. Seramai 30 orang murid telah dipilih secara rawak untuk terlibat dalam kajian ini. Analisis deskriptif mengenai maklumat responden dalam bahagian satu merujuk kepada latar belakang yang meliputi jantina, umur, kaum. Analisis latar belakang responden berdasarkan jantina ditunjukkan dalam Jadual 4.1.1.

Jadual 4.1.1 Menunjukkan Taburan Bilangan Responden Berdasarkan Demografi

Bil.	Perkara	Bilangan	Peratus
1.	Jantina		
	Lelaki	15	50.0
	Perempuan	15	50.0

Jadual 4.1.1 menunjukkan taburan bilangan responden berdasarkan demografi iaitu dari segi jantina. Didapati bilangan murid lelaki adalah sama iaitu 15 orang (50.0%) manakala bilangan murid perempuan ialah 15 orang (50.0%). Kesemuanya terdiri daripada 30 orang murid. Ini menunjukkan bilangan responden yang dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini adalah seimbang iaitu terdiri daripada 15 orang murid lelaki dan 15 orang murid perempuan. Ini kerana kajian ini bertujuan untuk meninjau minat dan sikap murid-murid Iban di Sekolah Kebangsaan St. Michael, Entingan, Samarahan, Sarawak untuk datang ke sekolah khususnya untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang mengaplikasikan teknik drama .

Jadual 4.1.2 Taburan Bilangan Responden Mengikut Kategori Umur.

Bil.	Perkara	Bilangan	Peratus
2.	Umur		
	11 tahun	16	53.3
	12 tahun	14	46.7

Jadual 4.1.2, menunjukkan taburan bilangan responden mengikut kategori umur. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada murid-murid yang berumur 11 tahun, iaitu 16 orang (53.3%), dan responden yang berumur 12 tahun terdiri daripada 14 orang (46.7%). Ini menunjukkan bahawa jumlah responden paling banyak dijadikan sampel dalam kajian ini adalah terdiri daripada murid-murid yang berumur 11 tahun iaitu 16 orang (51.6%). Ini bagi melihat tahap penglibatan dan penghayatan mereka terhadap lakonan drama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Jadual 4.1.3 Menunjukkan Taburan Bilangan Responden Mengikut Kaum.

Bil.	Perkara	Bilangan	Peratus
3.	Kaum		
	Iban	26	86.7
	Bidayuh	4	13.3

Jadual 4.1.3 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut kaum. Dapatan kajian menunjukkan taburan bilangan responden berdasarkan kaum adalah terdiri daripada kaum Iban dan Bidayuh. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada kaum Iban berbanding kaum Bidayuh. Bilangan murid kaum Iban adalah 26 orang (86.7%), dan responden yang berketurunan Bidayuh pula terdiri daripada 4 orang (13.3%). Ini menunjukkan bahawa kajian ini sememangnya berfokus kepada sejauh manakah minat dan sikap murid Iban untuk belajar Bahasa Melayu dapat dipupuk melalui penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Ini memandangkan 26 orang (86.7%), murid tahun 5 dan 6 adalah berketurunan Iban. Selain itu, majoriti penduduk di kawasan tersebut adalah berketurunan Iban.

Jadual 4.1.4 Menunjukkan Taburan Bilangan Responden Mengikut Kelas.

Bil.	Perkara	Bilangan	Peratus
4	Kelas		
	Tahun 5	15	50.0
	Tahun 6	15	50.0

Jadual 4.1.4 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut kelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada 15 orang atau (50%) murid Tahun 5 dan 15 orang atau (50%) murid Tahun 6). Ini kerana pengajaran Bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama sesuai diajar pada tahap ini. Selain itu, pada peringkat ini, mereka telah menguasai kemahiran asas berbahasa iaitu kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran bertutur.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada soal selidik dan pemerhatian turut serta. Setiap dapatan didasarkan kepada persoalan kajian (a), (b), dan (c). Setiap analisis data bahagian dilakukan dengan menggunakan kaedah frekuensi, dan peratus. Skor peratus markah adalah berdasarkan nilai yang ditetapkan seperti di bawah:

1. Skor markah 0% hingga 25 % pada tahap rendah.
2. Skor markah 26% hingga 50% pada tahap sederhana
3. Skor markah 51% hingga 75% pada tahap tinggi.
4. Skor markah 76% hingga 100% pada tahap cemerlang

4.2.1 Minat murid Iban untuk mempelajari Bahasa Melayu setelah sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik drama.

- a) Apakah reaksi murid - murid Iban terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama ?

Jadual 4.2.1 Menunjukkan frekuensi, peratus, skor min dan sisihan piawai minat murid untuk mempelajari Bahasa Melayu setelah sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama.

Dapatan kajian ini juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian (a).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pernyataan “Adakah aktiviti drama boleh meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia anda ?” mencatat jumlah yang tertinggi iaitu 27 orang atau (90%) responden memilih pernyataan “Ya” manakala 3 orang atau (10%) responden menyatakan “Tidak” terhadap pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa responden telah bersetuju dan memahami bahawa penggunaan teknik drama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu telah dapat meningkatkan prestasi Bahasa Melayu mereka. Diikuti pernyataan “Setelah belajar bahasa Melayu menggunakan teknik drama, adakah anda berminat untuk datang ke sekolah ?” mencatat jumlah kedua tertinggi dengan 26 orang atau (86.7%) responden menyatakan ”Ya” terhadap pernyataan ini berbanding hanya 4 orang atau (13.3%) responden menyatakan ”Tidak”.

Dapatan ini menunjukkan bahawa hampir semua responden bersetuju dengan penggunaan teknik drama dapat menggalakkan murid untuk pergi ke sekolah khususnya untuk mempelajari bahasa Melayu. Seterusnya 25 orang atau (83.3%) responden menyatakan “Ya” pada pernyataan “Pernahkan anda menonton drama yang disiarkan di televisyen ?” manakala hanya 5 orang atau (16.7%) mengatakan “Tidak” terhadap pernyataan tersebut. Hal ini juga dibuktikan melalui tinjauan dan pemerhatian pengkaji yang mendapati bahawa murid-murid sentiasa mengangkat tangan apabila guru meminta murid melakukan aktiviti yang dirancangan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pada itu, tiga pernyataan mencatat jumlah responden yang sama iaitu “Berminat untuk menonton rancangan drama”, “Adakah anda berasa seronok diberi peluang untuk berlakon dalam sebuah drama?”. “Adakah anda faham ketika membaca sesebuah dialog dalam drama ?”. Ketiga-tiga pernyataan tersebut mencatat seramai 21 orang atau (70.0%) responden menyatakan “Ya” berbanding hanya 9 orang atau (30%) menyatakan ”Tidak”. Melalui pemerhatian juga, terdapat adegan dan situasi spontan yang sangat kreatif dipamerkan oleh murid-murid. Ternyata melalui aktiviti drama mereka mampu berfikir kreatif dan kritis.

Penyataan "Adakah anda berasa berjaya melakonkan watak yang diberikan kepada anda ?" mempunyai taburan yang paling rendah iaitu seramai 14 orang atau (46.7%) responden menyatakan "Ya" dan 16 orang atau (53.3%) responden menyatakan "Tidak". Keadaan ini sedikit sebanyak mencerminkan perasaan dalamannya yang cukup seronok dan gembira mengikuti kelas tersebut namun masih terlalu tinggi bilangan murid yang belum yakin untuk melakonkan watak dalam sesebuah drama. Ini mewujudkan satu situasi di mana guru perlu memikirkan teknik yang paling sesuai untuk menyemai keyakinan murid untuk melakonkan sesuatu watak dalam sesebuah drama. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama sememangnya dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Ini kerana unsur-unsur hiburan, keseronokan dan peluang turut serta dalam setiap aktiviti yang berunsurkan drama sememangnya memberi pengaruh besar kepada penguasaan bahasa murid-murid.

Dapatan kajian daripada pemerhatian juga menunjukkan semua responden bersetuju bahawa aktiviti drama dapat mendorong mereka untuk datang ke sekolah setiap hari.

Jadual 4.2.1 Minat murid iban untuk belajar bahasa melayu dengan menggunakan teknik drama.

Kod	Item	Prekuensi dan Peratus	
		(1)	(2)
B1	Berminat untuk menonton rancangan drama.	21 (70)	9 (30)
B2	Pernahkan anda menonton drama yang disiarkan di televisyen ?	25 (83.3)	5 (16.7)
B3	Adakah anda berasa seronok diberi peluang untuk berlakon dalam sebuah drama ?	21 (70)	9 (30)
B4	Adakah aktiviti drama boleh meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia anda ?	27 (90)	3 (10)
B5	Adakah anda faham ketika membaca sesebuah dialog dalam drama ?	21 (70)	9 (30)
B6	Adakah anda berasa berjaya melakonkan watak yang diberikan kepada anda ?	14 (46.7)	16 (53.3)
B7	Setelah belajar Bahasa Melayu menggunakan teknik drama, adakah anda berminat untuk datang ke sekolah ?	26 (86.7)	4 (13.3)

4.2.2 Sikap murid setelah mengikuti satu sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama .

- b) Adakah terdapat perbezaan antara sikap dan prestasi penglibatan murid-murid Iban dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang mengaplikasikan teknik drama ?

Jadual 4.2.2 Menunjukkan frekuensi, peratus, sikap murid untuk mempelajari Bahasa Melayu setelah sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama.

Dapatan kajian ini juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian (b).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pernyataan “Adakah anda berasa yakin untuk menjawab soalan pemahaman bahasa Melayu?” mencatat jumlah tertinggi iaitu seramai 27 orang atau (90.0%) responden menyatakan “Ya” berbanding 3 orang atau (10.0%) responden mengatakan “Tidak” terhadap pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dapat mewujudkan rasa yakin dalam kalangan murid khususnya untuk menjawab soalan pemahaman. Ini kerana lakonan dalam sesebuah drama dapat membantu mereka mengingat sesuatu maklumat.

Dikuti, pernyataan “Adakah aktiviti lakonan ini mendorong anda untuk belajar bahasa Melayu?” mempunyai jumlah kedua tertinggi iaitu seramai 26 orang atau (86.7%) responden menyatakan “Ya” berbanding 4 orang atau (13.3%) responden mengatakan “Tidak” terhadap pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat mewujudkan kesedaran dan minat yang tinggi dalam kalangan murid untuk mempelajari Bahasa Melayu. Seterusnya pernyataan “Adakah anda suka datang ke sekolah setelah terlibat dalam lakonan drama?” mempunyai jumlah ketiga tertinggi iaitu seramai 25 orang atau (83.3%) responden menyatakan “Ya” berbanding 5 orang atau (16.7%) responden mengatakan “Tidak” terhadap pernyataan tersebut.

Dapatan ini menunjukkan bahawa dengan penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu telah dapat menyemai sikap suka pergi ke sekolah khususnya dalam kalangan murid Tahun 5 dan Tahun 6. Hasil pemerhatian menunjukkan murid-murid lebih suka kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan gabungan beberapa kemahiran antaranya pergerakan dalam lakonan drama. Manakala, pernyataan “Adakah anda berasa seronok setelah melakonkan watak yang diberikan dalam drama tersebut?” mempunyai jumlah ke empat tertinggi iaitu seramai 21 orang atau (70.0%) responden menyatakan “Ya” berbanding 9 orang atau (30.0%) responden mengatakan “Tidak” terhadap pernyataan tersebut.

Dapatan kajian ini menunjukkan 21 orang atau (70.0%) responden telah menunjukkan minat untuk terlibat dalam lakonan drama. Hasil daripada pemerhatian turut serta, kebanyakan murid berasa gembira apabila dipilih untuk melakonkan sesuatu watak dalam drama. Pernyataan “Adakah anda berasa yakin dalam melakonkan watak dalam drama? mempunyai jumlah yang agak rendah iaitu seramai 19 orang atau (63.3%) responden menyatakan “Ya” berbanding 11 orang atau (36.7%) responden mengatakan “Tidak” terhadap pernyataan tersebut.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang mengaplikasikan teknik drama dapat mewujudkan rasa keyakinan diri yang tinggi dalam kalangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 khususnya ketika melakonkan aksi dalam sesuatu dialog drama. Keadaan ini sudah pasti dapat menggalakkan keterlibatan mereka dalam aktiviti drama.

Akhirnya, pernyataan “Adakah anda ingin mencuba untuk berlakon dalam drama lagi ?” mencatat jumlah yang paling rendah bagi pernyataan “Ya” dan mencatat jumlah tertinggi bagi pernyataan “Tidak”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melebihi (50%) murid masih menunjukkan sikap tidak ingin mencuba untuk melakonkan sesuatu watak dalam drama. Hasil pemerhatian juga menunjukkan, kekurangan keyakinan diri dalam kalangan mereka menjadi penghalang mereka untuk terlibat secara aktif dalam sesebuah drama.

Jadual 4.2.2 Sikap murid Iban untuk belajar Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama setelah mengikuti satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan teknik drama.

Kod	Item	Frekuensi dan Peratus	
		(1)	(2)
C1	Adakah anda berasa seronok setelah melakonkan watak yang diberikan dalam drama tersebut?	21 (70)	9 (30)
C2	Adakah anda berasa yakin dalam melakonkan watak dalam drama ?	19 (63.3)	11 (36.7)
C3	Adakah anda suka datang ke sekolah setelah terlibat dalam lakonan drama ?	25 (83.3)	5 (16.7)
C4	Adakah aktiviti lakonan ini mendorong anda untuk belajar Bahasa Melayu ?	26 (86.7)	4 (13.3)
C5	Adakah anda ingin mencuba untuk berlakon dalam drama lagi ?	12 (40)	18 (60)
C6	Adakah anda berasa yakin untuk menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu ?	27 (90)	3 (10)

4.3 Meninjau implikasi pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu menggunakan teknik drama terhadap motivasi diri untuk datang ke sekolah khususnya dalam kalangan murid-murid Iban di Sekolah Kebangsaan St. Michael, Entingan, Samarahan

4.3.1 Apakah perasaan anda setelah dipilih untuk melakonkan aktiviti drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ?

Dapatan kajian menunjukkan kekerapan yang agak tinggi iaitu 21 orang atau (70%) responden bersetuju bahawa mereka berminat atau seronok untuk belajar mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajar dengan menggunakan teknik drama. Manakala hanya terdapat 9 orang atau (30%) sahaja responden tidak bersetuju. Dapatan daripada pemerhatian turut serta oleh pengkaji juga mendapati murid-murid menunjukkan muka yang ceria dan gembira semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini menterjemahkan perasaan dalamannya yang cukup seronok dan gembira mengikuti kelas tersebut.

4.3.2 Apakah perasaan anda setelah guru anda menggunakan teknik drama dalam pengajaran Bahasa Melayu ?

Seterusnya, jadual 4.3.1 juga menunjukkan bahawa kekerapan dan peratus murid-murid yang bersedia untuk bermain peranan dalam aktiviti yang dirancang oleh guru adalah tinggi iaitu 21 orang atau (70%) . Manakala hanya 9 orang atau (30%) sahaja responden tidak bersedia untuk ikut serta dalam aktiviti yang telah dirancang. Dapatan ini juga dibukti dengan pemerhatian pengkaji dan mendapati bahawa murid-murid sentiasa mengangkat tangan apabila memberi respon terhadap permintaan guru untuk melakukan aktiviti yang dirancang semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Suasana kelas agak bising tetapi terkawal.

4.3.3 Adakah aktiviti yang anda lakukan dapat mendorong anda berfikir lebih kritis dan kreatif ?

Dapatan kajian menunjukkan 27 orang atau (90%) responden bersetuju bahawa aktiviti berasaskan drama mampu menjadikan mereka berfikiran lebih kreatif dan kritis. Dapatan pengkaji juga mendapati beberapa orang murid yang dilibatkan dengan lakonan berjaya memainkan peranan masing-masing dengan menggabungkan idea kreatif dan kritis hingga mereka dapat menghasilkan lakonan yang baik. Ternyata melalui aktiviti drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, mereka mampu berfikiran lebih kreatif dan kritis.

4.3.4 Adakah aktiviti ini menggalakkan anda untuk datang ke sekolah? Kenapa ?

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa unsur-unsur hiburan, keseronokan dan peluang untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang berunsurkan drama sememangnya memberi kesan yang besar kepada minat murid-murid Iban untuk datang ke sekolah. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan 25 orang atau (83.3%) responden bersetuju bahawa aktiviti pengajaran Bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama dapat mendorong mereka untuk datang ke sekolah. Manakala hanya 5 orang atau (16.7%) responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Malah mereka masih tidak berminat untuk datang ke sekolah setiap hari.

Jadual 4.3.1 : Menunjukkan taburan kekerapan minat dan sikap murid Iban terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia yang mengaplikasikan teknik drama.

Bil	Perkara	Setuju		Tidak setuju	
		Kekerapan (f)	Peratus %	Kekerapan (f)	Peratus %
1.	Guru yang mengajar menggunakan teknik drama menjadikan saya seronok belajar subjek Bahasa Malaysia.	21	70	9	30
2.	Saya sedia menawarkan diri melakukan aktiviti yang diarahkan oleh guru.	21	70	9	16.7
3.	Aktiviti yang saya lakukan mendorong saya berfikir lebih kritis dan kreatif.	27	90	3	10
4.	Saya suka datang sekolah jika guru mengajar aktiviti lakonan dan nyanyian setiap hari.	25	83.3	5	16.7

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan hasil kajian berkaitan minat dan sikap murid Iban Tahun 5 dan 6 di Sekolah Kebangsaan St. Michael, Entingan, Samarahan Sarawak, terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama.

5.3.1. Minat murid Iban terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama.

Dapatan analisis kajian berkaitan minat murid Iban terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama menunjukkan jumlah peratus item keseluruhan yang menunjukkan jumlah skor keseluruhan item berada pada tahap tinggi iaitu melibatkan (73.8%) responden memilih pernyataan "Ya" bagi setiap item. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden sangat berminat untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama. Menurut Ahmad Sukri (2002) terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi sikap individu terhadap sesuatu perkara. Kajian ini mendapati faktor pengalaman sebagai guru mempunyai hubungan terhadap amalan seseorang guru terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

5.3.2 Sikap murid Iban terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama.

Dapatan analisis kajian berkaitan sikap murid Iban terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama menunjukkan jumlah peratus item keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu melibatkan (72.2%) responden memilih pernyataan "Ya". Dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang tinggi untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan teknik drama.

5.4. Perbincangan Keseluruhan

Corak pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan teknik drama, amat berkait rapat dengan falsafah pembelajaran Konstruktivisme. Pendukung teori ini seperti Dewey, Piaget, Vygotsky dan Bruner (Epstein, 2002) mempercayai bahawa dalam proses pembelajaran, peranan utama seharusnya dimainkan oleh pelajar atau murid itu sendiri. Seseorang murid dianggap telah mengalami proses belajar sekiranya beliau berjaya membina kefahaman sendiri tentang ilmu atau idea baru melalui pengalaman sedia ada atau skemata. Green & Gredler (2002) menambah bahawa seseorang murid akan belajar apabila pembelajaran mereka sentiasa dibawah kawalan dan mereka juga sedar bahawa mereka belajar dalam keadaan terkawal.

Sehubungan itu, melalui aktiviti yang dijalankan dalam teknik drama, banyak menyediakan gabungan pengalaman sedia ada murid untuk dibawa dan dilakonkan atau dinyanyikan dalam bilik darjah. Jadi tidak hairanlah murid-murid Iban sentiasa bersedia untuk bersama-sama dengan guru bagi mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan jayanya kerana ia merupakan satu saluran bagi mereka berkongsi pengalaman dengan kawan lain. Masalah ponteng sekolah sudah menjadi sinonim dengan budaya di sesebuah sekolah. Kedatangan harian ke sekolah begitu mengecewakan.

Sememangnya, pihak pengurusan sekolah telah melakukan berbagai-bagai cara dan ikhtiar untuk mengatasi gejala ini kerana jika keadaan ini berterusan maka hasrat kerajaan untuk mengatasi

masalah murid tercicir, khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar, akan menemui jalan buntu.

CADANGAN

Faktor kecekapan guru yang diadun dengan pengalaman serta kemahiran merupakan antara faktor penting dalam meningkatkan penglibatan murid dalam sesuatu aktiviti pengajaran. Secara semula jadi, ramai orang gemar kepada hiburan sama ada melalui nyanyian, tarian dan lakonan. Persembahan yang menghiburkan ini merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat, tidak kira rupa paras dan warna kulit. Oleh yang demikian, melalui seni persembahan (lagu atau tarian), seseorang itu dapat berhibur, meluahkan perasaan dan menyampaikan mesej. Menurut Caroll (1963), pengajaran yang berkesan di pengaruhi oleh lima faktor, iaitu sikap (*attitude*), kebolehan untuk memahami pengajaran (*ability to understand*), ketekunan (*perseverance*), peluang (*opportunity*) dan pengajaran yang berkualiti (*Quality of instruction*). Oleh itu, kajian-kajian lanjut yang perlu adalah seperti berikut:

- a) Kajian mengenai hubungan penggunaan teknik drama dengan pencapaian prestasi akademik murid-murid
- b) Kajian mengenai kesesuaian bahan bantu mengajar yang lebih signifikan dengan peningkatan prestasi akademik murid-murid.
- c) Kajian mengenai hubungan kecekapan guru dengan pemilihan bahan drama dapat membantu meningkatkan akademik murid-murid.
- d) Kajian mengenai keterlibatan murid dalam aktiviti drama dapat meningkatkan keterampilan dan kecemerlangan diri murid.

Dalam pada itu, pengkaji juga mencadangkan kepada pentadbiran sekolah supaya meminta semua guru Bahasa Melayu dapat mengaplikasikan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Misalnya guru-guru yang mengajar tahap 2 iaitu tahun 4 hingga tahun 6 sepatutnya lebih kerap menggunakan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, ini bagi membolehkan mereka dapat menguasai kemahiran Lisan, membaca dan bertutur dengan baik. Seterusnya, bagi menjalankan aktiviti pengukuhan, pihak sekolah juga boleh mengadakan pertandingan drama dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah.

Dengan adanya pendedahan sebegini, mereka dapat menggunakan dan mengembangkan bakat serta kemahiran yang telah mereka pelajari secara formal dalam bilik darjah. Kebijaksanaan guru dalam teknologi komputer juga dikenalpasti dapat membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Misalnya guru menggunakan program multimedia untuk menghasilkan rakaman drama dan dipertontonkan kepada murid-murid. Keadaan ini dapat menyemai rasa ingin mencuba dalam kalangan murid-murid. Walau apapun cadangan yang dikemukakan, namun sikap proaktif guru amat dituntut untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

KESIMPULAN

penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dilihat mampu mempengaruhi minat dan sikap murid untuk datang ke sekolah bagi mempelajari Bahasa Melayu. Disamping itu, pemilihan drama untuk dijadikan bahan bantu pengajaran hendaklah menggunakan dialog yang lebih mudah dan mampu menggalakkan penyertaan murid. Justeru itu, guru perlu mempunyai sikap yang positif dan lebih cenderung untuk meningkatkan kualiti kerja dengan meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran sedia ada. Akhirnya, kecemerlangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah adalah bergantung kepada kebijaksanaan guru untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian yang mampu menarik minat dan penyertaan murid dalam aktiviti yang dirancang.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan (1987). *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah (1984). *Drama Moden Malaysia: Perkembangan dan Perubahan*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sukri (2002) *Tingkah laku organisasi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia .
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* : Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Best,J,W dan Khan, J,V 9 (198) *Reseach In Education*. 8th ed. M.A: Ally and Bacon.
- Carroll, J. (1963). A model of school learning. *Teacher College Record*, 64, 723-73.
- Countney, Richard (1991) (terjemahan). *Lakon, Drama dan Pemikiran*. K. Lumpur: DBP Epstein, M. 2002. *Cinstruction*. <http://tiger.fowson.edu>
- David Lim Chong Lim, Nor Azizah Salleh, Saat Md. Yasin, Mohd. Kaidin Shahrn, Alias Mohd. Yatim dan Abdul Razak Habib.(2010). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor.Open University Malaysia.
- Faridah Jaafar dan Hasriah Hussein. 1989. *Peranan Drama Dalam Pendidikan*. KertaKerja Seminar Kebangsaan Drama Dalam Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia. Serdang, 14-15 Okt.
- Faziah Sulaiman (1995). *Drama Dalam Pendidikan Bahasa*. K. Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Gay, L.R. dan Arasian, P., (2003. *Educational Research: Competencies for analysis and application*. (5th.Ed). New Jersey: Prantice Hall
- Ghazali Bin Ismail Mazlan Zaharuddin Bin Mat Arof & Mohamad Hanifah Moideen. *Teknik Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap Dan Minat Murid Orang Asli Di Sekitar Negeri Pahang*. Jabatan Pengajian Melayu. Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan. Dimut turun pada (Oktober, 2010)
- Kallison, (1986). Effect of lesson organization achievement . *American Educational Research Journal*, 23, 337-347.
- Kamus Dewan (2002). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Husin (1999). *Pengajaran lisan. Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- _____ (2001). *Pedagogi bahasa, perkaedahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- King, D. & Menke, J. (1992). Providing the instructors note: An effective additional to student notetaking. *Educational Psychologist*, 20,33-39.
- Kozma, R. (1991). Learning with media. *Review of Educational Research*; 1, 179-211
- Land, M. L. (1987), Vagueness and clarity. Dalam Dunkin (Ed.), *International encyclopedia of teaching and teacher education*. N.Y:Pergamon.
- Lunenburg, F,C & Ornstein, A.C. (1996). Educational administration. Ed. Ke -2. Los Angeles, CA: Wadsworth Publishing.
- Mohammed Sani Ibrahim (1992). *Satu penilaian terhadap pendidikan guru dalam perkhidmatan di Malaysia dan implikasinya untuk masa depan* . Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malek Shah & Liew Swee Liang (2002). *Model Kopentensi dan Perkhidmatan Awam Malaysia*. Jurnal Pengurusan Awam. 1.(Bil.2) : Halaman 1 – 15.
- Mana Sikana (1985). *Kaedah Kajian Drama*. K. Lumpur: Karya Bestari.
- Rahmah Bujang (1989). *Falsafah dan Matlamat Drama Dalam Pendidikan*. Kerta Kerja Seminar Kebangsaan Drama Dalam Pendidikan,. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 14-15 Okt.
- Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1986). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Raminah Hj. Sabran. (1993). *Kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Rubin,D.(1991). *Diagnosis and Correction in Reading Instruction*. (2nd. Ed.).Massachussets Allyn and Bacon.
- Robiah Kulop Hamzah. (1989). *Pengendalian Aktiviti Drama dalam Pendidikan di luar bilik darjah*. Kerta Kerja Seminar Kebangsaan Drama Dalam Pendidikan,. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 14-15 Okt.
- Roblyer, M.D., Edwards, J,Harviluk, M.A.,(1977). *Antegrating Educational Technologyinto Teaching*. New Jersey: Prantice Hall.
- Seman Salleh. (2005). *Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran bahasa Melayu*. Tesis doktor falsafah yang belum diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Slavin, R. (1994). A theory of school and classroom organization. Dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ:Erlbaun.

Siti Khairiah Zubir. (2006) *Aktiviti Nyanyian Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. 229-230).

Zainal Abdul Latif (1989). *Bentuk Teater yang sesuai untuk Pendidikan masa kini*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Drama Dalam Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 14-15 Oktober.

ANALISIS SWOT TATACARA PELAKSANAAN DAN AKTIVITI PEMBELAJARAN AL-KAHFI SECARA DALAM TALIAN BAGI KURSUS ELEKTIF DALAM KALANGAN PELAJAR PENGAJIAN ISLAM IPGKTAR

*Hafizie Bin Abdullah Hasbie
hafizie23-401@epembelajaran.edu.my

*Elni Haliza Hassim
elni23-397@epembelajaran.edu.my

*Ernia Syafeka Sam
ernia23-399@epembelajaran.edu.my

*Nur Assykin Jamhari
assykin23-411@epembelajaran.edu.my

*Nur Azra Syafiqah Abdul Wahap
azra23-412@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Guru merupakan salah seorang figura penting dalam menjayakan sesebuah proses pembelajaran. Namun, tidak dinafikan masih terdapat sekelompok guru yang masih kurang berkeupayaan dalam merancang dan merangka aktiviti pembelajaran yang terbaik. Oleh hal yang demikian, satu kajian penyelidikan telah dijalankan untuk menganalisis sebuah model pembelajaran yang dikenali sebagai Model Pembelajaran Al-Kahfi. Lantaran itu, kajian dijalankan untuk mengetahui konsep Tatacara Pelaksanaan dan Perancangan Aktiviti Pembelajaran menggunakan Model Pembelajaran Al-Kahfi. Selain itu, pengkaji melaksanakan kajian bagi menganalisis Tatacara Pelaksanaan dan Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi dengan menggunakan SWOT. Kajian berfokus kepada penganalisisan yang dilakukan terhadap aktiviti eksplorasi bahasa bagi kursus elektif Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (BMMB3182) yang telah dijayakan oleh pelajar Pengajian Islam Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) berpandukan Model Pembelajaran Al-Kahfi. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan temu bual yang dilakukan secara berstruktur dan tidak berstruktur bersama dengan 12 orang pelajar Pengajian Islam IPGKTAR yang terdiri daripada 6 buah kelas yang berbeza. Satu set soalan telah dibina dan digunakan untuk melaksanakan proses tersebut. Kajian ke pustakaan turut dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Dapatan menunjukkan bahawa sememangnya Model Pembelajaran Al Kahfi ini boleh membantu guru dalam merancang proses pembelajaran yang menarik bersandarkan kepada pembelajaran abad ke-21.

PENGENALAN

Pengetahuan persediaan dan perancangan pengajaran merupakan pemahaman dan penguasaan seseorang guru dalam merancang aktiviti dan penyediaan bahan bantu mengajar. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran merupakan satu bidang pengurusan yang paling utama dalam arena pendidikan kerana ia memberi impak dalam membantu organisasi sekolah untuk mencapai prestasi cemerlang akademik murid-murid (Raedah, 2013). Guru perlu berkemahiran dalam merancang, melaksanakan pengajaran dan menilai pembelajaran bagi memberi impak besar kepada kejayaan akademik murid-murid. Menurut kajian Syed, Parwazalam dan Norkhalid (2017), adalah menjadi

tanggungjawab guru untuk merancang pengajaran sebelum memulakan kelas pengajaran. Guru-guru perlu berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan mencapai standard kualiti yang optimum dengan mengubah pendekatan yang berfokuskan kepada keberhasilan murid (Zulkifly, Rahimah dan Huda, 2021).

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif seharusnya mempunyai perjalanan yang teratur dan sistematik. Penguasaan Model pembelajaran Al-Kahfi membantu guru memahami kaedah pembelajaran yang sesuai dalam merancang aktiviti pembelajaran yang menarik di sekolah. Menurut Muhaimi (2012), pengajaran yang kreatif merupakan aspek penceritaan di dalam kelas yang mempunyai plot-plot atau jalan cerita. Plot-plot penceritaan atau perancangan pengajaran yang dikemukakan dalam model pembelajaran Al-Kahfi, iaitu yang bermula dari set induksi, langkah-langkah pengajaran dan penutup membantu guru dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kebanyakan guru masih selesa menggunakan pendekatan kaedah tradisional berbanding pembelajaran moden yang mana hanya melaksanakan sesi pengajaran dan kemudiannya memberikan latihan, lembaran kerja atau buku kepada murid-murid. Menurut kajian Norshafinaz dan Faridah (2018), kekurangan masa dan penumpuan terhadap lembaran kerja merupakan kekangan dalam pelaksanaan aktiviti yang melibatkan eksplorasi, eksperimen dan projek. Pengurangan penggunaan kaedah pengajaran secara konvensional secara '*chalk and talk*' adalah penting dalam era digital abad ke-21, sebaliknya guru seharusnya berinovasi dan memperkayakan kaedah dan teknik semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Noor Lela, Sin Looi, Hariyaty dan Rohaila, 2019). Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan kajian, bagaimana tatacara pelaksanaan dan aktiviti pembelajaran Al-kahfi terhadap pelajar Pengajian Islam melalui analisis SWOT.

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan aktiviti pembelajaran menggunakan Pembelajaran Abad ke-21 dalam kalangan guru. Kajian berkenaan telah menggunakan kajian kualitatif dan maklumat yang dikumpul adalah berdasarkan empat isi utama yang terdiri daripada pandangan guru, amalan pengajaran, kekangan dan cabaran serta cadangan penambahbaikan berhubung pelaksanaan pembelajaran Abad ke-21. Sampel kajian telah melibatkan 20 orang guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai pandangan yang positif terhadap aktiviti pembelajaran abad ke-21. Namun begitu, guru juga berhadapan dengan pelbagai cabaran lain. Ini menunjukkan bahawa guru perlu membuat penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti aktiviti pembelajaran.

Alizah Zambri (2015) telah menjalankan kajian untuk membincangkan aktiviti pembelajaran berasaskan masalah (PBM) yang dilaksanakan oleh pensyarah dalam proses PdP Bahasa Melayu di sebuah IPTA sebagai usaha menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam proses PdP. Instrumen yang digunakan ialah kaedah pemerhatian dan temu bual. Seorang pensyarah Bahasa Melayu dan 21 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu telah dipilih secara bertujuan sebagai peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti PBM merupakan aktiviti PdP yang disukai dan menyeronokkan bagi para pelajar. Walau bagaimanapun, perancangan yang teliti perlu dilakukan bagi memastikan aktiviti PBM dalam proses PdP Bahasa Melayu dapat dijalankan dengan lebih baik. Oleh itu, cadangan penambahbaikan dalam aktiviti PBM seharusnya dilaksanakan bagi memastikan aktiviti pembelajaran tersebut memberikan impak positif yang maksimum kepada pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh Hazlin Haris dan Khairul Farhah Khairuddin (2021) untuk meneroka pelaksanaan pedagogi inklusif dan meninjau kesan pedagogi inklusif kepada perkembangan sosial murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. Reka bentuk kajian ini

adalah kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif. Sampel kajian pula terdiri daripada Tiga orang guru aliran perdana yang ditemu bual dan data dianalisis menggunakan kaedah analisis tema berpandukan model pengajaran Le Francois. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian kaedah yang digunakan iaitu pembelajaran secara koperatif, pembelajaran secara aktif, pembelajaran Non-Directive Teaching Model, kaedah bercerita dan kaedah pengajaran bersama (*co-teaching*).

Syamsulaini Sidek dan Mashitoh Hashim (2016) menggunakan aktiviti pembelajaran berasaskan video yang menunjukkan hasil penilaian kritikal pengajaran berasaskan video yang berperanan dalam menggalakkan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) di kalangan pelajar. Rumusan daripada hasil analisis dan kritis pembacaan kajian lepas telah menemui lima kepentingan video iaitu dapat meningkatkan bilangan bacaan dan bahan pengajaran, membantu dalam pembangunan asas pengetahuan pelajar, mengukuh kefahaman, meningkatkan motivasi dan semangat pelajar dan akhir sekali menggalakkan keberkesanan pendidik dalam mengajar. Namun begitu, aktiviti pembelajaran tersebut mempunyai cabarannya tersendiri dan seharusnya lebih lagi mempelbagaikan kaedah pengajaran guru dalam usaha memberi motivasi dan sekaligus menarik minat dalam pembelajaran.

Kajian oleh Abdul Rasid Jamian (2011) bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan tentang kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di luar bandar. Responden kajian telah terdiri daripada 161 murid sekolah rendah tahun 4 dan 5 di luar bandar di Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik yang merangkumi maklumat latar belakang serta masalah yang murid-murid alami dalam kemahiran membaca dan menulis. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam diri murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu, antaranya pengetahuan asas membaca dan menulis, persekitaran dan kaedah pengajaran guru.

Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas melaporkan bahawa terdapat kepelbagaian aktiviti pembelajaran yang telah dilaksanakan oleh guru sebagai usaha untuk menarik minat murid di samping meningkatkan pengetahuan murid semasa sesi PdP. Walau bagaimanapun, kajian lepas juga menunjukkan bahawa masih lagi terdapat murid yang lemah prestasi dalam pembelajaran yang mana guru seharusnya meningkatkan keupayaan dalam merancang aktiviti pembelajaran yang dapat memberikan impak positif yang maksimum kepada murid seterusnya membantu dalam meningkatkan pengetahuan murid.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- (i) Mengetahui konsep Tatacara Pelaksanaan dan Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi.
- (ii) Menganalisis Tatacara Pelaksanaan Pembelajaran Al-Kahfi dengan menggunakan SWOT.
- (iii) Menganalisis Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi dengan menggunakan SWOT.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Analisis SWOT

Secara umumnya, analisis SWOT terdiri daripada empat singkatan iaitu *strengths* (kekuatan), *weakness* (kelemahan), *opportunities* (peluang) dan *threats* (ancaman). Menurut Fajar (2016), analisis SWOT pertama sekali diperkenalkan oleh Albert Humprey yang ketika itu sedang menjalankan kajian pada tahun 1960-1970 di Stanford University. Analisis SWOT ini pada ketika itu digunakan untuk mengkaji 500 buah perniagaan dan mencari punca kepada kegagalan

perancangan perniagaan tersebut. Kemudian, syarikat-syarikat yang terlibat mula melakukan perubahan terhadap perancangan bidang perniagaan berdasarkan hasil analisis empat faktor tersebut. Ini menunjukkan bahawa besarnya impak pengaplikasian analisis SWOT dalam bidang perniagaan. Menurut Fajar lagi, empat faktor analisis SWOT tersebut diterapkan dalam bentuk matriks SWOT iaitu;


- Menggunakan kekuatan untuk menangkap peluang
- Mengatasi kelemahan dengan memanfaatkan peluang
- Menggunakan kekuatan untuk meghadapi ancaman
- Mengatasi kelemahan untuk menghadapi ancaman

Dalam pada itu, Abdul Hadi (2013) dalam penulisannya menyatakan bahawa sistem pendidikan yakni sekolah kini harus beradaptasi dengan konsep-konsep baru yang lebih sesuai untuk dunia pendidikan misalnya dengan menggunakan analisis SWOT. Menurut beliau, analisis SWOT mempunyai dua faktor yang dapat menentukan hala tuju pendidikan iaitu faktor dominan (kekuatan dan peluang) dan faktor penghambat (kelemahan dan ancaman). Dalam kajiannya, beliau menggunakan analisis SWOT untuk menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman yang ada pada madrasah untuk meningkatkan mutu madrasah itu sendiri yang turut mengaplikasikan bentuk matriks SWOT. Sebagai contoh, kekuatan madrasah ialah kedudukan pendidikan agama yang semakin kukuh kemudian peluangnya ialah kehidupan beragama yang meningkat. Maka, menerusi kekuatan madrasah ini, ia juga mampu untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik. Jadi, dari sini dapat dilihat bahawa kekuatan mampu mengambil keuntungan daripada peluang yang ada.

Jadi, secara asalnya, analisis SWOT ini digunakan dalam bidang perniagaan. Kemudian, oleh kerana potensi yang ada pada analisis SWOT ini turut dilihat dalam bidang pendidikan, ia kini juga boleh diaplikasikan oleh pengajar dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Model Eksplorasi Bahasa

Model Eksplorasi Bahasa (MEB) dihasilkan bagi memberi panduan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran yang bersituasikan luar bilik darjah dan menerokai pengalaman pembelajaran melalui pengembaraan di lapangan yang sebenar (Muhaimi, 2011). Dalam MEB ini, terdapat empat aspek yang ditekankan iaitu ilmu, lokasi, peserta dan pemenang. Aspek ilmu diterapkan semasa pengembaraan dilaksanakan iaitu peserta-peserta eksplorasi akan diberikan petunjuk, tugas dan soalan yang menerapkan pengetahuan, kemahiran dan juga nilai.



Rajah 2: Model Eksplorasi Bahasa (Muhaimi, 2011)

Ketiga-ketiga perkara ini digelar sebagai alat. Kumpulan peserta akan pergi dari satu stesen ke stesen yang lain berdasarkan petunjuk yang diberikan. Setelah sampai, mereka akan diminta untuk menyempurnakan tugas untuk mendapatkan soalan. Sekiranya soalan berjaya dijawab dengan betul, mereka akan diberikan petunjuk yang kedua untuk stesen yang kedua. Situasi ini berulang untuk beberapa kali sehingga semua stesen yang ditetapkan telah dilalui oleh kumpulan peserta. Aspek lokasi pula mempunyai dua kaedah iaitu putaran jam dan *Zig Zag*. Kemudian, peserta-peserta pula terdiri daripada pelajar yang diajar oleh pensyarah atau penganjur supaya isi dalam eksplorasi tersebut adalah bertepatan dengan apa yang murid pernah belajar. Terakhir sekali ialah pemenang akan dipilih sekiranya kumpulan peserta berjaya menyiapkan petunjuk, tugas dan soalan pada masa yang singkat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana menurut Mohd Sober (1985), penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Instrumen untuk mengumpul maklumat dalam kajian penyelidikan ini adalah dengan menggunakan teknik temu bual yang merupakan salah satu instrumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif. Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian penyelidikan kali ini, temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur digunakan. Penggunaan temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur digunakan untuk mengumpul maklumat tentang SWOT tatacara pelaksanaan dan aktiviti yang dilaksanakan. Dalam kajian ini juga, seramai 12 orang responden iaitu pelajar-pelajar opsyen Pendidikan Islam ambilan Jun 2020 telah menyertai temu bual dan jawapan mereka direkodkan sebagai R1, R2 sehingga R12.

Selain itu, kaedah kepustakaan juga digunakan dalam mendapatkan data untuk kajian ini. Menurut Nirwana dan Zulkifley (2016) kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang penting bagi mendapatkan maklumat atau kosa ilmu bagi tugas kajian ini. Kosa ilmu merupakan hasil penulisan pengkaji-pengkaji terdahulu dalam bidang-bidang kajian mereka. Kosa ilmu ini bertujuan

untuk mencari segala permasalahan yang ada dalam kajian terdahulu agar kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji tidak berlaku sebarang pertindihan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan sebanyak mungkin dapatan atau maklumat yang relevan berkaitan dengan objektif pertama iaitu untuk mengetahui konsep Tatacara Pelaksanaan dan Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi. Proses mendapatkan maklumat tertumpu pada pembacaan dan rujukan daripada buku-buku, jurnal-jurnal, makalah dan artikel-artikel tentang model pembelajaran.

DAPATAN

(i) Konsep Tatacara Pelaksanaan dan Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi

Model Pembelajaran Al-Kahfi merupakan satu model reka bentuk pembelajaran yang telah diasaskan oleh Muhaimi Suhaili pada tahun 2017. Pembinaan model pembelajaran ini diinspirasi oleh kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir. Kisah ini kemudiannya diinterpretasikan ke dalam Taksonomi Pemahaman Khidir. Berdasarkan Taksonomi Pemahaman Khidir ini, proses pembelajaran boleh dibahagikan kepada tiga proses utama iaitu Prapembelajaran, Proses Pembelajaran dan Pascapembelajaran. Berdasarkan model pembelajaran ini, proses pertama yang perlu dilalui oleh seorang murid dalam memperoleh ilmu ialah prapembelajaran seperti Rajah 1 di bawah ini.



Rajah 1: Taksonomi Pemahaman Khidir (Muhaimi, 2017)

Proses prapembelajaran boleh diertikan proses yang perlu dilalui sebelum menuntut ilmu. Model Pembelajaran Al-Kahfi membahagikan proses ini kepada dua peringkat. Peringkat pertama merupakan peringkat yang mana murid perlu mengetahui dan mengenal pasti apa yang ingin mereka tahu, faham dan kuasai. Perkara ini merujuk kepada ilmu, kandungan, dan hasil pembelajaran yang perlu murid hayati dan kuasai. Setelah mengenal pasti perkara tersebut, murid harus mencari guru untuk berguru. Guru yang dipilih harus berilmu dan berkelayakan sesuai dengan ilmu yang ingin dipelajari.

Setelah melalui prapembelajaran, murid akan beralih kepada proses pembelajaran. Proses pembelajaran dimulakan dengan adanya tugas yang diberikan oleh guru. Tugas-tugas yang diamanahkan kepada murid-murid perlu selaras dengan kandungan dan hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Seajar dengan itu, hasil pembelajaran dijana melalui pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang melibatkan penerapan integrasi elemen-elemen tambahan. Apabila guru telah menyediakan tugas, murid akan melalui satu proses pembelajaran yang sebenar. Mereka akan melalui pengalaman memperoleh ilmu melalui aktiviti penerokaan, pencarian maklumat, pemerhatian dan sebagainya. Jadi, apabila mereka berjaya memperoleh maklumat untuk menyelesaikan tugas yang diberikan, sudah pasti murid-murid akan berusaha untuk menyiapkan tugas tersebut yakni bertindak balas terhadap persekitaran. Realitinya, sepanjang pelaksanaan tugas, murid-murid akan berdepan dengan 1001 cabaran dalam menghasilkan tugas yang terbaik. Bermula daripada penyelesaian konflik, proses penaakulan, merespons hinggalah kepada menyelesaikan tugas. Oleh itu, menurut Model Pembelajaran Al-Kahfi, murid perlu didedahkan dengan situasi sebenar yang berlaku di persekitaran mereka. Murid-murid perlu mendapat bimbingan guru supaya mereka boleh menaakul dan memberi respons sesuai dengan tugas yang diberikan kepada mereka. Amalan pembelajaran sendiri juga perlu diaplikasikan bagi membolehkan murid belajar daripada kesilapan sendiri. Pengalaman-pengalaman inilah yang akan membantu mereka menjadi lebih baik pada peringkat seterusnya.

Akhir sekali, pascapembelajaran. Pascapembelajaran merupakan satu proses yang memerlukan murid mengimbas kembali perjalanan pembelajaran mereka. Murid-murid membuat refleksi terutama dalam aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran yang perlu mereka lalui dalam pelaksanaan tugas oleh guru. Setiap proses pembelajaran yang bermakna perlu diakhiri dengan sesi refleksi. Oleh hal yang demikian, Model Pembelajaran Al-Kahfi meletakkan sesi refleksi pada tahap yang tertinggi. Satu tahap yang mana murid perlu membuat pelenturan dan pencerahan terhadap sesi pembelajaran mereka sendiri.

(ii) Analisis Tatacara Pelaksanaan Pembelajaran Al-Kahfi dengan menggunakan SWOT.

Strengths (Kekuatan)

Berdasarkan hasil dapatan temu bual, antara kekuatan tatacara pelaksanaan aktiviti PAK ialah dapat memupuk semangat kerjasama antara ahli pasukan dan seramai tiga orang responden menyatakan perkara yang sama. Ini menunjukkan bahawa tatacara pelaksanaan aktiviti ini mengandungi tugas-tugas yang mencabar yang memerlukan mereka untuk berfikir pada aras yang tinggi.

Seterusnya, seramai dua orang peserta menyatakan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi adalah amat menarik dari sudut penyerahan petunjuk, tugas dan soalan kerana ketiga-tiga arahan ini jarang sekali disatukan dalam satu aktiviti. Jadi, PAK ini membuatkan para responden tertarik dengan pelaksanaannya yang luar dari kebiasaan eksplorasi yang lain. Seterusnya, responden juga mengatakan bahawa beliau memperoleh ilmu baru dalam merancang aktiviti pembelajaran. Kekuatan yang lain pula ialah jadual pelaksanaan aktiviti dikatakan sangat sistematik yakni tersusun kerana setiap aktiviti dikawal sepenuhnya menggunakan platform *Google Classroom* sebagai medium utama penyerahan petunjuk, tugas dan soalan. Selain itu, peserta juga mengatakan bahawa lokasi pelaksanaan aktiviti adalah selamat dan mudah untuk diterokai serta berupaya meningkatkan pemikiran daya kreatif dan kritis mengenai setiap pencarian maklumat.

Kelemahan (Weakness)

Hasil analisis SWOT kelemahan (W) dalam tatacara pelaksanaan aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi menunjukkan terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil perhatian. Terdapat beberapa orang responden mengatakan bahawa arahan yang diberikan semasa aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dilaksanakan adalah kurang jelas menyebabkan mereka sukar menyelesaikan tugas yang diberikan. Keperluan gajet seperti penggunaan laptop semasa melaksanakan aktiviti juga merupakan salah satu kelemahan yang dinyatakan oleh responden. Selain itu, peserta mengusulkan tentang soalan yang dimuat naik ke dalam platform adalah tidak seperti yang telah ditetapkan yang menyebabkan peserta sukar untuk membahagikan masa dengan sebaiknya untuk menyelesaikan tugas yang diberi.

Selain itu, responden mengatakan lokasi yang ditetapkan adalah sukar untuk ditemui akibat daripada gambar lokasi yang kurang jelas. Seterusnya, aktiviti pembelajaran Al-Kahfi yang dilaksanakan secara dalam talian telah menyebabkan mereka sukar untuk mengakses internet bagi melaksanakan tugas yang diberikan. Responden sukar untuk memperoleh soalan atau arahan kerana mereka memerlukan capaian internet yang baik untuk mengakses platform *Google Classroom* mahupun *Telegram*. Di samping itu, responden juga mengatakan bahawa hari pelaksanaan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi adalah kurang sesuai dan sukar untuk dilakukan akibat kesukaran mencari orang awam.

Peluang (Opportunity)

Hasil temu bual mendapati bahawa banyak peluang yang boleh diambil untuk meningkatkan mutu tatacara pelaksanaan aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi. Sebahagian responden berpendapat bahawa menempatkan fasilitator-fasilitator di setiap stesen akan membantu kelancaran aktiviti. Hal ini menjurus kepada peluang penambahbaikan yang disarankan oleh responden-responden yang menyentuh berkenaan isu pemberian soalan dan tugas di setiap stesen. Selain itu, terdapat responden yang berpendapat bahawa soalan perlu diberikan secara sekaligus dan perlu dikurangkan akibat isu capaian internet yang lemah.

Di samping itu, terdapat juga peserta yang mengusulkan agar platform yang lebih sesuai digunakan mengikut keadaan semasa bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti PAK tersebut. Seterusnya, responden juga mengatakan bahawa kaedah penyelesaian tugas juga perlu dipelbagaikan untuk menjadikan aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi ini menjadi lebih menarik. Akhir sekali, terdapat juga responden memberi saranan dalam aspek peruntukan masa iaitu masa yang diberikan seharusnya bersesuaian dengan tugas yang diberikan. Terdapat sesetengah soalan memerlukan mereka masa yang lebih lama untuk diselesaikan menyebabkan sesetengah kumpulan tidak sempat menyiapkan tugas. Oleh itu, dalam hal ini, perincian masa terhadap setiap tugas perlu diperhalusi supaya dapat melancarkan proses menyelesaikan tugas oleh responden.

Ancaman (Threats)

Berdasarkan hasil temu bual, empat daripada responden telah menjawab isu lokasi sebagai ancaman. Terdapat responden mengatakan bahawa pergerakan mereka yang terhad telah menyebabkan lokasi sukar dicari. Hal ini kerana, jarak antara lokasi tersebut kebanyakannya mengelirukan dan jauh antara satu sama lain. Dengan bilangan ahli yang ramai, pengangkutan mereka juga terhad menyebabkan mereka tiba lambat di lokasi yang diarahkan. Apabila sampai di lokasi pula, ada sesetengah lokasi yang menyebabkan mereka berasa kurang selesa. Selain itu, tiga daripada responden pula telah mengemukakan isu arahan tugas sebagai ancaman. Hal ini kerana, mereka berpendapat bahawa arahan soalan tugas sangat mengelirukan dan sukar difahami menyebabkan mereka mengalami masalah dalam menyelesaikan tugas. Tambahan pula, beberapa

orang peserta mengatakan bahawa soalan tugas lambat diterima oleh peserta yang menyebabkan kekangan masa berlaku semasa menyiapkan tugas. Keadaan ini dikatakan ancaman kepada mereka kerana melalui arahan soalan yang sukar difahami, idea mereka untuk menyiapkan tugas juga akan menjadi terhad. Selain itu, mereka juga menghadapi ancaman apabila adanya keperluan pihak awam dalam membantu menyiapkan tugas mereka. Hal ini kerana, mereka berpendapat bahawa keperluan pihak awam akan mengganggu staf IPGKTAR yang lain dalam menyelesaikan arahan soalan mereka.

(iii) Analisis Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi dengan menggunakan SWOT.

Strengths (Kekuatan)

Berdasarkan hasil dapatan, antara kekuatan aktiviti yang dilaksanakan menurut sebahagian responden ialah mengasah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Keadaan ini adalah disebabkan tugas-tugas yang disediakan oleh pensyarah adalah tugas yang menggalakkan murid-murid untuk berfikir dengan lebih kritis dan inovatif disebabkan oleh ketidakbiasaan peserta berhadapan dengan arahan tugas tersebut. Sebagai contoh, tugas pada lokasi 2 menghendaki para peserta melakar lokasi untuk melaksanakan pembelajaran virtual. Dengan ini, mereka perlu berfikir secara luar kotak untuk mencadangkan lokasi selain daripada cadangan lokasi yang diberikan oleh pensyarah. Maka, tugas ini benar-benar akan menguji aras berfikir para peserta.

Seterusnya, tiga orang responden juga memberi pendapat bahawa aktiviti yang dilaksanakan memupuk nilai perpaduan, kerjasama dan bertolak ansur. Perkara ini boleh dilihat kerana kebanyakan tugas yang diberikan adalah berunsurkan kepada kerja kumpulan. Contohnya seperti membina *war cry*, mencari lokasi berdasarkan petunjuk dan banyak lagi. Bahkan penganjuran aktiviti PAK ini sendiri memang berkonsepkan kepada kerja kumpulan yang menggalakkan lagi perbincangan serta penjanaan idea dalam menyelesaikan tugas. Kemudian, ada pula responden memberikan kekuatan dari segi memupuk profesionalisme siswa pendidik dan berpendapat bahawa aktiviti yang dilaksanakan membolehkan mereka meneroka kawasan dan mengetahui selok belok IPG iaitu lokasi yang dijalankan untuk melaksanakan aktiviti PAK.

Kelemahan (Weakness)

Hasil temu bual beberapa responden, terdapat beberapa kelemahan tentang aktiviti pembelajaran Al-Kahfi yang boleh dikenal pasti. Antaranya ialah ada responden mengatakan bahawa petunjuk yang diberikan semasa aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dijalankan adalah kurang jelas dan terlalu sukar untuk difahami. Hal ini menyebabkan beberapa responden pada setiap kumpulan kekurangan idea bagi melaksanakan tugas yang telah diagihkan. Perkara ini disokong oleh responden lain yang mengusulkan tentang isu kekurangan idea semasa menjalankan tugas yang diberikan sewaktu aktiviti pembelajaran Al-Kahfi berlangsung. Selain itu, ada juga responden mengatakan bahawa terlalu banyak tugas yang kompleks diberikan kepada mereka semasa melaksanakan aktiviti tersebut. Seterusnya, kelemahan yang boleh dinyatakan oleh responden lain tentang pelaksanaan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi ialah pemakaian pelitup muka yang diharuskan sepanjang aktiviti dijalankan. Hal ini demikian kerana, keadaan persekitaran yang belum bebas daripada wabak Covid-19 menyebabkan peserta mengikut peraturan yang telah ditetapkan iaitu menggunakan pelitup muka sepanjang aktiviti tersebut dijalankan.

Responden telah mengusulkan tentang isu petunjuk lokasi yang diberikan adalah bertindih dengan lokasi yang lain dan arahan untuk lokasi bagi sesuatu aktiviti adalah hampir sama. Hal ini telah menyebabkan mereka gagal mengenal pasti lokasi dengan tepat. Di samping itu, responden juga mengatakan bahawa terdapat beberapa lokasi yang digunakan sepanjang aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dijalankan adalah berbahaya kepada peserta. Penetapan lokasi sesebuah aktiviti

seharusnya dipilih dengan strategik bagi memudahkan peserta menyelesaikan aktiviti atau tugas yang diberikan. Selain itu, masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan sesuatu tugas adalah terhad sehingga menyebabkan mereka kekurangan masa bagi menyelesaikan aktiviti yang diberikan. Akhir sekali, soalan yang diberikan hanya menggunakan aplikasi *Google Docs*. Hal ini menyebabkan mereka sukar mendapatkan tugas pada masa yang tepat akibat capaian internet yang tinggi diperlukan untuk memperoleh tugas dalam aplikasi tersebut.

Opportunity (Peluang)

Berdasarkan analisis dapatan, antara peluang yang diusulkan oleh subjek kajian iaitu responden ialah memperuntukkan masa secukupnya untuk setiap aktiviti yang dijalankan. Hal ini demikian kerana, masa yang mencukupi membantu meningkatkan keberhasilan aktiviti tersebut. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa soalan tugas sebaiknya ditukarkan ke dalam bentuk ayat bagi memudahkan kefahaman para peserta. Pengkaji berpendapat bahawa kedua-dua bentuk petunjuk dan tugas ini boleh disertakan sekali bagi meningkatkan cabaran dalam pelaksanaan tugas. Seterusnya, responden berpendapat bahawa aktiviti ini boleh dijalankan sebagai satu bentuk pertandingan kepada pelajar yang terlibat. Diakui, aktiviti yang berunsurkan pertandingan ini akan mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk turut serta dalam aktiviti yang dijalankan.

Dalam aspek persekitaran semasa pelaksanaan aktiviti, dua daripada responden mengusulkan berkenaan sambungan internet dan pemilihan kawasan yang sesuai seperti tidak di bawah cuaca yang panas. Pengkaji berpendapat bahawa saranan ini boleh dijalankan sekiranya aktiviti ini dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Seterusnya, responden mengusulkan agar semua kumpulan Ambilan Jun 2020 ikut serta dalam aktiviti ini untuk merencanakan lagi aktiviti. Hal ini boleh direalisasikan dengan mengikut saranan responden lain iaitu menggabungkan pelbagai kaedah dalam merancang perjalanan aktiviti pembelajaran. Akhir sekali, subjek kajian juga mengusulkan agar pihak penganjur menyediakan kos atau dana untuk menghasilkan bahan yang lebih berkualiti. Dengan adanya penyediaan bahan dan dana ini, isu teknikal seperti kekurangan bahan untuk menyelesaikan tugas dapat dielakkan.

Threats (Ancaman)

Berdasarkan hasil temu bual daripada responden terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan, terdapat beberapa ancaman yang telah dikemukakan. Melalui dapatan, tujuh daripada responden telah menjawab berkaitan dengan isu lokasi. Menurut mereka dengan adanya masa yang tidak mencukupi telah memberi ancaman kepada mereka sama menyelesaikan tugas. Hal ini kerana, melalui kekurangan masa, mereka tidak dapat menyediakan persiapan diri secukupnya di samping adanya jaringan internet yang perlahan. Kesannya, tugas akan sukar disiapkan dalam jangkaan masa yang ditetapkan kerana adanya masa yang singkat telah diberikan kepada mereka. Justeru, dalam hal ini, pengurusan masa yang kurang sistematik merupakan ancaman bagi para responden. Selain itu, tiga daripada responden pula telah mengemukakan isu lokasi sebagai ancaman. Menurut responden, telah berlaku kekeliruan semasa mencari lokasi yang telah ditetapkan. Hal ini kerana adanya petunjuk lokasi yang sukar untuk dikenalpasti oleh responden semasa menjayakan aktiviti tersebut yang menyebabkan mereka gagal untuk mencari lokasi yang telah ditetapkan.

Di samping itu, responden lain juga telah mengemukakan keadaan cuaca sebagai ancaman kepada mereka. Hal ini kerana, semasa berlakunya pelaksanaan aktiviti tersebut, cuaca agak panas yang memberi impak kepada mereka semasa menjalankan aktiviti. Melalui cuaca yang panas,

mereka tidak dapat bergerak dengan cepat kerana telah menimbulkan ketidakselesaan kepada mereka. Akhir sekali, responden berpendapat bahawa ketidaksepakatan antara ahli kumpulan merupakan ancaman baginya. Hal ini kerana, ada antara ahli kumpulan yang berbeza pendapat yang menyebabkan mereka tidak dapat memutuskan satu kata sepakat. Kesannya, aktiviti yang dilaksanakan dilakukan secara tidak bersepakat seterusnya tidak dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan kerana adanya percanggahan pendapat. Keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa sememangnya Model Pembelajaran Al Kahfi ini boleh membantu guru dalam merancang proses pembelajaran yang menarik bersandarkan kepada pembelajaran abad ke-21 dengan mengambil kira maklum balas daripada pelajar-pelajar berdasarkan analisis SWOT.

PERBINCANGAN DAPATAN

Antara kekuatan yang paling menyerlah dalam tatacara pelaksanaan aktiviti PAK ialah dapat memupuk semangat kerjasama antara ahli pasukan. Pernyataan ini amat dipersetujui kerana aktiviti di dalam PAK yang terdiri daripada petunjuk, soalan dan tugas yang kebanyakannya memerlukan peserta saling bertukar idea dengan ahli lain untuk menyelesaikannya. Maka, pentingnya peranan setiap ahli pasukan untuk menyumbang idea serta kefahaman mereka mengenai tugas yang diberikan. Dengan ini, barulah gambaran yang jelas mengenai tugas dapat dicungkil oleh mereka. Menurut Mohd Sahril (2020) semangat berpasukan ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa dalam penyelesaian sesuatu tugas namun turut membantu kepada penghasilan kerja yang berkualiti. Maka, secara sedar atau tidak, kerjasama yang baik akan menghasilkan kerja yang lebih baik. Tuntasnya, wajarlah sekiranya aktiviti PAK ini dilaksanakan secara berkumpulan supaya pembelajaran bermakna itu benar-benar akan tercipta.

Kemudian, kekuatan yang lain ialah penggunaan *Google Classroom* sebagai medium utama penyerahan aktiviti. Aktiviti PAK dikawal sepenuhnya menggunakan teknologi (*Google Classroom*) untuk penyerahan petunjuk, tugas dan soalan. Penggunaan GC ini memudahkan tugas pensyarah untuk menyusun aktiviti, tugas dan soalan yang telah ditetapkan. Halida (seperti yang dinyatakan dalam Thulasimani, 2014) menyatakan teknologi digunakan untuk menyimpan, mengubah, memproses, memindah serta mendapatkan maklumat walau di mana sahaja keberadaan seseorang. Maka, wajarlah sekiranya pensyarah menggunakan medium ini untuk menganjurkan aktiviti PAK lebih-lebih lagi dalam era pandemik Covid-19 yang masih melanda negara. Maka, penggunaan GC ini bukan sahaja memudahkan kerja pensyarah malahan turut menyenangkan urusan peserta aktiviti PAK.

Antara kelemahan yang dinyatakan ialah arahan yang diberikan semasa aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dilaksanakan adalah kurang jelas menyebabkan mereka sukar menyelesaikan tugas yang diberikan. Situasi ini terjadi kerana pensyarah menggunakan ayat yang agak sukar dan panjang. Perkara ini secara tidak langsung menjejaskan kefahaman peserta dalam menyelesaikan tugas. Menurut Maslida (2018), pembahagian arahan oleh guru haruslah jelas supaya murid bukan sahaja mendapat input seterusnya juga dapat bertindak seperti yang dikehendaki oleh guru.

Kelemahan yang seterusnya ialah kesukaran untuk mengakses internet bagi melaksanakan tugas yang diberikan. Perkara ini berlaku apabila responden sukar untuk memperoleh soalan atau arahan kerana mereka memerlukan capaian internet yang baik untuk mengakses platform *Google Classroom* mahupun *Telegram*. Situasi ini semestinya memaksa peserta untuk menghabiskan masa secara berlebihan dalam satu aktiviti. Maka, tidak hairanlah sekiranya terdapat kumpulan peserta tidak dapat menghabiskan aktiviti dalam masa yang telah diperuntukkan. Bukan itu sahaja malahan umum mengetahui bahawa tidak semua kawasan mempunyai capaian internet yang baik, jadi isu

mengenai ini bukanlah sesuatu yang baharu lebih-lebih lagi sekiranya menjalankan aktiviti secara dalam talian.

Berdasarkan dapatan, salah satu peluang penambahbaikan yang wajar dilakukan adalah dengan menempatkan fasilitator di setiap stesen. Tidak dinafikan bahawa, kehadiran fasilitator akan membantu meningkatkan kelancaran aktiviti. Lantaran itu, para fasilitator perlulah dipilih dalam kalangan mereka yang mengetahui bagaimana dan bila untuk campur tangan dan bila untuk berdiam semasa aktiviti sedang berlangsung. Menurut Siti (2015) fasilitator yang efektif merupakan fasilitator yang mengetahui secara mendalam tentang isi pelajaran seterusnya mengetahui pelbagai kaedah untuk mempengaruhi murid-murid.

Seterusnya isu sambungan internet yang banyak mengganggu perjalanan aktiviti. Pengkaji berpendapat bahawa, isu sambungan internet ini merupakan masalah teknikal di luar kawalan pelaksana aktiviti. Apabila soalan diberikan secara sekali gus dan dikurangkan bilangannya, aktiviti yang dilaksanakan akan menjadi kurang kritis dan tidak efektif. Justeru, dalam menyelesaikan isu ini, pemilihan platform yang paling sesuai adalah cadangan terbaik. Dalam aktiviti kajian ini, tiga platform telah digunakan untuk peserta menghantar tugas. Oleh itu, untuk penambahbaikan, hanya satu platform dipilih dan masih boleh diakses walaupun sambungan internet lemah.

Berdasarkan dapatan, sesetengah responden berpendapat bahawa masa yang diperuntukkan kurang mencukupi. Hal ini berlaku kerana terdapat beberapa tugas yang diberikan memerlukan masa yang lebih lama daripada masa yang telah diperuntukkan. Oleh hal yang demikian, isu yang timbul ini perlu dinilai semula dalam menetapkan masa setiap tugas kerana masa merupakan satu faktor penting dalam menjayakan aktiviti. Ini kerana, peruntukan masa yang tidak sesuai menyebabkan peserta menjadi kelim kabut dan tidak berupaya untuk menyelesaikan tugas dengan lebih bermakna. Perkara ini disokong oleh Harith, Zolkepli dan Norasmah (2020) yang menjelaskan bahawa pengurusan masa yang sistematik dan terancang merupakan kunci kepada keberhasilan sesuatu perkara yang kita jalankan.

Akhir sekali, kepelbagaian kaedah dan strategi dalam penyelesaian soalan dan tugas aktiviti. Umum kita ketahui pada era digitalisasi ini, kemahiran memilih kaedah dan strategi yang sesuai perlu dikuasai oleh semua pendidik. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Thorndike (seperti petikan dalam Intan, Ariff, Fazilah, Maznah dan Alawiah, 2001) pengajaran dan pembelajaran adalah saling berkait rapat antara satu sama lain. Tindak balas positif terhadap sesuatu rangsangan akan memberi satu hasil yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, kaedah penyampaian tugas merupakan rangsangan kepada aktiviti eksplorasi ini. Maka, untuk peluang penambahbaikan, pada masa akan datang, soalan, petunjuk dan tugas boleh diserahkan secara fizikal bukannya dimuat naik melalui platform yang telah dipilih. Tidak dapat kita nafikan bahawa pembelajaran akan menjadi lebih efektif dan lebih diingati jika diajar dalam suasana yang sesuai dengan kehendak pelajar.

Berdasarkan dapatan tersebut, antara ancaman yang dapat dikenal pasti ialah adanya pergerakan responden yang terhad telah menyebabkan lokasi sukar dicari. Selain itu, terdapat juga sesetengah lokasi yang menyebabkan mereka berasa kurang selesa. Dalam hal ini, pemilihan lokasi seharusnya strategik supaya mampu memberi keselesaan dan memudahkan peserta semasa tatalaksana aktiviti. Di samping itu, terdapat juga ancaman seperti arahan soalan tugas sangat mengelirukan dan sukar difahami menyebabkan mereka mengalami masalah dalam menyelesaikan tugas. Dalam konteks ini, arahan tugas perlulah jelas dan difahami supaya peserta dalam tatalaksana dapat melaksanakan aktiviti dengan sebaik mungkin. Hal ini kerana, responden berpendapat bahawa arahan soalan yang sukar difahami menyebabkan idea mereka untuk menyiapkan tugas juga akan menjadi terhad. Namun begitu, peserta juga berperanan dengan mencari pelbagai alternatif lain sebagai usaha untuk memahami arahan soalan dalam menyempurnakan tugas. Keadaan ini bertepatan dengan pendapat Amran (2018) bahawa matlamat kita untuk belajar dan berjuang adalah menjurus kepada matlamat sebenar kita untuk berjaya.

Berdasarkan analisis *SWOT*, kelebihan aspek aktiviti pembelajaran Al-Kahfi berupaya mengasah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) para peserta. Hal ini demikian kerana, soalan atau tugas yang diberikan semasa aktiviti tersebut ada mengintegrasikan amalan KBAT seperti analisis, menilai dan mencipta. Tugas-tugas yang disediakan adalah tugas yang menggalakkan peserta untuk berfikir dengan lebih kritis dan inovatif disebabkan oleh ketidakbiasaan peserta berhadapan dengan arahan tugas tersebut. Contohnya, tugas pada lokasi 2 menghendaki para peserta melakar lokasi untuk melaksanakan pembelajaran virtual. Dengan ini, mereka perlu berfikir secara luar kotak untuk mencadangkan lokasi selain daripada cadangan lokasi yang diberikan oleh pensyarah. Menurut Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017), proses pengajaran dan pembelajaran P&P seharusnya mengaplikasikan elemen kemahiran berfikir dan strategi berfikir menerusi penggunaan kaedah P&P yang terancang dan berkesan. Dengan ini, barulah objektif pelaksanaan aktiviti dapat dicapai dengan lebih baik.

Selain itu, aktiviti pembelajaran Al-Kahfi ini mampu memupuk nilai perpaduan, kerjasama dan bertolak ansur antara ahli kumpulan. Melalui aktiviti ini, para peserta boleh berkongsi idea atau pendapat serta saling membantu dalam menyelesaikan tugas atau soalan yang diberikan. Misalnya, nilai kerjasama dalam kumpulan boleh dilihat melalui kerjasama yang ditonjolkan dalam penciptaan *war cry* kumpulan masing-masing. Mohd Asnorhisham dan Abdul Rahim (2017) menyatakan bahawa nilai kerjasama berlaku apabila pelajar bekerja secara berkumpulan, berkongsi idea, membantu dalam menyelesaikan masalah dan memastikan semua ahli kumpulan menguasai isi pelajaran. Maka, situasi ini akan menghasilkan pelajar-pelajar yang saling menyumbang idea ke arah penyelesaian tugas.

Berdasarkan hasil analisis tentang kelemahan, isu petunjuk yang kurang jelas dan terlalu sukar dalam pelaksanaan aktiviti telah menjadi fokus utama kelemahan pembelajaran Al-Kahfi. Isu petunjuk atau soalan yang kurang jelas telah menimbulkan kekeliruan terhadap para peserta dan menyebabkan mereka kekurangan idea dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Penggunaan platform yang terlalu banyak seperti *Google Classroom* dan *Telegram* menyebabkan para peserta sukar untuk memahami petunjuk atau soalan yang ingin difokuskan. Menurut Farah dan Maslida (2015), sesuatu tugas kurang difahami oleh pelajar berpunca daripada guru yang tidak dapat memberikan arahan yang tepat dan jelas. Selain itu, terdapat beberapa orang responden mengatakan bahawa masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan sesuatu tugas adalah terhad. Hal ini menyebabkan beberapa orang responden kekurangan masa bagi menyelesaikan tugas atau aktiviti yang diberikan sepanjang pembelajaran Al-Kahfi dijalankan. Oleh itu, perancangan masa yang strategik amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan murid-murid dapat menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan. Di samping itu, responden juga mengatakan bahawa penggunaan aplikasi *Google Documents* bagi tujuan penyerahan tugas adalah sukar kerana mereka memerlukan capaian internet yang tinggi untuk mengakses soalan atau tugas dalam aplikasi tersebut.

Dapatan kajian mendapati bahawa antara peluang (O), yang dikenal pasti ialah aktiviti pembelajaran Al-Kahfi boleh dijadikan sebagai satu bentuk pertandingan untuk meningkatkan motivasi pelajar. Bukan itu sahaja, aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan dalam bentuk pertandingan juga berupaya meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran tersebut. Pandangan ini selari dengan Ilangko (2014), menegaskan bahawa permainan atau pertandingan sebagai aktiviti pembelajaran merupakan salah satu pendekatan yang dapat menarik minat pelajar, motivasi serta berperanan sebagai pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, responden juga mencadangkan untuk menggabungkan pelbagai kaedah dalam merancang perjalanan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Hal ini bagi memastikan pelaksanaan aktiviti pembelajaran mampu memberi impak besar dalam perubahan tingkah laku pelajar. Berdasarkan dapatan ini, adalah disyorkan guru melaksanakan konsep pembelajaran

berasaskan projek (PBL) semasa sesi pembelajaran. Noor Lela, Sin Looi, Hariyaty dan Rohaila (2019), menyatakan program berkonsepkan PBL ini mampu menggalakkan murid membuat penyelidikan dengan merujuk pelbagai sumber disamping menjalankan kajian secara berkumpulan. Dengan ini, pelajar dapat meningkatkan kemahiran mengurus, menilai dan mencipta semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi.

Berdasarkan hasil dapatan daripada aspek ancaman isu tentang masa yang tidak mencukupi telah memberi ancaman kepada mereka semasa menyelesaikan tugas. Pengurusan masa adalah kemampuan untuk merancang dan mengawal penggunaan masa kita dalam sehari dengan cara yang efektif untuk mencapai matlamat kita. Antara kelebihan pengurusan masa yang baik ialah akan menjadikan kerja yang dilakukan oleh seseorang itu siap dalam masa yang singkat (Ibrahim, 1997). Namun begitu, kebanyakan responden menghadapi isu kekurangan masa yang menyebabkan mereka tidak berjaya menyiapkan tugas dalam masa yang telah ditetapkan.

Akhir sekali ialah adanya ketidaksepakatan antara ahli kumpulan yang turut menyumbang kepada ancaman semasa pelaksanaan aktiviti. Menurut Amran (2018), apabila salah seorang ahli kumpulan kurang mampu untuk bersepakat dalam menyelesaikan tugas, maka hasil yang dicapai akan kurang maksimal dan hubungan antara ahli kumpulan menjadi kurang harmonis antara satu sama lain. Justeru, dalam hal ini ia dikatakan ancaman kerana apabila kurang bersepakat, tugas yang seharusnya dilaksanakan pada masa yang ditetapkan akan bertangguh di samping adanya hasil kerja yang kurang memuaskan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, melalui kajian yang telah dijalankan jelaslah bahawa Model pembelajaran al kahfi sesuai digunakan kerana mampu membantu guru dalam merancang pembelajaran di sekolah. Buktinya, melalui dapatan dapatan daripada responden, kebanyakannya memberi reaksi yang baik terhadap model pembelajaran ini. Sebagai contohnya, terdapat responden yang memberi maklum balas bahawa model ini mampu meningkatkan ilmu pengetahuan. Justeru, dengan berpandukan model ini guru seharusnya bijak dalam merancang aktiviti supaya dapat memberi impak terhadap pembelajaran murid seterusnya membantu dalam meningkatkan model insan negara

RUJUKAN

- Abdul Hadi. (2013). *Konsep analisis SWOT dalam peningkatan mutu lembaga madrasah*. *Jurnal Ilmiah DIDAKTIKA*. 14(1), 143-158. Dimuat turun daripada: <https://core.ac.uk/download/pdf/228446889.pdf>
- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar* : *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1),1-12. Diakses daripada: <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/19/19>
- Alizah Ramli. (2015). *Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Diakses daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1160/829>
- Fajar Nur'aini Dwi Fatimah. (2016). *Teknik analisis SWOT*. Indonesia: Anak Hebat Indonesia.
- Hazlin Binti Haris & Khairul Farhah Khairuddin. (2021). *Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran* : *Malaysian Journal of Social Sciences*

- and Humanities* (MJSSH). 6(2), 197-210. Diakses daripada <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/download/88/43/>
- Ibrahim Ismail. 1997. *Cara Mengurus Masa Anda*. Golden Books Centre Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, and Fazilah Idris, and Maznah Ibrahim, and Alawiah Ibrahim, (2001) *Kaedah pengajaran berkesan: Antara keperluan pelajar dan realiti pengajaran pengajian jarak jauh*. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 2. pp. 81-95.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faez Ilias. (2020). *Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. 1(1), 211-223.
- Muhaimi Suhaili. (2020). Huraian Model Pembelajaran Al-Kahfi dalam Peristiwa Nabi Musa Menuntut Ilmu daripada Nabi Khidir dengan Konteks Pembelajaran Hari Ini. *Proceedings 7th International Conference on Islamic Education 2020 (ICIEd 2020)*. Bil. 7, 386-398.
- Muhaimi Suhaili. (2017). *Apabila Dron Mendarat di Dalam Bilik Darjah*. Kota Samarahan: Jabatan Pengajian Melayu, IPGKTAR.
- Muhammad Harith Othman, Zolkepli Harun & Norasmah Othman. (2020). *Hubungan Tahap Pengurusan Masa dengan Pencapaian Akademik Pelajar On-The Job Training Kolej Vokasional*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 45 (1), 1-8. Diakses daripada <http://journalarticle.ukm.my/15247/1/38439-126914-1-PB.pdf>
- Norazlin Mohd Rusdin & Rahaimah Ali. (2019). *Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21*. Diakses daripada: <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
- Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim. (2016). *Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal Video-Based Teaching in Student-Centered Learning: Analysis and Critical Review*. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*. Diakses daripada https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/316_316.pdf
- Siti Nor Ainsyah Ismail. (2015). Penguasaan Teknik Kemahiran Fasilitator dalam pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Diakses daripada <http://eprints.uthm.edu.my/1719/1/24p%20SITI%20NOR%20AINSYAH%20BINTI%20ISMAIL.pdf>
- Thulasimani M. (2014). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. [https://www.researchgate.net/publication/279197893 Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan](https://www.researchgate.net/publication/279197893_Integrasi_Teknologi_Maklumat_dan_Komunikasi_dalam_Pendidikan)

TAHAP PEMBELAJARAN PELAJAR OPSYEN BAHASA MELAYU DARI ASPEK KEMAHIRAN MENGHASILKAN KIT PERSEMBAHAN MELALUI AKTIVITI PEMBELAJARAN AL-KAHFI

Empenai Fung Jiu Kei

empenai23-398@epembelajaran.edu.my

Esther Liong Chien Ning

esther23-418@epembelajaran.edu.my

Lai Mee Ing

lai23-402@epembelajaran.edu.my

Nurul Sabariah binti Eduad

sabariah23-414@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Pembelajaran Al-Kahfi merupakan salah satu model pembelajaran yang berasaskan spiritual yang memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan. Model tersebut dinamakan sebagai Model Pembelajaran Al-Kahfi yang diinspirasikan daripada salah satu surah yang terdapat dalam kitab Al-Quran iaitu surah Al-Kahfi melalui ayat 60 hingga 82. Surah Al-Kahfi adalah berkaitan dengan kisah Nabi Musa menuntut ilmu dengan Nabi Khidir. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap pembelajaran pelajar ketika melaksanakan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Jadi, kajian ini memfokuskan kepada tahap pembelajaran pelajar opsyen Bahasa Melayu dari aspek kemahiran menghasilkan kit persembahan melalui aktiviti pembelajaran al-Kahfi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual bersama pelajar yang melaksanakan aktiviti tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pembelajaran pelajar berada pada tahap yang tinggi iaitu mampu mencapai tahap penciptaan. Selain itu, aktiviti pembelajaran al-Kahfi membolehkan pelajar menguasai aspek kemahiran pada tahap pemerolehan, penguasaan, pengadaptasian dan penciptaan berdasarkan Model Proses Pembelajaran Al-Kahfi dengan baik dan berkesan.

PENGENALAN

Kemahiran menghasilkan sebuah kit persembahan merupakan salah satu daripada kemahiran yang perlu dikuasai terutamanya penglibatan secara berkumpulan. Kit persembahan ialah bahan inovasi yang lahir daripada idea yang baharu atau diubah suai mengikut kesesuaian masalah yang dikaji. Dalam hal ini, perkara yang difokuskan ialah mengkaji tahap pembelajaran pelajar khususnya pelajar opsyen bahasa Melayu BM 1621 dari aspek kemahiran mereka menghasilkan kit persembahan masing-masing melalui aktiviti Al-Kahfi. Tahap pembelajaran dapat digambarkan dalam 4 tahap iaitu pemerolehan, penguasaan, pengadaptasian, dan penciptaan (Muhaimi, 2022). Dalam keempat-empat tahap tersebut dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil terutamanya tahap pemerolehan dan tahap penguasaan. Tahap pembelajaran yang lebih diberikan fokus iaitu tahap penguasaan terbahagi kepada mengaplikasi, menganalisis, menilai, mentaksir dan merefleksi.

Permasalahan kajian bermula dengan masalah pelajar yang belum ada pengetahuan dan pengalaman membuat sebuah kit persembahan yang kreatif dan menarik. Isu tiada pengalaman dan pengetahuan yang cukup untuk mewujudkan kit persembahan sesuai melalui aktiviti Al-Kahfi memerlukan kita mengetahui lebih lanjut kemahiran yang dapat dicapai setelah pelajar mengikuti aktiviti dalam Al-Kahfi. Menurut Muhaimi (2020), model Al-Kahfi adalah berdasarkan peristiwa Nabi Musa menuntut ilmu daripada Nabi Khidir dan cerita perjalanan menuntut ilmu itu berbentuk

satu misi pembelajaran yang dapat diambil menerusi lukisan plot-plot penceritaan bagi menghasilkan satu model pembelajaran. Hal ini membuktikan pelajar perlu menyelesaikan sebuah misi iaitu menghasilkan kit persembahan yang membantu menyelesaikan masalah mereka melalui penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Menurut Kasturi & Norasmah (2022), terdapat cabaran dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang sentiasa berubah-ubah dan sering digunakan dalam pendidikan. Hal ini menunjukkan pelajar opsyen Bahasa Melayu perlu atasi cabaran tersebut melalui usaha mereka menghasilkan kit persembahan menggunakan teknologi digital pada masa kini. Kesannya, penglibatan unsur TMK juga menjadi aspek yang membantu pelajar untuk menguasai tahap pembelajaran yang ditetapkan terutamanya membentuk kemahiran dalam menggunakan TMK dalam proses menghasilkan kit persembahan. Dengan itu, isu pelajar yang kurang berpengetahuan dan pengalaman menghasilkan kit persembahan yang kreatif dapat diatasi melalui tahap pembelajaran pelajar berdasarkan penyertaan mereka dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi.

SOROTAN LITERATUR

Model proses pembelajaran al-Kahfi telah dicipta oleh Muhaimi Suhaili pada tahun 2022. Model ini terdapat persamaan dan perbezaan dengan Taksonomi Bloom semakan terkini. Taksonomi Bloom ialah satu model yang biasa digunakan untuk menganalisis bidang-bidang pendidikan (Bloom, 1956). Ia berkaitan dengan objektif-objektif pendidikan yang melibatkan bidang-bidang seperti pengetahuan, sikap, dan psikomotor (Shahabuddin et. al., 2003). Antara persamaan bagi model proses pembelajaran Al-Kahfi dan Taksonomi Bloom adalah kedua-duanya mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan juga antara model proses pembelajaran Al-Kahfi dan Taksonomi Bloom. Antara perbezaannya termasuklah model proses pembelajaran al-Kahfi dibahagikan kepada empat subtopik iaitu pemerolehan, penguasaan, pengadaptasian, dan penciptaan (Muhaimi, 2022). Manakala Taksonomi Bloom dibahagikan kepada enam subtopik, iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta (Tuan Jah, 2011). Selain itu, bagi model proses pembelajaran Al-Kahfi, bahagian KBAR merangkumi bahagian pemerolehan sahaja dan bahagian KBAT merangkumi bahagian penguasaan, pengadaptasian, dan penciptaan. Manakala bagi Taksonomi Bloom pula, bahagian KBAR merangkumi mengingat, memahami, dan mengaplikasi dan bahagian KBAT pula merangkumi bahagian menganalisis, menilai, dan mencipta (Abdul Aziz, 1993).

OBJEKTIF

Objektif kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Mengetahui latar belakang kumpulan pelajar seperti jantina, nama kit persembahan dan bilangan ahli dalam kumpulan yang terlibat dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi.
- 2) Mengetahui proses pengadaptasian ilmu yang telah dipelajari dalam satu konteks pembelajaran baharu dalam penghasilan kit persembahan.
- 3) Mengetahui kit persembahan yang dihasilkan dapat memberikan penyelesaian masalah pembelajaran tatabahasa.


KERANGKA TEORETIS/ KERANGKA KONSEP

Kajian ini menggunakan Model Proses Pembelajaran Al-Kahfi sebagai landasan analisis kajian. Model ini diinspirasikan daripada surah Al-Kahfi melalui ayat 60 hingga 82 yang menceritakan kisah Nabi Musa menuntut ilmu dengan Nabi Khidir. Peristiwa Nabi Musa menuntut ilmu daripada Nabi Khidir telah dihuraikan melalui plot-plot tentang pengembaraan perjalanan mereka. Menurut

Muhaimi (2012), unsur pengajaran yang kreatif harus mempunyai plot-plot atau jalan cerita. Seperti yang kita sedia ketahui bahawa dalam mana-mana penceritaan sama ada sebuah cerita pendek (cerpen), novel, drama dan seumpamanya, seharusnya ada plot-plot tertentu. Sama juga seperti “penceritaan” di dalam kelas. Set induksi di dalam kelas itu diibaratkan dengan permulaan cerita, manakala langkah-langkah ialah pecahan konflik. Langkah terakhir pula ialah klimaks sebuah cerita itu yang akhirnya akan menghasilkan sesuatu yang besar hendak kita capai dan memahami secara keseluruhan isi pelajaran pada hari tersebut. Manakala penutup pula ialah peleraian.

Melalui plot-plot tersebut telah menghasilkan satu perkembangan pembelajaran melalui model pembelajaran al-Kahfi yang boleh digunakan dalam konteks pembelajaran hari ini. Proses pembelajaran ini melalui tiga fasa iaitu prapembelajaran, proses pembelajaran dan pascapembelajaran. Setiap fasa ini dijelaskan proses yang dilalui dengan mengambil kira aspek-aspek pembelajaran masa kini seperti konsep hasil pembelajaran. Berdasarkan model ini, Muhaimi (2020), menjelaskan bahawa aktiviti pembelajaran ialah satu proses pemahaman yang perlu dipasakkan dengan lebih mendalam melalui istilah “menghayati” sesuatu pembelajaran tersebut dengan banyaknya tujuan pasak. Implikasi daripada peristiwa ini ialah seseorang pendidik boleh menggunakan pendekatan pembelajaran yang berlaku dalam situasi Nabi Musa ini. Antaranya, suatu pembelajaran itu bersifat penerokaan dalam dunia yang sebenarnya dengan mengambil kira persekitaran yang menjadi elemen-elemen penting ketika proses pembelajaran berlaku.

Proses pembelajaran juga hendaklah bersifat maklum balas terhadap persekitaran apabila murid dapat belajar daripada kesilapan serta mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran yang sebenarnya. Maka, cabaran tersebut akan menjadikan pelajar dapat berfikir dengan lebih kreatif dan kritis bagi menghadapi cabaran mahupun masalah dalam kehidupan seharian. Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, model ini dapat melihat tahap pembelajaran pelajar terutamanya dari aspek kemahiran menghasilkan sesuatu idea bagi menyelesaikan masalah pembelajaran terutamanya dalam Bahasa Melayu. Tahap pembelajaran dalam Model Pembelajaran Al-Kahfi dapat dilihat dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Model Proses Pembelajaran Al-Kahfi (Muhaimi, 2022)

©2022 Muhaimi Suhaili, Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru
 Kampus Tun Abdul Razak

Berdasarkan Rajah 1, tahap pembelajaran dalam Model Proses Pembelajaran Al-Kahfi terbahagi kepada empat peringkat. Peringkat paling bawah ialah peringkat pemerolehan yang melibatkan kemahiran memahami dan mengingat sesuatu pembelajaran. Peringkat seterusnya pula ialah peringkat penguasaan yang terdiri daripada lima kemahiran yang penting iaitu kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai, mentaksir dan merefleksi. Peringkat pengadaptasian pula melibatkan kemahiran mengadaptasikan dalam konteks situasi baharu yang sebenar. Akhir sekali,

peringkat paling tinggi iaitu peringkat penciptaan yang memerlukan individu tersebut menghasilkan idea baharu ke arah penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Selain itu, terdapat tiga peringkat pemahaman dalam pembelajaran iaitu peringkat pemahaman belajar, peringkat pemahaman tinggi dan peringkat pemahaman mendalam seperti yang dinyatakan dalam model proses pembelajaran Al-Kahfi tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya bagi mendapatkan maklumat iaitu melalui temu bual. Temu bual merupakan suatu proses interaksi dan komunikasi yang melibatkan dua orang atau lebih bagi mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden (M. Abdul, 2014). Terdapat dua bentuk temu bual yang telah dilakukan iaitu temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Kajian ini juga melibatkan kaedah kepustakaan untuk mengumpul maklumat dan bahan-bahan seperti jurnal, buku dan kertas kajian daripada Muhaimi (2022) menjadi sumber utama. Oleh itu, pengkaji telah memilih 4 kumpulan responden yang terdiri daripada 17 orang responden daripada pelajar Bahasa Melayu (BM) 1621. Mereka ialah kumpulan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Jun 2021. Jenis temu bual yang digunakan ialah temu bual berstruktur iaitu soalan yang ditanya berdasarkan senarai yang telah dibina. Justeru, pengkaji telah menyediakan 5 soalan temu bual berstruktur dan 5 soalan temu bual tidak berstruktur untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar BM 1621 dalam penghasilan kit persembahan kumpulan dari aspek kemahiran yang dikuasai melalui aktiviti pembelajaran Al-Kahfi.

DAPATAN

1. Latar belakang kumpulan pelajar seperti jantina, nama kit persembahan dan bilangan ahli dalam kumpulan.

Dapatan latar belakang yang diperolehi ialah pelajar opsyen Bahasa Melayu iaitu BM 1621. Mereka terbahagi kepada empat kumpulan iaitu Kumpulan Paradigma, Kumpulan Srikandi Mahsuri, Kumpulan Nakhoda Bermuda dan Kumpulan Saujana's. Kumpulan Paradigma, Kumpulan Srikandi Mahsuri dan Kumpulan Nakhoda Bermuda terdiri daripada semua perempuan dan hanya Kumpulan Saujana's yang terdiri daripada lelaki. Nama kit persembahan yang dihasilkan oleh Kumpulan Paradigma bernama Kembara Kata Majmuk Mantap. Kumpulan Srikandi Mahsuri pula menghasilkan kit persembahan yang bernama Bestari Kata Majmuk, manakala Kumpulan Nakhoda Bermuda menghasilkan kit persembahan yang bernama Kotak Beracun Kata Pemer. Kit persembahan untuk Kumpulan Saujana's pula bernama KerjaRia. Berikut ialah latar belakang kumpulan seperti jadual Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Latar belakang responden temu bual mengikut kumpulan

Latar belakang	Kumpulan Paradigma	Kumpulan Srikandi Mahsuri	Kumpulan Nakhoda Bermuda	Kumpulan Saujana's
Jantina	Semua perempuan	Semua perempuan	Semua perempuan	Semua lelaki
Nama kit persembahan	Kembara Kata Majmuk Mantap	Bestari Kata Majmuk	Kotak Beracun Kata Pemer	KerjaRia
Bilangan ahli	4 orang	4 orang	4 orang	5 orang

2. Proses pengadaptasian ilmu yang telah dipelajari dalam satu konteks pembelajaran baharu dalam penghasilan kit persembahan bagi aktiviti pembelajaran al-Kahfi

Antaranya, kumpulan Paradigma berkemampuan untuk mengadaptasi ilmu yang dipelajari menghasilkan kit persembahan yang berkaitan dengan kata majmuk mantap yang bertujuan untuk dijadikan bahan bantu mengajar yang dapat menyumbangkan untuk mencapai objektif pembelajaran pada pengajaran masa hadapan.

Kumpulan Srikandi Mahsuri pula mengadaptasikan ilmu mereka dalam menggunakan elemen aktiviti permainan sambil belajar di kit persembahan mereka untuk memberikan pengalaman yang menyeronokkan kepada murid selain dapat menjadi kemahiran pelajar BM 1621 mengaplikasikan teknik pengajaran yang sesuai dalam kit persembahan.

Jika dilihat melalui kumpulan Nakhoda Bermuda pula ilmu yang diadaptasikan melibatkan penghasilan kit dibuat secara bahan maujud yang diaplikasikan pengetahuan mereka tentang PUSAR+ DO yang menjadi panduan mereka menghasilkan kit persembahan mereka serta membantu penyediaan soalan yang menjadi nilai tambah dalam kit yang dihasilkan.

Kumpulan terakhir iaitu Saujana's mengadaptasikan ilmu yang baharu dengan penghasilan bahan maujud serta seiring dengan penerapan elemen norma baharu. Pengaplikasian kaedah penghasilan kit berpandukan PUSAR+3 Ext yang sama oleh kumpulan lain dapat dikenal pasti serta pendekatan didik hibur digunakan dalam kit persembahan membantu murid bersesuaian dengan tahap pembelajaran aspek pengadaptasian ilmu.

Secara kesimpulannya, setiap kumpulan mengadaptasikan ilmu yang telah dipelajari iaitu PUSAR+3 Ext sebagai langkah dalam menghasilkan kit persembahan kumpulan. Bukan itu sahaja, ilmu tentang bahasa Melayu dari segi tatabahasa juga dapat dikenal pasti bagi setiap kumpulan dan dihasilkan dalam bentuk maujud. Ilmu mereka pelajari dari segi pendekatan atau teknik pembelajaran juga diadaptasikan merupakan idea baharu mereka untuk hasilkan kit persembahan mereka melalui aktiviti pembelajaran Al-Kahfi.

Berdasarkan Jadual 10 menunjukkan dapatan daripada maklum balas temu bual yang dibuat terhadap empat kumpulan kecil pelajar menjurus kepada cara pelajar mengadaptasikan ilmu yang telah dipelajari dalam satu konteks pembelajaran baharu dalam penghasilan kit persembahan.

Jadual 2: Cara mengadaptasi ilmu yang telah dipelajari dalam satu konteks pembelajaran baharu dalam penghasilan kit persembahan bagi aktiviti pembelajaran al-Khafi

Nama Kumpulan	Maklum Balas
Kumpulan Paradigma	Kumpulan kami dapat mengadaptasi ilmu yang telah dipelajari dalam konteks baru iaitu kami telah menghasilkan kit persembahan yang berkaitan dengan kata majmuk mantap yang bertujuan untuk dijadikan bahan bantu mengajar yang dapat menyumbangkan untuk mencapai objektif pembelajaran pada pengajaran masa hadapan.
Kumpulan Srikandi Mahsuri	Berdasarkan pengalaman yang telah kami dapat daripada aktiviti yang telah dilaksanakan, kami dapati bahawa aktiviti bermain sambil belajar adalah sangat berkesan. Kami telah menyediakan kit persembahan yang menarik dan ada unsur permainan supaya pelajar dapat mengalami pengalaman yang seronok ketika belajar. Pengalamn ini juga dapat kami gunakan ketika kami berada di sekolah nanti.
Kumpulan Nakhoda	Kit persembahan kami dihasilkan dalam bentuk maujud. Hal ini

Bermuda	menjadikan kit persembahan mudah difahami dan menyeronokkan kerana murid didedahkan dengan banyak soalan. Penghasilan kit ini juga berdasarkan PUSAR+3 Extyang menunjukkan proses penghasilan kit yang bertumpu, seiring dengan landasan Pusar+3 Ext. Kit ini menggunakan pelbagai warna bagi slot soalan sebagai nilai tambah bagi menarik perhatian pelajar. Soalan-soalan dikemukakan untuk merangsang daya berfikir murid berkenaan permasalahan kata pemerli.
Kumpulan Saujana's	Kit persembahan kami dihasilkan dalam bentuk maujud tetapi juga menerapkan elemen SOP (norma baharu). Seterusnya, kit persembahan mudah difahami dan menyeronokkan kerana dapat diakses secara fizikal. Tambahan pula, penghasilan kit ini berdasarkan Kaedah PUSAR+3 Ext yang merangkumi setiap aspek dan menjadikan kit ini hampir sempurna. Konsep didik hibur digunakan supaya pelajar dapat memahami dengan mudah.

3. Penghasilan kit persembahan bagi tujuan ke arah penyelesaian masalah aktiviti pembelajaran tatabahasa

Dapatan menunjukkan bahawa penciptaan kit persembahan setiap kumpulan berdasarkan idea baharu kumpulan telah dapat memberikan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Contohnya, Kumpulan Paradigma berpendapat bahawa penciptaan kit persembahan dikatakan dapat memberikan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian kerana dapat menyelesaikan penguasaan dalam kata majmuk mantap serta responden dapat menguasai kata majmuk mantap dengan lebih berkesan dengan menunjukkan peningkatan markah dalam kuiz. Jika dilihat bagi kumpulan Srikandi Mahsuri, idea baharu yang digunakan berbentuk kaedah akronim bagi pengajaran kata majmuk mantap dan bebas dan ditambah ilustrasi untuk menarik perhatian pengguna yang menggunakan kit persembahan.

Kumpulan Nakhoda Bermuda pula menggunakan idea yang sedia ada diubah suai bersesuaian dengan topik tatabahasa yang dipilih menerusi bahan berbentuk kotak beracun dan diuji terhadap pengguna dalam kalangan rakan sekelas mereka untuk melihat keberkesannya. Kumpulan Saujana's pula menggunakan idea sedia ada dan diubahsuai iaitu permainan Jutaria yang berunsurkan didik hibur untuk menerangkan tentang kata kerja transitif dan tak transitif. Keempat-empat kumpulan tersebut ada menerapkan idea sedia ada dan baharu serta dapat disesuaikan dengan topik yang dipilih untuk digunakan oleh responden terutamanya dalam kalangan murid. Hal ini juga bertepatan dengan kemahiran pelajar BM 1621 dalam penciptaan kit menggunakan idea baharu atau diubah suai melalui pembelajaran Al-Kahfi. Jadual 2 di bawah menunjukkan kebolehan penciptaan kit persembahan pelajar kumpulan opsyen Bahasa Melayu berdasarkan idea baharu yang dapat memberikan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Dapatan daripada temu bual tersebut ditunjukkan melalui maklum balas di bawah.

Jadual 2: Kebolehan penciptaan kit persembahan berdasarkan idea baharu dapat memberikan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian

Nama Kumpulan	Maklum Balas
Kumpulan Paradigma	Kit persembahan yang telah dihasilkan oleh kumpulan kami didapati boleh menyelesaikan masalah kerana mudah untuk

	difahami dan diadaptasi.
Kumpulan Srikandi Mahsuri	Kit persembahan yang kami hasilkan adalah berdasarkan idea kami sendiri iaitu idea baharu. Dalam kit persembahan iaitu penggunaan website kami ada letak ilustrasi yang banyak seperti kartun supaya murid lebih tertarik. Lepas itu, kata majmuk mantap kami ada menggunakan singkatan iaitu kaedah akronim. Berdasarkan kit persembahan yang telah kami hasilkan, kami berjaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian iaitu penggunaan kata majmuk mengikut konteks yang betul. Contohnya, murid dapat membezakan kata majmuk mantap dengan kata majmuk bebas.
Kumpulan Nakhoda Bermuda	Kit itu idea yang dah sedia ada dan kumpulan kami mengubahnya untuk dijadikan kotak. Kami juga melakukan uji cuba dengan kumpulan sekelas, supaya dapat mengurangkan kekeliruan dalam kata pemerian dari aspek penulisan atau pertuturan.
Kumpulan Saujana's	Penciptaan Kerja Ria menyerap unsur idea permainan sedia ada seperti JutaRia. Berdasarkan permainan tersebut, kami cipta permainan baharu iaitu KerjaRia dengan memfokuskan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kit ini diguna untuk selesaikan masalah murid dalam menggunakan kata kerja malah menerapkan unsur didik hibur melalui pembelajaran menggunakan aktiviti permainan membantu murid memahami lebih jelas tentang penggunaan kata kerja.

PERBINCANGAN DAPATAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat beberapa aspek yang dapat dibincangkan melalui analisis setiap tahap pembelajaran iaitu tahap pemerolehan, tahap penguasaan, tahap pengaplikasian dan tahap penciptaan. Berikut ialah aspek yang dibincangkan berdasarkan tahap pembelajaran seperti di bawah ini.

Tahap Pemerolehan

i. Mengingat

Dapatan menunjukkan bahawa pelajar BM 1621 telah melalui proses pembelajaran al-Kahfi iaitu proses mengingat dalam tahap pemerolehan. Mengingat merupakan satu pengetahuan membolehkan pelajar untuk mengingat semula dan mengimbas perkara yang telah berlaku, perkara khusus dan sejangka, kaedah-kaedah dan memproses, mencorak dan menstruktur (Noor Rohana Mansor, 2009). Hal ini dikatakan demikian kerana melalui proses temu bual dengan Kumpulan Paradigma, mereka dapat mengingat semula perkara yang berlaku semasa penghasilan kit persembahan dan secara tidak langsung pemerolehan ilmu berlaku.

ii. Memahami

Selain itu, didapati pelajar BM 1621 telah melalui proses memahami dalam proses pembelajaran Al-Kahfi. Memahami didefinisikan sebagai kebolehan menterjemahkan idea daripada satu bentuk ke bentuk yang lain, membuat interpretasi, melihat kesan dan akibat, pola-pola dan lain-lain (Abdul Aziz, 1993). Dengan mempunyai pemahaman terhadap sesuatu ilmu pengetahuan, maka pelajar BM 1621 mampu membuat penterjemahan, pentafsiran terhadap apa yang telah dipelajari oleh

mereka dalam penghasilan kit persembahan. Pendek kata pada tahap ini pelajar BM 1621 berjaya memperoleh ilmu melalui kemahiran mengingat dan memahami yang dikategorikan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) iaitu aras 1 dan aras 2.

Tahap Penguasaan

i. Mengaplikasi

Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar BM 1621 telah mempelajari proses mengaplikasi dalam menggunakan sumber yang diperoleh untuk menghasilkan kit persembahan. Bukan itu sahaja, Kumpulan Paradigma juga mengaplikasikan unsur seni dalam pendidikan seperti muzik dan pergerakan dalam penghasilan kit persembahan. Menurut Abdul Aziz (1993), aspek aplikasi telah membawa maksud kebolehan menerap atau menggunakan rumus am dan prinsip situasi tertentu. Aspek mengaplikasi membolehkan pelajar menggunakan maklumat atau ilmu pengetahuan yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah. Justeru, pelajar BM 1621 berkemampuan untuk menggunakan fakta asas, konsep, prinsip dan kemahiran yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah.

ii. Menganalisis

Selain itu, pelajar BM 1621 telah mempelajari proses pembelajaran Al-Kahfi iaitu menganalisis dalam tahap penguasaan. Aspek menganalisis dalam proses pembelajaran al-Kahfi ialah satu penyelidikan untuk mengetahui sesuatu secara mendalam. Menganalisis merupakan kebolehan memecahkan sesuatu perkara kepada bahagian komponen penting supaya menjadi jelas, dan melihat pertalian di antara bahagian tersebut (Abdul Aziz, 1993). Melalui kaedah menganalisis masalah, maka pelajar BM 1621 didapati telah menggunakan pembelajaran Al-Kahfi dengan baik kerana pelajar BM 1621 telah melalui proses pembelajaran Al-Kahfi iaitu mereka telah mengalami pengalaman pada tahap penguasaan kemahiran menganalisis. Sekiranya pelajar BM 1621 menguasai aspek menganalisis dalam pembelajaran Al-Kahfi maka mereka berpeluang untuk menggunakan teknik menganalisis ini dalam proses pembelajaran pada masa hadapan seperti menganalisis masalah yang dihadapi oleh murid sekolah dalam penguasaan sesuatu topik. Secara tidak langsung, pelajar BM 1621 dapat meningkatkan kemahiran untuk mentafsir dan menganalisis maklumat kerana mereka mampu merungkaikan hasil daripada pembelajaran yang diperoleh melalui penghasilan kit persembahan.

iii. Menilai

Pelajar BM 1621 juga dapat menilai keberhasilan kit persembahan terhadap pengguna dengan pelbagai cara. Sebagai contohnya, Kumpulan Nakhoda Bermuda menilai keberhasilan kit persembahan dengan melalui permainan kotak beracun. Hal ini dapat dijelaskan dengan aktiviti murid-murid menjawab soalan yang terdapat dalam kotak beracun dengan memilih warna. Maklum balas responden akan dicatat dengan skor mata. Melalui kaedah menilai keberhasilan kit persembahan, maka pelajar BM 1621 didapati telah menguasai proses pembelajaran tahap penguasaan kerana mereka menguasai ilmu melalui kemahiran menilai. Kemahiran menilai merupakan kebolehan menghakimi sesuatu perkara dari segi ketepatan penilaiannya (Abdul Aziz, 1993). Pelajar BM 1621 telah menilai keberhasilan bahan kit persembahan terhadap pengguna secara kuiz untuk mengetahui tahap penguasaan responden terhadap topik tertentu sebelum dan selepas menggunakan kit persembahan tersebut.

iv. Mentaksir

Selain itu, pelajar BM 1621 telah melalui proses pembelajaran al-Kahfi yang mengandungi tahap penguasaan iaitu mentaksir. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kaedah ujian yang digunakan untuk menguji keberkesanan kit persembahan, maka pelajar BM 1621 telah belajar untuk mentaksir dalam proses pembelajaran Al-Kahfi. Mentaksir didefinisikan sebagai menyangka,

menelaah, mengagak, dan mengira (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Pelajar BM 1621 telah menguji tentang keberkesanan kit persembahan dengan menggunakan pelbagai jenis kaedah ujian yang berlainan. Secara tidak langsung, pelajar BM 1621 dapat mengetahui kekurangan kit persembahan selepas mentaksir dan langkah penambahbaikan akan dijalankan untuk meningkatkan kualiti serta memperbaiki kekurangan pada kit persembahan.

v. Merefleksi

Pelajar BM 1621 telah melalui proses pembelajaran al-Kahfi iaitu proses merefleksi. Merefleksi merupakan salah satu kemahiran yang berlaku pada tahap penguasaan dalam proses pembelajaran Al-Kahfi. Merefleksi bertujuan untuk membantu pelajar mengimbas kembali proses pembelajaran yang telah berlaku. Secara tidak langsung, pelajar akan dapat mengetahui kelebihan, kekurangan serta langkah penambahbaikan semasa proses pembelajaran berlaku. Dengan ini, merefleksi dapat membantu Pelajar BM 1621 untuk mengimbas semula proses pembelajaran melalui kit persembahan serta adalah sangat bermanfaat untuk mereka kerana merefleksi dapat membantu mereka untuk menjayakan dan meningkatkan kualiti sesuatu aktiviti. Dengan aktiviti merefleksi, pelajar BM 1621 dapat menguasai kemahiran tersebut pada tahap penguasaan.

Tahap Pengadaptasian

Dapatan juga menunjukkan bahawa semua kumpulan opsyen BM 1621 telah berjaya mengadaptasi ilmu yang telah dipelajari dalam konteks baharu. Menurut Kamus Dewan (2010), mengadaptasi juga dikenal sebagai menyesuaikan dengan sesuatu keadaan atau suasana. Pengadaptasian merupakan salah satu aspek dalam tahap penguasaan proses pembelajaran Al-Kahfi dan didefinisikan sebagai mengadaptasikan dalam konteks situasi baharu sebenarnya (Muhaimi, 2022). Pelajar BM 1621 telah menghasilkan kit persembahan yang bertujuan untuk dijadikan bahan bantu mengajar untuk sesuatu topik tertentu. Justeru, pelajar BM 1621 dikatakan telah berjaya mengadaptasi ilmu yang dipelajari dalam menghasilkan kit persembahan yang dapat dijadikan sebagai bahan bantu mengajar sama ada secara bentuk mautud atau atas talian dalam konteks baharu semasa aktiviti tersebut dilaksanakan.

Tahap Penciptaan

Selain itu, pelajar kumpulan opsyen BM 1621 telah berjaya mencipta kit persembahan berdasarkan idea baharu yang dapat memberikan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana kit persembahan telah dicipta berdasarkan isu yang timbul dan bertujuan untuk menyelesaikan isu yang dihadapi. Mencipta didefinisikan sebagai kebolehan untuk menerbitkan atau menghasilkan sesuatu dengan daya fikiran atau imaginasi seseorang (Kamus Dewan, 2010). Menurut Muhaimi (2022) pula, mencipta merupakan salah satu tahap dalam pembelajaran Al-Kahfi yang bertujuan untuk menghasilkan idea baharu ke arah penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Pelajar BM 1621 telah berjaya menguasai tahap mencipta dalam proses pembelajaran Al-Kahfi kerana mereka mampu untuk mencipta kit persembahan untuk menyelesaikan masalah tertentu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan model proses pembelajaran Al-Kahfi, didapati bahawa pelajar BM 1621 telah menguasai tahap pembelajaran tersebut yang bermula daripada peringkat yang paling rendah sehingga ke peringkat yang paling tinggi. Tahap-tahap tersebut bermula dengan tahap pemerolehan, tahap penguasaan, tahap pengadaptasian, dan tahap penciptaan. Melalui aktiviti pembelajaran Al-Kahfi yang telah dilaksanakan itu para pelajar telah dapat menguasai banyak kemahiran seperti mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, mentafsir, merefleksi, mengadaptasi, dan menghasilkan. Keempat-empat tahap tersebut telah memenuhi KBAT yang

perlu dilaksanakan di dalam bilik darjah ketika aktiviti pembelajaran dilaksanakan. Selain itu, pelajar bukan sahaja berada pada peringkat pemahaman belajar, tetapi juga di peringkat pemahaman tinggi dan peringkat pemahaman mendalam seperti yang dinyatakan dalam model proses pembelajaran Al-Kahfi. Dengan ini, model proses pembelajaran Al-Kahfi dapat melahirkan masyarakat yang berdaya cipta, kritis, kreatif dan inovatif dalam menangani isu atau permasalahan yang berlaku dalam konteks kehidupan sebenarnya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib. (1993). *Menguji Kemahiran Membaca: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, B.S. (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals: Handbook I, cognitive domain*. New York: Longman.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasturi Rajan & Norasmah Othman. (2022). Pengetahuan dan kemahiran Teknologi Maklumat serta Komunikasi Guru terhadap prestasi subjek Perniagaan murid sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 204-215. Diakses daripada <https://www.msocalsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1251/898>
- M. Abdul Samad. (2014). Bab Tiga Metodologi Kajian. http://studentsrepo.um.edu.my/5187/4/bab_3.pdf
- Muhaimi Suhaili. (2020). Huraian Model Pembelajaran Al-Kahfi dalam peristiwa Nabi Musa menuntut ilmu daripada Nabi Khidir dengan konteks pembelajaran hari ini. Webinar ICIED 2020: *International Conference on Islamic Education*. Diakses daripada https://drive.google.com/file/d/1AicW_a4Fxb2ZLtr4hitmjM6bAPK3clme/view?pli=1
- Noor Rohana Mansor. (2009). Model Analisis Aras Soalan Kognitif: Kajian terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Melayu*, (4), 73-90. Diakses daripada <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/4936>
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2011). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

ANALISIS REFLEKSI DAN PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN AL-KAHFI BERDASARKAN KAEDAH WEWIT

Maszanirah binti Ahmad
maszanirah23-403@epembelajaran.edu.my

Nur Aliah Syazwinie binti Azmi
aliah23-410@epembelajaran.edu.my

Lee Wen Qing
lee23-420@epembelajaran.edu.my

Fatin Nabilah binti Alias
fatin23-400@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Refleksi merupakan salah satu cara untuk seseorang individu ataupun guru mengenal pasti tentang keberkesanan, kelebihan dan kelemahan mengenai sesuatu pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan serta dapat melihat sejauh manakah objektif yang dilaksanakan dapat dicapai. Bukan itu sahaja, refleksi berupaya membantu seseorang individu untuk mengimbas kembali apa yang telah dipelajari. Justeru itu, refleksi adalah sangat penting untuk dilaksanakan terutamanya dalam kalangan murid dan juga guru. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu sepanjang aktiviti Pembelajaran al-Kahfi dilaksanakan dengan kaedah W-What dalam analisis WEWIT, menghuraikan isu-isu yang dikenal pasti dengan menggunakan What-W, E-Elaborate, W-Why, I-Implication dan T-Transform dalam analisis WEWIT dan mengetahui sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran tajuk kursus tentang Standard Kemahiran abad Ke-21 dalam kursus Elektif BMMB3182. Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu yang pertama kaedah analisis dokumen hasil daripada perbincangan serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar-pelajar PISMP Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020. Kedua ialah dengan menggunakan kaedah temu bual yang melibatkan seramai 12 orang pelajar PISMP Pendidikan Islam. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa kesemua murid yang terlibat dapat menghasilkan sebuah refleksi yang berkesan dan sistematik menerusi Kaedah WEWIT. Kesimpulannya, refleksi dan pencapaian hasil pembelajaran dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dapat dianalisis dengan mudah, berkesan dan sistematik melalui kaedah WEWIT.

PENGENALAN

Refleksi menyediakan satu asas yang kaya dan komprehensif mengenai pengajaran dan pembelajaran. Ia bukan sahaja membolehkan seseorang guru memperoleh pengertian mengenai tugasnya tetapi ia memberi pelbagai perspektif terhadap pengajaran yang boleh dicontohi atau dipelajari oleh guru-guru lain (Then Moli, 2013). Dalam erti kata lain, berdasarkan refleksi yang dibuat, ia berupaya membantu guru terutamanya dalam mengenal pasti kelebihan dan kelemahan murid dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran serta mengetahui sama ada objektif yang ingin dicapai adalah tercapai atau tidak. Menurut Muhaimi et. al (2017), proses refleksi ialah melihat atau mengimbas semula proses pembelajaran yang baru sahaja berlaku dan membuat beberapa penjernihan, pencerahan, dan meneliti mana-mana daerah yang mungkin “diangkat” oleh guru. Menurut Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Kualiti Akademik (2020), hasil pembelajaran merujuk kepada pernyataan tentang apa yang harus diketahui, difahami dan dilakukan oleh pelajar setelah tamat kursus. Sebagai contohnya, hasil pembelajaran yang harus dicapai dalam

pembelajaran Al-Kahfi ialah mengenal pasti isu-isu sepanjang aktiviti Pembelajaran al-Kahfi dilaksanakan dan menghuraikan isu-isu yang dikenal pasti dengan menggunakan Analisis WEWIT serta mengetahui sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran tajuk kursus tentang Standard Kemahiran abad Ke-21 dalam kursus Elektif BMMB3182.

Al-Kahfi merupakan salah satu model pembelajaran yang amat digalakkan untuk diaplikasikan pada masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana model pembelajaran ini dilihat mampu menjadi amalan kita yang terhimpun daripada pemikiran behaviorisme, kognitif, humanistik dan interaksionalis. Tambahan pula, model ini dilihat banyak membantu dalam memahami kaedah pembelajaran yang sesuai digunakan sebagai panduan kepada seseorang guru dalam merencanakan aktiviti pembelajaran di sekolah terutamanya di luar bilik darjah. Contohnya, dalam model pembelajaran ini iaitu pada bahagian pascapembelajaran, ia ada menerangkan tentang refleksi dan bagaimana cara untuk melaksanakan refleksi tersebut. Kaedah WEWIT merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk membuat refleksi berkenaan dengan sesuatu isu yang terdiri daripada W - *What*, E - *Elaborate*, W - *Why*, I - *Implication* dan T - *Transform*.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan model Pembelajaran Al-Kahfi dan juga Kaedah WEWIT, kumpulan kami mengaitkan kajian ini dengan masalah yang diperoleh iaitu guru kurang membuat refleksi setelah selesai sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dibuktikan menerusi beberapa sumber seperti jurnal iaitu hasil daripada pemerhatian daripada kajian-kajian serta berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Zembal-Saul, et. al pada tahun 2000 iaitu kajian yang dijalankan mendapati kebanyakan guru khususnya guru pelatih sains kurang mengamalkan amalan refleksi secara kritikal dalam pengajaran. Selain itu, terdapat juga masalah yang berkait dengan hasil pembelajaran. Menurut Safarin dan Hidayah (2014), guru yang kurang mahir mengendalikan sesi pengajaran bakal mempengaruhi hasil pembelajaran murid. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis amalan refleksi dalam aktiviti pembelajaran dengan menggunakan model Pembelajaran Al-Kahfi dan juga Kaedah WEWIT.

SOROTAN LITERATUR

Refleksi merupakan proses merenung, menganalisis masalah, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk memperbaiki diri (Hanipah, 2000). Penerapan refleksi dalam amalan pengajaran berupaya mempertingkatkan keberkesanan guru untuk menilai dan memperbaiki proses pengajaran. Refleksi bukan lagi perkara yang asing terutamanya buat para guru. Hal ini demikian kerana menurut Nor Hasniza dan Muhammad Yusof (2005), amalan refleksi ini merupakan suatu aktiviti yang memerlukan penglibatan aktif individu hasil daripada cetusan sesuatu pengalaman yang amat memberi impak kepada dirinya dengan melibatkan pengujian tindak balas, kepercayaan dan dasar pemikiran untuk menghasilkan integrasi antara pemahaman baru dengan pengalaman yang telah dilalui. Justeru itu, amalan refleksi ini dilihat sebagai satu bentuk pemikiran yang sukar diterjemahkan secara eksplisit.

Selain itu, Nor Hasniza (2012) juga menyatakan bahawa refleksi merupakan proses merenung, menganalisis masalah, mencari alasan, cadangan serta tindakan untuk memperbaiki sesuatu. Tambahan pula, penerapan refleksi dalam amalan pengajaran juga dapat meningkatkan kualiti serta keberkesanan guru ketika pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya dalam menilai serta memperbaiki proses pengajaran.

Seterusnya, menurut Norhaslina, Nur Afifah dan Wan Norina (2018), refleksi merupakan proses kognitif bagi tujuan muhasabah diri sendiri dan membuat penambahbaikan terhadap sesuatu perkara. Penerapan refleksi dalam amalan pengajaran berupaya mempertingkatkan keberkesanan pengajaran pensyarah (Hanipah et al. 2010) manakala amalan refleksi terhadap pelajar membantu membina penghayatan nilai dan akhlak pelajar (Hasan 1987). Kaedah refleksi sangat realistik untuk diimplemantasikan dalam pengajaran kerana ia bertujuan untuk membina kemahiran muhasabah,

meneliti dan menangani permasalahan yang pelbagai dalam kehidupan. Kaedah ini berupaya melatih keupayaan kognitif dan afektif pelajar. Hasilnya, kecerdasan intelektual pelajar turut dapat dipertingkatkan.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (1) Mengenal pasti isu-isu sepanjang aktiviti Pembelajaran al-Kahfi dilaksanakan dengan kaedah *W-What* dalam analisis WEWIT.
- (2) Menghuraikan isu-isu yang dikenal pasti dengan menggunakan *What-W*, *E-Elaborate*, *W-Why*, *I-Implication* dan *T-Transform* dalam analisis WEWIT.
- (3) Mengetahui sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran tajuk kursus tentang Standard Kemahiran abad Ke-21 dalam kursus Elektif BMMB3182.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Kaedah WEWIT merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam menganalisis atau mengenal pasti sesuatu perkara seperti isu atau masalah yang berlaku. WEWIT ialah singkatan bagi W - *What* (Apakah isu/masalah yang dikenal pasti sepanjang aktiviti pembelajaran), E - *Elaborate* (Huraikan *Who* (siapa terlibat), *When* (bila terlibat), *Where* (di mana terlibat), W - *Why* (Analisis beberapa sebab - *Why* (kenapa) tersebut berlaku?, I - *Implication* (Nyatakan implikasi juga perkara tersebut tidak ditangani) dan T - *Transform* (Cadangan langkah/cadangan transformasi yang harus dilakukan untuk menangani isu.masalah yang dipilih tersebut). Kaedah WEWIT sangat sesuai digunakan dalam pembelajaran khususnya untuk membuat analisis reflektif tentang perkara yang telah dipelajari secara berkesan dan sistematik (Muhaimi, 2021).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual. Kaedah analisis dokumen. Menurut Sabitha (2005), analisis dokumen ialah bahagian mesej yang boleh didengar, diperolehi dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji menerusi hasil daripada perbincangan serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar-pelajar PISMP Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020. Menurut Kamarul (2012), kaedah temu bual kebiasaannya digunakan oleh penemu ramah yang akan menjalankan sesi temu bual secara terperinci berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Tambahan pula, perkara-perkara yang disebutkan oleh responden merupakan data yang penting dalam sesebuah kajian. Bagi kaedah ini, pengkaji menggunakan soalan berstruktur. Kaedah ini melibatkan seramai 12 orang pelajar Pendidikan Islam iaitu dua orang wakil dari setiap kumpulan dari PISMP1620 sehingga PISMP6620. Bagi kaedah temu bual, pengkaji menyediakan soalan jenis berstruktur yang terdiri daripada 5 soalan berkenaan dengan pencapaian hasil pembelajaran tajuk kursus tentang Standard Kemahiran Abad Ke-21 dalam kursus Elektif BMMB3182.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Isu-isu yang dikenal pasti sepanjang aktiviti Pembelajaran al-Kahfi dilaksanakan dengan kaedah W-What dalam analisis WEWIT.

Berdasarkan temu bual tersebut, berikut ialah senarai isu yang dikenal pasti dengan kaedah WEWIT melalui *W-What* iaitu:

1. Pelajar keliru dalam membezakan kata nama am dan kata nama khas.
2. Pelajar menganggap bahawa semua perkataan adalah kata nama am selagi tiada nama yang spesifik.
3. Kami kurang mahir membina identiti kumpulan dalam masa yang singkat.
4. Masa yang singkat untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

5. Masalah pelajar kurang fokus semasa pengajaran.
6. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan inovasi tidak mencukupi.
7. Penggunaan teknik bermain yang kami gunakan dalam bahan inovasi tersebut kurang menarik.
8. Penggunaan inovasi tersebut terlalu ringkas, bersifat santai dan kurang mencabar pemikiran.
9. Bentuk bahan mawjud yang kami hasilkan mengelirukan pelajar.
10. Proses penerangan dan pelaksanaan bahan mawjud kami kurang memuaskan.
11. Kurang hiasan dan tarikan pada bahan mawjud yang kami hasilkan.
12. Kami kurang mahir memilih standard pembelajaran.
13. Kami kurang mahir membuat pentaksiran.
14. Pengetahuan pelajar berkenaan topik penjodoh bilangan kurang.
15. Masalah kekurangan masa ketika aktiviti yang kami laksanakan bersama pelajar.
16. Masalah dalam menghasilkan *war cry* dalam kumpulan kami berdasarkan tugas yang diberikan.
17. Masalah dalam pengurusan masa untuk membina kotak *virtual* yang telah dirancang.
18. Sukar melaksanakan aktiviti pembelajaran berdasarkan kotak *virtual* yang dihasilkan.
19. Sukar untuk menjumpai lokasi petunjuk yang diberikan kepada kumpulan.
20. Ada juga lokasi yang diberikan berdasarkan petunjuk sangat mencabar.
21. Kami mengambil masa yang lama untuk memilih Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) yang sesuai untuk membuat inovasi.
22. Kami sukar mencari orang-orang yang dikehendaki dalam tugas seperti orang awam dan pegawai IPGKTAR.

Huraian isu-isu yang dikenal pasti dengan menggunakan W-What, E-Elaborate, W-Why, I-Implication dan T-Transform dalam analisis WEWIT

Berdasarkan analisis dokumen daripada hasil kerja pelajar, berikut ialah 10 isu yang dihuraikan dengan menggunakan jadual dalam refleksi menggunakan analisis WEWIT seperti Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Jadual Analisis Refleksi dengan menggunakan kaedah WEWIT

W - What (Apakah isu/masalah yang dikenal pasti sepanjang aktiviti pembelajaran)	E - Elaborate [Huraikan Who (siapa terlibat), When (bila terlibat), Where (di mana terlibat)]	W - Why (Analisis beberapa sebab - Why (kenapa) tersebut berlaku?)	I - Implication (Nyatakan implikasi juga perkara tersebut tidak ditangani) dan	T - Transform (Cadangan langkah/cadangan transformasi yang harus dilakukan untuk menangani isu.masalah yang dipilih tersebut)
1. Murid keliru dalam membezakan kata nama am dan kata nama khas.	Murid yang terlibat bagi isu ini ialah murid tahun dua. Penglibatan murid tersebut	Murid kurang membaca, menekankan kata nama am yang terdapat dalam buku bahasa	Murid akan sukar membezakan jenis kata nama am dan kata nama khas dan	Melakukan sebuah inovasi yang memberikan gambaran kepada murid-

	berlaku semasa pembelajaran bahasa Melayu dan sering berlaku di sekolah.	melayu dan ini menyebabkan mereka jarang melihat kata nama am dan kata nama khas di dalam sesebuah buku tersebut.	menyebabkan berlakunya banyak kesalahan dalam penulisan karangan mereka. Ianya akan turut mengganggu ejaan huruf kecil dan huruf besar sesuatu perkataan dalam karangan mereka. Hal ini kerana, apabila mereka sukar menentukan sama ada ianya adalah kata nama am atau kata nama khas, mereka juga sukar untuk menentukan sama ada ejaan tersebut perlulah bermula dengan huruf besar atau huruf kecil.	murid berkaitan dengan kata nama am agar mereka dapat lebih mengenal pasti perbezaan kata nama am dan kata nama khas.
2. Murid menganggap bahawa semua perkataan adalah kata nama am selagi tiada nama yang spesifik.	Murid yang terlibat ialah murid sekolah rendah dan kebiasaannya isu ini berlaku apabila tiba waktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.	Murid kurang peka serta tidak menumpukan perhatian semasa sesi PdP dan menyebabkan berlaku kecelaruan idea. Hal ini kerana, penjelasan tentang klasifikasi kata nama am ini perlu diberikan perhatian yang lebih agar murid dapat mengetahui	Murid akan sukar untuk menjawab soalan peperiksaan dan menyatakan kata nama am yang sebenar kerana berlaku kecelaruan idea. -Murid juga akan mula memandang ringan tentang perkara ini kerana impak yang berlaku tidak terlalu	Mereka juga perlu didedahkan dengan kata nama am yang terdapat di sekeliling mereka untuk lebih memahami dengan lebih mendalam maksud serta contoh kata nama am.

		<p>bahawa tidak semua perkataan itu adalah kata nama am. Murid juga selalu menjadikan kata nama am dimulakan dengan huruf kecil sebagai petunjuk sehinggakan kata hubung juga dianggap sebagai kata nama am kerana di eja menggunakan huruf kecil.</p>	<p>menjejaskan pertuturan mereka dan hanya melibatkan penulisan sahaja.</p>	
<p>3. Murid kurang mahir untuk menggunakan kata nama am dalam ayat.</p>	<p>Murid yang terlibat bagi isu ini ialah murid tahun dua. Penglibatan murid tersebut berlaku semasa waktu pembelajaran Bahasa Melayu dan sering berlaku di sekolah.</p>	<p>Murid kurang membuat latihan bahasa melayu yang diberikan oleh guru. Ianya menyebabkan mereka kurang mengetahui penggunaan kata nama am dan kata nama khas di dalam sesebuah ayat.</p>	<p>Murid akan melakukan banyak kesalahan dalam penulisan karangan, ujian penilaian dan pentaksiran mereka.</p> <p>Murid akan melakukan banyak kesalahan dalam penulisan karangan, ujian penilaian dan pentaksiran mereka.</p>	<p>Guru dicadangkan untuk membawa murid ke halaman sekolah seperti taman, padang dan sebagainya. Murid akan didedahkan dengan kata nama am yang terdapat di tempat tersebut dan cuba membuat latihan yang diberikan oleh guru berkaitan kata nama am tersebut.</p>
<p>4. Kurang mahir membina identiti kumpulan dalam masa yang singkat.</p>	<p>Individu yang terlibat dalam isu tersebut ialah ahli kumpulan empat dara. Isu tersebut berlaku semasa arahan pertama</p>	<p>Ahli kumpulan kurang mahir dalam kemahiran berfikir secara pantas. Ahli kumpulan kurang berdaya kreatif dalam</p>	<p>Ahli kumpulan akan berdepan dengan kesukaran sekiranya diminta untuk membina sesebuah identiti</p>	<p>Sentiasa mencari maklumat berkaitan cara membina identiti kumpulan dalam</p>

	dikeluarkan dan tempoh masa hanya beberapa minit diperuntukkan bagi menyelesaikan masalah di lokasi seterusnya. Lokasi pertama dan lokasi bagi isu tersebut terjadi ialah di tempat letak kereta kantin IPGKTAR.	membina identiti kumpulan dalam masa singkat. Ahli kumpulan kekurangan idea dan kurang diberi pendedahan terhadap cara membina identiti kumpulan.	kumpulan semasa berada di sekolah seperti membina identiti persatuan. Penghantaran tugas akan menjadi lambat	masa yang singkat. Menguasai beberapa aplikasi yang boleh digunakan bagi membina identiti kumpulan seperti adobe.
5.Sukar untuk memperoleh idea untuk membina inovasi menggunakan kotak	Who: Lima ahli Booster Squad When: Sewaktu menetapkan dskp Where: dalam IPG	Kami mempunyai pelbagai pilihan DSKP iaitu daripada tahun 1 sehingga 6. Keadaan ini telah menyukarkan kami untuk membuat keputusan dengan cepat. Selain itu, kami juga kurang keyakinan dalam memberikan atau mengutarakan pendapat atau idea sehingga mengambil masa yang lama dalam menyelesaikan tugas dan soalan	Kumpulan kami yang terdiri daripada lima ahli lambat untuk membuat keputusan memilih dskp yang sesuai dengan penciptaan inovasi menggunakan kotak. Sungguhpun begitu, kami telah bersepakat untuk memilih dskp tahun dua bahagian tatabahasa iaitu standard pembelajarannya 5.1.1 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan golongan kata mengikut konteks;(i) kata nama am.	Cadangan bagi menangani isu ini ialah kami perlu lebih berani dan yakin dengan setiap perkara dalam membuat keputusan. Sekiranya sifat tersebut disematkan dalam diri kami, maka tugas yang diberikan dapat diatasi dengan lebih mudah dan masa juga dapat disingkatkan agar dapat melaksanakan aktiviti seterusnya.

<p>6. Masalah dalam menjalankan aktiviti pembelajaran berdasarkan kotak virtual yang dihasilkan.</p>	<p>Who: ahli kumpulan dengan dua orang murid yang dipilih. When: Sewaktu menjalankan aktiviti pembelajaran berdasarkan kotak virtual yang dihasilkan. Where: di dalam sebuah bilik.</p>	<p>Beberapa elemen dalam kotak virtual yang dihasilkan sukar untuk diterangkan kepada dua murid yang dipilih tersebut</p>	<p>Sukar untuk memberi penerangan terhadap pembelajaran yang dilaksanakan tersebut.</p>	<p>Setiap ahli kumpulan hendaklah mempunyai peranan masing-masing bagi melancarkan proses membina bahan virtual tersebut. Selain itu, ialah dengan menetapkan satu objektif yang lengkap sebelum membina kotak virtual tersebut.</p>
<p>7. Masalah murid kurang fokus semasa pengajaran</p>	<p>Individu yang terlibat ialah dua orang pelajar yang tidak mengambil kursus BMMB3082. Semasa menguji bahan inovasi yang telah dibina di lokasi yang ke 3, Pelajar kelihatan kurang menumpukan sepenuh perhatian terhadap aktiviti pengajaran.</p>	<p>Kurangnya fokus murid tersebut semasa guru memberikan penerangan kerana terganggu dengan persekitaran yang kurang strategik iaitu dipenuhi dengan pelajar-pelajar yang lalu lalang semasa simulasi pengajaran dilaksanakan.</p>	<p>Proses pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang berkesan</p>	<p>Mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menerapkan lebih banyak unsur pembelajaran secara didik hibur.</p>
<p>8. Masalah dalam menentukan wacry bagi kumpulan</p>	<p>Who: semua ahli kumpulan When: ketika hendak memutuskan wacry bagi kumpulan kami Where: dalam perbincangan kumpulan</p>	<p>Pendapat dan idea kami berbeza.</p>	<p>Memakan masa yang lama untuk menyelesaikan sesuatu masalah tersebut dan keputusan susah untuk dibuat atau dipilih.</p>	<p>Mengemukakan idea masing-masing seterusnya ahli yang lain menambah baik idea yang ada.</p>

9. Proses penerangan dan pelaksanaan bahan mautud kurang memuaskan.	Pelajar junior IPGKTAR diminta untuk menjalankan aktiviti di kelas dan menghadapi kekeliruan untuk mengecam bentuk-bentuk bahan mautud yang dibina.	Masa yang dimiliki sangat terhad dan tidak mencukupi.	Pelajar akan kurang memahami maklumat yang ingin disampaikan.	Mengurus masa dengan lebih tersusun dan merancang aktiviti yang lebih mudah tetapi efektif.
10. Penggunaan cara pentaksiran yang salah	Kesemua ahli kumpulan kami terlibat dalam isu ini semasa menguji inovasi yang dihasilkan kepada para responden di lokasi yang ketiga.	Kecuaian akan berlaku serta memahami standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah dipilih. Selain itu, ianya terjadi akibat tidak fokus akan tahun yang diambil untuk SK dan SP tersebut.	Pentaksiran tersebut tidak diambil kira kerana luar di kemampuan murid dan lari dari SK dan SP serta pentaksiran tidak dapat dilakukan kerana maklumat ataupun skor yang dikutip tidak bertepatan dengan yang sepatutnya.	Fokus akan SK dan SP dalam menghasilkan sesuatu pentaksiran. Selain itu, perlu mahir mentafsir Sk dan Sp agar pentafsiran yang dilakukan adalah bertepatan dan mampu menghasilkan satu pentaksiran yang baik.

Pencapaian hasil pembelajaran tajuk kursus tentang Standard Kemahiran abad Ke-21 dalam kursus Elektif BMMB3182

Berdasarkan temu bual, responden telah memberi maklum balas terhadap pencapaian hasil pembelajaran mereka ketika mengikuti tajuk kursus tentang Standard Kemahiran abad Ke-21 dalam kursus Elektif BMMB3182. Berikut ialah hasil pembelajaran yang diperolehi berdasarkan temu bual tersebut.

Kemahiran Teknologi Maklumat

Antara standard kemahiran abad ke-21 yang dipelajari ialah kemahiran teknologi maklumat. Guru boleh menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dalam menyampaikan pengajaran dengan menggunakan pelbagai jenis TMK seperti laman sesawang, aplikasi seperti *Kahoot*, *Quizzer*, *Jamboard* dan sebagainya. Kelebihan mengaplikasi kemahiran abad ke-21 dalam PdP di bilik darjah ialah meningkatkan kualiti PdP di samping meningkatkan motivasi murid untuk melibatkan diri secara langsung sepanjang pelaksanaan proses PdP. Supaya sesi PdP menjadi lebih terkini dan sesuai dengan perkembangan murid pada masa kini. Selain itu, standard pembelajaran abad ke-21 juga penting untuk menjadikan pembelajaran lebih berkesan.

Kemahiran Belajar dan Inovasi

Selain itu, pelajar juga dapat menguasai kemahiran belajar dan inovasi serta kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi media. Kemahiran-kemahiran tersebut dikenal pasti dan dilatih menerusi latihan dan pendedahan yang ada sepanjang mengikuti kursus dan latihan perguruan bagi menyesuaikan diri sebagai guru abad ke-21 ini. Antara pengaplikasian kemahiran ini adalah contohnya dari aspek kemahiran kreativiti dan inovasi serta beberapa pembaharuan dalam idea pengajaran dalam bilik darjah. Sebagai contoh, Alat Bahan Bantu Mengajar yang baharu, menarik dan kadangkala terdapat “WOW” factor sering digunakan dalam proses pengajaran bilik darjah kepada murid-murid. Dalam proses PdP sekarang, kemahiran abad ke-21 sangat penting bagi memahami dan menaakul sesuatu perkara yang diajar oleh guru. Individu dapat menggunakan pelbagai teknik penciptaan idea, membangun, melaksana dan berkomunikasi dengan idea-idea baru kepada orang lain secara berkesan dengan aspek kemahiran pemikiran kreatif. Antara kelebihanannya ialah membolehkan mereka menguasai sepenuhnya subjek (kandungan kurikulum), semakin mahir dan bertrampilan dalam pedagogi (pengajaran & pembelajaran), memenuhi kehendak dan potensi sepenuhnya murid-murid. Selain itu, pelajar juga dapat memahami perkembangan murid-murid dan menyayangi mereka serta menggunakan teknologi terkini sejajar dengan pengajaran berasaskan teknologi terkini.

Kemahiran Membaca

Di samping itu, standard kemahiran abad ke-21 yang dipelajari ialah kemahiran membaca. Guru boleh menerapkan kemahiran ini dalam pengajaran dan pembelajaran masa kini dengan menggunakan aplikasi-aplikasi yang terdapat di Internet seperti aplikasi Cospace. Hal ini demikian kerana menerusi pengaplikasian kemahiran abad ke-21 dalam PdP di BD ia dapat menarik minat murid dan kemahiran ini penting untuk dikuasai kerana ia seiring dengan hasrat KPM dalam menguasai kemahiran abad ke-21. Jadi sebagai guru, kita mestilah menguasai kemahiran abad ke-21.

Kemahiran kritis dan berfikiran aras tinggi

Standard kemahiran abad ke-21 yang telah dikuasai dan dikenal pasti seterusnya ialah kemahiran kritis dan berfikiran aras tinggi yang merupakan kemahiran yang amat penting dalam sesebuah proses PdP. Penerapan kemahiran ini dalam PdP masa kini boleh dilaksanakan berasaskan TMK dan juga pembelajaran berpusatkan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana ia berupaya membantu dalam membina kemahiran JERIS dalam diri murid. Justeru itu, standard kemahiran abad ke-21 ini perlu dikuasai oleh guru kerana ia memudahkan sesi PdP serta sebagai keperluan untuk membentuk murid sesuai dengan keperluan global.

Kemahiran Sains dan Teknologi

Akhir sekali, standard kemahiran abad ke-21 yang telah dikuasai dan dikenal pasti oleh pelajar ialah kemahiran sains dan teknologi. Kemahiran ini boleh diterapkan dalam PdP masa kini dengan penggunaan peranti digital dalam proses PdP yang melibatkan aktiviti catatan, tugasan, persembahan data. Hal ini kerana pengaplikasian kemahiran ini dalam PdP terutamanya dalam BD membantu memudahkan guru atau murid membuat catatan dan carian maklumat, meluaskan capaian maklumat dan menambahkan kefahaman serta memudahkan semakan terhadap sesuatu fakta atau topik. Justeru itu, standard kemahiran abad ke-21 ini penting untuk dikuasai oleh guru supaya murid mendapat keseronokan dan dapat memberi tumpuan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu sebagai seorang guru, mereka perlulah cakna terhadap perkembangan ini dan turut serta memahaminya supaya dapat memahami psikologi murid. Dengan itu guru dapat membina pengajaran yang menarik dan berkesan melalui penggunaan sains dan teknologi sekaligus memberikan persembahan yang terbaik dengan berbekalkan kemahiran abad ke 21 yang ada.

Kesimpulannya, refleksi dan pencapaian hasil pembelajaran dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dapat dianalisis dengan mudah melalui kaedah WEWIT. Hal ini demikian kerana kaedah WEWIT dapat membantu pelajar ketika melaksanakan refleksi iaitu pelajar-pelajar dapat menganalisis sesuatu isu dengan lebih teliti dan berupaya menghasilkan idea yang pelbagai menerusi Kaedah WEWIT. Tambahan pula, melalui kajian ini, pelajar-pelajar lebih terdedah kepada pembelajaran yang berkaitan dengan Al-Kahfi serta amalan refleksi yang merupakan satu kewajipan yang perlu dilakukan oleh guru setelah selesai sesi pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, kajian seperti ini perlulah dilakukan dengan lebih banyak lagi pada masa akan datang supaya menjadi panduan dan juga rujukan terutamanya buat insan yang bergelar guru.

KESIMPULAN

Melalui analisis WEWIT para pelajar lebih mudah untuk membuat analisis terutama menggunakan pemikiran reflektif dalam mencerakin sesuatu masalah dalam pembelajaran. Dengan kaedah ini, analisis dapat dilakukan dengan berkesan dan sistematik. Dengan ini, pelajar bukan sahaja dapat mengenal sesuatu permasalahan atau isu-isu yang berlaku, malah dapat mendalami lebih jauh lagi. Akhirnya pelajar dapat menyedari tentang implikasi jika isu tersebut tidak dapat ditangani. Selain itu, pelajar juga akan dapat mencadangkan resolusi dalam menangani sesuatu isu atau masalah dengan melakukan transformasi yang merupakan alat terakhir yang dapat digunakan oleh pelajar dalam mencadangkan jalan penyelesaian.

RUJUKAN

- Hanipah Hussin (2000). Daya Berfikir dan Struktur Pemikiran Refleksi Kritikal (Critical Reflection): Bagaimana Amalannya Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi*. 31 (E): 31-41.
- Hanipah Hussin, Nor Hasniza Ibrahim, Rabiatul Adawiah Ab. Aziz & Siti Balqis. (2010) Inovasi Pengajaran Reflektif Bidang Sains dan Kejuruteraan. Melaka: Penerbit Universiti Teknikal Malaysia.
- Hasan Langgulung. (1979). Pendidikan Islam Suatu Analisa Sosio-psikologikal. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Kamarul Azmi. (2012). Metodologi Penyelidikan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia*. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf>
- Mohd Safarin Nordin & Nur Hidayah Ismail. (2014). *Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Bagi Matapelajaran Kemahiran Hidup, Universiti Teknologi Malaysia*. Diakses daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/83531691.pdf>
- Muhaimi Suhaili, Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek & Rokaiyah Jaya. (2017). *Modul Pembelajaran Al-Kahfi PAK-21*. Kota Samarahan: Percetakan Surya Sdn.Bhd.
- Muhaimi Suhaili. (2020). Huraian Model Pembelajaran Al-Kahfi dalam Peristiwa Nabi Musa Menuntut Ilmu daripada Nabi Khidir dengan Konteks Pembelajaran Hari Ini. *Proceedings 7th International Conference on Islamic Education 2020 (ICIED 2020)*. Bil. 7, 386-398.

- Nor Hasniza bt Ibrahim. *Kajian Pemikiran & Amalan Refleksi Di Kalangan Guru Pelatih Sains Universiti Teknologi Malaysia*. (20016, Jan 1). Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. Diakses daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/19455519.pdf>
- Norhaslina binti Sulaiman, Nur Afifah & Wan Norina. (2018). Kaedah Self Reflection Sebagai Pengukuhan Terhadap Pelajar Dalam Pendidikan Akhlak,2(1), 1-13
https://www.researchgate.net/publication/331431672_KAEDAH_SELF-REFLECTION_SEBAGAI_PENGUKUHAN_TERHADAP_PELAJAR_DALAM_PENDIDIKAN_AKHLAK
- Then Molli Kanippan. (2013). Kemahiran dan Amalan Penulisan Refleksi Dalam Kalangan Guru di Tiga Buah Sekolah di Johor Bharu.
<http://eprints.utm.my/id/eprint/41888/5/ThenMoliKanippanMFP2013.pdf>
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Zemal-Saul, C., Blumenfeld, P. dan Krajcik, J. (2000). Influence of Guided Cycles of Planning, Teaching and Reflection on Prospective Elementary Teachers' Science Content Representations. *Journal of Research in Science Teaching*, 37 (4), 318- 339

REKA BENTUK BILIK DARJAH ABAD KE-21 TAHUN 2072 MELALUI AKTIVITI PEMBELAJARAN AL-KAHFI

Norshafika Madian

norshafika23-409@epembelajaran.edu.my

Nur Farah Nadia Buana

farah23-413@epembelajaran.edu.my

Sharifah Nuur Qhamelia Wan Azeman

nuur23-416@epembelajaran.edu.my

Dayang Nurin Sabrina Ag Dzulkifli

dayang23-396@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Umum mengetahui bahawa bilik darjah merupakan salah satu elemen yang terpenting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian ini membolehkan guru untuk menyampaikan pengajaran agar pengajaran aktif dan kondusif secara fizikal atau boleh dikenali sebagai bersemuka. Namun begitu, pada abad kini, bilik darjah telah mempunyai pelbagai reka bentuk yang menarik dan mampu memberikan rangsangan terhadap pembelajaran dengan lebih cekap. Hal ini juga turut disokong Muriza (2008) yang menjelaskan bahawa reka bentuk bilik darjah boleh memberikan pengaruh yang besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kerana terdapat pelbagai elemen yang boleh diselitkan dalam bilik darjah bagi membantu guru menghasilkan pembelajaran yang berkesan seperti penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kekemasan dan perabot yang lengkap, susun atur kelas dan sebagainya. Oleh itu, dapat diperlihatkan bahawa reka bentuk bilik darjah amat mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran dan ianya sering berubah mengikut proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan zaman tertentu seperti pada masa kini iaitu abad ke-21. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cadangan-cadangan serta harapan yang telah diujarkan oleh pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) berkaitan reka bentuk bilik darjah Abad ke- 21 tahun 2072 melalui aktiviti pembelajaran al-Kahfi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 23 elemen reka bentuk bilik darjah abad ke-21 tahun 2072 yang telah dihasilkan oleh tujuh kumpulan pelajar dari kelas yang berbeza iaitu dari ambilan PISMP PI 1, PI 2 dan PI 3. Berdasarkan dapatan tersebut, dapat dirumuskan bahawa cadangan yang diberikan oleh tujuh kumpulan tersebut amat sesuai dan relevan serta harapan yang diberikan juga mampu memenuhi hasrat pembelajaran pada tahun ke-72 yang akan datang.

PENGENALAN

Reka bentuk bilik darjah merupakan elemen penting dalam membentuk suasana pembelajaran yang kondusif dan memberangsangkan. Persekitaran yang kondusif dapat membantu mewujudkan keselesaan pengajaran dan pembelajaran di samping mengekalkan tumpuan dan minat belajar dalam bilik darjah. (Che Nidzman, Noraini, Mazlini dan Mohd Hairry, 2014). Jika dipandang dari sudut masa hadapan, sebuah reka bentuk bilik darjah yang efektif dan terbaik ialah bilik darjah yang menyediakan kelengkapan penggunaan teknologi yang serba lengkap seiring dengan arus pemodenan kini. Contohnya telefon pintar, komputer riba, projektor, papan kenyataan digital, kehadiran digital (*Face ID*) dan banyak lagi. Dengan adanya penggunaan alat teknologi secara maksimum di dalam bilik darjah, hal ini dapat mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan lebih berjalan dengan lancar. Malah, penyampaian pembelajaran juga akan menjadi

lebih mudah, efektif dan menyeronokkan di samping dapat menarik minat murid-murid untuk lebih fokus kerana belajar dalam keadaan yang serba lengkap teknologi serta kondusif.

Namun begitu, pembelajaran al kahfi juga didapati mampu membantu dalam memberikan keberkesanan dalam reka bentuk bilik darjah pada abad ke-21. Hal ini demikian kerana pembelajaran al kahfi bukan sahaja mampu memberikan rangsangan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran malah ianya juga mampu membantu memberikan panduan kepada guru untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang menarik dan memberangsangkan berdasarkan proses perkembangan pembelajaran al-kahfi. Dengan ini, secara tidak langsung, ini akan membolehkan guru memikirkan strategi yang bernas dan sesuai bagi membolehkan keberkesanan reka bentuk bilik darjah seperti meletakkan pelbagai elemen reka bentuk seperti dengan melibatkan penggunaan hologram, tablet dan sebagainya. Menurut Muhaimi (2012), proses pembelajaran Al-kahfi adalah sangat penting kerana ianya dapat menghasilkan aktiviti pembelajaran yang baik yang membolehkan pemerolehan kandungan ilmu dan meningkatkan kemahiran serta sesuai diaplikasi pada jangka masa yang panjang untuk membolehkan pembentukan reka bentuk bilik darjah yang relevan dan sesuai. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran al-kahfi mampu memberikan sumbangan dalam reka bentuk bilik darjah abad ke-21 pada tahun 2072.

SOROTAN LITERATUR

Muriza (2006) telah menjalankan kajian yang menjelaskan bahawa reka bentuk persekitaran fizikal haruslah mempunyai aspek-aspek kreatif dan menerapkan unsur-unsur yang sesuai mengikut zaman pembelajaran seperti menerapkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang sesuai dan mampu menyumbang kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam sebuah bilik darjah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melibatkan guru-guru dari 13 buah sekolah menengah untuk memberikan pendapat berdasarkan tinjauan mereka berkaitan dengan reka bentuk bilik darjah pada abad ke-21. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, dapatan itu telah menunjukkan bahawa rata-rata guru amat bersetuju dengan penglibatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, jelas menunjukkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi adalah penting dan ianya mampu memberikan impak yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam persekitaran bilik darjah.

Berdasarkan kajian Che Nidzman, Noraini, Mazlini, Marzita dan Mohd Hairry (2014) turut menjelaskan bahawa reka bentuk bilik darjah juga sebenarnya memberi pengaruh kepada keselesaan pengajaran dan pembelajaran murid. Hal ini kerana reka bentuk bilik darjah seharusnya mewujudkan keadaan selesa dan mengikut pembelajaran masa kini supaya guru boleh menyediakan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan 916 orang pelajar tingkatan empat untuk mendapat tinjauan bagi mengetahui pandangan pelajar berkaitan dengan persekitaran fizikal serta keselesaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa rata-rata responden tersebut bersetuju bahawa reka bentuk bilik darjah haruslah mempunyai pemalar, perabot, ruang pembelajaran dan kualiti udara dalaman yang sesuai bagi membolehkan murid-murid berasa selesa semasa proses PdP.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) dalam buku kajiannya juga telah membincangkan berkaitan elemen-elemen pembelajaran abad ke-21 yang harus diberikan penekanan. Kajian ini juga turut menjelaskan bahawa pembentukan reka bentuk bilik darjah memberikan kesan yang besar dalam pembelajaran abad ke-21 kerana ianya mampu membolehkan pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan kondusif dan membolehkan murid-murid memberikan kerjasama dengan aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contohnya, dengan menerapkan bahan bantu mengajar yang kreatif, proses pengajaran yang lebih berfokuskan kepada pemusatan guru dan sebagainya. Dengan ini, dapat dilihat dalam kajian tersebut telah membincangkan bahawa pembelajaran abad ke-21 mampu mempengaruhi reka

bentuk bilik darjah serta membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dihasilkan dengan kreatif dan inovatif.

Kumaran dan Azali (2019) juga telah membincangkan tentang reka bentuk bilik darjah bilik darjah seharusnya disusun dengan sesuai kerana reka bentuk bilik darjah ini bukan sahaja memfokuskan kepada keselesaan murid malah ianya juga sering mempunyai perkaitan bagi membolehkan guru menjalankan pentaksiran bilik darjah dengan sesuai dan relevan. Hal ini kerana susun atur reka bentuk bilik darjah tersebut akan memberikan impak besar bagi pentaksiran bilik darjah. Sebagai contohnya, dalam dapatan kajiannya menjelaskan bahawa pentaksiran bilik darjah haruslah menggunakan reka bentuk bilik darjah yang sesuai kerana ianya mampu memudahkan guru melakukan pentaksiran bilik darjah mengikut tahap pencapaian serta ianya juga mampu membolehkan guru membantu murid-murid yang lemah dengan pantas dan relevan. Dengan ini, jelas menunjukkan reka bentuk bilik darjah haruslah sesuai kerana ianya bukan sahaja memberi keselesaan tapi juga membolehkan guru melakukan pentaksiran bilik darjah dengan mudah.

Kajian yang bertajuk 'Amalan Praktis Bilik Darjah Pendidikan Abad ke-21 Memberi Impak Kepada Kualiti Pengajaran' yang dilakukan oleh Siti Hayati dan Siti Aqilah Munirah (2021) turut menjelaskan bahawa amalan reka bentuk bilik darjah haruslah memfokuskan kepada membantu murid mengembangkan kemahiran berfikir. Kajian tersebut juga telah mengatakan bahawa reka bentuk bilik darjah yang diamalkan dalam abad ke-21 seharusnya boleh memberikan perkembangan serta membantu murid dalam menguasai pengajaran dan pembelajaran yang diajar. Dapatan dalam kajian ini juga rata-ratanya menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa reka bentuk bilik darjah haruslah mempraktikkan reka bentuk yang membolehkan murid-murid mampu mewujudkan suasana berfikir serta membolehkan proses pembelajaran kolaboratif yang membolehkan murid-murid dan guru berbincang dalam proses PdP.

OBJEKTIF

1. Menganalisis cadangan elemen-elemen reka bentuk bilik darjah Abad Ke-21 Tahun 2072 dalam kalangan pelajar elektif Pengajian Islam IPGKTAR melalui Pembelajaran Al-Kahfi.
2. Mengetahui kerelevanan dengan elemen-elemen reka bentuk bilik darjah Abad Ke-21 Tahun 2072 yang dicadangkan.
3. Memerihalkan harapan ke arah persediaan masyarakat Malaysia berhadapan dengan situasi atau gambaran seperti yang dicadangkan.


KERANGKA KONSEP

George Elwood (2000) dalam bukunya Reka Bentuk Kejuruteraan menjelaskan bahawa reka bentuk merujuk kepada idea yang dibangunkan secukupnya sehinggakan ia dapat dinilai dalam bentuk fizik, iaitu cara melakukan setiap fungsi utama yang telah ditentukan. George Elwood (2000) juga menyatakan ia mungkin berbentuk perhitungan mudah, lakaran, gambar rajah litar, model bukti konsep atau satu penerangan bertulis terperinci tentang konsep.

Berdasarkan kepada istilah reka bentuk kejuruteraan, konsep ialah satu idea yang lengkap untuk dibangunkan kepada reka bentuk akhir dan bertujuan untuk dinilai keberkesanannya (Pugh, 1990). Konsep yang dihasilkan perlu memenuhi sasaran yang telah ditentukan menerusi objektif-objektif projek. Konsep reka bentuk kejuruteraan boleh diwakilkan dengan pelbagai cara seperti penerangan ringkas, lakaran, carta alir, permodelan, persamaan matematik, pengiraan dan beberapa lagi yang boleh menggambarkan idea reka bentuk (Cross, 1994). Walau bagaimana pun, perkara yang penting ialah maklumat terperinci yang digunakan untuk menunjukkan dan membuktikan kefungsiannya idea konsep tersebut. Perkara ini bertitik tolak dengan pemilihan dan penghasilan konsep yang amat penting kerana ia membawa kepada wujudnya reka bentuk terperinci bagi suatu produk atau sistem.

Pembelajaran Al-Kahfi

Konsep plot cerita dalam pengajaran dan pembelajaran dapat diadaptasikan daripada kaedah penganalisan plot berdasarkan konsep Aristotle's tentang tindakan kesepaduan yang dikenali sebagai Segi Tiga Triangle atau Pyramid Freytag (Freytag, 1863). Muhaimi (2012), menyatakan bahawa unsur pengajaran kreatif harus mempunyai plot-plot atau jalan cerita.



Rajah 1. Analogi pengajaran yang mempunyai plot-plot (Muhaimi, 2012)

Melalui plot-plot tersebut, pengkaji telah menghasilkan satu model pembelajaran Al-Kahfi yang boleh digunakan dalam konteks pembelajaran pada masa kini. Berikut ini dapat diuraikan melalui plot-plot tersebut berdasarkan proses yang dikenali sebagai pra pembelajaran, proses pembelajaran dan pasca pembelajaran.



Rajah 2. Model Pembelajaran Al-Kahfi

Berdasarkan piramid model pembelajaran Al-Kahfi tersebut, terdapat tiga proses pembelajaran yang berlaku. Antaranya, proses pra pembelajaran di mana guru memandang sulit ilmu, isi kandungan dan kemahiran yang hendak disampaikan dan dikuasai oleh murid. Dalam konteks pada hari ini, sesebuah organisasi atau seseorang itu perlulah menyediakan perkara yang diperlukan oleh murid berdasarkan maklum balas daripada mereka tentang perkara yang dipelajari.

Lanjutan itu, bahagian kedua dalam proses pra pembelajaran adalah seorang guru itu perlulah berkeelayakan dan pakar dalam bidang ilmu yang diajarkannya.

Bagi proses pembelajaran, tugas yang diberikan adalah berdasarkan kandungan dan hasil pembelajaran yang dicapai oleh seseorang murid itu. Tugas yang baik haruslah mengandungi penerapan nilai tambah sepanjang proses menyelesaikan sesuatu tugas. Seterusnya, bahagian kedua dalam proses pembelajaran iaitu peraturan atau syarat perlu ditentukan oleh guru kerana ia akan menentukan dan membantu seseorang guru untuk mencapai matlamat dan hasil pembelajaran.

Bahagian terakhir iaitu bahagian yang sangat penting yang telah disentuh ialah bahagian aktiviti iaitu seseorang guru perlulah kreatif dalam menyediakan ruang atau medan yang menjadi tempat yang bakal diterokai oleh murid. Hal ini bertitik tolak dengan proses murid bertindak balas dengan persekitarannya iaitu murid berkonflik dengan persekitaran, menaakul, merespons, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan bertindak.

Proses terakhir iaitu disebut sebagai refleksi, iaitu murid dan guru melihat semula hasil pembelajaran dan menerangkan hala tuju sebuah aktiviti pembelajaran.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Bagi memperoleh analisis cadangan elemen-elemen reka bentuk bilik darjah Abad Ke-21 Tahun 2072, kumpulan tutorial telah diberikan tugas untuk mencadangkan pelan reka bentuk bilik darjah. Kumpulan yang terlibat ialah kalangan pelajar elektif Pengajian Islam IPGKTAR melalui aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi yang dilaksanakan. Sebanyak tujuh kumpulan pelajar yang terlibat melibatkan tiga kumpulan PISMP Opsyen Pendidikan Islam (PI) iaitu PI 1, PI2, dan PI3. Pelan reka bentuk itu dianalisis untuk mengetahui elemen-elemen yang diperlukan seperti cadangan yang diberikan. Untuk temu bual pula, para pelajar telah dipilih secara rawak untuk mengetahui tentang kerelevanan elemen-elemen yang dicadangkan dengan memberi sebab-sebab diperlukan pada masa itu. Melalui temu buah itu juga, maklumat seperti harapan mereka ke arah persediaan masyarakat Malaysia berhadapan dengan situasi atau gambaran seperti yang dicadangkan itu juga diperolehi.

DAPATAN

i. Analisis cadangan elemen-elemen reka bentuk bilik darjah Abad Ke-21 Tahun 2072 dalam kalangan pelajar elektif Pengajian Islam IPGKTAR melalui Pembelajaran Al-Kahfi.

Berdasarkan pelan cadangan elemen-elemen reka bentuk bilik darjah Abad Ke-21 Tahun 2072, berikut ialah 23 elemen cadangan tersebut berdasarkan analisis dokumen pelan yang dihasilkan ketika aktiviti pembelajaran Pembelajaran Al-Kahfi yang dilaksanakan seperti Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Senarai Elemen Bilik Darjah Abad Ke-21 Tahun 2072

Cadangan Elemen Bilik Darjah Abad ke-21	Bilangan Kelas
Pendingin hawa	5
Hologram	4
Papan kenyataan digital	3
Meja Digital	3
Mesin penapis air	3
Almari Digital Pengimbas Muka	3
Robot Pembersih Automatik	3

Tablet	2
Kamera Litar Tertutup	2
Komputer riba	2
Kerusi Beroda Automatik	2
Suis Caj	2
Televisyen Pintar	2
Pembersih Tangan	2
Kehadiran Pengimbas Muka	2
Pantri	2
Pembesar Suara Pintar	1
Pengimbas Buku	1
Tong Sampah Kitar Semula Digital	1
Mesin Buku Layan Diri	1
Panel Solar	1
Lorong Menghantar Buku	1
Wifi	1
Kapsul Tempat Tidur	1
Pengimbas Buku	1
Tong Sampah Kitar Semula Digital	1

ii. Mengetahui kerelevanan dengan elemen-elemen reka bentuk bilik darjah Abad Ke-21 Tahun 2072 yang dicadangkan.

Berdasarkan temu bual, semua responden bersetuju bahawa elemen-elemen yang dicadangkan itu sangat relevan. Berikut ialah pandangan mereka tentang kerelevanan reka bentuk bilik darjah yang dicadangkan itu seperti dalam Jadual 2 di bawah ini.

Jadual 2: Sebab/Pandangan kerelevanan reka bentuk bilik darjah pada masa tersebut

Pandangan tentang kerelevanan reka bentuk bilik darjah pada masa tersebut
Menepati arus pemodenan yang semakin berkembang Negara pada masa kini banyak bergantung kepada teknologi berbanding tenaga manusia. Seiring dengan gaya pembelajaran pada masa tersebut.
Pada masa akan datang, dunia akan dipenuhi dengan kecanggihan teknologi yang tidak terjangkau. Penggunaan elemen-elemen yang dicadangkan sangat diperlukan pada 50 tahun akan

datang.
Sesuai untuk murid melakukan aktiviti kolaborasi di mana ia selari dengan pembelajaran abad ke-21 yang mengintegrasikan elemen 4K. Persekitaran bilik darjah lebih kondusif dan selesa. Murid berasa tenang, seronok dan bersemangat untuk belajar.
Kemajuan teknologi yang sangat canggih telah mendominasi sistem pendidikan negara. Pembelajaran juga menjadi semakin mudah untuk diselaraskan dan guru boleh mengawal kelas dengan lebih baik. Pembelajaran lebih berkualiti dan menyeronokkan murid-murid dengan memasukkan elemen TMK.
Ciri-ciri yang terdapat dalam reka bentuk kelas memenuhi aspek pembelajaran yang efektif dan mempunyai lebih banyak kemudahan teknologi yang memudahkan proses pembelajaran. Memudahkan murid beradaptasi dengan persekitaran yang sememangnya pada masa itu dipenuhi dengan alatan teknologi yang canggih
Meja elektronik dapat mengurangkan penggunaan kertas seterusnya membolehkan alam sekitar terjaga. Tong sampah kitar semula digital dapat meningkatkan semangat murid untuk terus mengitar semula barang-barang kitar semula. Rak pelajar yang menggunakan cap jari untuk mengakses rak dapat memastikan privasi pelajar terjaga.
Kerana saban hari, perkembangan teknologi semakin berkembang hasil penjanaaan idea daripada teknologi barat seperti Amerika Syarikat atau negara matahari terbit seperti Jepun.

iii. Harapan ke arah persediaan masyarakat Malaysia berhadapan dengan situasi atau gambaran seperti yang dicadangkan.

Berdasarkan temu bual, berikut ialah dapatan yang diperolehi tentang harapan mereka kepada masyarakat Malaysia untuk bersedia berhadapan dengan situasi atau gambaran yang dicadangkan seperti dalam Jadual 3 di bawah ini.

Jadual 3: Harapan yang dicadangkan ke arah persediaan masyarakat Malaysia

Harapan yang dicadangkan ke arah persediaan masyarakat Malaysia.
Antara harapan yang digariskan adalah supaya masyarakat Malaysia berpengetahuan dalam bidang teknologi serta membina masyarakat Malaysia mempunyai persediaan yang rapi dari segi ekonomi dan mental.
Harapan agar masyarakat Malaysia memberikan sokongan dan komitmen yang padu ke arah membina pembelajaran bilik darjah selari dengan arus pemodenan Malaysia mampu menggunakan teknologi sepenuhnya dalam bidang pendidikan. Selain itu, harapan juga diletakkan agar masyarakat Malaysia membuka minda sepenuhnya dalam menerima mana-mana inovasi yang bakal dilancarkan dan diciptakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan datang.

Kami berharap supaya masyarakat Malaysia dapat memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan bagi memenuhi kriteria abad ke-21. Dalam masa yang sama, guru juga diharapkan dapat melakukan perubahan yang dapat meningkatkan strategi PdP. supaya masyarakat Malaysia berkemahiran dalam pelbagai aspek khususnya TMK.

Supaya Malaysia bersedia dan sudi menerima situasi pembelajaran yang berpaksikan digital dan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Selain itu, kami juga berharap agar masyarakat Malaysia boleh menyokong usaha kami terhadap pembentukan kelas yang lebih maju dengan memberikan cadangan penambahbaikan sekiranya terdapat perkara yang perlu ditambahbaik. Dalam pada itu, rakyat Malaysia juga diharapkan mampu membekalkan kemahiran teknologi digital dalam diri masing-masing

Kami berharap agar masyarakat Malaysia pada ketika itu telah bersiap sedia dengan perkembangan teknologi pada masa tersebut.

Harapan kami agar masyarakat dapat berfikiran terbuka dalam menerima idea pembinaan kelas abad ke 21 pada 50 tahun akan datang. Dalam pada itu, kami turut berharap semoga masyarakat berganding bahu dengan pihak sekolah dalam menjayakan impian dan harapan untuk merealisasikan kelas 50 tahun akan datang yang bertemakan teknologi dan maklumat (TMK). Malahan, ibu bapa juga diharapkan dapat memberikan pendidikan awal kepada anak mereka seperti memberikan pendedahan awal kepada anak mereka berkaitan dengan teknologi.

Harapan supaya masyarakat Malaysia mengadakan kelas persediaan berkaitan teknologi agar semua masyarakat mempunyai ilmu asas bagi mengendalikan teknologi yang semakin canggih. Selain itu Diharapkan juga agar Masyarakat perlu membiasakan diri untuk belajar secara sendiri serta berkolaboratif dengan lebih kerap agar dapat membina negara yang lebih maju dan berjaya seiring dengan plan pembangunan negara pada 50 tahun akan datang.

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan Jadual 1, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kumpulan mencadangkan keperluan reka bentuk kelas abad ke-21 yang berkait rapat dengan unsur teknologi serta unsur keselesaan. Tidak hairanlah, pengaplikasian peranti serta alatan teknologi serba canggih diguna pakai dalam kelas berikutan selari dengan perkembangan dunia semasa, tambahan pula untuk jangka masa 50 tahun akan datang. Hal ini merangkumi penggunaan alatan seperti meja digital, tong sampah digital, sistem kehadiran pengecaman muka (*Face ID*) dan pelbagai lagi.

Bagi unsur keselesaan pula, responden didapati mengetengah kelengkapan seperti di rumah, mungkin bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan sistem pendidikan yang lebih santai dan selesa. Dalam hal ini, strategi pengajaran seperti pendekatan didik hibur juga relevan digunakan. Unsur keselesaan yang dicadangkan ini merangkumi kelengkapan seperti mesin penapis air, pendingin hawa, sofa dan tempat tidur. Tidak ketinggalan, beberapa kumpulan pencadang turut membawa masuk kelengkapan yang memudahkan rutin harian guru dan pelajar. Contohnya, sistem hologram guru yang tidak memerlukan guru untuk bergerak masuk kelas untuk mengajar, serta lorong mengantar buku tugas yang tidak memerlukan pelajar untuk bergerak ke bilik guru untuk tujuan menghantar tugas. Unsur teknologi seperti bahan digital membantu meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran melewati batasan tempat dan masa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua kumpulan responden memberi pandangan bahawa reka bentuk abad ke-21 yang dicadangkan adalah relevan. Reka bentuk yang dicadangkan diyakini menepati arus pemodenan yang berkembang dipenuhi dengan

kecanggihan teknologi yang tidak terjangkau dek akal. Reka bentuk ini juga membenarkan murid untuk melakukan aktiviti secara kolaborasi dalam masa yang sama membantu guru menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyeronokkan. Kelengkapan canggih seperti meja digital, tong sampah kitar semula digital serta rak pelajar dengan sistem pengecaman muka juga dimasukkan ke dalam reka bentuk kelas abad ke-21 seperti yang dicadangkan. Secara total, cadangan reka bentuk bilik darjah tersebut adalah relevan kerana unsur-unsur yang dimasukkan ke dalam pelan bilik darjah tersebut merangkumi keperluan penting dalam menjana proses pembelajaran yang lebih berkualiti untuk jangka masa 50 tahun akan datang,

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa antara harapan yang digariskan oleh kumpulan pencadang ialah agar masyarakat Malaysia memberikan sokongan dan komitmen yang padu ke arah membina pembelajaran bilik darjah selari dengan arus pemodenan. Malaysia mampu menggunakan teknologi sepenuhnya dalam bidang pendidikan. Selain itu, harapan juga diletakkan agar masyarakat Malaysia membuka minda sepenuhnya dalam menerima mana-mana inovasi yang bakal dilancarkan dan diciptakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan datang. Kumpulan responden juga mengemukakan harapan supaya masyarakat Malaysia mengadakan kelas persediaan berkaitan teknologi agar semua masyarakat mempunyai ilmu asas bagi mengendalikan teknologi yang semakin canggih. Secara keseluruhannya, harapan yang dikemukakan oleh kumpulan pencadang ke arah persediaan masyarakat Malaysia adalah penting agar masyarakat Malaysia mampu berkolaboratif dengan lebih kerap agar dapat membina negara yang lebih maju dan berjaya seiring dengan pelan pembangunan negara pada 50 tahun akan datang.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, didapati pelajar mampu menyatakan kerelevanan yang tinggi berdasarkan hasil ciptaan pelan reka bentuk elemen-elemen bilik darjah abad ke-21 pada tahun 2072 melalui aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Kesesuaian aspek fizikal bilik darjah yang dikaji berada pada tahap yang baik yang mengambil kira unsur keselesaan, keperluan alat belajar, ruang dan dimensi, kemajuan teknologi, keselamatan dan kebajikan dalam sesebuah bilik darjah. Peredaran era globalisasi hari ini menggesa golongan pendidik dan pihak sekolah untuk mempersiapkan pelajar menghadapi cabaran kompleks abad ke-21. Perancangan pendidikan mengalami transformasi yang memberi kesan jangka masa panjang, menjangkau tempoh sehingga 50 tahun akan datang. Impak daripada hal ini bukan sahaja melibatkan penambahbaikan strategi dan pendekatan pengajaran yang diambil oleh guru, tetapi juga melazimi penggunaan teknologi di dalam bilik darjah. Hal ini sangat penting bagi membantu memperluas penggunaan teknologi khususnya dalam bidang pendidikan selari dengan keperluan generasi digital.

RUJUKAN

Che Nidzman Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim & Asmayati Yahaya. (2016). Kesesuaian persekitaran pembelajaran, interaksi guru-pelajar, komitmen belajar dan keselesaan pembelajaran dalam kalangan pelajar biologi. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 6(1). Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/311807343_KESESUAIAN_PERSEKITARAN_PEMBELAJARAN_INTERAKSI_GURU-PELAJAR_KOMITMEN_BELAJAR_DAN_KESELESAAN_PEMBELAJARAN_DALAM_KALANGAN_PELAJAR_BIOLOGI

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21*. Nilai: Institut Aminuddin Baki. Kumaran Gengatharan & Azali

- Rahmat. (2019). Keperluan modul pentaksiran pendidikan kesihatan untuk guru tahap satu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 8(2). Diakses daripada <file:///C:/Users/Asus/Downloads/2532-Article%20Text-7990-2-10-20200825.pdf>
- Muhaimi Suhaili, Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek & Rokaiyah Jaya. (2017). *Modul Pembelajaran Al-Kahfi PAK-21*. Kota Samarahan: Percetakan Surya Sdn.Bhd.
- Muhaimi Suhaili. (2017). *Apabila Dron Mendarat di dalam Bilik Darjah*. Kota Samarahan: Jabatan Pengajian Melayu, IPGKTAR.
- Muhaimi Suhaili. (2020). Huraian Model Pembelajaran Al-Kahfi dalam Peristiwa Nabi Musa Menuntut Ilmu daripada Nabi Khidir dengan Konteks Pembelajaran Hari Ini. *Proceedings 7th International Conference on Islamic Education 2020 (ICIEd 2020)*. Bil. 7, 386-398.
- Muriza Mustafa. (2008). *Persepsi guru terhadap reka bentuk persekitaran fizikal bilik darjah : Kajian ke atas sekolah-sekolah menengah daerah Baling*. [Tesis Sarjana Sains]. Diakses daripada http://eprints.usm.my/35687/1/MURIZA_BINTI_MUSTAFA_%28KHK%29_%28NN24%29.pdf
- Siti Hayati Mohd Yusoff & Siti Aqilah Munirah Ismahisham. (2021). Amalan praktis bilik darjah pendidikan abad ke-21. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(1). Diakses daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/14360>

PENILAIAN TERHADAP TUGASAN BINAAN KUMPULAN DARI ASPEK KREATIVITI DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN AL-KAHFI

*Muhammad Ashraf Bin Abdullah

ashraf23-407@epembelajaran.edu.my

*Mohamad Aidil Ikhwan Bin Gayuh

mohamad23-404@epembelajaran.edu.my

*Shahril Zulkarnain Bin Haslan

shahril23-415@epembelajaran.edu.my

*Wong Hui Lim

wong23-417@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Kajian ini berkaitan tentang penilaian terhadap tugas binaan kumpulan dari aspek kreativiti dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Pembelajaran Al-Kahfi merupakan suatu pembelajaran di luar bilik darjah yang menerapkan pelbagai elemen dan juga menggunakan taksonomi pemahaman Khidir iaitu merangkumi proses prapembelajaran, proses pembelajaran dan proses pasca pembelajaran. Pembelajaran yang baik harus melibatkan penerapan nilai tambah sepanjang penyediaan kerja tertutamanya aspek kreativiti, bukan tertumpu kepada pengetahuan atau kandungan yang disampaikan kepada pelajar melalui latihan atau hafalan semata-mata. Oleh itu, objektif kajian ini ialah meninjau penilaian pelajar Opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) terhadap aspek kreativiti dalam penghasilan nama kumpulan, moto kumpulan, logo kumpulan, dan *war cry* kumpulan berdasarkan Taksonomi Reka Bentuk Kreatif Peter Nilsson (2011). Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan *Google Form* atau borang soal selidik untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan penilaian kreativiti dalam penghasilan nama kumpulan, logo, moto dan *war cry* kumpulan. Seramai 88 orang responden dalam kalangan pelajar opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu yang terlibat dengan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa kreativiti pelajar yang terlibat dengan pembelajaran Al-Kahfi tersebut pada tahap yang tertinggi dalam menghasilkan nama kumpulan, moto kumpulan, logo kumpulan, dan *war cry* kumpulan. Hal ini dapatlah dikatakan bahawa penilaian keseluruhan binaan kumpulan dari aspek kreativiti dalam kalangan pelajar opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu dalam pembelajaran Al-Kahfi menunjukkan tahap kreativiti yang tinggi.

Kata kunci: Pembelajaran Al-Kahfi, Kreativiti, binaan kumpulan, moto, war cry

PENGENALAN

Kajian ini berkaitan tentang penilaian terhadap tugas binaan kumpulan dari aspek kreativiti dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Pembelajaran Al-Kahfi merupakan suatu pembelajaran di luar bilik darjah yang menerapkan pelbagai elemen dan juga menggunakan taksonomi pemahaman Khidir iaitu merangkumi proses prapembelajaran, proses pembelajaran dan proses pasca pembelajaran. Pelajar perlu belajar dalam konteks pengetahuan baharu yang dikaitkan dengan pengalaman hidup. Pengalaman ialah perkara yang dipelajari dalam konteks penerokaan, penemuan dan reka cipta. Mengikut kajian, pembelajaran kontekstual (Al-Kahfi) menunjukkan kebanyakan pelajar akan belajar dengan lebih berkesan dan bekerjasama dengan lebih baik dengan pelajar lain dalam

kumpulan atau pasukan (Noriati A. Rashid: 2009). Pelajar dapat mengaplikasi apabila belajar dalam konteks bagaimana pengetahuan atau maklumat boleh digunakan dalam konteks lain.

Dalam pembelajaran Al-Kahfi ini, murid akan banyak melaksanakan aktiviti luar bilik darjah, berkolaborasi, menyelesaikan tugas melalui pengalaman dan bertindak balas dengan persekitaran secara berkumpulan. Kolaborasi ialah apabila pelajar belajar dalam persekitaran kerjasama, maklum balas dan pertukaran. Menurut Tham dan Tham (2013), pembelajaran kolaboratif merupakan salah satu strategi pembelajaran yang paling efektif dalam membentuk pelbagai kemahiran terhadap para pelajar. Kolaborasi menyokong para pelajar untuk membantu rakan-rakan lain semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung. Maka, dalam mendapatkan pengetahuan dan pengalaman bersama, pembentukan kumpulan yang efektif merupakan salah satu faktor supaya pembelajaran Al-Kahfi ini lebih efisien dan berkesan. Hal ini kerana sekiranya penghasilan kumpulan yang tidak mempunyai sebarang gerak kerja yang baik, sudah pasti motivasi pelajar bekerja dalam organisasi atau kumpulan tidak akan mendapatkan apa-apa makna ibarat mengisi air ke dalam baldi yang bocor.

Kumpulan ataupun organisasi yang efisien biasanya muncul daripada sistem pengurusan yang cekap dan efektif, gerak kerja yang berkesan, menerapkan elemen-elemen kreativiti dalam aktiviti kumpulan, serta kumpulan yang cekap itu datangnya daripada kepimpinan organisasi yang berkesan dan binaan kumpulan yang teratur. Tidak dinafikan bahawa banyak faktor yang menyumbang kepada kenyataan tersebut dan di antara faktor penyumbang utama terhadap kecekapan corak pengurusan dan pentadbiran sesebuah kumpulan ialah berdasarkan bagaimana kumpulan tersebut bermula dari awal pembentukan.

Dalam pembelajaran Al-Kahfi tugas merupakan salah satu proses pembelajaran yang digunakan. Tugas diberikan berdasarkan kandungan atau hasil pembelajaran yang ingin dicapai oleh pelajar. Pembelajaran yang baik harus melibatkan penerapan nilai tambah sepanjang penyediaan kerja. Pembelajaran tradisional lebih tertumpu kepada pengetahuan atau kandungan yang disampaikan kepada pelajar melalui latihan atau hafalan. Kaedah tersebut tidak menerapkan elemen nilai tambah yang diperlukan seperti nilai, kandungan pengetahuan, kemahiran lain, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), dan sebagainya. Tugas seperti ini membolehkan pelajar meneroka sendiri ilmu tubuh. Maka dalam tugas, salah satu aktiviti awal merupakan penghasilan kumpulan. Pembinaan atau penghasilan kumpulan memerlukan daya kreativiti supaya mereka dapat mengeluarkan pendapat-pendapat, idea yang efektif serta mampu membawa kumpulan tersebut ke suatu destinasi yang sebenar. Maka lahirnya elemen-elemen yang menarik minat serta motivasi pelajar dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan iaitu pembinaan nama kumpulan, logo, moto serta warcry yang kreatif. Menurut Andy & Humin (2019), penghasilan logo, moto dan serta warcry berfungsi untuk menunjukkan indentiti suatu organisasi agar organisasi tersebut kuat, mempunyai visi dan misi serta bersemangat untuk berdaya saing. Maka penghasilan elemen-elemen ini semasa menghasilkan kumpulan amat sesuai dan berkesan bagi meningkatkan motivasi mereka. Oleh itu, kajian ini memfokuskan penilaian pembinaan kumpulan berdasarkan kreativiti mereka menghasilkannya.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini ialah:

1. Meninjau penilaian pelajar Opsyen Pendidikan Islam IPGKTAR terhadap aspek kreativiti dalam penghasilan nama kumpulan, moto kumpulan, logo kumpulan, dan *war cry* kumpulan.


KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Kreativiti berasal daripada perkataan Latin *creo* yang membawa makna untuk mencipta atau membina (Siti Salbiah, 2015). Menurut Chua (2011) kreativiti adalah suatu konsep yang abstrak, oleh yang demikian, pelbagai definisi telah dikemukakan oleh para penyelidik dan para cendekiawan. Menurut perspektif psikologi, kreativiti didefinisikan sebagai suatu keupayaan untuk menghasilkan sesuatu idea atau produk yang baru dan bernilai. Menurut Mumford (2003), kreativiti adalah suatu proses yang mengakibatkan kepada penghasilan sesuatu yang baharu dan berfaedah. Clarkson (2005), pula menyatakan bahawa kreativiti merujuk kepada sifat yang tertentu iaitu antaranya pemikiran divergen, kebolehan untuk mengambil risiko, fleksibel dalam perlakuan dan tindakan. Gardner (1993) telah meneliti jenis kreativiti dan beliau mengkategorikan jenis kreativiti kepada dua jenis iaitu C-besar dan c-kecil. Kedua-dua jenis kreativiti ini berbeza dari aspek keaslian sesuatu idea atau produk yang dihasilkan. Jika sesuatu idea atau produk yang dihasilkan adalah baharu bagi sesebuah masyarakat, maka ianya dikategorikan sebagai C-besar, sebaliknya jika idea atau produk yang dihasilkan adalah baharu bagi seseorang individu itu sendiri, maka ianya dikategorikan sebagai c-kecil.

Dalam usaha memahami kreativiti, terdapat empat dimensi kreativiti yang perlu diketahui iaitu individu yang kreatif, produk yang kreatif, proses yang kreatif dan persekitaran yang kreatif (Isbell dan Raines, 2007). Akan tetapi kajian ini akan memfokuskan dimensi kedua kreativiti iaitu produk yang kreatif. Produk yang kreatif merujuk kepada objek fizikal atau abstrak yang mempunyai ciri yang unik yang membezakannya dengan produk yang lain. Sehubungan itu, pengkaji akan fokus untuk menghasilkan borang soal selidik bagi meninjau penilaian pelajar Opsyen Bahasa Melayu IPGKTAR mengenai aspek kreativiti penciptaan nama, moto, logo dan *war cry* kumpulan yang menyertai Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi.

Taksonomi Reka Bentuk Kreatif Peter Nilsson (2011) pula menjadi panduan utama pengkaji untuk menghasilkan borang soal selidik yang diberikan kepada semua pelajar Opsyen Pendidikan Islamambilan Jun 2020 dan Bahasa Melayuambilan Jun 2021 IPGKTAR. Taksonomi Reka Bentuk Kreatif menawarkan perkembangan daripada tiruan kepada ciptaan asal yang diukur dari segi bentuk dan kandungan. Taksonomi Reka Bentuk Kreatif mengatur karya kreatif ke dalam landskap yang inklusif malahan taksonomi ini juga memainkan peranan sebagai kanta analitik yang boleh digunakan untuk menilai kerja kreatif dan membangunkan kemahiran kreatif seseorang. Menurut Peter Nilsson (2011) terdapat lima peringkat yang boleh digunakan untuk mengukur perkembangan pemikiran kognitif, kreatif dan kritis berdasarkan Taksonomi Reka Bentuk Kreatif. Berikut merupakan lima tahap yang dinyatakan:

1. Peniruan atau Penyalinan (replikasi idea-idea terdahulu)
2. Variasi (pengubahsuaian sesuatu idea telah wujud)
3. Gabungan (campuran dua atau lebih idea)
4. Transformasi (mengubah idea menjadi idea lain)
5. Ciptaan Asal (mencipta sesuatu yang baharu)



Peter Nilsson (2011)

METODOLOGI

Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan *Google Form* atau borang soal selidik untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan penilaian kreativiti dalam penghasilan nama kumpulan, logo, moto dan *war cry* kumpulan dalam kalangan pelajar IPG pendidikan Islam Ambilan Jun 2020 dan pelajar Bahasa Melayu Ambilan jun 2021 IPGK Tun Abdul Razak. Responden kajian ialah dalam kalangan yang menyertai aktiviti pembelajaran Al-Kahfi sahaja, iaitu satu ciri yang ditetapkan dan sesuai dengan fokus kajian. Oleh itu, sampel yang dipilih ialah secara tidak rawak dengan menetapkan kriteria tersebut. Seramai 88 orang responden dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu yang terlibat dengan pembelajaran Al-Kahfi tersebut dan mereka dikehendaki membuat penilaian kreativiti terhadap setiap penghasilan nama kumpulan, logo, moto dan *war cry* kumpulan (kecuali kumpulan sendiri).

DAPATAN

Berikut merupakan dapatan melalui penilaian penghasilan nama kumpulan, logo, moto dan *war cry* berdasarkan peringkat tahap kreativiti iaitu tahap cipta asal iaitu tahap tertinggi, seterusnya tahap transformasi, tahap gabungan, tahap variasi dan tahap paling rendah iaitu tahap peniruan/penyalinan.

Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan nama kumpulan

Dapatan menunjukkan bahawa penilaian pelajar terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan nama kumpulan ialah pada Tahap Ciptaan asal 47.6% yang merupakan yang tertinggi. Ini diikuti Tahap Transformasi sebanyak 23.8% dan Tahap Gabungan mencatat 15.8%. Tahap Variasi dan Tahap Peniruan masing-masing mencatat 9.2% dan 4.4%. Dapatan juga menunjukkan bahawa Kumpulan (K) 1 dan K4 mencatat peratusan masing-masing 58%, manakala K7 mencatat 56.8% pada Tahap Ciptaan Asal. Dengan ini menunjukkan bahawa kreativiti pelajar Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu yang terlibat dengan pembelajaran Al-Kahfi tersebut pada tahap yang tertinggi

dalam menghasilkan nama kumpulan. Berikut merupakan hasil penilaian yang dibuat berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: *Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan nama kumpulan*

Tahap	K1		K2		K3		K4		K5		K6		K7		Purata Jum (%)
Tahap Ciptaan Asal	51	58.0%	32	36.4%	28	31.8%	51	58.0%	59	67.0%	22	25.0%	50	56.8%	41.9 (47.6%)
Tahap Transformasi	26	29.5%	30	34.1%	16	18.2%	26	29.5%	10	11.4%	15	17.0%	20	22.7%	20.9 (23.8%)
Tahap Gabungan	8	9.1%	18	20.5%	18	20.5%	8	9.1%	11	12.4%	20	22.7%	14	15.9%	13.9 (15.8%)
Tahap Variasi	3	3.4%	7	8.0%	17	19.3%	3	3.4%	6	6.8%	18	20.5%	3	3.4%	8.1 (9.2%)
Tahap Peniruan	0	0.0%	2	2.3%	9	10.2%	0	0.0%	2	2.0%	13	14.8%	1	1.1%	3.9 (4.4%)
Jumlah	88	100%	88	10%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88.0 (100%)

Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan moto kumpulan

Dari aspek moto kumpulan pula, dapatan menunjukkan bahawa penilaian pelajar terhadap aspek kreativiti 36.3% yang merupakan yang tertinggi. Ini diikuti Tahap Transformasi sebanyak 25.0% dan Tahap Gabungan mencatat 21.6%. Tahap Variasi dan Tahap Peniruan masing-masing mencatat 10.5% dan 6.7%. Dapatan juga menunjukkan bahawa pada Tahap Ciptaan Asal, K1 mencatat sebanyak 58% yang merupakan peratusan tertinggi, manakala K5 mencatat sebanyak 42% iaitu yang kedua tertinggi. Dengan ini menunjukkan bahawa kreativiti pelajar Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu yang terlibat dengan pembelajaran Al-Kahfi tersebut pada tahap yang tertinggi dari aspek menghasilkan moto kumpulan. Berikut merupakan hasil penilaian yang dibuat berdasarkan Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: *Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan moto kumpulan.*

Tahap	K1		K2		K3		K4		K5		K6		K7		Purata Jum (%)
Tahap Ciptaan Asal	51	58%	24	27.27%	27	30.7%	37	42%	37	42%	30	34.1%	17	19.3%	31.9 (36.3%)
Tahap Transformasi	26	29.5%	20	23%	20	22.7%	23	26.1%	24	27.3%	29	33.0%	12	13.6%	22.0 (25.0%)
Tahap Gabungan	8	9.1%	23	26.4%	25	28.4%	20	22.7%	18	20.5%	19	21.6%	20	22.7%	19.0 (21.6%)
Tahap Variasi	3	3.4%	15	17.2%	11	12.5%	6	6.8%	8	9.1%	7	8%	15	17.0%	9.2 (10.5%)
Tahap Peniruan	0	0%	6	6.9%	5	5.7%	2	2.3%	1	1.1%	3	3%	24	27.3%	5.9 (6.7%)
Jumlah	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88.0 (100%)

Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan logo kumpulan

Dapatan juga menunjukkan bahawa penilaian pelajar terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan logo kumpulan ialah pada Tahap Ciptaan asal mencatat 46.6% yang merupakan yang tertinggi. Ini diikuti Tahap Transformasi sebanyak 21.1% dan Tahap Gabungan mencatat 17.3%. Tahap Variasi dan Tahap Peniruan masing-masing mencatat 7.1% dan 1.5%. Dapatan turut menunjukkan K5 mencatat Tahap Ciptaan Asal tertinggi iaitu 67.0% manakala yang kedua tertinggi ialah K1 mencatat 61.4%. K6 dan K7 masing-masing mencatat sebanyak 56.8%. Bagi K3 pula mencatat 44.4%, manakala K2 dan K4 masing-masing mencatat 42.0%. Hal ini dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan kumpulan mempunyai Tahap Ciptaan Asal yang tinggi. Dengan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kreativiti pelajar Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu yang terlibat dengan pembelajaran Al-Kahfi tersebut pada tahap yang tinggi dalam menghasilkan logo kumpulan. Berikut merupakan hasil penilaian yang dibuat berdasarkan Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan logo kumpulan.

Tahap	K1		K2		K3		K4		K5		K6		K7		Purata Jum (%)
Tahap Ciptaan Asal	54	61.4%	37	42.0%	39	44.4%	37	42.0%	59	67.0%	50	56.8%	50	56.8%	46.6 (52.9%)
Tahap Transformasi	21	23.9%	23	26.1%	17	19.3%	23	26.1%	10	11.4%	16	18.2%	20	22.7%	18.57 (21.1%)
Tahap Gabungan	9	10.2%	20	22.7%	17	19.3%	20	22.7%	11	12.4%	16	18.2%	14	15.9%	15.29 (17.3%)
Tahap Variasi	4	4.5%	6	6.8%	13	14.8%	6	6.8%	6	6.8%	6	6.8%	3	3.4%	6.29 (7.1%)
Tahap Peniruan	0	0.0%	2	2.3%	2	2.3%	2	2.3%	2	2.0%	0	0.0%	1	1.1%	1.29 (1.5%)
Jumlah	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88	100%	88 (100%)

Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan war cry kumpulan

Dapatan menunjukkan bahawa penilaian pelajar terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan war cry kumpulan ialah pada Tahap Ciptaan asal mencatat 33.8% yang merupakan yang tertinggi. Ini diikuti Tahap Transformasi sebanyak 23.1% dan Tahap Gabungan mencatat 20.5%. Tahap Variasi dan Tahap Peniruan masing-masing mencatat 10.7% dan 12.2%. Dapatan turut menunjukkan K1 mencatat Tahap Ciptaan Asal tertinggi iaitu 56.8% manakala yang kedua tertinggi ialah K4 mencatat 42%, diikuti K3 sebanyak 40.9%. Hal ini dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan kumpulan mempunyai Tahap Ciptaan Asal yang tinggi. Dengan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kreativiti pelajar Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu yang terlibat dengan pembelajaran Al-Kahfi tersebut pada tahap yang tinggi dalam menghasilkan war cry kumpulan. Berikut merupakan hasil penilaian yang dibuat berdasarkan Jadual 3 di bawah.

Jadual 4: Penilaian terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan war cry kumpulan.

Tahap	K1		K2		K3		K4		K5		K6		K7		Purata Jum (%)
Tahap Ciptaan Asal	50	56.8%	34	38.2%	36	40.9%	37	42.0%	17	19.3%	17	19.3%	17	19.30%	29.7 (33.8%)
Tahap Transformasi	20	22.7%	34	38.4%	28	31.8%	24	27.3%	12	13.6%	12	13.6%	12	13.6%	20.3 (23.1%)
Tahap Gabungan	14	15.9%	16	18.0%	17	19.3%	18	20.5%	20	22.7%	20	22.7%	20	22.7%	18.0 (20.5%)
Tahap Variasi	3	3.4%	4	4.5%	6	6.8%	8	9.1%	15	17.0%	15	17.0%	15	17.0%	9.4 (10.7%)
Tahap Peniruan	1	1.1%	0	0.0	1	1.1%	1	1.1%	24	27.3%	24	27.3%	24	27.3%	10.7 (12.2%)
Jumlah	88	100	88	100	88	100	88	100	88	100	88	100	88	100	88 (100%)

Penilaian keseluruhan aspek kreativiti dalam menghasilkan nama kumpulan, moto kumpulan, logo kumpulan dan war cry kumpulan

Dari aspek penilaian keseluruhan kumpulan terhadap aspek kreativiti pula didapati bahawa Tahap Ciptaan Asal mencatat sebanyak 34.5 (39.2%) yang merupakan yang tertinggi. Ini diikuti pada Tahap Transformasi sebanyak 20.3 (23.1%), Tahap Gabungan pulan 17.6 (20.0%), dan Tahap Variasi mencatat sebanyak 8.6 (9.8%). Tahap yang terendah ialah Tahap Peniruan yang mencatat sebanyak 7.2 (7.8%). Dapatan juga menunjukkan bahawa penghasilan logo kumpulan mencatat jumlah yang tertinggi pada Tahap Ciptaan Asal iaitu sebanyak 46.6 (52.9%). Pada Tahap Peniruan pula, Logo Kumpulan mencatat jumlah yang terendah iaitu sebanyak 1.3 (1.5%). Hal ini dapatlah dikatakan bahawa penilaian keseluruhan binaan kumpulan dari aspek kreativiti menunjukkan tahap kreativiti yang tinggi.

Jadual 5: Penilaian keseluruhan kumpulan terhadap aspek kreativiti dalam menghasilkan nama kumpulan, moto kumpulan, logo kumpulan, dan war cry kumpulan

Tahap	Nama Kumpulan	Moto Kumpulan	Logo Kumpulan	War Cry	Purata
Tahap Ciptaan Asal	29.7 (33.8%)	31.9 (36.3%)	46.6 (52.9%)	29.7 (33.8%)	34.5 (39.2%)
Tahap Transformasi	20.3 (23.1%)	22.0 (25.0%)	18.6 (21.1%)	20.3 (23.1%)	20.3 (23.1%)
Tahap Gabungan	18.0 (20.5%)	19.0 (21.6%)	15.3 (17.3%)	18.0 (20.5%)	17.6 (20.0%)
Tahap Variasi	9.4 (10.7%)	9.2 (10.5%)	6.3 (7.1%)	9.4 (10.7%)	8.6 (9.8%)
Tahap Peniruan	10.7 (12.2%)	5.9 (6.7%)	1.3 (1.5%)	10.7 (12.2%)	7.2 (7.8%)
Jumlah	88 (100%)	88.0 (100%)	88 (100%)	88 (100%)	88 (100%)

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh, menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islamambilan Jun 2020 dan pelajar Bahasa Melayuambilan Jun 2021 mempunyai tahap kreativiti yang tinggi. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan penilaian kreativiti melalui penghasilan binaan kumpulan dimana peratus menunjukkan tahap ciptaan asal iaitu ciptaan yang belum pernah dihasilkan oleh mana-mana pihak. Antara faktor yang menyebabkannya ialah aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPG dengan menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Hal ini dapat dilihat melalui perkongsian ilmu kemahiran berfikir aras tinggi yang banyak dilaksanakan dalam program wajib IPG, aktiviti luar IPG dan sebagainya. Selain itu, pelajar IPG juga diberikan kerja kursus yang melibatkan penghasilan bahan-bahan bantu mengajar untuk mencungkil daya pemikiran yang kreatif dan inovatif. Hal ini dapat membantu mereka meningkatkan kreativiti dalam kebiasaan membuat tugas kerja kursus. Selain itu, IPG juga khususnya IPG Kampus Tun Abdul Razak telah menetapkan matlamat untuk menjadi salah satu IPG global dengan menekankan aktiviti-aktiviti peringkat antarabangsa. Hal ini supaya pelajar IPG dapat menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kreativiti mereka, serta menambah pengalaman mereka untuk dibawa ke sekolah. Hal ini sekali gus melatih siswa pendidik untuk menjadi guru peringkat global yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, faktor kedua yang menyumbang terhadap peningkatan kreativiti pelajar ialah motivasi mereka dalam menyelesaikan masalah atau cabaran yang diberikan. Motivasi adalah terbit dari diri setiap individu yang memacu seseorang untuk bertindak dan seterusnya memindahkan motivasi itu kepada tindakan (Mauzy dan Harriman, 2003). Secara ringkasnya motivasi merupakan suatu anjakan paradigma yang mampu merangsang pelajar untuk berfikir lalu menggunakan kreativiti mereka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Di samping itu, Gardner (1983) menyatakan individu yang kreatif adalah dari semasa ke semasa berupaya menyelesaikan masalah demi masalah, ataupun berupaya menghasilkan sesuatu yang baru dan berguna dalam bidang tertentu. Sehubungan itu, Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi yang dijalankan telah memberikan cabaran kepada setiap kumpulan untuk menghasilkan nama, moto, logo dan *war cry* kumpulan. Hal ini telah meningkatkan motivasi pelajar untuk menghasilkan identiti kumpulan yang kreatif dan unik. Tuntasnya, terbukti bahawa motivasi amatlah penting bagi semua aspek khususnya dalam aspek kreativiti dan penghasilan idea baharu.

Selain itu, budaya kreatif dalam melakukan kerja diterapkan dalam pergaulan seharian pelajar IPG. Siswa pendidik IPG dibiasakan dengan budaya berkongsi ilmu antara satu sama lain secara formal atau tidak formal. Hal ini menyebabkan budaya tersebut dibiasakan sehingga menjadikan satu indentiti yang menarik serta menambahkan daya kreativiti mereka melalui pertukaran idea dan pendapat. Sebagai contoh, kerja kursus dan peperiksaan yang dilaksanakan dalam IPG mengambil kira aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif iaitu murid perlu menyiapkan tugas yang diberi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Melalui pelaksanaan kerja kursus Drama dalam Pendidikan, murid membuat ringkasan untuk pembelajaran dalam satu semester sebanyak 1000 patah perkataan. Mereka juga perlu menghasilkan drama yang kreatif, pembelajaran penerokaan berlangsung dan menggalakkan rakan pembelajaran.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, aspek kreativiti sangat penting dalam mereka bentuk aktiviti pembelajaran pelajar. Melalui aktiviti pembelajaran Al-Kahfi, banyak membantu seseorang pelajar itu meningkatkan kreativitinya untuk dikongsi kepada orang lain serta membantu diri menuju ke arah kemajuan pada masa akan datang. Oleh itu, dengan adanya aktiviti pembelajaran Al-Kahfi ini, pelajar dapat meningkatkan kreativiti mereka sekali gus membantu mereka mencapai hasil pembelajaran yang dihasratkan.

RUJUKAN

- Andy Sumbing & Humin Jusilin. (2019). Reka bentuk logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu: Analisis ikonografi Erwin Panofsky.
- Salbiah Omar. (2015). Kreativiti pengajaran dan pembelajaran Sains. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua, Y. P. (2011). *Pengukuran semasa kreativiti. isu dan cabaran: Islam, kreativiti dan inovasi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Isbell, R.T, & Raines, S.C. (2007). *Creativity and the arts with young children, 2nd edition*. United Kingdom: Delmar Cengage Learning.
- Clarkson, A. (2005). Educating the creativity imagination: a course design and its consequences. *The e-Journal of the Jungian Society for Scholar Studies*. 1(2). 89-101.
- Gardner, H. (1993). *Creating minds an anatomy of creativity seen through the lives of Freud, Einstein, Picasso, Stravinsky, Eliot, Graham, and Ghandi*. New York: Basic Books.
- Muhaimi Suhaili (2017). *Apabila Dron Mendarat di Dalam Bilik Darjah*. Kota Samarahan: Jabatan Pengajian Melayu, IPGKTAR.
- Nilsson, P. (2013) Taxonomy of creative design: sense and sensation writing on education, creativity, and cognitive Science. Retrieved from: <http://www.senseandsensation.com/2012/03/taxonomy-of-creative-design.html?view=magazine>
- Tham, R., & Tham, L. (2013). Learning effectiveness of collaborative learning in singapore higher education – a pilot study. Paper presented at the Society for Information Technology & Teacher Education International Conference 2013. New Orleans, Louisiana, United States. Retrieved from: <http://www.editlib.org/p/482>

KE HUJUNG USIA DARI KACA MATA TAKMILAH

Nur Aisyah Shahira Binti Naimon

aisyahshhr@gmail.com

Nurul Nadia Binti Mohd Isa

nrulndia39@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Karya sastra merupakan satu bentuk kesenian yang indah dan berfaedah. Hal ini kerana, karya dibentuk melalui jalinan dan siratan bahasa bagi menyampaikan hasrat dan idea seperti pernyataan, pengalaman, harapan, pengetahuan dan maklumat berdasarkan fungsinya. Tamsilnya, karya sastra berfungsi untuk menyampaikan mesej keagamaan bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan umat iaitu khalayak. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Ke Hujung Usia* karya A. Rahman C.M (2018) dengan menggunakan teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar sebagai kerangka utama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan tumpuan kepada analisis aspek tekstual dan kontekstual novel ini. Oleh itu, hasil analisis mendapati bahawa terdapat pengaplikasian ketujuh-tujuh prinsip dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat Takamul, prinsip sastra sendiri bersifat estetik dan Takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil dalam novel *Ke Hujung Usia*. Novel *Ke Hujung Usia* turut memperlihatkan unsur keagamaan melalui pemikiran, mesej, nilai dan isu yang dapat menyampaikan mesej keagamaan kepada khalayak supaya menjadi insan yang sentiasa taat dengan syariat Islam. Kesimpulannya, teori Takmilah mampu untuk menzahirkan kekuatan pengarang dalam memfokuskan unsur-unsur keislaman dalam novel *Ke Hujung Usia* berdasarkan kisah penciptaannya yang tersendiri.

PENGENALAN

Aspek pendidikan dan intelektual dalam kalangan masyarakat Melayu semakin berkembang justeru telah mengubah kehidupan mereka setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu. Mohd Zahirwan Halim et al. (2014) mengatakan bahawa minda dan pemikiran masyarakat Melayu semakin berkembang kerana kelahiran ulama-ulama Melayu terkenal, penghasilan pelbagai jenis penulisan dan penubuhan institusi pendidikan di Tanah Melayu. Tambahan pula, budaya keintelektualan masyarakat Melayu dapat dilihat melalui penghasilan karya kesusasteraan dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Maka, Ab. Aziz Mohd Zin (2006) turut berpendapat bahawa nilai kebijaksanaan dan akal budi masyarakat Melayu semakin terserlah dalam menangani arus kehidupan akibat daripada proses pengintelektualan orang Melayu sepanjang zaman. Penghasilan karya-karya yang berbentuk sastra falsafah, ilmu kalam dan tasawwuf menunjukkan bahawa Islam telah pun mengubah dasar kefahaman dan pemikiran orang Melayu daripada dasar estetik kepada dasar saintifik (Mashitah Sulaiman, 2013).

Masyarakat Melayu dikatakan sebagai suatu bangsa yang menerima pelbagai bentuk genre sastra Islam. Hal ini kerana, kandungannya yang bertunjangkan kepada aspek akaliah dan intelektualisme Islam. S. Othman Kelantan dalam kajian Ahmad Nabil Amir (2019) berpendapat bahawa sastra Islam ini didefinisikan sebagai satu bentuk kesusasteraan dalam media bahasa terutamanya yang bertulis bagi menggambarkan unsur-unsur dan cita-cita keislaman sebagai matlamat untuk menerapkan pengajaran al-Quran, al-Hadis dan sunnah Rasulullah SAW. Perkara

ini disokong lagi dengan pernyataan Al-Akkad & Abbas Mahmud (1964) yang menjelaskan bahawa sastra Islam merupakan pancaran orang yang didekatkan kepada Allah SWT yakni golongan muqarrabin secara rohaniah mahupun badaniah. Maka, dapat dikatakan bahawa sastra Islam merupakan salah satu usaha untuk mendekati diri kepada Ilahi. Rentetan daripada itu, sastra Islam yang menghidangkan mesej-mesej keagamaan seharusnya mempunyai asas penting mengenai agama bagi mengukuhkan akidah mahupun akhlak dalam mempraktikkan syariat Islam justeru melahirkan masyarakat yang Kamil dan Islami sepertimana yang telah dinyatakan dalam al-Quran dan hadis.

Setelah sastra Islam semakin berkembang, maka teori-teori sastra tempatan turut muncul bagi meneliti dan mengkaji unsur-unsur keislaman dalam karya sastra Melayu seperti teori Takmilah, Pengkaedahan Melayu, Taabudiyah dan Pendekatan Islam. Setelah gerakan kebangkitan Islam dan aktiviti berdakwah semakin giat dijalankan, sastra Melayu berunsurkan keislaman semakin berkembang. Tambahan pula, Ungku Maimunah Mohd Tahir (1994) bersependapat dengan perkara tersebut dengan menyatakan bahawa gerakan dakwah Islamiah di Malaysia memberi impak kepada masyarakat untuk mengamati definisi sastra menurut lingkungan Islam dan mensejajarkan sastra Melayu yang telah dikuasai oleh tradisi sastra Barat mengikut kaca mata Islam. Justeru, perkara ini memberi makna kepada konsep sastra Islam itu sendiri.

Ke Hujung Usia oleh A. Rahman C.M merupakan sebuah gambaran tentang kehidupan seorang guru mahupun pemilik institusi agama iaitu sekolah pondok tradisional yang mengalami konflik dengan sistem pentadbiran kerajaan. Secara umumnya, mesej yang hendak disampaikan merupakan cerminan realiti yang masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Melayu ketika ini dan pengarang merungkai permasalahan tersebut satu demi satu dalam penulisannya seperti sistem pendidikan sekolah pondok agama tradisional semakin pupus dan digantikan dengan sistem pendidikan agama yang moden (Umairah Shafei, 2020). Keistimewaan novel ini adalah apabila pengarang berjaya menerapkan mesej keislaman di samping mengemukakan penyelesaian kepada konflik yang berlaku dengan bertunjangan kepada syariat Islam. Karya sastra yang dikaji ini dikategorikan sebagai karya sastra berunsurkan Islam kerana kecenderungannya dalam mempamerkan pemikiran yang berunsurkan keislaman, ketuhanan dan kerasulan. Dengan itu, untuk menganalisis novel *Ke Hujung Usia*, kajian ini menggunakan teori tempatan iaitu Takmilah yang dirintis oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 bagi memperlihatkan kekuatan teori ini dalam merungkai karya yang berunsurkan keagamaan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Takmilah banyak dilakukan oleh pengkaji lain seperti Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019) yang berjudul "Penyerlahan Kekerdilan Insan dalam Cerpen 'Hari yang Bergelar Kematian': Menelusuri Perspektif Takmilah". Kajian tersebut bertujuan untuk mengenalpasti dan menghurai tentang estetika penulisan cerpen berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah. Bertitik tolak daripada kajian ini menunjukkan bahawa cerpen tersebut mengetengahkan tentang persoalan ketuhanan dengan perkaitan antara pencipta serta hubungan manusia dengan manusia. Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan cerpen 'Hari yang Bergelar Kematian' mencukupi ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah serta menunjukkan bahawa pentingnya seseorang manusia itu mengingati kematian yang telah ditentukan.

Selain itu, Maharam Mamat et al. (2012) juga mengkaji teori Takmilah dalam tulisannya yang bertajuk Tarbiah dalam Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!). Kajian yang dilakukan adalah untuk menghuraikan tentang unsur nilai tarbiah berdasarkan teori Takmilah. Oleh itu, kajian tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pembaca terutamanya murid supaya mereka menjadi insan yang sentiasa menjadikan kesantunan sebagai perkara utama. Jelaslah bahawa dapatan kajian tersebut memperakukan bahawa kesemua prinsip dalam teori Takmilah mampu

menjadikan manusia untuk lebih mendekati pencipta dan menjauhkan diri daripada ke arah kejahatan.

Di samping itu, kajian yang berjudul Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Al- Fawaid Alfikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam yang dikaji oleh Syarifah Salha et al. (2019) juga menggunakan teori Takmilah. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji memberi gambaran tentang aspek-aspek kepimpinan yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin berasaskan Teori Takmilah iaitu prinsip kedua, prinsip kerasulan yang bersifat Kamil. Hal ini kerana, prinsip Takmilah yang kedua amat mengagumi dan mengangkat sifat kerasulan berdasarkan ciri-ciri kepimpinan yang layak dipanggil sebagai seorang pemimpin. Dapatan kajian yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa pemimpin sebenarnya merupakan pendakwah yang bertanggungjawab dalam mengajak manusia ke arah kebenaran dan memperjuangkan Islam daripada dipandang rendah oleh agama lain.

Sorotan yang seterusnya diteliti melalui kajian yang dilakukan oleh Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad (2014) yang berjudul Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah. Kajian tersebut dilakukan adalah untuk membuktikan bahawa beliau menggunakan teori Takmilah seperti prinsip ketuhanan, kerasulan, keislaman dan keilmuan untuk memberi keinsafan kepada pembaca dengan sifat Kamal Allah. Berdasarkan dapatan kajian, Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah ini berkesan memberi dakwah kepada pembaca agar sentiasa menjaga kesucian dan keagungan Islam dengan kebenaran melalui teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar.

Kajian yang menggunakan teori Takmilah turut dilakukan oleh Rosnani Ripin (2017), bertajuk Takmilah Novel Seteguh Fikrah Saleha, Karya Aminah Mokhtar. Berdasarkan kajian tersebut, dapat dikenalpasti bahawa penulis mengemukakan tentang konsep-konsep akidah berdasarkan pengaplikasian Teori Takmilah. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa karya berunsurka dakwah tersebut mampu menjadikan kita sebagai manusia yang berpegang kepada nilai-nilai tauhid seperti yang dinyatakan dalam prinsip Teori Takmilah agar dapat membimbing ke arah kepimpinan yang mencontohi sifat Nabi Muhammad SAW.

Sehubungan dengan itu, kajian terhadap bahan kajian kami iaitu novel *Ke Hujung Usia* turut dilakukan oleh beberapa orang pengkaji. Salah satu daripadanya ialah berjudul Isu Pertembungan Sosial dalam Novel *Ke Hujung Usia* Berdasarkan Teori Konflik Fungsional Coser oleh Umairah (2020). Kajian tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memahami bentuk-bentuk konflik sosial dalam novel *Ke Hujung Usia*. Dengan itu, hasil dapatan kajian memaparkan bahawa konflik watak dalam novel tersebut berdasarkan pemikiran Coser mempunyai fungsi yang positif untuk memperkuat struktur sesebuah kelompok yang mengalami konflik dengan kelompok luar. Perkara ini menjadikan pertembungan sosial antara watak dalam novel menonjolkan kepentingan sumbangan konflik untuk mempertahankan kekuatan sesebuah struktur sosial.

OBJEKTIF

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneliti pengaplikasian prinsip-prinsip takmilah seperti ketuhanan, kerasulan dan keislaman dalam novel *Ke Hujung Usia* karya A Rahman C.M (2018) dengan menggunakan Teori Takmilah yang telah dipelopori oleh Shafie Abu Bakar.

KERANGKA KONSEP

Kajian ini menggunakan kerangka teori Takmilah yang dirintis oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996. Menurut Mana Sikana (1997), Shafie Abu Bakar telah memperhalusi dan memperjelaskan teori Takmilah dengan lebih terperinci iaitu dengan mengemukakan tujuh prinsip secara keseluruhannya. Tujuh prinsip tersebut iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Menurut Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad (2014), prinsip-

prinsip yang telah diperhalusikan tersebut telah menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang memiliki kesatuan secara holistik iaitu meliputi sifat ketuhanan, kerasulan, keagamaan, keilmuan karya, pengkarya dan juga khalayak.

Prinsip yang pertama dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal merupakan prinsip yang menjelaskan hubungan antara dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Sifat kesempurnaan Allah SWT dapat dilihat melalui makhluk ciptaan-Nya. Sebagai contoh, manusia yang diciptakan oleh Allah SWT merupakan sebaik-baik bukti kesempurnaan dan keindahan Allah. Braginsky (1994) berpendapat bahawa segala keindahan dalam kesusasteraan Melayu mahupun kesusasteraan Islam berpunca daripada kudrat Allah SWT justeru terserlah keindahan-Nya dalam pelbagai perkara termasuk keindahan dalam karya kesusasteraan. Dalam erti kata lain, sastera menjadi medium untuk menyerlahkan lagi keindahan agama Islam kepada khalayak. Oleh yang demikian, prinsip ini lebih memfokuskan kepada aspek ketuhanan dalam sesebuah karya untuk mencapai tahap kesempurnaan iaitu Kamal (Rosnani, 2017).

Prinsip yang kedua pula iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Prinsip ini berkait rapat dengan rasul junjungan kita iaitu Rasulullah SAW sebagai insan yang Kamil. Insan Kamil mempunyai pertalian dengan istilah Kamal iaitu sifat Allah SWT yang Maha Sempurna. Konsep yang sesuai dengan keinsanan dalam perspektif Islam terbahagi kepada tiga iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Insan Khalifah merupakan individu yang memiliki kebolehan untuk menjadi seorang pemimpin dan memiliki aspek-aspek yang diperlukan untuk menjadi seorang khalifah iaitu berkeperibadian tinggi, berilmu pengetahuan, sifat kepimpinan dan akhlak yang tinggi. Insan Rabbani pula merujuk kepada individu yang memfokuskan kepada aspek kerohanian dalam kehidupan dan sentiasa mendekati diri kepada Allah SWT. Apabila sifat insan Khalifah dan Rabbani dimiliki oleh seseorang individu, maka ia akan mencapai insan Kamil seperti Rasulullah SAW.

Seterusnya, prinsip Islam yang bersifat Akmal merupakan prinsip yang menerangkan satu-satunya agama yang direndhai-Nya iaitu agama Islam yang sempurna dari pelbagai aspek. Kesempurnaan (Akmal) agama Islam dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam al-Quran. Oleh itu, karya sastera turut boleh menerapkan pengetahuan mengenai kesempurnaan ajaran Islam bagi membentuk masyarakat Islam yang taat pada suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Melalui kewujudan sastera yang berunsurkan keagamaan sedemikian dapat membantu dalam pembentukan umat masyarakat yang bertakwa kepada-Nya. Maka, prinsip ini menegaskan bahawa seorang karyawan perlu memainkan peranan untuk menerapkan mesej kesempurnaan ajaran Islam kepada khalayak dari pelbagai aspek kehidupan bagi membentuk masyarakat yang dituntut dalam agama Islam.

Prinsip yang keempat pula ialah prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul. Prinsip ini menekankan tentang kepentingan ilmu dengan sastera yang saling melengkapi untuk menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang Takamul. Sastera dengan ilmu mempunyai hubungan dengan diri sendiri terutamanya melalui akal dan hati. Akal merujuk kepada alat untuk mendapatkan pengetahuan mengenai ilmu yang bersifat alamiah dan rasional. Hati pula merupakan saluran ke arah ilmu kerohanian dan dalam erti kata lain ialah makrifat. Oleh yang demikian, penulis mengaplikasikan ilmu yang berguna ke dalam sastera untuk kegunaan khalayak kerana ilmu sastera itu yang bersifat Takamul mampu mengajak khalayak ke arah kebaikan.

Seterusnya, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah. Prinsip yang kelima teori Takmilah memperlihatkan ciri-ciri estetik pada sesebuah sastera iaitu dari aspek keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Aspek lahiriah dapat dilihat dari segi teknik dalam penghasilan karya iaitu bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada dan sebagainya. Manakala, aspek maknawi pula merujuk kepada isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Apabila aspek lahiriah dan maknawi ditekankan dalam proses penghasilan karya sastera, maka lahiriah karya yang kreatif, indah dan sempurna secara luaran dan dalaman.

Prinsip yang keenam merupakan prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri. Prinsip ini lebih menekankan kepada pengkarya yang melengkapkan dirinya terlebih dahulu dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu yang berhubung dengan sastera. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pengkarya haruslah berilmu lebih tinggi untuk menyampaikan pengetahuan kepada khalayak khususnya mengenai ilmu keislaman bagi sastera yang berunsurkan keagamaan. Dengan itu, penulis boleh mengukuhkan pengetahuannya mengenai ajaran Islam kerana mendalami ilmu tersebut terlebih dahulu sebelum disampaikan kepada khalayak melalui penulisan. Di samping menguasai ilmu keagamaan, penulis juga perlu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sastera seperti teori, kritikan dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk menjadikan sesebuah karya sastera yang berkualiti.

Selain itu, prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil merupakan prinsip yang menjelaskan bahawa karya sastera Islam mempunyai hubung kait dengan khalayak. Setiap karya sastera Islam hendaklah berunsurkan pendidikan, dakwah, menerapkan nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan malah mengandungi perkara yang boleh mengajak ke arah kebenaran. Seiring dengan peranan sastera untuk menyampaikan mesej kepada khalayak, maka sesebuah karya perlulah menerapkan unsur-unsur ajakan seperti menimbulkan kesedaran dan keinsafan melalui watak atau situasi yang terdapat dalam karya tersebut. Karya yang sedemikian menjadikan sebuah karya yang mengamalkan amar makruf nahi mungkar justeru dapat membantu dalam mencapai tahap kesempurnaan pada khalayak sekaligus membentuk diri menjadi insan Kamil.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan memberi fokus kepada mesej-mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Ke Hujung Usia* karya A Rahman C.M (2018) dengan menggunakan Teori Takmilah. Kajian berbentuk kualitatif merupakan kajian yang melibatkan penerokaan menurut Crawford dan Irving seperti yang dinyatakan dalam kajian Mokmin Basri (2012). Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan sama ada pengarang mengimplementasikan Teori Takmilah dalam hasil karyanya. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan melalui aktiviti pengumpulan bahan-bahan daripada buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar serta latihan ilmiah. Bukan itu sahaja, teknik pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* juga digunakan dalam novel yang dikaji kerana teknik tersebut berkesan untuk pembaca memahami apa yang hendak disampaikan secara mendalam. Oleh itu, teknik tersebut membantu pengkaji untuk menerangkan secara terperinci fakta-fakta, memperoleh idea utama, maklumat tambahan dan mengenalpasti cara susunan cerita berdasarkan novel *Ke Hujung Usia* yang menjadi pangkalan data bagi kajian ini. Pembacaan dilakukan secara teliti supaya isi yang akan diterokai dapat dianalisis dan dikritik dengan menggunakan Teori Takmilah. Oleh itu, aktiviti menganalisis tersebut akan dilakukan pada peringkat akhir yang melibatkan penganalisan terhadap mesej keagamaan melalui aspek tema, pemikiran, latar, gaya bahasa, watak dan nilai yang digambarkan melalui novel *Ke Hujung Usia* dengan prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah karya Shafie Abu Bakar.

DAPATAN

Setelah menganalisis novel *Ke Hujung Usia*, didapati bahawa terdapat pengaplikasian teori Takmilah. Ketujuh-tujuh prinsip Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar digunakan untuk menganalisis mesej keagamaan iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk

mereka ke arah insan Kamil. Berikut merupakan jadual yang memaparkan hasil dapatan daripada proses penganalisan terhadap novel *Ke Hujung Usia*.

Jadual 1

Pengaplikasian teori Takmilah dalam novel Ke Hujung Usia

Data/ Bil	Teori Takmilah	Novel <i>Ke Hujung Usia</i>
1.	Prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal	/
2.	Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil	/
3.	Prinsip keislaman yang bersifat Akmal	/
4.	Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul	/
5.	Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah	/
6.	Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri	/
7.	Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil	/

Perbincangan Dapatan

Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal

Karya sastera merupakan karya yang indah. Hal ini kerana karya sastera ini bukan sahaja menggambarkan keindahan melalui kata-kata yang indah tetapi menjadi panduan kepada khalayak agar berusaha untuk mencari keredhaan Allah S.W.T. Menurut Ahmad Hawassy (2019), beliau mengatakan bahawa Allah S.W.T mempunyai pelbagai sifat yang dapat disimpulkan iaitu sifat Jalal (kebesaran), Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Berdasarkan prinsip pertama dalam teori Takmilah mengemukakan bahawa dua sifat Allah S.W.T iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan) adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Hal ini kerana perkaitannya dapat dijelaskan dengan kejadian manusia yang sempurna dan indah sebagai sebaik-baik kejadian oleh Allah S.W.T. Secara tidak langsung, pengarang juga memperlihatkan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal dalam novel *Ke Hujung Usia* yang dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Akidah kita umat Islam, Allah Maha berkuasa, Maha kuat, Maha agung, Maha mengetahui. Tidak ada satu makhluk pun yang boleh menyamai kuasa Allah.

(A. Rahman C.M., 2018, p. 95)

Berdasarkan petikan di atas, jelas membuktikan bahawa sifat Allah yang berkuasa dalam segala-galanya tanpa memerlukan sebarang bantuan daripada orang lain jika hendak dibandingkan dengan makhluk yang lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui surah Al-Syura ayat 11, Allah SWT berfirman "Tiada sesuatupun yang sebandingan dengan-Nya." Konsep kuasa Allah SWT dan manusia adalah sangat berbeza kerana kuasa Allah adalah sesuatu yang tidak terjangkau oleh akal manusia yang terbatas. Oleh itu, berdasarkan petikan tersebut, pengarang hendak menyampaikan prinsip pertama dalam Teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal iaitu menjelaskan sifat-sifat Allah yang berkuasa, kuat, maha agung dan maha mengetahui. Kita sebagai makhluk yang telah diciptakan lemah kerana tidak mempunyai sebarang kekuatan tanpa bantuan daripada Allah SWT hendaklah sentiasa memuji dan mengagumi sifat kebesaran Allah SWT. Sesungguhnya Allah berfirman dalam surah Al Baqarah, ayat 152 iaitu "Ingatlah kamu (berzikir) kepada-Ku, nescaya Aku ingat (pula) kepadamu." Impaknya, apabila kita yakin dengan kekuasaan Allah dan bersyukur dengan segala-galanya, nescaya Allah akan sentiasa memberikan nikmat kepada hambanya yang tidak tamak dan cinta akan ketakwaan.

Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil

Berdasarkan prinsip kedua dalam teori Takmilah mengemukakan perhubungan teori dengan Rasul sebagai insan Kamil (sempurna). Hal ini kerana, Rasulullah SAW merupakan insan yang dipilih oleh Allah SWT sebagai insan Kamil untuk mengukuhkan kejadian manusia yang merupakan pemimpin seterusnya dalam melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangannya. Menurut Kamariah Kamarudin (2017) menjelaskan bahawa dalam falsafah pemikiran Islam mempunyai tiga konsep ideal keinsanan iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Ketiga-tiga konsep ini adalah merupakan tahap kedudukan seseorang manusia dalam menyempurnakan suruhan Allah dan hukum yang ditetapkan dalam Al-Quran dan Hadis. Berdasarkan sifat Kamil yang terdapat dalam diri Rasulullah sebagai contoh ikutan terbaik kepada manusia dibuktikan oleh pengarang melalui petikan tersebut:

Kamu ingat kenapa Muhammad dipilih oleh Allah menjadi nabi dan rasul dalam kalangan orang Arab? Zaman itu pula zaman orang Arab dikuasai jahiliah. Kenapa? Kerana Akhlak Muhammad. Baginda sangat amanah. Baginda menjaga mulut. Baginda penyabar orangnya.

(A. Rahman C.M., 2018, p. 52)

Berdasarkan petikan di atas, sesungguhnya Nabi Muhammad SAW merupakan insan yang perlu kita kagumi dan sewajarnya menjadi suri teladan dalam setiap diri muslim kerana akhlaknya yang amat mulia. Hal ini dapat dibuktikan dengan sifat amanah baginda iaitu Rasulullah tidak pernah sesekali mengkhianati amanah yang diberi. Buktinya, baginda menyampaikan risalah dan hidayah daripada Allah melalui malaikat Jibril sebagai satu amanah kepada umat Islam. Bukan itu sahaja, melalui percakapan, Baginda tidak akan bercakap kosong melainkan perkara tersebut adalah keperluan dan tidak akan sesekali meninggikan suara melainkan untuk menyuarakan kebenaran berkaitan Allah SWT. Sifat Rasulullah yang penyabar dapat dibuktikan apabila seorang Arab Badwi pernah menarik kain rida' yang baginda dengan kasar hingga berbekas leher Baginda. Namun, Rasulullah tidak membalas sebaliknya baginda menghendaki jubah tersebut kepadanya. Oleh itu, pengarang hendak menyampaikan prinsip kerasulan sebagai insan Kamil dengan memuji sifat-sifat yang ada dalam diri Nabi Muhammad sehingga baginda diangkat sebagai Rasul. Justeru, kita hendaklah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan dalam kehidupan kita kerana sesungguhnya akhlak merupakan nadi utama dalam membentuk tingkah laku dan mencerminkan keimanan seseorang.

Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal (Sempurna)

Karya sastera berperanan untuk mendedahkan sifat agama Islam yang sempurna berlandaskan al-Quran dan Hadis bagi mendidik individu menjadi seseorang yang sentiasa diredhai Allah. Islam merupakan agama yang sempurna dari semua aspek kehidupan. Buktinya dalam surah Ali-Imran, ayat 19 yang bermaksud, "Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberi Al-Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, karena kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barangsiapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah sangat cepat hisab-Nya. Hal ini bertepatan dengan prinsip ketiga yang dihubungkan dengan kesucian agama Islam oleh pengarang dalam novelnya *Ke Hujung Usia* iaitu;

Islam bukan sekadar agama. Islam bukan sekadar ketakwaan kepada Allah. Islam bukan sekadar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Tapi ia merupakan satu tatacara hidup. Pegangan hidup kita, al-Quran. Panduan hidup kita, hadis Nabi. Ia

tidak sekadar beramal zahir dan batin. Tapi ia meliputi akhlak, perlakuan dalam kehidupan hari-hari.

(A. Rahman C.M., 2018, p. 12)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang mengingatkan kepada kita bahawa sesungguhnya Islam adalah agama yang membawa ajaran, cara hidup yang sempurna dengan melibatkan seluruh aspek kehidupan manusia termasuklah perlakuan seharian. Hal ini dapat dibuktikan apabila pengarang menyatakan bahawa sebagai umat Islam, kita hendaklah menjadikan al-Quran dan Hadis Nabi sebagai pegangan dan panduan dalam kehidupan kita agar dapat menetapkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT. Oleh itu, pengarang hendaklah menonjolkan prinsip ketiga dalam teori Takmilah iaitu menyeru pembaca agar mengamalkan agama dengan sempurna berlandaskan syariat Islam supaya mendapat kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat. Perkara ini juga memberi ingatan kepada umat Islam agar sentiasa berpegang kepada al-Quran dan Hadis kerana sesungguhnya Allah SWT meninggalkan kita kepada dua perkara dan kita tidak akan sesat selagi kita berpegang teguh kepada kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Nabi Muhammad SAW. Hal ini kerana, kemampuan akal seseorang manusia adalah sangat terbatas dan mereka memerlukan sesuatu untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan iaitu al-Quran dan Hadis. Justeru, kita hendaklah berpegang kepada agama Islam yang diredhai dengan mentaati Allah dan Sunnah Rasulullah di dalam kehidupan seharian supaya kita tidak termasuk dalam golongan yang dimurkai Allah SWT.

Prinsip Ilmu Dengan Sastera Yang Bersifat Takmilah (Sempurna)

Berdasarkan prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takmilah menerangkan bahawa secara tidak langsung keperluan ilmu dengan sastera melibatkan akal dan hati untuk menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang lengkap (Takamul) (Shafie Abu Bakar, 1997). Hal ini kerana dalam agama Islam, alat utama dalam mendapatkan ilmu ialah akal manakala hati pula sebagai saluran keilmuan yang bersifat rohani. Justeru, ilmu dan karya sastera ini adalah berkait rapat dalam menghasilkan sesebuah karya yang mampu menjadi cerminan masyarakat serta daya tarikan yang menarik terhadap agama Islam. Dalam novel *Ke Hujung Usia*, pengarang memperlihatkan prinsip ilmu dengan sastera dengan mendedahkan ilmu islam iaitu ilmu fardu kifayah dan fardu ain melalui petikan di bawah;

Malam itu, kuliah Tuk Aki berkisar tentang kerja amal di bawah fardu kifayah. Dulu Tuk Aki sudah memberikan maksud amalan di bawah fardu kifayah. Satu amalan yang menjurus kepada faedah umum. Satu amalan yang menjurus kepada faedah masyarakat. Satu amalan yang memberikan rasa senang dan kepuasan kepada orang lain. Ia berbeza dengan amalan dalam fardu ain. Satu amalan untuk faedah diri sendiri bagi berhadapan dengan Allah di akhirat nanti. Amalan yang menjurus kepada hendakkan ganjaran daripada Allah untuk diri sendiri.

(A. Rahman C.M., 2018, p. 80)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang memaparkan keilmuan Islam tentang ilmu fardu kifayah dan fardu ain dengan jelas. Hal ini kerana, fardu ain dan fardu kifayah merupakan perkara wajib yang perlu dilaksanakan oleh kesemua umat islam dengan sempurna. Ilmu fardu ain merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam untuk melaksanakan ibadat dan pengetahuan yang wajib kerana jika tidak dilakukan mengikut rukun atau syaratnya akan dikira tidak sah. Manakala ilmu fardu kifayah pula ialah ilmu yang bermanfaat dan berkaitan dengan kehidupan manusia. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pengarang menghasilkan sesebuah karya sastera yang mampu memberi didikan tentang keindahan Islam dalam ilmu fardu kifayah dan fardu ain. Sebagai umat Islam yang berusaha mencari ketawaan daripada Allah SWT, kita hendaklah berusaha meneroka ilmu tentang ilmu berkaitan agama seluas-luasnya kecuali usaha untuk

mengkaji zat Allah. Impaknya, apabila kita mencintai ilmu tidak kiralah tentang fardu ain atau fardu kifayah, sesungguhnya Allah akan memberikan ganjaran yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar yang menunjukkan bukti keindahan Islam dalam mendidik manusia melakukan kewajipan dan kebaikan dengan ikhlas.

Prinsip Sastera Yang Bersifat Estetik Dan Bersifat Takmilah (Sempurna Dan Menyempurnakan)

Prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah digunakan untuk menilai aspek lahiriah dan maknawi sesuatu karya sastera yang dikaji. Perkara ini telah menjadikan unsur estetika dalam karya sastera sebagai suatu persoalan utama. Aspek lahiriah merujuk kepada teknik dalam penghasilan karya iaitu bentuk, struktur, plot dan sebagainya. Manakala aspek maknawi ialah berkaitan dengan tema, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Aspek lahiriah dalam novel ini dapat dilihat menerusi gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang iaitu penggunaan hiperbola dan repetisi dalam ayat bagi menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Penggunaan gaya bahasa hiperbola dan repetisi dalam ayat dapat dibuktikan melalui petikan yang berikut;

Akidah kita umat islam, Allah maha berkuasa, maha kuat, maha agung, maha mengetahui. Tidak ada satu makhluk pun yang boleh menyamai kuasa Allah.

(A. Rahman C.M., 2018, p. 95)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur keindahan dari aspek lahiriah iaitu penggunaan gaya bahasa hiperbola dan repetisi iaitu pada ayat “*Akidah kita umat Islam, Allah Maha Berkuasa, Maha Kuat, Maha Agung, Maha Mengetahui*”. Seperti yang sedia maklum, hiperbola bermaksud ungkapan yang berlebih-lebihan daripada maksud sebenar. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa Allah SWT memiliki kuasa yang melebihi dari segala apa yang ada di alam semesta ini dan tidak ada satu makhluk pun yang dapat menandingi kuasa-Nya. Repetisi pula dapat dilihat apabila terdapat pengulangan kata “*Maha*” dalam sebaris ayat. Perkataan “*Maha*” didefinisikan sebagai kata tugas yang menggambarkan sesuatu yang sempurna. Pengulangan kata tersebut menggambarkan bahawa Allah SWT sesungguhnya sangat berkuasa dan memiliki kesemua Asmaul Husna iaitu nama-nama yang baik. Pengarang menggunakan gaya bahasa sedemikian bertujuan untuk merangsang minda khalayak sekaligus menyampaikan mesej bahawa Allah SWT memiliki segalanya yang tidak akan mampu dijangka oleh akal fikiran manusia. Maka, dengan pengetahuan yang mendalam mengenai ilmu sastera dan agama, pengarang dapat menyerlahkan lagi kesempurnaan sifat Allah dalam penulisannya sekaligus meningkatkan ketakwaan kepada-Nya. Oleh sebab itu, pentingnya sastera yang bersifat estetik untuk meningkatkan lagi kesedaran khalayak terhadap keindahan Islam. Tegasnya, prinsip ini menjadikan sastera sebagai suatu yang sempurna dan menyempurnakan.

Prinsip Pada Pengkarya Yang Seharusnya Mengistimakan Diri (Menyempurnakan)

Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri menekankan kepada pengkarya yang melengkapkan dirinya terlebih dahulu dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu yang berhubung dengan sastera. Hal ini bertujuan bagi memastikan bahawa setiap perkara yang disampaikan adalah benar dan bermanfaat. Penulis hendaklah tergolong dalam kalangan ulama yakni berpengetahuan dalam ilmu-ilmu Islam yang hendak disampaikan kepada khalayak. Prinsip ini diaplikasikan oleh pengarang dapat dibuktikan melalui petikan di bawah;

“Kamu tentu tahu, bahawa haji itu merupakan rukun Islam yang kelima. Ia menjadi wajib dikerjakan apabila sudah ada tiga perkara pada diri seseorang. Pertama, kemampuan diri. Kedua, keselamatan dalam perjalanan. Ketiga, keadaan aman di

tanah suci yang membolehkan para jemaah dapat mengerjakan haji dengan sempurna.”

(A. Rahman C.M., 2018, p. 198)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang menjelaskan tentang rukun Islam yang kelima iaitu menunaikan haji merupakan kewajipan seseorang yang bergelar Muslim. Bukan itu sahaja, pengarang turut menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai haji yang akan dilaksanakan oleh seseorang Muslim yang sudah mempunyai tiga perkara. Oleh hal yang demikian, dapat kita lihat bahawa penulis mempunyai pengetahuan mengenai ilmu rukun Islam yang kelima. Di samping menceritakan kisah kehidupan watak utama dalam novel, penulis turut menerapkan ilmu fiqh untuk dihayati dan diaplikasikan oleh khalayak dalam kehidupan. Penulis menekankan tentang ilmu rukun Islam yang kelima kerana seseorang individu yang menginginkan haji yang mabrur hendaklah mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenainya. Melalui sastera yang berunsurkan keislaman, pengarang memainkan peranan penting untuk menjelaskan kepada khalayak agar mendapat pengetahuan mengenainya. Oleh itu, amatlah penting untuk seorang pengarang mengistimikan diri yakni menyempurnakan diri dengan ilmu-ilmu keislaman terlebih dahulu untuk dimanfaatkan oleh khalayak sekaligus melahirkan masyarakat yang menjurus ke arah kebaikan dan kesejahteraan.

Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil (Sempurna)

Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil iaitu sempurna merupakan prinsip yang terakhir dalam teori Takmilah dan prinsip ini memfokuskan kepada hubung kait sastera dan khalayak yang tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, sastera yang bercorak islamik akan dipenuhi dengan unsur-unsur seperti pendidikan, dakwah, kekudusan, keagungan Tuhan dan sebagainya. Apabila sastera itu sendiri lengkap dan sempurna, justeru dapat membantu khalayak dalam pembentukan insan Kamil. Berikut merupakan bukti pengaplikasian prinsip ini dalam karyanya;

“Kita boleh mengawal lidah kita dengan tidak banyak bercakap dalam hal-hal yang kita kurang arif. Kita boleh menjaga lidah kita dengan tidak banyak berbicara terutama dalam hal-hal yang kita tidak pasti. Nabi berpesan, lebih baik diam daripada berbicara apabila kita berada dalam keadaan begitu.”

(A. Rahman C.M., 2018, p. 51)

Berdasarkan petikan berikut, pengarang hendak menekankan tentang betapa pentingnya untuk kita berdiam diri sekiranya tidak mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu perkara. Oleh itu, jika dilihat dari segi konteks ayat, pengarang telah pun menerapkan unsur pendidikan kerana penulis menggunakan kata ganti nama diri “kita” untuk mengajak khalayak agar sentiasa berkata hal-hal yang benar dan diketahui sahaja bagi mengelakkan daripada bercakap perkara yang tidak berfaedah dan menyesatkan. Saifulazry Mokhtar et al. (2021) berpendapat bahawa kalangan masyarakat kini terlalu petah berkata-kata sehinggakan kata-kata mereka menjurus kepada fitnah dan penyebaran maklumat yang tidak tepat dari fakta asal. Perkara sedemikian seharusnya tidak dipandang enteng kerana firnah yang berleluasa dan penyebaran maklumat yang salah boleh menyebabkan kekacauan dalam kalangan masyarakat kita sekaligus menimbulkan kemurkaan Allah SWT. Oleh hal yang demikian, bagi memastikan ajakan ke arah yang lebih baik lebih berkesan, pengarang menyelitkan pesanan Nabi untuk menggalakkan khalayak mempraktikkan perkara mahmudah ini dalam kehidupan seharian mereka. Rasulullah SAW merupakan seorang insan yang Kamil dan harus dijadikan sebagai contoh ikutan seorang Muslim. Tegasnya, terdapat banyak unsur pendidikan dan dakwah dalam novel yang dikaji dan petikan di atas merupakan salah

satu contoh daripadanya. Penerapan unsur sedemikian dapat membantu khalayak dalam pembentukan insan yang Kamil.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar sememangnya teori yang sewajarnya digunakan untuk seseorang pengkaji meneliti karya-karya Islam. Hal ini bersesuaian dengan hasil perbincangan terhadap novel *Ke Hujung Usia* karya A. Rahman C.M dengan menggunakan teori Takmilah ternyata menghubungkan di antara kehidupan manusia dengan agama Islam. Analisis yang dilakukan terhadap novel tersebut sememangnya mendapati hasil karya sastra tersebut berupaya memberi pengetahuan tentang keagamaan kepada pembaca supaya meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Melalui mesej-mesej keagamaan yang disampaikan oleh pengarang juga jelas digambarkan melalui ketujuh-tujuh prinsip dalam teori Takmilah supaya pembaca dapat mengambil impak dan pengajaran dalam kehidupan mereka agar sentiasa menambah bekalan untuk hari akhirat serta menjadi seorang Muslim yang beriman dan bertakwa. Sara Beden dan Siti Azura Juih (2020) menegaskan bahawa masyarakat Islam pada masa kini perlu diterapkan dengan bahan bacaan yang berunsur ketauhidan, ketakwaan dan keagamaan dengan menyampaikan mesej-mesej yang bermanfaat terhadap kehidupan manusia dunia dan akhirat. Hal ini kerana sesungguhnya manusia itu mudah alpa dan leka dengan kemewahan dunia yang sementara dan mesej-mesej keagamaan dalam novel tersebut dapat menginsafi diri mereka agar menjadi umat Islam yang sentiasa diredhai Allah SWT.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2006). *Tamadun Islam dan tamadun Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Hawassy. (2019). Kajian tauhid dalam bingkai aswaja. *Google Play*.
https://play.google.com/store/books/details/Ahmad_Hawassy_Kajian_Tauhid_dalam_Bingkai_Aswaja?id=_YyNDwAAQBA
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Falsafah pemikiran sastra Islam. *Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*, 5(1), 165-180.
- Al-Akkad & Abbas Mahmud. (1964). *Fi fanni al-Islami*. Dar Al-Maarif.
- Al Quran Al Karim.
- A. Rahman C.M. (2018). *Ke hujung usia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2014). Puisi-puisi Arifin Arif: Satu analisis Takmilah. *MANU*, 20, 81-108.
- Braginsky. I.V. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin. (2017). Teori Takmilah dan Aplikasinya dalam Teks Sastra Melayu. Dlm Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (ed.). *Teori dan kaedah aplikasi dalam karya*, (hlm. 59-73). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Maharam Mamat, Maisarah Yaacob & Norasiah Abdullah. (2012). Tarbiah dalam Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!). *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 13. 125-138

- Mana Sikana. (1997). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mashitah Sulaiman. (2013, Jun 4-5). *Islam dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Suatu Kajian Eksploratori* [Pembentangan Kertas Kerja]. Prosiding International Conference on Social Science Research (ICSSR), Pulau Pinang, Malaysia.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2019). Highlighting human as a servant to God in 'Hari yang bergelar Kematian' Short story: Based on Takmilah theory. *Jurnal Intelek*, 14(2). <https://jurnalintelek.uitm.edu.my/index.php/main/article/view/228>
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Shahril Nizam Zulkipli & Ab. Munir Md. Noh. (2014). Pengaruh Islam dalam perkembangan intelektual di Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 25, 102-116.
- Mokmin Basri. (2012). *Bab 4: Kaedah kajian*. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/283479198 Bab 4 Kaedah Kajian pada 20 Februari 2021](https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian_pada_20_Februari_2021).
- Rosnani Ripin. (2017). *Takmilah novel Seteguh Fikrah Saleha: Karya Aminah Mohktar*. Penerbit Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg & Siti Aida Lukin @ Lokin. (2021). Analisis prinsip-prinsip komunikasi Islam dalam kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 140-156.
- Sara Beden & Siti Azura Juih. (2020, 21-22 Disember). Drama "1400" Noordin Hassan: Analisis Pendekatan Islam. [Pembentangan Kertas Kerja]. Prosiding International Conference on Islamic Education 2020, Anjuran Per Intelektual Muslim Malaysia & JPIM IPGKTAR bertempat di IPGI hal. 262-274.
- Shafie Abu Bakar. (1997). Takmilah: Teori, falsafah dan prinsip. Dlm. Mana Sikana (Pngr.). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin & Adenan Ayob. (2019). Aplikasi teori Takmilah dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu analisis kepimpinan Islam. *International Journal of Islamic, Social, Economics, and Development (IJISED)*, 4(17), 20-30.
- Umairah Shafei. (2020). Isu pertembungan sosial dalam novel *Ke Hujung Usia* berdasarkan teori Konflik Fungsional Coser. *Malay Literature*, 33(2), 243-264.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (1994). Morality and salvation in Malaysia's Islamic literature of the 1970s and '80s. *Akademika*, 45, 79-97.

MANIFESTASI KEJIWAAN DALAM SAMPAH: SATU PENDEKATAN PSIKOLOGI

Nur Aleya Binti Hassan

aleya23-365@epembelajaran.edu.my

Nur Syahira Izzati Binti Marzelan

syahira23-367@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Karya sastera merupakan satu bentuk kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah bahasanya. Karya sastera juga dilihat sebagai wadah dalam menyampaikan emosi, ilusi, pemikiran, ada gejolak batin dan perasaan, pengalaman dan ideologi sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konflik jiwa yang dialami oleh watak *Dia* dalam novel *Sampah* karya Shahnnon Ahmad (2018). Watak *Dia* diambil sebagai sampel kajian berdasarkan kepelbagaian konflik yang dialami dalam meneruskan kehidupannya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus kepada analisis teks berlandaskan teori Psikologi yang dikemukakan oleh Sigmund Freud. Teori Psikologi Sigmund Freud dibahagikan kepada empat kaedah, iaitu kaedah jiwa pengarang dan kepengarangannya, kaedah proses kreatif, kaedah penerokaan aspek kejiwaan dan kaedah hubungan kejiwaan karya dengan pembaca. Hasil dapatan membuktikan bahawa teks sastera ini telah mengaplikasikan keempat-empat kaedah dalam Teori Psikologi. Konflik kejiwaan inilah yang membawa kepada tingkah laku yang positif atau negatif seseorang yang digambarkan pengarang melalui watak *Dia*. Hasil kajian juga menunjukkan kegagalan menggunakan akal untuk berfikir secara logik dan rasional dalam menangani permasalahan mengakibatkan manusia bertindak melakukan perkara yang mendatangkan keburukan kepada diri sendiri sebagaimana yang berlaku pada watak *Dia*. Kesimpulannya, kerangka teori Psikologi ini memperlihatkan kekuatan cara penyampaian pengarang itu sendiri yang mahukan pembaca meneroka dan memahami konflik kejiwaan yang dialami oleh seseorang manusia dalam hasil karyanya.

Kata kunci: *Sampah*, aspek kejiwaan, Teori Psikologi, konflik, kaedah

PENGENALAN

Novel *Sampah* merupakan hasil karya sasterawan negara, Shahnnon Ahmad pada tahun 1974. Novel yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini mempunyai dua cetakan naskah iaitu cetakan pertama pada tahun 1974 dan cetakan kedua pada tahun 2018. Novel *Sampah* adalah berkisarkan kehidupan seorang pengemis iaitu *Dia* yang penuh dengan cabaran. Karya *Sampah* mendedahkan pengalaman hidup seorang pengemis yang sering dipandang rendah oleh masyarakat sekeliling kerana pengemis tidak mempunyai harta benda. Menerusi pembacaan *Sampah*, pembaca bukan sahaja dapat menelusuri kesengsaraan hidup seorang pengemis, malah pembaca juga dapat melihat keadaan masyarakat yang sering mengabaikan persekitaran mereka. Hal ini demikian kerana, kehidupan masyarakat hanya dipenuhi oleh pelbagai kepalsuan yang dicipta sendiri untuk memenuhi kepentingan dan kenikmatan masing-masing. Pengkarya amat kreatif dan mahir dalam menyampaikan unsur idea dan pemikiran berkaitan keruntuhan jiwa dalam kalangan masyarakat sehingga mampu melahirkan persoalan dalam benak para pembaca karya nukilan penulis tersebut.

Karya sastera *Sampah* juga menjadi bukti bahawa Shahnnon Ahmad merupakan seorang pengarang yang amat peka terhadap persekitarannya.

Novel *Sampah* selayaknya dikategorikan sebagai sebuah novel yang sarat dengan unsur-unsur kejiwaan kerana mempamerkan isu-isu, tema dan nilai-nilai kekacauan batin seseorang individu. Sigmund Freud (1972) dalam Nur Farahkhanna (2015) menyatakan bahawa teori Psikologi memperlihatkan tiga sudut pandang yang berbeza iaitu dinamik, ekonomi dan topografi. Dalam hal ini, masalah kejiwaan akan terhasil apabila kehendak luaran manusia yang berlebihan menekan perasaan dalaman. Gangguan batin sebegini berjaya dipamerkan dalam novel *Sampah* iaitu menerusi kejiwaan pengarang dari segi proses kreatif, aspek kecelaruan jiwa watak dan hubungan kejiwaan karya tersebut dengan pembaca. Dalam erti kata lain, hubungan kejiwaan dapat dilihat menerusi tiga perspektif yang berlainan iaitu perspektif seorang pengarang yang kreatif, perspektif watak dan perspektif pembaca novel. Maka, karya *Sampah* ini sememangnya layak dijadikan bahan penelitian kajian bagi menganalisis unsur-unsur psikologi melalui empat kaedah kritikan bagi dalam Teori Psikologi oleh Sigmund Freud ini. Ringkasnya, kajian ini membincangkan aspek-aspek kejiwaan yang terdapat dalam novel *Sampah*.

SOROTAN LITERATUR

Teori Psikologi merupakan sebuah teori yang dipelopori oleh Sigmund Freud pada tahun 1972. Sorotan literatur dalam kajian ini dapat diteliti menerusi kajian yang bertajuk “Konflik Kejiwaan dalam Novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996)” oleh Nur Farahkhanna (2015) mendapati bahawa Sigmund Freud melihat minda seseorang individu melalui tiga sudut pandangan yang utama iaitu dinamik, ekonomi dan topografi. Ketiga-tiga perkara ini mempengaruhi tingkah laku manusia terhadap tindak balas sesuatu peristiwa. Hal ini juga membolehkan manusia membuat pilihan yang baik ataupun buruk ke atas kehendak diri sendiri. Seterusnya, Pipik Asteka (2018) dalam kajiannya yang bertajuk “Kajian Psikologi Sigmund Freud dalam Novel Setetes Embun Cinta Niyala karya Habiburrahman El Shirazy” menyatakan bahawa teori Psikologi merupakan sebuah teori yang digunakan untuk menganalisis batin manusia yang bermula pada alam bawah sedar (*subconscious*). Seseorang manusia akan sering mengalami konflik kejiwaan yang menyebabkannya berada dalam keresahan dan tekanan jiwa. Dalam hal ini, penggunaan teori Psikologi membolehkan analisis konflik batin dilakukan terhadap watak yang terdapat dalam sesuatu karya. Konflik ini terjadi akibat daripada peranan id, ego dan superego bagi watak tersebut.

Hal ini juga bertepatan dengan kajian Rika Endri Astuti, Yant Mujiyanto dan Muhammad Rohmadi (2016) yang bertajuk “Analisis psikologi sastra dan nilai pendidikan dalam novel entrok karya Okky Madasari serta relevansinya sebagai materi pembelajaran sastra di sekolah menengah atas” yang mendapati bahawa teori Psikologi dalam karya adalah bertujuan untuk meneliti konflik batin yang terkandung dalam karya sastera dari sudut pandang seorang pengarang, watak mahupun pembaca. Hal ini jelas menunjukkan bahawa karya sastera sememangnya mempunyai perkaitan yang jelas dengan unsur psikologi. Kajian ini selaras dengan dapatan kajian Jesicha Laura (2012) yang bertajuk “Penyimpangan Kejiwaan Tokoh Nedena dalam Novel Dadaisme karya Dewi Sartik”. Hasil dapatan tersebut ialah karya sastera berhubungan dengan segala aspek kehidupan, termasuklah ilmu psikologi. Seorang pengkarya berperanan penting bagi menghasilkan perwatakan bagi watak dalam novel. Maka, ilmu psikologi perlu dititikberatkan supaya karya yang terhasil mempunyai aspek kejiwaan yang padu dan memberi kesan mendalam kepada orang lain.

Selain itu, Ririn Setyorini (2017) dalam kajiannya yang berjudul “Analisis Kepribadian Tokoh Marni Kajian Psikologi Sigmund Freud dalam Novel Entrok Karya Okky Madasari” mendapati bahawa teori Psikologi membolehkan seseorang memahami unsur-unsur kejiwaan yang terkandung di dalam karya sastera. Unsur kejiwaan ini akan menjadi penentu kepada tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang individu. Dari sisi sastera pula, teori Psikologi menjadi suatu pendekatan yang tepat, sesuai dan berkesan dalam merungkai keperibadian dan kejiwaan watak-

watak yang dipaparkan dalam karya. Dalam erti kata lain, pengarang perlu mempunyai tahap kekreatifan dan imaginasi yang tinggi untuk menghidupkan watak-watak tersebut.

Secara ringkasnya, teori Psikologi amat relevan diaplikasikan untuk mengenal pasti aspek psikologi yang terkandung dalam sesuatu karya sastera. Apabila analisis karya ini dilakukan, maka seseorang itu dapat menyelami kejiwaan yang wujud dalam karya. Hal ini juga menjadi panduan dan pengajaran untuk sentiasa menyemai nilai empati dalam jiwa masing-masing agar tidak menyakiti orang lain. Dengan adanya penelitian menggunakan teori tersebut, maka pemahaman dan tafsiran terhadap karya dapat dilakukan dari sisi psikologi. Justeru, kajian ini adalah berfokuskan kepada novel *Sampah* karya Shahnnon Ahmad sebagai data utama untuk menganalisis nilai kejiwaan yang wujud dalam karya sastera tersebut.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai aspek kejiwaan yang terdapat dalam novel *Sampah* karya Shahnnon Ahmad (2018) secara terperinci dengan menggunakan Teori Psikologi.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Kajian ini dilakukan dengan kerangka teori Psikologi yang dikemukakan oleh Sigmund Freud pada tahun 1972 sebagai landasan utamanya. Teori Psikologi yang dikemukakan oleh Sigmund Freud, seorang tokoh yang terkenal dengan ilmu psikoanalisisnya. Teori ini diperkenalkan adalah berdasarkan hasil penyelidikannya yang mendapati bahawa diri manusia mempunyai pelbagai kesedaran, lapisan perasaan dan pemikiran dan menembusi alam batiniah seseorang manusia. Oleh hal yang demikian, teori Psikologi dilihat sangat relevan dalam mengkritik karya-karya sastera itu sendiri. Merujuk kepada konsep ‘psikologi’ yang diistilahkan melalui dua perkataan, iaitu ‘psyche’ dan ‘logos.’ Perkataan ‘psyche’ yang dimaksudkan oleh Aristotle adalah intipati kehidupan yang dikatakan sebagai jiwa dalam bahasa seharian. ‘Logos’ pula merujuk kepada ilmu atau sains. Menurut Ma’rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2004), psikologi merujuk kepada sains atau ilmu yang mengkaji berkaitan dengan jiwa manusia. Jika dikhususkan lagi, psikologi merupakan satu ilmu yang akan mengkaji tingkah laku dan proses mental seseorang. Maka, teori Psikologi ini sangat penting dalam dunia kesusasteraan kerana Sigmund Freud (1972) mendapati bahawa manusia banyak dikuasai oleh alam batinnya tersendiri. Dari situ, teori ini akan dipraktikkan dalam penerokaan ke alam batin dan dalaman manusia untuk memahami kemanusiaan dan sikapnya.

Sigmund Freud (1972) membahagikan teori Psikologi kepada empat kaedah kritikan. Berikut merupakan rajah 1 berkenaan dengan 4 kaedah kritikan dalam penerapan teori Psikologi.



Rajah 1: Teori Psikologi

Kaedah pertama dalam teori Psikologi ialah kaedah jiwa pengarang dan kepengarangannya. Kaedah ini merujuk kepada cita-cita, dorongan, motivasi mahupun keinginan seseorang pengarang dalam karyanya. Hal ini demikian kerana, sesebuah karya sememangnya lahir daripada dorongan hasrat, refleksi dan tunjangan peribadi pengarang sewaktu proses mencipta. Melalui pembacaan sesebuah karya sastera, pembaca mampu mengenal pasti dan menganalisis setiap aspirasi, cita-cita dan keinginan pengarang dalam karyanya yang telah memberi kesan dari aspek pemikiran, mesej yang ingin disampaikan serta tujuan utama karya tersebut dihasilkan. Menurut Abd. Rahim Ismail dan Khairuddin Mohamad (2017), teori Psikologi akan menghubungkan unsur-unsur dalaman atau kejiwaan watak-watak yang hadir dalam sesebuah karya. Melalui karya sastera, rahsia seseorang pengarang dapat ditanggapi termasuklah riwayat hidup dan peristiwa penting yang sedikit sebanyak membentuk peribadi dan personalitinya. Justeru, kaedah jiwa pengarang dan kepengarangannya adalah sebagai satu penerokaan karya dengan menyorot dan meneroka jiwa seseorang pengarang itu sendiri melalui karya yang dihasilkan.

Kaedah proses kreatif merupakan kaedah kedua dalam penerapan teori Psikologi. Kaedah ini bertindak untuk meneliti penggarapan gagasan idea pengarang dengan mengemukakan dua persoalan iaitu ‘adakah pengarang berada dalam suasana neurosis’ atau juga ‘adakah pengarang berada dalam keadaan psikosis.’ Kaedah proses kreatif biasanya digunakan oleh pengarang dalam penulisan bertujuan untuk memenuhi keperluan batin yang tidak dapat diekspresikan dalam dunia nyata. Kebiasaannya, pengarang akan ‘menghidupkan’ watak hero mahupun heroin sebagai jelmaan atau cerminan diri pengarang yang sebenarnya. Dari situ, pengarang akan mencipta pelbagai suasana seperti suasana resah, gelisah, kekacauan jiwa, rindu yang tak terhingga, kecelaruan fikiran membolehkan munculnya idea-idea bernas dalam karya yang dihasilkannya. Oleh itu, proses kreatif digunakan untuk mengekspresikan perasaannya dalam dunia yang sebenarnya.

Kaedah ketiga merupakan kaedah penerokaan aspek kejiwaan. Kaedah ini menonjolkan watak sebagai inti karya dan pengkritik haruslah mentafsir aspek kejiwaan dari watak perwatakan dan unsur-unsur kejiwaan yang lain. Maka, pengamatan dan penganalisan hendaklah dibuat secara mendalam dan holistik dalam sesebuah karya sastera dengan mengemukakan contoh dan bukti yang kukuh. Hal ini demikian kerana, kejayaan menyoroti dan menganalisis jiwa watak adalah kejayaan sesebuah karya berdasarkan pendekatan teori Psikologi. Penelitian kaedah ini dibuat berdasarkan tindakan-tindakan watak dari segi perlakuannya yang abnormal, normal, bermoral, immoral, gejala jiwa, naluri, gerak hati mahupun hanya niat semata-mata. Justeru itu, segala aspek dorongan, motivasi mahupun rangsangan yang membawa perubahan jiwa seseorang manusia akan dianalisis secara menyeluruh menerusi unsur Id, ego dan superego. Lebih-lebih lagi, rasa keinginan merupakan perasaan naluri yang lahir dalam jiwa secara semulajadi atau fitrah dan merupakan naluri yang berhubung dengan id, ego dan superego. (Mohd Fadzil Baharudin et.al, 2017)

Kaedah keempat dalam teori Psikologi ialah kaedah hubungan kejiwaan karya dengan pembaca. Kaedah ini akan meneliti kesan dan hubungan kejiwaan antara sesuatu karya dengan pembaca. Sesebuah karya yang baik akan meninggalkan kesan dan pengaruh membolehkan pengajaran dapat diterapkan dalam diri khalayak pembaca. Misalnya, setelah membaca karya sastera tersebut, pembaca akan terkesan dengan karya yang dibaca mereka seperti terbawa-bawa perasaan dengan situasi pilu, emosi sedih, sayu mahupun tidak berpuas hati atau juga pembaca tertanya-tanya akan kesudahan jalan cerita yang diketengahkan oleh seseorang pengarang tersebut. Oleh itu, karya yang meninggalkan kesan dan pengaruh akan memberikan pengajaran dan bertindak sebagai unsur didaktik.

METODOLOGI

Kertas kerja ini merupakan kajian yang berdasarkan kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kaedah kualitatif mempunyai dapatan data yang tersendiri, iaitu data diperoleh daripada kaedah temu bual, dilaksanakan melalui

pemerhatian atau juga dilakukan pengumpulan data melalui analisis dokumen. Maka, kajian ini adalah berorientasikan kepada penganalisisan dokumen-dokumen bertulis. Kajian ini juga melibatkan kaedah kepustakaan untuk mengumpul maklumat dan bahan-bahan makalah seperti buku, majalah, kertas-kertas kajian dan latihan ilmiah. Menurut Noraini Abd. Shukor (2016), kaedah kualitatif merangkumi pemerolehan data dan pemprosesan data. Kaedah ini digunakan untuk membuat analisis terhadap sebuah novel *Sampah* dari aspek kejiwaan melalui pendekatan teori Psikologi. Data yang diperoleh daripada analisis novel tersebut kemudiannya akan diproses dan dirungkaikan aspek kejiwaannya. Kemudian, pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* secara berperingkat-peringkat terhadap novel *Sampah* akan dilaksanakan. Teknik bacaan ini membolehkan pengkaji karya mendapatkan perincian atas fakta-fakta yang dikemukakan, memperoleh idea-idea utama, memperoleh informasi tambahan dalam pembacaan sesebuah karya sastera untuk menghasilkan satu kajian yang berkualiti. Novel *Sampah* dibaca secara mendalam, teliti dan menyeluruh berdasarkan watak dan peristiwa-peristiwa dalam novel tersebut dengan menggunakan teori Psikologi Sigmund Freud (1972).

DAPATAN

Berdasarkan analisis novel *Sampah* hasil karya Shahnnon Ahmad, didapati bahawa penggunaan teori Psikologi adalah amat signifikan dalam novel. Justeru, dapatan analisis menunjukkan pengaplikasian keempat-empat kaedah dalam teori Psikologi. Berikut merupakan dapatan analisis tersebut:

Jadual 1

Dapatan Analisis Teks Novel Sampah Karya Shahnnon Ahmad

Teori Psikologi	
Jiwa pengarang dan kepengarangannya	✓
Proses kreatif atau penciptaan	✓
Penerokaan aspek kejiwaan	✓
Hubungan kejiwaan karya dan pembaca	✓

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan jadual, pengaplikasian teori Psikologi dalam novel *Sampah* adalah amat signifikan. Analisis yang dilakukan menunjukkan penggunaan keempat-empat kaedah kritikan dalam teori Psikologi iaitu jiwa pengarang dan kepengarangannya, proses kreatif atau penciptaan, penerokaan aspek kejiwaan serta hubungan kejiwaan karya dan pembaca. Penerapan kesemua pengkaedahan ini memberikan kekuatan dari segi nilai kejiwaan yang wujud dalam novel *Sampah* karya Shahnnon Ahmad.

Jiwa Pengarang dan Kepengarangannya

Jiwa pengarang dan kepengarangannya merupakan kaedah pertama yang diterapkan melalui teori Psikologi. Menerusi kaedah ini, gagasan idea dan keinginan pengarang ditonjolkan secara jelas dalam karya yang dihasilkan oleh pengarang. Justeru, setiap pengarang mempunyai cara tersendiri

dalam setiap penulisan mereka, tidak terkecuali juga penulisan Shahnnon Ahmad dalam karyanya *Sampah* (2018). Shahnnon Ahmad dikenali sebagai sasterawan negara yang mempunyai gaya naratif tersendiri yang berjaya memaparkan dorongan, cita-cita dan keinginannya. Buktinya melalui karya-karya yang pernah dihasilkan beliau seperti *Rentong* (1965), *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), dan *Sampah* (2018). Novel-novel tersebut dihasilkan menampilkan corak pemikiran Shahnnon Ahmad yang bertindak berani dalam bersuara berkaitan dengan isu-isu kemasyarakatan. Shahnnon Ahmad menjadikan penulisan karya sebagai salah satu medium utama untuk membantu masyarakat yang terpinggir supaya mereka dapat menikmati kemajuan seperti yang dikecapi oleh orang lain. Kesannya, khalayak telah mengetahui kesukaran dan nasib malang golongan yang terpinggir ini. Sebagai contohnya, dalam novel *Retong* (1965) memaparkan kehidupan masyarakat desa yang memerlukan pembangunan, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) pula memaparkan kehidupan sebuah keluarga pesawah yang sangat ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi terkini, dan novel *Sampah* (2018) turut memaparkan perjalanan kehidupan seorang pengemis yang terabai yang hanya mengemis sebuah keabadian (kematian). Hal ini membuktikan bahawa Shahnnon Ahmad adalah seorang yang sangat berani bersuara dalam menyuarakan ketidakpuasan hatinya terhadap ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat. Jiwa pengarang dan kepengarangan Shahnnon Ahmad jelas dapat dilihat dalam bukti yang dikemukakan di bawah.

Tetapi, itu cuma kepercayaan palsu. Dia amat bencikan kepalsuan. Yang diyakini ialah kebalikannya. Dialah kenikmatan; kenikmatan yang dihimpit oleh deraan hidup.

(Shahnnon Ahmad, 2018, p.3)

Berdasarkan bukti tersebut, watak *Dia* sentiasa melihat keadaan sebenar masyarakat yang sibuk mengejar kenikmatan di dunia walaupun terpaksa hidup dalam situasi yang terisi penuh dengan drama dan kepalsuan semata-mata. Kesannya, tingkah laku masyarakat akan semakin berubah ke arah keburukan dan kejahatan kerana mereka akan menganggap bahawa kekayaan merupakan nikmat yang paling masyhur yang perlu dicapai oleh seseorang. Maka, fenomena ini telah mendorong pengarang untuk menghasilkan novel *Sampah* yang menjadi cerminan kehidupan bermasyarakat yang penuh dengan kepincangan dan kekhilafan dari segi sosial. Justeru, sikap dan personaliti Shahnnon Ahmad yang berani memaparkan fenomena ini telah membuka mata khalayak tentang kecacatan norma-norma kehidupan masyarakat. Shahnnon Ahmad dalam karyanya telah menyedarkan banyak mata-mata yang selama ini 'buta' dengan realiti kehidupan masyarakat pada hari ini. Pengarang itu sendiri mempunyai cita-cita yang tinggi dalam memotivasikan khalayak untuk terus berubah ke arah yang lebih positif demi pembangunan kehidupan bersama yang sempurna.

Shahnnon Ahmad adalah seorang yang peka terhadap keadaan di sekelilingnya. Sikapnya yang suka memerhati gelagat-gelagat manusia dan persekitarannya telah diterjemahkan menerusi ketajaman mata penanya yang digambarkan dalam novel *Sampah* (2018). Kepekaannya yang tinggi membolehkan dirinya dapat 'menghidu' akan setiap perubahan-perubahan negatif yang berlaku dalam bermasyarakat. Maka, sikap Shahnnon Ahmad yang peka dengan perubahan yang berlaku di sekelilingnya telah dipantulkan pengarang melalui watak *Dia*. Watak *Dia* diungkapkan Shahnnon Ahmad sebagai cerminan dirinya dalam mengekspresikan kejiwaan beliau tentang kepincangan yang semakin hari semakin membarah dalam masyarakat pada hari ini. Oleh itu, pengarang paparkan kejiwaannya menerusi watak *Dia* yang sangat suka memerhati keadaan dan masyarakat yang ada di sekelilingnya. Pembuktiannya adalah seperti berikut:

Jeritan kereta-kereta yang berbuntut-buntut sepanjang jalan baru kini terdengar olehnya. Dia membeliikkan mata melihat menerusi kereta-kereta yang berjejal itu

bagai dipukau. Bangunan, entah wisma apa, menggaru langit. Tingkap-tingkapnya berkaca bersih, bertirai kain berwarna macam-macam. Di bahagian bawah terkibar-kibar kain-kain tiga segi. Ada ternampak seorang gadis mongel berseluar sendat bertali pinggang besar mengulum aiskrim. Mulunya muncung. Dan lidah sekali-sekala menojah keluar memalit busa liur yang meleleh di juring-juring bibir.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.2)

Dia melihat keliling mencari juga sesuatu kalau-kalau ada yang terbaring di bumi. Beberapa helai kertas terloncat-loncat dipukul angin tak tetap. Dua puntung rokok terpenyek dipijak tumit sepatu. Tak ada juga sesuatu yang sampai hati ditelan. Dia meliar mencari sekeliling. Daun-daun di pokok ada yang gugur. Tetapi, cepat terbang jatuh dipukul angin tak senonoh.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.11)

Agak jauh di seberang jalan tiga orang buruh kasar sedang memolok nasi taruh atas. Sekali mulut dibuka dengan luas, sekali pula nasi yang berkuah serbaneka ditolak masuk. Dia tahu. Nasi yang lembik itu dikunyah-kunyah dan ditelan. Dan lama -kelamaan perut pun sendat. Dia dapat merasai bagaimana mereka akan memilih lauk-lauk yang enak. Jari akan menggetis lauk-lauk itu. Tulang-tulang akan dikais-kais ke tepi pinggan. Jari akan menjadi lumpur sekejap. Dan sekaligus nasi yang digauli itu dikepal-kepal.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.89)

Shahnon Ahmad juga memaparkan konflik jiwa yang dialami oleh *Dia*. Watak *Dia* mengalami kecelaruan fikiran dalam menentukan matlamat dirinya sendiri menyebabkan hatinya sentiasa berbolak-balik dalam menetapkan sesuatu perkara yang pasti. Maka, *Dia* mula menetapkan bahawa sesiapa yang memiliki sesuatu benda atau kemewahan merupakan satu deraan semata-mata dan mereka bukannya memperoleh keabadian yang nyata. Mereka yang mempunyai sesuatu hanyalah deraan yang akhirnya menjadi cebisan-cebisan kecil yang kosong nilainya. *Dia* merasakan bahawa orang-orang di sekelilingnya adalah deraan yang menjalani kehidupan dengan sarat kepalsuan duniawi yang hanya sebentar cuma. Berikut merupakan bukti bahawa mereka yang memiliki 'sesuatu' adalah cebisan deraan hidup yang diambil dalam novel *Sampah*:

Seharusnya dia perlu bersikap tegas di mana sahaja dia berada; baik di luar berbumbungkan langit dan berdinginkan udara ataupun di dalam kamar yang nyata begini. Dia wajib berpegang teguh pada hakikat bahawa memiliki sesuatu adalah deraan.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.69)

Proses Kreatif atau Penciptaan

Dapatan juga menunjukkan penerapan kaedah kedua iaitu kaedah proses kreatif yang terkandung dalam novel *Sampah*. Shahnon Ahmad menghasilkan karya *Sampah* secara sedar (*conscious*), separa sedar (*subconscious*) dan tidak sedar (*unconscious*). Keadaan ini telah mencipta pelbagai suasana seperti gelisah sehingga munculnya idea-idea bernas pengarang. Perkara ini membolehkan pembaca melihat aspek-aspek kejiwaan menerusi watak *Dia* yang berputus asa dengan kehidupan dan tidak menginginkan apa-apa kemewahan melainkan *Dia* mahukan sebuah keabadian yang kekal. *Dia* sering memerhati sikap manusia yang semakin lama semakin jahil. *Dia* berani menegur perbuatan-perbuatan keji yang dilakukan oleh manusia-manusia lain.

Kedua-dua makhluk di atas bangku bertambah kaget. Sedar kini bahawa di depan mereka itu benar-benar benda bernyawa.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.15)

Watak *Dia* juga selalu memendam perasaan rindu terhadap ibunya yang telah meninggal dunia semasa *Dia* masih kecil lagi. Namun, *Dia* tidak menunjukkan perasaan kerinduannya itu kepada orang lain. Kesannya, *Dia* semakin hilang arah dalam kehidupannya.

Dan sejak ibu menemui keabadian, perjalanan diteruskan sebatang kara. Soal perjalanan pun bermulalah lagi. Sejak itulah soal sebab dan akibat tidak pernah diperhitungkan lagi. Sudah tidak perlu lagi. Kalau terasa berat kelopak mata, baring saja di situ. Kalau diusir, bangun dan meneruskan perjalanan. Baring lagi. Usir lagi. Pergi lagi. Sekarang hanya kesamaran dan kekaburan menangkup kenangan. Amat banyak dan berliku-liku pula untuk dikenang.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.38)

Apabila *Dia* bertindak memendam perasaan tanpa meluahkannya, maka konflik batin akan bergelojak tetapi *Dia* memilih untuk tersimpan dalam dirinya. Situasi tersebut dipanggil sebagai “sublimasi” kerana hanya pembaca sahaja yang akan mengetahuinya. Melalui kaedah proses kreatif ini, pengarang banyak menggunakan teknik-teknik penceritaan bagi memaparkan gambaran situasi-situasi dengan lebih berkesan.

Ya! Inilah aku Tidak ada. Kosong. Miskin. Papa. Nol. Pakum. Itulah aku. “He! He! He!”

(Shahnon Ahmad, 2018, p.27)

Aku tidak meminta belas kasihan daripada sesiapa lagi. Kamu semua sebenarnya meminta belas kasihan daripada aku. Kau semua mengemis keabadian. Aku sudah ada keabadian itu. Kalau kau semua tergerak perasaan dan sampai hati mengatakan aku ini seorang pengemis, memang kau semua kurang ajar. Benar kini aku kembali tidak mempunyai keabadian itu, tetapi sekurang-kurangnya dalam khayalan dan igauan keabadian itu menjadi nyata. Seluruh hidupku ini kebahagiannya menjelma dalam khayalan dan igauan. Jangan sesiapa menaruh harapan belas kasihan kepada aku. Aku tidak meminta itu. Aku tidak mengemis itu. Aku ialah kekosongan. Aku bahagia berkhayal dan berigau dalam kekosongan serta kemiskinan aku ini. Jangan siapa rampas khayalan dan igauan aku selama ini. Jangan siapa cuba merentap kemiskinan aku yang aku bawa selama ini.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.50-51)

Aku tidak mahu dibebaskan. Aku mahu dipenjarakan. Aku ingin kebebasanku dalam kurungan ciptaan kau.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.61)

Bukti-bukti tersebut menunjukkan teknik monolog dalaman yang digunakan oleh pengarang dalam novel *Sampah*. Penggunaan teknik monolog dalaman ini membolehkan watak *Dia* meluahkan perasaan yang terbuku jauh di dasar hatinya. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang ada kalanya berada dalam situasi conscious dan kadang kala, pengarang berada dalam keadaan subconscious. Monolog didefinisikan sebagai percakapan yang agak panjang oleh seorang

penutur sahaja. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Merujuk kepada pembuktian penggunaan teknik monolog dalaman dalam *Sampah*, pada halaman 27 menunjukkan suara hati *Dia* yang mengatakan bahawa dirinya tidak punya apa-apa yang boleh dibangga-banggakan. Justeru, pada halaman 50-51 pula menggambarkan keluhan yang diluahkan oleh *Dia* bahawa dirinya hanya seorang pengemis. Tetapi *Dia* sebenarnya tidak mengharapkan bantuan mahupun belas kasihan serta ihsan daripada orang lain. *Dia* mampu berjuang seorang diri untuk mencapai keabadian yang didamba-dambakan selama ini. Halaman 61 juga memaparkan rungutan *Dia* apabila pihak polis bertindak membebaskannya daripada kurungan penjara. Bagi *Dia*, *Dia* suka berada di dalam penjara bagi mempercepatkan proses keabadian yang dicari-carinya lebih-lebih lagi, di penjara semuanya adalah percuma; makan minum dihidangkan di hadapan mata, tempat tinggal diberikan dan *Dia* tidak lagi diusir bagai anjing kurap oleh orang yang lalu lalang di kaki lima.

Teknik penceritaan yang kedua ialah deskripsi fikiran yang memberi kebebasan kepada *Dia* untuk berkhayal dan terus berkhayal. Contoh yang dapat dilihat pada halaman 24 apabila *Dia* bercita-cita untuk mencapai keabadian dengan menamatkan kehidupannya di dunia. *Dia* berhalusinasi dengan memikirkan dirinya berada di tengah-tengah jalan raya, terjun ke dalam laut dan terjun daripada bangunan yang tinggi. Teknik deskripsi fikiran ini menyampaikan perasaan dan tekanan batin yang dialami oleh *Dia* sehingga *Dia* ingin membunuh dirinya. Dalam konteks ini juga, pengarang sebenarnya berada dalam situasi subconscious menyebabkan *Dia* berkhayal supaya cita-citanya dapat dicapai. Bukti penggunaan teknik deskripsi fikiran tersebut dikukuhkan lagi dengan contoh petikan yang diambil dalam novel *Sampah*.

Dia boleh melangkah keluar dari daerahnya dan terus melakukannya. Pasti segala yang menghimpit hidupnya akan lenyap. Paling mudah waktu itu ialah meluru ke jalan raya dan terus tidur atau lintas saja waktu kereta-kereta mengejar setan. Atau terus saja terjun ke dalam laut sampai hidung tak terdaya lagi menjadi alat saluran udara keluar masuk. Atau daki saja bangunan itu dan layangkan badan sehingga tersembam ke bumi. Di mana-mana saja bangunan yang tinggi-tinggi terdapat kecuali dalam daerah ciptaan khayalannya. Orang sekarang terlalu gila dan mabuk membuat bangunan.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.24)

Deskripsi fikiran juga jelas ditunjukkan oleh watak *Dia* pada halaman 62 menerusi novel *Sampah*. *Dia* mengatakan bahawa jika orang lain tidak dapat memahami apa yang dirasainya, maka apa yang boleh dilakukannya adalah bertindak untuk menimbulkan suasana kekacauan mahupun kekalutan. Dari situ, orang lain akan cuba memahami apa yang ingin disampaikan melalui tindakan. Deskripsi fikiran ini bertujuan untuk mengeksperisikan perasaannya terhadap alam realiti melalui tindakan luar kawal yang ditunjukkan oleh *Dia*. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2001), kegagalan menjadi insan yang baik menyebabkan mereka tidak akan mampu memperkembangkan diri ke arah kesempurnaan diri akibat desakan hidup yang akan mendorong mereka melakukan perkara-perkara negatif dan immoral. Buktinya, *Dia* bertindak kasar dengan menghentak meja dengan kedua-dua belah penumbuk tuanya sebagai tanda protes apabila ketenteraman daerahnya diganggu oleh orang lain. *Dia* juga melompat ke sana sini dengan menghayun tangannya bagaikan orang hilang kewarasan diri. Bagi *Dia*, *Dia* akan menimbulkan kekacauan supaya *Dia* boleh menemui keabadiannya dengan percuma semasa dalam kurungan kelak.

Dia lantas jadi berang. Kalau sulit memahami perasaannya tak ada jalan lain baginya selain menimbulkan ke huru-haraan dan kekacauan. Kalau dia ditangkap kerana membuat kacau, tak ada jalan lain lagi untuk mendapat kebebasan dalam

kurungan itu selain membuat kacau. Hanya kekacauan boleh menjamin kebebasannya dalam kurungan.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.62)

Teknik penceritaan yang ketiga ialah teknik mimpi. Teknik mimpi menjadi manifestasi dalaman seseorang tanpa sedar. Unsur mimpi dapat dilihat menerusi watak *Dia* yang bermimpi tentang anggota badannya yang tercabut satu persatu daripada kedudukan asal kemudiannya dilontar ke dalam lautan. Namun, mimpinya bukan sekadar mimpi kerana pada akhirnya, mimpi *Dia* menjadi kenyataan apabila *Dia* mati dalam keadaan yang sangat tragis iaitu *Dia* mati berdekatan dengan tong sampah dan longkang yang kotor penuh dengan sisa-sisa buangan.

Satu persatu dicabut dan dilontar jauh-jauh keluar daerahnya. Sekali gus jari kelengkeng direntap dan dibaling hampir-hampir melayah masuk laut. Terlalu lambat. Kedua belah kaki termasuk betis dan paha direnggang. Terpisahlah umbi paha dengan punggung. Dicampaknya jauh-jauh. Kepala dicabut serentak. Biar mata, hidung, mulut, telinga, gigi, dagu dan segala serpihan lain bertautan di situ.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.26)

Berdasarkan bukti tersebut, *Dia* sentiasa mengalami mimpi-mimpi buruk berikutan daripada limpahan emosi terhadap situasi yang kurang menyenangkan yang menimpa dirinya. *Dia* sebenarnya mengemis keabadian yang nyata, namun dalam mimpi tersebut adalah sebaliknya, iaitu *Dia* tidak segan silu mengemis harta benda dan mendamba-dambakan kekayaan bukannya mengemis sebuah keabadian yang diimpi-impikan *Dia*. Maka, *Dia* sentiasa berada dalam keadaan gusar dan tidak tenang berikutan daripada mimpi-mimpi yang dialaminya. Berikut merupakan bukti mimpi buruk yang dialami oleh *Dia*:

“Kau hanya kosong harta benda. Lihat kulitmu. Berdaki dan berlumut. Lihat pakaianmu. Rabak dan busuk. Lihat tanganmu. Terketar-ketar menghulur mengemis harta benda. Lihat matamu. Merah dan bengkak merindukan kekayaan.”

(Shahnon Ahmad, 2018, p.74)

Teknik halusinasi merupakan teknik penceritaan yang keempat yang telah dikenalpasti terdapat dalam novel *Sampah*. Teknik halusinasi bertindak menonjolkan kejiwaan watak kerana tekanan yang teruk iaitu berada pada tahap psikosis. Watak *Dia* selalu berhalusinasi tentang kejayaan manusia yang berjaya menemui puncak kehidupan seseorang manusia (ajal). *Dia* merasakan manusia yang berjaya mencapai hal itu adalah manusia yang paling bertuah. Bukti ini dapat dilihat pada halaman 8 yang berikut:

Bertuah! Paling bertuah dia! Terasa olehnya satu kenikmatan yang paling tinggi darjatnya apabila menyedari roh sudah cabut lari ke alam barzakh menunggu keabadian.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.8)

Dia berada dalam dunia khayalan ciptaannya sendiri menyebabkan *Dia* mulai keliru antara realiti dan halusinasi. *Dia* sentiasa berada dalam dunia halusinasi menyebabkan *Dia* terbayang-bayang sesuatu yang mustahil untuk terjadi. Pergolakan jiwa yang kuat dan perasaan tidak puas hati, geram, juga kecewa yang dipendam *Dia* selama ini menyebabkan *Dia* sentiasa berhalusinasi dengan sesuatu yang belum pasti benarnya. Misalnya, *Dia* berhalusinasi bahawa *Dia* mempunyai hak yang mutlak dalam memberikan keabadian (kematian) kepada orang yang memiliki harta benda

di dunia ini. Bagi *Dia*, orang lain yang mempunyai harta benda dan kekayaan semuanya hidup dalam penuh kepalsuan dan kepura-puraan. Tidak seperti dirinya yang hanya mengemis menuntut sebuah keabadian. Berikut merupakan pembuktiannya:

“Bunuh! Bunuh!” Seribu pengemis, entah dari mana datangnya, terasa berdiri di belakangnya. Masing-masing menghulur tangan terketar-ketar macam pancang tengah arus menunggu perintah darinya. Dia boleh memberi perintah itu serta-merta. Seribu pengemis dengan tangan terhulur akan menumbangkan segala pokok-pokok dan bangunan-bangunan. Segala manusia lain yang bukan pengemis, yang memiliki harta benda akan diratah dan dibaham sehingga tertumpu tulang. Dengar! Jeritan mereka menerawang ke setiap relung udara. Lihat! Mereka sudah berkaperan di bumi. “Bunuh! Bunuh!”

(Shahnon Ahmad, 2018, p.84-85)

Penerokaan Aspek Kejiwaan

Penerokaan aspek kejiwaan merupakan kaedah yang ketiga dalam teori Psikologi. Menerusi kaedah ini, konflik jiwa seseorang dianalisis berdasarkan tiga unsur utama iaitu unsur id, ego dan superego. Siti Rokhana (2009) mendefinisikan id sebagai pusat bawah sedar fikiran manusia yang wujud untuk membolehkan individu tersebut mencapai kepuasan masing-masing. Ego pula diertikan sebagai pusat separa sedar fikiran manusia yang bertindak balas dengan kehendak id. Tindak balas tersebut boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu sama ada berbentuk positif ataupun negatif dalam memenuhi keinginan dan dorongan tersebut. Manakala, superego bermaksud pusat minda sedar manusia yang membolehkan manusia berfikir secara logik dan jelas tentang faedah dalam memenuhi kehendak id. Dalam erti kata lain, superego ini adalah bersifat evaluatif. Oleh itu, unsur id, ego dan superego ini mempunyai perkaitan yang jelas antara satu sama lain yang akhirnya menyumbang kepada gejala psikologi dalam diri seseorang.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap novel *Sampah* karya Shahnon Ahmad, terdapat banyak peristiwa yang membuktikan bahawa penerokaan aspek kejiwaan amat signifikan penerapannya. Hal ini ditonjolkan menerusi watak *Dia* dalam novel *Sampah* yang mempunyai kecelaruan kejiwaan kronik. Watak *Dia* merupakan watak protagonis kerana *Dia* berperanan membawa audiens meneroka tema dan persoalan utama (Asilah Kamisin dan Imelda Ann, 2020). *Dia* mempunyai unsur kejiwaan yang lebih bersifat negatif kerana *Dia* telah mengalami banyak siri peristiwa buruk yang mengubah hidupnya. Konflik yang berlaku telah menyebabkan id *Dia* iaitu kehendak dalamannya menginginkan kematian ke atas dirinya sendiri. Manakala, kehendak luarannya pula mahu menyaksikan hidup masyarakat berubah ke arah kebaikan dan bukannya hidup dengan penuh kepalsuan serta ketaksuban terhadap dunia semata-mata. Id ini berpunca daripada beberapa peristiwa gelap *Dia* dan ibunya yang terpaksa hidup sebagai seorang pengemis di ibu kota. Berikut merupakan bukti yang telah berjaya menimbulkan gejala id dalam diri *Dia*:

Dia kurang pasti sejauh mana sudah perjalanan itu dan sebanyak mana pula malapetaka ditempuh. Hidupnya sendiri boleh disimpulkan sebagai satu perjalanan yang banyak simpang pukangnya. Sedar-sedar dia sudah berada di kepala titi entah di mana bersama-sama ibunya yang bermuka sulah. Mulai dari situlah ibunya yang bermuka sulat memulakan perjalanan tanpa hujung ini. Di kepala titi itu tersepuk hampir satu tahun. Di situlah tangannya mula menadah. Di situlah kekosongan mulai terasa.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.37)

Kemudiannya, ibu meninggal waktu di sudut kaki lima yang sibuk. Orang banyak datang melihat. Kemudian, ibu dibawa pergi entah ke mana. Dan sejak ibu

menemui keabadian, perjalanan diteruskan sebatang kara. Soal perjalanan pun bermulalah lagi. Sejak itulah soal sebab dan akibat tidak pernah diperhitungkan lagi. Sudah tidak perlu lagi.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.38)

Berdasarkan bukti-bukti ini, tragedi malang yang menghempap *Dia* dan ibunya telah menyebabkan hidup *Dia* semakin hilang arah tujuan. Selain itu, id ini juga berpunca daripada sikap masyarakat di ibu kota yang dibelenggu dengan kehidupan penuh kepalsuan sehingga ia menyiksa jiwa mereka kerana perbuatan diri sendiri. Kehidupan sebegini telah membentuk sikap immoral masyarakat yang dapat dilihat apabila tiada sifat-sifat kemanusiaan dalam diri terhadap orang lain. Kerakusan id *Dia* telah memperlihatkan gejalak kejiwaan yang sakit dan terganggu akibat tingkah laku manusia sehingga ia memasuki alam kerisauan neurotik. Kesannya, *Dia* menginginkan sesuatu yang melampau. Kehendak ini memperlihatkan bahawa *Dia* merupakan insan yang sakit batinnya kerana kemahuan yang abnormal. *Dia* hanya akan memperoleh kepuasan jika keinginannya yang melampau ini dapat dicapai. Berikut merupakan bukti tersebut:

Aku ingin membunuh penderitaan itu. Ambillah kembali. Ambillah punca penderitaan dan seksaan ini. Aku bukan minta sedekah wang. Aku bukan minta sedekah makanan. Aku bukan minta sedekah kehidupan. Aku memohon keabadian mengemis kematian.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.14)

Tentangan hanya menimbulkan kekegetan. Dia dituduh gila dan ganjil dan luar biasa. Orang cuba lari dari penjara. Dia mengemis untuk tinggal di dalam penjara. Orang cuba lari dari maut. Dia mati-matian mengemis maut. Orang cuba mengumpul harta benda. Dia cuba mengisi segala daki untuk mencapai kekosongan dan kepakuman.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.63)

Dia juga mengalami tekanan batin yang ekstrem akibat sikap manusia yang hanya memikirkan diri sendiri tanpa wujud rasa simpati terhadap orang sekeliling. *Dia* merasakan bahawa kehidupan masyarakat penuh dengan kepalsuan semata-mata kerana mereka ingin merasai nikmat duniawi yang sementara. Berikut merupakan bukti masyarakat yang tidak menghiraukan orang lain dalam novel *Sampah*:

Dia menghulurkan tangan lagi. Sekurang-kurangnya dia bersandarkan harapan juga. Tetapi, sekian lama sandaran itu tidak pernah dimakbulkan. Kini, manusia hanya memikirkan kewujudan sendiri. Tidak pernah memikirkan kewujudan orang lain. Mahu tidak mahu sandaran yang paling nikmat dan paling memuaskan ialah khayalan.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.11)

Naluri id yang semakin menggunung ini telah disalurkan secara tidak teratur. Impaknya, *Dia* mempunyai pendirian yang tetap dan teguh iaitu *Dia* menginginkan dirinya menemui kematian. Akhirnya, ego *Dia* tumpas terhadap id dan menyebabkannya tidak peduli terhadap kehidupannya lagi. Dalam erti kata lain, *Dia* berputus asa dengan kehidupannya sebagai seorang pengemis. Unsur superego *Dia* yang tidak dapat menjadi pendinding kepada kerakusan idnya telah dilahirkan akibat kegagalan ego ini. Tuntutan id yang terlalu agresif telah berjaya memanipulasi diri *Dia* sehingga

Dia gagal membezakan kehendak yang baik mahupun buruk untuk dirinya. *Dia* merasakan bahawa tindakannya dalam mengejar kematian adalah sesuatu yang wajar kerana *Dia* sudah berputus asa dengan kehidupannya sebagai seorang pengemis yang tidak dipedulikan dan dibantu oleh orang sekeliling. Dalam hal ini, *Dia* dikatakan berada dalam keadaan neurosis-psikosis yang menjadi pendorong kepada *Dia* untuk melakukan tingkah laku immoral terhadap dirinya sendiri. *Dia* tidak berusaha memperjuangkan haknya dalam masyarakat kerana *Dia* akur dengan nasibnya sebagai seorang pengemis yang malang. Sikap negatifnya ini dapat dilihat pada halaman 94 dalam novel *Sampah* seperti yang berikut:

Dia akui suara kata hati itu. Dia selama ini tidak pernah memberontak terhadap hakikat itu. Dia tidak pernah menolak segala kaitan dan hubungannya dengan benda-benda lain; baik sampah-sarap, baik bangkai busuk, baik najis tengik atau apa sekalipun. Dia tidak menolak. Seorang pengemis amat miskin. Segala-galanya pap. Tetapi, kemiskinan dan kepapaan bukan lagi satu kehinaan satu deraan. Dia terlalu lama hidup bersama benda-benda itu. Sudah sebatu sesungguhnya kaitan dengan hubungan itu. Kini, telah dijadikan satu keindahan dan kepuasan.

(Shahnon Ahmad, 2018, p. 94)

Hubungan Kejiwaan Karya dan Pembaca

Data juga menunjukkan penerapan kaedah keempat iaitu hubungan kejiwaan karya dan pembaca yang signifikan dalam novel *Sampah*. Menurut Sapardi Djoko (2011), hubungan yang tercipta antara karya dengan pembaca akan membolehkan pembaca memahami maksud keseluruhan karya dengan cara menggabungkan pandangan-pandangan yang terhasil. Pandangan yang dimaksudkan ialah pendapat psikologi yang dimiliki oleh pembaca yang diserap dari teks tersebut. Kesannya, pembaca dapat merasai kejiwaan yang terkandung di dalam karya dan seterusnya memberikan pengajaran dan unsur didaktik untuk kemaslahatan masa hadapan. Hubungan kejiwaan yang terbina juga akan memberi impak emosi kepada pembaca sama ada pembaca berasa pilu, marah, terkilan, gembira, ataupun sayu terhadap watak dan jalan cerita karya yang dihasilkan. Novel *Sampah* karya Shahnon Ahmad turut memperlihatkan hubungan batin yang terlahir antara karya dan pembaca. Dalam hal ini, pembaca berasa gembira kerana akhirnya *Dia* dapat mencapai kehendak yang diimpikannya iaitu menemui ajal. Berikut merupakan bukti yang menunjukkan *Dia* telah mencapai kehendaknya sendiri:

Sipi-sipi terlihat air longkang yang keruh likat membaca bangkai perlahan-lahan. Tetapi, kemudian mata itu terus terpejam. Lambat-lambat degupan jantungnya menurun sehingga dengan keamanan dan kekudusan terhenti. Segala-galanya menjadi kosong dan pakum. Keabadian yang dikemis-kemis selama ini akhirnya disedekahkan.

(Shahnon Ahmad, 2018, pp.102-103)

Berdasarkan bukti tersebut, *Dia* akhirnya telah menamatkan segala seksaan yang dirasainya dan menamatkan semua kepalsuan dalam hidupnya. Peristiwa ini telah memberi kesan emosi kegembiraan kepada pembaca kerana *Dia* dapat mencapai matlamatnya. Walaupun begitu, pembaca juga berasa sedih kerana pengakhiran hidup *Dia* yang begitu tragis. *Dia* menemui ajal di tempat yang dipenuhi dengan kekotoran dan najis. Perkara yang lebih menyayat hati ialah kematian *Dia* yang tidak dipedulikan oleh orang lain dan tiada seorang pun yang mengetahui nasib yang pernah menimpa *Dia* selama ini. Hal ini telah memberi kesan kejiwaan yang sangat mendalam kepada para pembaca kerana *Dia* tidak mendapat hak yang sepatutnya dalam komuniti masyarakat. Bukti pengakhiran hidup *Dia* yang menyedihkan adalah seperti berikut:

Di situ dia lambat-lambat merebahkan badan kendur menunggu tong sampah. Kedua belah tangannya sudah mati. Kepalanya terletak di atas tanah lembap bersama sampah, lendir-lendir, kahak-kahak dan sisa-sisa. Kedua belah kaki cuba dikerekot sehingga lututnya hampir-hampir tertampar dagu. Kelopak mata cuba juga dibuka. tetapi bebannya sudah terasa.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.102)

Selain itu, pembaca berasa amat marah dan tidak puas hati dengan sikap orang ramai yang leka dan lalai dengan nikmat dunia yang sementara ini. Pengarang novel *Sampah* iaitu Shahnon Ahmad ada mengemukakan kegagalan sikap masyarakat yang kurangnya nilai empati dalam diri masing-masing. Kekurangan perasaan sebegini telah menyebabkan mereka tidak mengendahkan orang lain dan hanya menghiraukan kemewahan serta nasib diri sendiri. Jiwa kesal ini semakin bertambah apabila berlakunya peristiwa ketika *Dia* mengemis makanan tetapi tiada orang yang mepedulikannya. Berikut merupakan pembuktiannya:

Dia tahu. Nasi yang lembik itu dikunyah-kunyah dan ditelan. Dan lama-kelamaan perut pun sendat. Dia dapat merasai bagaimana mereka akan memilih lauk-lauk yang enak. Jari akan menggetis lauk-lauk itu. Tulang-tulang akan dikais-kais ke tepi pinggan. Jari akan menjadi lumpur sekejap. Dan sekaligus nasi yang digauli itu dikepal-kepal.

Dia menelan ludah.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.89)

Dia cuma mengharap sesuatu yang tak mempunyai harta. Tetapi, sesuatu itu bukan senang diperolehi. Perlahan-lahan tangannya diturunkan ke atas riba. Dia tidak menghulur lagi.

(Shahnon Ahmad, 2018, p.90)

Petikan-petikan di atas menunjukkan keadaan *Dia* yang berada dalam kelaparan. *Dia* mencuba nasibnya untuk meminta belas kasihan daripada orang lain dan berharap mereka memberikannya sedikit kenikmatan menjamah makanan. Namun, usahanya gagal apabila masyarakat tidak menghiraukannya. Mereka hanya mementingkan nafsu mereka tanpa memikirkan orang lain yang lebih memerlukan. Peristiwa ini telah menimbulkan perasaan kesal dalam jiwa pembaca kerana *Dia* tidak dapat memenuhi keperluan dasarnya akibat masyarakat yang tidak mempunyai sifat kemanusiaan.

KESIMPULAN

Berdasarkan data analisis dan perbincangan yang dilakukan terhadap novel *Sampah* dengan menggunakan Teori Psikologi terbukti bahawa ia telah berjaya menampakkan pelbagai unsur-unsur kejiwaan yang dialami oleh watak utama iaitu *Dia*. Maka, penggunaan teori Psikologi adalah sesuai untuk menganalisis kejiwaan yang terkandung dalam novel *Sampah*. Dalam masa yang sama, kepincangan masyarakat juga telah diserlahkan dalam novel ini. Kedua-dua pihak ini mengalami konflik jiwa yang akhirnya membawa kepada suatu tindakan yang abnormal dan melampaui batas sebagai seorang manusia yang hidup bersama di muka bumi ini. Hasil penelitian juga mendapati bahawa novel *Sampah* padat dengan nilai, ideologi dan falsafah kemanusiaan yang ditonjolkan oleh

pengkarya. Hal ini telah memaparkan gejalak batin yang berlaku dalam diri watak iaitu *Dia* dan juga pengkarya tersebut.

Hasil analisis juga mendapati bahawa pengkarya merupakan seorang yang peka terhadap permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Konflik yang berlaku ini dimasukkan dalam karya menerusi watak-watak seperti watak *Dia*. Pengkarya telah mengaplikasikan pelbagai proses kreatif untuk memastikan hubungan kejiwaan dapat dibina antara karya dengan pembaca. Hubungan tersebut terjalin kerana watak *Dia* mengalami konflik batin akibat daripada peranan id, ego dan superego yang diwujudkan oleh pengkarya. Contohnya, watak *Dia* dikatakan tidak mempunyai keseimbangan antara id, ego dan superego yang akhirnya menyebabkan *Dia* mengalami penyimpangan kejiwaan apabila kehendaknya bertentangan dengan norma manusia. Kejayaan penyampaian jalan cerita karya *Sampah* yang sarat dengan unsur kejiwaan adalah kerana pengkarya yang memiliki daya kekefektifan yang tinggi dalam penghasilan sebuah karya sastera. Kesimpulannya, keempat-empat kaedah kritikan berdasarkan teori Psikologi iaitu jiwa pengarang dan kepengarangannya, proses kreatif atau penciptaan, penerokaan aspek kejiwaan serta hubungan kejiwaan karya dan pembaca dapat dilihat dan diteliti dengan jelas dalam novel *Sampah* hasil karya Shahnnon Ahmad.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad. (2017). *Kesusasteraan Melayu*. Sasbadi Sdn Bhd.
- Asilah Kamisin & Imelda Ann. (2020). Analisis personaliti karakter protagonis dan antagonis melalui bentuk dan warna dalam filem animasi Whelley (2018). *Gendang alam*, 10(2), 1-17.
- Jesicha Laura. (2012). Penyimpangan kejiwaan tokoh Nedena dalam novel Dadaisme karya Dewi Sartika. *Skriptorium*, 1(3), 67-73
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Conference: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 28-29. (Unpublished)
- Kamus Dewan edisi keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah. (2004). *Psikologi*. McGraw Hill.
- Mohd Fadzil Baharudin dan Tengku Mohd Ali, T. I. M. (2017). Keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dalam puisi terpilih Dharmawijaya. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 28 (1), 116-134.
- Noraini Abd Shukor. (2016). *Padi dan air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2015). Konflik kejiwaan dalam Novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(1), 59-66.
- Rika Endri Astuti, Yant Mujiyanto dan Muhammad Rohmadi. (2016). Analisis psikologi sastra dan nilai pendidikan dalam novel entrok karya Okky Madasari serta relevansinya sebagai materi pembelajaran sastra di sekolah menengah atas. *Jurnal penelitian bahasa, sastra Indonesia dan pengajarannya*, 4(2), 175-187.

- Pipik Asteka. (2018). Kajian psikologi Sigmund Freud dalam novel Setetes Embun Cinta Niyala karya Habiburrahman El Shirazy. *Jurnal penelitian pendidikan bahasa dan sastra Indonesia*, 3(1), 8-12.
- Ririn Setyorini. (2017). Analisis kepribadian tokoh Marni kajian psikologi Sigmund Freud dalam novel Entrok karya Okky Madasari. *Jurnal Linguistik dan Sastra*, 2(1), 12-24.
- Sapardi Djoko. (2011). Pengarang, karya sastra dan pembaca. *Jurnal ilmu bahasa dan sastra*, 1(1), 22-37.
- Siti Rokhana. (2009). *Analisis tokoh utama dengan teori Psikoanalisa Sigmund Freud pada cerpen Hana karya Akutagawa Ryunosuke*. [Unpublished doctoral dissertation]. Universitas Negeri Semarang.
- Shahnon Ahmad. (2018). *Sampah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

BINGKISAN SEJARAH DALAM *INTERLOK*: ANALISIS SISI SEJARAH

Sara Beden (PhD)

sara.beden@ipgmktar.edu.my

Alice Rayon

alice23-302@epembelajaran.edu.my

Rismaya Abbas

rismaya23-316@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Sastera merakamkan aspek pertumbuhan, perkembangan dan perubahan kesusasteraan secara menyeluruh. Sesebuah karya merakamkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat termasuklah sejarah silam. Aspek sejarah yang diterapkan dalam karya sastera merupakan rakaman kehidupan sebenar yang telah berlaku pada zaman silam. Pendekatan sejarah berupaya untuk mengapresiasi, menganalisis dan menilai karya sastera dalam konteks memahami sejarah dan pensejarahan serta fungsi dalam karya sastera. Peristiwa yang dicoretkan oleh penulis dalam plot karya sastera merupakan realiti kehidupan yang terpaksa ditempuh oleh masyarakat pada zaman dahulu. Perkara inilah yang digambarkan dalam novel *Interlok*. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek sejarah berdasarkan tiga suku kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India berdasarkan novel *Interlok* (1996) karya sasterawan negara Abdullah Hussain. Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus terhadap analisis teks. Teori yang digunakan sebagai landasan analisis ialah teori Sejarah. Hasil analisis memperlihatkan bahawa novel ini amat akrab dengan pengalaman hidup penulis selain memaparkan isu-isu sejarah dalam masyarakat Melayu, Cina dan India yang terpaksa melalui pelbagai cabaran untuk hidup bersama dalam usaha Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Peristiwa yang diketengahkan dalam novel *Interlok* merupakan rentetan sejarah yang berlaku sebelum negara mencapai kemerdekaan seperti kemasukan buruh asing, penubuhan sistem pendidikan vernakular, penentangan Malayan Union dan penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu. Watak-watak utama yang terdiri daripada pelbagai kaum menunjukkan perpaduan dan pertautan antara rakyat yang sangat penting bagi mencapai kemerdekaan dan seterusnya membangunkan negara. Kesimpulannya, teori Sejarah amat sesuai untuk menelusuri rentetan sejarah yang berlaku bagi memberi kesedaran dan pengajaran kepada generasi baharu agar mempertahankan kesejahteraan dan kedaulatan yang dikecapi oleh negara.

Kata kunci: *Sejarah, Interlok, perpaduan, masyarakat pelbagai kaum, aspek sejarah*

PENGENALAN

Perkataan sejarah sering dikaitkan dengan waktu dan masyarakat kerana kehidupan masyarakat pada masa ini adalah hasil daripada cara masyarakat pada masa dahulu membentuknya. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019), perkataan sejarah merujuk kepada sastera lama, asal usul (keturunan) dan peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu lampau. Ilmu sejarah pula dikaitkan dengan pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu. Leopold von Ranke dalam Taufik Abdullah & Abdurrachman Surjomiharjo (1985) turut menyatakan sejarah sebagai peristiwa yang telah terjadi pada masa lampau yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, peristiwa yang terjadi dalam kehidupan masyarakat digambarkan oleh pengarang melalui jalan cerita karya masing-masing. Setiap kehidupan masyarakat sudah tentu mempunyai jalan cerita yang tersendiri termasuklah kehidupan yang merangkumi tiga kaum utama Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Pendekatan sejarah memperlihatkan hubungan karya dengan aspek budaya dan ideologi-ideoelgi yang mempengaruhi dan membentuk sejarah manusia. Aspek inilah yang menjadi identiti kepada

Abdullah Hussain sebagai pengarang prolific dalam berkarya. Pengarang yang prolific sentiasa mencari jalan untuk mencatat dan merakam semula kehidupan yang sebenar yang telah berlaku pada zaman dahulu dengan campuran imaginasi, halusinasi dan pemikiran. Seseorang pengarang turut peka dengan isu sejarah yang terjadi dalam masyarakat dahulu, kini, maju atau mundur. Oleh itu, makalah ini akan merincikan isu sejarah yang berlegar dalam tiga masyarakat utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India berdasarkan novel *Interlok* dari perspektif teori Sejarah.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berjudul “Konflik kejiwaan dalam novel *Interlok* karya Abdullah Hussain (1996)” merupakan makalah Nur Farakhanna Mohd Rusli (2015) yang mengkaji kepelbagaian konflik jiwa yang dialami oleh watak yang dipilih dalam usaha untuk mencapai kehidupan yang sempurna. Analisis kajian ini mengaplikasikan tiga pendekatan iaitu Psikoanalisis Sigmund Freud, Humanistik Abraham Maslow dan Psikologi Islam. Dapatan kajian memperlihatkan konflik kejiwaan yang dialami oleh watak Maniam bermula dari rangsangan luaran yang telah mendorong kepada pembentukan id dan seterusnya mempengaruhi tindakan separa sedar bagi menangani konflik tersebut. Penemuan juga menunjukkan bahawa penulis Abdullah Hussain telah berjaya mengeksploitasi pelbagai punca yang telah mendorong kepada permasalahan jiwa oleh watak-wataknya seperti mengaitkan punca ekonomi dan sosial bagi mewujudkan minda prasedar untuk membentuk unsur id dalam diri wataknya. Akibat tekanan daripada id, ego akan berperanan untuk menyelesaikan masalah sama ada menghasilkan ego positif-rasional atau secara negatif-rasional. Ironinya, kajian ini menunjukkan bahawa Psikoanalisis Sigmund Freud, Humanistik Abraham Maslow dan Psikologi Islam sememangnya relevan untuk menganalisis konflik jiwa yang diketengahkan dalam karya Abdullah Hussain.

Sobariah Baharum (2008) dalam makalah yang bertajuk “Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain” merincikan jenis, struktur dan gaya retorik yang diketengahkan dalam novel-novel Abdullah Hussain. Kajian ini mengaplikasikan teori Retorik menerusi novel *Terjebak* (1977), *Masuk ke dalam Cahaya* (1983), *Imam* (1995), *Interlok* (1996) dan *Konserto Terakhir* (2001). Dapatan kajian memperlihatkan bahawa novel-novel Abdullah Hussain mengandungi semua jenis retorik iaitu jenis naratif, deskriptif, eksposisi, argumentatif dan persuasif. Dari sudut struktur, retorik yang digunakan daapa dilihat dalam semua bentuk bahasa yakni dalam bentuk kata, frasa, klausa, ayat atau wacana. Abdullah Hussain turut dilihat mengaplikasikan gaya retorik perbandingan, pertautan dan pertentangan secara meluas dalam karya-karya beliau sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa analisis retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain membentuk implikasi umum bahawa retorik berbahasa tidak terhad kepada bentuk pengucapan atau penulisan sahaja. Justeru, analisis yang menyeluruh terhadap novel-novel Abdullah Hussain sememangnya dapat merincikan retorik yang diaplikasikan dalam penghasilan karya beliau.

Rosli Ibrahim (2016) dalam makalah yang berjudul “Analisis konsep perpaduan kaum dalam novel terpilih Abdullah Hussain” mengkaji unsur perpaduan kaum yang diketengahkan dalam penulisan tokoh sasterawan ini menerusi novel *Interlok* (1996) dan *Buih di atas Air* (1980) dengan mengaplikasikan teori Formalistik dan Teori Cerminan Masyarakat Lukacs sebagai landasan kajian. Dapatan analisis menunjukkan bahawa pemilihan tema, plot dan watak dalam kedua-dua karya tersebut merupakan cerminan latar belakang kehidupan sebenar masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Pengarang berjaya menonjolkan unsur perpaduan kaum dalam pelbagai aspek kehidupan seperti dalam suasana sosio-budaya, ekonomi dan politik. Abdullah Hussain turut memperlihatkan cerminan citra budaya masyarakat Malaysia yang telah menyumbang ke arah kehidupan yang lebih harmoni dan bersatu padu dalam usaha membangunkan negara. Tuntasnya, kajian ini jelas memperlihatkan bahawa karya-karya Abdullah Hussain ini sememangnya unsur perpaduan kaum yang dapat dijadikan contoh dan membuka mata orang ramai dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan saling bertoleransi.

Kajian berjudul “Mobiliti sosial dalam Interlok karya Abdullah Hussain” merupakan makalah Misran Rokimin, Mawar Safei & Che Abdullah Che Ya (2011) yang mengkaji proses mobiliti sosial yang berlaku ke atas ketiga-tiga kaum utama di Malaysia bagi generasi kedua dan ketiga menerusi novel *Interlok* (2010). Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan konsep mobiliti sosial. Dapatan kajian menunjukkan dua dimensi mobiliti sosial yang diketengahkan oleh pengarang iaitu mobiliti sosial secara mendatar (*horizontal*) dan mobiliti sosial secara menegak (*vertical*). Abdullah Hussain turut dilihat menggunakan teknik mozaik (*mosaic*) dalam penceritaannya yang berpetak-petak iaitu mengandungi empat petak, dengan jalinan plot yang kemas dan rapi yang memudahkan analisis dilakukan. Hasil analisis juga memperlihatkan bahawa masyarakat Cina dan India mempunyai mobiliti sosial yang lebih baik berbanding masyarakat Melayu meskipun mereka merupakan golongan pendatang jika dilihat dari sejarah kerana mobiliti sosial mereka bergerak secara menegak. Ironinya, karya Abdullah Hussain dihasilkan bukan untuk menghina sesuatu kaum tetapi sebaliknya memperlihatkan dengan jelas kehidupan dan mobiliti sosial ketiga-tiga kaum di Malaysia pada awalnya.

Azlina Ahmad (2011) dalam makalah bertajuk “Unsur ‘eufemisme’ dalam novel *Interlok* edisi khas sasterawan negara: analisis Semiotik” merupakan kajian yang meneliti aspek unsur ‘eufemisme’ yang digunakan dalam sesebuah karya bagi menggantikan perkataan kasar. Kajian ini mengaplikasikan teori Semiotik Pierce sebagai landasan untuk menganalisis novel *Interlok* (1996). Dapatan kajian menunjukkan penerapan unsur ‘eufemisme’ yang dapat dilihat melalui interpretasi simbol yang telah dikenal pasti bagi menghuraikan makna unsur ‘eufemisme’ yang terkandung di dalamnya. Pengarang menggunakan unsur ‘senja’ bagi menunjukkan tentang umur seseorang yang telah sampai ke penghujung kehidupan manakala unsur ‘malam’ pula bermaksud sudah meninggal dunia. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa unsur ‘eufemisme’ yang dikenal pasti dikaitkan dengan nilai-nilai dalam masyarakat Melayu. Ringkasnya, kajian ini jelas memperlihatkan penggunaan unsur ‘eufemisme’ atau bahasa halus yang diaplikasikan oleh Abdullah Hussain bagi menggantikan bahasa kasar dalam frasa atau dialog dalam karya beliau.

Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, didapati bahawa ramai penulis berminat dan telah berjaya mengkaji serta meneroka novel *Interlok* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain. Walau bagaimanapun, masih tidak terdapat kajian dan analisis yang dilakukan dengan menggunakan teori Sejarah sebagai landasan kajian bagi mengupas isu-isu sejarah yang telah diketengahkan dalam novel tersebut. Justeru, kajian ini dilakukan untuk merincikan sisi sejarah novel *Interlok* (1996) menerusi pengaplikasian Teori Sejarah sebagai kerangka utama dalam menilai aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam novel tersebut.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek sejarah dalam novel *Interlok* karya Abdullah Hussain (1996) dengan menggunakan Teori Sejarah. Kajian ini mengaplikasikan keempat-empat prinsip yang digariskan dalam Teori Sejarah iaitu latar belakang penulis, isi karya, dokumen sejarah dalam teks dan pengaruh karya.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Aspek sejarah merupakan salah satu sumber pengkayaan, kritikan dan rujukan. Kajian ini menggunakan teori sejarah sebagai landasan analisis. Teori sejarah menilai sastera dari sudut sejarah dan sesuatu peristiwa dengan menitikberatkan kepentingan dan pengaruhnya kepada kemajuan, pembangunan dan dinamisme kepada sesuatu bangsa atau sebaliknya. Pendekatan sejarah ini memberi penjelasan sebagaimana sejarah tersebut ditulis, membentuk serta memberi gambaran tentang keadaan sebenar yang telah berlaku (Bressler, 1999). Umar Junus (1996), pula menyatakan bahawa sejarah merupakan pencatatan apa-apa yang telah berlaku meskipun baru beberapa saat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sejarah melibatkan beberapa unsur penting yang mendasari pensejarahan tersebut iaitu masa, bangsa dan alam sekitar. Analisis menggunakan teori

sejarah memberi perhatian kepada hal-hal yang berurusan dengan soal latar belakang sejarah dan budaya masyarakat. Manusia dengan peristiwa adalah dua perkara yang amat berkait rapat antara satu sama lain. Oleh itu, sejarah tidak dapat dipisahkan dari rentetan kehidupan manusia masa lampau sehinggalah kini. Tuntasnya, sejarah sememangnya berkait rapat dengan masyarakat.

Teori sejarah menggariskan empat kaedah yang sewajarnya digunakan untuk mengupas sesebuah karya berdasarkan teori ini, iaitu latar belakang penulis, isi karya, teks sastera bagi mendapatkan maklumat sejarah dan pengaruh atau kesan teks terhadap pembaca. Pertama, latar belakang penulis diteliti dari sudut pendidikan, sosiologi, latar belakang keluarga, persekitaran dan pengalaman yang menjadi faktor bagi pengkaryaan beliau. Kedua, isi karya yang menitikberatkan hal-hal berurusan dengan soal latar sejarah, corak budaya masyarakat, aspek sosial, politik dan ekonomi yang disuguhkan oleh pengarang. Ketiga, teks sastera yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat sejarah bagi mencungkil nilai dan kepentingan unsur-unsur kezamanaan tersebut. Keempat, pengaruh atau kesan teks terhadap pembaca untuk menimbulkan kesedaran sejarah di samping mendorong pembaca untuk berfikir dan membuat penilaian serta pentafsiran sendiri.

Ringkasnya, teori sejarah merungkai sisi sejarah tanah air dari pelbagai aspek yang akhirnya menjadi dokumen sejarah yang berupaya menyedarkan masyarakat agar sentiasa bersatu padu untuk memelihara tanah air.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Sumber tentang teori sejarah serta kajian tentang karya-karya Abdullah Hussain diperoleh menggunakan kaedah kepustakaan. Kaedah kajian teks pula dilakukan dengan menggunakan metode penyelidikan kualitatif (Mawar, 2016). Kajian berbentuk deskriptif yang digunakan merujuk kepada beberapa proses iaitu pembacaan secara menyeluruh terhadap novel *Interlok* karya Abdullah Hussain. Novel ini dipilih atas faktor novel ini memberatkan unsur sejarah yang telah berlaku ke atas masyarakat yang merangkumi tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.

Pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* terhadap novel ini turut dilakukan secara berperingkat. *Close reading* atau pembacaan teliti merujuk kepada teknik membaca yang digunakan untuk memperoleh pemahaman (sepenuhnya) atas suatu bahan bacaan (Tarigan, 1994). Teknik bacaan ini membolehkan pengkaji mendapatkan perincian terhadap maklumat dan isi kandungan yang terdapat dalam novel, memperoleh idea-idea pokok, memperoleh informasi tambahan dalam bacaan dan mendapatkan urutan atau susunan organisasi cerita dalam *Interlok*. Peringkat akhir merupakan analisis terhadap aspek sejarah novel *Interlok* dengan membuat penelitian terhadap aspek struktur dalam novel ini menerusi peristiwa, tema, isu-isu, watak, nilai dan latar yang memperlihatkan dimensi sejarah. Ringkasnya, kajian ini akan menggunakan empat prinsip kritikan yang terkandung dalam teori Sejarah iaitu latar belakang penulis, isu sejarah, analisis teks sejarah serta kesan karya kepada khalayak berdasarkan analisis terhadap novel *Interlok*.

PERBINCANGAN DAPATAN

Berdasarkan perspektif sejarah, didapati novel *Interlok* berupaya memaparkan isu sejarah yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina dan India di Tanah Melayu. Pengarang merincikan isu sejarah menerusi peristiwa serta tindak tanduk watak. Perbincangan dalam analisis ini merincikan latar belakang penulis dan hubungannya dengan teks, isi karya iaitu isu sejarah, analisis teks sejarah bagi mendapatkan maklumat sejarah dan kesan teks terhadap khalayak.

Latar belakang penulis

Abdullah Hussain dilahirkan pada 25 Mac 1920 merupakan anak sulung daripada enam orang adik beradik dibesarkan dalam keluarga yang agak miskin. Bapanya yang berasal dari Kampung Aree,

Sigli Aceh merupakan seorang yang suka mengembara telah bekerja sebagai tukang jahit di samping membuat kerja kampung yang akhirnya menetap di Sungai Limau Yan, Kedah. Abdullah Hussain mengatakan bahawa kehidupan di kampung merupakan konteks terpenting dalam berkarya dengan mengaku "... banyak dengar cerita dongeng maka khayalan saya selalu hidup" (Abdullah Hussain, 2005). Penyemaian minat terhadap bidang sastera bermula dengan mendengar cerita lisan yang dituturkan oleh datuknya, Tuk Teh. Setelah lulus darjah VII di sekolah Anglo Chinese School, beliau mendapat pekerjaan pertama di Bentong, Pahang sebagai kerani lombong bijih timah selama tiga bulan sebelum diserang penyakit malaria. Beliau kemudian bekerja dengan surat khabar Sahabat (1939) dan Saudara (1982) di Pulau Pinang. Beliau berkesempatan bekerja sebagai penolong pengarang Mohd. Amin merangkap pembaca huruf. Hasil galakan Ahmad Noor Abdul Shukoor, Abdullah Hussain berjinak-jinak dalam dunia pengkaryaan sehingga terciptanya cerita bersiri yang berjudul *Binti Penghulu* disusuli cerita *Harta dan Jodoh Menanti di England* yang diterbitkan dalam Sahabat pada tahun 1940.

Abdullah Hussain pernah berkhidmat dengan pasukan Fujiwara Kikan di Kuala Lumpur dan dikirim ke Sumatera dan ditangkap di Medan. Setelah dibebaskan dan dibawa ke Aceh, beliau berkhidmat sebagai kerani di Gunseibu di samping berkhidmat sebagai penjaja stor dalam perusahaan lombong bijih timah di Pahang pada tahun 1939. Pengalaman berinteraksi beliau dengan pemerintah Jepun, Inggeris, golongan pekerja dari Cina dan India di lombong dan ladang-ladang memberikan sumber idea atau maklumat tentang kedatangan awal para buruh kasar Cina dan India yang bekerja di Semenanjung Tanah Melayu. Segala maklumat tersebut dicernakan dengan sempurna ke dalam karyanya iaitu *Interlok* menerusi keluarga Cing Huat dan keluarga Maniam serta kemasukan buruh Cina dan India ke Tanah Melayu. Novel *Interlok* dihasilkan melalui pengalaman hidup Abdullah Hussain sendiri. Abdullah Hussain banyak menggunakan pengalamannya sebagai seorang wartawan pada tahun-tahun 50an, pergaulannya dan pembacaannya sebagai sumber berkarya. Novel *Interlok* merupakan kisah sebenar yang telah terjadi di Tanah Melayu pada zaman sebelum kemerdekaan yang dilalui sendiri oleh pengarang. Walaupun pengarang telah menghasilkan novel *Interlok* ini lebih 40 tahun yang lalu, namun isunya masih relevan untuk menanam kesedaran sejarah tentang kehidupan rakyat sebelum kemerdekaan kepada masyarakat zaman ini. Buktinya adalah seperti yang tertera di bawah.

"Orang Jepun ganggu orang perempuan. Ada orang lelaki yang sudah dibunuhnya, kerana tak mau membiarkan isterinya diganggu," jawab Pak Cin dengan termengah-mengah. Lekas-lekas dia berjalan sehabis sahaja dia berkata-kata itu. Cing Huat kebingungan. Tetapi dia cepat insaf. Anak dan isterinya masih ada di dalam rumah itu.

(Abdullah Hussain, 1996, p.400)

Merujuk kepada pernyataan di atas, kisah penjajah yang mengganggu orang perempuan merupakan sejarah yang benar-benar berlaku di Tanah Melayu pada masa dahulu. Penjajah khususnya orang Jepun telah menyiksa dan memperkosa wanita-wanita tua, muda dan juga kanak-kanak perempuan di Tanah Melayu. Isu ini merupakan isu yang masih relevan sehingga kini dan dapat menanam kesedaran masyarakat zaman ini dengan menjaga tanah air sebaiknya dan menghalang negara dijajah lagi kerana kesengsaraan pasti akan dirasai rakyat Malaysia. Meneliti perjalanan hidup Abdullah, beliau tidak hanya meneroka Kedah iaitu tempat kelahirannya namun juga ke Sumatera sebagai tanah leluhur asalnya di samping bergerak ke Singapura yang ketika itu kota metropolitan di dunia Melayu sebelum kembali menetap di Petaling Jaya, Kuala Lumpur yang juga sedang pesat membangun. Pemahaman terhadap sejarah melalui pengalaman yang ditimbanya semasa bergerak ke beberapa tempat digambarkan melalui novel *Interlok* sekali gus menjadikan sejarah sebagai latar belakang karya Abdullah Hussain.

Isu sejarah dalam *Interlok*

Isu sejarah dalam novel *Interlok* yang menggunakan Teori Sejarah membincangkan aspek Sejarah dan pensejarahan teks. Analisis isu sejarah ini merangkumi isu pendidikan, budaya, politik dan juga ekonomi.

Isu pendidikan

Dalam lingkungan latar zaman penjajahan British, pengarang mengolah gambaran realiti sikap masyarakat dahulu yang kurang menitikberatkan ilmu khususnya masyarakat Melayu. Mereka tidak melihat kepentingan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana anak-anak mereka tersebut kelak akan menjadi seorang petani juga. Kepentingan ilmu ini dapat dilihat apabila setiap keluarga diwajibkan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Malahan, guru besar juga melawat setiap rumah untuk memastikan tiada kanak-kanak yang disembunyikan di dalam rumah. Namun, segelintir ibu bapa seperti Pak Musa lebih senang sekiranya anaknya pergi belajar mengaji berbanding pergi ke sekolah. Sikap mereka ini secara tidak langsung akan memusnahkan masa hadapan anak mereka. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa keturunan mereka itu akan kekal menjadi petani selamanya. Oleh itu, anak mereka tidak perlu belajar membaca apatah lagi menerima pendidikan di sekolah. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“...Tetapi orang Cina lain, tidak boleh sama dengan orang Melayu. Orang Cina berniaga, mereka itu mesti tulis nama barang yang mereka beli, kalau tidak tulis takkan mereka ingat beribu-ribu jenis barang yang ada dalam kedainya. Lagipun kalau orang berhutang, mereka kena tulis juga. Siapa yang berhutang, berapa banyak hutangnya. Tetapi orang Melayu buat apa sekolah. Mengaji Quran sudah. Tahu sembahyang, tahu baca doa sedikit, cukup untuk bekalan, fikir Pak Musa.”

(Abdullah Hussain, 1996, p. 42)

“Seman memandang surat-surat itu seperti dia memandang kertas pembungkus. Dia tidak tahu membaca. Dia tidak tahu harga kertas-kertas itu.”

(Abdullah Hussain, 1996, p. 62)

Petikan tersebut jelas menunjukkan sikap segelintir ibu bapa yang kurang menitikberatkan nilai ilmu pengetahuan selain daripada nilai ilmu agama pada zaman dahulu. Perbuatan tersebut akan mendatangkan masalah kepada anak mereka kelak kerana orang lain mudah memanipulasi dan mengambil kesempatan jika mengetahui bahawa anak mereka tidak tahu membaca. Namun, situasi tersebut sangat berbeza dengan kehidupan masyarakat pada hari ini. Menyedari hakikat tentang kepentingan pendidikan dalam menempuh realiti kehidupan, masyarakat kini menghantar anak mereka ke sekolah sejak daripada usia yang muda. Hal ini demikian kerana tahap pendidikan yang tinggi menjadi salah satu kriteria untuk mendapatkan pekerjaan yang diimpikan oleh anak muda hari ini. Majoriti generasi muda masa kini mempunyai segulung ijazah dalam genggamannya. Bahkan, mereka juga turut mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini jelas menunjukkan perbezaan yang jelas antara generasi masa kini dengan generasi pada zaman dahulu dalam menghargai nilai ilmu yang sememangnya sangat penting dalam kehidupan kita.

Isu budaya

Perubahan budaya di Tanah Melayu digambarkan melalui watak Yew Seng iaitu anak Cing Huat. Yew Sew dilihat dapat menerima dengan baik budaya tempatan. Yew Seng memilih untuk berkawan dengan anak-anak Melayu walaupun telah ditegah oleh bapanya Cing Huat. Cing Huat mengatakan orang Melayu sebagai Huan na yang pemalas dan tidak pandai mencari duit. Buktinya terdapat dalam petikan di bawah;

“Gua lihat lu banyak berkawan dengan anak-anak Huan na itu,” kata Tauke Cing Huat pada anaknya Yew Seng. Sambil membuat teguran itu dia memandang dengan tajam pada anaknya itu. Yew Seng menundukkan mukanya yang leper itu kepada mangkuk nasi yang sedang dipegang dengan tangan kirinya, wap nasi yang masih ada sedikit-sedikit itu berkepul naik ke mukanya. Yew Seng berbadan kurus, seperti bapanya waktu kecil-kecil dahulu. Dia selalu hilang dari kedai kerana ikut bermain-main dengan anak-anak orang Melayu di kampung tidak jauh dari pekan kecil itu. Kalau dalam musim menuai dia akan ikut main layang-layang, kadang-kadang main guli. Anak-anak Melayu suka berkawan dengannya kerana mereka boleh mendapat buah guli percuma.

“Ah Seng!” kata Tauke Cing Huat dengan agak kuat, air liurnya menyembur keluar. Lu dengar apa gua cakap?”

“Dengar papa, tapi...” Diam mahu berkata sesuatu.

“Tapi pa? Lu mau ikut macam Huan na. malas, tidak tahu cari duit. Gua tak mau lu jadi macam mereka.”

Yew Seng mahu bercakap sesuatu. Tetapi kerongkongnya terasa tersumbat. Dia lalu diam dan tunduk sambil menolak-nolak nasi ke dalam mulutnya tanpa berlauk.

(Abdullah Hussain, 1996, p.232)

Melalui petikan di atas, dapat dilihat bahawa Yew Seng sebagai generasi kedua orang Cina yang lahir di Tanah Melayu telah mula menerima budaya orang tempatan berbanding dengan bapanya yang masih mempunyai pemikiran bahawa orang Melayu sebagai orang yang pemalas. Pemikiran Yew Seng sememangnya berbeza dengan pemikiran ayahnya yang tidak menyukai orang Melayu. Hal ini demikian kerana ayahnya berpendapat bahawa orang Melayu ini merupakan golongan yang malas dan tidak pandai untuk mencari duit. Ayahnya juga beranggapan bahawa anak-anak orang Melayu itu sengaja berkawan dengannya semata-mata untuk mengambil kesempatan terhadap anaknya itu. Oleh hal yang demikian, dia melarang Yew Seng daripada bergaul dengan mereka supaya anaknya itu tidak terpengaruh dan hidup susah seperti mereka. Yew Seng pula sudah mula menghayati kemunduran orang Melayu. Pada Yew Seng, kemakmuran negeri ini sememangnya wajar untuk diberikan kepada orang Melayu. Pemikiran Yew Seng sememangnya berbeza dengan pemikiran ayahnya sehingga dia sanggup meninggalkan rumah kerana tidak mahu dilarang oleh bapanya daripada bergaul dengan anak-anak Melayu. Generasi Yew Seng merupakan penanda kepada perpaduan berasaskan penerimaan secara sukarela interaksi antara dua kaum yang berbeza. Jika dibandingkan dengan isu budaya pada zaman kini, semua kaum di Malaysia dilihat tidak mempunyai masalah untuk bergaul dengan satu sama lain. Bukan sahaja berinteraksi dan bergaul dengan kaum yang berbeza, individu di Malaysia telah menerima perbezaan kaum sebagai satu keluarga besar yang perlu dijaga bersama. Misalnya semasa perayaan, rakan-rakan Melayu datang memeriahkan rumah terbuka Tahun Baru Cina, rakan-rakan Cina juga dilihat tidak kekok untuk menggunakan baju Melayu sebagai baju formal untuk turun bekerja. Pelbagai kaum juga boleh duduk semeja sambil menikmati juadah yang disediakan oleh orang India. Budaya saling menghormati dan tidak bersifat perkauman merupakan satu budaya yang perlu dikekalkan untuk memastikan sejarah tanah Melayu dijajah orang-orang Inggeris dan orang Jepun tidak berulang seperti yang telah diceritakan dalam novel *Interlok*.

Isu politik

Politik tanah Melayu mula mengalami perubahan apabila Jepun masuk ke Kedah melalui Siam. Bermula dengan kemasukan Jepun, Tanah Melayu mengalami kegoyahan dan huru-hara. Watak

Lazim dihidupkan oleh pengarang dengan perwatakan yang berganjak ke arah perpaduan kaum. Lazim iaitu orang Melayu pada mulanya perlu menolong penjajah Jepun dengan menangkap orang Inggeris. Walaupun begitu, Lazim tidak mengganggu orang Cina yang sudah lama menetap di Tanah Melayu. Pemikiran Lazim dapat digambarkan melalui petikan di bawah;

Lazim semakin semangat. Dia mengatakan kepada orang-orang kampung bahawa kedatangan Jepun adalah untuk membebaskan negeri itu daripada dijajah oleh orang Putih. Orang Jepun itu bangsa Asia seperti kita juga, katanya. Jepun sampai ke Simpang Empat. Orang-orang yang telah lebih dahulu berjumpa Jepun-Jepun itu mengatakan kepadanya bahawa Jepun-Jepun itu sangat suka merampas basikal dan jam tangan. Walaupun dia tidak percaya tetapi Lazim menyembunyikan basikalnya jauh-jauh. Dia kebetulan ada melihat orang kena tempeleng kerana enggan melepaskan jamnya. Lazim mulai takut, tetapi dia masih tidak percaya orang Jepun sekejap itu. Barangkali kerana mereka masih dalam peperangan kata hatinya menyabar.

(Abdullah Hussain, 1996, p. 417)

Pandangan politik Lazim berdasarkan petikan di atas ternyata sudah berubah. Jika dahulu Lazim tunduk kepada pemerintahan orang Putih namun kini dia berpaling tadah kepada orang Jepun. Hal ini demikian kerana Lazim sudah muak duduk di bawah cengkaman orang Putih yang telah menguasai ladang getah dan juga lombong-lombong di tanah kelahirannya itu. Orang Melayu sebagai empunya tanah tidak mendapat apa-apa keuntungan malah ada segelintirnya menjadi kuli orang Putih. Oleh itu, Lazim berusaha untuk menyahkan kependudukan orang Putih dengan menyokong orang Jepun. Bagi Lazim, penjajah Jepun merupakan penyelamat untuk Tanah Melayu bebas daripada cengkaman orang Putih. Lazim menginginkan kemakmuran serta kemerdekaan diberi kepada Tanah Melayu.

Politik Tanah Melayu juga digambarkan mengalami perubahan dengan penubuhan pasukan gerila yang bertindak menentang pendudukan Jepun. Perubahan politik ini ditandai dengan semangat Yew Seng yang merupakan anak orang Cina bangkit menentang orang Jepun yang menjajah Tanah Melayu seperti yang digambarkan melalui petikan di bawah;

“Gua sekarang masuk hutan, gua mau melawan Jepun,” ujar Yew Seng lagi. “Gua akan cari Poh Eng dan gua akan bunuh orang yang mengambilnya.” Dia berkata-kata itu dengan menggetapkannya giginya. Mukanya serius. Tegang.
“Ini nasi sudah siap,” kata Yew Hock. Dia juga agak takut sedikit pada adiknya yang berpakaian ganjil itu.

(Abdullah Hussain, 1996, p. 417)

Langkah pertama yang mereka lakukan ialah menyerang kebun getah Cangkat Janggus yang berhampiran untuk membunuh orang Jepun yang baru diangkat menjadi pengurusnya. Yew Seng diangkat menjadi wakil Kong Beng dan penyerangan itu telah berhasil dengan baik sekali. Mereka tidak mendapat tentangan apa-apa, Jepun itu telah dihukum bunuh, sementara Yew Seng telah bertemu pula dengan adiknya Poh Eng.

(Abdullah Hussain, 1996, p. 455)

Yew Seng menganggotai gerakan yang diketuai oleh Kong Beng. Pasukan gerila tersebut telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Inggeris dalam menjalankan kempen supaya orang kampung tidak membantu dan bekerjasama dengan pihak Jepun, lebih ketara lagi mereka juga mengangkat senjata untuk menentang Jepun. Mereka juga mengenakan seragam berwarna hijau untuk menandakan bahawa pasukan mereka tidak gentar melawan orang Jepun. Mereka bahkan berani menangkap orang-orang Jepun lantas dibunuh. Pengurus-pengurus orang Jepun yang bekerja di kebun juga ditangkap. Melalui sikap yang ditunjukkan oleh Yew Seng, generasi kedua penduduk Cina ini ternyata mempunyai pemikiran untuk sama-sama memperjuangkan Tanah Melayu. Semangat cinta akan Tanah Melayu telah menguasai pemikiran Yew Seng sekali gus menyumbang kepada perubahan politik yang pada mulanya dikuasai oleh orang Putih kemudian orang Jepun dan akhirnya mencapai kemerdekaan iaitu orang tempatan sendiri yang menguasai tampuk pemerintahan. Peristiwa tersebut merupakan titik tolak Tanah Melayu dipimpin oleh warga tempatan. Sehingga kini pemimpin yang mentadbir negara adalah terdiri daripada orang-orang Melayu, menteri-menteri di negeri-negeri Semenanjung dan juga Sarawak semuanya terdiri daripada warganegara Malaysia. Kesedaran terhadap pentingnya mentadbir tanah air menjadi pemangkin kepada masyarakat Malaysia untuk sentiasa membuat satu anjakan paradigma dalam menentukan nasib negara melalui bidang politik. Hal ini jelas menunjukkan perbezaan politik Tanah Melayu sebelum merdeka dengan selepas merdeka. Generasi kini perlu melibatkan diri dengan aktif bagi menentukan hala tuju negara dan membuktikan bahawa Malaysia mampu berdiri di atas kaki sendiri tanpa mengharap bantuan pihak luar dalam memimpin negara.

Isu ekonomi

Peristiwa yang diungkapkan dalam novel *Interlok* memperlihatkan kepesatan aktiviti ekonomi semasa penjajahan kolonial British di Tanah Melayu. Perkembangan kegiatan ekonomi berskala besar melalui pembukaan ladang getah, perlombongan bijih timah, pelabuhan entrepot serta penggunaan tenaga buruh telah membuka banyak peluang pekerjaan yang mendorong kepada kemasukan imigran asing dari China dan India. Mereka mula menguasai ekonomi di Tanah Melayu dengan melakukan pelbagai jenis pekerjaan seperti menjadi kuli di pelabuhan, penarik lanca, pembantu kedai, pelombong dan akhirnya berjaya menjadi peruncit dan *tandil*. Sementara, masyarakat Melayu masih dibelenggu kemiskinan dan bekerja sebagai petani di kampung mereka. Hal ini demikian kerana mereka tidak bersifat strategik yang membolehkan mereka terlibat dalam sistem ekonomi moden. Pengarang menyuguhkan ketidakadilan dalam kedudukan ekonomi yang dilalui antara ketiga-tiga kaum tersebut disebabkan oleh dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh British untuk melemahkan penduduk bumiputera di samping memisahkan mereka daripada golongan imigran. Hal ini dapat dilihat daripada kegiatan ekonomi yang dijalankan iaitu orang Melayu mengamalkan sistem ekonomi sara diri seperti aktiviti pertanian secara kecil-kecilan, nelayan dan pegawai rendah manakala orang Cina tertumpu di kawasan bandar dan menjalankan aktiviti perdagangan dan perlombongan. Orang India pula diletakkan di kawasan estet dan ladang getah bagi menjalankan kegiatan perladangan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“Kami ni mau mencari kerja. Apakah ada kau dengar orang mau memakai pekerja?”

“Oh, ya baru dua hari yang lalu ada orang dari kebun getah di Cangkat Janggus itu mencari kuli. Aku tidak tahu kalau kalian mau jadi kuli. Orang Melayu ini mau apa?” tanya orang Malabari itu.

“Dia juga mau cari kerja,” jawab Maniam.

“Aku tak fikir kebun itu mau menerimanya. Di sana semua orang kita saja yang bekerja. Di lombong itu pula orang-orang Cina. Jaga kebun saja orang Sikh,” kata Malabari itu.

(Abdullah Hussain, 1996, p. 326)

Petikan tersebut jelas memperlihatkan wujud pengelasan ekonomi pada zaman kolonial yang diterapkan oleh pengarang. Impak dari pelaksanaan dasar tersebut menyebabkan jurang ekonomi antara kaum semakin besar dan taraf hidup orang Melayu jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain terutamanya kaum Cina yang lebih stabil dalam bidang perniagaan. Namun, kedudukan ekonomi masyarakat pada hari ini adalah jauh berbeza berbanding dengan zaman pemerintahan British. Hal ini demikian kerana masyarakat kini bebas untuk menceburkan diri dalam apa-apa bidang yang diminati tanpa mengira kaum. Kepelbagaian bidang kerjaya yang ditawarkan hari ini lebih berfokuskan kebolehan dan kredibiliti seseorang itu tanpa mengira latar belakang dan warna kulit. Hal ini dapat dilihat apabila ramai individu yang tidak berasal daripada keturunan Cina tetapi mampu menjadi usahawan berjaya dan menempah nama di persada dunia. Ironinya, terdapat perubahan ketara yang dapat dilihat dalam bidang ekonomi zaman sebelum merdeka dan pada hari ini. Masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang perlulah berusaha untuk sentiasa menambah baik kualiti kehidupan mereka agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan sempurna.

Analisis teks sejarah

Teks sastera berdasarkan teori sejarah mengungkapkan unsur dan peristiwa-peristiwa yang tercatat dalam lipatan sejarah tanah air. Peristiwa yang diketengahkan dalam novel *Interlok* merupakan rentetan sejarah yang berlaku sebelum negara mencapai kemerdekaan seperti kemasukan buruh asing, penubuhan sistem pendidikan vernakular, penentangan Malayan Union dan penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu.

Kemasukan buruh asing

Kepesatan pembangunan sektor pertanian dan perlombongan oleh kerajaan kolonial British telah menyebabkan masalah kekurangan tenaga buruh tempatan. Dalam novel *Interlok*, Abdullah Hussain mengetengahkan sejarah dan titik tolak kedatangan awal orang Cina dan India ke Tanah Melayu melalui kemasukan buruh asing dari China dan India untuk memenuhi keperluan kegiatan ekonomi di Tanah Melayu. Kedatangan mereka juga dipengaruhi oleh faktor-faktor yang mendorong mereka untuk meninggalkan negara masing-masing bagi mengubah kehidupan mereka. Buktinya dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Dua minggu sesudah itu, pagi-pagi lagi bertolaklah rombongan kecil itu meninggalkan desa nenek moyang mereka untuk mencari daerah baru. Mereka telah mengambil tekad, daripada hidup menderita di tanah air sendiri, lebih baiklah mati di negeri orang. Tetapi kesemuanya percaya mereka tidak akan mati di negeri orang. Mereka akan menjadi Paman Kok Leng, pulang ke desa leluhur dengan membawa dolar Inggeris. Mereka akan menjadi tauke timah hitam, tauke getah, tauke apa sahaja, Mereka akan menjadi orang kaya.”

(Abdullah Hussain, 1996, p. 124)

“Dalam bulan Julai 1910 dalam sebuah kapal penumpang yang belayar meninggalkan pelabuhan Nagapatam menuju ke Pulau Pinang, terdapat seorang penumpang bangsa Tamil dari sebuah desa yang terletak di Tricur, Kerala, sebuah negeri di pantai barat India Selatan. Sudah dua hari sejak dia meninggalkan kampungnya, dengan menumpang berbagai-bagai macam kenderaan, akhirnya dia sampai

di Madras, dari situ dia menumpang bas ke Nagapatam kota
Pelabuhan yang akan menghubunginya dengan Negara Emas.”
(Abdullah Hussain, 1996, p. 249)

Petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa kemasukan imigran dari China dan India adalah disebabkan oleh kepayahan hidup yang ditempuh di negara masing-masing. Kejayaan orang kampung mereka yang baru pulang dari ‘negara emas’ menyebabkan mereka bertekad untuk berhijrah bagi mendapatkan pekerjaan untuk mengubah nasib kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana mereka mendengar khabar bahawa terdapat banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan di sana. Mereka sanggup meninggalkan isteri di kampung halaman dan berjanji untuk bekerja keras bagi mendapatkan wang yang banyak supaya mereka dapat hidup senang. Mereka berhijrah secara berkumpulan dengan menaiki kapal dagang untuk mencari rezeki di tempat baru. Pengarang menyetengahkan permulaan kemasukan buruh Cina dan India sejak awal abad ke-19 yang disebabkan oleh faktor penolak dari negara asal mereka. Hal ini dikatakan sedemikian kerana imigrasi yang berlaku didorong oleh permasalahan ekonomi yang teruk di China dan India pada ketika itu. Pernyataan ini turut disokong oleh Othman (2002) yang mengatakan bahawa buruh asing dari China masuk ke Malaysia adalah disebabkan oleh permasalahan ekonomi yang teruk di negara asal dan juga masalah bencana alam seperti banjir besar telah menjejaskan industri pertanian yang merupakan kegiatan ekonomi utama masyarakat di China. Kemasukan orang asing dari India juga disebabkan oleh negara India yang sering menghadapi bencana alam seperti kemarau yang merosakkan hasil-hasil tanaman. Hal ini telah menyumbang kepada kekurangan sumber bekalan makanan sehingga berlakunya peristiwa kebuluran masyarakat India pada pertengahan abad ke-19 di negara India (A. Aziz Deraman, Rohani Zainal Abidin, 2003). Pertambahan penduduk di India juga menjadi faktor penolak kedatangan buruh India.

Contohnya, penduduk India berjumlah 131 juta pada tahun 1845 telah bertambah kepada 390 juta pada tahun 1941 (Ruslan Zainuddin, 2003). Tambahan pula, kemakmuran Tanah Melayu yang sedang pesat membangun dari sudut ekonomi melalui perusahaan getah dan perlombongan bijih timah telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada kaum imigran ini. Negeri-negeri Selat telah menjadi pangkalan golongan imigran untuk mencari pekerjaan. Malahan, penghijrahan mereka tidak mendapat sebarang tentangan daripada orang Melayu yang merupakan penduduk tempatan di kawasan tersebut. Kedatangan buruh asing ini telah mendorong kepada pembentukan masyarakat majmuk yang dapat dilihat pada hari ini. Hal ini demikian kerana mereka telah memilih untuk menetap dan membina kehidupan baru di negara ini. Abdul Rahman Ismail et al. (2006) menyatakan bahawa masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai kaum yang tinggal berkelompok mengikut kaum dalam unit politik yang sama dan setiap kelompok mengamalkan agama, adat resam, bahasa, pemikiran, kerjaya dan cara hidup sendiri. Perkahwinan campur juga berlaku bukan sahaja membentuk satu entiti masyarakat baharu tetapi juga menyumbang kepada variasi corak bahasa dan budaya yang wujud di negara ini. Hal inilah yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dan dikagumi oleh masyarakat luar kerana memiliki masyarakat yang berbilang kaum tetapi memiliki ikatan perpaduan yang utuh.

Penubuhan sistem pendidikan vernakular

Pendidikan merupakan satu institusi sosial masyarakat yang sangat penting untuk membangunkan sesebuah bangsa. Hal ini demikian kerana tahap pendidikan memainkan peranan besar dalam menentukan kualiti kehidupan seseorang atau sesebuah masyarakat. Sistem pendidikan vernakular pula adalah satu sistem pendidikan yang berasaskan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Novel ini memaparkan sikap kaum Cina dan India yang mempunyai semangat nasional yang tinggi. Hal ini demikian kerana mereka mahu anak-anak mereka dididik dengan adat dan budaya bangsa mereka sendiri dengan menggunakan bahasa ibunda agar mereka tidak melupakan asal usul keturunan mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“Penduduk-penduduk Cina yang ada kira-kira lima belas keluarga itu berasa sudah sampai masanya mereka mendirikan sebuah sekolah untuk mengajar anak-anak mereka membaca dan menulis bahasa kebangsaannya. Ada sekolah tetapi letaknya amat jauh dan tidak ada upada mahu menghantarkan anak-anaknya ke sekolah itu. Belanja untuk menghantar anak-anak mereka itu ke sana kalau dikira akan menjadi lebih mahal daripada menggaji satu atau dua orang guru. Oleh sebab itu untuk pertama kalinya orang-orang Cina di Simpang Empat dan Kubang Kerbau bermesyuarat untuk mendirikan sekolahnya sendiri. Tidak ada seorang pun di antara mereka yang mahu menghantar anaknya ke sekolah Melayu yang sudah didirikan oleh kerajaan di situ. Mereka mesti mendidik anak-anak mereka menurut adat istiadat mereka sendiri, mereka mesti mengingatkan anak-anak mereka pada tanah leluhurnya, pada kebudayaannya yang tua, pada bahasanya yang kaya.”

(Abdullah Hussain, 1996, p. 221)

“Supiah bermuafakat dengan kuli-kuli kebun itu untuk meminta kepada tuan kebun supaya mengadakan sebuah sekolah Tamil. “Anak-anak kita mesti diajar bahasa kita,” katanya. “Mereka mesti diajarkan bahasa dan kebudayaan kita dan mereka mesti kita beritahu tentang negeri dan bangsa kita. Kalau mereka itu tidak diajar nanti mereka akan lupa negeri datuk neneknya.” Semua orang bersetuju dengan cadangan itu. Mereka tidak mahu anak-anaknya itu lupa akan bahasa dan kebudayaan negerinya, mereka tidak mahu anak-anak itu tidak tahu tentang sejarah bangsanya yang besar.”

(Abdullah Hussain, 1996, p.332)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa kewujudan sistem vernakular adalah disebabkan oleh keengganan kaum Cina dan India untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu yang telah ditubuhkan. Menyedari hakikat tentang keperluan pendidikan, mereka mula berbincang untuk menubuhkan sebuah sekolah dan membiayai guru daripada negara asal mereka untuk mengajar di sekolah tersebut. Hal ini demikian kerana mereka bukan sahaja mahu anak-anak mereka menjadi pandai tetapi juga berharap agar anak-anak tersebut diberi pendedahan tentang asal usul mereka serta sosiobudaya yang dimiliki. Pengarang mengimbuai sejarah pendidikan sebelum merdeka. Kewujudan sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris adalah disebabkan oleh dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh British. Penyataan ini disokong oleh Abdullah Sani Yahya dan P. Kumar (1990) yang turut mengatakan bahawa dasar utama British dalam pendidikan adalah dasar *laissez-faire* iaitu mewujudkan beberapa jenis sekolah termasuklah sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil, sekolah Inggeris dan sekolah madrasah. Meskipun, sekolah vernakular Melayu ditubuhkan tetapi pihak British kurang mengambil berat kerana bimbang kedudukan mereka akan tergugat sekiranya penduduk tempatan mendapat pendidikan yang tinggi. Merujuk kepada Rosnani Hashim (1996), tujuan sekolah madrasah ditubuhkan adalah hanya untuk menghadapi ancaman terhadap keutuhan dan penerusan budaya serta agama Islam masyarakat tempatan. Sementara, pendidikan Cina dan Tamil dibiarkan berkembang secara bersendirian. Sekolah tersebut dibuka oleh mubaligh, perseorangan atau persatuan suku kaum dengan mengguna pakai kurikulum dan guru yang diimport dari negara mereka. Matlamat sekolah vernakular Cina dan Tamil adalah untuk memastikan pengekalan warisan budaya, tradisi dan bahasa mereka di tempat asing (Hoy Kee Wong dan Tian Hing, 1971).

Sekolah Inggeris pula mempunyai kemudahan yang lebih baik kerana mendapat sokongan kewangan daripada pihak gereja dan bantuan pemerintah. Penubuhan sistem pendidikan vernakular ini telah mewujudkan jurang antara kaum kerana setiap sekolah khusus untuk satu-satu kaum sahaja yang menyebabkan mereka memiliki pandangan dunia yang berbeza. Oleh itu, penubuhan sekolah kebangsaan merupakan langkah yang diambil untuk memupuk semangat kekitaan antara kaum. Pada masa kini, banyak ibu bapa yang menghantar anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan supaya mereka dapat belajar bahasa Mandarin atau Tamil. Hal ini demikian kerana banyak kelebihan yang dapat diperolehi sekiranya seseorang itu menguasai lebih daripada satu bahasa. Justeru, semua kaum dan bangsa perlulah menghormati antara satu sama lain serta menanam semangat perpaduan dalam diri masing-masing bagi mengekalkan keharmonian hidup bersama.

Penentangan Malayan Union

Malayan Union merupakan satu usaha British sebagai persediaan kepada Tanah Melayu ke arah membentuk pemerintahan sendiri. Pelbagai reaksi diberikan oleh penduduk Tanah Melayu apabila Malayan Union diperkenalkan tetapi kebanyakan daripada mereka menentang pelaksanaan Malayan Union terutamanya apabila mereka mengetahui bahawa pembaharuan tersebut akan menghakis kuasa Raja-Raja Melayu. Buktinya dapat dilihat pada petikan berikut:

“Tiba-tiba keadaan politik berubah, orang-orang Melayu bangun menentang Malayan Union yang mahu disogokkan oleh kerajaan Inggeris. Mereka menganggap perlembagaan baru itu sebagai satu penghinaan. Lazim menjadi ketua di daerah itu, dia bergerak cergas memimpin orang-orang kampung untuk ikut serta dalam kempen menentang gagasan Malayan Union.”

(Abdullah Hussain, 1996, p. 467)

“Seman memasang telinganya dengan baik-baik. Dia ingin mendengar apa yang telah dibuat oleh orang putih itu, apa hak raja-raja yang sudah dirampasnya. Ini sudah melampau. Kalau raja kita mereka main-mainkan, kita tidak boleh biar, fikirnya.”

(Abdullah Hussain, 1996, p.470)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Seman dan penduduk kampungnya yang lain mulai sedar dan bangkit bersama untuk menentang Malayan Union. Hal ini demikian kerana kekejaman dan kezaliman pemerintahan Jepun terhadap orang Melayu menyebabkan mereka ingin bangkit dan menjadi bangsa yang lebih berani. Semangat kebangsaan yang timbul dalam diri mereka ingin membuktikan bahawa mereka bukanlah bangsa yang lemah dan mudah dipergunakan oleh bangsa lain. Mereka akan mempertahankan kedaulatan Raja-raja Melayu dan tidak akan membiarkan kuasa asing cuba untuk merampasnya. Ramai penduduk Melayu yang ikut serta dalam kempen menentang gagasan yang diperkenalkan oleh pihak British tersebut.

Pengarang membangkitkan isu pengenalan Malayan Union yang mendapat tentangan daripada majoriti penduduk Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui sikap anti-British orang Melayu yang ketara walaupun British berusaha untuk mendakyahkan usaha-usaha memperkenalkan rancangan tersebut sebagai langkah membawa Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri dan mencapai kemerdekaan (Mohamed Noordin, 1974). Pengenalan gagasan ini sebenarnya merupakan satu usaha British untuk membentuk bangsa Malayan Union agar golongan pendatang melupakan negara asal mereka dan menumpukan taat setia kepada Malayan Union. Hal ini dapat dilihat melalui pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang dan perkara ini sememangnya ditolak oleh orang Melayu kerana dasar terbuka ini akan mengancam status quo mereka sebagai peribumi. Perkara ini dapat dilihat melalui Undang-undang Kerakyatan Malayan Union 1946 yang

meletakkan semua peribumi atau pendatang sebagai warga Malayan Union (Nor Azlah Sham & Mohamed Ali, 2017).

Malahan, mereka turut bimbang agama Islam akan tercabar sekiranya Raja-Raja Melayu kehilangan kuasa kerana zakat fitrah dipungut di bawah nama Gabenor Malayan Union dan hal ini bertentangan dengan kedudukan sultan yang merupakan ketua agama Islam. Menurut Ahmad Kamal (2017), walaupun institusi raja dikekalkan tetapi baginda hanya berkuasa dalam perkara berkaitan dengan Islam dan adat Melayu. Baginda tidak berhak memungut zakat atau mengenakan apa-apa cukai. Lantaran itu, demonstrasi secara besar-besaran diadakan untuk menentang gagasan yang dianggap akan menghapuskan sejarah yang dibina oleh kerajaan Melayu. Demonstrasi yang dilakukan telah menggalakkan satu tentangan yang menyeluruh daripada orang Melayu melalui telegram dan surat rayuan ke Pejabat Tanah Jajahan, surat terbuka di akhbar tempatan dan penubuhan persatuan bagi menjadi badan bersatu menentang Malayan Union (Ramlah Adam, 1997).

Penentangan ini akhirnya mendorong kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang menggantikan Perjanjian Malayan Union. Mohd Aris (1983), menyatakan bahawa tentangan yang terlalu hebat daripada orang Melayu menyebabkan pihak British terpaksa membubarkan rancangan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa hasil perjuangan dan kerjasama tersebut telah berjaya memelihara kedaulatan raja-raja dan hak orang Melayu. Hal ini demikian kerana Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union pada 1 Februari 1948 ini jelas merupakan satu kemenangan yang memberikan kedaulatan dalaman kepada Raja-raja Melayu serta memelihara kedudukan istimewa orang Melayu di samping memperketatkan syarat-syarat bagi orang bukan Melayu untuk mendapatkan kewarganegaraan (Oong Hak Ching, 1996). Rentetan sejarah ini menunjukkan bahawa bangsa Melayu tidak mudah tunduk terhadap bangsa asing yang tidak menghormati kedaulatan Melayu serta mencabar ketuanan Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi kejayaan perjuangan mereka dalam menentang Malayan Union yang mendorong kepada pembentukan perlembagaan baru yang memelihara hak mereka.

Penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu

Kekejaman tentera Jepun menyebabkan sebahagian orang Cina mencari perlindungan bawah Parti Komunis Malaya (PKM) untuk mengelakkan mereka diseksa dan dibunuh. Hal ini dapat dilihat apabila Yew Seng menyertai parti tersebut untuk mengalahkan Jepun. Namun setelah kekalahan Jepun, parti komunis berkumpul semula dan mengatur strategi untuk menubuhkan sebuah kerajaan dengan merampas wilayah-wilayah daripada tangan British.

“Tiba-tiba keadaan darurat diumumkan di seluruh negeri, anggota-anggota Parti Komunis Malaya telah mengadakan pemberontakan untuk mendirikan sebuah kerajaan komunis di wilayah-wilayah yang dapat dirampasnya dari tangan orang-orang putih, untuk membebaskan seluruh Malaya dari tangan penjajah dan untuk tujuan itu mereka akan melumpuhkan perekonomian negeri ini terlebih dahulu.”

(Abdullah Hussain, 1996, p.474)

Petikan tersebut memperlihatkan PKM yang dianggotai oleh Yew Seng mula melakukan pemberontakan dan ingin mendirikan sebuah kerajaan di bawah pemerintahan mereka. Mereka mula merampas kawasan yang dimiliki oleh orang British untuk melumpuhkan sistem ekonomi pada masa tersebut. Ketua PKM tersebut mula menyerang perkebunan dan memerintahkan anggota parti tersebut untuk membunuh pengurus atau kuli-kuli yang mempertahankan kebun tersebut daripada diambil. Perjuangan yang dianggap tidak mempunyai tujuan itu membuka mata Yew Seng

bahawa dia telah tersalah memilih jalan dan merancang hendak meninggalkan parti tersebut sekiranya ada peluang. Peristiwa yang digambarkan oleh pengarang tersebut merupakan rentetan sejarah penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu setelah kekalahan Jepun. Cheah Boon (1983), menyatakan bahawa pengumuman Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 telah menyebabkan MPAJA dan MPAJU semakin berani mengisytiharkan kuasa mereka. Kekosongan kuasa politik ketika itu yang disebabkan oleh kelewatan pendaratan semula pihak British menyebabkan kesempatan tersebut diambil oleh Bintang Tiga PKM melalui MPAJA untuk berkuasa di Tanah Melayu selama 14 hari. Mereka menganggap bahawa kekalahan Jepun sebagai lambang keunggulan dan keberanian mereka menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

PKM melalui Bintang Tiga telah menguasai bandar, balai polis dan pejabat pentadbiran kerajaan yang ditinggalkan oleh tentera Jepun. Mereka melaksanakan undang-undang sendiri di bawah mahkamah yang dikendalikan oleh komunis untuk menjatuhkan hukuman mati kepada individu yang telah bekerjasama dengan Jepun khususnya orang Melayu itu sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui penguasaan balai polis bandar Maharani dan Parit Jawa dengan mudah setelah kekalahan Jepun. Mereka menawan balai polis tersebut dengan kelengkapan persenjataan yang cukup di samping mempunyai bilangan tentera yang ramai (Hairi Abdullah, 1973). MPAJA menjalankan hukuman ke atas orang yang dianggap bekerjasama dengan Jepun setelah mereka mengambil alih pentadbiran di Batu Pahat. Mereka menyerang kampung dan membunuh orang Melayu yang dianggap sebagai tali barut Jepun seperti penghulu, polis dan askar Melayu (Mohamed Ali, Zulhilmi & Nor Azlah, 2017). Bintang Tiga telah melakukan kekejaman terhadap penduduk kampung khususnya orang Melayu. Terdapat penduduk yang diikat kaki serta tangannya dan dimasukkan ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam laut (Ibrahim Mahmood, 1981).

Malahan, gerila Cina telah melampaui batas apabila mereka membunuh orang Melayu dengan menembak dan membakar masjid ketika mereka menunaikan solat (Burrige, 1957). Hal ini mendatangkan kemarahan orang Melayu dan menyebabkan mereka bangkit untuk menentang kezaliman yang dilakukan ke atas bangsa mereka. Menurut Yahaya (1976), gerakan penentangan ini telah menggunakan pendekatan agama sebagai paksi utama dalam perjuangan mereka. Hal ini dapat dilihat melalui gerakan Fi-Sabilillah yang bermatlamat untuk mempertahankan kesucian agama Islam dan orang Melayu akibat pembunuhan kejam serta penyeksaan yang dilakukan ke atas mereka (Cheah Boon Kheng, 1981). Agama ini menjadi teras bangsa Melayu dalam memperjuangkan dan mempertahankan kesucian agama serta menuntut keadilan terhadap penganiayaan yang dilakukan ke atas bangsa mereka. Ironinya, kezaliman komunis yang telah mendorong kepada konflik perkauman sememangnya telah mencatat sejarah yang tidak dapat dilupakan oleh masyarakat. Meskipun begitu, sikap masyarakat Melayu yang bersatu menunjukkan bahawa pentingnya kerjasama dan penyatuan dalam sesuatu perjuangan untuk meneruskan kelangsungan bangsa tersebut.

Kesan karya kepada khalayak

Setelah meneliti dan menghayati novel *Interlok*, didapati novel ini berupaya memberi implikasi kepada pembaca. Novel ini telah mengundang simpati pembaca terhadap kehidupan masyarakat Melayu, Cina dan India yang pada asalnya sememangnya diselubungi kemiskinan. Kemiskinan dan kesusahan hidup merupakan peneman sejati tiga kaum ini sehinggakan mereka hampir berputus asa dalam kehidupan. Kesusahan hidup ketiga-tiga kaum ini adalah berbeza dan masing-masing mempunyai kesengsaraan yang tersendiri. Misalnya bagi orang Melayu yang diwakili oleh keluarga Seman, kehidupan Seman dan ibunya benar-benar diuji setelah kematian bapanya Musa. Jika sebelum kematian bapanya, Seman menganggap bahawa tanah dan rumah yang mereka duduki merupakan harta milik mereka. Malangnya tidak lama selepas kematian bapanya Musa, Cina Panjang yang dianggap sahabat sebelum ini telah menghalau Seman dan ibunya dari tanah tersebut dengan mengatakan bahawa ayahnya Musa mempunyai banyak hutang dan menggadai tanah tersebut untuk melangsaikan hutangnya. Seman dan ibunya hilang tempat berteduh dan terpaksa

meninggalkan kampung demi mencari kehidupan baharu yang diharapkan lebih baik berbanding kehidupan yang sebelum ini. Keluarga Ching Huat pula terpaksa menghadapi serangan belalang yang merosakkan hasil tanaman padi mereka. Padi merupakan satu-satunya sumber makanan bagi mereka. Mereka sesungguhnya bergantung harap dengan tanaman padi semata-mata kerana mereka tidak mempunyai pekerjaan yang lain. Kesusahan hidup ditambah dengan malapetaka yang melanda tanaman mereka telah memaksa Ching Huat dan ayahnya Kim Lock pergi merantau ke Singapura dan Tanah Melayu bagi mencari pekerjaan. Namun, dugaan hidup datang silih berganti sehingga kedua-dua orang tua Ching Huat meninggal dunia. Begitu juga dengan kisah Maniam yang mengambil upah mengerjakan tanah orang lain. Kerjanya diupah dengan beras dan gandum yang hanya bertahan sehingga beberapa bulan sahaja sebelum terpaksa mencari kerja yang lain. Kemiskinan sangat dirasakan sehinggalah rumahnya hanya dibuat dengan buluh dan jerami dan tempat tidur pula hanyalah beralaskan tanah. Pembaca sendiri dapat merasakan kemiskinan yang menjadi peneman hidup ketiga-tiga keluarga malang ini.

Khalayak pembaca juga terkesan dengan beberapa watak utama novel *Interlok* yang diwujudkan oleh Abdullah Hussain. Watak utama tersebut iaitu Seman dan Maniam mempunyai perwatakan yang sangat gigih dalam mengharugi kehidupan. Watak Seman diwujudkan sebagai seorang yang cekal dalam mencari kerja untuk menampung kehidupan ibunya. Seman bekerja di estet dan mengumpul wang di samping mengerjakan tanah sawah. Seman sangat tabah sehingga sanggup meninggalkan kampung halaman bersama dengan ibunya demi mencari kerja. Buktinya pada petikan di bawah;

Besok-besok pagi, ketika kokok ayam yang pertama, mereka pun meninggalkan rumah itu. Seman terus tidak mahu berpaling lagi ke rumah itu setelah dia melangkahakan kakinya, tetapi Mak Limah dengan perasaan terharu yang tidak dapat ditahan, termenung sejurus di depan tangga. Dia merenung lama pada segala benda yang dapat dicapai oleh matanya dalam samar-samar fajar pagi itu. Dia menahan air matanya seberapa yang boleh tetapi matanya terasa berpasir juga sedikit.

(Abdullah Hussain,1996, p.364)

Bau tanah dan bau rumput amat menyegarkan perasaan Seman tetapi entah berapa lama pula dia akan datang menghidu kembali bau tanah dan rumput itu. Dia akan berpindah kelapangan baru dalam hidupnya. Daripada anak tani dia akan menjadi kuli kebun getah, daripada hidup seperti ayam kais pagi makan pagi dia akan hidup seperti buruh, terima gaji tiap-tiap bulan.

(Abdullah Hussain,1996, p.365)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa Seman dan ibunya sedih meninggalkan kampung halaman mereka. Namun begitu, Seman tetap melangkahakan kaki dan tidak menoleh ke belakang lagi. pelbagai pekerjaan sudah dikerjakan oleh Seman. Jika sebelum ini dia hanya mengerjakan sawah padi, namun kini dia akan berkuli di kebun getah pula dengan tawaran gaji yang akan diberikan setiap hujung bulan. Dengan ini, kehidupan Seman dan ibunya akan lebih terjamin biarpun terpaksa hidup merantau. Watak Maniam juga digambarkan oleh Abdullah Hussain sebagai seorang yang gigih. Kegigihan Maniam dicetuskan melalui kesempitan hidup yang terpaksa ditanggung Maniam di India Selatan. Keadaan hidup yang susah dengan kepadatan penduduk yang tinggi menyukarkan lagi kehidupan di kampungnya. Mengerjakan tanah orang lain, membajak sawah adalah pekerjaan yang tidak menentu yang dikerjakannya demi mendapatkan beras dan gandum sebagaimana dalam petikan yang berikut;

Keadaan penghidupan di desanya itu amat sukar. Mereka tidak mempunyai tanah. Kecuali tapak rumah itu sahaja. Setiap tahun orang bertambah. Penduduk sudah padat dan Maniam berasa sudah terlalu sempit baginya untuk mencari makan. Dia mengambil upah mengerjakan tanah orang lain. Kalau tidak ada kerja, mereka akan lapar dan kelaparan sudah bukan satu perkara luar biasa lagi baginya. Salah seekor lembu jantan yang digunakan untuk membajak sawah telah tua dan tidak dapat digunakan lagi, lembu itu sekarang tinggal menunggu masa matinya sementara itu terus memakan rumput yang diangkutnya setiap hari.

(Abdullah Hussain, 1996, p.254)

Petikan di atas menggambarkan tahap kemiskinan yang terpaksa ditanggung oleh Maniam di India. Maniam tidak mempunyai sebarang harta atau tanah sendiri. Hal ini telah menimbulkan hasrat Maniam untuk belayar ke Tanah Melayu untuk mencari wang. Maniam terpengaruh dengan cerita bahawa di Tanah Melayu merupakan tempat yang mudah mendapatkan wang dan menawarkan banyak peluang pekerjaan. Berbekalkan kegigihan, dia meninggalkan bapa dan isterinya di India dan berjanji akan mengirinkan wang supaya isterinya dapat membuat rumah yang selesa. Pembaca mendapat inspirasi daripada sikap gigih yang ditunjukkan oleh Seman dan Maniam. Sikap positif yang digambarkan oleh Seman dan Maniam sewajarnya ditanam dalam jiwa pembaca lebih-lebih lagi anak muda yang merupakan aset kemajuan negara.

Bukan itu sahaja, novel *Interlok* juga berupaya menyuburkan lagi sifat perpaduan antara kaum di Malaysia. Melalui peristiwa-peristiwa yang dilakar cantik oleh Abdullah Hussain, pembaca sedar bahawa perpaduan merupakan tonggak utama dalam menyelamatkan negara Malaysia supaya tidak dijajah lagi oleh orang asing. Sejarah warga tempatan yang diseksa dan ditangkap serta dibunuh, perempuan-perempuan yang dicabul dan diperkosa serta harta-harta yang dirampas oleh penjajah Jepun memberi kesedaran dan keinsafan kepada pembaca untuk menjaga tanah air dengan sebaik mungkin. Orang putih yang diharap memberi perlindungan kepada Tanah Melayu telah melarikan diri dan hanya muncul apabila Tanah Melayu bebas daripada genggaman penjajah Jepun. Kejadian ini menimbulkan azam di hati pembaca untuk tidak mengulang sejarah yang telah berlaku pada zaman dahulu. Pembaca tidak akan mudah terpedaya dengan tipu muslihat yang ditawarkan oleh orang asing yang kononnya menjanjikan keselamatan dan keharmonian tanah air. Secara tidak langsung, semangat perpaduan antara kaum semakin bertambah. Hal ini merupakan perkara yang positif lebih-lebih lagi kepada negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Adat, kepercayaan serta warna kulit yang berbeza sememangnya memerlukan seantero rakyat Malaysia untuk tidak bersikap mementingkan diri sebaliknya menganggap perbezaan tersebut sebagai sesuatu yang unik dan perlu dihormati.

KESIMPULAN

Berdasarkan teori Sejarah, pengarang telah mengungkapkan isu sejarah yang merangkumi isu pendidikan, budaya, politik dan juga ekonomi yang melibatkan kaum Melayu, Cina dan India. Perbincangan berdasarkan latar penulis dan karya, isi karya iaitu isu sejarah, analisis teks sejarah bagi mendapatkan maklumat sejarah dan kesan teks terhadap pembaca memperlihatkan kesatuan dan tautan yang utuh sebagai sebuah novel yang merincikan isu sejarah masyarakat. Isu sejarah yang merangkumi isu pendidikan, budaya, politik dan juga ekonomi menzahirkan bahawa kesatuan yang dipamerkan oleh kaum Melayu, Cina dan India telah berjaya membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah. *Interlok* sememangnya memaparkan isu-isu sejarah rentetan yang berlaku di Tanah Melayu merangkumi sejarah kemasukan orang Cina dan India ke Tanah Melayu dan cara Tanah Melayu mendapatkan kebebasan. Pertembungan budaya melalui kegiatan ekonomi telah

menghubungkan ketiga-tiga kaum ini yang akhirnya hidup bersama di bawah sebuah negara yang merdeka.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini dapat dilihat sebagai satu dokumentasi sejarah yang menelusuri sejarah tanah air melalui fakta yang digabung jalin dengan imaginasi pengarang. Penghasilan novel ini menunjukkan bahawa perpaduan bangsa dapat dipupuk melalui kerjasama dan toleransi antara semua kaum. Unsur-unsur sejarah yang dipaparkan secara tidak langsung akan meniupkan semangat patriotik dalam jiwa pembaca. Lantaran itu, novel *Interlok* ini sememangnya dapat menyedarkan masyarakat tentang kepentingan ikatan perpaduan untuk membina negara bangsa yang disegani oleh masyarakat luar.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman, Rohani Zainal Abidin. (2003). *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin, Nazarudin Zainun. (2006). *Nasionalisme Dan Revolusi Di Malaysia dan Indonesia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Hussain. (1984.) *Sebuah Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (1996). *Interlok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani bin Yahaya & P. Kumar. (1990). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Logman Publication.
- Ahmad Kamal Ariffin. (2017). *Malayan Union dan Persekutuan 1948 in Seminar Guru Sejarah: Pemantapan dan pengisian ilmu sejarah topik terpilih dalam sukatan tingkatan 5, 10-11 August 2017*, Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azlina Ahmad. (2011). *Unsur 'eufemisme' dalam novel Interlok edisi khas sasterawan negara: Analisis Semiotik*. (JGA110092). Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bressler, C.E. (1999). *Literary criticism: An introduction to theory and practice* (2nd ed.) New Jersey: Prentice Hall.
- Burridge, Kenelm, O.L. (1957). Race relations in Johore. *Australian Journal of Politics and History*, Vol. 2(2), 163-164.
- Cheah Boon Kheng. (1981). Sino-Malay conflict in Malaya, 1945-1946: Communis Vendetta and Islamic Resistance. *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 12(1), 109.
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press.
- Francis Wong Hoy Kee & Eee Tiang Hong. (1971). *Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinmann Educational Books (Asia).

- Hairi Abdullah. (1973). Kebangkitan dan Gerakan tentera Selendang Merah dalam sejarah daerah Muar dan Batu Pahat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 3(4), 6-15.
- Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah perjuangan bangsa Melayu: Suatu penyingkapan kembali sejarah perjuangan bangsa Melayu menuju kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2019). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Sastera.
- Mawar Safei. (2016). Autobiografi dalam adat perpatih dan undang-undang: Perspektif Rindu Seorang Rafik. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 12(11), 1-15.
- Misran Rokimin, Mawar Safei, & Che Abdullah Che Ya. (2011). Mobiliti sosial dalam Interlok karya Abdullah Hussain. *Jurnal Melayu*, (8), 91-110.
- Mohamed Ali, Zulhilmi & Nor Azlah. (2017). Survival orang Melayu di Johor berikutan kekejaman komunis, 1945. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategics Studies*, 44(1), 141-163.
- Mohamed Noordin Sopiee. (1974). *From Malayan Union to Singapore separation*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Aris Osman. (1983). *Perkembangan perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mohd Isa Othman. (2002). *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Nor Azlah Sham & Mohamed Ali Haniffa. (2017). *Pembentukan kerakyatan Malayan Union 1946: Reaksi, isu dan tuntutan bangsa Melayu*. Sintok: Universiti Utara Malaysia. (Conference Kuis Edu.)
- Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2015). Konflik kejiwaan dalam novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996). *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 3(1), 59-66.
- Oong Hak Ching. (1996). Penggubalan dasar British terhadap Tanah Melayu semasa perang kedua. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 24, 85-100.
- Ramlah Adam. (1997). Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Parti Komunis Malaya, 1945-1948: Satu penelitian mengenai kegiatan politik mereka. *Jurnal Sejarah*, 93-116.
- Rosli Ibrahim. (2016). *Analisis konsep perpaduan kaum dalam novel terpilih Abdullah Hussain*. [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Rosnani Hashim. (1996). *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ruslan Zainuddin. (2003). *Sejarah Malaysia, Edisi Kedua*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain*. [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Tarigan. (1994). *Membaca ekspresif* (pp.33). Bandung: Angkasa.
- Taufik Abdullah & Abdurrachman Surjomiharjo. (1985). *Ilmu sejarah dan historiografi: arah dan perspektif*. Gramedia Publisher.

Umar Junus. (1996). *Teori moden sastera dan permasalahan sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yahaya Abu Bakar. (1976). Kebangkitan Tok Janggut menentang Jepun. *Malaysia in History*, Vol. 19 (1), 25.

MAKSIM –MAKSIM LEECH (1983) SEBAGAI TANDA KESOPANAN BAHASA DALAM PUISI SAHABATKU PELANGIKU DAN BINGKISAN BUAT PEJUANG BARISAN HADAPAN

Clarysa Nantai

Clarysa23-322@epembelajaran.edu.my

Cassryllin Lia Benjamin

Cassryllin23-321@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Keruntuhan akal budi, dan pengabaian kesopanan dalam kalangan masyarakat semakin meruncing terutamanya dalam kalangan generasi muda. Bahasa yang digunakan bukan sahaja kasar malah seolah-olah hilang keindahannya. Oleh itu, kesopanan harus dititikberatkan dalam semua aspek penulisan termasuklah penciptaan karya sastera seperti sajak agar dapat menyuntik kesopanan berbahasa kepada khalayak. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesopanan berbahasa dengan menggunakan dua buah sajak iaitu *Sahabatku Pelangiku* dan *Bingkisan buat Pejuang Barisan Hadapan* karya Sara Beden (2020). Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya. Teori yang digunakan sebagai landasan analisis ialah Prinsip Kesopanan Leech (1983) yang mengandungi enam maksim iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati. Dapatan analisis menunjukkan bahawa terdapat lima daripada enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983) dalam kedua-dua buah sajak yang menjadi data kajian. Pengaplikasian maksim-maksim ini mencerminkan kesopanan bahasa sebagai tunjang asas dalam penciptaan sajak-sajak tersebut. Pengaplikasian maksim-maksim tersebut jelas menzahirkan pemikiran budaya santun dalam genre puisi. Kesimpulannya, pengaplikasian Prinsip Kesopanan Leech dalam kedua-dua buah sajak yang telah dianalisis ini bertindak sebagai unsur didaktik dalam mentarbiyah masyarakat untuk memmanifestasikan kesopanan semasa berbahasa.

Kata kunci: *Prinsip Kesopanan Leech, Sahabatku Pelangiku, Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan, maksim, sajak*

PENGENALAN

Kesopanan dalam masyarakat Melayu dianggap sebagai unsur yang paling penting dalam kehidupan bersosial terutamanya dalam berbahasa. Kesopanan bukan sahaja dinilai dalam bentuk berbahasa sahaja bahkan turut dilihat menerusi perilaku dan perwatakan seseorang. Menurut Abdul Razak Abdul Karim (2011), individu yang kurang sopan atau biadab tingkah lakunya akan dipandang rendah oleh anggota masyarakat zaman lampau. Kesopanan dalam berbahasa yang ditonjolkan tidak hanya terhad kepada bentuk lisan semata-mata sahaja bahkan meliputi bahasa isyarat yang ditampilkan, ekspresi wajah dan bahasa gerak tubuh. Selain itu, penggunaan bahasa yang sopan juga boleh ditunjukkan melalui penggunaan nada dan intonasi suara yang lembut dan enak untuk didengar.

Kesantunan berbahasa berlaku apabila penutur dan pendengar cuba untuk mengelakkan perbualan yang boleh mencetuskan konflik antara kedua-dua buah pihak. Oleh yang demikian, kesantunan berbahasa dapat menjadikan diri seseorang individu kekal dalam interaksi sosial. Amalan bersopan dan berbudi bahasa amat digalakkan dalam kerana dikatakan mampu untuk memberikan kesan yang positif kepada pendengar semasa berkomunikasi misalnya mampu meminimumkan konflik dalam kalangan masyarakat. Zainal Abidin Ahmad (1950) memberi penekanan terhadap tatacara berbahasa, etiket dan perlakuan yang harus dipraktikkan dalam kehidupan seharian

Awang Sariyan (2007, p.7) menyatakan bahawa kesopanan berbahasa yang berlandaskan prinsip agama Islam mempunyai hubungan yang erat dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, iaitu menyeru kebaikan (amar ma'ruf) dan mencegah kemungkaran (nahi mungkar). Beliau menjelaskan bahawa hubungan antara manusia dengan pencipta hendaklah dipelihara bagi memastikan manfaat serta mampu memberi penekanan terhadap kesopanan dalam sesebuah kehidupan sosial. Noor Hasnoor Mohamad Nor, Eizah Mat Hussain & Ahmad Ramizu Abdullah (2019) menerangkan kesopanan melalui interaksi yang terjadi antara manusia mahupun melalui pelbagai platform seperti media cetak dan media elektronik. Tenas Effendy (2011) mengungkapkan kesopanan sebagai kebolehan seseorang individu untuk berada dalam keadaan sedar diri, yakni merujuk kepada perlakuan yang menggambarkan kearifan serta kebijaksanaan seseorang untuk menilai dan mengukur kemampuan dengan baik dalam komuniti masyarakat. Keadaan ini juga turut diaplikasikan dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Misalnya, kesopanan berbahasa amat penting diterapkan dan diamalkan terutamanya dalam Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk dengan menggunakan bahasa yang beradab agar hubungan sesama insan menjadi lebih harmonis.

Menurut Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidah Kamaruddin (2019), kesantunan dalam berbahasa merupakan penggunaan kata-kata yang sesuai dan elok dituturkan, tidak berkonflik serta menjaga air muka penutur dan pendengar pada masa yang sama. Secara mafhumnya, kesopanan berbahasa ditakrifkan sebagai perlakuan, tindakan dan tutur kata yang tidak menyinggung hati kedua-dua pihak, yakni penutur dan pendengar ketika berkomunikasi. Kesantunan juga dapat dizahirkan melalui pelbagai kaedah, misalnya gerak laku yang lembut, merendah diri serta pergerakan yang minimum apabila berbicara dengan orang lain. Tingkah laku seperti menempelak, menyindir, meninggikan suara dan seumpamanya pula hendaklah dihindarkan terutamanya dalam budaya Melayu. Leech (1983) telah memperkenalkan Prinsip Kesopanan yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Beliau mendefinisikan kesopanan sebagai strategi untuk mengelakkan persengketaan dalam interaksi. Strategi yang paling ditekankan ialah penggunaan bahasa yang halus, beradab sopan, sikap yang lemah lembut, dan berbudi pekerti. Sehubungan dengan itu, Leech telah mengemukakan enam aspek dalam Prinsip Kesopanan yang telah diperkenalkannya. Antaranya ialah maksim kebijaksanaan, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati.

Walau bagaimanapun, Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014, p.158) menekankan bahawa aspek kesopanan turut dipraktikkan dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan. Hal ini dikatakan demikian memandangkan aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan, bahkan turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan minda dan budaya kesantunan dalam masyarakat khususnya, generasi muda pada masa kini menerusi penggunaan bahasa yang bersifat tulisan seperti karya sastera. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh Sara Beden (2018, p.55) yang menegaskan bahawa kesantunan penulisan dinilai menerusi penggunaan dan pemilihan kata, frasa bahkan ungkapan dan ayat dalam sesebuah penulisan atau bahan bercetak selain mengambil kira aspek runtutan, tautan, ketepatan topik dengan perbincangan, organisasi maklumat dan kualiti penulisan. Justeru, sesebuah hasil penulisan termasuklah karya sastera seperti sajak yang merupakan garapan idea, pemikiran dan luahan kreatif pengarang tidak akan mengecualikan aspek kesopanan melalui penggunaan bahasa yang sesuai, sopan, halus dan tepat. Oleh itu, kajian ini memperjelas aspek kesopanan berbahasa menerusi sajak *Sahabatku Pelangiku* dan *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* berlandaskan Prinsip Kesopanan Leech (1983).

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan dengan kesantunan dan kesopanan dalam bahasa bukan perkara yang asing dalam kalangan pengkaji dan telah mendapat tempat dalam kalangan pengkaji bahasa. Oleh itu, terdapat pelbagai kajian yang telah dihasilkan berkaitan dengan kesantunan bahasa kerana perkara ini amat sinonim dengan gaya hidup masyarakat Malaysia yang berbilang kaum untuk mempraktikkan gaya yang sopan terutamanya ketika berkomunikasi sesama sendiri. Buktinya, berdasarkan kajian yang dihasilkan oleh Nor Azuwan, Norazlina, Kamariah Kamaruddin & Zaitul Azma (2011, p.23) pemilihan kata ganti nama juga merupakan salah satu aspek yang diukur dalam bidang kesopanan dan kesantunan berbahasa. Misalnya, melalui kajian yang melibatkan 400 orang pelatih berbeza latar belakang etnik yang menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) didapati tahap kesantunan berbahasa mereka berada dalam peratus yang tinggi iaitu 90%. Perkara ini jelas membuktikan bahawa pelatih PLKN mengamalkan kesopanan berbahasa pada tahap yang cemerlang dan mampu menjadi teladan khususnya kepada golongan remaja masa kini.

Konsep kesantunan berbahasa amatlah penting untuk terus disemai dan diamalkan kerana melalui penggunaan bahasa yang sopan akan menjadi cerminan peribadi yang cemerlang pada diri seseorang. Menyentuh tentang agama, sikap yang sopan juga turut menjadi ajaran yang sering dibangkitkan dalam ajaran agama agar dapat menjadi ikutan oleh para penganutnya. Nur Damia Husna & Zulkefli (2015, p.34) telah melakukan kajian mengenai etika dalam berkomunikasi menurut pandangan agama Islam yang bersumberkan surah al-quran. Dapatan kajian yang dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini mendapati bahawa kesantunan melambangkan keperibadian seseorang khususnya bagi seorang pendakwah. Justeru itu, kajian berkenaan menyarankan perkongsian mengenai ilmu komunikasi dalam bidang dakwah kerana bahasa dianggap sebagai salah satu perkara penting dalam memastikan kelangsungan komunikasi yang mampu menjadi daya pengaruh dalam penerimaan mesej yang lebih jelas dan bertatasusila.

Dalam konteks ini, terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan berhubung dengan amalan kesantunan dalam konteks perkembangan teknologi. Salah satu daripadanya ialah kajian yang dilakukan oleh Mohd Hazreen Shah (2016, p.7) terhadap penggunaan ragam bahasa oleh juri bagi rancangan realiti televisyen *Mentor*. Hasil dapatan daripada kajian tersebut terdapat pelbagai variasi ragam bahasa yang telah dipertuturkan oleh pihak juri dan antaranya ialah bahasa sindiran, bahasa melampau, bahasa seruan, bahasa ingkar, bahasa jenaka dan seumpamanya berdasarkan konsep ragam bahasa yang dikeluarkan oleh Za'ba pada tahun 2002. Justeru, dalam konteks ini, pendengar akan membuat tafsiran berbeza sekiranya pendengar tidak memahami ciri budaya penutur tersebut. Oleh itu, seseorang penutur perlu berhati-hati ketika melakukan komunikasi agar "air muka" pihak yang dilawan bicara dapat dipelihara.

Noriati (2013, p.34) pula telah membuat penelitian terhadap kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan melalui kaedah perincian terhadap unsur Islam sebagai asas perilaku santun seseorang. Perilaku santun ini juga akan menjadi kayu ukur bagi memenuhi kehendak sosial dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dalam majlis pertunangan. Bertepatan dengan itu, Noriati turut mengaplikasikan model Sanat (2000) yang digabungkan dengan teori Leech (1983) dalam kajiannya. Sementara itu, Ahmad Fuad, Khairul Faiz Alimi & Mashetoh (2020, p.410) juga turut menjalankan kajian terhadap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) seramai 1251 dan kajian ini dilakukan melalui kaedah temu bual yang berlandaskan teori Brown dan Levinson (1987). Hasil kajian mendapati sebanyak 93.2% (1166) orang pelajar UUM mengamalkan kesantunan berbahasa. Sebaliknya, hanya (85) orang responden iaitu berrsamaan dengan 6.8% sahaja yang kurang menitikberatkan konsep kesantunan berbahasa dalam konteks formal.

Intihanya, kebanyakan perbincangan dan analisis kesantunan Melayu yang dilakukan sebelum ini adalah mengaplikasikan model dan teori dari sarjana barat dan amalan kesantunan tidak memperlihatkan kajian yang berfokus dalam meneliti aspek kesantunan berbahasa dalam konteks

penulisan puisi. Bertitik tolak daripada isu tersebut, penyelidikan ini akan memfokuskan kepada aspek kesantunan bahasa dalam konteks penulisan puisi berpandukan teori Leech (1983).

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesantunan bahasa dalam puisi sajak *Sahabatku Pelangiku* dan *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* berlandaskan Prinsip Kesopanan Leech (1983).

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Prinsip Kesopanan Leech (PS Leech) 1983. Geoffrey Leech atau lebih dikenali sebagai Leech merupakan ahli linguistik bahasa Inggeris yang telah menghasilkan sebuah teori tentang kesantunan bahasa yang di dalamnya terdapat enam maksim. Menurut Leech, prinsip kesantunan digunakan di dalam teori beliau bagi menyatakan bahasa seseorang harus “memaksimumkan ekspresi keyakinan yang sopan dan meminimumkan ekspresi keyakinan yang tidak sopan.” Oleh itu, pembahagian prinsip telah dibahagikan menjadi enam prinsip yang merangkumi maksim kebijaksanaan (*tact*), maksim kedermawanan (*generosity*), maksim sokongan (*approbation*), maksim kerendahan hati (*modesty*), maksim persetujuan (*agreement*) dan maksim simpati (*sympathy*).

Menurut teori ini, maksim kebijaksanaan merangkumi dua submaksim iaitu (1) meminimumkan kos bagi orang lain dan (2) memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Misalnya, kebijaksanaan merujuk kepada usaha mengurus sesuatu situasi tanpa menyinggung perasaan orang lain dalam konteks komunikasi. Misalnya, individu yang dikatakan sopan adalah individu yang lebih mengutamakan kepentingan orang lain berbanding dengan dirinya sendiri. Pendekatan bijaksana dalam teori ini juga turut termasuk dengan cara seseorang mengendalikan situasi tanpa wujudnya konflik atau salah faham antara penutur dan pihak lawan tuturnya.

Maksim berikutnya adalah saling berkait dengan maksim kebijaksanaan iaitu maksim kedermawanan atau turut dikenali sebagai maksim kemurahan hati yang mengutamakan keuntungan orang lain berbanding dengan keuntungan diri sendiri. Hal ini bermakna, individu yang menggunakan pendekatan kedermawanan terdorong untuk menghulurkan bantuan tanpa mengira kos yang bakal ditanggung.

Maksim ketiga dan keempat juga saling berkesinambungan antara satu sama lain seperti maksim pertama dan kedua. Maksim yang dinyatakan tersebut ialah maksim sokongan dan maksim kerendahan hati. Maksim sokongan merujuk kepada konteks individu yang memberi pujian, galakan dan penghargaan. Lantaran daripada itu, maksim sokongan ialah maksim yang memaksimumkan pujian terhadap orang lain serta meminimumkan cacian terhadap orang lain. Sementara maksim kerendahan hati ialah pendekatan yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.

Maksim kelima dari prinsip kesantunan Leech adalah maksim persetujuan. Maksim persetujuan merupakan maksim yang memaksimumkan kesepakatan untuk meminimumkan perbalahan dengan orang lain. Maksim terakhir adalah maksim simpati, yakni pertuturan yang mengekspresikan rasa simpati dan menghindari pertuturan yang bersifat antipati. Ungkapan rasa simpati secara lazimnya akan dikeluarkan apabila seseorang ditimpa musibah dan dalam konteks ianya merujuk kepada sikap individu yang prihatin terhadap nasib orang lain.

Konklusinya, kajian ini akan berlandaskan kepada keenam-enam maksim dalam PS Leech iaitu maksim kebijaksanaan, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati berdasarkan analisis terhadap maksud tersurat dan tersirat pada puisi *Sahabatku Pelangiku* dan *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* berdasarkan baris dan rangkap puisi yang berpadanan dengan PS Leech.

METADOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kaedah kajian kepustakaan adalah ditumpukan kepada pembacaan tentang kajian-kajian lepas mengenai konsep kesantunan dalam berbahasa dan sumber utama yang digunakan ialah jurnal dan artikel. Kaedah kajian teks pula turut dilakukan iaitu untuk tujuan pemilihan puisi yang hendak digunakan sebagai bahan utama kajian ini. Pembacaan dan pemahaman secara teliti dan mendalam terhadap puisi yang dipilih turut dilakukan bagi memperoleh kata kunci yang dapat dihubungkan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Hasil penemuan data dikumpul berdasarkan rangkap dan baris puisi dan kemudiannya direkod dalam bentuk jadual beserta dengan pendekatan yang telah dikenal pasti bagi memudahkan pemahaman pembaca tentang kajian yang dilakukan.

Kajian ini menggunakan dua buah puisi yang berjudul *Sahabatku Pelangiku* dan *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* hasil karya Sara Beden (2020) terbitan Jabatan Pengajian Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak. Penggunaan diksi dalam baris-baris puisi akan diteliti dan dipadankan dengan ciri-ciri yang terdapat dalam maksim-maksim Leech 1983 atau berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2.

DAPATAN

Berdasarkan penelitian dan analisis yang dilakukan terhadap puisi yakni *Sahabatku Pelangiku* dan *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* didapati terdapat kelima-lima maksim yang telah diterapkan dan diaplikasikan oleh pengarang. Berikut merupakan dapatan analisis terhadap kedua-dua puisi :

Jadual 1: *Puisi Sahabatku Pelangiku*:

Bil	Maksim PS Leech	Pendekatan	Rangkap dan baris
1.	Sokongan	Memberikan pujian	Rangkap 1, baris 2 hingga 3
2.	Kebijaksanaan	Memberi nasihat dan teguran	Keseluruhan rangkap 2
		Memberi pesanan	Rangkap 4, baris 3 hingga 4
3.	Simpati	Mengambil berat	Rangkap 3, baris 1 hingga 3
4.	Kedermawanan	Meringankan beban	Rangkap 3, baris 3 hingga 4

Jadual 2 : *Puisi Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan*

Bil	Maksim PS Leech	Pendekatan	Rangkap dan baris
1.	Kebijaksanaan	Memohon pertolongan	Rangkap 2, baris 12 hingga 13
		Memberi nasihat	Rangkap 3, baris 8 hingga 10
		Memberi nasihat	Rangkap 5, baris 8 hingga 9

		Memberi peringatan	Rangkap 6, baris 1 hingga 3 Rangkap 7, baris 1 hingga 5
		Menyampaikan pesanan	
2.	Sokongan	Memberi pujian	Rangkap 1, baris 1 hingga 2 Rangkap 2, baris 2 hingga 3
		Memberi penghargaan	Rangkap 3, baris 2 hingga 3
		Memberi pujian	Rangkap 4, baris 1 hingga 8
		Memberi penghargaan	Rangkap 5, baris 1 hingga 7
3.	Simpati	Memahami tugas dan bidang kerja	Rangkap 1, baris 8 hingga 11
4.	Kerendahan hati	Tetap menjalankan tugas walaupun menerima cacian	Rangkap 3, baris 6 hingga 7
5.	Kedermawanan	Menghulurkan bantuan	Rangkap 4, baris 9 hingga 12
		Menghulurkan bantuan	Rangkap 6, baris 5 hingga 8

PERBINCANGAN DAPATAN

Berdasarkan kedua-dua jadual di atas, didapati pengaplikasian maksim-maksim Leech (1983) dalam data kajian amat signifikan. Puisi “Sahabatku Pelangiku” menunjukkan pengaplikasian maksim kebijaksanaan, maksim kedermawanan, maksim kerendahan hati dan maksim simpati manakala puisi *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* pula menunjukkan pengaplikasian maksim kebijaksanaan, sokongan, simpati, kerendahan hati dan kedermawanan. Justeru, penerapan maksim dalam kedua-dua puisi tersebut telah berjaya menunjukkan budaya kesopanan dalam sesebuah karya sastera yang dapat memberikan didikan kepada masyarakat. Perbincangan dapatan dalam kajian ini dipapar berdasarkan maksim-maksim yang terdapat dalam kedua-dua buah sajak.

Maksim Kebijaksanaan

Maksim ini merujuk kepada ungkapan yang pendapat yang beradab, penuh bersopan santun dan bukan sebaliknya selain mengimplikasikan kos yang minimum kepada pendengar. Seseorang individu perlulah mengambil langkah dengan mengujarkan pendapat yang bersifat minimum kosnya agar tidak tidak menyinggung perasaan pendengar atau lawan tuturnya. Dalam konteks puisi ini, didapati kedua-dua sajak ini telah mengaplikasikan maksim kebijaksanaan. Antara pendekatan yang diaplikasikan berdasarkan maksim ini ialah memberi nasihat dan teguran, memberi pesanan dan memohon pertolongan sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual di bawah:

Tajuk Puisi	Baris Sajak	Pendekatan
<i>Sahabatku Pelangiku</i>	Jangan ria bila tika kesedihan Jangan bisu ketika kesakitan Jangan berani tika takut	Memberi nasihat dan teguran
	Andai esok nafasku terhenti Ingatilah detik-detik terakhir ini Andai esok nadiku tak berdenyut lagi Maafilah segala kesilapanku	Memberi pesanan
<i>Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan</i>	Mohon perjuanganmu wahai wira wirawati Agar nyawa mereka tidak terburai mati	Memohon pertolongan
	Usah peduli dengan kicauan Kerna manusia dibumbui rencah keingkaran Emosi turun naik bak suhu meter kenderaan	Memberi nasihat
	Pasakkan sendimu ibarat memijak udara berbatu Terbangkan semangatmu umpama memijak hamparan lautan	Memberi nasihat
	Wahai pejuang barisan hadapan Peperangan dengan musuh halimunan bukannya mudah Menuntut titisan keringat sephohon Berebekal tekad perwira yang tidak mudah patah	Memberi peringatan
	Pejuang barisan hadapan Moga terus dibumbui semangat pahlawan Moga terus disemadi waja serikandi Teruskan perjuangan selagi bernadi Akhirnya mendapat barakah Ilahi	Memberi nasihat

Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan menerusi pendekatan yang bijaksana dalam memberi nasihat, teguran dan pesanan dalam sajak *Pelangiku Sahabatku* yakni pada rangkap kedua, baris pertama hingga tiga dan rangkap keempat, baris kedua hingga kelima.

Jangan ria bila tika kesedihan
 Jangan bisu ketika kesakitan
 Jangan berani tika takut

Nasihat yang diberikan tersebut adalah sebagai motivasi dalam mengutarakan pendapat apabila bergaul dengan orang ramai dengan sentiasa bersuara apabila dilanda kesakitan, tidak menyembunyikan kesedihan dan tidak berpura-pura berani apabila dalam ketakutan. Nasihat yang berupa bimbingan ini juga akan memberi kesan yang besar terhadap setiap individu sepanjang hayatnya. Keadaan ini akan memberi kesedaran kepada seseorang individu dalam kehidupan bermasyarakat dalam menilai pandangan, pendapat, kehendak. Tindakan memberi nasihat merupakan kesopanan yang negatif kerana membebankan pendengar untuk menerima nasihat yang diberikan.

Andai esok nafasku terhenti
Ingatilah detik-detik terakhir ini
Andai esok nadiku tak berdenyut lagi
Maafilah segala kesilapanku

Berdasarkan keseluruhan rangkap tersebut, penyajak memberi pesanan kepada rakannya agar mengenang saat-saat akhir hidupnya untuk sentiasa memaafi segala salah dan silap dirinya dengan memberi bayangan andai kata dirinya. Pendekatan ini memberi pesanan yang disampaikan dengan baik oleh penyajak melalui rangkap secara keseluruhan. Perkara ini ditandai dengan lebih jelas menerusi kata “ingatilah” yang berupa amanat sebagai ingatan kepada rakannya.

Keadaan yang sama juga turut dimplikasi terhadap sajak *Bingkisan buat Pejuang Barisan Hadapan* pada rangkap ketiga, baris kelapan hingga 10.

Usah peduli dengan kicauan
Kerna manusia dibumbui rencah keingkaran
Emosi turun naik bak suhu meter kenderaan

Penggunaan perkataan ‘*usah*’ pada ‘*usah* peduli dengan kicauan’ bertujuan untuk melarang para pejuang barisan hadapan agar tidak ambil kisah terhadap segala kenyataan negatif berhubung dengan sikap rakyat Malaysia yang degil ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan. Penggunaan pendekatan bijaksana juga turut boleh dilihat dalam tindakan penulis yang memohon pertolongan menerusi sajak *Bingkisan buat Pejuang Barisan Hadapan* yang dapat dilihat menerusi rangkap kedua, baris 12 hingga 13.

Mohon perjuanganmu wahai wira wirawati
Agar nyawa mereka tidak terburai mati

Jika diperhatikan, didapati kesopanan berbahasa sewajarnya menjadi tunjang asas dalam komunikasi tanpa mengira situasi khususnya ketika negara yang dilanda pandemik pada masa kini. Kesantunan bijaksana ini diekspresikan dengan menggunakan ayat permintaan seperti *mohon* yang terdapat pada baris dua belas dalam sajak tersebut untuk merayu dan bertahan bertugas agar lebih ramai nyawa yang dapat diselamatkan. Penggunaan kata ‘*mohon*’ ini juga berupa permintaan penulis kepada pejuang barisan hadapan. Secara tidak langsung, baris sajak ini mencirikan unsur persuasif penyajak kepada golongan pejuang barisan hadapan agar mereka terus memainkan peranan besar dalam menjalankan tugas dengan tekun.

Maksim kebijaksanaan dalam sajak “Bingkisan buat Pejuang Baris Hadapan” turut ditandai dengan penggunaan dan pemilihan kata yang sopan dan sesuai untuk diaplikasikan dalam memberi nasihat atau teguran kepada seseorang menerusi rangkap keenam, baris kelapan hingga kesembilan.

Pasakkan sendimu ibarat memijak udara berbatu

Terbangkan semangatmu umpama memijak hamparan lautan

Misalnya, nasihat yang disampaikan oleh penyajak ditandai dengan penggunaan kata ganti nama diri *mu* misalnya pada *Pasakkan sendimu ibarat memijak udara berbatu* yang merujuk kepada para pejuang barisan hadapan. Bahkan Zaitul Azma (2009, p.31) juga turut menyatakan bahawa penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan yang sesuai akan menyerlahkan kesopanan berbahasa dalam kalangan penutur atau penyajak di samping menimbulkan rasa hormat. Oleh yang demikian, dalam konteks ini penggunaan kata ganti nama diri yang sesuai dilihat menepati maksim kebijaksanaan kerana penyajak memaparkan ciri kesopanan dan bersikap lemah lembut semasa menyampaikan nasihat.

Maksim kebijaksanaan dalam sajak ini juga turut diperlihatkan menerusi cara penyampaian peringatan oleh penyajak kepada pejuang barisan hadapan iaitu pada rangkap ketujuh, baris pertama hingga keempat.

Wahai pejuang barisan hadapan
Peperangan dengan musuh halimunan bukannya mudah
Menuntut titisan keringat sephohon
Berebekal tekad perwira yang tidak mudah patah

Penyajak berusaha menjaga kesantunan dalam berbahasa dengan kata sapaan yang sesuai iaitu *wahai* untuk menarik perhatian pejuang barisan hadapan bagi mengamati peringatan yang hendak disampaikan oleh penyajak tersebut. Penggunaan ungkapan ini secara tidak langsung apabila dituturkan akan kedengaran lembut bahasanya khususnya dalam penyampaian pesanan atau peringatan kepada orang yang ditujukan. Amalan ini juga amat signifikan dengan budaya Melayu khasnya semasa hendak memulakan bicara bagi tujuan menyampaikan amanat yang berupa peringatan agar pihak yang menerima peringatan tersebut tidak mudah terasa hati kerana disampaikan secara berhemah.

Seterusnya, penyajak turut memberikan nasihat dengan menggunakan pendekatan bijaksana dan perkara ini dapat diperlihatkan menerusi cara penyajak menunjukkan sifat prihatin terhadap pejuang barisan hadapan iaitu melalui doanya yang dapat digambarkan pada penggunaan perkataan *moga* dan ayat *akhirnya mendapat barakah Ilahi*. Misalnya, pada rangkap terakhir, baris pertama hingga terakhir dalam sajak.

Pejuang barisan hadapan
Moga terus dibumbui semangat pahlawan
Moga terus disemadi waja serikandi
Teruskan perjuangan selagi bernadi
Akhirnya mendapat barakah Ilahi

Dalam konteks ini, penyajak memberi nasihat dalam bentuk doa untuk pejuang barisan hadapan agar terus menabur bakti kepada nusa dan bangsa serta penyajak turut mengharapkan agar kebaikan mereka akan mendapat balasan yang setimpal dengan pengorbanan yang telah mereka laksanakan. Sesungguhnya tindakan menyampaikan nasihat secara beretika di samping mendoakan kesejahteraan pejuang barisan hadapan akan dapat memberi ketenangan kepada mereka untuk terus melakukan kebaikan.

Maksim Kedermawanan

Maksim kedermawanan pula merujuk kepada maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Maksim ini juga dianalisis dengan kemurahan hati, iaitu dengan memberi dan menawarkan bantuan kepada individu di sekelilingnya. Penggunaan

maksim ini dalam kehidupan seharian menunjukkan kebaikan hati seseorang kerana memikirkan kos yang akan ditanggung oleh orang lain walaupun diri sendiri juga turut menanggung perkara yang sama. Berdasarkan puisi *Sahabatku Pelangiku*, pendekatan yang digunakan dalam maksim ini ialah meringankan beban dan menghulurkan bantuan berdasarkan jadual di bawah:

Tajuk Puisi	Baris Sajak	Pendekatan
<i>Sahabatku Pelangiku</i>	Aku merasainya untukmu Aku menyelami ke dasarnya untukmu	Meringankan beban
<i>Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan</i>	Dirimu berjuang penuh iktikad Untuk manfaat seluruh umat sejagat Dalam memerangi virus khianat	Menghulurkan bantuan
	Pejuang barisan hadapan Semakin sulit sayap perjuanganmu Semakin cerah cahaya kemenanganmu	Menghulurkan bantuan

Berdasarkan baris pada puisi “Sahabatku Pelangiku” tersebut, jelas ternyata bahawa penyajak ingin meringankan beban rakannya dengan menawarkan diri untuk merasai dan memahami kesusahan yang dialami oleh rakannya. Justeru, perkara ini dapat ditemui pada rangkap tiga, baris tiga hingga empat.

Aku merasainya untukmu
 Aku menyelami ke dasarnya untukmu

Secara tidak langsung, penyajak ingin berada di tempat rakannya dan bersama-sama dengannya. Pernyataan ini juga turut memantapkan sikap dermawan penyajak terhadap rakannya menerusi frasa ‘merasainya untukmu’ dan ‘menyelami ke dasarnya untukmu’ dalam baris puisi tersebut. Penyajak menawarkan bantuan berupa emosi dan motivasi kepada sahabatnya yang dilanda kesulitan dan kesusahan. Sikap dermawan yang menawarkan bantuan ini merupakan langkah bagi penyajak untuk meringankan beban yang dialami oleh rakannya dan sanggup bersusah payah demi rakannya tersebut telah menunjukkan keprihatinan hati penyajak. Pendekatan yang diambil oleh penyajak ini selaras dengan gagasan maksim kedermawanan, iaitu dengan meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Dalam konteks ini, penyajak menanggung kos demi kebahagiaan sahabatnya dalam kehidupan mereka.

Selain itu, meneliti rangkap empat, baris 10 hingga 12 seperti yang dipaparkan di bawah, maksim kedermawanan ditandai dengan frasa *dirimu berjuang penuh iktikad* yang menandakan pejuang barisan hadapan bertungkus lumus melibatkan diri dalam urusan membasmi Covid-19 yang tiada kesudahannya.

Dirimu berjuang penuh iktikad
 Untuk manfaat seluruh umat sejagat

Dalam memerangi virus khianat

Hal ini dikatakan bertepatan dengan maksim kedermawanan yang dipelopori oleh Leech (1983) yang memaksimumkan keuntungan untuk orang lain dan mengurangkan manfaat untuk diri sendiri dan situasi ini dapat dilihat melalui bingkisan peristiwa yang dipaparkan oleh penyajak berkaitan dengan tindakan atau perbuatan yang dilakukan oleh pejuang barisan hadapan bagi membantu ramai pihak untuk menyelamatkan negara daripada terus dibelungi oleh pandemik Covid-19.

Hasil penelitian pada puisi *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* juga didapati terdapat pendekatan kedermawanan yang dilihat melalui maklumat yang disampaikan oleh penyajak iaitu pada frasa *semakin sulit perjuanganmu* yang terdapat pada rangkap kelima, baris satu hingga tiga.

Pejuang barisan hadapan
 Semakin sulit sayap perjuanganmu
 Semakin cerah cahaya kemenanganmu

Frasa ini jelas menyatakan bahawa pejuang barisan hadapan memberi sumbangan atau bantuan berupa tenaga mahupun mental dalam menyiapkan diri untuk menyelesaikan keadaan semasa yang berlaku di negara ini. Kata kunci dapat dibuktikan melalui perkataan *perjuanganmu* yang diertikan sebagai tindakan berjuang untuk mencapai suatu kemenangan. Ironinya, seseorang yang berjuang mampu meringankan beban orang lain dan perkara ini mematuhi maksim kedermawanan sebagaimana yang telah diutarakan menerusi teori Leech (1983) iaitu membuat keuntungan pada orang lain sebesar yang mungkin.

Maksim Sokongan

Kesopanan berbahasa juga turut dimanifestasikan melalui pengaplikasian maksim sokongan. Maksim ini lebih bertumpu kepada tindakan memuji dan mengurangkan cacian. Data-data yang berpadanan dengan konteks ini telah diklasifikasikan ke dalam maksim ini. Berikut merupakan tindakan penyajak dalam menyantuni sahabatnya menerusi puisi *Sahabatku Pelangiku* dan kepada barisan pejuang hadapan dalam sajak *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan*.

Tajuk Puisi	Baris Sajak	Pendekatan
<i>Sahabatku Pelangiku</i>	Senyummu ibarat pelangi Tawamu ibarat cerianya hari-hari yang berlalu Gurau sendamu umpamu penyegar nurani	Memberi pujian
<i>Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan</i>	Pejuang barisan hadapan Kaulah wira kaulah wirawati sejati Pejuang barisan hadapan,	Memberi pujian

	Kau miliki hati yang tidak membenci,	
	Pejuang barisan hadapan, Dirimu peronda siang dan malam Berpanas berhujan bukan ukuran	Memberi penghargaan
	Pejuang barisan hadapan Walau di mana dirimu berada Tak kira dirimu berstatus petugas apa Walau perananmu sebesar huma Dirimu berjasa kepada nusa Dirimu tetap besar walaupun insan biasa Dirimu idola pujaan seluruh negara Dirimu umpa sebutir bintang kejora Menyulahi kegelapan kelamnya malam	Memberi pujian
	Semakin getir perjalanan hari-harimu Semakin tinggi piala pahalamu Semakin pedih kolam rindumu Semakin menggunung sayang kami padamu	Memberi penghargaan

Maksim sokongan diperlihat menerusi pendekatan dengan memberi pujian dan penghargaan dan mengurangkan cacian sebagaimana dalam rangkap pertama, baris satu hingga empat seperti yang ditunjukkan di bawah ini.

Senyummu ibarat pelangi
Tawamu ibarat cerianya hari-hari yang berlalu
Gurau sendamu umpamu penyegar nurani

Berdasarkan sajak *Sahabatku Pelangiku*, penyajak menggambarkan ciri-ciri sahabatnya dengan memujinya serta menggambarkan senyumannya, gelak tawanya dan gurau senda yang indah. Pujian yang diberikan dapat menggembirakan hati pendengar, membentuk motivasi serta dapat meningkatkan pujian terhadap diri sendiri dan orang di sekeliling. Dalam budaya masyarakat Melayu, pujian akan diberikan kepada pendengar dan mencerminkan semangat setia kawan kepada orang yang dipuji tersebut (Teo Kok Song, 2012). Selain itu, berdasarkan sajak *Bingkisan buat Pejuang Barisan Hadapan* pada rangkap satu, baris satu hingga dua dan rangkap dua, baris satu hingga dua, penyajak turut memuji tindakan pejuang barisan hadapan.

Pejuang barisan hadapan
Kaulah wira kaulah wirawati sejati

Pejuang barisan hadapan,
Kau miliki hati yang tidak membenci

Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff dan Mohd Isha Awang (2003) menjelaskan bahawa menghargai bermakna membanyakkan kata pujian kepada orang yang dilawan bercakap yakni pendengar. Pendapat ini dipersetujui oleh Noriati Abdul Rashid (2007) yang mengatakan bahawa pujian yang diberikan oleh masyarakat Melayu pada umumnya bukan bertujuan untuk mengampu semata-mata namun sebagai strategi kesantunan yang diekspresikan dari lubuk hati. Pernyataan ini dapat dilihat menerusi frasa '*kaulah wira, kaulah wirawati sejati*'.

Seterusnya, menerusi sajak "*Bingkisan buat Pejuang Barisan Hadapan*," pada rangkap ketiga, baris satu hingga tiga. Penyajak memberikan penghargaan kepada setiap pejuang barisan hadapan yang gigih berbakti kepada negara dengan mengingat tugas berat yang dihadapi oleh mereka terutamanya ketika musim PKP dan memberi apresiasi kepada mereka.

Pejuang barisan hadapan,
Dirimu peronda siang dan malam
Berpanas berhujan bukan ukuran

Pendapat ini selari dengan baris rangkap sajak tersebut yang mengungkapkan perasaan penyajak yang menghargai usaha pejuang barisan hadapan yang menyelamatkan nyawa rakyat dan sanggup mengabaikan keluarga di rumah bagi menunaikan tanggungjawab mereka. Tindakan ini juga menandakan usaha penyajak dalam memaksimumkan pujian terhadap orang lain iaitu golongan pejuang barisan hadapan. Strategi kesantunan ini ditandai dengan frasa *berpanas berhujan bukan ukuran*. Melalui maksim sokongan, dapat dilihat bahawa baris sajak tersebut yang menggunakan bahasa santun sebagai tanda untuk memberikan sokongan dan bersetuju dengan tindakan seseorang individu atau kelompok masyarakat yang lain agar mereka lebih bersemangat tinggi dan berusaha untuk melaksanakan sesuatu dengan lebih baik daripada sebelumnya.

Maksim sokongan juga turut diperlihatkan menerusi pendekatan memuji perjuangan dan pengorbanan oleh penyajak terhadap golongan barisan hadapan dan situasi ini jelas menyatakan penyajak mengamalkan kesopanan dalam berbahasa iaitu memberikan pujian sebagai tanda sokongan terhadap perbuatan yang dilakukan oleh pejuang barisan hadapan. Berdasarkan sajak ini, penyajak memuji tentang budi yang telah dicurahkan oleh pejuang barisan hadapan tanpa mengira status atau pangkat serta tahap tugas yang dilakukan. Contohnya pada rangkap keempat, baris satu hingga sembilan.

Pejuang barisan hadapan
Walau di mana dirimu berada

Tak kira dirimu berstatus petugas apa
Walau perananmu sebesar huma
Dirimu berjasa kepada nusa
Dirimu tetap besar walaupun insan biasa
Dirimu idola pujaan seluruh negara
Dirimu umpama sebutir bintang kejora
Menyulahi kegelapan kelamnya malam

Penyajak juga menganggap pejuang barisan hadapan *umpama sebutir bintang kejora* dan ungkapan ini amat jelas menunjukkan pujian yang terpendam dalam hati penyajak untuk ditujukan kepada pejuang barisan hadapan dan manfaat ungkapan ini mampu memberikan kegembiraan kepada pejuang barisan hadapan kerana setiap tingkah laku mereka dipandang tinggi dan dihargai oleh orang lain. Lazimnya, pihak yang mendapat pujian atau penghargaan sudah pasti akan berasa dihargai.

Othman Mohamed (2005:19) mengatakan hubungan sosial akan menjadi lebih erat apabila seseorang penutur memaksimumkan penghargaan terhadap orang lain sebagai tanda memberi sokongan. Dimensi sokongan ini juga penting untuk memupuk semangat atau membentuk kekuatan dalam diri seseorang dan melalui puisi *Bingikisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* penyajak menunjukkan usahanya dalam memberi sokongan melalui penghargaan yang diungkapkan dengan kata-kata.

Misalnya, pada rangkap 5, baris 7 jelas menunjukkan sokongan iaitu *semakin menggunung sayang kami padamu* dan ungkapan ini turut menjelaskan tentang penghargaan penyajak iaitu dengan mencurahkan kasih sayang terhadap golongan barisan hadapan untuk tujuan memberi semangat kepada golongan berkenaan yang telah bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab mereka dalam memutuskan rantaian *Covid-19*.

Semakin getir perjalanan hari-harimu
Semakin tinggi piala pahalamu
Semakin pedih kolam rindumu
Semakin menggunung sayang kami padamu

Curahan kasih sayang yang disampaikan oleh penyajak juga memberi erti penghargaan kepada golongan barisan hadapan yang disampaikan dalam bentuk perasaan atau jiwa penyajak melalui penulisan puisi berkenaan. Sehubungan dengan itu, keadaan ini juga bersesuaian dengan norma budaya masyarakat Malaysia yang biasa memberikan pujian atau penghargaan secara sederhana dan tidak berlebih-lebihan.

Maksim Kerendahan Hati

Mohd Khairuddin et al (2014, p. 50) menegaskan bahawa maksim kerendahan hati merujuk kepada sikap individu yang tidak bercakap besar. Maksim ini merupakan maksim yang mengurangkan pujian dan meningkatkan cacian terhadap diri sendiri. Maksim ini akan memperlihatkan bahawa seseorang individu tersebut akan merendahkan dirinya sehingga pendengar merasakan penutur mencaci dirinya dan keadaan ini merupakan lakuan larangan sosial atau dalam erti kata lain merupakan bercakap besar. Maksim ini dilihat menerusi kata-kata yang merendahkan diri. Perbezaan antara maksim sokongan dan maksim ini ialah maksim ini memberikan tumpuan terhadap diri sendiri bagi melahirkan ujaran yang bersopan ketika berinteraksi. Jadual di bawah merupakan pendekatan yang telah digunakan seperti tetap menjalankan tugas walaupun menerima cacian dari sudut pandangan seorang pejuang barisan hadapan.

Tajuk Puisi	Baris Sajak	Pendekatan
<i>Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan</i>	Menyantuni rakyat dengan amaran, Kekadang menjadi bahan cacian	Tetap menjalankan tugas walaupun menerima cacian

Maksim kerendahan hati di atas dapat dilihat melalui sikap pejuang barisan hadapan sepanjang mereka bertugas selama ini yang dapat dikenal pasti pada rangkap ketiga, baris keenam hingga ketujuh .

Menyantuni rakyat dengan amaran,
Kekadang menjadi bahan cacian

Mereka tetap bersikap santun namun bertegas dengan memberikan amaran kepada rakyat untuk sentiasa berhati-hati dan patuh kepada SOP yang diamalkan. Maksim ini dapat dilihat menerusi frasa '*kekadang menjadi bahan cacian*. Mereka juga tidak mudah berputus asa dalam memberikan perkhidmatan walaupun diberikan cacian oleh rakyat dan tidak membalas dengan tutur kata yang biadab atau bercakap besar. Hal ini turut diakui oleh Tenas Effendy (2011) yang mengatakan bahawa salah satu jati diri masyarakat Melayu ialah bersikap sopan santun, tidak membesar-besarkan diri, tidak bersikap sombong atau bongkak terhadap ahli keluarga dan masyarakat luar. Rendah hati juga diertikan sebagai sikap yang penuh dengan kesabaran, berlapang dada, berfikiran panjang, tidak bersikap melulu, santun dan ramah-tamah. Dalam konteks ini, majoriti besar pejuang barisan hadapan tetap bersikap sabar walaupun dimarahi oleh rakyat dan dimaki serta dicaci oleh masyarakat sekeliling. Seseorang individu yang mempunyai kerendahan hati akan dianggap sebagai insan yang berakhlak dan tinggi dan beradab sopan. Sikap kerendahan hati juga merupakan sesuatu yang dituntut dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk dalam mengekalkan perpaduan dan kemakmuran hidup.

Maksim Simpati

Pengaplikasian maksim simpati dalam kedua-dua puisi ini juga jelas terpapar menerusi pendekatan mengambil berat dan memahami tugas dan bidang kerja sebagai seorang pejuang barisan hadapan. Maksim simpati dikenal pasti menerusi ekspresi sifat dan sikap belas kasihan seseorang individu apabila mendengar berita sedih atau peristiwa malang. Individu yang mempunyai sifat empati dan simpati dalam diri sendiri amat mudah memahami keadaan seseorang individu lain yang sedang menempuhi kesusahan atau permasalahan yang menimpa golongan masyarakat. Antara sifat yang boleh dikategorikan sebagai sikap simpati ialah seperti risau, kasihan, sedih atau sikap lain yang digambarkan sebagai sikap mengambil berat. Jadual di bawah merupakan pendekatan yang digunakan dalam maksim simpati seperti tindakan mengambil berat, memahami tugas dan bidang kerja sebagai seorang pejuang barisan hadapan.

Tajuk Puisi	Baris sajak	Pendekatan
<i>Sahabatku Pelangiku</i>	Luahkan emosimu kepadaku Aku akan merungkainya untukmu	Mengambil berat
<i>Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan</i>	Kerja merawat menyaring tanpa henti	Memahami tugas dan bidang kerja

	Letih penat derita terus dihadapi Kekadang lupa kehendak sendiri Jerih perih dimamah hati dipendam mati	
--	--	--

Maksim simpati diperlihatkan menerusi pendekatan seseorang individu dalam kemahirannya mengekspresikan diri sendiri untuk mengambil tahu keadaan individu atau kelompok organisasi yang lain. Maksim simpati ini ditandai dengan dengan *frasa luahkan emosimu kepadaku*. Dalam konteks ini, penyajak mengambil berat terhadap permasalahan yang ditanggung oleh rakannya menerusi sajak *Sahabatku Pelangiku*. Melalui maksim ini, penyajak membuang rasa benci dan perasaan negatif yang lain terhadap rakannya dan seterusnya bersimpati dan kasihan terhadap mereka. Misalnya, pada rangkap ketiga, baris satu hingga dua untuk menunjukkan penulis mempunyai rasa simpati terhadap orang di sekelilingnya terutamanya sahabatnya sendiri.

Luahkan emosimu kepadaku
 Aku akan merungkainya utukmu

Selain itu, menerusi sajak *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan* pada rangkap pertama, baris lapan hingga 11 pula, penyajak mengekspresikan simpatinya terhadap pejuang barisan hadapan.

Kerja merawat menyaring tanpa henti
 Letih penat derita terus dihadapi
 Kekadang lupa kehendak sendiri
 Jerih perih dimamah hati dipendam mati

Penyajak mengambil pendekatan dengan memahami tugas dan bidang kerja yang berat dalam memutuskan rantaian virus Covid-19. Maksim ini ditandai dengan *frasa kerja merawat menyaring tanpa henti*. Hal ini juga bertepatan dengan maksim simpati yang diutarakan oleh Leech (1983) iaitu maksim ini meningkatkan simpati kepada orang lain dan dalam konteks puisi ini, penyajak menyelami dan menghayati bidang tugas barisan hadapan sehingga mampu memahami kesukaran yang dihadapi oleh mereka yang merujuk kepada pejuang barisan hadapan dan keadaan ini telah menunjukkan penyajak berupaya mengurangkan antipati antara diri sendiri dengan pejuang barisan hadapan. Misalnya, penyajak tahu akan keperitan yang dialami oleh pejuang barisan hadapan dan perkara ini dapat dilihat menerusi luahan emosi yang disampaikan oleh penyajak.

KESIMPULAN

Budaya bertutur dengan sopan sudah menjadi amalan bagi sebahagian besar masyarakat pada masa kini. Oleh yang demikian berdasarkan penelitian terhadap hasil analisis yang telah dibuat, maka maksim sokongan ditemukan satu data pematuhan dan maksim kebijaksanaan mempunyai dua data pematuhan serta maksim simpati dan kedermawanan masing-masing mempunyai satu data pematuhan terhadap PS Leech (1983) yang ditemukan dalam puisi *Sahabatku Pelangiku*. Sementara bagi puisi kedua iaitu *Bingkisan Buat Pejuang Barisan Hadapan*, maksim kebijaksanaan mempunyai lima data pematuhan, maksim simpati dan maksim kerendahan hati ditemukan satu data pematuhan. Selanjutnya, maksim sokongan ditemukan empat data pematuhan dan akhir sekali iaitu maksim kedermawanan ditemukan dua data pematuhan. Berdasarkan analisis berkenaan, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua puisi berkenaan mempunyai data pematuhan terhadap maksim yang dipelopori oleh Leech (1983) dan tiada data pelanggaran maksim ditemukan. Oleh itu, pengaplikasian kelima-lima maksim dalam dua buah puisi ini menandakan bahawa penulis amat

mementingkan konsep kesantunan bahasa melalui bahasa tulisan. Oleh sebab itu, penyajak dapat dikatakan santun kerana bahasa tulisan yang digunakan adalah mematuhi maksim kesantunan bahasa oleh Leech (1983).

RUJUKAN

- Abdul Razak Abdul Karim. (2011). *Budaya kesopanan berbahasa dalam kalangan masyarakat melayu lama: pelestarian & pemerkasaannya*. In: Kongres Antarabangsa Bahasa & Budaya 2011, Brunei
- Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff & Mohd Isha Awang. (2003). *Bahasa Melayu Komunikasi*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Ahmad Fuah, Khirul Faiz Alimi & Mashetoh. Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Formal dan Tidak Formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 410-427.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. (2019). Prinsip Kesopanan dalam Kesantunan Bahasa Drama Zahira. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1), 15 - 26
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman
- Leech, G. (1993). Prinsip pragmatik. (Terj. Azhar M. Simin.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Marlyna Maros. (2011). Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik*, 3, 7-20.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji. (2014). Kepimpinan Pengajaran dan Sikap Guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* , 4(1), 48-58
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Mohd Roslan Rosnon. (2016). Bahasa Juri dalam Program Mentor Legend: Satu Analisis Ragam Bahasa Za'ba. *Esteem Academic Journal*, 12(2), 1-14.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor, Eizah Mat Hussain & Ahmad Ramizu Abdullah. (2019). Kesopanan dalam Menerusi Filem Animasi Kanak-Kanak Tempatan. *Jurnal Komunikasi*, 35(3) 1-20.
- Nor Azuwan Yaakob, Norazlina, Kamariah Kamaruddin & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Kesantunan Berbahasa dalam Aktiviti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). *Journal of Human Capital Development*, 4(1), 23-32.
- Noriati Abd. Rashid. (2007). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Edisi Kedua. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Noriati Abd. Rashid (2013). *Kesantunan Orang dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini. (2015). Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Dakwah. *Malaysian Journal of Communication*, 31 (2), 24-34.
- Ohman Mohamed. (2005). Strategi komunikasi dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 4-19.
- Sara Beden & Indiriwati Zahid. (2014). Analisis kesopanan bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dalam peristiwa Melunas Rindu. *Jurnal JATI*, 19, 151-168
- Sara Beden. (2018). Kesantunan Bahasa Penulisan. *Dewan Bahasa*, September, 54-58
- Sara Beden. (2020). *Getar Sukma Kembara*. Kota Samarahan. Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Tun Abdul Razak.
- Siti Noraein. (2016). *Kesantunan Berbahasa dalam Buku Pemimpin dalam Ungkapan Melayu Karya Tenas Effendy*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekanbaru : Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Teo Kok Seong. (2012). Kejayaan Komunikasi Cina-Melayu: Kes Cina Peranakan Kelantan yang Mengamalkan Kesantunan Bahasa Melayu dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (ed.). *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa* (hlm. 113-130). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PANTUN MELAYU: ANALISIS AYAT MAJMUK PANCANGAN BERDASARKAN TEORI TRANSFORMASI GENERATIF

Elma Diana binti Julkapli
elma23-380@epembelajaran.edu.my
Siti Sairah binti Abdullah
Sairah23-393@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Pantun merupakan warisan turun-temurun orang Melayu yang diungkapkan secara lisan dan tergolong dalam puisi tradisional yang mengandungi makna mendalam tetapi halus dan indah penggunaan bahasanya. Jika diteliti dengan lebih lanjut dari segi binaan ayatnya, pantun Melayu dikatakan memperlihatkan penggunaan ayat majmuk jenis pancangan. Dalam ayat majmuk pancangan, terdapat satu ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancarkan di dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk itu. Penggunaan ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu dapat dianalisis menggunakan teori yang dipelopori oleh Noam Chomsky (1957), yakni Teori Transformasi Generatif (TG). Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam Pantun Melayu. Ayat majmuk pancangan mengalami proses transformasi ayat yang tertentu ketika diterbitkan. Selain itu, analisis ayat-ayat dilakukan berdasarkan struktur dalaman dan struktur permukaan dengan menggunakan rajah pohon. Oleh itu, sebanyak tiga ayat majmuk pancangan yang dipetik dalam pantun Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipilih untuk dianalisis. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Teori TG dapat digunakan untuk menganalisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu secara terperinci dan menyeluruh. Kesimpulannya, Teori TG dapat digunakan untuk menganalisis ayat dalam mana-mana bentuk seperti puisi tradisional.

Kata kunci: *Pantun, Teori Transformasi Generatif (TG), struktur dalaman, struktur permukaan, ayat majmuk pancangan.*

PENGENALAN

Cerminan kebijaksanaan dan akal budi orang Melayu ditonjolkan melalui penciptaan pantun yang memiliki nilai estetika yang tinggi. Pantun merupakan pengucapan lisan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Kartini Abd Wahab (2016, p. 29) mendapati bahawa pantun ini telah hadir secara dinamik sejak zaman-berzaman lagi merangkumi pelbagai ruang lingkup masyarakat di kawasan Nusantara yang berfungsi untuk menyampaikan pemikiran dan perasaan serta sebagai medium pendidikan dan medium pengucapan sosial dalam upacara adat dan juga sebagai satu bentuk hiburan. Za'ba (1965, p. 218-219) pula menyatakan bahawa pantun merupakan karangan berangkap atau puisi yang dimiliki masyarakat Melayu lama dan digunakan di kawasan perkampungan untuk menggambarkan fikiran hiba, sayu, dan perasaan indah misalnya berkaitan kasih sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara pasangan kekasih. Maka, tidak keterlaluan jika dikatakan hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu dizahirkan melalui pantun (Zahir Ahmad, 2005, p. 241). Kemampuan pemikiran dan pengalaman interaksi antara masyarakat Melayu dengan alam sekitar banyak mempengaruhi proses penciptaan sesuatu pantun. Justeru, Siti Hajar (2013, p. 76) berpendapat bahawa lelaki dan perempuan bijak dalam mengubah pantun

menjadikan pantun muncul sebagai genre puisi Melayu yang dihasilkan melalui daya cipta masyarakat Melayu.

Menurut Zulkifley Hamid (2015, p. 28), bidang sintaksis bahasa Melayu merupakan bidang kajian yang mengkaji aspek-aspek yang berkaitan dengan ayat bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, bidang sintaksis ini memfokuskan kajian tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan unsur-unsur yang membentuk sesuatu ayat tertentu, sama ada ayat-ayat dasar atau ayat-ayat majmuk. Tambah Zulkifley Hamid lagi, bidang ini juga menganalisis bentuk-bentuk perubahan yang berlaku kepada sesebuah ayat apabila ayat tersebut bertukar kepada bentuk atau jenis lain. Seterusnya, Ahmad Khair Mohd Noor (2019, p. 109), sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji pembinaan ayat dari segi bentuk, struktur, dan konstruksi ayat. Pandangan Ismail Dahaman (2016, p. 5) pula terhadap sintaksis ialah bidang kajian mengenai jenis dan bentuk frasa serta aturan yang diperlukan dalam pembentukan ayat. Jelasnya, Nik Safiah Karim et al. (2013, p. 339) mendefinisikan bidang sintaksis sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa.

Sehubungan itu, dalam bidang sintaksis ini, ayat majmuk pancangan merupakan salah satu jenis ayat majmuk yang terbentuk daripada cantuman beberapa ayat menjadi satu. Berdasarkan Arina Johari dan Mohd. Zuber Ismail (2013, p. 371), ayat majmuk pancangan ialah ayat yang terbentuk daripada klausa tak setara iaitu satu klausa bebas atau ayat utama dan satu klausa tak bebas atau ayat kecil. Arina Johari dan Mohd. Zuber Ismail menambah, terdapat satu ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancarkan dalam ayat induk sehingga menjadi sebahagian daripada ayat induk. Suraiya Chapakiya (2014, p. 88-90) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan iaitu ayat majmuk pancangan relatif yang terdiri daripada kata relatif *yang* atas tujuan pemancangan ayat kecil ke dalam ayat induk. Kedua, ayat majmuk pancangan komplemen lazimnya menggunakan kata hubung *bahawa* atau *untuk* selepas kata kerja untuk memancarkan ayat. Ketiga, ayat majmuk keterangan iaitu ayat yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil yang bertugas sebagai keterangan yang dihubungkan dengan kata hubung.

Makalah ini dianggap berbeza kerana gambaran indah dalam pantun Melayu kebiasaannya dilihat daripada aspek estetika seperti gaya bahasa, rentak dan irama. Sebaliknya, makalah ini membincangkan pantun dari sudut linguistik iaitu binaan ayat majmuk pancangan yang melibatkan tiga proses transformasi iaitu proses pengguguran, proses peluasan dan proses penyusunan semula yang berlaku daripada struktur dalaman kepada struktur permukaan. Ringkasnya, pelbagai corak dan pola penerbitan ayat dalam pantun Melayu diperlihatkan melalui spesifikasi rumus-rumus Transformasi Generatif yang sedia ada.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap pantun Melayu dari aspek sintaksis masih kurang dilakukan. Nik Safiah Karim dan Ab. Razak Ab. Karim merupakan antara tokoh yang sangat giat menjalankan kajian tentang pantun Melayu dari aspek sintaksis. Pada tahun 1996, Nik Safiah Karim telah mengkaji pantun dari aspek sintaksis dalam penulisan beliau yang berjudul “Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat”. Kajian tersebut telah mengkaji pantun dari aspek struktur ayat. Susunan, pilihan struktur dan binaan ayat dalam keunikan pantun Melayu dijelaskan berdasarkan peraturan tatabahasa bahasa Melayu. Pada tahun 1996 juga, Ab. Razak Ab Karim turut menghasilkan sebuah makalah yang bertajuk “Pantun Melayu Lama: Analisis Penggunaan Kata dan Ayat”. Makalah ini membincangkan tentang aspek bahasa, kata dan ayat dalam pembinaan sesebuah pantun. Beliau memberi penekanan terhadap penggunaan kata yang mengalami pengguguran imbuhan atau sesuatu unsur tertentu yang menyebabkan banyak kata-kata tidak diletakkan imbuhan dalam pantun khususnya kata kerja. Selain itu, Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin (2016) menggunakan kerangka

transformasi generatif standard sebagai landasan kajian terhadap pantun Melayu yang bertajuk “Pantun Melayu: Ayat Majmuk Gabungan Bahasa Melayu” bagi membincangkan pantun dari sudut bahasa iaitu proses-proses transformasi seperti pengguguran, peluasan dan penyusunan semula yang terlibat dalam binaan ayat majmuk pancangan. Pada tahun yang sama juga, Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin (2016) melalui makalah “Pantun Melayu: Analisis Ayat Majmuk Pancangan Bahasa Melayu” mengkaji struktur binaan dan proses transformasi yang berlaku dalam ayat majmuk pancangan pantun Melayu. Seterusnya, Melvina Chung Hui Ching (2021) dalam makalah “Analisis Ayat Majmuk dalam Pantun Melayu dengan Menggunakan Teori Transformasi Generatif” menganalisis struktur ayat majmuk dalam pantun yang terdapat dalam buku *Pantun Jiwa Masyarakat Melayu* dengan menggunakan Teori Transformasi Generatif.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu dengan menggunakan teori Transformasi Generatif standard.

KERANGKA TEORETIS

Menurut Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin (2016, p. 23-24), Transformasi Generatif (TG) merujuk kepada satu bidang analisis bahasa yang dikaitkan dengan proses kognitif. Proses ini menghubungkan realiti mental dengan kelahiran bahasa yang kreatif serta bersifat semula jadi. Terdapat dua konsep penting yang telah dikemukakan oleh Chomsky, iaitu kecekapan bahasa (*language competence*) dan perlakuan bahasa (*language performance*). Kecekapan bahasa yang terhasil daripada proses kognitif ini memungkinkan kita menerbitkan (*to generate*) dan memahami ayat-ayat yang tidak terhad jumlahnya. Kebolehan menerbitkan dan memahami ayat-ayat ini disebut oleh Chomsky sebagai perlakuan bahasa (*language performance*). Dalam aliran tatabahasa generatif (TG), bahasa dianggap sebagai suatu kesatuan yang terdiri daripada beberapa aspek ketatabahasaan yang terdiri daripada fonologi, sintaksis, morfonologi, dan semantik (Alif Cahya Setiadi, 2016, p. 6). Setiap ayat yang dihasilkan sebenarnya mengandungi dua peringkat, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan. Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 233) menjelaskan bahawa peringkat struktur dalaman ialah struktur yang biasanya mengandungi bentuk ayat dasar atau ayat inti yang diperlukan untuk membentuk asas makna ayat, atau dengan kata lain, membentuk semantik ayat. Seterusnya, peringkat struktur permukaan pula ialah struktur ayat yang biasanya telah mengalami perubahan daripada struktur dalamannya, dan merupakan bentuk ayat yang akan sebenarnya diucapkan oleh si penutur, dan yang diperlukan untuk ditafsirkan oleh bahagian bunyi bahasa, yang dinamai komponen fonologi. Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014, p. 21) berpendapat bahawa menurut hukum TG, rumus yang menerbitkan struktur dalaman dan struktur permukaan dikenali sebagai Rumus Struktur Frasa dan Rumus Transformasi. Rumus Struktur Frasa digunakan untuk membentuk ayat pada struktur dalaman, manakala Rumus Transformasi pula digunakan untuk menerbitkan ayat pada peringkat permukaan. Justeru, teori ini mengandaikan bahawa kedua-dua jenis rumus tatabahasa ini menjadi sebahagian daripada unsur kecekapan berbahasa seseorang individu. Oleh itu, dalam kajian ini, teori transformasi generatif standard dalam Tatabahasa Dewan (2015) dijadikan landasan untuk menganalisis ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu penyelidikan kepustakaan dan analisis ayat. Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015, p. 148) menyatakan bahawa kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Oleh itu, dalam kajian ini pemilihan

jurnal, buku dan kertas kerja seminar menjadi sumber utama. Sementara kaedah analisis ayat dilakukan dengan memilih tiga ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pemilihan ayat dilakukan secara teliti agar sesuai untuk tujuan kajian dan dibuat analisis dengan menggunakan teori Transformasi Generatif standard berdasarkan Tatabahasa Dewan (2015) yang menjadi fokus kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menumpukan dapatan kajian dan perbincangan melalui proses penganalisan penggunaan ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu yang berfokus pada struktur dalaman dan struktur permukaan ayat dengan menggunakan teori Transformasi Generatif standard. Menurut Suraiya Chapakiya (2014, p. 88), ayat majmuk pancangan merujuk kepada ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk atau disebut juga ayat utama dicampur dengan ayat-ayat kecil yang dipancarkan di dalam ayat induk. Ayat kecil yang dipancarkan ke dalam ayat induk ini adalah sebahagian daripada ayat induk dan ayat induk ialah ayat yang dapat berdiri sendiri. Abdullah Hassan (2002, p. 308) pula menyebut ayat majmuk pancangan sebagai ayat berkait. Dalam ayat majmuk pancangan, hanya ayat-ayat yang serupa sifatnya boleh digabung-gabungkan sahaja. Tetapi, ayat-ayat yang tidak serupa sifatnya tidak boleh digabungkan. Sebaliknya, ayat-ayat itu terpaksa disisipkan, atau dipancarkan. Ayat yang disisipkan itu disebut ayat kecil atau klausa. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (2007, p. 85) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan dalam bahasa Melayu, yang ditentukan oleh cara pembentukan dan jenis ayat yang dipancarkan, iaitu (i) ayat relatif, (ii) ayat komplemen, dan (iii) ayat keterangan.

(a) Ayat Majmuk Pancangan Relatif

Menurut Suraiya Chapakiya (2014, p. 88), ayat majmuk pancangan relatif merupakan ayat majmuk yang menggunakan kata relatif *yang* bagi memancarkan ayat kecil ke dalam ayat induk. Tambahan lagi, Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 252), kata hubung pancangan relatif atau kata relatif ialah perkataan yang berfungsi untuk menghubungkan klausa utama dengan klausa kecil yang lain. Oleh itu, ayat majmuk pancangan relatif ini ditandai dengan menggunakan perkataan *yang*. Contoh pantun yang menggunakan ayat majmuk pancangan dengan kata hubung pancangan relatif *yang* adalah seperti yang berikut:

1. Walaupun banyak ikan di laut,
 Di belanga juga yang kita makan;
Walaupun banyak teman yang bergelut,
 Yang setia juga membela kawan.

Berdasarkan pantun 1, penggunaan ayat majmuk pancangan relatif dapat dikesan pada maksud pantun dalam baris keempat. Dalam baris tersebut, struktur dalaman binaan ayatnya dapat ditunjukkan seperti berikut:

Teman yang setia itu juga membela kawan. [Struktur Dalaman]

Binaan struktur dalaman ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal seperti yang ditunjukkan di bawah ini.


(i) Teman itu setia. (FN + FA)

(ii) Teman itu juga membela kawan. (FN + FK)

Binaan ayat (i) terdiri daripada subjek frasa nama dan predikat frasa adjektif, manakala bagi binaan ayat (ii), subjeknya ialah frasa nama dan predikatnya ialah frasa kerja. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon 1(a) di bawah.

1(a)


Struktur Dalam



Pola binaan A berdasarkan binaan subjek dan predikat. Subjek binaan A ialah *teman itu*, manakala predikatnya ialah *juga membela kawan*. Frasa kerja dalam predikat ayat ini ialah *membela* dan objeknya, iaitu *kawan*. Pola binaan A_1 pula berdasarkan binaan subjek, iaitu frasa nama, dan predikatnya pula frasa adjektif. Subjek bagi binaan A_1 adalah sama dengan subjek binaan A, iaitu *teman itu*, manakala predikatnya ialah *setia*. Maka, subjek yang sama, iaitu *teman itu* yang terdapat dalam kedua-dua ayat tunggal ini digugurkan kemudian boleh digantikan dengan kata pancangan relatif *yang*. Kajian Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin (2016, p. 121) mendapati bahawa subjek yang sama dalam ayat kecil boleh digugurkan dan digantikan dengan kata pancangan relatif *yang* dalam pembentukan ayat pancangan relatif. Oleh itu, proses pengguguran subjek frasa nama yang serupa iaitu *teman itu* dalam A telah berlaku dalam struktur permukaan. Proses transformasi bagi ayat struktur permukaan ditunjukkan dalam rajah pohon 1(b).

1(b)


Struktur Permukaan



Rajah pohon 1(b) menunjukkan proses relativisasi yang berlaku. Bahagian subjek frasa nama dalam ayat tersebut mengalami proses peluasan menjadi *teman yang setia itu*, sementara dalam bahagian predikat frasa kerja masih dikekalkan iaitu *juga membela kawan*. *Yang setia itu*

merupakan ayat relatif yang dipancarkan ke dalam ayat induk. Pemancangan ayat relatif ini telah menghasilkan satu ayat baharu, iaitu *Teman yang setia itu juga membela kawan*.

1(c) Struktur Permukaan




Kedudukan frasa nama sebagai subjek menyebabkan ayat di atas mengalami proses pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1(c). Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 557) menyatakan bahawa frasa nama yang mendahului frasa relatif boleh digugurkan apabila dua ayat digabungkan dengan satu ayat dipancarkan ke dalam ayat yang satu lagi sebagai frasa relatif. Oleh itu, proses pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif iaitu *teman* telah digugurkan.

Kata ganti nama tunjuk *itu* dalam ayat relatif turut digugurkan kerana tidak akan menjejaskan makna ayat jika ayat tersebut digugurkan. Menurut Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor (2006, p. 33), kata ganti nama tunjuk hanya digunakan untuk menunjukkan seseorang atau sesuatu perkara. Tambahan pula, Abd. Rahim Ismail dan Khairuddin Mohamad (2017, p. 49) mendapati bahawa setiap baris pantun mempunyai empat perkataan dan jumlah suku kata adalah antara lapan hingga dua belas sahaja. Oleh itu, ayat majmuk pancangan relatif yang akhirnya terhasil ialah *Yang setia juga membela kawan*.

Proses pengguguran kata ganti nama tunjuk *itu* dapat ditunjukkan dalam rajah 1(d) di bawah.

1(d) Struktur Permukaan



(b) Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

Komplemen membawa maksud pelengkap. Abdullah Hassan et al. (2006, p. 66) menyatakan bahawa ayat majmuk komplemen mengandungi klausa komplemen yang dipancarkan ke dalam klausa induk. Menurut Abdullah Hassan lagi, klausa komplemen merupakan klausa kecil yang berfungsi sebagai pelengkap dalam klausa induk. Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 509) berpendapat bahawa kebiasaannya pembentukan ayat majmuk komplemen disertai dengan penggunaan beberapa perkataan tertentu yang berfungsi sebagai kata komplemen untuk menandai hubungan iaitu kata komplemen *untuk* dan *bahawa*. Contoh pantun yang memperlihatkan penggunaan ayat majmuk komplemen adalah seperti yang berikut:

2. Berbuah macang dimakan ungka,
 Ada angin gugur sendiri;
 Salah cencang tangan terluka,
Salah pemimpin hancur negeri.

Berdasarkan pantun 2, penggunaan ayat majmuk pancangan komplemen dapat dikesan pada maksud pantun dalam baris yang keempat. Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya dapat ditunjukkan seperti berikut:


Dia memberitahu bahawa salah pemimpin hancur negeri. [Struktur Dalaman]

Binaan struktur dalaman ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal seperti yang ditunjukkan di bawah ini.

- (i) Dia memberitahu (sesuatu). (FN + FK)
- (ii) Salah pemimpin hancur negeri. (FN + FK)

Binaan ayat (i) dan (ii) terdiri daripada subjek frasa nama, manakala predikatnya ialah frasa kerja. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon 2(a) di bawah.

2(a) Struktur Dalaman




Pola binaan subjek dan predikat dalam A₁ dan A₂ masing-masing terdiri daripada frasa nama dan frasa kerja. Dalam binaan A₁, frasa nama subjek ialah *dia*, manakala predikatnya diisi oleh frasa kerja *memberitahu*. Dalam binaan A₂ pula, frasa nama subjek ialah *salah pemimpin*, manakalah frasa kerja *hancur negeri* pula merupakan unsur pengisi bagi predikatnya. Binaan A₂ telah dipancarkan ke dalam binaan A₁ untuk melengkapkan frasa kerja dalam ayat tersebut. Hubungan

seperti ini disebut sebagai hubungan komplemen. Sehubungan dengan itu, dalam ayat *Dia memberitahu bahawa salah pemimpin hancur negeri*, ayat induknya ialah binaan A₁, sementara binaan A₂ merupakan ayat komplemen. Pembentukan ayat majmuk komplemen lazimnya disertai penggunaan beberapa perkataan tertentu yang digunakan sebagai kata komplemen dalam bahasa Melayu, iaitu *untuk* dan *bahawa* (Nik Safiah Karim et al., 2015, p. 509). Berdasarkan rajah pohon 2(a) di atas, pembentukan ayat majmuk komplemen ini menggunakan kata hubung komplemen *bahawa* yang hadir pada konstituen predikat.

Disebabkan kata hubung komplemen *bahawa* dalam ayat tersebut hadir pada konstituen predikat, maka kata komplemen itu boleh digugurkan. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 510-511), bagi ayat yang mengandungi kata hubung komplemen *bahawa* pada kedudukan objek dalam predikat, kadang-kadang pengguguran kata komplemen tersebut dibenarkan, yakni tidak menjejaskan makna. Walau bagaimanapun, pada kedudukan subjek, kata komplemen *bahawa* tidak boleh digugurkan kerana akan menjejaskan makna ayat. Proses pengguguran yang berlaku mengakibatkan perubahan daripada struktur dalaman kepada struktur permukaan. Struktur permukaan ayat majmuk komplemen dapat dijelaskan dalam rajah 2(b) di bawah.

2(b)

Struktur Permukaan



Berdasarkan rajah pohon 2(b) di atas, didapati bahawa kata hubung komplemen *bahawa* telah digugurkan. Selain itu, frasa nama *dia* dan frasa kerja *memberitahu* dalam binaan A₁ turut digugurkan. Dalam bahasa Melayu, pengguguran dibenarkan sekiranya tidak menjejaskan makna ayat (Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin, 2015, p. 11). Tambahan pula, menurut Abd. Rahim Ismail dan Khairuddin Mohamad (2017, p. 49), setiap baris pantun mempunyai empat perkataan dan jumlah suku kata adalah antara lapan hingga dua belas sahaja. Oleh itu, ayat majmuk pancangan komplemen yang akhirnya terhasil ialah *Salah pemimpin hancur negeri*.

(c) Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 514), ayat majmuk keterangan merupakan ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat. Terdapat dua ciri penting dalam ayat majmuk keterangan. Pertama, ayat induk dengan satu atau lebih ayat kecil tidak boleh berdiri sendiri. Kedua, adanya kata hubung yang menjalinkan ayat induk dengan ayat kecil. Misalnya, *ketika, kerana, semasa, sewaktu*, dan

sekiranya. Suraiya Chapakiya (2014, p. 90) berpendapat bahawa jenis kata hubung yang digunakan dalam ayat dapat menentukan jenis ayat majmuk keterangan tersebut. Beliau membahagikan ayat majmuk keterangan kepada sembilan jenis, iaitu musabab, akibat, syarat, waktu, pertentangan, harapan, cara, tujuan, dan perbandingan. Berikut merupakan petikan pantun yang memperlihatkan penggunaan salah satu ayat majmuk keterangan.

3. **Biji durian jangan dibuang,
 Supaya dapat ditanam lagi;**
 Hati rawan bukan kepalang,
 Dinda kulihat di dalam mimpi.

Berdasarkan pantun 3, penggunaan ayat majmuk pancangan keterangan dapat dikesan pada dua baris pembayang maksud pantun. Dalam kedua-dua baris tersebut, struktur dalaman binaan ayatnya dapat ditunjukkan seperti berikut:

Biji durian jangan dibuang supaya dapat ditanam lagi. [Struktur Dalaman]


Binaan struktur dalaman ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal seperti yang ditunjukkan di bawah ini.

- (i) Biji durian jangan dibuang. (FN + FK)
- (ii) Biji durian dapat ditanam lagi. (FN + FK)

Sehubungan dengan itu, dengan merujuk pantun 3 di atas, dalam dua baris pembayang maksud pantun ini terdapat penggunaan ayat majmuk pancangan keterangan dengan penggunaan kata keterangan harapan *supaya*. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 517), keterangan harapan merujuk kepada unsur yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihayati. Binaan ayat bagi struktur dalaman dijelaskan dengan mudah melalui rajah pohon 3(a) di bawah.

3(a)

Struktur Dalaman




Pola binaan A₁ dan A₂ masing-masing terdiri daripada frasa nama dan frasa kerja. Frasa nama yang mengisi konstituen subjek dalam binaan A₁ ialah *biji durian*, manakala konstituen predikat dalam binaan A₁ pula diisi dengan frasa kerja *jangan dibuang*. Sementara dalam binaan A₂, iaitu ayat keterangan memiliki subjek frasa nama *biji durian* yang serupa dengan subjek binaan

A₁, manakala frasa kerja *dapat ditanam lagi* pula merupakan unsur pengisi bagi konstituen predikatnya. Binaan A₂ telah dipancang ke dalam binaan A₁ untuk menerangkan frasa kerja dalam konstituen predikat ayat tersebut. Hubungan seperti ini disebut hubungan keterangan. Sehubungan dengan itu, dalam ayat *Biji durian jangan dibuang supaya dapat ditanam lagi*, ayat induknya ialah binaan A₁, sementara binaan A₂ merupakan ayat keterangan. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata hubung pancangan harapan *supaya* untuk membentuk ayat majmuk pancangan keterangan.

Disebabkan binaan A₁ dan A₂ dalam rajah 3(a) mempunyai subjek frasa nama yang sama, maka subjek frasa nama dalam A₂ tersebut boleh digugurkan. Hal ini bertepatan dengan pendapat Nik Safiah Karim et al. (2015, p. 540) yang menjelaskan bahawa jika terdapat beberapa frasa nama sebagai subjek yang serupa atau beridentiti sama, maka subjek frasa nama yang serupa itu boleh digugurkan kecuali subjek frasa nama yang berada di awal ayat majmuk tersebut. Rentetan itu, subjek frasa nama *biji durian* digugurkan dalam A₂ bagi membentuk struktur permukaan ayat dan proses ini dikenali sebagai proses pengguguran frasa nama sebagai subjek. Oleh itu, ayat majmuk pancangan keterangan yang terhasil ialah *Biji durian jangan dibuang supaya dapat ditanam lagi*. Proses transformasi bagi struktur permukaan ditunjukkan dalam rajah 3(b) di bawah.

3(b)

Struktur Permukaan



KESIMPULAN

Keseluruhannya, penggunaan ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu dapat dianalisis dan diperjelas melalui teori Transformasi Generatif standard. Selain itu, teori ini juga dapat mengkaji secara lebih mendalam perwujudan struktur dalaman dan struktur permukaan yang ada pada sesebuah ayat. Hal ini dikatakan demikian kerana struktur dalaman lebih mudah difahami jika dibandingkan dengan struktur permukaan yang memerlukan masa yang lebih lama untuk memahaminya. Dengan menggunakan teori ini, sebarang ayat dalam mana-mana bentuk sama ada pantun, syair, gurindam, dan sebagainya turut dapat dihuraikan secara menyeluruh dan terperinci.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2015). Analisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26(1), 1-28.
- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). Pantun Melayu: Analisis ayat majmuk gabungan bahasa Melayu. *International Journal of Malay World and Civilisation*, 4(2), 23-36.
- Ab. Razak Ab. Karim. (1996). Pantun Melayu lama: Analisis penggunaan kata dan ayat. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(4), 306-320.
- Ab. Razak Ab. Rahim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). Pantun Melayu: Analisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 23, 111-141.
- Abd. Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad. (2017). *Kesusasteraan Melayu*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob & Zulkifli Osman. (2006). *Sintaksis: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2002). *Tatabahasa bahasa Melayu: Morfologi dan sintaksis untuk guru dan pelajar*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Khair Mohd Noor. (2019). *Teks lengkap tatabahasa bahasa Melayu STPM*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Alif Cahya Setiadi. (2016). Pengajaran bahasa dengan pendekatan komunikatif: Analisis atas teori transformasi-generatif Noam Chomsky. *At-Ta'dib*, 4(1), 1-14.
- Arina Johari dan Mohd. Zuber Ismail. (2013). Analisis kesalahan umum struktur asing ayat majmuk oleh pelajar asing. *Proceeding of International Language For Communication Conference*. IIUM Repository (IREP). http://irep.iium.edu.my/32395/1/analisis_kesalahan_umum_-_Arina.pdf
- Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abd Wahab. (2016). Profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(1), 29-43.
- Melvina Chung Hui Ching. (2021). Analisis ayat majmuk dalam pantun Melayu dengan menggunakan teori transformasi generatif. Dalam Sara Beden (Ed.), *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2021* (pp. 39-49). Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan* (3rd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1996). Pantun Melayu: Satu Garapan struktur ayat. Dalam Wan Ab. Kadir Wan Yusoff (Ed.), *Pantun dan manifestasi minda masyarakat* (pp. 15-25). Universiti Malaya, Akademi Pengajian Melayu.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa dalam novel Melunas Rindu: Aplikasi maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 143-172.

- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 75-81.
- Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Ayat perintah dalam novel Kabus di Perbukitan. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 19-29.
- Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor. (2006). *Tatabahasa melayu mesra pengguna*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Suraiya Chapakiya. (2014). *Asas linguistik*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zahir Ahmad. (2005). Pantun Melayu sebagai manifestasi sosiobudaya dan pensejarahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 241-254.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman. (2007). *Linguistik Melayu* (2nd ed.). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (2015). Konsep bahasa. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramly Md. Salleh & Rahim Aman (Peny.). *Linguistik Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 17-31.

ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN KATA TUNGGAL DALAM PENULISAN BLOG

Noor Fatehah Shahira binti Roslee

fatehah23-310@epembelajaran.edu.my

Syakirah binti Sadiro

Syakirah23-318@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Bahasa Melayu bukan sahaja merupakan bahasa yang digunakan dalam hubungan sosial, malah memikul peranan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pendidikan di negara Malaysia. Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas dalam komunikasi harian sama ada secara lisan mahupun bukan lisan kalangan masyarakat. Malah, pengguna media sosial dan penulis blog turut lebih selesa menggunakan bahasa Melayu dalam perkongsian maklumat, memberikan pendapat atau komen. Namun, perwujudan kesalahan bahasa dalam penggunaan bahasa Melayu sehingga kini masih berlanjutan. Kesalahan dalam bahasa Melayu timbul disebabkan ketidakpatuhan pada hukum tatabahasa bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesalahan penulisan kata tunggal yang terdapat dalam penulisan blog. Kajian ini berlandaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) untuk menganalisis data dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kualitatif sepenuhnya melalui kepustakaan dan analisis teks, iaitu penulisan dalam blog dijadikan sebagai bahan analisis. Data kajian diperoleh dengan mengambil 20 blog daripada laman web dari tahun 2019 hingga 2021. Data yang diperoleh kemudian diterjemahkan dalam bentuk jadual kesalahan bahasa untuk kegunaan penganalisan data. Hasil dapatan menunjukkan terdapat kesalahan penggunaan kata tunggal dalam penulisan blog oleh penulis. Kesimpulannya, penulis atau pengguna bahasa Melayu harus lebih cakna dan prihatin ketika menggunakan bahasa Melayu agar dapat meminimumkan kesalahan dalam bahasa Melayu, di samping keindahan bahasa Melayu dapat terpelihara.

Kata kunci: *Kesalahan bahasa, blog, bahasa Melayu, penulisan kata tunggal*

PENGENALAN

Morfologi ialah bidang linguistik yang mengkaji bagaimana perkataan dibina (Abdullah Hassan, 2012). Oleh itu, morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata ialah unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi, atau bentuk dan fungsinya. Perkataan-perkataan yang mempunyai keserupaan yang demikian digolongkan ke dalam golongan kata yang sama. Nik Safiah Karim et al. (2015) pula mendefinisikan morfologi bahasa Melayu ialah bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu.

Kata tunggal ialah perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak menerima proses penggandaan dan perangkaian. Terdapat sekurang-kurangnya dua jenis kata tunggal, iaitu kata tunggal yang mengandungi hanya satu suku kata dan kata tunggal yang mengandungi dua suku kata atau lebih (Nik Safiah Karim et al., 2015). Selain itu, Mohd Januri et al. (2017) menyatakan morfem bebas dalam bentuk kata tunggal yang mengandungi satu suku kata agak terhad jumlahnya, contohnya perkataan *yu, gred, darf, brek, spring, straw, am, bank, golf, wang, syak, cap* dan *skru*.

Menurut Awang Sariyan (1996), bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Dalam pada itu, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa komunikasi utama sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Oleh itu, kebanyakan penulis blog memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan blog mereka. Blood (2002) menyatakan bahawa laman blog merupakan laman sesawang yang bertindak sebagai satu platform perkongsian jurnal peribadi penulisan blog kepada umum. Dalam pada itu, menurut S. Rajagobal (2016), blog boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu blog peribadi, blog penapis dan blog bertopik. Rajagobal menambah, blog peribadi merupakan blog yang memaparkan hal peribadi penulis blog untuk bacaan umum, blog penapis bertujuan untuk membuat laporan dan berkongsi pengalaman diri penulis blog sahaja, manakala blog bertopik memfokuskan topik-topik seperti mengait, kewangan peribadi, fesyen, seni digital dan sastera elektronik, politik, dan produk peribadi. Selain itu, menurut Husni (2020), pemanfaatan blog semakin meningkat untuk pelbagai bidang dan kepentingan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesalahan bahasa dari aspek morfologi, khususnya penggunaan kata tunggal dan termasuk kata “ianya” dalam penulisan blog.

SOROTAN LITERATUR

Kajian lepas mengenai kesalahan bahasa Melayu dalam penulisan mahupun penulisan dalam blog banyak dikaji oleh pengkaji tempatan. Antaranya, kajian yang dijalankan oleh Siti Norsyahida, Nor Azuwan dan Che Ibrahim (2015) tentang penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi, iaitu sebanyak 10 blog telah diambil dari tahun 2011 hingga 2014. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kesilapan dalam penggunaan morfologi. Kesilapan penulisan meliputi aspek kata tunggal, kata terbitan, kata penggandaan, dan kata majmuk. Nadiyah Suboh (2013) pula telah mengkaji aspek bahasa Melayu dalam penulisan blog. Dapatan kajian menunjukkan aspek bahasa yang terdapat dalam penulisan blog terpilih adalah bahasa Melayu yang sempurna dan kurang menggunakan unsur bahasa kasar atau bahasa slanga, campur kod, alih kod dan singkatan dalam penulisan lebih disukai oleh responden. Justeru, penulis blog harus mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu yang sempurna dalam penulisan mereka kerana masyarakat maya khususnya pengguna bahasa Melayu lebih suka memilih blog-blog yang menerapkan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Kajian oleh Nor Hafidah Ibrahim (2011) tentang mengenal pasti dan menganalisis percampuran bahasa dan slanga dalam ruangan blog remaja. Dalam kajian tersebut, dapat diperhatikan bahawa penulisan blog menggunakan kata atau frasa yang meliputi beberapa aspek seperti percampuran bahasa dan penggunaan slanga. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan penulis blog gemar mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penggunaan slanga pula menimbulkan penggunaan istilah baharu yang tertentu dalam interaksi sosial. Kajian ini telah membuktikan bahawa kesilapan penggunaan kata tunggal sering dilakukan oleh penulis blog.

Selain itu, menurut Rubiah et al. (2010), terdapat penggunaan bahasa ringkas secara berleluasa berbanding dengan bahasa sebenar dalam penulisan dalam talian. Hal ini dikatakan demikian kerana, penerimanya lebih selari dengan aliran masa kini sehinggakan remaja kurang berminat untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu jati yang memiliki tatabahasa dan frasa lebih tersusun. Dapatan kajian menjelaskan bahawa penggunaan bahasa yang tidak teratur dan sifat bahasa yang ringkas dikhuatiri boleh melanggar kemurnian dan keaslian bahasa. Kajian ini membuktikan bahawa, penggunaan bahasa singkat menjadi punca bagi kesalahan penggunaan kata tunggal di media elektronik. Abdul Jalil (1999) pula melakukan kajian mengenai kesalahan penggunaan kata *ianya* dalam bahasa Melayu. Kesalahan ini kerap kali digunakan dalam pengucapan, dan tulisan baik bercetak mahupun elektronik. Keadaan ini berlaku kerana disebabkan terdapatnya variasi dalam sesuatu bahasa seperti bahasa pasar, bahasa daerah iaitu dialek, bahasa baku, bahasa slanga dan sebagainya. Hal tersebut terlihat apabila terdapat dalam beberapa hasil karya klasik dalam bahasa Melayu. Dalam karya klasik yang dimaksudkan terdapat kata yang ditulis

dengan huruf Jawi iaitu gabungan huruf alif, ya dan nya. Oleh itu, kajian ini berfokus kepada kesalahan bahasa Melayu dalam penulisan blog bagi aspek morfologi.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kesalahan penggunaan kata tunggal dalam penulisan blog.
2. Menganalisis kesalahan penggunaan kata tunggal dalam penulisan blog.

KERANGKA TEORETIS

Berdasarkan teori Corder (1973) oleh Nor Ain dan Nur Farahkhanna (2020), terdapat empat kategori kesilapan bahasa, iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah, dan kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan lesikon. Selain itu, Corder (1981) menyatakan bahawa terdapat perbezaan pengertian kesalahan bahasa berdasarkan sebab-sebabnya, iaitu keliru (mistakes), kesilapan (lapses) dan salah (errors). *Mistakes* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana penulis tidak menggunakan bahasa secara tepat. *Lapses* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana beralihnya topik perbincangan, manakala *errors* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa dari struktur baku kerana pemakai belum menguasai kaedah bahasa. Corder (1973) juga mengatakan bahawa dalam mempelajari bahasa, seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan. Perkara inilah yang akan menimbulkan kesilapan dalam penggunaan konteks tidak formal dalam konteks formal dalam bahasa. Oleh itu, masyarakat haruslah bijak dalam menggunakan bahasa Melayu mengikut konteks yang sesuai. Dalam kajian ini, jenis kesilapan yang difokuskan ialah kesilapan dalam bidang linguistik memandangkan kajian ini bertujuan melihat kesalahan morfologi, khususnya dari segi penggunaan kata tunggal dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini menggunakan teori analisis kesalahan Corder (1973) untuk menganalisis kesalahan penggunaan kata tunggal dan buku yang ditulis oleh Nik Safiah et al. (2015), iaitu *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* digunakan sebagai rujukan utama dalam landasan kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis secara tekstual dengan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan kesalahan penggunaan kata tunggal dalam penulisan blog. Oleh itu, bagi mendapatkan data terbaharu dan pengumpulan maklumat, pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah analisis teks dengan mengambil bahan kajian daripada penulisan blog dalam talian. Kaedah analisis teks dilakukan dengan memilih sumber dan bahan bacaan yang sesuai dengan tajuk kajian tentang kesalahan dalam aspek morfologi, iaitu kesalahan penulisan kata tunggal. Selain itu, sebanyak 20 laman blog dipilih dengan berfokuskan kepada laman blog jenis sosial dan kesihatan, iaitu dari tahun 2019 hingga 2021.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memfokuskan dapatan hasil daripada kajian dan perbincangan kajian melalui penganalisan kesalahan penggunaan kata tunggal dalam penulisan blog. Dapatan kajian dipindahkan ke dalam bentuk jadual seperti Jadual 1 hingga Jadual 7 di bawah.

Jadual 1. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Tak

Bil.	Kesalahan	Seharusnya
1	Demam boleh menyerang tak kira umur.	Demam boleh menyerang tidak kira umur.
	https://cikqiqicute.blogspot.com/2019/08/tips-rawat-bayi-demam-tanpa-ubat.html (Tips Rawat Bayi Demam Tanpa Ubat, 2019)	

2	Bagus digunakan untuk mereka yang tak suka bau minyak macam minyak gamat tu.	Bagus digunakan untuk mereka yang tidak suka bau minyak macam minyak gamat tu.
	https://www.azhafizah.com/2020/11/khasiat-minyak-daun-bidara-asli.html (Khasiat Minyak Daun Bidara Asli, 2020)	
3	Mempunyai dagu berlapis atau double chin boleh membuatkan mana-mana individu sama ada lelaki mahupun perempuan berdepan perasaan insecure, rasa diri tak cantik, gemuk dan tua.	Mempunyai dagu berlapis atau double chin boleh membuatkan mana-mana individu sama ada lelaki mahupun perempuan berdepan perasaan insecure, rasa diri tidak cantik, gemuk dan tua.
	https://www.annursyuhadah.com/2021/11/tip-hilangkan-dagu-berlapis-dengan.html (Tip Hilangkan Daggu Berlapis Dengan Berkesan Tanpa Berbelanja Besar, 2021)	
4	Tak cukup tidur atau terlebih tidur ia sebenarnya boleh menjejaskan kesihatan.	Tidak cukup tidur atau terlebih tidur ia sebenarnya boleh menjejaskan kesihatan.
	https://sebangkejayaan.blogspot.com/2020/06/pentingnya-tidur-yang-mencukupi-dalam.html (Pentingnya Tidur Yang Mencukupi Dalam Kehidupan Sehari-hari, 2020)	

Jadual 1 di atas menunjukkan kesalahan penggunaan kata tunggal dalam penulisan blog jenis kesihatan iaitu kata *tak*. Menurut PRPM DBP dalam pautan (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tak>), perkataan *tak* merupakan singkatan daripada kata tunggal *tidak* yang merupakan kata tunggal dua suku kata. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015:61), antara pola kata tunggal dengan dua suku kata adalah seperti pola gabungan konsonan-vokal KV + KVK. Berdasarkan kajian Siti Norsyahida Mohd A. Rasyid et al. (2015), perkataan *tak* yang digunakan dalam ayat ialah merupakan kata singkatan. Kata nafi mempunyai dua bentuk, iaitu *tidak* dan *bukan*. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015) dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* menunjukkan bahawa perkataan *tak* tidak terdapat dalam senarai bentuk kata nafi. Oleh itu, penggunaan *tak* merupakan kesalahan penggunaan kata tunggal kerana ia merujuk kepada perkataan *tidak* yang tergolong dalam kata nafi bahasa Melayu. Justeru, penggunaan *tak* perlu ditukar kepada kata tunggal dua suku kata, *tidak*.

Jadual 2. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Kat

Bil.	Kesalahan	Seharusnya
1	Kat kampung, buah mahkota dewa ni tanam terus dalam tanah memang lebat buah dia.	Di kampung, buah mahkota dewa ni tanam terus dalam tanah memang lebat buah dia.
	https://www.azhafizah.com/2021/01/buah-mahkota-dewa.html (Buah Mahkota Dewa, 2021)	

Menurut Siti Norsyahida Mohd A. Rasyid et al. (2015), kesalahan bahasa merupakan bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku. Kesalahan itu meliputi semua aspek, iaitu tatabahasa, ejaan, sebutan dan penggunaan istilah. Menurut PRPM DBP dalam pautan (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kat>), *kat* ialah bahasa percakapan bagi perkataan dekat. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), *dekat* merupakan kata adjektif jarak yang bermaksud jarak yang tidak jauh. Dalam ayat di atas, penggunaan *kat* yang merupakan singkatan bagi *dekat* dan tidak sesuai digunakan dalam penulisan. Sufyan Hussin (2005) juga telah mengkaji bahawa singkatan *kat* mungkin diterima sebagai bahasa pertuturan dalam komunikasi harian tetapi tidak diterima sebagai suatu standard yang boleh dimasukkan dalam

Kamus Dewan dan tidak boleh digunakan dalam penulisan formal. Selain itu, kajian Siti Norsyahida Mohd A. Rasyid et al. (2015) turut menerangkan bahawa kata *dekat* merupakan merupakan golongan kata adjektif jarak. Hal ini menunjukkan penggunaan kata adjektif jarak yang telah dipendekkan dalam ayat menyebabkan berlakunya kesalahan kata tunggal. Penggunaan kata sendi nama *di* sesuai digunakan dalam ayat kerana penggunaan tersebut merujuk kepada tempat dan ruang kongkrit.

Jadual 3. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata *Ni* dan *Tu*

Bil.	Kesalahan	Seharusnya
1	Sebenarnya kurang ambil gula ni adalah diet paling murah dan sangat berkesan.	Sebenarnya kurang ambil gula ini adalah diet paling murah dan sangat berkesan.
	https://www.azhafizah.com/2020/12/6-kebaikan-kurang-pengambilan-gula.html (6 Kebaikan Kurang Pengambilan Gula, 2020)	
2	Minyak daun bidara asli ni tak lah sepanas minyak panas yang lain.	Minyak daun bidara asli ini tak lah sepanas minyak panas yang lain.
	https://www.azhafizah.com/2020/11/khasiat-minyak-daun-bidara-asli.html (Khasiat Minyak Daun Bidara Asli, 2020)	
3	Dan kesilapan tu dijadikan pengajaran buat diri agar tidak ulang lagi kesilapan yang sama.	Dan kesilapan itu dijadikan pengajaran buat diri agar tidak ulang lagi kesilapan yang sama.
	https://sebangkejayaan.blogspot.com/2019/07/motivasi-gagal-bukanlah-pengakhiran.html (Motivasi-Gagal bukanlah pengakhiran, 2019)	

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015:60), ada juga perkataan yang merupakan kependekan bagi perkataan dua suku kata atau lebih, misalnya *ku* untuk *aku* dan *tu* untuk *itu*, tetapi perkataan sedemikian tidak dianggap perkataan satu suku kata. Berdasarkan Jadual 3, penggunaan perkataan *ni* dan *tu* dalam penulisan ayat di atas adalah tidak tepat. Hal ini kerana, *ni* dan *tu* tidak dianggap satu suku kata. Penggunaan *ni* dan *tu* merupakan kependekan bagi perkataan *ini* dan *itu* yang seharusnya terdiri daripada dua suku kata dengan pola gabungan konsonan-vokal V + KV. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata tunggal jika dilihat dari segi persukuan kata, boleh mengandungi satu suku kata atau lebih daripada suku kata. Dalam ayat di atas, penggunaan *ni* dan *tu* adalah salah kerana kedua-duanya tidak dianggap sebagai kata tunggal yang juga merujuk kepada kata ganti nama tunjuk umum *ini* dan *itu*. Justeru, *ni* dan *tu* perlu ditukar kepada perkataan yang lebih tepat iaitu *ini* dan *itu*.

Jadual 4. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata *Je*

Bil.	Kesalahan	Seharusnya
1	Dan bila anda rasa kecewa atau sedih, bila anda baca je kata-kata semangat tersebut, ia akan menaikkan semula semangat anda.	Dan bila anda rasa kecewa atau sedih, bila anda baca sahaja kata-kata semangat tersebut, ia akan menaikkan semula semangat anda.
	https://sebangkejayaan.blogspot.com/2020/11/5-tips-untuk-kekal-bermotivasi-setiap.html (5 Tips Untuk Kekal Bermotivasi Setiap Hari, 2020)	
2	Bukan badan je yang nak diurut tetapi kuku juga perlu diurut.	Bukan badan sahaja yang nak diurut tetapi kuku juga perlu diurut.
	https://siraplimau.com/cara-penjagaan-kuku-yang-cantik/ (Nak Kuku Kekal Berkilat & Tak Rapuh? Ikut 7 Tips Penjagaan Kuku Secara Semulajadi Ini, 2020)	

Berdasarkan teori analisis Corder (1981), *Mistakes* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana penulis tidak menggunakan bahasa secara tepat. Berdasarkan Jadual 4, kesalahan penggunaan *je* dalam ayat di atas merupakan penyimpangan pemakaian bahasa kerana penulis blog tidak menggunakan bahasa secara tepat. Berdasarkan ayat di atas, perkataan *je* merupakan singkatan daripada kata penegas *sahaja*. Berdasarkan kajian Supyan Hussin (2005), *je* merupakan singkatan bagi *sahaja*. Singkatan perkataan ini tidak boleh digunakan dalam penulisan formal kerana ia boleh mengelirukan pembaca serta merosakkan bahasa standard. Selain itu, Nik Safiah Karim et al. (2015) dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* menunjukkan bahawa kata penegas perkataan *je* tidak terdapat dalam senarai kata penegas. Tambahan pula, kata *sahaja* merupakan golongan kata tunggal tiga suku kata. Oleh itu, penggunaan perkataan *je* yang dipendekkan menunjukkan kesalahan penggunaan kata tunggal dan perlu ditukar kepada kata tunggal yang lebih tepat iaitu *sahaja*.

Jadual 5. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Tapi

Bil.	Kesalahan	Seharusnya
1	Mesti kita ada kawan-kawan yang badannya kelihatan kurus tapi mempunyai nafsu makan yang besar bukan?	Mesti kita ada kawan-kawan yang badannya kelihatan kurus tetapi mempunyai nafsu makan yang besar bukan?
	https://siraplimau.com/tips-diet-berat-turun-cepat/ (Makan Banyak Tapi Maintain Kurus, Rupanya Lemak Tengah Bersembunyi, 2021)	
2	Tapi sebagai penduduk negara yang bermusim tropika ini, adalah lebih baik anda mandi dua kali sehari.	Tetapi sebagai penduduk negara yang bermusim tropika ini, adalah lebih baik anda mandi dua kali sehari.
	https://blog.tripfez.com/6-tip-penjagaan-kebersihan-dan-kesihatan/ (6 Tip Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Diri, 2020)	

Menurut Siti Norsyahida Mohd A. Rasyid et al. (2015, p.35), Corder (1973) telah mengatakan bahawa dalam mempelajari bahasa, seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan. Penggunaan konteks tidak formal dalam konteks formal inilah yang menyebabkan kesalahan berlaku. Dalam ayat di atas, terdapat kesalahan penggunaan kata tunggal *tapi*. Menurut PRPM DBP dalam pautan (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tapi>), *tapi* ialah bahasa percakapan bagi kata hubung tetapi. Berdasarkan kajian Siti Norsyahida Mohd A. Rasyid et al. (2015), *tapi* merujuk kepada kata *tetapi* yang merupakan kata hubung gabungan. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), contoh kata hubung gabungan ialah dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil dan kemudian. Tidak terdapat perkataan *tapi* dalam kata hubung gabungan. Justeru, perkataan *tapi* perlu ditukar kepada kata tunggal tiga suku kata *tetapi* dengan pola konsonan-vokal, KV+ KV+ KV.

Jadual 6 Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Nak

Bil.	Kesalahan	Seharusnya
1	Kalau nak kurus, elakkan daripada makan pada waktu malam.	Kalau hendak kurus, elakkan daripada makan pada waktu malam.
	https://bidadari.my/cara-kuruskan-badan/ (7 Cara Kuruskan Badan Dengan Cepat Tanpa Produk (Boleh Amal), 2021)	
2	Jadual ini penting kerana dapat mengelakkan kita rasa serabut dan stress subjek apa yang nak diulang kaji hari ini, esok, lusa dan hari-hari berikutnya.	Jadual ini penting kerana dapat mengelakkan kita rasa serabut dan stress subjek apa yang hendak diulang kaji hari ini, esok, lusa dan hari-hari berikutnya.

	https://sembangkejayaan.blogspot.com/2021/08/5-cara-mudah-mengurangkan-stress-ketika.html (5 Cara Mudah Mengurangkan Stress Ketika Musim Peperiksaan, 2021)
--	--

Berdasarkan Jadual 7, kesalahan yang dapat dikenal pasti dalam ayat ialah perkataan *nak*. Menurut PRPM DBP (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=nak>), perkataan *nak* merupakan kependekan kepada kata tugas *hendak*. Berdasarkan kajian Siti Norsyahida Mohd A. Rasyid et al. (2015) juga, perkataan *nak* merupakan perkataan *hendak* yang diringkaskan. *Hendak* merupakan kata tunggal jenis kata tugas iaitu kata bantu ragam yang berperanan untuk menyatakan atau menerangkan ragam atau suasana perasaan yang berhubung dengan perbuatan yang dilakukan. Bentuk kata bantu ragam ialah *hendak*, *mahu*, *harus*, *mesti*, *boleh*, *dapat*, *enggan*, *patut*, dan *mungkin* (Nik Safiah Karim et al., 2015). Perkataan *nak* tidak terdapat dalam bentuk kata ragam bahasa Melayu. Oleh itu, penggunaan *nak* perlu ditukar kepada kata tunggal jenis kata tugas *hendak*.

Jadual 7. Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Ianya

Bil	Kesalahan	Seharusnya
1	Kaedah ini mungkin hampir sama seperti diet IF, tetapi untuk kali ini, ianya lebih fleksibel.	Kaedah ini mungkin hampir sama seperti diet IF, tetapi ini lebih fleksibel.
	https://bidadari.my/cara-kuruskan-badan/ (7 Cara Kuruskan Badan Dengan Cepat Tanpa Produk (Boleh Amal), 2021)	
2	Penjarakan sosial boleh membuat anda berasa sunyi dan terasing. Di samping menghantar mesej, hubungilah orang tersayang anda untuk bertanya khabar ataupun berborak. Ianya baik untuk kesihatan mental anda!	Penjarakan sosial boleh membuat anda berasa sunyi dan terasing. Di samping menghantar mesej, hubungilah orang tersayang anda untuk bertanya khabar ataupun berborak. Ini baik untuk kesihatan mental anda!
	https://www.grab.com/my/blog/driver/tip-penjagaan-diri-semasa-pandemik/ (Tip Penjagaan Diri Semasa Pandemik, 2020)	
3	Ianya membantu untuk membakar sebahagian kalori dari makanan yang anda makan itu tadi.	Ini membantu untuk membakar sebahagian kalori dari makanan yang anda makan itu tadi.
	https://www.hijabista.com.my/perkongsian-21-tip-diet-paling-berkesan-boleh-diamalkan-hasilnya-boleh-dilihat-sepantas-7-hari-je/ (Perkongsian 21 Tip Diet Paling Berkesan Boleh Diamalkan, Hasilnya Boleh Dilihat Sepantas 7 Hari Je, 2019)	
4	Salmon merupakan sejenis ikan yang sangat unik. Ianya mengandungi asid lemak omega-3 yang paling tinggi berbanding ikan jenis lain.	Salmon merupakan sejenis ikan yang sangat unik. Salmon mengandungi asid lemak omega-3 yang paling tinggi berbanding ikan jenis lain.
	https://neuroversiti.com/21-makanan-berkhasiat-yang-anda-perlu-tahu/ (21 Makanan Berkhasiat Yang Anda Perlu Tahu, 2019)	
5	Apabila workout atau senaman dilaksanakan dengan betul dengan hanya menggunakan berat badan anda pastinya ianya menyeronokkan dan tidak terlalu membebankan anda.	Apabila workout atau senaman dilaksanakan dengan betul dengan hanya menggunakan berat badan anda, ini pastinya menyeronokkan dan tidak terlalu membebankan anda.
	https://jomsihatblog.blogspot.com/2020/11/10-gerakan-workout-mudah-di-rumah-bagi.html?m=1 (10 Gerakan Workout Mudah Di Rumah Bagi Mereka Yang Beginner, 2020)	

6	Apabila tenaga di dalam tubuh berkurangan, ianya sedikit sebanyak akan mengganggu aktiviti harian seperti sakit kepala kerana badan akan mudah keletihan dan berasa lemah.	Apabila tenaga di dalam tubuh berkurangan, ini sedikit sebanyak akan mengganggu aktiviti harian seperti sakit kepala kerana badan akan mudah keletihan dan berasa lemah.
	https://ohbulan.com/jogging-dah-kayuh-basikal-pun-dah-tapi-berat-tak-turun-mungkin-tips-ini-boleh-bantu (Jogging Dah, Kayuh Basikal Pun Dah Tapi Bearat Tak Turun? Mungkin Tips Ini boleh Bantu ,2021)	
7	Buah kurma penuh dengan rasa manis. Ianya juga kaya akan nutrien penting dan mempunyai pelbagai kelebihan dan kegunaan.	Buah kurma penuh dengan rasa manis. Buah ini juga kaya akan nutrien penting dan mempunyai pelbagai kelebihan dan kegunaan.
	https://jomsihatblog.blogspot.com/2020/11/6-kebaikan-kesihatan-memakan-buah-kurma.html (6 Khasiat Makan Buah Kurma Dari Sudut Kesihatan, 2020)	
8	Perkara menarik mengenai kolagen ialah ianya merangsang pertumbuhannya yang menyebabkan kesan domino.	Perkara menarik mengenai kolagen ialah dapat merangsang pertumbuhannya yang menyebabkan kesan domino.
	https://jomsihatblog.blogspot.com/2020/09/5-bahan-yang-dapat-meningkatkan-kolagen.html (5 Bahan Yang Dapat Meningkatkan Collagen Untuk Kecantikan Kulit Wajah, 2020)	

Berdasarkan Corder (1981) oleh Siti Norsyahida, Nor Azuwan dan Che Ibrahim (2015), *mistakes* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana penulis tidak menggunakan secara tepat. Kesalahan bahasa boleh berlaku jika penulis tidak menggunakan bahasa yang betul. Kesalahan penggunaan *ianya* yang terdapat dalam ayat-ayat di atas menunjukkan penyimpangan pemakaian bahasa kerana penulis blog kini tidak menggunakan bahasa dengan tepat. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata ganti nama diri orang mengandungi perkataan yang merujuk diri orang tertentu iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga. Tambahnya lagi, antara kata ganti nama diri orang ketiga adalah seperti ia, dia, beliau, mereka dan -nya. Daripada senarai ini, perkataan *ianya* merupakan gabungan dua kata ganti nama diri orang ketiga dan ini tidak menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu. Selain itu, Menurut PRPM DBP dalam pautan (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ianya&d=175768&>), perkataan *ianya* tidak boleh digunakan kerana kata *ia* dan *nya* merupakan kata ganti nama diri orang ketiga dan tidak boleh disekalikan atau digabungkan penggunaannya. Di samping itu, perkataan yang boleh digunakan ialah *ia* yang merupakan kata ganti nama diri dan kata ganti benda yang dibicarakan untuk bukan manusia.

Berdasarkan Jadual 7, penggunaan perkataan *ianya* pada ayat 1, 2, 3, 5, 6 dan 7 dan adalah salah dan boleh ditukar kepada subjek yang sedang dibicarakan. Menurut Lee an Raja Masittah Raja Ariffin (2016), kata ganti nama *ia* tidak boleh diikuti kata *nya*. Dengan kata lain, *ianya* tidak boleh digunakan. Penggabungan dua kata ganti nama ini menunjukkan kesalahan kata tunggal dan perlu ditukar kepada perkataan *ini*. Perkataan *ini* merupakan kata ganti nama tunjuk. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata ganti nama tunjuk ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama dan mendukung maksud menunjukkan benda atau perkara yang dirujuk itu. Justeru, penggunaan perkataan *ianya* pada ayat 1, 2, 3, 5, dan 6 perlu ditukar kepada kata *ini* manakala perkataan *ianya* pada ayat 7 perlu ditukar kepada *buah ini* yang merujuk kepada perkara yang dimaksudkan iaitu buah kurma.

Sementara itu, kesalahan penggunaan *ianya* pada ayat 4 perlu ditukar kepada perkataan *Salmon* kerana ayat tersebut merujuk kepada binatang. Hal ini dikatakan demikian kerana. kata

ganti nama diri tidak digunakan untuk merujuk kepada binatang. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata ganti nama diri ialah kata nama yang menjadi pengganti sesuatu benda, perkara atau manusia. Oleh itu, kesalahan penggunaan perkataan *ianya* perlu ditukar kepada perkataan *Salmon* yang merujuk kepada perkara yang dimaksudkan dalam ayat tersebut.

Berdasarkan ayat 8, terdapat kesalahan penggunaan perkataan *ianya*. Penggabungan kata ganti nama *ia* dan *nya* menunjukkan kesalahan kata tunggal. Perkataan yang sesuai digunakan ialah kata bantu ragam *dapat*. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata bantu ragam ialah bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan. Dalam ayat 8, perkataan *dapat* adalah sesuai untuk menerangkan tentang kolagen yang dapat merangsang pertumbuhan. Justeru, penggunaan perkataan *ianya* perlu ditukar kepada perkataan *dapat*.

KESIMPULAN

Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa masih terdapat penulis blog yang mengabaikan cara penulisan kata tunggal dengan betul yang menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu. Kesalahan ini diklasifikasikan berdasarkan komponen linguistik. Kesalahan berbahasa yang dikaji merupakan penggunaan bahasa yang menyimpang daripada kaedah dan pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Kesalahan yang paling menonjol ialah penggunaan kata tunggal yang tidak sesuai dalam penulisan formal yang dipendekkan mengikut bahasa percakapan dalam masyarakat kita. Walaupun kesalahan penggunaan kata tunggal tidak begitu nyata sebagai isu utama dalam kesalahan morfologi bahasa Melayu, namun perkara ini harus diambil serius kerana dapat memberi impak kepada penggunaan bahasa dalam masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kebolehan penulis dalam menggunakan bahasa Melayu yang betul bukan sahaja memperlihatkan keindahan bahasa, kegramatisan malah sesuai dengan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam menyalurkan maklumat berguna kepada pembaca atau peminat laman blog. Justeru, penulis blog haruslah lebih peka semasa menulis dalam blog menggunakan bahasa Melayu yang menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2012). *Linguistik Am*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Abdullah Hassan. (1989). *Isu-isu Perancangan Bahasa Pengintelektualan Bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Jalil. (1999). *Kumpulan kertas kerja: Kolokium bahasa pemikiran Melayu dan Indonesia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohamad Amin. (1989). *Tulisan Jawi ke arah Penggunaan Yang Lebih Meluas dan Berkesan*. Jurnal Dewan Bahasa.
- Blood, R. (2002). *The Weblog Handbook: Practical Advice on Creating and Maintaining Your Blog*. Perseus Publishing.
- Husni. (2020). Kajian literatur mengenai klasifikasi blog. *Jurnal SimanteC*, 8(2), 63-77.

- Mohd Januri Aiyub, Mazura Sulaiman & Asniza Zakaria. (2015). *Graha Bahasa Melayu*. Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Lee, L.F & Raja Masittah Raja Ariffin. (2016). *Petunjuk Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadiah Suboh. (2013). Aspek Bahasa Melayu dalam Penulisan Blog Berdasarkan Perisian Pengukuran NEMD Versi 2.0. [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2020). *Kumpulan kertas kerja: Kolokium bahasa pemikiran Melayu dan Indonesia*. Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa. *LSP International Journal*, 7, 39–59.
- Nor Hafidah Ibrahim. (2011). *Penggunaan bahasa slanga dan percampuran bahasa melatari laman blog remaja: suatu tinjauan awal*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII. Universiti Putra Malaysia, 9-10 November.
- S. Rajagopal, S. (2016). Kajian Semantik Penggunaan Frasa Nama Bahasa Tamil Berunsurkan Budaya dalam Blog Thirutamil. [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan] Universiti Malaya.
- Rubiah & Nik Safiah Karim. (2010). *Singkatan Cemar Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business and Social Development*, 3 (2), 34-50.

CITRA JIWA SEORANG IBU SEBAGAI WANITA DALAM IBU ADALAH PENTAFSIR: KAJIAN FEMINISME

Frada Dea anak Linggi

frada24-343@epembelajaran.edu.my

Nur Aina Syazwina binti Subri

aina23-1229@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Martabat feminisme dalam karya sastera Melayu acap kali diujani dengan tragedi misogini, eksploitasi di setiap sudut biologi, ekonomi, pendidikan dan paling meruntun jiwa adalah apabila mereka diperlihatkan serta dihukum sebagai golongan minoriti. Bukan itu sahaja, watak feminisme juga digambarkan dengan arus penceritaan yang menyifatkan mereka sebagai warga yang lemah iaitu pasti sahaja perlu berpaut pada dahan yang kukuh dan mempunyai pemikiran jumud serta dangkal. Kemudian, feminisme yang terkapai-kapai dalam kegelapan, suara yang terbungkam dan ditempatkan di sudut ruang sempit, akhirnya bangkit untuk merombak pandangan- pandangan tentang mereka yang diklasifikasikan sebagai warga kelas kedua. Suara mereka yang dirundum dengan budaya patriarki ini mulai didengari oleh penulis lelaki seperti Shahnnon Ahmad yang menempatkan wanita di posisi yang lebih tinggi dalam sastera Melayu. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur feminisme dalam karyanya yang bertajuk 'Ibu Adalah Pentafsir'. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus kepada analisis teks berlandaskan Teori Feminisme yang menggagaskan empat koda utama iaitu biologi, pengalaman, psikologi dan sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga daripada empat koda sahaja yang terkandung dalam karya 'Ibu adalah Pentafsir' iaitu biologi, psikologi dan sosial. Walau bagaimanapun, karya tersebut tetap menunjukkan citra kewanitaan yang banyak menentang ketabahan dan kecekalan seorang ibu dalam berjuang meredah onak dan duri kehidupan. Kesimpulannya, Teori Feminisme ternyata mampu menyirati citra feminisme dalam Ibu adalah Pentafsir yang berhasil mengangkat kedudukan feminisme dalam dunia kesusasteraan Melayu.

Kata kunci: *Teori Feminisme, koda, biologi, psikologi, sosial*

PENGENALAN

Kaum wanita dan kedudukannya dalam kehidupan sosial selalu menjadi topik yang menarik dan hangat untuk dibawa ke meja perbincangan apabila golongan ini masih tidak dapat lari daripada isu-isu mendesak seperti keganasan rumah tangga, pemerdagangan manusia, penganiayaan terutama hak sebagai isteri, gejala pembuangan bayi dan sebagainya (Nursyamimi Saidi, 2014). Dalam struktur sosial yang berkembang walaupun pada masa ini, wanita masih ditempatkan dalam kedudukan minoriti. Perkara yang lebih menyedihkan adalah apabila masyarakat masih lagi bersifat patrilineal dan masih mengekalkan budaya patriarki yang memuliakan serta mengutamakan kaum lelaki dalam semua aspek kehidupan. Rentetan itu, muncul perjuangan para feminis dan emansipasi wanita yang ingin menegakkan hak serta kesetaraan gender yang turut mewarnai karya-karya sastera dengan menukilkan pelbagai cerita tentang perjuangan wanita dalam kehidupan. Ruang lingkup perbincangan tentang wanita dalam sastera sering kali menjurus kepada representasi wanita sebagai bahan penceritaan, sama ada dalam hasil karya pengarang lelaki ataupun wanita.

Stereotaip terhadap kaum wanita tidak hanya terjadi dalam ruang kehidupan sosial, tetapi juga terkandung dalam tradisi teks (Muwafiqotul & Hatim, 2016). Pemerian watak wanita dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita tidak dinafikan terdapatnya perbezaan berbeza.

Berdasarkan hasil-hasil kajian, pengarang lelaki dikatakan cenderung untuk memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai wanita (Norhayati Ab. Rahman, 2005). Bertitik tolak daripada tanggapan tersebut, kajian ini mampu menyanggah pelbagai hipotesis bahawa karya-karya tulisan pengarang lelaki hanya merendahkan martabat wanita dalam sastera sedangkan kebanyakan penulis lelaki menyerlahkan watak wanita yang mempunyai ikhtiar, walaupun mereka hidup dalam masyarakat yang mengamalkan patriarki. Walaupun tidak secara langsung menjelmakan watak wanita yang berjaya, berkarisma, tidak tunduk kepada lelaki dan sebagainya. Namun, dapat dikatakan bahawa karya penulis lelaki sebenarnya sarat dengan wangian feminisme yang mengangkat martabat wanita dari aspek keperibadian dan kecekalan mereka menerusi pemusatan seluruh cerita kepada protagonis wanita yang kental.

Sepintas Lalu Tentang Ibu Adalah Pentafsir

Novel *Ibu Adalah Pentafsir* (1995) membawa pembaca untuk menyelami kehidupan seorang ibu yang menggadaikan kekuatan fizikal dan kegigihan semangatnya berkorban sepanjang hayatnya demi keluarga. Watak utama dalam novel ini dikenali sebagai ibu. Menyelak halaman demi halaman, kita seakan-akan dapat membayangkan kehidupan bersama watak ibu tersebut, hasil daripada kebolehan Shahnnon Ahmad yang mempunyai magisnya tersendiri dalam menghidupkan situasi walaupun menerusi penulisan. Pengisahan kehidupan watak tersebut mampu membuatkan pembaca mempersetujui pendirian tegas Shahnnon Ahmad dalam memperjuangkan isu feminisme kerana beliau sendiri merupakan saksi jatuh bangun watak ibu tersebut memandangkan beliau menggunakan watak ibunya sendiri sebagai inspirasi penulisan novel ini.

Watak ibu yang dijelmakan dalam novel ini merupakan watak nyata iaitu ibunya sendiri. Menerusi watak ibu dalam novel tersebut, beliau menukilkan tentang kehidupan ibunya sendiri yang diamati olehnya semasa kecil dengan memutarakan kembali memori tentang kecekalan ibunya yang menghadapi pahit getir kehidupan dan terpaksa melayani suaminya yang malas lalu mencitrakan gambaran kehidupan ibunya lalu membandingkannya dengan isu feminisme yang melanda negara. Dalam novel tersebut, ibu merupakan golongan kelas bawahan yang hanya bekerja sebagai petani tetapi cekal dan rajin dalam menjalani kehidupan seharian. Ibu dan kerja berpisah tiada, dapat diumpamakan bagai ibu adalah kerja dan kerja adalah ibu. Ibunya tidak pernah dilihat membuang masa. Rutin harian ibunya bekerja dari sebelum subuh hinggalah malam. Tiada istilah rehat dalam diri ibunya dan waktu rehat ibunya adalah waktu tidur. Ibunya adalah pesawah, petani, penternak, bapa dan segala-gala kerja yang ada ibunya akan lakukan. Walaupun mempunyai suami yang asyik menangkap burung, ibunya tidak pernah berkata buruk tentang suami, taat akan suami, tidak mengeluh nasib diri, penyayang kepada anak-anak dan taat perintah Tuhan. Walaupun ketika lumpuh, ibunya tidak pernah duduk diam ada sahaja kerja yang dibuat. Tiada perempuan yang setara ibunya walaupun mereka yang terpelajar. Ibunya tidak seperti para mahasiswa perempuan di menara gading yang hanya bermaklumat seperti yang ditemuinya tetapi tidak mampu mentafsir hidup seperti ibunya yang jika dicampak ke mana-mana sahaja boleh hidup dengan sendiri tanpa maklumat kaku.

Novel ini mempamerkan pendirian feminis Shahnnon Ahmad yang menjulang tinggi martabat wanita menerusi watak ibu. Memetik nukilan beliau dalam novel tersebut yang menyatakan bahawa beliau menolak dengan lantang anggapan masyarakat yang menyatakan bahawa perempuan adalah malas, lemah dan suka bertengek pada lelaki kerana ibunya merupakan bukti kesahihan bahawa wanita dalam kehidupan nyata yang sebenar-benarnya adalah lebih daripada itu (Shahnnon Ahmad, 1995). Ternyata, novel ini sememangnya mempunyai unsur feminisme yang kuat untuk tidak memandang rendah kehebatan ibu dan pekerjaan kampung yang tidak bergantung hidup kepada makhluk. Watak ibunya mengangkat martabat perempuan cekal dan kuat tanpa sebarang emosi putus asa.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian yang telah dilakukan di negara kita berhubung dengan wanita dan hasil karya mereka yang menjadi sorotan utama kajian ini. Pada tahun 1995, satu tesis kedoktoran oleh Rosnah Baharuddin yang bertajuk "Wanita dalam Novel A. Samad Said" (1995) telah dihasilkan. Kajian Rosnah ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian tentang aspek wanita dalam novel-novel A. Samad Said kurang mendapat perhatian para sarjana dan pengkaji sastera. Oleh yang demikian, beliau hadir dengan memberikan tumpuan terhadap watak-watak wanita dalam novel-novel A. Samad Said bagi membuktikan bahawa watak-watak ini hadir dengan kecenderungan atau "kuasa" (*agency*) yang tertentu. Analisis ini meliputi sembilan novel A. Samad Said yang dikaji berlandaskan Teori Feminisme sebagai kerangka analisis. Hasilnya, pasti faktor yang mempengaruhi pelukisan dan seterusnya membentuk persepsi terhadap watak-watak wanita dalam novel-novel A. Samad Said dapat dikenal pasti. Dapatan kajian tersebut jelas memperakukan aspek hubungan dan pengalaman penulis sebagai satu faktor yang mempengaruhi pelukisan watak wanita dalam karya penulisan yang disumbangkan oleh penerapan Teori Feminisme sebagai kerangka analisis.

Kajian Siti Khariah pada tahun 1999 ini bertitik tolak daripada permasalahan bahawa perlunya satu kajian yang komprehensif tentang wanita dalam novel Melayu. Bertitik tolak daripada dakwaan ini, kajian Siti Khariah ini disasarkan untuk menganalisis citra wanita daripada aspek sosiopolitik, sosioekonomi, dan sosiobudaya berlandaskan satu kerangka analisis yang bersifat eklektik, iaitu menggabungkan prinsip-prinsip dalam Teori Feminisme yang didasarkan kepada pandangan Elaine Showalter. Kajian Siti Khariah menganalisis 15 novel daripada lima orang penulis wanita Melayu terpilih iaitu Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi, Fatimah Busu, Rosmini Shaari dan Obasiah Haji Umar. Dapatan kajian beliau jelas memperakukan keupayaan dan sumbangan Teori Feminisme yang membolehkan analisisnya mengenal pasti aspek-aspek penting tentang wanita dalam novel-novel yang dikaji menerusi pemaparan citra wanita berwawasan tinggi, berkarisma, gigih dan berani menuntut hak dan kebebasan. Dengan kata lain, kajian Siti Khariah cenderung memperakukan kesesuaian Teori Feminisme dalam pengkajian sastera Melayu.

Di samping itu, dalam tesis kedoktoran Membunga @ Siti Meriam Yaacob bertajuk "Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas" (2005) pula memecahkan persoalan tentang dakwaan kritikan feminis bahawa kebanyakan para penulis lelaki sering menampilkan watak wanita yang mempunyai kelemahan dan berimej stereotaip dalam karya mereka. Dengan itu, kajian Membunga ini bertujuan untuk menganalisis perbezaan dan persamaan tanggapan Hamzah dan Keris Mas terhadap watak wanita dalam karya-karya sastera mereka dengan menerapkan teori feminisme sebagai kerangka analisis. Pemilihan Teori Feminisme ini diasaskan kepada matlamat Membunga untuk menilai kembali dakwaan golongan feminis yang menganggap para penulis lelaki sering memandang rendah, dan memberikan imej yang buruk kepada watak wanita dalam karya mereka. Menerusi Teori Feminisme, kajian Membunga ini menganalisis tujuh novel serta 42 cerpen karya Hamzah, dan tiga novel serta 32 cerpen karya Keris Mas. Dapatan kajian mendapati bahawa karya kedua-dua penulis lelaki tersebut masih meneruskan stereotaip wanita Melayu, yang antaranya digambarkan sebagai taat kepada suami dan takut menyuarakan keinginan peribadi dari segi cara berpakaian, pilihan kerjaya dan buah fikiran. Penerapan Teori Feminisme membolehkan kajian Membunga memperakukan cerpen-cerpen Hamzah sebagai gambaran pembebasan wanita daripada cengkaman kaum lelaki

Seterusnya, nada-nada yang sama juga dapat diteliti menerusi kajian Siti Aisah Murad iaitu "Watak Wanita di Tangan Penulis Lelaki" (2006) yang mampu menangkis tanggapan umum dalam kesusasteraan Melayu bahawa para penulis lelaki dikatakan cenderung menggambarkan wanita dalam karya-karya mereka dengan citra-citra yang negatif. Oleh itu, makalah Siti Aisah ini menggunakan beberapa novel para penulis lelaki Melayu bagi menganalisis citra wanita. Bagi

menganalisis karya-karya ini, makalah Siti Aisah memilih teori feminisme sebagai kerangka analisis. Penerapan teori feminisme ini berhasil mengenal pasti kecenderungan para penulis lelaki dalam memmanifestasikan citra wanita berkarisma, berani, berpelajaran tinggi dan progresif. Hasilnya, makalah Siti Aisah menyimpulkan bahawa para penulis lelaki Melayu mempunyai persepsi yang positif terhadap wanita.

Sorotan yang terakhir pula meneliti makalah juga tulisan Siti Hajar yang berjudul "Keperkasaaan Wanita dalam Harga Sebuah Maruah" (2009). Makalah ini bertitik tolak daripada dakwaan bahawa kebanyakan para penulis lelaki jarang menampilkan wanita sebagai watak utama dalam karya-karya mereka. Selain itu, makalah ini juga bertitik tolak daripada dakwaan pengkritik feminis yang rata-rata menganggap wanita menjadi bahan inspirasi para penulis lelaki dalam berkarya. Berdasarkan kepada dakwaan ini, kajian Siti Hajar disasarkan untuk menganalisis citra wanita dalam novel *Harga Sebuah Maruah* (2009) karya Azizi Hj. Abdullah dengan menerapkan kerangka feminisme. Kajian ini berhasil mengenal pasti kecenderungan novel yang dikaji dalam merepresentasikan wanita yang berani, berjiwa kental, setia dan berdikari.

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian-kajian lepas yang dinyatakan, banyak sumbangan yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji dalam meneliti gambaran citra wanita dalam kesusasteraan Melayu dengan menggunakan Teori Feminisme. Namun begitu, analisis dan kajian yang lebih mendalam dalam memperlihatkan perjuangan penulis lelaki dalam membangkitkan isu feminisme di samping memaparkan citra wanita yang positif dan cekal dalam novel masih kurang diberikan perhatian sepenuhnya.. Oleh itu, perkara ini menjadi satu kewajaran bagi pengkaji untuk menganalisis setiap pencitraan watak wanita yang positif dan perjuangan wanitatersebut dalam kajian ini dengan berlandaskan Teori Feminisme bagi mengisi kelompangan yang tersebut.

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan untuk mencapai satu objektif yang utama iaitu menganalisis citra feminisme yang terkandung dalam novel *Ibu Adalah Pentafsir* berdasarkan tiga daripada empat koda yang digarapkan dalam Teori Feminisme sebagai landasan teori.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Dalam menjayakan penulisan ini, satu teori sastera Barat iaitu Teori Feminisme akan dijadikan sebagai landasan utama mencapai objektif kajian. Pada asasnya, teori dan amalan kritis feminis adalah kesan daripada Pergerakan Feminis yang berlaku pada tahun 1960-an dan 1970-an yang dikemukakan oleh pengkritik feminis iaitu Elaine Showalter pada tahun 1979 (Scott, 1962). Beliau merupakan seorang pengkritik sastera, pejuang feminis dan penulis Amerika yang berpengaruh mengenai isu budaya dan sosial. Beliau adalah salah seorang pengasas kritikan sastera feminis di Amerika Syarikat dalam membangunkan konsep dan amalan serta aliran ginokritik. Karya beliau yang terkenal ialah *Women's Liberation and Literature; Female Studies IV; Women's Studies; Signs: Journal of Women; Culture and Society and A literature of their own: British Women Novelists from Bronte to Lessing (1977)*. Rentetan daripada kajian-kajian tersebut, maka muncullah Teori Feminisme yang mengkritik budaya dan pemikiran patriarki dalam sastera.

Teori sastera feminisme melihat karya sastera sebagai cerminan realiti sosial patriarki. Oleh sebab itu, tujuan penerapan teori ini adalah untuk membongkar anggapan patriarki yang tersembunyi melalui gambaran atau citra perempuan dalam karya sastera. Elaine Showalter membahagikan kritikan kepada wacana dan perspektif feminisme kepada dua bahagian iaitu kritikan feminis dan ginokritikan. Kritikan feminis menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca atau pengguna, manakala ginokritik yang mengutamakan wanita sebagai penulis, iaitu 'wanita sebagai penghasil maksud tekstual' (Sarojini, 2018). Dengan demikian, kajian ini akan menggunakan kritikan feminis iaitu wanita sebagai pembaca karya yang dihasilkan oleh penulis lelaki. Menerusi wacana ini, pengkaji akan dapat menganalisis sekiranya penulis menongkah stereotaip tentang wanita menerusi paparan citra wanita yang positif atau hanya merendahkan martabat wanita dalam novel ini. Di samping itu, kajian sastera dengan pendekatan feminis tidak

terbatas hanya pada keupayaan untuk membongkar anggapan-anggapan patriarki yang terkandung dalam cara penggambaran wanita melalui teks sastera, tetapi berkembang untuk mengkaji sastera yang dihasilkan oleh kaum lelaki.

Dengan mendekati teks kesusasteraan berasaskan teori ini, maka pengkaji meletakkan diri mereka pada aliran feminisme dengan hasrat untuk membuktikan kehadiran citra feminisme. Prinsip kritikan bagi Teori Feminisme pula disebut sebagai koda yang terdiri daripada empat iaitu koda biologi, koda psikologi, koda pengalaman dan koda sosial. Namun, hanya tiga koda sahaja yang terkandung dalam novel *Ibu Adalah Pentafsir*. Huraian lanjut mengenai setiap koda tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Koda Biologi** – Koda ini membahaskan mengenai fungsi biologi wanita itu sendiri dan tugas mereka sebagai ibu, isteri, kakak, nenek atau sebagainya dengan menekankan tubuh badan wanita sebagai sumber penulisan.
- ii. **Koda Psikologi** – Koda ini pula membincangkan psikologi watak seperti pemikiran, imaginasi, keinginan, cita rasa, tekanan perasaannya, jiwa dan segala sesuatu yang lahir daripada hati dan kata-kata watak.
- iii. **Koda Sosial** – Koda ini membincangkan aspek sosial wanita yang dikenal pasti seperti proses sosialisasi (pendidikan, pekerjaan dan pergaulan), tugas sosial (anak gadis, dara, ibu, isteri, nenek) serta kelas sosial wanita (kelas bawahan, menengah dan atasan).

METODOLOGI

Metodologi kajian amat penting dalam memastikan penyelidikan atau penulisan terarah kepada objektif yang sebenar dan menyediakan kaedah berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Oleh yang demikian, penulisan kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis teks sebagai teras utama dalam naskah kajian ini. Pendekatan ini akan dapat menghuraikan citra jiwa wanita atau citra feminisme yang dilakukan ke atas teks kajian.

Penyelidikan berbentuk kualitatif membantu penyelidik memahami secara mendalam dan terperinci perkara yang dikaji (Braun & Clarke, 2013). Kaedah kualitatif dipilih dalam menghasilkan penulisan ini kerana kajian memfokuskan kepada kritikan karya sastera berlandaskan Teori Feminisme. Analisis teks pula merupakan suatu proses melaksanakan analisis ke atas sesebuah teks untuk memahami teks tersebut berdasarkan zahir teks. Pengaplikasian reka bentuk analisis teks ini menepati hala tuju kajian kerana untuk mengkritik sesebuah karya sastera, seseorang pengkaji itu seharusnya memahami terlebih dahulu kandungan-kandungan dalam setiap teks yang mengandungi isi tersurat dan tersirat. Dengan itu, kaedah analisis teks dilakukan ke atas setiap satu helaian naskah novel yang dikaji.

Pendekatan ini merupakan sebuah teknik yang sistematik untuk memahami makna teks dalam novel tersebut sebelum melakukan kritikan supaya menepati kandungan teori sastera yang dipilih. Justeru, penulisan ini menggunakan kaedah analisis teks dengan mengaplikasikan Teori Feminisme sebagai landasan analisis.

DAPATAN

Hasil kajian mendapati bahawa Shahnnon Ahmad menggarapkan unsur-unsur feminisme berteraskan tiga koda iaitu biologi, psikologi dan sosiologi dalam *Ibu Adalah Pentafsir*. Perkara ini rentetan daripada ciri-ciri feminisme yang jelas diserlahkan oleh Shahnnon Ahmad menerusi citra wanita positif dalam novel *Ibu Adalah Pentafsir*. Dapatan ini membuktikan bahawa wanita telah menerima kedudukan yang istimewa dalam dunia karya sastera Melayu dari perspektif penulis lelaki yang telah menongkah stereotaip anggapan bahawa mereka hanya menggambarkan wanita yang lemah, terlalu bergantung kepada golongan lelaki, tiada ikhtiar untuk membebaskan diri dari belenggu patriarki dan sebagainya.

Perbincangan Dapatan

Perbincangan dan penerangan lanjut mengenai analisis citra feminisme dalam *Ibu Adalah Pentafsir* memperincikan tiga daripada empat koda Teori Feminisme. Koda-koda tersebut terdiri daripada koda biologi, koda psikologi dan koda sosial.

Biologi

Menurut Elaine Showalter (1979), para pengkritik feminis sewajarnya berfikir perbezaan biologi dan hubungan dengan penulis tentang watak wanita. Pernyataan tersebut bermaksud bahawa perbincangan mengenai biologi wanita bukan sahaja perlu ditumpukan kepada tubuh badan mereka malahan seharusnya perlu berfikir lebih jauh daripada itu. Contohnya, fungsi biologi wanita sendiri iaitu tugas sebagai seorang ibu, kakak, isteri dan lain-lain. Dalam hal ini, penulis lelaki khususnya lebih kerap daripada penulis perempuan menggunakan tubuh wanita sebagai inspirasi dalam penulisan mereka kerana dianggap sebagai perspektif biologi yang amat penting. Justeru, dalam novel *Ibu adalah Pentafsir*, koda biologi digunakan untuk menjelaskan tanggungjawab ibu yang menggalas tugas sebagai seorang isteri dan juga sebagai seorang ibu. Bukan itu sahaja, penulis menjadikan tubuh badan wanita sebagai simbol kegigihan dan kecekalan dalam melaksanakan pekerjaan demi meneruskan kelangsungan hidup keluarga. Gambaran-gambaran biologi ini boleh dilihat berdasarkan petikan di bawah:

Layani suami habis-habisan. Ibu melayani bapa sampai kepada benda-benda yang tak masuk akal pun. Sampai bangun tengah-tengah malam masak nasi untuk bapa bawa bekal bila turun ke bumi bersama denak untuk meracik jalang rimba. Ibu memang layani bapa sampai begitu sekali. Jangan minta sesuatu di luar kemampuan suami, kata ustaz itu lagi.

(Shahnon Ahmad, 1995, p.65)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menggambarkan bahawa ibu merupakan seorang isteri yang melaksanakan tanggungjawab terhadap suami dengan baik. Dalam novel tersebut, ibu sentiasa memberikan layanan terbaik buat bapa meskipun terdapat segelintir perkara yang tidak masuk akal untuk dilaksanakan. Jika diteliti petikan teks tersebut, ibu sanggup bersengkang mata pada waktu tengah malam semata-mata mahu menyiapkan bekal makanan buat bapa yang mahu turun ke hutan bersama denaknya. Hal ini dilihat sebagai suatu perkara yang tidak masuk akal kerana pada waktu itu ibu seharusnya tidur merehatkan badannya yang sudah keletihan setelah seharian membanting tulang bekerja demi menyara keluarga. Bukan itu sahaja, ibu juga tidak pernah meminta apa-apa daripada bapa malahan bapa yang meminta daripada ibu kerana berdasarkan nasihat seorang ustaz, seorang isteri tidak boleh meminta sesuatu yang berada di luar kemampuan suami. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa ibu dipaparkan sebagai seorang isteri yang amanah terhadap tugasnya supaya kebajikan suami terpelihara serta sikap tidak meminta-mintanya membuktikan beliau merupakan isteri yang tidak suka membebaskan suami. Menerusi paparan watak ibu tersebut, Shahnon Ahmad sebenarnya memanifestasikan citra wanita positif yang menyerlahkan lagi citra feminisme dalam novel tersebut. Bukan sahaja taat kepada suami, malah ibu digambarkan sebagai seorang yang mentaati ahli agama dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri.

Selain itu, penulis mendeskripsikan fizikal tubuh badan ibu untuk melakarkan kegigihan dan kecekalan beliau semasa bekerja bagi membantu meringankan beban bapa untuk menyara keluarga seperti petikan di bawah:

Punggung itu dahulunya megah dan kejam tercatuk di atas batas permatang sawah dan kemudian bingkis berdiri di atas tapak kaki yang kejam, meranduk baruh mencantas batang-batang mencerung dengan mata tajam yang basah dan yang sentiasa bercahaya bila disentuh mentari. Punggung dan pinggang ibu yang kini kerdil dan melidi itulah dahulunya yang mengampu tubuh untuk menentang angin badai yang kencang tanpa belas kasihan. Daripada tubuh itulah terciptanya sebuah huma, sebuah keluarga dan sebuah keindahan.

(Shahnon Ahmad, 1995, p.112)

Berpandukan petikan di atas, penulis menggambarkan ibunya sebagai seorang yang gigih dan cekal dalam melakukan pekerjaan. Tubuh badan ibu dijadikan sebagai saksi kepada kerja kerasnya mengusahakan sawah seorang diri. Ibu tercatuk di atas batas permatang sawah kemudian berdiri semula untuk meranduk baruh mencantas batang-batang mencerung menggunakan sebilah tajam dengan mata yang basah serta berkilauan apabila disinari matahari. Bukan itu sahaja, tubuh ibu yang kecil dan kurus itulah yang sentiasa membidas angin badai yang kencang yang sentiasa menerpanya ketika beliau melakukan pekerjaan di sawah. Daripada kegigihan dan kecekanan ibu mengorbankan tubuh badannya demi pekerjaan itulah yang menghasilkan rezeki iaitu terciptanya huma, terbinanya sebuah keluarga dan sebuah keindahan.

Penggunaan tentang tubuh badan wanita dalam novel ini dipaparkan secara berulang kali iaitu apabila penulis menggunakan fizikal tubuh ibu dalam penulisan seperti petikan di bawah:

Aku masih tak lupa bentuk tubuh ibu bila dia bertimpuh. Kemas, lentok dan memperlihatkan gaya duduk yang amat sesuai untuk wanita. Sering aku bandingkan bentuk itu dengan bentuk tubuh ibu bila ibu tahiyat dalam

(Shahnon Ahmad, 1995, p.11)

Petikan di atas jelas memaparkan penulis yang memuja bentuk tubuh ibu semasa bertimpuh dan dideskripsikan postur kedudukan yang ayu sesuai dengan penampilan kewanitaannya. Penggunaan tubuh badan wanita dalam petikan di atas merupakan satu inspirasi kepada penulis lelaki untuk meletakkan perspektif biologi wanita yang lebih tinggi daripada fungsinya, iaitu memaparkan ketaatan ibu kepada agama apabila penulis menyatakan “tahiyat dalam sembahyang”. Paparan watak ibu yang dikarang oleh Shahnon Ahmad ini dapat menongkah anggapan terhadap penulisan lelaki tentang tubuh wanita yang bersifat *sexism* (diskriminasi jantina) dan menjadikannya sebagai alat seks semata-mata. Sekali lagi, beliau memaparkan penulisan penulis lelaki yang tidak mengkritik penampilan wanita, sebaliknya beliau menjadikan sosok tubuh ibunya sebagai penghasil karya iaitu bahan penceritaan semata-mata dengan mengaitkan postur kedudukan ibu dengan unsur keagamaan iaitu bertimpuh semasa tahiyat.

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa penulis menggunakan sifat fizikal wanita sebagai inspirasi penulisan mereka bagi menerangkan kelebihan fizikal wanita dalam usaha menyedarkan masyarakat bahawa tubuh badan wanita bukan sahaja boleh dilabel sebagai aset kecantikan, malahan boleh dijadikan sebagai sumber kegigihan, kecekanan dan ketaatan mereka dalam menjalani kehidupan. Sesungguhnya, bentuk biologi wanita inilah merupakan sumber kelebihan atau kekuatan (*superior*) dan bukanlah suatu kekurangan atau kelemahan (*inferior*).

Psikologi

Koda psikologi ini pula menggagaskan tentang kejiwaan dan psikologi yang dialami oleh watak. Koda ini merupakan gambaran tentang perempuan yang dilihat dari segi psikologinya. Jika ditinjau

dari aspek ini, perempuan juga makhluk psikologis, makhluk yang berfikir, berperasaan, dan beraspirasi (Mbulu, 2017). Justeru, psikologi perempuan tidak dapat dipisahkan dari perkara yang disebut feminisme seperti keinginan, perasaan peribadi, sikap dan perilaku serta mentalitinya. Dalam novel *Ibu Adalah Pentafsir*, koda psikologi ini sememangnya dapat dipaparkan menerusi perilaku ibu yang sukar untuk ditafsirkan dan perubahan emosi yang berkaitan dengan kejiwaannya seperti petikan di bawah:

Sampai sekarang aku pun tak faham sangat tentang hal itu. Nak kata tak sayang, ibu sayang pada bapa. Ibu susah hati bila bapa meninggalkan kami. Semenjak bapa meninggal, ibu murung dan asyik bermenung panjang-panjang saja. Tetapi, ada masanya ibu dan bapa tidak bertegur sapa. Dan aku dan Abang Noh memang susah hati betullah bila sampai dua tiga hari ibu dan bapa tidak bertegur sapa.

(Shahnon Ahmad, 1995, p. 83)

Berdasarkan petikan di atas, watak ibu digambarkan sebagai seorang yang sukar untuk ditafsirkan aksi atau tingkah lakunya. Ibu dan bapa diperlihatkan sebagai pasangan yang jarang bertegur sapa walaupun berstatus suami isteri, tetapi ibu dilihat sebagai seorang yang tidak terkesan dengan perkara tersebut sehinggakan penulis sebagai anak pun bingung dengan kelakuan ibunya itu. Jika diamati, kelakuan ibu tersebut sememangnya membangkitkan persoalan sama ada ibu sayang akan bapa atau sebaliknya. Tetapi, apabila menyoroti sudut yang lainnya, ibu menangis dan meratapi kehilangan bapa walhal sebelumnya ibu tidak menunjukkan rasa terkilan pun apabila tidak bertegur sapa dengan bapa walaupun tinggal sebumbung. Frasa “Sampai sekarang aku pun tak faham sangat tentang hal itu” menggambarkan perasaan penulis yang tidak mampu untuk menyirati dan mendalami perasaan ibu untuk mengetahui kebenaran tentang perasaannya yang sebenarnya. Perkara ini sengaja disisipkan oleh penulis dalam novel bagi memaparkan gambaran jiwa dan psikologi seorang wanita yang tidak mampu diselami dan diselak lapis demi lapis. Ibu sememangnya menyayangi bapa, tetapi ada caranya tersendiri dan cara itu tidak mampu ditafsirkan kerana psikologi wanita seperti ibu sukar untuk dibaca. Psikologi dan jiwa wanita ibu akhirnya dicabar apabila beliau menunjukkan rasa sedih dan perasaannya yang benar-benar sengsara berikutan kematian bapa. Ibu menjadi lebih emosional setelah bapa meninggal iaitu murung dan termenung. Perkara ini menjelaskan betapa mudahnya emosi dan psikologi seorang wanita berubah setelah hatinya terluka akibat kehilangan suaminya. Perkara inilah yang menggambarkan psikologi ibu sebagai seorang wanita dalam novel ini. Dalam hal ini, penulis tidak menyifatkan watak ibu sebagai lemah kerana menangis dan meratapi pemergian bapa tetapi, beliau ingin pembaca memahami bahawa psikologi watak wanita dalam novel seharusnya dipamerkan kepada umum supaya mereka lebih peka akan dunia wanita.

Di samping itu, Shahnon Ahmad juga menyentuh kejiwaan watak ibu dengan lebih dalam apabila beliau memperlihatkan watak ibu untuk memberi sedikit pemahaman tentang dunia ibunya dari sudut psikologi. Gambaran kehidupan watak ibu ini telah memaparkan tekanan perasaan peribadi ibu yang disembunyikannya sebagai seorang isteri yang tidak diendahkan oleh suaminya seperti di bawah:

Pernah pada suatu ketika ibu tiba-tiba lenguh paha kedua-dua belah sedangkan gemal-gemal padi masih belum habis dinaikkan ke jelapang. Bapa tahu tapi petang sebelum ibu lenguh paha itu, telinga bapa boleh menangkap suara merbuk jalang di rimba. Bapa tidak boleh berbuat apa-apa kerana segala-galanya dimanglikan oleh merbuk jalang itu. Ibu tidak berkata apa-apa. Tak merungut apa-apa pun. Sedikit pun tak merintih.

(Shahnon Ahmad, 1995, p. 10)

Menerusi petikan novel di atas, ibu digambarkan sebagai seorang wanita yang tidak dipedulikan oleh suaminya. Walaupun dilayan begitu, ibu tidak pernah sekali bersuara untuk menuntut dilayan sebagai seorang isteri dengan sebaiknya, jauh sekali merungut dan tetap memikul tanggungjawab sebagai seorang isteri kepada suaminya yang seakan-akan tidak menghargainya kerana lebih berminat melayani merbuknya. Dari sudut ini, ibu dilihat sebagai seorang wanita yang memendam perasaannya. Kebanyakan wanita ingin dilayani dengan baik dan diberi perhatian oleh suami terutamanya semasa mereka sakit. Namun, perkara tersebut pula adalah berbeza bagi ibu apabila ibu lebih rela memendam perasaan dengan tidak berkata apa-apa.

Menerusi petikan “Ibu tidak berkata apa-apa. Tak merungut apa-apa pun. Sedikit pun tidak merintih” merupakan usaha Shahnnon Ahmad yang ingin memaparkan jiwa seorang wanita yang terluka kerana diam adalah bentuk kekecewaan yang paling dalam bagi perempuan. Dengan ini, dapatlah dilihat bahawa watak ibu telah digarapkan dengan nilai psikologi wanita yang secara nalurnya akan memilih untuk berdiam diri daripada menimbulkan rekahan dalam rumah tangga apabila bersuara dan akhirnya membawa kepada penderhakaan kepada suami. Shahnnon Ahmad sememangnya tidak mampu untuk menyelami perasaan watak ibu tersebut kerana beliau tidak mengalaminya sebagai seorang wanita, tetapi beliau mampu memerikan dengan jelas kepada para pembaca terutamanya pembaca wanita tentang psikologi seorang wanita yang setia dan taat kepada suami walaupun tidak dipedulikan. Perkara ini jelas mencerminkan takungan pemikiran Shahnnon Ahmad yang ingin mempotretkan keistimewaan watak ibu, di samping ingin memaparkan aspek psikologi seorang wanita.

Sosial

Sosial kaum wanita adalah berbeza dengan sosial kaum lelaki seperti yang dicerminkan dalam kebanyakan karya. Antara aspek sosial wanita yang dikenal pasti boleh digarap dalam karya ialah proses sosialisasi (soal didikan, pendidikan, pekerjaan dan pergaulan), tugas sosial (anak gadis, dara, ibu, isteri, nenek) dan kelas sosial wanita (kelas bawahan, menengah dan atasan). Dalam novel *Ibu adalah Pentafsir*, koda sosial digunakan untuk menghuraikan tugas sosial wanita sebagai seorang ibu seperti dalam petikan di bawah:

Dan selesai selerah, ibu akan tindan semua pinggan mangkuk, membasuhnya dan mengaturnya kembali di atas para buluh yang jarang-jarang bilahnya dan yang juga dibuat oleh ibu dan disalin oleh ibu bila sebilah dua gelegar para itu reput dimakan lumut air. Dan ibu akan menyapu nasi-nasi dan tulang-tulang ikan yang tumpah berselerak ke atas tikar mengkuang.

(Shahnnon Ahmad, 1995, p.12)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menghuraikan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh wanita sebagai seorang ibu. Jika diamati petikan tersebut, ibulah yang akan melakukan kerja-kerja mengemas setelah selesai menjamu selera bersama ahli keluarga. Ibu akan mengutip semua pinggan mangkuk lalu menindannya untuk dibawa ke dapur. Seterusnya, ibu akan membasuh pinggan-pinggan mangkuk tersebut dan kemudian akan dikeringkan di atas para yang diperbuat daripada buluh. Bukan sekadar itu sahaja, ibu juga akan memastikan para yang digunakan sentiasa berada dalam keadaan baik dan akan menukar segala kerosakan yang berlaku sendiri seperti bilah-bilah para yang telah reput dimakan lumut air. Selesai membasuh pinggan-pinggan mangkuk, ibu akan menyapu nasi-nasi dan tulang-tulang ikan yang tumpah berselerak ketika makan di atas tikar mengkuang. Oleh itu, perkara ini dapatlah dirumuskan bahawa tugas sosial sebagai seorang ibu bukan sahaja memastikan kebajikan suami dan anak-anak terjaga, malahan mereka akan menjaga setiap sudut kehidupan kekeluargaan. Hal ini sekali gus memaparkan betapa amanahnya ibu yang bergelar wanita dalam memikul tanggungjawabnya.

Selain itu, koda sosial diterapkan dalam novel *Ibu adalah Pentafsir* oleh penulis untuk menjelaskan proses sosialisasi seorang wanita dalam pekerjaan seperti petikan di bawah:

Ibu saya bukan hanya seorang suri rumah tangga yang taat setia kepada suaminya tapi juga seorang petani yang gigih. Ibu saya bukan hanya seorang isteri yang baik hati tapi juga seorang peneroka tanah rimba, memugar tanah belantara dan menebang banir-banir yang sepemuluk dua pemuluk itu. Ya, ibu yang mengayunkan tajak dan parang dan kapak itu. Ya, ibu yang menolak tenggala, mengangkat gemal naik jelapang. Ibu yang menarik jerat kerbau ke lumpur supaya kerbaunya berkubang.

(Shahnon Ahmad, 1995, p.31)

Berdasarkan petikan, penulis menjelaskan wanita itu bukan sekadar berperanan penting di rumah malahan mereka juga menjadi tulang belakang keluarga untuk menyara hidup. Penulis menghuraikan bahawa ibunya bukan hanya suri rumah tangga yang taat setia kepada suami dan sebagai seorang isteri sahaja tetapi juga sebagai seorang petani yang gigih. Ibu akan meneroka tanah rimba, memugar tanah belantara dan menebang banir-banir. Ibulah yang mengayunkan tajak, parang dan kapak serta menolak tenggala, mengangkat gemal ke jelapang dan menarik jerat kerbau ke lumpur supaya kerbau berkubang semasa beliau mengusahakan tanah sawah. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa wanita boleh menjadi tunjang dalam pekerjaan sama ada pekerjaan tersebut sukar atau mudah seperti yang dipaparkan oleh watak ibu dalam novel ini. Watak ibu menyedarkan masyarakat bahawa wanita tidak hanya perlu terkongkong dalam alam rumahtangga, malahan mereka bebas meneroka dunia luar dengan melakukan pelbagai pekerjaan. Bentuk kebebasan inilah yang dituntut dalam penulisan sastera feminisme bagi memaparkan bahawa ruang lingkup dunia wanita tidak terbatas, malah lebih luas. Walaupun pekerjaan ibu tidaklah bertaraf *superior*, tetapi ibu digambarkan sebagai wanita yang positif iaitu berikhtiar dan berusaha untuk mencari rezeki dan tidak hanya mengerjakan tugas di rumah. Ibu ditampilkan sebagai watak wanita yang berkeyakinan dan berdikari kerana mampu mengerjakan pekerjaan yang bahkan melebihi kemampuan seorang lelaki. Perkara ini menunjukkan bahawa ibu tidak bergantung sepenuhnya kepada bapa, malah beliau sendiri yang sanggup bekerja. Hal ini menepati prinsip Teori Feminisme yang menolak sebarang bentuk kebergantungan kepada kaum lelaki seperti yang dicadangkan oleh Elaine Showalter.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penghasilan novel *Ibu Adalah Pentafsir* merupakan satu percubaan berani Shahnon Ahmad iaitu beliau menyelak kembali halaman buku kehidupannya yang lampau tentang ibunya. Setiap ayat yang dikarang oleh Shahnon Ahmad amat mengagungkan ibunya dalam novel ini dan akhirnya berhasil mencitrakan emansipasi wanita dengan seungkap kata, “Kitalah pejuang para wanita yang tertindas itu”. Menerusi Teori Feminisme ini dengan pembacaan daripada perspektif pembaca perempuan, objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya memandangkan citra kewanitaan dalam novel ini amat menyerlah. Penggunaan Teori Feminisme ini merupakan satu usaha untuk meneliti kedudukan wanita dalam sastera, di samping menjadi pemacu kepada perjuangan untuk menegakkan keadilan kepada golongan wanita.

Sebagai penggulung kata, novel *Ibu Adalah Pentafsir* ini telah menepati tiga daripada empat koda Teori Feminisme yang terdiri daripada koda biologi, koda psikologi dan koda sosial memandangkan novel ini dengan jelas mampu mepotretkan citra wanita yang bersifat positif dari perspektif penulis lelaki. Wanita dalam novel ini telah dijadikan objek dalam perbicaraan lelaki sebagai satu pembayang maksud dalam menyampaikan makna tersurat dan tersirat dalam pemikiran lelaki. Novel ini mampu menyarankan masyarakat untuk tidak memandang rendah kehebatan seorang ibu yang tidak bergantung hidup kepada sesiapa pun. Intihannya, di tangan Shahnon

Ahmad, wanita dalam novel ini telah memecahkan stereotaip negatif umum yang beranggapan bahawa penulis lelaki tidak mampu menjulang tinggi watak wanita.

RUJUKAN

- Clarke, V & Braun, V. (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide for Beginners*. SAGE Group.
- Mbulu, Anthonia Paula Hutri. (2017). *Citra Perempuan dalam Novel Suti Karya Sapardi Djoko Damono: Kajian Kritik Sastra Feminisme*. Sanatana Dharma University Press.
- Membunga @ Siti Mariam Yaacob (2005). *Wanita dalam Karya Hamzah Hussin Dari Perspektif Kritikan Feminis* [Tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia]. Universiti Sains Malaysia Institutional Repository.
- Muwafiqotul Isma dan Hatim Gazali. (2016). Perempuan dalam Citra Ketidakadilan Gender: Kajian Feminis dan Resepsi. *MUWAZAH: Jurnal Kajian Gender*, 8(2), 201-223.
- Norhayati Ab. Rahman. (2005). *Puitika Sastera Wanita dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. Penerbit USM.
- Nursyamimi Saidi. (2014, April 15). Cabaran Wanita Bekerja. *Utusan Malaysia*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140415/ke_01/Cabaran-wanita-bekerja.
- Rosnah Baharuddin. (1995). *Wanita dalam Novel A. Samad Said* [Tesis kedoktoran, Universiti Malaya]. University of Malay Students Repository.
- Sarojini, K. (2018). *Imej wanita dalam novel "Asam Pedas untuk Dia" dan "Ombak Rindu": Kajian kritik feminis* [Tesis sarjana, Universiti Malaya]. University of Malay Students Repository.
- Scott, W. S. (1962). *Five approaches of literary criticism*. Collier Books.
- Shahnon Ahmad. (1995). *Ibu Adalah Pentafsir & Sungai: Dua buah novella*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Showalter, E. (1986). 'Toward a Feminist Poetics' – *The New Feminist Criticism: Essays on Women, Literature and Theory*. Virago Press.
- Showalter, E. (1979). *Towards a Feminist Poetics*. Dlm. Mary Jacobus (Ed). *Women Writing and Writing about Women*. Routledge.
- Siti Aishah Murad. (2006). *Watak Wanita di Tangan Penulis Lelaki*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hajar Che Man. (2009, Jun 23). *Keperkasaaan Wanita dalam Harga Sebuah Maruah* [Pembentangan kertas kerja]. Majlis Bicara Karya, Perbadanan Perpustakaan Awam Daerah Baling, Kedah.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (1999). *Citra Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Daripada Perspektif Pengarang Wanita* [Tesis kedoktoran, Universiti Putera Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository.

BINGKISAN NEUROSIS DALAM *PATRIARCH*: SATU PENDEKATAN PSIKOLOGI

Nur Haifa Rosle

haifa23-233@epembelajaran.edu.my

Mohd Fadzman Kennedy@Junaidi

fadzman23-1225@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Pengaplikasian unsur-unsur psikologi amat signifikan dalam penghasilan sesebuah karya sastera yang bermutu sifatnya. Sesebuah karya yang berteraskan psikologi sangat pragmatik dalam membawa pembaca berada dalam situasi separuh sedar atau *subconscious*. Tambahan pula, karya sastera menjadi kayu ukur dalam diri pengarang untuk mengekspresikan imaginasi, perasaan, ideologi, emosi, pemikiran dan falsafah yang tersurat mahupun tersirat. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis aspek psikologi dalam novel *Patriarch*, karya Sasterawan Negara iaitu Shahnnon Ahmad (2019). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengkajian teks novel *Patriarch* ini, mengaplikasikan Teori Psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud sebagai medium analisis utama. Teori Psikologi mengetengahkan empat peringkat kaedah kritikan iaitu, menghuraikan jiwa pengarang, aspek kejiwaan, aspek proses penciptaan mahupun kreatif serta pengaruh dan juga kesan. Dapatan analisis novel *Patriarch* menunjukkan bahawa keempat-empat kaedah kritikan Teori Psikologi Sigmund Freud diaplikasikan dalam penulisan karya sastera tersebut. Novel ini turut menyerlahkan konsep kejiwaan psikologi iaitu id, ego dan superego melalui penzahiran watak yang mengalami konflik dalaman akibat ketidakpuasan terhadap korupsi yang berlaku dalam dunia politik. Ketiga-tiga konsep kejiwaan ini amat relevan dalam menzahirkan konflik kejiwaan pengarang yang mendalam. Novel ini juga menyiratkan kesan kejiwaan kepada khalayak. Kesimpulannya, Teori Psikologi mampu menyerlahkan kejiwaan sebenar pengarang dalam menghasilkan karya *Patriarch* melalui teknik *stream of consciousness* demi menggambarkan gejala batin dirinya sehingga membawa kepada tahap neurosis.

Kata Kunci: Psikologi, *Patriarch*, *subconscious*, jiwa pengarang, aspek kejiwaan

PENGENALAN

Sesebuah karya sastera Melayu sememangnya merujuk kepada hasil karya dan ciptaan seni yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu. Karya sastera merupakan salah satu karya seni yang disampaikan melalui pemilihan bahasa. Dalam kehidupan masyarakat, sastera bersatu dan berintegrasi antara satu sama lain. Misalnya, melalui upacara perkahwinan, para tetamu mampu menyaksikan adegan penggunaan bahasa yang menarik semasa kedua-dua pihak keluarga pengantin berbicara seperti berbalas pantun untuk menyampaikan hajat masing-masing. Bentuk sesebuah karya sastera merangkumi, puisi, pantun, gurindam dan novel. Sebagai contoh, penulisan novel amat pragmatik digunakan dalam kalangan masyarakat. Justeru, menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2011), novel merupakan satu prosa rekaan jangka panjang yang merangkumi sebahagian daripada kehidupan seharian manusia. Pendapat beliau sejajar dengan pendapat Shanon Ahmad (dalam Kamarudin Husin, 1999) yang mendefinisikan novel sebagai salah satu pentaksiran rekaan hidup manusia yang terbina dalam bentuk sastera cereka. Berdasarkan kedua-dua takrifan tersebut, dapat dirangkumkan bahawasanya novel dan manusia berkait rapat dalam penghasilan sesebuah karya sastera yang bermutu sifatnya.

Sehubungan dengan itu, dalam penghasilan sesebuah karya sastera perlulah mempunyai ilhamnya yang tersendiri. Ilham yang terbentuk adalah hasil pemikiran, teori, imaginasi pengarang,

mahupun realiti yang berlaku dalam diri pengarang itu sendiri. Sebagai contoh, sesebuah novel yang menerapkan teori psikologi *id*, *ego* dan *superego* seperti novel *Memoir Seorang Guru* karya Azizi Abdullah (2007) banyak menekankan aspek psikologi terutamanya watak utama Cikgu Sunan. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Nursham Abdul Aziz (2015, p.19), dapat dilihat kejayaan novel tersebut adalah berpandukan watak utama iaitu Cikgu Sunan dengan menerapkan banyak unsur kepengarangan serta mengaitkannya dengan pendekatan psikologi. Sehubungan itu, kajian yang dibuat semasa adalah berfokuskan terhadap bingkisan neurosis dalam diri pengarang. Menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2015), neurosis didefinisikan sebagai salah satu gangguan emosi akibat konflik yang tidak dapat diselesaikan atau erti kata lainnya dicirikan dengan keresahan sama ada melalui pertuturan mahupun perlakuan tertentu. Pada dasarnya, pengarang mempunyai pelahiran pemikiran ketidakpuashatian tentang sesuatu perkara yang beliau tidak setuju.

Novel *Patriarch* banyak menekankan aspek kejiwaan dalam diri pengarang yang merangkumi teori psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Gabungan unsur *id*, *ego* dan *superego* banyak ditekankan dalam novel tersebut. Dalam novel tersebut, Shanon membawa pembaca untuk merentas alam kreatif dan fantasi untuk bersama-sama membuat “post-mortem” ke atas sistem politik belantara. Pelbagai teknik digunakan seperti “stream of consciousness”, monolog dalaman, imbas muka, imbas kembali, igauan dan juga mimpi-mimpi ngeri. Tambahan pula, keempat-empat peringkat kaedah kritikan iaitu menghuraikan jiwa pengarang, aspek kejiwaan, aspek proses penciptaan mahupun kreatif serta pengaruh dan kesan juga dapat dikesan serta akan dikaji secara mendalam dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Akhir kata, segala jenis kepincangan masyarakat dalam novel *Patriarch* dikritik habis-habisan bermula daripada setitis ari, sejalur sungai, serangga, binatang berbisa, semak samun, ladang, hutan belantara malah manusia.

SOROTAN LITERATUR

Nur Hanani Najwa Md. Khairi dan Che Abdullah Che Ya (2018) dalam kajian yang bertajuk “Analisis Konflik Dalam *Lara*: Satu Pendekatan Psikologi” mendapati bahawa watak-watak yang ditonjolkan dalam karya sastera iaitu karya *Lara* yang dikajinya banyak mempamerkan konflik kejiwaan sama ada dalam bentuk interpersonal, mahupun intrapersonal yang wujud disebabkan isu-isu berkaitan korupsi yang berlaku dalam komuniti masyarakat. Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2015) dalam pengkajiannya iaitu “Konflik Kejiwaan dalam Novel *Interlok* karya Abdullah Hussain (1996)” pula meneliti aspek kejiwaan melalui gabungan Psikoanalisis Freud dengan beberapa teori lain iaitu Humanistik Maslow dan Psikologi Islam. Pengkajian beliau mendapati bahawa psikoanalisis yang mendasarkan pemikiran bawah sedar mampu mengekspresikan kejiwaan pengarang melalui watak-watak dalam karyanya.

Di samping itu, kerangka teori Psikologi Sigmund Freud yang digunakan dalam kajian Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Denna Samsudin (2016) bertajuk “Analisis Watak dan Perwatakan dalam Novel *Sejambak Bakti* Karya Rejab FI” mampu merungkai aspek psikologi watak melalui penelitian kepada tiga struktur batin iaitu *id*, *ego*, dan *superego* psikoanalisis Freud berkembang dalam diri individu dan mempengaruhi kehidupan seharian. Dapatan yang sama turut dikenal pasti dalam kajian Norazimah Zakaria bertajuk “Komplikasi Neurosis Watak Utama Melalui Pendekatan Psikoanalisis dalam Novel *Gadis Tasik*”. Tambahan beliau, aplikasi psikoanalisis dalam kajian sastera mampu menyumbang kepada penerokaan perkembangan minda dan perwatakan protagonis dalam karya.

Teori Psikologi Freud turut dijadikan alat dalam merungkai psikologi khusus kepada watak kanak-kanak dalam kajian Rosanita Hussin (2018) bertajuk “Psikologi Kanak-kanak dalam cerpen-cerpen terpilih Zaharah Nawawi”. Kajian tersebut mendapati bahawa pendekatan Psikologi Sigmund Freud sangat signifikan dalam meneliti perkembangan psikologi kanak-kanak dan mampu menggambarkan tingkah laku dan jiwa kanak-kanak. Ringkasnya, setiap pengkajian lepas menunjukkan pengaplikasian Teori Psikologi Sigmund Freud dalam mengkaji aspek psikologi yang

terkandung dalam karya sastera adalah sangat relevan. Namun, belum ada penelitian aspek psikologi dalam novel *Patriarch* menggunakan pendekatan Psikologi. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada aplikasi teori Psikologi dalam merungkai aspek kejiwaan atau psikologi yang tersurat dan tersirat dalam novel *Patriarch* karya Shahnnon Ahmad (2019).

OBJEKTIF

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis aspek psikologi dalam novel *Patriarch* karya Shahnnon Ahmad (2019).

KERANGKA TEORETIS

Psikologi merupakan gabungan dua perkataan Greek, iaitu *psyche* dan *logos*. *Psyche* bermaksud jiwa, rohani atau mental, manakala *logos* bermaksud kajian. Maka, dapatlah dikatakan bahawa psikologi bermakna kajian jiwa. Menurut Adnan Achiruddin Saleh (2018, p.2), psikologi merupakan ilmu jiwa yang dapat diperhatikan melalui tingkah laku yang merupakan manifestasi jiwa itu. Psikoanalisis merupakan pengkajian psikologi yang mula dipelopori oleh Sigmund Freud. Teori Psikologi merupakan satu teori yang diguna pakai sebagai alat menganalisis personaliti manusia, dan turut menjadi kaedah terapi mental (Norazimah Zakaria, 2018, p.121).

Teori Psikologi turut dikenali sebagai pendekatan penyorotan kejiwaan kerana aspek penelitiannya adalah lebih kepada meneliti jiwa watak dalam karya. Menurut Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2015, p.61), kritikan psikoanalisis Freud meneliti minda manusia dari tiga sudut pandangan, iaitu minda dinamik, minda ekonomik, dan minda topografik. Minda dinamik adalah menjurus kepada pertentangan antara kehendak dalaman dan luaran dalam diri manusia, minda ekonomik pula merupakan pengaruh daripada rangsangan luaran yang akhirnya melahirkan perasaan senang atau tidak senang, sementara minda topografik adalah minda yang terdiri daripada tiga unsur batin manusia yang mempunyai hubungan dengan konflik yang dialami. Unsur batin ini dikenali sebagai *id*, *ego*, dan *superego* (Abdul Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad, 2016, p.127).

Unsur *id* ialah satu unsur yang mementingkan keinginan untuk berseronok, berjaya, serta kehendak naluri yang terlahir daripada dorongan asas dan kemahuan batin manusia sejak azali. *Id* merupakan keadaan bawah sedar manusia untuk mencapai kepuasan hidup, manakala unsur *ego* merupakan keadaan separa sedar yang bertindak balas dengan kemahuan *id*, dan terlahir secara positif sekiranya memenuhi keperluan *id*, sebaliknya secara negatif sekiranya tidak memenuhi keperluan *id*. Secara ringkasnya, *ego* bertindak sebagai penapis kepada keinginan dan kemuncak kepada sifat kemanusiaan. Dalam hal ini, *superego* bertindak sebagai pendinding kepada percubaan meruntuhkan prinsip-prinsip kemanusiaan, sosial, prinsip hidup, dan moral manusia sekiranya *id* tidak dipenuhi. Maknanya, *superego* adalah kemampuan manusia berfikir secara waras untuk menilai baik buruk sesuatu perkara dalam memenuhi atau menangani kehendak *id*. Oleh itu, ketiga-tiga unsur ini dikatakan berkait rapat antara satu sama lain, kerana sekiranya gagal salah satu daripada unsur tersebut, maka akan mengakibatkan keruntuhan moral dan kemanusiaan diri seseorang rentetan percampuran antara emosi positif dan negatif.

Teori Psikologi berpegang kepada prinsip bahawa karya sastera terlahir daripada keadaan separuh sedar manusia. Menurut Abd Rahim Ismail dan Khairuddin Mohamad (2016, p.129), pelopor teori ini menganggap bahawa penciptaan karya secara separuh sedar mampu melahirkan karya yang bermutu sifatnya, kerana pengarang pada ketika itu berada dalam keadaan neurosis yang menyebabkan segala konflik yang timbul di dasar jiwanya mampu diluahkan sebagai sebuah karya. Teori ini bukan sahaja berfokus kepada aspek kejiwaan, malah mengkaji aspek makna, pemikiran, teknik penulisan, dan falsafah karya secara menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana, Teori Psikologi memberi keutamaan kepada unsur dalaman berbanding luaran karya. Aplikasi teori ini dalam karya adalah melihat kepada cara karya menggambarkan kekecewaan, dan kekacauan batin manusia. Justeru, berdasarkan Teori Psikologi ini, semakin hebat kekacauan dan konflik batin watak, maka semakin tinggi nilai sebuah karya tersebut.

Penelitian karya melalui aplikasi psikologi adalah berteraskan kepada empat kaedah kritikan. Pertama adalah jiwa pengarang dan kepengarangannya. Kaedah ini menjelaskan jiwa pengarang seperti cita-cita, dorongan, motivasi, aspirasi dan keinginan pengarang. Karya dalam kaedah ini merupakan refleksi kepada keperibadian diri pengarang. Kaedah kedua adalah proses kreatif, iaitu penelitian dari segi idea pengarang bagi membentuk suasana resah, gelisah, serta teknik penulisan yang digunakan bagi menilai keadaan mental pengarang sama ada berada pada tahap neurosis atau psikosis. Kaedah ketiga adalah meneliti psikologi dari aspek kejiwaan. Komponen ini tidak semestinya diteliti melalui watak, sahaja, namun boleh diteliti juga melalui komponen bahasa, latar, plot dan sebagainya (Abd Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad, 2016, p.133). Selain itu, unsur *id*, *ego*, dan *superego* juga wajar dibincangkan dalam kaedah ini bagi mengupas kejiwaan watak. Bagi kaedah keempat, perbincangan adalah berkaitan pengaruh dan kesan karya terhadap pembaca. Misalnya, pembaca merasa sedih, marah, atau tidak berpuas hati terhadap sesuatu watak, jalan cerita, atau pengakhiran karya.

Ringkasnya, pendekatan ini memerlukan penelitian yang mendalam dalam mengkaji karya kerana pengkaji perlu memahami dan menyelami kejiwaan dan pergolakan sebenar yang berlaku dalam karya. Justeru, makalah ini membincangkan aspek psikologi yang terdapat dalam karya *Patriarch* dengan mengaplikasikan keempat-empat kaedah kritikan dalam teori Psikologi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data kualitatif sepenuhnya. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) data kualitatif merupakan data yang bersifat deskriptif, berupa pernyataan lisan atau tulisan berkaitan perilaku manusia yang boleh diamati. Data kualitatif boleh dalam bentuk hasil pemerhatian, hasil perbincangan atau bahan bertulis. Makalah ini adalah bertumpu kepada hasil data yang dianalisis daripada bahan bertulis. Data-data ini didapati melalui kaedah kepustakaan dengan meneliti sumber-sumber bertulis iaitu kertas kajian, jurnal dan teks novel *Patriarch* karya Shahnnon Ahmad (2019). Teknik pembacaan mendalam (*close reading technique*) turut diaplikasikan dalam proses menganalisis teks khususnya novel *Patriarch*. Perkara ini adalah bertujuan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam terhadap intipati novel *Patriarch* untuk dijadikan data utama kajian. Kajian ini juga menerapkan keempat-empat kaedah kritikan dalam penerapan Teori Psikologi bagi menganalisis dan memproses setiap data penelitian terhadap kandungan novel *Patriarch*.

DAPATAN

Berdasarkan analisis psikologi yang dibuat, novel *Patriarch* banyak memaparkan aspek psikologi dan kejiwaan pengarang melalui penelitian terhadap watak dan perwatakan, pemikiran, tema, gaya bahasa dan teknik penceritaan karya. Novel ini turut memperlihatkan pengaplikasian keempat-empat kaedah kritikan dalam Teori Psikologi Sigmund Freud. Pengkajian terhadap novel ini bukan sahaja mampu merungkai aspek psikologi, malah mampu menggambarkan suasana neurosis dan psikosis pengarang. Perkara ini membuktikan bahawa pengkarya berjaya dalam mencurahkan idea kreatif sehingga meninggalkan kesan emosional tersendiri. Teori Psikologi yang digunakan juga sangat signifikan dijadikan kerangka utama kajian dalam menganalisis aspek psikologi dalam karya.

Perbincangan Dapatan

Perbincangan analisis berdasarkan dapatan kajian merangkumi runtuangan keempat-empat kaedah kritikan dalam Teori Psikologi iaitu, jiwa pengarang dan kepengarangan, proses penciptaan kreatif, aspek kejiwaan, dan hubungan kesan karya terhadap pembaca.

Jiwa Pengarang dan Kepengarangannya

Menerusi aplikasi Teori Psikologi, didapati bahawa Shahnnon Ahmad seorang pengarang yang mampu menjangkau pencitraan emosi dan kejiwaan watak yang disebut sebagai *stream of*

conscious, seterusnya menjadi semacam pembentukan identiti kepengarangan pengarang. Shahnon Ahmad merupakan seorang yang sangat berani mempertikaikan ketidakadilan yang berlaku dalam politik di Malaysia. Beliau juga pernah dipenjarakan akibat keberanian beliau mengkritik politik menerusi novel *Shit* (1999) yang pernah menjadi kontroversi pada ketika itu. Identiti Shahnon yang berani ini jugalah yang ditonjolkan dalam karya *Patriarch*.

Shahnon Ahmad mengekspresikan kejiwaannya tentang perasaan tidak puas hati, amarah serta keinginan menuntut keadilan terhadap korupsi politik yang berlaku sebagai gagasan perjuangan. Sebagaimana yang dijelaskan sebelumnya, sesebuah karya menggambarkan kejiwaan pengarang dari segi peribadi, keinginan dan aspirasi yang hendak dicapai pengarang. Begitulah yang terserlah dalam karya *Patriarch*, iaitu menggambarkan keinginan Shahnon yang terlalu tinggi untuk melihat kehancuran pemimpin yang rakus dalam pemerintahan telah menghasilkan semacam idea dan imaginasi secara separa sadar (*subconscious*). Pengalaman dan perasaan yang merasuk diri pengarang inilah dijadikan produk yang disulami jiwa dan batin pengarang.

Selain itu, sikap, pengalaman dan pemikiran pengarang diteliti melalui pencitraan watak dan perwatakan dalam karya. Hal ini dikatakan demikian kerana, watak yang digambarkan dalam karya merupakan cerminan kepada jiwa dan sikap pengarang itu sendiri. Karya *Patriarch* sememangnya signifikan dalam menggambarkan sikap sebenar pengarangnya iaitu Shahnon Ahmad, kerana sikap beraninya ada dijelmakan dalam pelbagai watak seperti Jusuh Hitam, iaitu seorang pengarah drama yang berani mementaskan kekejaman *Patriarch* di khalayak ramai tanpa bertapis, dan watak Budin, ketua kumpulan *Heavy Metal the Bloody Hell* yang berani mencipta muzik lagu yang menyindir tindakan kejam *Patriarch*. Watak berani tersebut merupakan gambaran dirinya yang lantang menyindir kekejaman pemimpin melalui sastera dan turut mewakili rakyat secara umum. Ringkasnya, keseluruhan intipati karya tersebut sebenarnya merupakan gambaran sikap pengarang yang berani menentang ketidakadilan yang berlaku dalam dunia politik. Desakan dalaman beliau yang menginginkan keadilan inilah yang diekspresikan dalam karya *Patriarch*.

“...Sungai tidak lagi bertanggungjawab pada dirinya. Janjinya dilacurkan. Kata-katanya dilaknati. Dan para penghuni yang hidup sepanjang lanjutannya mati akal dan mati kojol..”

(Shahnon Ahmad, 2019, p.6)

Pada petikan tersebut, pengarang mengungkapkan rasa emosionalnya tentang perasaan kecewa yang dirasakannya berdasarkan isu kepimpinan yang kejam melalui perlambangan sungai yang kotor. Pengkaryanya melambangkan pemimpin politik sebagai sungai yang kotor kerana, sungai kotor sememangnya tiada manfaat, dan hanya membawa kehancuran serta penyakit. Melalui perlambangan tersebut, jelas menggambarkan kekecewaan pengarang akan pemimpin kejam yang akan mendatangkan kehancuran kepada negara.

Malah, pengalaman ditindas oleh pemimpin berkuku besi turut menjadi pendorongnya untuk mencipta karya *Patriarch*. Ungkapan kasar yang digunakan dalam karya juga menjadi satu cara pengarang meluahkan emosi amarah yang tidak mampu dipendam lagi. Misalnya; ““*Patriarch mampus!*”...“*Patriarch sudah mampus! Patriarch sudah mampus!*”” (Shahnon Ahmad, 2019, p.32). Kata ‘mampus’ yang dianggap kasar dari segi kesantunan dalam pertuturan Melayu disebut berulang-ulang kali dalam karya tersebut menonjolkan emosi amarah yang membuak-buak dalam diri pengarang, dan menjadi semacam kepuasan buat pengarang setelah dizahirkannya dalam karya. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa karya *Patriarch* sebenarnya telah berjaya menyerlahkan aspek jiwa pengarang yang berani mengkritik dan menentang ketidakadilan yang berlaku dalam pemerintahan melalui kepengarangannya.

Proses Penciptaan Kreatif

Penceritaan tentang korupsi kepemimpinan dalam novel *Patriarch* merupakan satu bentuk latar kehidupan penulis. Penciptaan karya *Patriarch* terlahir berdasarkan pengalaman penulis sebagai rakyat di bawah pimpinan seorang pemimpin yang zalim. Kajian psikologi terhadap karya *Patriarch* memfokuskan pada watak bernama Jasadiah yang diberi julukan nama Patriarch oleh rakyat-rakyatnya. Selain itu, aspek pemikiran dan perasaan pengarang ketika menghasilkan karya tersebut juga dititikberatkan dalam kajian.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap karya *Patriarch*, perasaan amarah, benci, tidak puas hati, resah, gelisah, serta harapan untuk mendapatkan keadilan merupakan gambaran jiwa pengarang yang berada dalam suasana neurosis. Setiap tekanan dan konflik yang terpendam tersebut mula terlahir dalam bentuk idea kreatif bagi penulisan karyanya. Penelitian berdasarkan teori menyimpulkan bahawa penulis sebenarnya tidak dapat memenuhi keperluan batinnya dalam dunia realiti. Justeru, penulis melahirkan watak dalam novel *Patriarch* agar keperluan dan keinginannya mampu dicapai. Bagi tujuan tersebut, pengkarya telah menggunakan pelbagai teknik penulisan kreatif demi meluahkan gejolak batin dalam dirinya.

Pertamanya, pengarang menggunakan teknik mimpi bagi tujuan menggambarkan kejiwaan sesuatu watak. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Freud (dalam Adnan Achiruddin Saleh, 2018) penderitaan batin yang hanya wujud di bawah kesedaran manusia boleh menampakkan diri dalam bentuk simbol mimpi. Oleh itu, igauan mimpi ngeri dijadikan gambaran penderitaan batin dalam watak Patriarch. Pengaplikasian teknik mimpi dalam penciptaan karya dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“...Dan gulungan badai dan taufan itu menjadi banyak, muncul dan tumbuh serentak bagaikan benar-benar berbiak secara spontan. Lepas satu, satu pula gulungan itu menerpa datang dan setiap kali terpaan itu, Patriarch cuba mengelak dengan alihan kepala atau tubuhnya tetapi elakan itu sukar dibuat kerana setiap landaan akan menindih dan menindih tubuhnya yang sedang kaku tak bergerak. Dia cuba menjerit sekuat tenaga tetapi jeritannya begitu mudah dipadamkan oleh gulungan badai yang bertubi-tubi datang lepas satu, satu...”

(Shahnon Ahmad, 2019, pp.68-69)

Petikan tersebut merupakan gambaran salah satu mimpi ngeri Patriarch. Berdasarkan petikan tersebut, dapat dirungkai bahawa watak Patriarch dalam novel tersebut mengalami semacam kerisauan neurotik yang tersublimasi menjadi satu bentuk penderitaan batin. Penderitaan tersebut berlaku pada tahap *unconscious* (tidak sedar) Patriarch dan dijelmakan dalam mimpi, manakala objek ‘taufan’ menjadi simbol kerisauan neurotik yang dialaminya. Melalui proses kreatif iaitu penceritaan melalui mimpi ini, pengarang sebenarnya dalam keadaan *subconscious* (separa sedar) sehingga terlahirnya idea mimpi ngeri yang ganas sebagai satu bentuk penderitaan Patriarch bagi memenuhi kepuasannya tersendiri. Bukan itu sahaja, kehendak batinnya yang menginginkan pembaca sedar bahawa pemimpin yang zalim terhadap rakyatnya bakal menerima hukuman yang setimpal turut menjadi penggerak penciptaan karya tersebut.

Shahnon Ahmad turut menggunakan teknik halusinasi dalam penciptaan karya *Patriarch*. Halusinasi berlaku kerana gangguan kejiwaan yang berkaitan dengan gejala psikosis. Teknik halusinasi digunakan pengarang untuk mengukuhkan penderitaan mental yang dialami watak Patriarch. Pengaplikasian teknik tersebut terbukti dalam petikan berikut:

“...Tembak! Tembak! Tembak! Beberapa kali. Benarlah Idah itu mewakili rakyat yang banyak. Patriarch turut merebahkan tubuhnya di atas lantai cuba menghenyakkan Idah yang terlentang...”

“...Patriarch mengasari Idah yang terlentang kerana wajah itu benar-benar rakyat di lembah. Dia cuba menekan kedua-dua belah tangan Idah dengan kedua-dua belah lututnya.”

“...Dan bila kedua-dua belah tangan Patriarch hinggap di tengkuknya dan cekakan kedua-dua belah tangan itu sungguh-sungguh mengejap di umbi tengkuk, barulah Idah sedar bahawa dia sedang diseksa.”

(Shahnon Ahmad, 2019, pp.176-178)

Petikan tersebut menunjukkan watak Patriarch sedang berhalusinasi akan perkara yang ditakutinya. Teknik ini digunakan Shahnon bagi menyerlahkan kejiwaan watak yang mengalami tekanan jiwa yang teruk sehingga menyebabkannya sampai ke tahap psikosis. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), psikosis merupakan tahap gangguan emosi yang teruk yang dicirikan oleh perubahan perwatakan dan ketidakpekaan terhadap persekitaran. Justeru, watak Patriarch dikatakan berada pada tahap psikosis pada ketika itu, kerana perwatakannya mula berubah kepada agresif, seakan-akan gila dan tidak peka akan realiti di sekitarnya, sehingga menyebabkan dia hampir membunuh isterinya sendiri. Halusinasi sebegini muncul kerana tekanan dan kegelisahan yang timbul rentetan mimpi-mimpi ngeri yang kerap dialaminya. Oleh itu, teknik ini adalah signifikan dalam menggambarkan penderitaan mental yang dialami watak Patriarch. Perkara ini membuktikan bahawa pengarang berada dalam keadaan *subconscious* (separa sedar) sehingga terlahirnya idea yang sebenarnya merupakan sebahagian keinginan batinnya, iaitu; untuk melihat penderitaan pemimpin yang kejam ketika itu.

Penerokaan Aspek Kejiwaan

Kaedah kritikan psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud juga boleh dianalisis dari aspek kejiwaan. Penelitian melalui kaedah ini juga adalah berdasarkan tiga unsur batin manusia iaitu *id*, *ego*, *superego*. Malah, aspek kejiwaan ini juga merangkumi penelitian terhadap tindakan-tindakan watak dari segi perlakuan abnormal, normal, bermoral, immoral, gejala jiwa, naluri, gerak hati dan juga niat. Berdasarkan novel *Patriarch* karya Shahnon Ahmad (2019), aspek kejiwaan ini dapat dilihat melalui watak Wak Da. Penerokaan aspek kejiwaan dapat dilihat melalui dua petikan di bawah:

“...Siapa? Apa yang mampus? Biawak? “Patriarch” begitu lantang Romlah memberitahu. Wak Da terdiam seketika. Kaku dan kejang, Dia masih juga terdiam. Tiba-tiba dari mulut Wak Da yang tua itu terluah air ludah berjela-jela lalu diludahkannya ke bumi Johor yang serba keramat itu.”

(Shahnon Ahmad, 2019, p.25)

“...Dan sewaktu biawak berhenti menjelir dan meneruskan perjalanannya entah ke mana itulah, tiba-tiba Wak Da bingkas berdiri, menggulung kain ikat kepalanya, mengejapkan tali pinggangnya, sambil juga ketawa, berlari lintang tak lintang menuju bucu kebun kelapa sawit sebelah timur.”

(Shahnon Ahmad, 2019, p.27)

Secara lazimnya, dapat dilihat Wak Da berpewatakan *immoral* atau erti kata lain tidak bermoral. Hal ini dikatakan demikian kerana, dia seolah-olah berpewatakan tidak senonoh dalam sesuatu situasi disebabkan dorongan *id*. Hal ini dibuktikan melalui petikan pertama di atas, iaitu “*Wak Da yang tua itu terluah air ludah berjela-jela*” di hadapan watak Romlah. Perkara tersebut boleh dikaitkan dengan penerokaan aspek kejiwaan dalam watak sampingan seperti Wak Da. Menurut McAdams (2019), berdasarkan teori Sigmund Freud, *id* merupakan tindakan yang berlaku

secara “membabi buta” dan tidak mempunyai sistem organisasi yang teratur. Perbuatan tidak senonoh yang ditonjolkan watak Wak Da sebenarnya terlahir daripada naluri *id* yang memuncak untuk menonjolkan kelayaan yang dirasai terhadap kejelekan pemerintah yang tidak berhati perut.

Bukan itu sahaja, Wak Da juga sebenarnya telah mengalami tekanan batin akibat penindasan yang dilakukan Patriarch terhadap dirinya. Wak Da merasakan dirinya telah tertipu dengan Patriarch yang sebelum ini menjanjikan pelbagai kemudahan dan bantuan terhadapnya sekiranya dia dilantik sebagai pemimpin negara. Namun, janji tersebut tidak ditunaikan sama sekali oleh Patriarch. Pengkhianatan yang dirasai oleh Wak Da inilah yang menyebabkannya dia seolah-olah menantikan kematian Patriarch. Rentetan itu, kematian Patriarch dianggap sebagai satu kemenangan besar dalam diri Wak Da. Sehubungan dengan itu, kerakusan *id* dalam diri Wak Da semakin membuak-buak sehingga mendorong dia melakukan perbuatan immoral dan abnormal sebagaimana yang dibuktikan dalam petikan-petikan di atas. Dalam situasi ini, *ego* telah tewas terhadap desakan *id* Wak Da dan secara langsungnya menyebabkan keinginan *id* yang immoral tercapai.

Rentetan kegagalan *ego* tersebut, unsur *superego* yang sepatutnya menjadi pendinding kepada kerakusan *id*nya tidak dapat dizarhkan. Oleh itu, tuntutan *id* yang agresif telah berjaya memanipulasi akal Wak Da sehingga dirinya seolah-olah menjadi gila dan tidak dapat membezakan perkara baik dan buruk kerana mentertawakan kematian Patriarch sebagaimana yang dibuktikan dalam petikan kedua tersebut. Petikan kedua tersebut sememangnya jelas memaparkan ciri *id* dalam diri Wak Da apabila dia “*berlari lintang tak lintang seolah-olah gembira sambil ketawa*” dengan kematian Patriarch. Jika difikirkan, perbuatan mentertawakan kematian seseorang sebenarnya tidak elok baik dari segi kemasyarakatan mahupun dari segi agama sekalipun. Namun, disebabkan kerakusan *id* yang membuak-buak menguasainya ketika itu, perkara kebaikan mahupun keburukan tidak lagi menjadi pertimbangan asas dalam diri Wak Da. Jika dilihat secara mendalam, Wak Da boleh dikategorikan berada pada tahap tidak sedar atas setiap perbuatan yang dilakukannya. Sehubungan dengan itu, melalui pembuktian ini, dapatlah dikatakan bahawa watak Wak Da berada pada tahap neurosis-psikosis sehingga mendorongnya ke arah perbuatan immoral dan abnormal.

Pengaruh dan Kesan

Kaedah keempat iaitu pengaruh dan kesan lebih melihat kepada bagaimana cara sesuatu karya memberi kesan kepada pembaca terutamanya daripada segi emosi dan juga tanggapan mereka. Bukan itu sahaja, yang diketengahkan juga adalah hasil pengalaman mereka selepas membaca karya tersebut. Dapatan analisis membuktikan bahawa novel *Patriarch* karya Shahnnon Ahmad (2019) sememangnya memberi kesan yang ekspresif dari segi perasaan kepada pembaca atau khalayak yang membacanya. Pembaca berasa puas dengan pengakhiran pemerintahan Patriarch yang kejam kerana akhirnya watak Patriarch menemui ajalnya. Pengakhiran pemerintahan Patriarch dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“...Dan berakhirlah seorang lagi pemimpin curang dengan kejam dan maha dahsyatnya. Para rakyat bersorak kegilaan lagi dan mata mereka meliar sana sini mencari pemimpin-pemimpin yang lain yang sememangnya dicitumi baunya oleh para rakyat.”

(Shahnnon Ahmad, 2019, p.300)

Dapatan petikan itu jelas memaparkan kegirangan rakyat pada ketika itu, kerana telah terlepas daripada cengkaman kuku besi Patriarch. Kegembiraan tersebut turut dirasai oleh pembaca dan menimbulkan semacam kepuasan yang mendalam kerana setiap keinginan rakyat dalam novel tersebut tercapai. Hal tersebut secara tidak langsungnya menjadi penggalak kepada pembaca untuk berani menyuarakan ketidakadilan yang berlaku dalam kepimpinan. Dalam pada itu, karya ini juga berjaya memberi gambaran kepada pembaca tentang sistem politik pada ketika itu.

Akhir sekali, kaedah pengaruh dan kesan yang dianggap memberi kesan utama dalam diri pembaca dibawakan oleh pengarang sendiri dalam petikan terakhir novel *Patriarch* ini iaitu:

“...Dan seperti yang berlaku di mana-mana bumi sekalipun, pemimpin-pemimpin baru akan muncul. Dan pemimpin-pemimpin itu akan dibunuh oleh rakyat juga kecuali yang benar-benar bertanggungjawab, beramanah, yang sanggup menunaikan janji dan yang sedia berkorban hidup dan mati bersama rakyat.”

(Shahnon Ahmad, 2019, p.302)

Pada dasarnya, petikan tersebut meninggalkan kesan yang begitu ekspresif dari segi perasaan kepada pembacanya. Jika dilihat dari petikan pertama ayat iaitu “*Dan seperti yang berlaku di mana-mana bumi sekalipun, pemimpin-pemimpin baru akan muncul*”, petikan tersebut jelas memaparkan matlamat utama pengarang yang ingin memugar mesej tersirat kepada khalayak pembaca, bahawasanya perlulah sentiasa berhati-hati walau sesiapa pun pemimpin yang baharu selepas kekejaman yang berlaku. Lantaran itu, petikan kedua ayat pula membuktikan dorongan pengarang kepada pembaca untuk menyingkirkan politikus yang rakus serta mengangkat sesiapa pun pemimpin yang sangat berkaliber terhadap tugas serta komitmennya kepada rakyat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa keinginan pengarang untuk merasai politik yang sihat telah memberi inspirasi kepada para pembaca supaya sentiasa cakna tentang sistem politik dahulu mahupun kini demi kesejahteraan bersama.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penelusuran novel *Patriarch* karya Shahnon Ahmad (2019) sememangnya signifikan dalam merungkai aspek-aspek psikologi, sama ada melalui penzahiran watak, pemikiran mahupun kejiwaan pengarang. Bingkisan neurosis dalam kajian ini turut mampu memugar perasaan pengarang dengan mencerminkan segala emosi, perasaan, kejiwaan dalam diri watak-watak dalam novel ini. Sehubungan dengan itu, struktur asas psikologi dalam psikoanalisis yang dipelopori oleh Sigmund Freud seperti *id*, *ego* dan *superego* juga boleh dikaitkan dengan pendekatan yang digunakan melalui petikan-petikan novel yang dianalisis dengan kritis. Maka dapatlah dirangkumkan bahawa, pengaplikasian keempat-empat kaedah kritikan psikologi Sigmund Freud adalah signifikan dalam menganalisis aspek psikologi yang terkandung dalam novel *Patriarch*. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat berjaya merungkai setiap sudut psikologi yang terdapat dalam novel *Patriarch* sama ada dari sudut tersurat mahupun tersirat.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad. (2017). *Kesusasteraan Melayu*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Adnan Achiruddin Saleh. (2018). *Pengantar psikologi*. Penerbit Aksara Timur.
- Azizi Abdullah. (2007). *Memoir seorang guru*. Alaf 21.
- Kamus Dewan edisi keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (1999). *Pengajian Melayu 5 dan 6: Pemulihan dan pengayaan, pengurusan sumber dan budaya*.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Conference: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 28-29. (Unpublished).

- McAdams (2009). *The person: a new introduction to personality psychology*. (5th Edition). John Wiley & Son.
- Norazimah Zakaria. (2018). Komplikasi neurosis watak utama melalui pendekatan Psikoanalisis dalam novel Gadis Tasik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 2(7), 119-131
- Nur Hanani Najwa Md. Khairi & Che Abdullah Che Ya. (2018). Analisis konflik dalam Lara: Satu pendekatan Psikologi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-18
- Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2015). Konflik kejiwaan dalam novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(1), 56-66
- Nursham Abdul Aziz (2015). *Novel-novel terpilih Azizi Hj. Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. (Doctoral Dissertation, Universiti Malaya).
- Rosanita Hussin. (2018). *Psikologi kanak-kanak dalam cerpen-cerpen terpilih Zaharah Nawawi*. Universiti Sains, Malaysia.
- Siti Hajar. (2011). *Bahasa Melayu 1*. Oxford Fajar
- Shahnon Ahmad. (2019). *Patriarch*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Denna Samsudin (2017). Analisis watak dan perwatakan dalam novel Sejambak Bakti karya Rejab FI. *Proceedings of The ICECRS*, 1(1).

PENERAPAN KBAT DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN AL-KAHFI BAGI KURSUS ELEKTIF BMMB3182 DALAM KALANGAN PELAJAR PENGAJIAN ISLAM IPGKTAR

Kelvin Yiung Shi Hong

(kelvinyiungshihong@gmail.com)

Mohd. Harris Haiqal bin Ahmad Moslini

(haiqalharris37@gmail.com)

Mohammad Syaid Fikrie bin Mohamad Hadad

(syaidfikriehadad@gmail.com)

Muhammad Nor Faizmie bin Rasman

(norfaizmie01@gmail.com)

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam pembelajaran abad ke-21 selaras dengan kehendak dunia pendidikan semasa. Aspek kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) perlu dititikberatkan oleh guru ketika mengendalikan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi melatih dan mengasah kemahiran berfikir murid agar dapat membudayakan pemikiran yang kritis dan kreatif. Dalam pada itu, aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dilihat sebagai salah satu platform yang dapat menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui petunjuk, tugas, dan soalan yang telah disediakan. Aktiviti pembelajaran Al-Kahfi melalui binaan plot pembelajaran mampu menyediakan peluang kepada murid untuk melalui proses pengalaman pembelajaran yang sebenarnya. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui aras pemikiran KBAT yang telah diterapkan dalam aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi melalui petunjuk, tugas dan soalan khususnya terhadap pelajar pengajian Islam IPGKTAR yang mengambil kursus elektif BMMB3182. Justeru, kajian ini adalah bersifat kualitatif melalui sesi temu bual bersama dengan 12 orang pelajar yang menyertai aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Pada masa yang sama, suatu set instrumen temu bual berstruktur telah disediakan bagi mengumpul dan mendapatkan data yang berkaitan daripada para responden. Hasil daripada kajian ini telah berjaya mengenal pasti aras pemikiran KBAT yang diterapkan dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi melalui produk yang dihasilkan oleh para peserta, serta mengetahui cabaran yang dihadapi ketika menyempurnakan tugas yang telah ditetapkan. Secara keseluruhan, 55% daripada tugas dan soalan yang perlu dilaksanakan sepanjang aktiviti pembelajaran Al-Kahfi berlangsung merupakan aras mencipta dalam pemikiran KBAT melalui penciptaan nama kumpulan, moto, dan *war cry* secara berkumpulan sepanjang proses pelaksanaan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi. Justeru, kekangan masa dan bahan serta kesukaran menjana idea yang kreatif telah menjadi antara beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh para pelajar khususnya dalam usaha menyempurnakan tugas yang berada pada aras mencipta.

Kata kunci: *Kemahiran berfikir, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Aktiviti pembelajaran Al-Kahfi*

PENGENALAN

Model pembelajaran yang digunakan dalam bilik darjah pada hari ini banyak mengandungi unsur-unsur seperti tingkah laku murid, ingatan murid dan interaksi antara murid. Model ini digunakan oleh guru dalam merancang sesi pembelajaran di dalam bilik darjah untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Namun, terdapat satu aspek yang kurang pendedahannya dalam model pembelajaran iaitu aspek kerohanian. Menurut Nik Safiah, Selamah, Abdullah, Norazlina, Mohd Shahril, Ahmad Bashir dan Nor Hanim (2015), penghayatan agama merupakan

unsur yang sangat penting dalam mempengaruhi kualiti peribadi seseorang dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang. Seorang pelajar yang cemerlang perlu seimbang dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi, maka aspek kerohanian yang merupakan elemen berkaitan dengan agama dan kepercayaan dilihat perlu diaplikasikan dalam model pembelajaran.

Justeru, aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi merupakan salah satu model pembelajaran yang mampu menerapkan aspek kerohanian dalam proses pembelajaran kerana berasaskan unsur spiritual yang relevan dalam pencarian manusia mencari Tuhan. Model pembelajaran ini adalah berkisarkan tentang peristiwa Nabi Musa menuntut ilmu dengan Nabi Khidir yang dapat diperinci melalui taksonomi pemahaman Khidir melalui plot-plot yang dikenali sebagai prapembelajaran, proses pembelajaran dan akhir sekali pasca pembelajaran (Muhaimi, 2020). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merujuk kepada keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Dalam pada itu, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dilihat menjadi salah satu keperluan untuk diterapkan dalam model pembelajaran tersebut bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih bermakna sekali gus memenuhi kehendak PAK-21.

PENYATAAN MASALAH

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) perlu untuk dikuasai supaya kita dapat berfikir secara kritis dan kreatif. Dalam pembelajaran abad ke-21 ini, pemikiran KBAT semakin ditekankan selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Syafiqah Nabilah & Noraini, 2020). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pada masa kini, KBAT menjadi salah satu elemen yang amat penting untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menggalakkan budaya pemikiran yang kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berupaya menggalakkan seseorang untuk menjadi lebih berdikari supaya tidak terlalu bergantung dengan maklumat yang disajikan (Nursafra, Wan Ali Akbar, Norasmahani, Nor Anisa & Mohd Syaubari, 2020). Hal ini telah membuktikan bahawa kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sememangnya perlu diterapkan dalam proses pembelajaran untuk memastikan perkembangan individu khususnya dari aspek intelektual dapat terus diperkembangkan dengan lebih berkesan. Justeru, kemahiran berfikir aras tinggi adalah sesuai untuk diterapkan dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi yang merupakan salah satu model pembelajaran yang sesuai bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang bermakna. Oleh yang demikian, satu kajian telah dilakukan untuk meneroka sejauh manakah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diterapkan dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi dalam kalangan pelajar Pengajian Islam IPGKTAR yang mengambil kursus elektif BMMB3182.

SOROTAN LITERATUR

Penerapan KBAT dalam aktiviti pembelajaran merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang aktif. Menurut Mohd Ashraf, Muhammad Talhah, Aminudin, dan Ahmad Marzuki (2020), penerapan aktiviti yang bersifat autentik dalam merangsang pemikiran pelajar untuk bertindak sebagai penyelesaian masalah merupakan salah satu inisiatif untuk mengaktifkan kemahiran dalam menggunakan pemikiran kreatif dan kritis bagi menyelesaikan masalah. Hal ini disokong oleh Dzulkifli dan Fadzilah (2021) yang berpendapat bahawa penerapan KBAT dalam aktiviti pembelajaran dapat meningkatkan kualiti pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar sekali gus memberi pendedahan tentang cara menyelesaikan konflik dalam kumpulan. Menurut Valerie dan Shahlan (2021), penerapan KBAT dalam aktiviti pembelajaran memberi gambaran yang jelas kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian keseluruhan dan membantu pelajar untuk memberi tumpuan fokus kepada daya berkomunikasi dan menyelesaikan masalah dalam kumpulan agar dapat belajar sesuatu yang baharu. Hal ini bermaksud

daya komunikasi membantu dalam memantapkan penerapan KBAT dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi.

Sorotan kajian literatur yang lepas berkaitan dengan penerapan KBAT banyak dijalankan oleh pengkaji dan penyelidik tempatan terutama yang menjurus ke arah permasalahan KBAT yang khusus berkaitan dengan pemahaman pelajar, guru, dan pelaksana dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, Anida, Husna, dan Adenan (2018) membuktikan bahawa terdapat beberapa kajian tentang KBAT terhadap penerapan KBAT sama ada di sekolah atau di institusi yang masih lagi dilaksanakan secara langsung dan secara tidak langsung. Menurut kajian Anida dan Husna yang lepas, rumusan kepada kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengetahuan KBAT masih berada pada tahap yang memuaskan dan perlu dipasakkan lagi dalam pelajar sama ada pada peringkat sekolah atau institusi. Hal ini bermaksud, kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk memberi pendedahan dan pemahaman bagi persediaan melaksanakan dan menerapkan kemahiran KBAT.

Radin Nur Iftitah dan Mimi Mohaffyza (2017) dalam kajian mereka mengatakan bahawa pelaksanaan aktiviti berpusatkan pelajar dalam menerapkan KBAT digalakkan bagi menjana pemikiran aras tinggi kerana strategi pengajaran yang berkesan dan sistematik dapat membantu pelajar bagi memperoleh ilmu pengetahuan yang baharu di samping membantu dalam penyelesaian konflik berdasarkan pengalaman belajar. Selain daripada itu, aktiviti berkumpulan yang dijalankan di luar bilik kuliah atau di luar waktu kuliah dapat membuka minda pelajar untuk melakukan eksplorasi sekali gus menerapkan pemikiran aras tinggi dalam melaksanakan aktiviti tersebut. Sehubungan dengan itu, bahan bantuan yang digunakan dalam melaksanakan aktiviti juga mampu merangsang pemikiran kreatif dan kritis murid. Sebagai contoh, penggunaan bahan seperti kotak terpakai untuk membina sesuatu yang dapat digunakan untuk melaksanakan dan memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran menunjukkan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan semasa di luar bilik kuliah lebih merangsang pemikiran murid dengan cara yang lebih menyeronokkan.

Berdasarkan kajian Mohd. Sahrul dan Muhamad Suhaimi (2020), pembelajaran koperatif dan kolaboratif antara ahli kumpulan dapat memastikan pelajar bertindak aktif dalam mengorganisasikan dan menstrukturkan maklumat dan pengetahuan bagi menyokong pengalaman pembelajaran yang dilalui. Pendapat ini disokong oleh Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2016) yang mengatakan bahawa pelajar dalam kumpulan yang sama dapat menggunakan strategi kognitif dengan bantuan pensyarah atau guru sebagai pembimbing. Maka, pelajar yang terlibat secara aktif dan menggunakan strategi kognitif dapat meningkatkan daya pemikiran yang kreatif dan kritis sekali gus menerapkan KBAT dalam melaksanakan apa sahaja aktiviti yang dianjurkan dan secara tidak langsung, ini memberi pelajar pendedahan kepada realiti sebenar dalam menggunakan akal untuk berfikir.

Kesimpulannya, sorotan literatur berikut menunjukkan bahawa penerapan KBAT memerlukan komitmen yang tinggi bagi menjayakan hasrat KPM sekali gus membuktikan bahawa penggunaannya mampu mendidik pelajar untuk berfikir lebih kritis dan kreatif. Bagi memastikan KBAT sentiasa diterapkan dalam kalangan pelajar, semua pihak perlu berganding bahu dalam memastikan pelajar terdedah dengan pengaplikasian KBAT sama ada di dalam atau di luar bilik kuliah sejajar dengan objektif pendidikan kebangsaan bagi melahirkan generasi muda yang berfikiran kreatif dan kritis.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengetahui aras pemikiran KBAT diterapkan dalam aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi melalui Petunjuk, Tugas dan Soalan.
- ii. Mengenal pasti produk yang dihasilkan dalam aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi melalui Petunjuk, Tugas dan Soalan.

iii. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi pelajar dalam menyempurnakan tugas pada aras mencipta.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran berfikir merupakan sebuah kemahiran yang merangkumi pengetahuan, pengamatan dan juga penghasilan terhadap sesuatu (Mad Noor dan Jamaluddin, 2019). Bagi memenuhi hasrat dan keperluan pendidikan masa kini, kemahiran berfikir dapat diperluas kepada beberapa tahap dan peringkat sehingga terhasillah istilah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu satu konsep pemikiran mempunyai tahap-tahap kemahiran berfikir yang tersendiri.

Secara umumnya, kemahiran berfikir merupakan kemahiran asas yang perlu ada pada setiap manusia bagi memastikan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka. Menurut Faridah, Faiziah dan Amran (2017), KBAT memberi definisi iaitu sebuah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi membuat penaaakuan dan refleksi supaya dapat memudahkan mereka dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan mencipta sesuatu. Bagi pembelajaran murid di dalam bilik darjah, kemahiran tersebut memainkan peranan besar bagi memastikan murid dapat membuat keputusan dan juga menjawab soalan dengan jawapan yang memenuhi aras pemikiran. Antara model yang terkenal berkaitan dengan kemahiran berfikir aras tinggi ialah Taksonomi Bloom Semakan 2001 yang menjelaskan aras-aras pemikiran seperti dalam rajah yang berikut:


Tahap Pemikiran	Penerangan
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Memahami	Mengingat semula maklumat dan boleh menjelaskan idea dan konsep
Mengingat	Mengingat semula maklumat, fakta atau konsep.

(Dipetik daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014)

Melalui kemahiran berfikir yang ditunjukkan dalam jadual, dapat diperhatikan bahawa setiap murid perlulah melalui keenam-enam tahap pemikiran yang telah ditetapkan bagi mencapai murid yang berfikiran kritis dan kreatif. Hal ini demikian kerana kemahiran ini sebagai sebuah takrifan yang melibatkan proses kognitif dan memerlukan pemikiran yang bersifat menyeluruh seperti menganalisis, menilai dan mencipta (Faridah, Faiziah dan Amran, 2017). Dalam hal ini juga, kemahiran berfikir perlulah dipertingkat dengan cara memberikan murid pelbagai pendekatan yang mencabar pemikiran dan kebolehan intelektual, perkembangan sosial dan juga emosi murid (Nur Hawa dan Ghazali, 2018). Dengan erti kata lain, setiap individu yang diberikan cabaran akan menjadikan pemikiran mereka mencapai pada tahap peningkatan yang baik dan melalui perkembangan yang diinginkan iaitu perkembangan kognitif.

Model Eksplorasi Bahasa

Model eksplorasi bahasa menjelaskan bahawa seseorang pelajar itu dapat banyak belajar melalui pengembaraan atau eksplorasi di lapangan yang sebenarnya. Dalam eksplorasi ini, murid akan memperoleh pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang diterapkan dalam Petunjuk, Tugas, dan Soalan yang diberikan sepanjang pengembaraan itu. Pengalaman pembelajaran yang sebenar seperti dalam model eksplorasi ini dapat membantu murid untuk mengalami sendiri proses pembelajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan. Justeru, model eksplorasi bahasa ini dimulakan dengan adanya sekumpulan pelajar belajar di beberapa lokasi atau lapangan yang sebenarnya iaitu dari satu stesen ke satu stesen berdasarkan petunjuk yang telah diberikan. Misalnya untuk pergi ke stesen pertama, petunjuk ke stesen tersebut hendaklah diberikan kepada para peserta. Apabila para peserta sampai ke stesen atau tempat yang betul seperti yang dinyatakan dalam petunjuk tersebut, maka kumpulan tersebut akan diberikan satu tugas untuk diselesaikan sebagai syarat untuk memperoleh soalan dari stesen pertama itu. Menurut Muhaimi (2011), aktiviti eksplorasi tersebut boleh dilaksanakan sama ada di intralokasi atau di interlokasi. Intralokasi adalah melibatkan ruang, tempat dan masa pada skala yang lebih kecil berbanding interlokasi yang melibatkan ruang, tempat, masa yang besar malah tiada hadnya. Model eksplorasi bahasa tersebut dapat dijelaskan seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 2: Model Eksplorasi Bahasa (Muhaimi, 2011)

Melalui model eksplorasi bahasa seperti yang ditunjukkan dalam rajah, jelas menunjukkan bahawa hubungkait di antara ketig-tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai adalah saling melengkapi antara satu sama lain dalam proses pembelajaran bagi menguasai sesuatu ilmu pengetahuan. Justeru, terdapat tiga komponen yang penting dalam model eksplorasi bahasa ini iaitu petunjuk, tugas dan soalan yang membolehkan sesuatu proses pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila peserta melibatkan diri secara langsung dalam proses pembelajaran tersebut bagi menyelesaikan segala tugas yang perlu diselesaikan sepanjang pelaksanaan aktiviti eksplorasi bahasa tersebut. Model eksplorasi bahasa ini turut dilihat sebagai salah satu bentuk pembelajaran luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur. Menurut Mohd Fuad, Marina, Hajah Rosnah & Nordin (2017), pembelajaran luar bilik darjah yang terancang dan berunsurkan *hands-on* membolehkan murid-murid mengalami pengalaman pembelajaran secara langsung. Oleh itu, model eksplorasi bahasa ini membolehkan proses pembelajaran tentang sesuatu topik itu menjadi lebih berkesan dan bermakna dengan penglibatan aktif daripada para peserta.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual yang melibatkan seramai 12 orang responden daripada pelajar Pengajian Islam IPGKTAR yang mengambil kursus BMMB 3182. Para responden yang dipilih ini telah pun mengikuti aktiviti pembelajaran Al-Kahfi ini secara langsung. Maka, satu sesi temu bual telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas para responden tentang penerapan KBAT dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi tersebut. Temu bual dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas yang sah dan merekod dapatan dengan tepat berkaitan kajian yang dijalankan (Ab Samad, 2015). Dalam pada itu, terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, separa struktur dan tidak berstruktur. Jenis temu bual yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual berstruktur. Satu set instrumen temu bual telah diedarkan kepada semua responden bagi mendapatkan maklum balas daripada mereka. Temu bual ini dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan platform *Google Meet* dan *Whatsapp*. Menurut Siti Fatimah, Mohd Safri, Azli Fairuz, Tengku Fatimah Muliana, Siti Khatijah & Wan Saifuldin (2017), temu bual berstruktur ini dilaksanakan dengan menyediakan soalan temu bual kepada para responden terlebih dahulu sebelum menemu bual responden mengikut urutan soalan yang telah disediakan. Dengan ini, data yang diperolehi melalui sesi temu bual yang dijalankan dapat membantu pengkaji dalam mengumpul dan menganalisis data yang berkaitan dengan lebih sistematik dan tersusun.

DAPATAN

Daripada kajian yang dilaksanakan itu, berikut ialah dapatannya.

i. Aras pemikiran KBAT yang diterapkan dalam aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi melalui Petunjuk, Tugasan dan Soalan.

Bagi mengetahui aras pemikiran KBAT dalam Petunjuk, Tugasan dan Soalan bagi Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi, dapat disenaraikan melalui jadual seperti yang berikut:

Jadual 1: dapatan analisis KBAT melalui Petunjuk, Tugasan dan Soalan

Petunjuk/ Tugasan/ Soalan (L=Lokasi)	Aras pemikiran KBAT	Penerangan
Petunjuk L1	Aras mengingat	Petunjuk tersebut menggalakkan pelajar untuk mengingat lokasi-lokasi di kawasan IPGKTAR melalui gambar-gambar yang diberikan.
Tugasan L1	Aras mencipta	Tugasan meminta pelajar untuk menghasilkan identiti berkumpulan dari segi nama, moto, logo, dan juga sorakan kumpulan.
Soalan L1	Aras mencipta dan Aras menilai	Soalan meminta pelajar untuk menghasilkan kelas untuk 50 tahun akan datang. Oleh itu, aras soalan menjadi mencipta kerana pelajar dikehendaki mencipta sebuah reka bentuk kelas mengikut soalan yang telah ditetapkan. Selain itu, pelajar juga dikehendaki membuat penilaian tentang kerelevanan kelas yang dihasilkan pada waktu itu dan juga meminta pelajar memberikan harapan tentang kesediaan masyarakat untuk berhadapan dengan situasi

		kelas yang telah dihasilkan. Dalam hal ini, murid dikehendaki menilai semula hasil yang telah diciptakan sekaligus menjadikan soalan lanjut yang diberikan dalam aras menilai.
Petunjuk L2	Aras mengingat	Petunjuk yang diberikan itu meminta pelajar untuk mengingat lokasi-lokasi selain daripada lokasi 1 tetapi masih di kawasan IPG Kampus Tun Abdul Razak. Oleh hal yang demikian, petunjuk untuk lokasi 2 tergolong dalam aras mengingat.
Tugasan L2	Aras mencipta	Bagi lokasi 2, Tugas yang diberikan kepada kumpulan pelajar dapat dikategorikan sebagai aras mencipta. Hal ini demikian kerana tugas tersebut meminta untuk pelajar merancang bagi satu bentuk pembelajaran secara virtual dengan memilih satu tempat untuk aktiviti tersebut. Arahan tugas yang meminta pelajar merancang menjadi sebuah penciptaan kerana pelajar tersebut perlu menghasilkan suasana pembelajaran yang berbentuk virtual dengan memilih satu tempat secara rawak untuk aktiviti pembelajaran.
Soalan L2	Aras mencipta	Soalan ini berkesinambungan dengan Tugas L2 dan ianya masih dalam kategori aras mencipta. Hal ini disebabkan oleh soalan berkenaan meminta untuk pelajar menghasilkan suasana pembelajaran virtual dalam bentuk mawjud menggunakan kotak.
Petunjuk L3	Aras mengingat dan mencipta	Bagi petunjuk untuk Lokasi 3, dapat dinyatakan bahawa aras pemikiran merupakan aras mengingat dan mencipta kerana pelajar perlu mengingat salah satu lokasi di IPG kemudian merakam gambar yang kreatif berlatar belakang lokasi yang diminta.
Tugasan L3	Aras mencipta	Tugas ini meminta pelajar untuk menghasilkan satu pentaksiran berdasarkan SK dan SP yang dipilih. Dalam pada itu, pelajar juga dikehendaki untuk membina instrumen seperti soalan dan latihan bagi mengukur keberkesanan bahan virtual pembelajaran tersebut. Justeru, pelajar juga diminta untuk merancang aktiviti tentang langkah-langkah pelaksanaan aktiviti pembelajaran dalam kotak virtual pembelajaran yang dihasilkan.
Soalan L3	Aras menilai	Soalan ini meminta pelajar untuk membuat laporan analisis reflektif tentang tiga isu sepanjang aktiviti pembelajaran yang telah dilaksanakan dengan menggunakan WEWIT. Maka, soalan ini adalah berada pada aras menilai supaya pelajar dapat membuat penilaian terhadap aktiviti pembelajaran yang telah dilaksanakan.

Jadual 1 menunjukkan aras pemikiran yang terdapat dalam setiap petunjuk, tugas dan soalan yang terdapat dalam aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi. Pemilihan aras bagi setiap petunjuk, tugas dan soalan bergantung kepada aras dominan dalam setiap aktiviti tersebut. Sebagai contoh, Tugas bagi Lokasi 1 meminta pelajar supaya menghasilkan identiti berkumpulan yang tersendiri menjadikan tugas tersebut berada di dalam aras yang dominan iaitu aras mencipta. Dengan erti kata lain, kumpulan pelajar dikehendaki untuk memikirkan idea dalam pembaharuan untuk menghasilkan sebuah identiti berkumpulan melalui nama, moto, logo dan juga sorakan kumpulan.

Terdapat juga soalan dan petunjuk yang dikenal pasti mempunyai dua aras pemikiran antaranya Soalan bagi Lokasi 1 yang mempunyai aras mencipta dan menilai. Hal ini demikian kerana dalam soalan yang diberikan, terdapat arahan yang meminta murid untuk menghasilkan gambar reka bentuk kelas abad-ke 21 pada 50 tahun akan datang. Soalan tersebut jelas membuktikan bahawa adanya arahan yang melibatkan kumpulan pelajar Pengajian Islam untuk menghasilkan reka bentuk kelas. Bagi aras pemikiran kedua iaitu menilai pula, terdapat soalan tambahan iaitu pelajar diminta untuk memberi pandangan tentang kerelevanan kelas tersebut pada zaman itu. Faridah, Faiziah dan Amran (2017) menyebut bahawa aspek menilai merangkumi kata kunci seperti mempertimbangkan, memberikan alasan dan menilai sesuatu. Oleh hal yang demikian, soalan yang diberikan merangsang pemikiran pelajar untuk menilai reka bentuk kelas yang dihasilkan dengan cara memberi sebab atas kerelevanan kelas itu pada waktu tersebut.

Setelah menganalisis Petunjuk, Tugas dan Soalan yang terkandung dalam Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi, dapat dikenal pasti kekerapan dan juga peratusan aras pemikiran tersebut sepanjang aktiviti yang telah dijalankan melalui Jadual 2 seperti yang berikut:

Jadual 2: Peratusan Penggunaan KBAT dalam Pembelajaran Al-Kahfi

<i>Aras Pemikiran</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratusan (%)</i>
<i>Mengingat</i>	3	$3/11 \times 100 = 27\%$
<i>Memahami</i>	0	0
<i>Mengaplikasi</i>	0	0
<i>Menganalisis</i>	0	0
<i>Menilai</i>	2	$2/11 \times 100 = 18\%$
<i>Mencipta</i>	6	$6/11 \times 100 = 55\%$
<i>Jumlah</i>	<i>11</i>	<i>100%</i>

Secara keseluruhannya, terdapat tiga aras pemikiran yang dominan yang telah ditunjukkan melalui Petunjuk, Tugas dan Soalan dalam Aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi. Tiga aras pemikiran yang lain iaitu aras memahami, mengaplikasi dan menganalisis tidak dapat dikenal pasti disebabkan oleh aras berkenaan tidak jelas dan tidak bersifat dominan sama ada dalam Petunjuk, Tugas atau Soalan. Dengan erti kata lain, pelajar Pengajian Islam telah menyelesaikan aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi yang merangkumi 27% aras mengingat, 18% aras menilai dan 55% aras mencipta.

ii. Penghasilan nama kumpulan dan moto dalam aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi melalui Petunjuk, Tugas dan Soalan.

Kajian mendapati bahawa terdapat soalan yang mengandungi aras mencipta dan boleh didapati pada bahagian Petunjuk, Tugas dan Soalan. Aras mencipta ini memerlukan pelajar untuk menghasilkan produk semasa menjalankan aktiviti Pembelajaran Al-Kahfi ini.

Antara produk yang berjaya dikenal pasti ialah pembinaan kumpulan. Produk ini dibentuk semasa menyelesaikan Tugas Lokasi 1. Pada tugas ini, pelajar dikehendaki untuk mencipta nama kumpulan dan moto kumpulan. Berikut merupakan senarai produk yang telah dihasilkan oleh pelajar Pengajian Islam daripada kelas PISMP PI1620, PI3620 dan PI6620.

Bil.	Nama Kumpulan	Moto Kumpulan
1	Guru Junior	Everyday is a second chance
2	Mujahideen Digital	Diam jadi beban, bergerak menuju kejayaan
3	Five Rengers (5FR)	Buat sehabis baik!
4	DINAMIK	Semangat Bersama
5	Charlie Angle	Do the best, beat the rest
6	4004	Setiap seorang memberi 1001 manfaat
7	4 Dara	Siswa Pendidik Pemacu Transformasi Digital
8	Wonder T'Cher	Apa yang penting? Kerjasama!

Berdasarkan jadual, dapat dikatakan bahawa setiap kumpulan berjaya melaksanakan Tugas Lokasi 1 dengan baik dan menghasilkan produk yang dikehendaki. Sebagai contoh, kumpulan 'DINAMIK' telah diwujudkan oleh pelajar dengan motto 'Semangat Bersama'. Oleh itu, pelajar telah berjaya menyelesaikan soalan pada aras mencipta dengan menghasilkan produk iaitu binaan kumpulan. Pada peringkat ini, pelajar telah berjaya meningkatkan kemahiran berfikir mereka iaitu KBAT. Buktinya adalah melalui hasil tugas yang berjaya dihasilkan oleh setiap kumpulan. Selain itu, berdasarkan produk ini, terbukti bahawa KBAT dapat diterapkan dalam Pembelajaran Al-Kahfi.

iii. Cabaran yang dihadapi pelajar dalam menyempurnakan tugas pada aras mencipta ***Pengurusan masa***

Antara cabaran dihadapi sepanjang pelaksanaan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi termasuklah tugas mencipta satu sudut pembelajaran pada 50 tahun yang akan datang dengan peruntukkan masa yang amat terhad. Peruntukkan masa yang terlalu singkat dalam beberapa tugas tertentu telah menyebabkan peserta yang terlibat tidak sempat untuk ke stesen yang berikutnya bagi melaksanakan tugas lain seperti yang telah ditetapkan. Oleh kerana masa yang diperuntukkan itu amat terhad, maka hasil tugas yang dihasilkan juga tidak begitu memberangsangkan. Pada masa yang sama, masa yang diperuntukkan juga agak pendek untuk mencari dan menggabungkan idea bagi menghasilkan satu produk yang baharu untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dibincangkan. Justeru, terlalu banyak perkara dan aspek yang harus difokuskan dalam masa yang amat singkat khususnya dari segi persediaan dan pelaksanaan tugas tersebut. Selain itu, masa yang agak singkat turut menyebabkan para peserta perlu mengambil masa lebih lama untuk mencipta dan menghasilkan produk yang diminta kerana ingin menampakkan hasil yang lebih menarik, kreatif, dan terbaik.

Peruntukan bahan

Di samping itu, peruntukan bahan yang terhad juga merupakan salah satu cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan aktiviti pembelajaran Al-Kahfi khususnya dalam tugas mencipta satu

sudut pembelajaran pada 50 tahun yang akan datang. Bahan yang disediakan untuk membina sudut pembelajaran tersebut juga agak terhad di samping sukar untuk dipelbagaikan sehingga perlu menggunakan bahan sendiri untuk menyiapkan tugas yang ditetapkan. Para pelajar dalam kumpulan hanya disediakan dengan satu kotak sahaja dan mereka dikehendaki untuk menggunakan kotak tersebut untuk menjelmakan semula sudut pembelajaran virtual tersebut dalam bentuk mautod mengikut kreativiti masing-masing.

Penjanaan idea

Dalam pada itu, sudut pembelajaran yang dihasilkan itu juga sukar untuk dikaitkan dengan DSKP bahasa Melayu sekolah rendah. Selain itu, para pelajar juga agak sukar untuk membuat imaginasi yang relevan tentang sudut pembelajaran yang mungkin wujud pada 50 tahun akan datang. Pada masa yang sama, para pelajar juga menghadapi kesukaran dalam menghasilkan satu-satu idea yang kritis dan kreatif tentang sudut pembelajaran tersebut. Dalam menyelesaikan tugas pada aras mencipta, antara cabaran yang dihadapi adalah mencari masalah untuk diselesaikan dengan ciptaan yang akan dihasilkan. Masalah yang dipilih perlu benar-benar berlaku dan disertakan dengan evidens untuk menyokong masalah yang dipilih. Justeru, kekurangan idea dalam menghias sudut pembelajaran turut memberikan cabaran kepada para peserta bagi mencari dan mengumpulkan idea yang kreatif untuk menghasilkan produk yang dikehendaki dalam tugas. Terdapat juga peserta yang ketandusan idea kerana menghadapi cabaran dalam mencari dan mengumpulkan idea yang kritis dan kreatif akibat tidak membuat sebarang persediaan yang wajar.

Kerjasama dan komunikasi antara ahli kumpulan

Selain itu, kerjasama dan komunikasi antara ahli kumpulan juga menjadi salah satu cabaran kepada para peserta dalam menyempurnakan tugas pada aras mencipta. Dalam pada itu, komunikasi dan kerjasama antara ahli kumpulan yang tidak sepakat juga telah menyebabkan banyak masa yang dibazirkan untuk membuat keputusan dalam perbincangan kumpulan. Terdapat peserta yang menghadapi cabaran kerana sukar untuk bekerjasama dalam kumpulan atas faktor ahli kumpulan terdiri daripada gabungan peserta lelaki dan perempuan dan hal ini telah memberikan cabaran dalam perbincangan bagi menyempurnakan tugas yang diberikan.

Secara keseluruhannya, 12 orang responden telah memberikan respons yang bermakna dan relevan melalui sesi temu bual yang telah dijalankan. Melalui sesi temu bual tersebut, didapati bahawa para responden telah menghadapi pelbagai cabaran khususnya dalam tugas yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pada aras mencipta. Hal ini telah dibuktikan melalui respon mereka bahawa tugas yang melibatkan aras mencipta sememangnya telah mengasah kemahiran berfikir para pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif bagi melahirkan idea-idea yang bernas. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sememangnya telah diterapkan dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi bagi memperkembangkan tahap pemikiran para peserta. Pada masa yang sama, kemahiran berfikir aras tinggi khususnya pada aras mencipta merupakan salah satu kemahiran yang agak sukar namun penting untuk dikuasai supaya seseorang individu itu dapat sentiasa berfikir di luar kotak bagi melahirkan idea-idea yang kreatif dan inovatif sejajar dengan keperluan dan perkembangan dunia pada masa kini.

Perbincangan dapatan

Terdapat perbincangan yang boleh dinyatakan antaranya ialah aras pemikiran mencipta mendominasi bagi keseluruhan aktiviti bagi Pembelajaran Al-Kahfi. Berdasarkan dapatan, aras pemikiran mencipta mencapai 55% daripada keseluruhan aktiviti. Hal ini disebabkan oleh kemahiran mencipta sangat penting terutamanya dalam mencapai pembelajaran yang bercirikan kreatif dan inovatif pada masa kini. Setiap pendidik perlulah sentiasa mengikuti perkembangan pendidikan dari semasa ke semasa supaya mereka dapat memberikan kemahiran yang sepatutnya kepada pelajar. Faridah, Faiziah dan Amran (2017) menyatakan bahawa pemikiran bagi aras

mencipta ialah seseorang itu perlulah memikirkan idea dan cara baharu untuk menggunakan maklumat.

Dalam hal ini, kemahiran mencipta menjadi salah satu kemahiran yang perlu dititikberatkan bagi memenuhi pengajaran dan pembelajaran terkini. Faridah, Faiziah, Amran dan Norida (2018) menyatakan bahawa salah satu komponen penting yang perlu ada dalam pedagogi abad ke-21 ialah pemikiran yang kreatif dan inovatif. Oleh hal yang demikian, penerapan KBAT khususnya kemahiran mencipta amat penting untuk diterapkan dalam diri pelajar melalui arahan-arahan seperti tugas atau soalan supaya dapat merangsang pemikiran yang kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan respons yang diperoleh, salah satu cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menyempurnakan tugas pada aras mencipta adalah pengurusan masa dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Masa yang diperuntukkan bagi menyiapkan tugas pada aras mencipta menjadi amat terhad apabila pengurusan masa menjadi kurang berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana sememangnya tugas yang berada pada aras mencipta memerlukan tempoh masa yang lebih lama bagi memikirkan idea yang lebih kritis dan kreatif. Oleh kerana masalah pengurusan masa, para pelajar hanya berupaya untuk berbincang secara ringkas dengan mengambil kira idea-idea yang biasa dan sederhana sahaja. Hal ini bermakna idea-idea yang dihasilkan sebenarnya berpotensi untuk berkembang supaya menjadi idea yang lebih kritis dan kreatif sekiranya masa dapat diurus dan dirancang dengan lebih baik. Misalnya, dalam soalan bagi Lokasi 1 di mana soalan meminta pelajar untuk menghasilkan reka bentuk kelas pada 50 tahun yang akan datang. Soalan ini merangkumi kemahiran berfikir aras tinggi pada aras mencipta kerana melibatkan daya imaginasi dan keupayaan berfikir para pelajar. Menurut Mohd Najib dan Choong (2002), kepentingan mengurus masa dengan baik akan dapat menyedarkan para pelajar tentang kepentingan masa supaya dapat melaksanakan sesuatu tugas dalam masa yang telah ditetapkan. Pengurusan masa yang baik dapat menjamin masa yang diperuntukkan itu dimanfaatkan dengan sebaik yang mungkin. Dengan ini, para pelajar akan berupaya untuk menyempurnakan tugas yang diberikan walaupun tugas tersebut berada pada aras mencipta dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Di samping itu, salah satu cabaran yang dapat dikenalpasti melalui dapatan responden merupakan bahan yang disediakan agak terhad untuk menghasilkan tugas pada aras mencipta. Berdasarkan maklum balas daripada para pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi, hanya kotak sahaja yang disediakan sebagai bahan untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Hal ini telah memberikan cabaran kepada para pelajar untuk menyiapkan tugas yang diarahkan dengan hanya menggunakan kotak semata-mata. Misalnya, tugas di Lokasi 2 yang meminta pelajar untuk menghasilkan suasana pembelajaran berbentuk virtual dengan menggunakan bahan maujud yang disediakan iaitu kotak. Para peserta dikehendaki untuk berfikir secara kritis dan kreatif bagi memastikan kotak yang disediakan itu berupaya untuk menjelmakan suasana pembelajaran yang berbentuk virtual. Justeru, kotak yang disediakan itu juga dilihat agak mustahil untuk mereka cipta suasana pembelajaran berbentuk virtual sehingga para pelajar terpaksa menggunakan bahan-bahan maujud sendiri yang bagi melaksanakan tugas tersebut dengan sebaik yang mungkin. Hal ini bertujuan menguji pemikiran para peserta untuk mencetuskan pemikiran yang kreatif dan kritis. Dalam pada itu, cabaran yang diberikan para peserta menggalakkan para peserta untuk bertindak dengan lebih proaktif dan dapat mempertingkatkan pengaplikasian inovasi dalam pelaksanaan kurikulum. Menurut Habib (2017) berpendapat bahawa cabaran dalam menghasilkan inovasi memberi gambaran yang jelas kepada para peserta tentang realiti tentang kecekapan proses berfikir. Hal ini bermaksud, para peserta perlu sentiasa bersedia untuk menempuhi cabaran era globalisasi. Penguasaan ilmu dalam menempuhi cabaran pada masa kini bagi membentuk masyarakat yang berdaya saing dan masyarakat yang berinovasi. Selain daripada itu, penyediaan bahan rangsangan bagi menghasilkan bahan inovasi juga menguji kepakaran para peserta serta memupuk penghijrahan bakat para peserta ke arah yang lebih dinamik dan fleksibel serta berketerampilan tinggi bagi meningkatkan kualiti diri.

Penjanaan idea dalam usaha mereka bentuk sesuatu produk amatlah penting untuk menghasilkan produk yang berkualiti, kritis dan kreatif. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh para responden melalui temu bual, peserta agak sukar untuk menjana idea yang kreatif bagi melaksanakan tugas pada aras mencipta. Misalnya dalam tugas mencipta produk digital seperti mana dalam tugas di Lokasi 2 yang menggunakan bahan mawjud sebagai asas lakaran produk digital. Penjanaan idea berlaku secara peringkat menerusi proses kognitif dan metakognitif sama ada secara langsung dan secara tidak langsung. Berdasarkan respons yang diterima, bahan yang disediakan agak terhad dan sukar untuk berfikir secara kritis dan kreatif bagi mencipta produk yang baharu menggunakan bahan tersebut. Dalam pada itu, tugas di Lokasi 3 yang meminta peserta mencipta pentaksiran berdasarkan produk virtual yang dihasilkan dengan mengaitkan DSKP yang bersesuaian juga memberikan cabaran kepada para pelajar. Para peserta perlu mencipta instrumen soalan pentaksiran yang akan dilaksanakan bagi menguji keberkesanan produk virtual yang dihasilkan itu. Jelaslah bahawa tugas pada aras mencipta telah memberikan cabaran kepada para pelajar khususnya dari aspek kemahiran berfikir mereka bagi menjana idea yang kritis dan kreatif. Menurut Yee, Jailani, Tee, Widad, Mimi Mohaffyza, dan Razali (2011) mengatakan bahawa penjanaan idea yang kompleks dan mencabar penting diterapkan dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan kualiti penyelesaian masalah secara kreatif dan berkualiti. Berdasarkan pendapat tersebut, dapat dibuktikan bahawa penjanaan idea bagi menghasilkan produk sama ada produk berbentuk abstrak atau konkrit merupakan salah satu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan aras mencipta agar para peserta mampu untuk menganalisis, memanipulasi, menginterpretasikan, serta menterjemahkan idea untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan kreatif.

Kerjasama dan komunikasi antara ahli kumpulan juga merupakan salah satu cabaran kepada para pelajar untuk melaksanakan tugas yang berada pada aras mencipta. Berdasarkan maklum balas daripada beberapa orang responden yang ditemu bual, berlaku masalah komunikasi di antara ahli kumpulan ketika berbincang mengenai tugas yang melibatkan aras mencipta. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat ahli kumpulan yang mempunyai idea atau pemikiran yang berbeza sehingga menyebabkan sesuatu keputusan sukar untuk dilakukan. Dalam pada itu, terdapat juga ahli kumpulan yang enggan menyumbang idea dan pendapat mereka terhadap tugas yang diberikan dan sengaja tidak bersetuju dengan keputusan yang diambil sehingga menyebabkan ahli kumpulan tidak mencapai kesepakatan yang dihasratkan. Kemahiran komunikasi adalah suatu kebolehan untuk mewujudkan interaksi atau hubungan melalui medium perantara atau sebaliknya dengan orang lain. Berdasarkan kepada arus globalisasi kini, kemahiran komunikasi telah menjadi suatu aspek penting yang amat dititikberatkan supaya dikuasai oleh setiap individu. Menurut Nurul Salmi dan Mohd Isha (2014), seseorang individu haruslah menguasai kemahiran berkomunikasi dan mahir ketika berinteraksi dengan orang lain kerana proses komunikasi merupakan tunjang utama dan tidak dapat dielakkan bagi seseorang itu dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Dalam konteks aktiviti pembelajaran Al-Kahfi yang melibatkan tugas secara berkumpulan, kemahiran berkomunikasi yang berkesan dapat mewujudkan interaksi yang positif dan kerjasama yang mantap antara ahli kumpulan sekali gus memastikan tugas yang berada pada aras mencipta dapat disempurnakan dengan jayanya. Tambahan pula, para peserta yang merupakan bakal pendidik sememangnya mempunyai kewajipan dalam menguasai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan agar dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, objektif yang ditetapkan bagi kajian ini telah dicapai dengan jayanya. Aktiviti pembelajaran Al-Kahfi yang berbentuk eksplorasi bahasa ini terbukti berupaya untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti kepada pelajar. Justeru, kemahiran berfikir perlu sentiasa diasah supaya dapat menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis dalam menjalani kehidupan seharian. Hasil dapatan telah menunjukkan

bahawa setiap kumpulan yang terlibat telah berjaya melaksanakan segala tugas yang diberikan dalam aktiviti pembelajaran Al-Kahfi ini. Pada masa yang sama, aktiviti pembelajaran Al-Kahfi juga telah berjaya mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh para peserta sepanjang pelaksanaan aktiviti pembelajaran ini. Seterusnya, model pembelajaran yang berasaskan elemen kerohanian ini turut menunjukkan keberkesanannya dalam membantu guru untuk menggalakkan budaya berfikir secara kritis dan kreatif supaya sentiasa berfikir di luar kotak bagi memenuhi keperluan dunia pada masa kini.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot. (2015). Bentuk Komunikasi Dalam Menangani Peranan Kepimpinan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Perfileman. *Jurnal Komunikasi*. 31(2).
- Anida Sarudin, Husna Fareda Mohamed Redzwan, & Adenan Ayob. (2018). Pengalaman kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pedagogi Bahasa Melayu berdasarkan pengukuran CORT (Cognitive Research Trust). *Journal of Global Business Social Entrepreneurship*, 4 (11), 134-150. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/325103031_PENGAMALAN_KEMAHIRAN_BERFIKIR_ARAS_TINGGI_KBAT_DALAM_PEDAGOGI_BAHASA_MELAYU_BERDASARKAN_PENGUKURAN_CORT_COGNITIVE_RESEARCH_TRU
- Dzulkifli Mohd Aspah & Fadzilah Amzah. (2021). Penggunaan aplikasi teknologi dalam menerapkan KBAT, meningkatkan minat dan penglibatan murid tingkatan 4 menulis karangan berpandu. *International Journal of Islamic Economics, Business, and Entrepreneurship*, 2 (3), 22-28. Diakses daripada <https://www.tijarijournal.com/index.php/home/article/download/40/20/91>
- Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin & Amran Bakar. (2017). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin, Amran Bakar & Norida Berhan. (2018). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Abad ke-21*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di Sekolah. Diakses daripada https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan_jurnal/kbat/1336-kemahiran-berfikir-aras-tinggi-aplikasi-di-sekolah-2014/file.
- Mad Noor Madjapuni & Jamluddin Harun. (2019). Kemahiran Berfikir Kritis melalui Permainan Digital dalam Persekitaran Pembelajaran Konstruktivisme Sosial. *Internal of Education, Psychology and Counseling Volume 4 Issue: 28 (March 2019) pp: 73-83 eISSN: 0128-164x*. Diakses daripada <http://ijepc.com/PDF/IJEPc-2019-28-03-09.pdf>
- Mohd Ashraf Che Soh, Muhammad Talhah Ajmain, Aminudin Hehsan, & Ahmad Marzuki Mohamed. (2020). Penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru pendidikan Islam di daerah Hulu Langat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (3), 135-149. Diakses daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpc/article/view/11086>
- Mohd Fuad Sam, Marina Hj Abdul Majid, Hjh Rosnah Abdul Rajak & Nordin Mohd Yusof. (2017). *Murid dan Pembelajaran*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghafar & Choong. Y.W. (2002). Perkaitan antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar UTM. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. 8(1),

- 71-92. Diakses daripada http://eprints.utm.my/id/eprint/12266/1/MohdNajibAbdul_PerkaitanAntaraPengurusanMaSaDenganPencapaian2002.pdf
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam amalan pengajaran guru pendidikan islam menurut Imam Ghazali. *Jurnal Sultan Aluddin Sulaiman Shah*, 3 (2), 80-91. Diakses daripada http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files5/jsass_vol3bil2_006_syaubari.pdf
- Mohd. Sahrul Nizam & Muhamad Suhaimi Taat. (2020). Pembelajaran koperatif kemahiran 4K dan penggunaan media digital terhadap sikap akademik pelajar. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 5 (4), 133-141. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/343790542_Pembelajaran_Koperatif_Kemahiran_4K_dan_Penggunaan_Media_Digital_terhadap_Sikap_Akademik_Pelajar
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor, Abdullah Abd Ghani, Norazlina Abd Wahab, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz & Nor Hanim Elias. (2015). Kepentingan Elemen Kerohanian dalam Pelaksanaan Aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian Kes di MRSM Gemenceh, Negeri Sembilan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 1(2), 77-88. Diakses daripada [http://gbse.com.my/isi16/GBSE%201\(2\),%2077-88%20\(2015\).pdf](http://gbse.com.my/isi16/GBSE%201(2),%2077-88%20(2015).pdf)
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik; Julai 2018, Bil 6, Isu 3 E-ISSN: 2289-3008*. Diakses daripada <http://borneojournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/14033/8712>
- Nursafra Mohd Zaffar, Wan Ali Akbar, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa & Mohd Syaubari Othman. (2020). Kekangan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini Dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020) - Dalam Talian*.
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Malaysia*. 4(2), 44-56. Diakses daripada http://journalarticle.ukm.my/8186/1/44-56_Isha_et_al.UUM.pdf
- Radin Nur Iftitah Radin Sharuddin & Mimi Mohaffyza Mohamad. (2017). Penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran teknikal sekolah menengah harian. *Jurnal Laporan Teknikal*, 3 (5), 2-18. Diakses daripada <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4765/2850>
- Siti Fatimah Salleh, Mohd Safri Ali, Azli Fairuz Laki, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Siti Khatijah Ismail & Wan Saifuldin Wan Hassan. (2017). *The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society (ISLAC 2017)*. Kuala Nerus: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Syafiqah Nabilah Razali & Noraini Omar. (2020). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Kajian Kes Guru Pendidikan Islam. *Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education*.

Thomas. V & Shahlan Surat. (2021). Sorotan literatur bersistematik: Kaedah pembelajaran berasaskan masalah dan kemahiran berfikir aras tinggi. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities*, 6 (2), 158-168. Diakses daripada https://www.msocsciences.com/index.php/mjssh/article/download/1211/865/HIGH_ORDER_THINKING_SKILLS_HOTS_IN_MALAY_LANGUAGE_PEDAGOGY_BASED_ON_COG

MASUK KE DALAM CAHAYA: ANALISIS TAKMILAH

Siti Khatijah Morjadi

khatijah23-372@epembelajaran.edu.my

Rexsal Larry Rodney Matu

rexsal23-370@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Karya sastera merupakan karya tulisan yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan tertentu dan menjadi medium untuk menyampaikan idea, ideologi dan falsafah selain menonjolkan aspek nilai-nilai kehidupan sesebuah masyarakat. Dalam hal ini juga, karya sastera Melayu dilihat banyak berfungsi untuk menyampaikan mesej keagamaan, moral, dan etika melalui watak-watak yang ditonjolkan. Oleh sebab itu, karya yang memperlihatkan aspek-aspek keislaman disebut sebagai sastera yang berunsur Islam. Justeru, kajian ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus kepada analisis teks novel *Masuk ke Dalam Cahaya* dengan mengaplikasikan teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar (1993). Teori ini mengemukakan tujuh prinsip sebagai landasan analisis iaitu; prinsip ketuhanan yang bersifat kamal (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat akmal (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takmilah (sempurna), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri (menyempurnakan), dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil (sempurna). Hasil dapatan perbincangan memperlihatkan teks ini sarat dengan prinsip-prinsip keislaman yang menjurus kepada aspek ketuhanan, kenabian, dan keilmuan melalui peristiwa dan watak-watak yang ditonjolkan. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan pentingnya hubungan karya dengan pengkarya dalam menyampaikan mesej keagamaan yang bermanfaat kepada masyarakat demi kemaslahatan ummah.

Kata kunci: *Takmilah, prinsip ketuhanan, prinsip keislaman, prinsip kerasulan, kesempurnaan, tauhid.*

PENGENALAN

Novel *Masuk ke Dalam Cahaya* merupakan hasil karya novelis Abdullah Hussain pada tahun 2019. Karya ini berkisarkan kehidupan masyarakat yang taat dalam melaksanakan syariat Islam dengan berlatarkan Kampung Cahaya. Novel ini juga menyingkap pengalaman seorang pemuda yang membawa diri jauh daripada keluarganya dan kehidupan di kota yang melalaikan untuk kembali mencari keredaan Allah. Penceritaanya juga banyak memaparkan nilai keagamaan dalam membentuk peribadi muslim sejati, namun ada juga yang tersasar dek kerana hasutan iblis dan hawa nafsu sendiri. Justeru, karya ini membawa khalayak untuk menelusuri kehidupan insan yang cuba untuk kembali kepada fitrah sebenar sebagai khalifah Allah. Malah, novel ini juga sarat dengan garapan tentang pengorbanan, kasih sayang sesama insan, ketakwaan, kecelaruan, dan merungkai kebesaran Allah SWT. Pengkarya juga sangat arif dalam mempersembahkan maklumat dan idea sama ada tersurat mahupun tersirat dan mampu menimbulkan persoalan kepada khalayak di sebalik peristiwa yang dipaparkan.

Penelitian yang dilakukan terhadap novel tersebut memperlihatkan bahawa novel tersebut layak dikategorikan sebagai karya sastera yang berunsurkan Islam kerana memaparkan isu-isu, tema, dan nilai-nilai keislaman. Sebuah sastera Islam juga mengajak manusia kepada hakikat sedia kala manusia dan temanya juga mengikat hubungan dengan Allah dengan penuh rasa kecintaan dan kasih kepada Rasulullah SAW (Adli Yaakob, 2017). Maka, *Masuk ke Dalam Cahaya* layak dijadikan sebagai bahan penelitian kajian ini bagi menganalisis aspek Takmilah dengan

berlandaskan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam teori Takmilah. Hal ini demikian kerana novel tersebut banyak memperlihatkan perhubungan yang jitu antara karya-pengkarya-khalayak dan banyak memaparkan nilai-nilai keislaman yang membawa kepada mentauhidkan Allah sebagaimana yang digariskan dalam teori Takmilah (Shafie Abu Bakar, 1993). Ringkasnya, kajian ini membincangkan prinsip-prinsip Takmilah yang terdapat dalam novel *Masuk ke Dalam Cahaya*.

SOROTAN LITERATUR

Tinjauan literatur dalam kajian ini dapat diteliti menerusi Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020a) dalam kajian yang bertajuk “Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu” mendapati bahawa pengaplikasian teori Takmilah yang digunakan adalah sangat sesuai untuk menganalisis kandungan nilai Islam dalam karya cerita rakyat Melayu. Hal ini telah membolehkan nilai-nilai keislaman yang hendak disampaikan pengkarya dapat dirungkai dengan prinsip-prinsip Takmilah. Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajian bertajuk “Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah” bersetuju bahawa garapan teori Takmilah seiring dengan prinsip-prinsipnya telah berjaya memberi gambaran yang lebih jelas bukan sahaja tentang hubungan nilai kemanusiaan dengan kehidupan manusia, malah cerita lisan itu sendiri.

Seterusnya, Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nur ‘Aina Syahirah Azmi (2018) dalam kajian yang bertajuk “Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam dalam Lensa Teori Takmilah” mendapati bahawa ketertiban pengkarya dalam menggarap hasil karya sasteranya bukan hanya bersandarkan hiburan kepada khalayak semata-mata, namun proses saring selidik juga dilakukan berlandaskan unsur kemanusiaan dan kejiwaan yang selaras dengan ketinggian akhlak yang diselitkan dalam setiap plot perjalanan cerita. Hal ini bertepatan dengan kajian Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020b) yang bertajuk “Faktor dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah” mendapati bahawa pengkajian terhadap isu murtad dengan menggunakan teori Takmilah telah memberi kesan yang positif kepada pembaca. Pernyataan ini telah membuktikan bahawa penjelasan mengenai isu-isu akhlak semasa agama Islam dalam karya juga dapat menjadi tauladan kepada pembaca di samping menjadi medium hiburan. Bukan itu sahaja, kajian Nur Syazwani Bederohisam dan Zubir Idris (2020) yang bertajuk “Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan” juga sangat bertepatan dengan pernyataan di atas bahawa karya yang berkonsepkan sastera Islam memperlihatkan ciri keislamannya dengan memanasifasikan ciri-ciri dakwah yang dapat membawa kepada kesedaran rohani dan ketauhidan kepada Allah SWT.

Secara ringkasnya, Teori Takmilah amatlah relevan diaplikasikan dalam karya sastera berunsurkan Islam untuk memperlihatkan prinsip-prinsip takmilah yang digarap dalam novel yang dikaji. Dengan adanya penelitian terhadap novel yang dikaji, maka ini akan mampu membangunkan fungsi karya untuk membawa manusia ke arah hidup yang berpaksikan kepada mentauhidkan Allah. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada novel *Masuk ke Dalam Cahaya* bagi meneliti aspek takmilah yang diterap dalam karya yang bersifat sempurna dan menyempurnakan.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip-prinsip Takmilah yang diterapkan dalam novel *Masuk ke Dalam Cahaya* karya Abdullah Hussain (2019) dengan mengaplikasikan teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1993).

KERANGKA TEORETIS

Kajian ini dilakukan dengan kerangka teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1993. Teori ini sangat relevan digunakan untuk menilai karya sastra Melayu terutamanya karya sastra yang banyak berkisarkan tentang pegangan agama masyarakat Melayu. Teori Takmilah juga bersifat holistik kerana melibatkan perihal ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, pengkarya, dan khalayak yang dapat dilihat melalui penerapan tujuh prinsip yang menjadi landasan kepada Teori Takmilah (Shafie Abu Bakar, 1994).

Prinsip yang pertama adalah prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal* yang bermaksud sifat Allah SWT yang Maha Sempurna. Prinsip ini menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu *kamal* (sempurna) dan *jamal* (Keindahan). Kesempurnaan Allah SWT ini dapat dilihat melalui makhluk kejadian-Nya. Prinsip ini juga menekankan aspek ketuhanan dalam sesebuah karya supaya dapat berada pada tahap yang sempurna. Prinsip yang kedua ialah prinsip kerasulan sebagai insan *kamil*. Prinsip ini pula mempunyai hubungan dengan Rasulullah SAW sebagai insan *kamil* yang mempunyai pertalian dengan istilah *kamal*. Dalam falsafah pemikiran Islam, terdapat tiga konsep ideal keinsanan iaitu insan *Kamil*, insan *Khalifah* dan insan *Rabbani*. Insan Khalifah merupakan kemampuan seseorang insan yang dapat menjadi pemimpin dan dilihat melalui pelbagai aspek untuk menjadi khalifah, manakala insan Rabbani pula dilihat dari aspek kerohanian dan mendekati diri kepada Allah. Prinsip ketiga adalah prinsip Islam yang bersifat *akmal*. Prinsip ini menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang direndhai-Nya dan sempurna dari segenap aspek. Oleh yang demikian, sesebuah karya sastra yang dihasilkan akan dapat membentuk individu, masyarakat dan umat yang mempraktikkan kesyukuran Islam dalam kehidupannya.

Prinsip keempat ialah prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat *takmilah* yang memperlihatkan hubungan sastra dengan ilmu. Prinsip ini juga mempunyai pertalian dengan diri sendiri khususnya akal dan hati. Keperluan ilmu dengan sastra ini telah menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang saling melengkapi iaitu *takumul*. Prinsip kelima ialah prinsip sastra sendiri yang berciri estetik dan bersifat *takmilah*. Melalui prinsip ini, karya sastra yang berciri estetik dapat dilihat melalui dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Lahiriah berkaitan teknik dalam penghasilan karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, nada dan sebagainya, manakala maknawi dapat dilihat dari segi isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya yang berkaitan dengan kesempurnaan. Prinsip keenam pula ialah prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri memperlihatkan pengkarya sendiri yang melengkapkan dirinya dengan ilmu keislaman dan ilmu yang berkaitan dengan sastra itu sendiri. Ilmu yang dimiliki haruslah mendalam dan diterapkan dalam hidupnya sendiri. Prinsip terakhir adalah prinsip khalayak yang bertujuan memupuk ke arah insan *Kamil*. Sesebuah karya sastra Islam haruslah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan dan sebagainya dalam memupuk diri khalayak menjadi insan *Kamil*.

METODOLOGI

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya. Pemerolehan data berbentuk kualitatif selalunya diperolehi melalui analisis dokumen, temu bual atau pemerhatian. Oleh hal demikian, kajian ini memberi fokus kepada analisis dokumen atau kandungan. Selain itu, kaedah perpustakaan juga digunakan bagi mendapatkan bahan-bahan bacaan tambahan seperti buku, jurnal, dan kertas-kertas penyelidikan bagi menghasilkan kajian yang berkualiti. Melalui kaedah analisis dokumen, data kualitatif diperolehi daripada teks sastra, iaitu novel *Masuk ke Dalam Cahaya* karya Abdullah Hussain (2019). Terdapat dua proses utama dalam kaedah kualitatif, iaitu proses pemerolehan data dan pemprosesan data. Justeru, pemerolehan data dalam kajian ini adalah melalui analisis novel lalu diproses dengan menerapkan prinsip-prinsip teori takmilah. Bagi mendapatkan data yang tepat dan berkualiti, teknik pembacaan teliti atau *close reading technique* dilakukan secara berperingkat. Teknik ini digunakan untuk membantu memahami teks yang dikaji sepenuhnya

melalui tema, isu-isu dan watak ditonjolkan dalam novel *Masuk ke Dalam Cahaya* agar data analisis tidak menyimpang dari landasan teori Takmilah.

DAPATAN

Berdasarkan analisis, pengaplikasian teori Takmilah dalam *Masuk ke Dalam Cahaya* karya Abdullah Hussain (2019) yang menjadi korpus kajian ini adalah amat signifikan. Hal ini kerana, enam daripada tujuh prinsip teori Takmilah diterapkan dengan baik dalam novel yang dikaji untuk menunjukkan ketakmilahan karya tersebut. Berikut merupakan dapatan analisis tersebut:

Jadual 1: *Dapatan Analisis Teks Novel Masuk Ke Dalam Cahaya*

Teori Takmilah	
Prinsip ketuhanan yang bersifat <i>kamal</i> (sempurna)	√
Prinsip kerasulan sebagai insan <i>kamil</i> (sempurna)	X
Prinsip keislaman yang bersifat <i>akmal</i> (sempurna)	√
Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat <i>takmilah</i> (sempurna)	√
Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat <i>takmilah</i> (sempurna dan menyempurnakan)	√
Prinsip pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri (menyempurnakan)	√
Prinsip khalayak yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan <i>kamil</i> (sempurna)	√

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan jadual, pengaplikasian teori Takmilah dalam korpus kajian ini adalah sangat signifikan. Hal ini kerana analisis menunjukkan penerapan enam daripada tujuh prinsip dalam teori Takmilah iaitu; prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal* (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat *akmal* (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *takmilah* (sempurna), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri (menyempurnakan), dan prinsip khalayak yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan *kamil* (sempurna) dapat menyerlahkan ketakmilahan novel *Masuk ke Dalam Cahaya* dengan jelas. Bukan itu sahaja, penerapan prinsip-prinsip tersebut juga memberikan kekuatan terhadap novel tersebut untuk mencitrakan falsafah dan pemikiran Islam dan menunjukkan kearifan pengkarya dalam mempersembahkan keindahan agama Islam dalam karyanya. Oleh itu, perbincangan analisis disampaikan berdasarkan setiap prinsip yang diterapkan.

Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal

Allah SWT mempunyai banyak sifat dan dapat dirangkumkan bahawa Allah mempunyai sifat *jalal* (kebesaran), *kamal* (sempurna) dan *jamal* (keindahan) (Ahmad Hawassy, 2019). Sifat kesempurnaan Allah melalui prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal* dalam novel dapat dilihat semasa Mei Lan yang merupakan seorang mualaf bercerita kepada Zaman tentang kaum-kaum terdahulu yang dilaknat Allah kerana ingkar kepada-Nya. Contoh sifat *kamal* Allah ini diperlihatkan melalui petikan berikut:

"Allah banyak menghukum umat yang lalu kerana mengingkari-Nya. Kadang-kadang dengan hukuman yang pedih dan pahit. Kaum Tsamud, kaum Madyan, Firaun dan kaum Nuh yang ingkar semuanya kena hukuman-Nya belaka," jawab Mei Lan.

(Abdullah Hussain, 2019, p. 66)

Berdasarkan petikan tersebut, prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal* membuktikan bahawa Allah memiliki sifat *Al-Hakam* yang bermaksud Allah yang menetapkan hukum dan tidak ada sesuatu pun yang bisa menyanggahnya. Buktinyanya, Allah berhak menjatuhkan bala kepada kaum Tsamud, kaum Madyan, kaum Nuh, dan Firaun sebagai balasan kerana melampaui batas-Nya. Hal ini juga membuktikan bahawa Allah Maha Sempurna kerana mampu berdiri sendiri untuk menjatuhkan hukuman kepada hamba-Nya yang ingkar. Sifat sedemikian juga tidak dimiliki oleh makhluk lain kerana makhluk ciptaan-Nya bersifat lemah. Melalui peristiwa tersebut juga, pengarang mengajak khalayak supaya mengingatkan diri akan kekuasaan Allah yang tiada bandingan. Oleh hal demikian, novel ini berjaya membuktikan kepada khalayak tentang kesempurnaan yang dimiliki-Nya sekali gus mendorong umat Islam untuk sentiasa menyempurnakan diri dengan mematuhi perintah dan meninggalkan larangan-Nya.

Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal

Shafie Abu Bakar (1997) mengetengahkan hubungan teori dengan Islam sebagai agama *ad-din* yang *syumul* (lengkap). Melalui pernyataan tersebut, prinsip keislaman yang bersifat *akmal* yang diterapkan dalam novel *Masuk ke Dalam Cahaya* dilihat mampu memupuk insan mempraktikkan kesyumulan Islam dengan mematuhi syariat Allah. Prinsip ini dapat dilihat melalui monolog Zaman seperti dalam petikan berikut:

“Baik aku berhenti solat dulu, siapa tahu nanti aku akan ketinggalan maghrib ini dalam perjalanan”, sungutnya sendirian.

(Abdullah Hussain, 2019, p. 5)

Berdasarkan petikan tersebut, fardu solat dimaklumkan dalam Islam sebagai tiang agama yang perlu dilaksanakan demi memelihara kesucian dan kesempurnaannya. Memandangkan pentingnya kewajipan ini, pengarang telah menegaskannya melalui monolog Zaman yang berniat untuk menangguhkan perjalanannya bagi melaksanakan solat maghrib terlebih dahulu kerana khawatir akan terlepas waktu sekiranya dia meneruskan perjalanan tanpa hala tujunya itu. Ini dapat memperlihatkan watak Zaman yang sangat patuh terhadap syariat Islam dan tidak mengabaikan tuntutan solat walaupun dia berada di suatu kawasan yang tidak menjadi kebiasaannya. Oleh hal demikian, kesyumulan dan kesempurnaan agama Islam melalui pelaksanaan solat lima waktu juga membolehkan penganutnya untuk beroleh ketenangan dan keredaan Allah di samping mendekati diri kepada-Nya.

Prinsip Ilmu Dan Sastera Yang Bersifat Takamul

Kesusasteraan dan ilmu yang mempunyai pertalian dengan akal dan hati budi manusia (Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nur ‘Aina Syahirah Azmi (2018)). Dalam Islam, akal ialah alat utama untuk mencapai keilmuan yang alamiah dan rasional sifatnya, manakala hati menjadi saluran ke arah keilmuan yang bersifat rohani dan dikenali sebagai makrifat. Jadi, sastera berperanan dari segi *takamul* iaitu untuk mempertingkatkan kedua-duanya. Prinsip ini dapat dilihat menerusi perbualan antara Dr. Johari dan Datuk Malik melalui petikan berikut:

“Hidup ini Datuk bukan semata-mata kerana hidup saja. Tetapi ada tujuan lain daripada Allah. Sebagai doktor bedah, semakin dalam saya mempelajari isi tubuh manusia semakin terang dan nyata kepada saya kebesaran Allah. Saya ini terlalu kecil apabila berhadapan dengan kebesaran-Nya itu. Sebab itu, saya mencari perbekalan untuk menemui-Nya dengan berpedomankan kepada firman-Nya”.

(Abdullah Hussain, 2019, p. 209)

Berdasarkan petikan tersebut, sifat *takamul* ini dapat dilihat pada bidang perubatan yang dikuasai dan diceburi oleh Dr. Johari. Melalui ilmu tersebut, dia telah merasakan bahawa dia semakin dapat melihat kebesaran Allah sebagai Pencipta dan menyedarkannya agar sentiasa memperbanyakkan bekalan sebelum menemui-Nya. Prinsip ini juga memperlihatkan akal pengarang yang menganjurkan perbuatan menuntut ilmu untuk membina hidup yang sempurna dan berhikmah selaras dengan tuntutan ajaran Islam. Oleh hal demikian, ini membuktikan pengarang sememangnya mempunyai pengalaman yang luas dan penghayatan yang sempurna terhadap perihal yang berhubungan dengan ilmu duniawi ataupun ilmu makrifat yang akhirnya menjadikan novel ini amat menarik dan berkesan sekali gus berjaya mentakamulkan ilmu-ilmu lain dengan ilmu sastera.

Prinsip Sastera Yang Berciri Estetik Dan Bersifat Takmilah

Mohd Haniff Mohammad Yusof (2019) menegaskan bahawa proses penghasilan karya sastera perlulah mengoptimumkan ciri estetik dan kreativiti agar dapat membawa pembaca mendekati diri kepada Allah. Prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat takmilah pula melihat sastera dari dua aspek, iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Dalam novel *Masuk ke Dalam Cahaya*, aspek keindahan secara lahiriah yang diketengahkan oleh pengkarya dapat dilihat pada gaya bahasa yang digunakan oleh watak Haji Mukhlis yang berbincang dengan Mak Kiah dan Azman untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Prinsip ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Pagi-pagi besok saya akan memanggilnya dan cuba beri nasihat. Insyallah dengan pertolongan Allah saya fikir tidak jadi apa-apa, kalau Zahid itu masih orang kita,” kata Haji Mukhlis dengan suara yang mengandung keyakinan.

(Abdullah Hussain, 2019, p. 153)

Berdasarkan petikan di atas, hal ini jelas menunjukkan pengarang memilih kosa kata Arab *Insha-Allah* menerusi watak Haji Mukhlis untuk menyakinkan Mak Kiah dan Azman bahawa dia akan membantu untuk menyelesaikan masalah keluarga mereka dengan berbincang bersama Zahid. Jadi, inilah konsep yang kembali kepada Allah, iaitu indah dan sempurna (*kamal*) melalui pengucapan bahasa Arab *Insha-Allah* selain daripada penggunaan bahasa Melayu yang bermaksud ‘jika diizinkan Allah’. Ungkapan ini juga sangat unik kerana hanya digunakan untuk merujuk sifat Allah yang berkuasa menentukan sesuatu sekali gus membolehkan pengungkapnya mendapat keberkatan kerana bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran dan nabi-nabi.

Selain itu, aspek keindahan secara maknawi pula merujuk kepada mesej yang ingin pengkarya sampaikan meliputi pemikiran, nilai, dan penggunaan unsur-unsur bahasa. Ciri estetik ini dapat dilihat menerusi watak Pak Imam yang memberitahu kepada Haji Mukhlis bahawa hanya kepada Allah mereka memohon dan mengadu. Prinsip ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

"Dalam menghadapi percubaan ini kita berpegang kepada firman Allah seperti yang disebut dalam Surah al-Nahl ayat 53: "Segala kenikmatan yang ada padamu ialah dari Allah. Kemudian bila kamu ditimpa kemalangan kepada-Nyalah kamu sampaikan keluhan." Jadi, saya harap janganlah sekali-kali kita bercerita kepada orang lebih-lebih lagi mengadu hal kita ini. Insyallah kita akan selamat."

(Abdullah Hussain, 2019, p. 203)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang menekankan dan menitikberatkan soal kenikmatan dan ujian yang diberikan hendaklah berbalik kepada Allah semula. Melalui hal ini, pengarang menyampaikan nilai dan mesej dengan cara yang unik iaitu dengan memasukkan surah *al-Nahl* untuk menyeru hamba-Nya agar sentiasa memohon dan bersyukur atas segala nikmat kurniaan-Nya serta mengadu kepada-Nya apabila ditimpa musibah kerana Allah yang merancang segala-galanya. Melalui surah *al-Nahl* juga, terselit mesej di sebaliknya iaitu Allah menilai keimanan dan ketakwaan hamba-Nya sama ada bersyukur apabila mendapat nikmat atau berputus asa kepada-Nya apabila diuji. Oleh hal demikian, penggunaan ayat al Quran dalam novel ini sangat bertepatan dengan prinsip Teori Takmilah yang berlandaskan keindahan dalam Islam.

Prinsip Pengkarya Yang Seharusnya Mengistimalkan Diri

Penghasilan karya sastera Islam yang sempurna lagi menyempurnakan hanya akan terhasil jika pengarang melengkapkan dirinya dengan menguasai ilmu-ilmu keislaman dan ilmu sastera yang khusus serta menerapkannya dalam kehidupan seharian. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang bertanggungjawab melengkapkan diri sendiri dengan ilmu dalam menghasilkan sesebuah karya. Dalam novel ini, pengarang dilihat menyempurnakan dirinya dengan pengetahuan yang amat luas tentang hadis Rasulullah menerusi perbualan antara Leong dan Zaman mengenai sabda Rasulullah tentang solat berjemaah di masjid. Prinsip ini diperincikan dalam petikan berikut:

"Selalu bersolat di masjid?"

"Ya, kita yang berhampiran dengan masjid mestilah mengikuti apa yang disabdakan oleh Nabi sallallahu alaihi wassalam, iaitu tidak akan sempurna solat orang yang bertetangga dengan masjid, melainkan di dalam masjid dan solat berjemaah itu melebihi solat bersendirian."

(Abdullah Hussain, 2019, p. 73)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang dilihat sangat berpengetahuan mengenai ilmu hadis Rasulullah, iaitu menggalakkan umatnya untuk solat berjemaah di masjid sekiranya tinggal berhampiran. Pengkarya juga menerapkannya dalam kehidupannya kerana hadis merupakan pengucapan sebenar Rasulullah yang menyuruh untuk melakukan sedemikian. Menurut Mohd Farhan Md. Ariffin dan Khader Ahmad (2016), hadis sangat signifikan sebagai sumber syariat kedua dalam Islam, malah memainkan peranan dalam membentuk keperibadian yang unggul sebagai seorang muslim sejati. Dalam hal ini, pengkarya dilihat menjadikan hadis sebagai panduan dalam menjalani kehidupannya. Tambahan lagi, ini menunjukkan bahawa pengkarya menguasai ilmu mengenai hadis dan mengkaji sesuatu hadis itu sama ada sahih atau palsu terlebih dahulu sebelum memasukkannya ke dalam karyanya sekali gus dapat menandakan tahap ilmu yang dimilikinya. Oleh itu, pengkarya tergolong dalam golongan yang berpengetahuan tinggi dalam ilmu-ilmu agama Islam.

Prinsip Khalayak Yang Bertujuan Memupuk Ke Arah Insan Kamil

Sastera merupakan bidang keilmuan yang berperanan memenuhi kehendak khalayaknya (Amir Zakiy Hamzah & Che Abdullah Che Ya, 2019). Oleh itu, penghasilan sesebuah karya perlulah sampai kepada khalayak supaya dapat memupuk ke arah insan *kamil*. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Munir yang berhujah mengenai puasa kepada Zaman. Prinsip ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

"Berpuasa? Apa sebab pula sampai ke puasa?"

“Bukankah berpuasa itu membuatkan kita berhenti daripada kebiasaan? Kita makan tiga kali sehari, tinggal sekali sahaja waktu petang. Kita minum, kita merokok. Waktu siang sudah tidak makan, minum, dan merokok lagi”.

(Abdullah Hussain, 2019, p. 43)

Berdasarkan petikan di atas, prinsip khalayak yang bertujuan memupuk insan *kamil* ini dapat digarap menerusi amalan berpuasa yang merupakan kewajipan seluruh umat Islam. Hal ini kerana berpuasa bukan sahaja mengajar untuk merasai betapa getirnya hidup orang miskin yang tidak mendapat makanan, tetapi melatih diri agar berhenti daripada kebiasaan. Berhenti daripada kebiasaan dalam konteks ini adalah untuk menghentikan diri daripada melakukan perkara yang merugikan atau mendatangkan kemudaratan kepada diri, misalnya merokok. Hal ini kerana perbuatan merokok adalah tidak sihat dan hanya membazirkan wang ringgit. Dalam ajaran Islam, penganutnya ditegah daripada melakukan pembaziran dan mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri. Hal ini kerana kesihatan tubuh badan merupakan satu daripada nikmat Allah yang harus disyukuri, dihargai, dipelihara, dan digunakan sebaik mungkin ke arah kebaikan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis dan perbincangan terhadap novel *Masuk ke Dalam Cahaya* dengan menggunakan teori Takmilah terbukti dapat menyerlahkan ketakmilahan karya tersebut melalui persoalan-persoalan dalam masyarakat sama ada secara dalaman atau luaran, dan positif atau negatif yang dapat pengajaran kepada khalayak ke arah mentauhidkan Allah SWT. Kehidupan masyarakat dilatari dengan kampung dan masjid menyerlahkan lagi cara hidup, budaya dan kepercayaan orang Islam. Penelitian terhadap novel ini juga mendapati bahawa pengarang berjaya mempersembahkan karya yang sarat dengan idea, ideologi, dan falsafah keislaman dalam usaha untuk memberikan pengetahuan dan pengajaran kepada khalayak.

Pendedahan dan pencerahan tentang keislaman dalam novel ini juga akan dapat memupuk khalayak agar mencontohi dan mengamalkan nilai-nilai keislaman sebagai usaha untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Penghayatan yang mendalam terhadap penceritaan novel ini dapat mendorong khalayak agar dapat mengambil iktibar melalui isu-isu dan peristiwa yang diketengahkan agar dapat meningkatkan kualiti hidup sebagai seorang Muslim sejati. Justeru, penghasilan karya-karya sastera Islam seperti ini hendaklah dipergiatkan lagi agar dapat menjadi wadah untuk menyampaikan ilmu sekali gus meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

RUJUKAN

Abdullah Hussain. (2019). *Masuk ke dalam cahaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Hawassy. (2019). *Kajian tauhid dalam bingkai aswaja*. PT Naraya Elaborium Optima.

Adli Yaacob. (2017). Konsep sastera Islam mengikut Uthman El-Muhammady. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(4), 1-16.

Amir Zakiy Hamzah dan Che Abdullah Che Ya. (2019). Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi hubungan antara manusia dan khalifah di bumi Allah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-14.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020a). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of*

Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL), 10(2), 48 – 56.
<https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4369>

- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020b). Faktor dan kesan murtad masyarakat Melayu menerusi novel Tuhan Manusia karya Faisal Tehrani: Satu penelitian takmilah. *Jurnal Melayu*, 19(2), 189-204.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita lisan: Satu penelitian Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 11-25.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.2.2021>
- Mohd Farhan Md. Ariffin & Khader Ahmad. (2016). Hadith maudu': Merungkai kontradiksi antara masyarakat dan ulama ke arah kesepakatan bersama. *Jurnal Intelek*, 11(1), 31-39.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2019). Highlighting human as a servant to God in 'Hari yang Bergelar Kematian' short story: Based on Takmilah Theory. *Jurnal Intelek* 14(2), 137-143.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nur 'Aina Syahirah Azmi (2018). Novel Mencari Cahaya: Penelitian pemikiran Islam dalam lensa teori Takmilah. *Prosiding International Conference on Ummah ICU 2018*. ResearchGate.
https://www.researchgate.net/profile/Mohd_Mohamed_Ghazali/publication/344427564_NOVEL_MENCARI_CAHAYA_PENELITIAN_PEMIKIRAN_ISLAM_DALAM_LENSA_A_TEORI_TAKMILAH/links/5f7442
- Shafie Abu Bakar. (1994). Takmilah: Teori, falsafah dan prinsip. Dalam Mana Sikana (Ed.), *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1997). Estetika dalam Takmilah. Dalam Mana Sikana (Ed.), *Pembangunan seni dan sastera*. Universiti Kebangsaan Malaysia.0ba6fdcc0086487976/NOVEL-MENCARI-CAHAYA-PENELITIAN-PEMIKIRAN-ISLAM-DALAM-LENSA-TEORI-TAKMILAH.pdf
- Syazwani Bederohisam & Zubir Idris. (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu analisis pengkaedahan keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 287-305.

APLIKASI TEORI TAKMILAH DALAM SYAIR AGAMA: MAKNA TAKBUR

Lina Afiqah Izzati Azaman
linaafiqahizzati@gmail.com
Nurul Syaqirah Abdul Wahab
syaqirah39@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Penghasilan sesebuah karya merupakan ungkapan fikiran pengarang tentang pelbagai kehidupan manusia dan alam persekitarannya yang digabungkan bersama pengalaman melalui daya kreativiti dan imaginasi. Karya pula adalah ciptaan kesenian yang dihasilkan menerusi media bahasa yang kreatif, indah dan melaluinya dapat memberi peluang kepada khalayak untuk menikmati kehalusan, nilai, pengajaran dan keindahan sastera. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip-prinsip keislaman yang terdapat dalam Syair Agama: Makna Takbur dengan menggunakan teori Takmilah yang dirintis oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis aspek tekstual dan kontekstual syair yang dikaji. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa terdapat penerapan ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Dapatan juga menunjukkan nilai keislaman terserlah melalui pengajaran yang dikemukakan untuk menyampaikan mesej keagamaan kepada khalayak. Malah, kebanyakan mesej keagamaan yang disampaikan bertujuan untuk mengajak khalayak mengamalkan kepercayaan atau soal akidah, kerohanian serta amalan hidup yang baik yang berteraskan kepercayaan adanya Tuhan atau Yang Maha Kuasa. Impaknya, teori Takmilah ini mampu menzahirkan kekuatan penulis syair dalam mewujudkan nilai keislaman dalam Syair Agama: Makna Takbur berdasarkan naratif penciptaannya.

Kata kunci: *teori Takmilah, prinsip-prinsip keislaman, Syair Agama, kontekstual, kualitatif*

PENGENALAN

Perbincangan tentang sastera Islam di Malaysia banyak digerakkan oleh kesedaran yang dibangkitkan pada dekad 70-an tentang kepentingan nilai Islam bermula daripada rempuhan politik dan gerakan kebangkitan Islam serta aktiviti dakwah yang turut menyumbang kepada pemeraksanaan sastera Melayu dan Islam. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Zakaria (2013), antara sumbangan terbesar Islam kepada sejarah dan tamadun Melayu ialah pembentukan keilmuan serantau. Kesan daripada ini telah banyak memperlihatkan kelahiran ulama, para cendekiawan yang berwibawa dan kemasyhuran mereka tidak dapat dinafikan lagi di seluruh alam Melayu. Terutamanya dalam bidang dakwah dan kerohanian. Penyebaran dan penganutan agama Islam telah menyebabkan bidang kesenian dan pendakwah menjadi penting. Kebanyakan para ulama telah mencipta penulisan-penulisan yang amat bernilai sebagai sastera Islam secara langsung telah memberi sumbangan besar dalam pembentukan dan pemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Umpamanya, sastera tradisional yang berfungsi sebagai penghubung masyarakat moden dengan zaman silam. Justeru, jelaslah bahawa kedatangan Islam itu menyuntik dan menimbulkan kesedaran untuk bersastera. Masyarakat Melayu dikatakan sebagai suatu bangsa yang menerima pelbagai bentuk genre sastera Islam kerana isinya berlandaskan akaliah dan intelektualisme Islam. Mohd Uthman el-Muhammady (1977, p.202) menjelaskan bahawa sastera Islam adalah suara

tradisi keislaman yang lahir daripada kesan peradaban Islam. Kemajuan dalam kehidupan umat Islam ini telah membuahkan banyak perkara baik yang berkaitan agama antaranya ialah ajaran-ajaran agama, nilai-nilai agama, institusi-institusi, hukum-hakam dan segala aturan seninya. Pandangan ini diperkukuhkan oleh Adli Yaacob (2017), mendefinisikan sastera Islam sebagai satu bentuk kesusasteraan dalam media bahasa yang timbul dari suara lahiriah dan suara batin manusia. Kemudiannya dicatatkan sehingga menjadi idea dalam bentuk tulisan khususnya, terarah kepada kebesaran Allah SWT, pengajaran al-Quran al-Hadis dan sunnah Rasulullah SAW.

Syair Agama: Makna Takbur merupakan sebuah syair hasil karya seorang ulama Melayu Islam tersohor yang berasal dari Riau bernama Raja Ali Haji. Beliau merupakan seorang cendekiawan yang banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang keilmuan. Antaranya ialah bidang agama, kesusasteraan Melayu, sejarah dan juga bidang bahasa. Tambahan pula, menurut Raja Hisyamudin et al. (2012), karya-karya beliau ini mengandungi nilai akademik yang tinggi dan menjadi bahan kajian ramai sarjana tempatan mahupun luar negara lebih-lebih lagi karya yang menyentuh persoalan tentang Islam untuk dijadikan manfaat kepada pembaca.

Kecintaan Raja Ali Haji terhadap kesusasteraan khususnya puisi terserlah, melalui tulisan yang menghuraikan hal keagamaan melalui syair. Oleh yang demikian, syair dijadikan sebagai medium dakwah dan dipenuhi dengan dakwah sufistik telah pun dipopularkan oleh Raja Ali Haji sendiri. Malahan pula, hasil karya beliau masih lagi dikenali ramai sehingga kini. Hal ini demikian kerana, syair beliau yang menerapkan dakwah sufistik tersebut dapat membantu beliau dalam meneruskan dakwahnya. Raja Hisyamudin et al. (2012) juga mengatakan bahawa syair yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji dapat menandingi ungkapan-ungkapan sufistik penyair tasawuf dunia Islam seperti Jalal Ad-Din Rumi dan Al-Attar. Syair Agama: Makna Takbur pula merupakan sebuah syair yang mengandungi ilmu yang mendalam mengenai dakwah tasawuf pada setiap rangkap secara tersirat. Syair Agama: Makna Takbur ini juga mendapat sambutan hangat berbanding syair beliau yang lain disebabkan oleh aspek konteks dan kontekstualnya yang memberi kesan yang mendalam kepada khalayak terutamanya dalam penyampaian mesej keislaman.

SOROTAN LITERATUR

Penelitian dan perbincangan tentang teori Takmilah dalam menganalisis karya kesusasteraan Melayu telah banyak dijalankan oleh para sarjana terutamanya bagi genre puisi dan juga novel. Kajian Asmiaty Amat et al. (2014) telah mengaplikasikan teori Takmilah bagi membincangkan orientasi dakwah yang terdapat dalam bahan yang dikaji dalam makalah yang bertajuk “Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah”. Penemuan menunjukkan teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar jelas merupakan teori yang wajar digunakan untuk mengkaji karya-karya Islam. Penemuan juga menunjukkan penerapan teori ini jelas membuktikan bahawa perlunya wujud kesepaduan antara teori itu sendiri yang kaya dengan nilai falsafahnya dengan aspek praktikalnya.

Maharam et al. (2012) telah menerapkan teori yang sama iaitu teori Takmilah bagi mengkaji sebuah novel dan dapat diteliti dalam makalahnya yang bertajuk “Tarbiah dalam Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!)”. Melalui kajian tersebut dapat dilihat dan ditapis sejauh mana keupayaan teori Takmilah menyediakan ruang yang positif dalam menganalisis bahan pembacaan seperti novel yang dianalisis untuk melahirkan insan yang kamil selaras dengan prinsip ketujuh yang terdapat teori Takmilah. Penemuan prinsip-prinsip berlandaskan teori Takmilah dalam karya yang dikaji berpotensi dalam menghasilkan seorang insan yang sempurna.

Kajian oleh Mohd Haniff (2019) dalam makalah yang bertajuk “Penyerlahan Kekerdilan Insan dalam Cerpen ‘Hari yang Bergelar Kematian’: Menelusuri Perspektif Takmilah” membincangkan dapatan kajian yang menunjukkan sebuah cerpen memenuhi prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah, malah menyerlahkan kekerdilan insan sebagai hamba kepada Tuhan. Kajian menunjukkan bahawa prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori Takmilah

menghubungkan antara diri penulis dengan khalayak dengan menerapkan sifat jati diri keislaman. Bukan itu sahaja, prinsip-prinsip teori ini juga mampu menjelaskan alam kehidupan yang tidak terpisah ikatannya daripada Allah yang memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang hakiki.

Syed Ahmad et al. (2019) dalam makalah yang bertajuk “Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam” turut menggunakan teori Takmilah bagi meneliti aspek-aspek kepimpinan pada seorang pemimpin berdasarkan prinsip yang kedua, iaitu Kerasulan yang bersifat Kamil. Penemuan menunjukkan prinsip kedua dalam teori Takmilah yang mengangkat sifat kerasulan sebagai manusia yang sempurna (Kamil) dan berkelayakan diiktiraf sebagai seorang pemimpin berupaya menggambarkan ciri-ciri kepimpinan disentuh dari sudut khalifah, dakwah dan jihad.


Sehubungan dengan itu, berdasarkan pengaplikasian teori Takmilah yang dibincangkan dalam kajian-kajian yang dinyatakan di atas, jelas kelihatan dari pelbagai aspek intelektual Raja Ali Haji, dapat dilihat bahawa aspek pemikiran keagamaannya yang paling utama dalam memberikan kejelasan terutamanya dalam bidang teologi kepada masyarakat. Kajian oleh Hassan (2015) mengatakan bahawa pemikiran-pemikiran Raja Ali Haji berkaitan keagamaan terangkum dengan sangat baik, padat dan berpuitis yang dapat diteliti dalam karya-karyanya seperti Gurindam Dua Belas, Syair Siti Sainah dan Syair Suluh Pegawai. Raja Hisyamudin et al. (2012) dalam makalah yang bertajuk “Penggunaan Ayat-Ayat AlQur'an oleh Raja Ali Haji di dalam Karya Beliau *Thamarat al-Muhimmah*” memperlihatkan dapatan kajian yang menunjukkan ciri-ciri keagamaan yang diterapkan oleh Raja Ali Haji dalam karyanya yang memasukkan ayat-ayat al-Qur'an sebagai dalil dan asas dalam membahaskan satu-satu perkara. Gaya penulisan ini dapat membantu para pembaca karya penulisan beliau untuk lebih memahami dan meyakini topik-topik yang dibincangkan.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek-aspek keislaman dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip Takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar dalam Syair Agama: Makna Takbur karya Raja Ali Haji.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Mohd Haniff (2019) mengatakan bahawa teori Takmilah diasaskan oleh sarjana tempatan iaitu Shafie Abu Bakar pada tahun 1992 yang meletakkan tauhid sebagai asas penelitian utama, dan memperlihatkan perhubungan yang jitu antara karya-pengkarya-khalayak. Shafie Abu Bakar (1995) menjelaskan dalam kemajuan sastera Islam, sastera mempunyai hubungan erat dengan tradisi ilmu, malah mempunyai hubungan erat juga dengan penghuraian terhadap aspek-aspek berfokuskan keislaman. Teori ini secara tidak langsung mengungkapkan konsep hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia. Teori Takmilah menggariskan tujuh prinsip iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Sebagaimana dapat dilihat seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1. *Teori Takmilah*

Prinsip pertama dalam teori Takmilah ini menjelaskan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Menurut Rosnani Ripin (2019), Kamal didefinisikan sebagai sifat Allah SWT yang maha sempurna. Kesempurnaan-Nya jelas dapat dilihat melalui makhluk kejadian-Nya. Kewujudan manusia yang telah dibentuk oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian memperlihatkan sifat Kamal dan Jamal-Nya. Prinsip ini dengan kata lain menekankan aspek ketuhanan dalam sesebuah karya untuk sampai kepada tahap “sempurna”. Sifat Allah SWT yang Maha Sempurna ini dapat dilihat melalui makhluk dan alam ciptaan-Nya. Teori Takmilah yang kedua pula ialah prinsip kerasulan sebagai insan kamil mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW sebagai insan kamil yang mempunyai kaitan dengan istilah “kamal” bererti sifat Allah yang Maha Sempurna. Terdapat tiga konsep ideal keinsanan dalam falsafah pemikiran Islam iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani.

Rosnani Ripin (2019) menyatakan insan khalifah merujuk kepada kemampuan dan kebolehan insan yang dapat menjadi pemimpin, insan rabbani pula dilihat dari segi aspek kerohanian dan mendekati diri kepada Allah SWT. Oleh itu, insan khalifah dan insan rabbani membawa kepada peningkatan insan kepada insan kamil iaitu Rasulullah SAW. Prinsip ketiga, prinsip Islam yang bersifat akmal yang menjelaskan agama Islam merupakan satu-satunya agama yang direndahkan-Nya dan sempurna dari pelbagai aspek. Sebagaimana yang diketengahkan oleh pengasas teori Takmilah Shafie Abu Bakar (1997), hubungan teori dengan Islam sebagai agama (ad-din) yang syumul membentuk individu, masyarakat dan umat yang mempraktikkan kesempurnaan Islam dalam kehidupannya.

Prinsip keempat melihat hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai hubungan dengan diri sendiri khususnya melalui akal dan hati. Keperluan ilmu dengan sastera yang menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang saling melengkapi iaitu Takamul. Akal merupakan medium untuk mencapai keilmuan terhadap ilmu yang bersifat alamiah dan rasional. Hati pula adalah saluran ke arah keilmuan rohani yang dikenali sebagai pengetahuan yang tinggi atau sempurna (Muhammad Nur Al-Hakim et al., 2020). Seterusnya, teori ini memiliki prinsip kelima iaitu sastera bercirikan estetik dengan melihat sastera yang berciri estetik ini menfokuskan aspek keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Aspek lahiriah adalah berkaitan teknik dalam penghasilan karya seperti bentuk, struktur, bahasa, diksi dan sebagainya. Maknawi pula dilihat dari segi isi, tema, mesej dan sudut pandangan.

Selain itu, prinsip keenam iaitu pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri bermaksud dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu-ilmu yang berhubungan dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang agama Islam di samping memiliki sifat takwa dan warak yang ingin disampaikan kepada khalayak. Prinsip ketujuh pula prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastera Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah perbuatan baik. Misalnya, sebuah karya sastera yang menonjolkan kesedaran, keinsafan melalui watak yang dipaparkan oleh pengkarya ke dalam karyanya. Sehubungan itu, sebuah karya yang baik adalah karya yang diciptakan untuk mengajak masyarakat mengamalkan konsep amar makruf, nahi mungkar dan ini merupakan suatu pencapaian tahap kesempurnaan khalayak bagi memupuk diri menjadi insan Kamil.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Crawford dan Irving (2009) dalam kajian Mokmin (2012) mengatakan bahawa kajian yang berbentuk kualitatif ini merupakan kajian yang melibatkan proses pemerolehan. Oleh hal yang demikian, dengan menggunakan teori Takmilah, pengkaji akan meneroka dan meneliti unsur keislaman yang terdapat dalam syair Agama: Makna Takbur, karya Raja Haji Ali. Terlebih dahulu, syair Agama: Makna Takbur karya Raja Haji Ali mengandungi 19 rangkap secara keseluruhannya. Namun yang demikian, kami hanya menganalisis beberapa rangkap sahaja untuk dianalisis bersama teori yang akan digunakan. Dengan itu, kajian ini akan dapat menentukan sama ada pengarang menerapkan teori Takmilah dalam syair tersebut. Selain daripada kaedah pemerolehan, kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan melalui bahan-bahan seperti buku, jurnal, majalah, akhbar, kertas-kertas kerja seminar dan juga latihan ilmiah.

Teknik pembacaan secara mendalam atau dikenali sebagai *close reading technique* turut diaplikasikan ketika dalam proses penghasilan kajian ini. *Close reading technique* merupakan salah satu teknik yang berkesan kerana dapat membantu dalam meningkatkan pemahaman berkenaan sesuatu perkara yang dibaca (Cecep Munawar dan Yuyu Fatimah, 2018). Oleh hal yang demikian, dengan menggunakan teknik sedemikian, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam dan dapat memperincikan lagi maklumat yang hendak dikenal pasti. Justeru, perkara tersebut memudahkan lagi proses pemerolehan idea utama, maklumat tambahan dan pemikiran bagi setiap rangkap yang terdapat dalam syair Agama: Makna Takbur untuk dijadikan sebagai data bagi kajian ini. Pembacaan yang mendalam terhadap syair ini membolehkan pengkaji untuk menganalisis dan mengkritik teks syair tersebut dengan menggunakan teori Takmilah. Aktiviti menganalisis merupakan aktiviti yang terakhir dilakukan ketika menghasilkan kritikan yang memerlukan pengkaji untuk menganalisis unsur keagamaan melalui aspek konteks dan juga kontekstual pada syair Agama: Makna Takbur. Misalnya, aspek yang diteliti adalah dari aspek pemikiran, gaya bahasa, tema dan juga nilai yang dipaparkan dalam syair tersebut. Setelah itu, pengkaji akan memadankan hasil dapatan tersebut dengan pendekatan-pendekatan yang terdapat dalam Takmilah.

DAPATAN

Berdasarkan analisis yang telah dihasilkan, didapati bahawa terdapat penerapan teori Takmilah dalam syair Agama: Makna Takbur. Kesemua prinsip dalam teori ini diterapkan menerusi prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri bersifat

estetik dan takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan dapatan daripada penganalisisan terhadap syair Agama: Makna Takbur:

Jadual 1: Penerapan teori Takmilah melalui beberapa pendekatan

Data/ Syair	Teori Takmilah						
	Ketuhan-an yang bersifat kamal	Kerasulan sebagai insan kamil	Keislaman yang bersifat Akmal	Ilmu dengan sastera yang bersifat takamul	Sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah	Pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri	Khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil
Agama: Makna Takbur	/	/	/	/	/	/	/

PERBINCANGAN DAPATAN

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa data kajian yang dianalisis menunjukkan penerapan teori Takmilah dalam Syair Agama: Makna Takbur. Dapatan memperlihatkan bahawa terdapat penerapan ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Maka, jelaslah bahawa pengarah telah menerapkan unsur-unsur keagamaan dalam karyanya dengan mengemukakan konsep akidah serta memperlihatkan kesempurnaan dan keunggulan agama Islam.

Prinsip ketuhanan yang bersifat kamal

Asas kehidupan umat Islam yang lebih penting daripada keperluan duniawi adalah berpegang dengan sepenuh hati tentang sifat Allah SWT yang maha Esa. Ahmad Hawassy (2019), menjelaskan Allah SWT mempunyai sifat yang banyak lantas dapat dirangkumkan bahawa Allah SWT mempunyai sifat Jalal (kebesaran), Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Kedua-dua sifat Allah SWT iaitu Kamal dan Jamal adalah saling berkaitan antara satu sama lain dan perhubungannya dijelaskan dengan kejadian manusia yang diciptakan Allah yang sempurna dan indah. Sehubungan itu, dalam konteks sastera yang menjadikan manusia dan alam sebagai fokus berkarya dan menjadi seni sebagai unsur keindahan, penulis seharusnya mempertingkatkan diri ke arah kesempurnaan. Hal ini sejajar dengan Shafie Abu Bakar (1997) yang menegaskan bahawa berdasarkan rangka teori yang berkaitan ketuhanan, sastera dilihat bukan sebagai satu aspek terasing daripada Islam malahan menonjolkan kesyumuluan Islam.

Justeru, melalui syair Agama: Makna Takbur, sifat kesempurnaan Allah dapat dilihat daripada penggunaan kalimah 'Allah' dan petikan ayat 'In akmakum indallah' yang menunjukkan hakikat Allah yang esa, sempurna sifatnya, mulia dan kekal wujudnya. Keesaan, kesempurnaan, kemuliaan dan kesucian Allah ini yang dijadikan oleh hamba bertakwa dan serba lemah sebagai tempat berlindung serta bergantung. Hal ini dapat dibuktikan melalui rangkap sembilan dalam syair seperti yang berikut;

*Mulia itu takutkan Allah,
Serta malu akan Rasulullah,
In akmakum indallah,
Attakakum kepada Allah.*

(Mohd Yusof et al., 1995: 148)

Berdasarkan rangkap berikut, penulis mengetengahkan sifat-sifat kamal dan jamal Allah dengan hubungannya dengan manusia. Penulis menyerahkan sepenuhnya jiwa dan raga kepada Allah SWT untuk menjadi seorang yang bertakwa agar terpelihara serta terhindar daripada perbuatan-perbuatan yang tidak diredhai Allah dengan memuliakan sifat-Nya yang sempurna dan maha besar. Sebagaimana dapat dilihat daripada baris *In akmakum indallah, Attakakum kepada Allah* yang bermaksud sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah, (ialah) yang paling bertakwa kepada Allah (Muhammad Nur Al-Hakim et al., 2020). Oleh yang demikian, kepentingan tauhid sebagai panduan kehidupan beragama turut dijelaskan melalui setiap perbuatan manusia iaitu bermula daripada manusia dilahirkan ke dunia yang fana seperti azan dan iqamat yang didengarkan ke telinga bayi memperlihatkan bahawa ketauhidan ini adalah suatu perkara yang pertama sekali dituntut kepada setiap manusia sebagai seorang Muslim.

Sehubungan itu, jelaslah bahawa tauhid dalam Islam bukan sahaja menuntut pengakuan dan penghayatan semata-mata daripada individu Muslim, malahan perlu dibuktikan melalui perbuatan. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang syumul dan menyedarkan bukan sahaja penulis, malahan khalayak berkaitan sifat-sifat Allah yang maha sempurna dan wajib sebagai makhluk kejadian-Nya bertakwa kepada Allah SWT supaya mendorong diri melakukan perbuatan menyempurnakan diri dalam kalangan penganut agama Islam.

Prinsip kerasulan sebagai insan kamil

Prinsip ini memperlihatkan pertautan antara teori dengan Rasulullah, insan yang kamil. Rasulullah dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi contoh kepada seluruh umatnya. Dalam falsafah pemikiran Islam, ideal Keinsanan terbahagi kepada tiga konsep, iaitu insan kamil, insan khalifah dan insan rabbani (Shafie Abu Bakar, 1997). Asmiaty Amat et al. (2014) menyatakan insan khalifah merujuk kepada kemampuan manusia sebagai pemimpin di bumi Allah yang memiliki keilmuan dan berperibadi mulia. Insan yang bergelar khalifah seharusnya memiliki sifat kerohanian yang tinggi sehinggalah layak digelar *rabbani*. Seseorang insan tersebut tidak akan memperoleh kesempurnaan sekiranya tiada atau kurang sifat kerohanian dalam dirinya. Oleh itu, ketiga-tiga sifat ini harus dimiliki bagi mencapai tahap insan kamil. Dalam hal ini, Rasulullah SAW merupakan contoh yang paling ideal yang seharusnya diteladani. Hal ini dikatakan demikian kerana kejayaan baginda sebagai khalifah boleh dilihat apabila baginda menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin, pentadbir dan panglima perang yang tiada bandingannya.

*Inilah orang tamakkan bangsa,
Ubatnya itu hendak kuasa,
Jalan anbia aulia periksa,
Yang berguna itu hanyalah jasa.*

(Mohd Yusof et al., 1995: 147)

Berdasarkan rangkap syair di atas, penulis menggambarkan sifat tanggungjawab yang dimiliki oleh Rasulullah SAW sebagai seorang pemimpin sesebuah negara yang seharusnya

dicontohi oleh seseorang pemimpin. Hal ini dapat dilihat dalam baris ‘Jalan anbia aulia periksa’ yang bererti mencontohi sifat kewibawaan dan strategi-strategi Rasulullah SAW dalam menyempurnakan mengendalikan hal ehwal manusia. Seterusnya, barisan pentadbiran yang diberikan kepercayaan oleh rakyat untuk mengendalikan sesebuah negara tersebut perlu menyelidik dan mengkaji kaedah yang digunakan oleh Rasulullah SAW agar dapat mempelajari sesuatu daripada baginda dalam mengurus sesebuah negara. Dalam hal ini, penulis cuba menyerlahkan sifat kerasulan Rasulullah SAW sebagai insan yang kamil. Penulis juga menyatakan dalam rangkap syairnya di atas bahawa sistem politik sesebuah negara itu juga akan memperoleh manfaat dan panduan daripada gaya pentadbiran yang dijalankan oleh Rasulullah SAW.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan penelitian terhadap inti sari yang ingin disampaikan oleh penulis, dapat dikatakan bahawa kerajaan yang dipimpin Rasulullah SAW mempunyai strategi yang tersusun untuk mengukuhkan kestabilan negara. Abu Bakar (2018) menyatakan bahawa orang Islam memberikan ketaatan mutlak kepada Rasulullah SAW yang bebas menentukan dasar dan polisi yang bersesuaian untuk memajukan negara yang baru diasaskan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa orang Islam meletakkan kepercayaan terhadap pentadbiran Rasulullah SAW kerana sifat kewibawaan, tanggungjawab dan keadilan yang diamalkan oleh baginda. Oleh yang demikian, pemimpin pada hari ini seharusnya mencontohi sifat-sifat sebagai seorang pemimpin yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dalam mengendalikan sesebuah negara agar keadilan diberikan sama rata terhadap rakyat negara tersebut. Isu-isu yang berkaitan dengan politik seperti perebutan kuasa, penyelewangan duit rakyat dan sebagainya tidak seharusnya berlaku bagi memastikan kestabilan politik dan kesejahteraan negara.

Prinsip keislaman yang bersifat akmal

Prinsip keislaman bersifat akmal adalah berhubungkait dengan kesucian Islam iaitu satusatunya agama yang sempurna dari segenap aspek. Shafie Abu Bakar (1997) mengetengahkan bahawa agama Islam agama (ad-din) iaitu sebagai agama yang syumul atau sempurna juga perlu diserlahkan berdasarkan karya-karya sastera. Sesebuah karya sastera yang dihasilkan haruslah berperanan untuk mendidik individu, masyarakat dan umat mempraktikkan ajaran al-Quran dan hadis. Jika dilihat dalam Syair Agama: Makna Takbur, perkara ini disampaikan melalui penulisan untuk memberi pengajaran supaya mentaati undang-undang Islam dengan menjauhi perbuatan takbur agar penghayatan terhadap agama lebih efektif.

*Banyaklah sahabat ibu dan bapak,
Hamba sahaya pun penuh dan fakahak,
Memandang orang sangat mencapak,
Sampai masanya mudah tercampak.*

*Takbur di sini tiadalah padan,
Jangan dibawa duduk berundan,
Seperti umpama beraksi pandan,
Berapakah bahunya lama di badan.*

(Mohd Yusof et al., 1995: 148)

Berdasarkan rangkap tersebut, jelaslah bahawa kesyumulan Islam melalui aktiviti penganutnya dapat digambarkan melalui tingkah laku yang sejajar dengan panduan agama Islam sebagaimana yang telah digambarkan dalam al-Quran yang merupakan pedoman hidup umat Islam di muka bumi ini. Hal ini demikian kerana kebahagiaan yang dijamin dalam agama boleh dinikmati apabila kesemua nilai aqidah, syariat dan akhlak dapat dilaksanakan secara keseluruhan dalam

kehidupan manusia. Shaik Abdullah et al. (2019), juga menjelaskan pendidikan akhlak yang diterangkan dalam al-Quran adalah menyentuh segala aspek kehidupan iaitu menjaga hubungan baik dengan Allah SWT dan menjaga hubungan baik dengan sesama manusia. Kedua-dua hubungan ini perlu dipatuhi oleh semua umat Islam supaya tidak mendapat kemurkaan daripada Allah SWT seperti ditimpa kesusahan dari segala urusan.

Seterusnya, berdasarkan rangkap tersebut juga, menunjukkan bahawa segala perbuatan yang dilakukan manusia mestilah dilakukan dengan niat yang suci murni dan dilaksanakan dengan penuh keikhlasan agar dapat diterima oleh Allah dan bukan sekadar untuk menunjuk-nunjuk. Sejarar menurut kajian Asming Yalawae et al. (2007), seorang muslim yang dibentuk oleh akhlak yang mulia akan dijauhkan daripada segala sifat kecelaan, bahkan membersihkan diri dari hasad dengki, riak dan dendam. Malah sentiasa beradab, rendah diri dan bersopan santun. Keberkatan akhlak yang baik membuatkan manusia tidak lagi mempunyai sifat takbur. Seterusnya mencapai kemuliaan sama ada dalam kehidupan ini atau akhirat. Dengan berteraskan kepada tingkah laku yang baik akan mewujudkan sebuah masyarakat yang tenang, tenteram serta harmoni dan seterusnya sentiasa memperolehi kemuliaan Allah S.W.T.

Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul

Shafie Abu Bakar (1997) merincikan prinsip keempat teori ini memiliki perhubungan antara ilmu dengan sastera. Konsep takmilah dalam hubungan kesusasteraan dan ilmu mempunyai pertalian dengan akal dan hati budi manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana akal merupakan alat yang paling utama untuk mencapai ilmu, lebih-lebih lagi apabila berhubung dengan sesuatu yang bersifat alamiah dan rasional, manakala hati merujuk kepada kerohanian yang perlu dimiliki oleh setiap muslim. Setiap muslim dianjurkan untuk menuntut ilmu dan Islam merupakan agama syumul yang sentiasa menganjurkan kepada keilmuan. Peranan karya sastera yang bersifat takamul adalah untuk mempertingkatkan kedua-dua bentuk alamiah dan rohani ini.

*Terkadang takburkan gagah perkasa,
Pandai bersilat bertikam biasa,
Didatangkan Allah penyakit yang bisa,
Mengangkat tangan tidak kuasa.*

(Mohd Yusof et al., 1995:148)

Rangkap syair di atas membuktikan bahawa syair tersebut berupaya memberi gambaran tentang ilmu melalui persoalan-persoalan tauhid yang dianjurkan oleh Raja Ali Haji dalam karyanya. Ilmu yang diketengahkan oleh beliau melalui rangkap syair di atas iaitu memberikan kesedaran kepada pembaca bahawa tiada yang berkuasa selain Allah SWT di dunia ini. Bukan itu sahaja, penulis juga ingin menyampaikan bahawa sekuat manapun kekuatan yang dimiliki oleh seseorang individu tersebut, kekuatannya itu tidak boleh menandingi kekuasaan Allah SWT yang boleh menurunkan penyakit dengan sekelop mata terhadap dirinya. Mesej yang cuba disampaikan oleh penulis melalui rangkap ini adalah supaya seseorang individu itu tidak takabur dan sombong akan kekuatan dan kelebihan yang dimilikinya dan sentiasa mengingati kewujudan Allah SWT dan kekuasaanNya.

Sehubungan itu, prinsip ini memperlihatkan akal penulis dalam menganjurkan perbuatan-perbuatan yang baik dalam membina kehidupan yang sempurna lagi berhikmah. Misalnya, melalui rangkap syair di atas jelas menunjukkan hakikat tentang saranan penulis agar manusia meyakini kewujudan Allah SWT. Perkara ini akan memberikan kesedaran kepada mereka untuk sentiasa

merendahkan diri dan tidak memandang rendah terhadap orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia sering lupa akan akibat yang akan diperoleh apabila memiliki kekuasaan dan kekuatan. Sebagai contoh, orang kaya menindas orang miskin. Oleh yang demikian, penulis berjaya menghamparkan prinsip keilmuan melalui syair ini yang memiliki nilai agama yang tinggi yang dapat menjadi teladan kepada pembaca.

Prinsip sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah

Prinsip seterusnya membincangkan penelitian terhadap ciri-ciri estetik yang menjadikan sesebuah karya itu bersifat takmilah. Proses penciptaan atau penghasilan karya sastera yang bersifat estetik dan takmilah perlu mengoptimumkan ciri estetika dan kreativiti seterusnya membawa pembaca mendekati diri kepada Allah SWT (Mohd Haniff, 2019). Dalam hal ini, prinsip ini diteliti dari dua sudut, iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Sudut pertama, iaitu keindahan lahiriah, merangkumi teknik penciptaan sesebuah karya yang menyentuh bentuk, struktur dan gaya bahasa manakala sudut kedua, iaitu keindahan maknawi, tertumpu kepada isi, idea, mesej yang ingin disampaikan oleh penulis yang melibatkan pemikiran, sudut pandangan dan penggunaan unsur-unsur seperti metafora, personifikasi dan alegori (Asmiaty Amat et al., 2014).

*Mulia itu takutkan Allah,
Serta malu akan Rasulullah,
In akmakum indallah,
Attakakum kepada Allah.*

(Mohd Yusof et al., 1995:148)

Berdasarkan rangkap syair di atas, dari sudut lahiriah, Raja Ali Haji menggunakan kata-kata pujian yang mengagungkan watak yang terdapat dalam syair tersebut. Gaya bahasa yang digunakan oleh beliau seperti 'In akmakum indallah' menggambarkan keesaan, kesempurnaan, kemuliaan dan kesucian Allah. Dari sudut maknawi, penulis menggunakan perkataan-perkataan yang memangkin pemikiran pembaca. Sebagai contoh, penggunaan frasa 'Mulia itu takutkan Allah' menggambarkan kewujudan Allah SWT sehinggakan umat Islam takut untuk melakukan perbuatan yang tidak baik kerana kewujudanNya. Bukan itu sahaja, baris 'Serta malu akan Rasulullah' menunjukkan ciri estetika dalam pemilihan gaya bahasa yang menggambarkan kemuliaan Rasulullah SAW sebagai pemimpin umat dan ikon agama yang paling unggul di mata masyarakat.

Justeru, penampilan frasa 'In akmakum indallah' dan 'Attakum kepada Allah' secara tidak langsung menyelitkan maksud tersirat, iaitu sentiasa meyakini kewujudan dan keesaan serta takut akan Allah SWT. Hal ini secara tidak langsung akan membawa pembaca mendekati diri kepada Allah SWT dengan cara melaksanakan perintahNya dan meninggalkan laranganNya. Sebagai seorang insan yang lemah, tiada tempat yang boleh menandingi Allah SWT semasa dilanda musibah dan meminta pertolonganNya. Oleh yang demikian, umat Islam diingatkan untuk sentiasa kembali kepada Allah SWT sama ada dalam kesusahan mahupun kesenangan.

Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimalkan diri

Kecenderungan seseorang penulis menghasilkan karya yang berunsur keislaman adalah berdasarkan sikap dan latar belakang penulis yang banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai Islam yang telah tersemam dalam masyarakat Melayu sejak sekian lama. Sebagaimana Mohd Haniff (2019) menjelaskan bahawa berdasarkan prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimalkan diri, pengkarya tersebut perlu berilmu dan menguasai bidang ilmu Islam dan ilmu sastera. Oleh yang demikian, persediaan daripada pelbagai sudut perlu dilakukan terutamanya dari sudut ilmu pengetahuan agar hasil karya yang dihasilkan mempunyai ilmu bermanfaat untuk disampaikan

kepada khalayak. Ringkasnya, hasil karya sastera itu harus lahir daripada seorang penulis yang memberi fokus terhadap jiwa keislamannya dan mampu mengutarakan pandangan keislaman itu melalui saluran yang sewajarnya seperti kesusasteraan yang difahami. Hal ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa prinsip teori ini sesuai diterapkan bagi penulis yang memiliki latar belakang sosial, kehidupan, pendidikan agama yang baik. Justeru itu, antara gambaran pengkarya itu sendiri melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keislaman serta ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera dalam Syair Agama: Makna Takbur adalah seperti berikut;

*Terkadang takbur sebab berilmu,
Menandang manusia seperti tersemu,
Terkadang berkata ayuhai kamu,
Engkau nan bodoh serta jahilmu.*

*Menyangka diri lebih semata,
Aku nan alim lagi pendeta,
Memandang manusia seperti buta,
Inilah takbur yang amat nyata.*

(Mohd Yusof et al., 1995: 147)

Berdasarkan rangkap tiga dan empat syair, jelas dapat dilihat bahawa penulis mempunyai pengetahuan yang amat luas tentang perbuatan menyombong diri menjadi pemisah antara seseorang dengan kemuliaan akhlak. Hal ini demikian kerana penulis berkongsi ilmu dan pengalamannya dengan memberi gambaran berkaitan manusia yang sombong dan takbur adalah seperti *buta* kerana berasa diri lebih baik serta alim. Perbuatan inilah akan menghancurkan amalan seseorang yang sering mendustakan kebenaran serta menganggap rendah orang lain dengan meninggikan dirinya. Kesombongan yang ada pada diri manusia haruslah dihapuskan kerana ianya merupakan antara perlakuan yang mendapat balasan dosa sebagaimana yang dilakukan oleh Iblis pada saat diperintahkan sujud kepada Adam. Semasa peristiwa ini, Iblis menolak untuk sujud kerana berasa diri lebih mulia daripada manusia (Adam) yang diciptakan daripada tanah, sementara Iblis berasal daripada api. Kesombongan Iblis tersebut mestilah dijadikan kisah pengajaran kerana menyebabkan kemurkaan Allah SWT dengan melaknat Iblis. Tambahan lagi, ilmu atau amal yang dilakukan dengan rasa sombong tidak dapat memberikan pulangan akhirat yang setimpal dengan amalan kerana setiap jiwa tidak mengetahui tarikh dan keadaan kematian sendiri, sama ada dalam kebaikan mahupun keburukan seperti kisah Iblis ini yang telah lama beribadah namun diseksa oleh Allah SWT kerana menolak untuk sujud kepada Nabi Adam.

Oleh hal yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa rangkap syair tersebut menunjukkan bahawa pengkarya telah mengistimakan diri dengan kedua-dua ilmu agama dan sastera kerana telah berjaya menghasilkan karya yang berasaskan nilai-nilai Islam seperti pembentukan seorang muslim yang mendapat kesejahteraan hidup dan diredhai oleh Allah SWT dengan melakukan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil

Sastera secara umumnya memainkan peranan yang amat signifikan dalam membentuk sahsiah individu dan seterusnya membina masyarakat berkualiti. Sastera tidak hanya dikhususkan untuk menghibur atau memenuhi keperluan naluri pencipta karya semata-mata, tetapi juga mempunyai peranan yang besar dalam mendidik khalayak ke arah nilai-nilai murni. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai seorang muslim, setiap karya yang dihasilkan akan dipertanggungjawabkan. Oleh itu, penting bagi seorang penulis menyampaikan sesuatu yang baik, benar, menanam sifat-sifat tauhid dan bermanfaat dalam karyanya kerana setiap penulisan akan diberikan ganjaran sama ada

berbentuk pahala atau dosa. Berdasarkan prinsip terakhir teori Takmilah ini juga menjurus kepada prinsip untuk menyempurnakan golongan khalayak. Sehubungan itu, seseorang penulis dengan sifat-sifat rabbaniyah yang menghasilkan karya sastra sempurna, akhirnya jiwa dan fikiran khalayak menghayati dan menyelidik karya tersebut terpengaruh untuk melakukan perkara yang diutarakan penulis melalui karyanya. Segala sifat Allah SWT yang dipercayai dan peribadi terpuji Rasulullah SAW perlu dijadikan teladan serta seruan-seruan dikemukakan oleh penulis akan dihayati oleh khalayak yang bukan setakat membaca dengan mata tetapi juga dengan batin.

Penulis memperlihatkan unsur memupuk khalayak ke arah insan kamil seperti terdapat dalam rangkap berikut;

*Terkadang takburkan banyaknya harta,
Emas dan perak intan permata,
Beberapa dokoh gelang bergenta,
Wang dan ringgit berlaksa juta.*

*Takbur disini tiada faedah,
Beberapa orang dilihat sudah,
Ditangkap orang dengan yang mudah,
Terkadang dengan penganan juadah.*

(Mohd Yusof et al., 1995: 148)

Berdasarkan rangkap syair di atas, prinsip khalayak yang bertujuan untuk memupuk insan kamil ini dapat digarap menerusi gambaran individu yang bersikap bongkok dan takbur kerana menganggap diri lebih baik, angkuh kerana mempunyai harta yang banyak kemudiannya menjurus kepada sifat sombong. Gambaran sikap takbur oleh penulis ini secara tidak langsung mampu mendidik khalayak agar mencontohi amalan sepatutnya dipraktis oleh umat Islam sebagai hamba Allah dengan merendah diri dan bersyukur. Tambahan pula, sifat takbur adalah penyakit akidah yang membuatkan segelintir manusia tidak melihat kebenaran, sebaliknya terus tegar melakukan perbuatan menyimpang dan dilaknat Allah SWT. Oleh itu, sejajar dengan kajian Muhammad Nur Al-Hakim et al. (2020), perbuatan merendah diri merupakan sebuah tingkah laku yang mengajar manusia untuk bersikap sederhana dan tidak sombong dalam kehidupan serta membimbing manusia agar lebih beriman kepada Allah SWT.

Selain itu, dalam rangkap tersebut juga, mampu memupuk rasa keagungan terhadap Allah SWT dan menyeru khalayak supaya taat kepada perintah Allah SWT. Sebagaimana baris *beberapa orang dilihat sudah* penulis mengajak khalayak untuk merenung kisah dan balasan individu dahulu yang bersikap takbur dengan mempertalikkannya dengan kehidupan manusia kini. Maka, sebagai seorang Muslim yang meletakkan perintah Allah SWT sebagai keutamaan perlulah sentiasa muhasabah diri dengan merasakan diri paling lemah dan tidak mempunyai kuasa ke atas semua perkara. Pelbagai kaedah yang boleh dilakukan untuk muhasabah diri seperti memperbanyakkan doa dan berzikir kepada-Nya agar terus mampu istiqamah. Apabila seseorang melazimi kalimah zikir dalam kehidupan seharian, maka keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT turut meningkat. Seperti yang telah ditakrifkan oleh Imam Syafie, Imam Malik dan Imam Ahmad, iman adalah membenaran dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan sekalian rukun (Mustafa, 2009).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil penganalisan dan perbincangan yang telah dilakukan terhadap syair Agama: Makna Takbur dengan menggunakan teori Takmilah menunjukkan bahawa unsur-unsur

keagamaan, ketuhanan dan ketauhidan yang diterapkan menerusi beberapa prinsip dapat menjadikan syair tersebut bermanfaat kepada khalayak dari segi isi kandungannya yang banyak mengajak manusia untuk beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Syair Agama: Makna Takbur yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji yang juga merupakan seorang ahli cendekiawan pada suatu ketika dahulu dapat menjadikan syair ini sebagai salah satu medium dakwah beliau. Hasil analisis ini mendapati bahawa hasil seni kesusasteraan yang dicituskan oleh penulis harus mempunyai kesepaduan antara teori itu sendiri yang kaya dengan nilai falsafahnya dengan aspek praktikal.

Hasil penganalisan dengan menggunakan teori Takmilah dapat memberikan impak dalam penerapannya terhadap syair ini. Hal ini kerana, mesej-mesej ketuhanan dan keagamaan banyak dimasukkan boleh dijadikan landasan atau jawapan kepada individu Muslim dalam membina empayar akhlak yang utuh dan sempurna. Impaknya, kita dapat melahirkan golongan masyarakat yang taat pada suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya untuk mendapatkan kebahagiaan yang ingin dikecapi samada di dunia mahupun di akhirat. Segala ciri-ciri pembentukan insan yang syumul didedahkan melalui tujang prinsip yang dikenal pasti iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Penulis juga menyuguhkan nilai-nilai estetika dan etika Islam dengan jelas dan menarik untuk memperlihatkan keindahan dan kesempurnaan Islam ketika menyampaikan dakwah. Bukan itu sahaja, ikatan kata dalam bait-bait syair tersebut sungguh indah justeru menarik perhatian generasi pada hari ini agar meningkatkan minat mereka terhadap bidang kesusasteraan.

RUJUKAN

- Abu Bakar, A. I. (2018). Strategi Rasulullah SAW dalam mengukuhkan kestabilan negara. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 14(2), 102-115.
https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/5428/1/Journal%20of%20Maalim%20alQ%20CA%20BEan%20wa%20alSunnah_Vol%2014%20No%202%20%282018%29_Strategi%20Rasulullah%20SAW%20dalam%20Mengukuhkan%20Kestabilan%20Negara.pdf.
- Adli Yaacob. (2017). Konsep sastera Islam mengikut Uthman el-Muhammady. *Journal of Global Business and Sosial Entrepreneurship (GBSE)*, 1(4).
- Ahmad Hawassy. (2019). *Kajian tauhid dalam bingkai aswaja*. PT Naraya Elaborium Optima.
- Asmiaty Amat, & Lokman Abdul Samad. (2014). *Puisi-Puisi Arifin Arif: Satu analisis Takmilah*. ResearchGate.
https://www.researchgate.net/publication/306359049_Puisipuisi_Arifin_Arif_Satu_Analisis_Takmilah.
- Asming Yalawae, & Ahmad Farid. (2007). *Akhlak warisan Rasulullah SAW membawa kemuliaan umat*. EJOURNAL. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/5420>.
- Cecep Munawar Payumi, & Yuyu Fatimah Hartati. (2018). The use of close reading technique to improve students reading comprehension. *Professional Journal of English Education*, 1(3), 187-194.
- Crawford. Irving. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41.

- Hassan, A. (2015). Pemikiran Keagamaan Raja Ali Haji. *Sosial budaya: Media komunikasi ilmu-ilmu sosial dan budaya*, 12(2), 243-260. Neliti. <https://media.neliti.com/media/publications/164510-ID-pemikiran-keagamaan-rajaali-haji.pdf>
- Maharam, M., Maisarah, Y., & Norasiah, A. (2012). Tarbiah dalam novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!). *MALIM: SEA Journal of General Studies*, 13, 119-132. <http://journalarticle.ukm.my/5954/>
- Mohd Haniff. (2019). *Highlighting human as a servant to God in 'Hari yang Bergelar Kematian' Short story:Based on Takmilah theory*. UiTM Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/41823/1/41823.pdf>.
- Mohd Uthman el-Muhammady. (1977). *Memahami Islam, insan, ilmu dan kebudayaan*. Pustaka Aman Press.
- Mohd Yusof. Abdul Rahman. (1995). *Puisi Melayu tradisi*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mokmin Basri. (2012). *Bab 4: Kaedah kajian*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian.
- Mustafa, A. R. (2009). *Hadis empat puluh*. Dewan Pustaka Fajar.
- Muhammad Nur Al-Hakim, & Mohd Firdaus. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 48-56. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4369>
- Raja Hisyamudin. Bharuddin Che Pa. (2012). Penggunaan ayat-ayat al-Qur'an oleh Raja Ali Haji di dalam karya beliau Thamarat al-Muhimmah. *Makalah, The 2nd Annual International Qur'anic Conference, Shah Alam, Selangor*.
- Rosnani Ripin. (2019). *Takmilah Novel Seteguh Fikiran Saleha, karya Aminah Mokhtar*. Dimuat turun daripada <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/sosiobudaya/05ROSNANIRIPIN-edt.pdf> pada 14 Januari 2022.
- Shafie Abu Bakar. (1995). *Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1997). 'Estetika dalam Takmilah'. Dalam Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera. Bangi. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaik Abdullah, Hassan Mydin, & Abdul Razak. (2019). *Pandangan alam Islam: Analisis dari perspektif surah al-Fatihah*. MALRep. <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.iium.irep.76507>.
- Syed Ahmad, S. S., Saludin, M. R., & Ayob, A. (2019). Aplikasi teori Takmilah dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu analisis kepimpinan Islam. *International Journal of Islamic, Social, Economics, and Development (JISED)*, 4(17), 20-30. <http://www.jised.com/>

Zakaria. (2013). Dakwah sufistik Hamzah Fansuri (Kajian substantif terhadap Syair Perahu). *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 13(1), 105-126.

ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN IMBUHAN, KATA SENDI NAMA DAN EJAAN DALAM RUANGAN BERITA PENDIDIKAN

Emmy Emelda Anak Tunai

emmy23-307@epembelaaran.edu.my

Nurjanna binti Mohd Yusof

nurjanna23-313@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Bahasa amat penting dalam kehidupan manusia sebagai medium untuk berinteraksi antara satu sama lain. Namun, isu yang amat membimbangkan ketika ini adalah isu kesalahan penggunaan bahasa dalam bahasa Melayu sama ada dari aspek morfologi mahupun sintaksis. Kajian ini memfokuskan terhadap kesalahan penggunaan bahasa dalam berita yang merupakan medium utama dalam penyampaian maklumat kepada seluruh masyarakat. Bahasa Melayu memainkan peranan yang amat besar sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pendidikan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis kesalahan penggunaan kata imbuhan, kata sendi nama dan kesalahan ejaan yang terdapat dalam berita pendidikan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dan kepustakaan melalui analisis bahan dalam talian. Data yang diperolehi kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk jadual kesalahan bahasa berdasarkan sumber daripada berita dalam talian. Kajian ini menggunakan hukum-hukum yang terdapat di dalam buku *Tatabahasa Dewan* sebagai landasan kajian. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat banyak kesalahan penggunaan kata imbuhan, kata sendi nama dan ejaan dalam berita pendidikan yang dikaji. Kesimpulannya, penulis berita atau akhbar sama ada secara dalam talian ataupun luar talian perlulah lebih peka dalam menulis sesuatu berita dengan menitikberatkan penggunaan hukum-hukum tatabahasa bahasa Melayu yang betul dalam penulisan mereka. Hal ini demikian kerana apabila berlakunya kesalahan penggunaan bahasa, boleh menyebabkan ayat menjadi tidak gramatis dan mencemarkan keindahan bahasa Melayu itu sendiri.

Kata kunci: *kesalahan bahasa, ruangan berita pendidikan, imbuhan, kata sendi nama, ejaan*

PENGENALAN

Akhbar menggunakan bahasa untuk mengungkapkan sesuatu maklumat kepada khalayak. Keupayaan penulis memanipulasikan bahasa dengan sebaik mungkin akan menghasilkan penulisan yang berupaya memberi impak positif dan mempengaruhi pembaca. Arba'ie Sujud (2010) menjelaskan bahawa bahasa mempunyai kuasa kata, iaitu bahasa mempunyai keupayaan untuk membentuk nilai estetik yang tersendiri kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, penulisan yang baik dan berkesan harus mempunyai unsur kebahasaan yang jelas, padat, tepat, menarik dan mudah difahami oleh pembaca. Ini sejajar dengan pendapat Suraiya (2014, p.49) menyatakan bahawa morfologi ialah ilmu yang mengkaji struktur perkataan, bentuk dan kategori kata. Oleh itu, Zalina Mohamad Nasir (2017) berpendapat bahawa penyumbang utama yang mendorong fenomena kesalahan bahasa adalah kurangnya pengetahuan tentang sistem sesebuah bahasa, selain keliru terhadap penggunaan unsur-unsur bahasa dalam konteks tertentu. Menurut Juriah et al. (1994) pula kesalahan bahasa berpunca daripada kekurangan pengetahuan berkaitan aspek tatabahasa dan kecelaruan daripada bahasa pertama, iaitu bahasa ibunda.

Oleh yang demikian, penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan berita dan pengumuman tentang hal ehwal pendidikan tidak menepati aspek morfologi dan hukum tatabahasa bahasa Melayu. Menurut Nik Safiah Karim (2003), sekiranya permasalahan ini tidak dibendung, kesalahan bahasa yang lebih besar akan berlaku dan akhirnya akan merosakkan bahasa. Zulkiefly Hamid

(2015, p17) menyatakan bahawa bahasa merupakan satu entiti yang terdiri daripada dua komponen pengetahuan iaitu tatabahasa dan kecekapan berbahasa. Oleh itu, bahasa yang betul menurut hukum tatabahasa bahasa Melayu perlu dititikberatkan apabila berkomunikasi ataupun dalam penulisan agar penyampaiannya jelas, tepat dan maklumat yang disampaikan boleh difahami dengan mudah oleh khalayak ramai. Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) menyatakan bahawa, bukan semua penulisan dalam surat khabar didapati memenuhi kehendak rumus tatabahasa Melayu, malah masih berlakunya kesilapan dan kesalahan berbahasa dalam penulisan yang dihasilkan. Dalam pada itu, Illias Zaidi (2010) menambah, masalah ini juga secara tidak langsung akan memusnahkan nilai kegramatisan dalam bahasa Melayu. Seterusnya, Mior Kamarul Shahid (2015) dan Jeniri Amir (2005) turut berpendapat bahawa kekerapan kesalahan berbahasa yang dilakukan oleh media dan disiarkan secara berterusan kepada khalayak akan menyebabkan pembaca menerimanya sebagai sesuatu yang betul. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan-kesalahan yang wujud dalam penulisan akhbar berita pendidikan iaitu imbuan, kata sendi nama dan kesalahan ejaan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973).

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini telah meninjau beberapa kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti Nor Ain Nor Azman dan Nur Farakhanna Mohd Rusli (2020) dengan kajian mereka, iaitu *Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa* terhadap 20 orang pelajar tingkatan 2. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan pelajar berkaitan dengan penggunaan kata sendi nama berada pada tahap yang memuaskan kerana pelajar masih keliru dengan tugas dan fungsi kata sendi nama *dari* dan *daripada* apabila digunakan dalam ayat. Kajian oleh Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri dan Nor Azuwan Yaakob (2019) yang mengkaji *Keberkesanan Penggunaan Bahasa dalam Akhbar Melayu: Tindak Balas Strategi Terhadap Literasi Kesihatan dalam Kalangan Pembaca Tempatan*. Hasil kajian mereka mendapati bahawa strategi penggunaan kata dalam rencana kesihatan ada kalanya mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan dan ada kalanya tidak mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan. Seterusnya, kajian Mohd Hazreen Shah Hassan dan Sharil Nizam Sha'ri (2019) mengenai *Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 128 kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam artikel berdasarkan akhbar yang dipilih. Kesalahan yang berkaitan dengan pembentukan ayat adalah adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 60 kesalahan, sementara kesalahan penggunaan sinonim adalah yang terendah iaitu sekitar 3 kesalahan.

Selain itu, Sharil Nizam Sha'ri dan Mohd Hazreen Shah Hassan (2016) melaksanakan kajian yang bertajuk *Bahasa dan berita akhbar Tribun Putra* dalam perkongsian maklumat warga kampus di Universiti Putra Malaysia. Artikel kajian ini telah diterbitkan dalam *Jurnal Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* oleh Kolej Universiti Islam Selangor (KUIM) yang membincangkan tentang peranan akhbar yang berupaya mencambah pengetahuan dan mempertingkatkan kematangan pembacanya. Hasil kajian mereka mendapati bahawa bahasa yang digunakan di dalam penulisan akhbar bersifat mudah untuk difahami dalam memaparkan berita berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku sama ada di dalam kampus mahupun di luar serta program-program yang dianjurkan. Seterusnya, kajian oleh Hamidah (2012) mendapati bahawa unsur kelewahan bahasa dalam akhbar masih tidak dapat dibendung. Dalam pada itu, masih berlakunya kesalahan berbahasa dalam akhbar sama ada dalam aspek penggunaan diksi, tatabahasa dan seumpamanya. Hasil daripada kajiannya, terdapat 56 kesalahan bahasa dalam akhbar pendidikan yang dikesan melalui kajiannya. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Ehineni (2014) menunjukkan bahawa aspek linguistik (leksikal dan struktur ayat) dalam media cetak mahupun elektronik seperti akhbar perlu menitikberatkan aspek kesederhanaan dan kejelasan agar mudah difahami oleh khalayak. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam

akhbar kurang gramatis berikutan penemuan beberapa kesalahan pada kata sendi nama, imbuhan dan ejaan. Dalam pada itu, Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) turut menjelaskan bahawa penulis berita gagal untuk membezakan setiap fungsi yang didukung oleh setiap penggolongan kata yang digunakan dan akhirnya menyebabkan berlakunya kesilapan dalam penggunaannya seperti kesilapan kata sendi nama dan kata imbuhan dalam akhbar. Sebanyak 78 kesalahan penggolongan kata yang dikesan melalui kajiannya dalam akhbar sukan menyebabkan berita yang disampaikan kurang mematuhi aspek tatabahasa yang betul. Kesimpulannya, banyak kajian lepas dijalankan khususnya dalam penulisan akhbar. Namun, kajian terhadap ketepatan penggunaan imbuhan, kata sendi nama dan ejaan masih belum banyak dikaji. Maka, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis kesalahan penggunaan imbuhan, kata sendi nama dan kesalahan ejaan dalam ruangan berita pendidikan.

OBJEKTIF

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti kesalahan penggunaan imbuhan, kata sendi nama dan kesalahan ejaan dalam ruang berita pendidikan.
- ii. Menganalisis kesalahan penggunaan imbuhan, kata sendi nama dan kesalahan ejaan dalam ruangan berita pendidikan.

TEORI ANALISIS KESALAHAN CORDER

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Teori ini juga dikenali sebagai teori analisis kesalahan bahasa dan digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis kesalahan penggunaan imbuhan, kata sendi nama dan kesalahan ejaan yang terdapat dalam media elektronik iaitu akhbar dalam talian. Berdasarkan teori yang telah dipilih, beberapa prosedur perlu dipatuhi iaitu selepas mengenal pasti kesalahan bahasa yang dilakukan, kesalahan tersebut harus dijelaskan dan dihuraikan. Analisis kesalahan bahasa merupakan pengajaran bahasa yang mengkaji kesalahan penggunaan bahasa yang dilakukan oleh seseorang. Corder (1973) menyatakan bahawa dalam mempelajari bahasa, seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan. Oleh itu, Corder (1981) telah mendefinisikan kesalahan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Kesalahan ini meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan, istilah, dan sebagainya. Corder (1973) juga menyatakan bahawa kesilapan atau kesalahan bahasa berlaku kerana terdapat penyimpangan dalam sistem atau peraturan bahasa. Oleh itu, pengguna bahasa Melayu khususnya penulis berita dalam talian perlulah mempunyai kesedaran untuk memperbaiki penguasaan bahasa Melayu melalui pembacaan supaya dapat memantapkan lagi penguasaan terhadap perbendaharaan kata dan golongan kata dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini lebih terarah dan tertumpu kepada kesilapan dalam bidang linguistik, iaitu dari aspek morfologi dan analisis kesilapan dalam kajian ini berfokuskan kepada kesalahan penggunaan imbuhan, kata sendi nama dan ejaan. Oleh itu, dalam proses penganalisan kesalahan imbuhan, kata sendi nama dan ejaan, pengkaji menggunakan teori analisis kesalahan Corder (1973) dan juga buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* yang ditulis oleh Nik Safiah Karim et al. (2015) sebagai sumber rujukan utama dalam menentukan jenis kesalahan daripada data dan sampel yang dikumpul serta sebagai landasan bagi kajian ini.

METODOLOGI

Secara umumnya, kajian ini mengaplikasikan kaedah yang berbentuk kualitatif iaitu kaedah analisis tekstual. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis tekstual untuk mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan kesalahan penggunaan bahasa dalam media elektronik, iaitu dalam penulisan berita dan pengumuman. Oleh yang demikian, bagi mengumpul maklumat dan data terbaharu, pengkaji menjalankan kajian dengan mengambil bahan kajian daripada laman berita dan pengumuman dalam talian yang berkaitan dengan hal ehwal pendidikan. Merriam (1998)

menyatakan bahawa penganalisisan dan pengumpulan data merupakan satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian kualitatif. Creswell (2005) berpendapat bahawa salah satu ciri-ciri kaedah kualitatif ialah sesuatu permasalahan perlu diterokai untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam. Oleh itu, dapatan maklumat dan hasil kajian terdahulu dilihat dan dikumpul oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai rujukan supaya pengkaji dapat memahami dengan lebih terperinci dan menyeluruh mengenai tajuk kajian yang hendak dianalisis. Menurut Weber (1998), analisis tekstual adalah salah satu teknik yang sistematik yang menekankan penggunaan bahasa dan perkataan-perkataan dalam sesebuah teks. Dalam konteks ini, kaedah analisis tekstual sangat membantu dan memberi peluang kepada pengkaji untuk mendalami maksud yang terkandung di dalam sesebuah teks yang dikaji. Justeru, pengkaji mendapatkan bahan daripada media elektronik dengan mengambil 21 laman akhbar jenis pendidikan yang bertujuan untuk menganalisis dan mengkaji kesalahan penggunaan bahasa dari aspek morfologi iaitu imbuhan, kata sendi nama dan ejaan daripada laman akhbar dalam talian yang dipilih. Laman akhbar dalam talian ini dipilih bagi tahun 2021.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dalam bahagian ini merupakan hasil dapatan kajian yang dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang telah dinyatakan. Dapatan kajian ini disusun mengikut jenis kesalahan yang dianalisis dengan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973).

i. Kesalahan Kata Imbuhan

Jadual 1: Kesalahan Kata Imbuhan Apitan ‘di-...-i dengan di-...-kan’

Kesalahan	Pembetulan
“Murid Orang Asli tinggal di perkampungan Orang Asli dekat Sungai Kuching yang hanya boleh dihubungi dengan laluan sungai.” Sumber data: https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20210203/281852941249112	“Murid Orang Asli tinggal di perkampungan Orang Asli dekat Sungai Kuching yang hanya boleh dihubungkan dengan laluan sungai.”

Berdasarkan Jadual 1, terdapat kesalahan penggunaan imbuhan bagi perkataan “dihubungi”. Perkataan “dihubungi” dalam petikan di atas merupakan gabungan kata dasar “hubung” dengan imbuhan apitan “*meN-...-i*” dalam bentuk pasif, iaitu “*di-...-i*”. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.208), imbuhan apitan “*di-...-i*” ialah bentuk pasif bagi “*meN-...-i*”. Mengikut PRPM DBP dalam pautan (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Menghubungi>), “menghubungi” atau “dihubungi” membawa maksud membuat perhubungan dengan seseorang untuk memberitahu sesuatu melalui surat, telefon atau pergi sendiri untuk mendapatkannya”. Oleh itu, perkataan “dihubungi” tersebut kurang sesuai digunakan dalam konteks ayat tersebut. Justeru, imbuhan yang sesuai bagi perkataan “dihubungi” tersebut ialah “*di-...-kan*” yang akan membentuk perkataan “dihubungkan”.

Jadual 2: Kesalahan Kata Imbuhan Awalan ‘meng-... dan men-...’

Kesalahan	Pembetulan
<p>“Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) akan hantar modul ke sekolah dan sekolah pula akan cetak (bahan), sebelum diagihkan kepada pelajar dengan bantuan semua guru sekolah dan ibu bapa pelajar,” katanya yang telah bergelar guru sejak 1994.</p> <p>Sumber data: https://www.sinarharian.com.my/article/146155/EDISI/Guru-masuk-kampung-pedalaman-hantar-bahan-PdPR-untuk-pelajar</p>	<p>“Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) akan menghantar modul ke sekolah dan sekolah pula akan mencetak (bahan), sebelum diagihkan kepada pelajar dengan bantuan semua guru sekolah dan ibu bapa pelajar,” katanya yang telah bergelar guru sejak 1994.</p>

Berdasarkan Jadual 2, penggunaan perkataan “hantar” dan “cetak” di atas tidak begitu sesuai untuk digunakan dalam petikan ayat tersebut. Penggunaan imbuhan yang sesuai digunakan bagi kedua-dua perkataan tersebut ialah “*meN-*”. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.153), “*meN-* menjadi *men-* apabila diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf *d, c, j, sy* dan *z*” manakala “*meN-* menjadi *meng-* apabila digabungkan dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *g, gh, kh,* dan *h* (bunyi konsonan) dan *a, e, i, o, u* (huruf vokal)”. Oleh itu, perkataan “hantar” dan “cetak” perlu menerima imbuhan “*meN-*” untuk membentuk perkataan “menghantar” dan “mencetak” supaya ayat tersebut menjadi lebih gramatis.

Jadual 3 Kesalahan Kata Imbuhan Apitan ‘men-...-kan dan di-...-kan’

Kesalahan	Pembetulan
<p>"Dari situ kami terfikir untuk menyuntik sedikit kreativiti untuk jadikan ia hiasan sebelum mendapat kelulusan untuk berbuat demikian," katanya.</p> <p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/12/898767/sekolahku-kreativiti-barangan-terpakai</p>	<p>"Dari situ kami terfikir untuk menyuntik sedikit kreativiti untuk menjadikan ia hiasan sebelum mendapat kelulusan untuk berbuat demikian," katanya.</p>
<p>Maka kerja rumah tidak perlu berikan kerana ia sudah diselesaikan semasa di dalam kelas.</p> <p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/11/893483/kerja-rumah-tingkatkan-pencapaian-murid</p>	<p>Maka kerja rumah tidak perlu diberikan kerana ia sudah diselesaikan semasa di dalam kelas.</p>

Berdasarkan Jadual 3, perkataan “jadikan” dan “berikan” yang menerima imbuhan akhiran “-kan” dalam dua petikan teks di atas tidak begitu sesuai untuk digunakan dalam konteks ayat tersebut. Penggunaan jenis imbuhan yang sesuai digunakan bagi perkataan “jadikan” ialah imbuhan apitan “*meN-...-kan*” yang membentuk perkataan “menjadikan” dan bagi perkataan “berikan” ialah penggunaan bentuk pasif “*meN-...-kan*”, iaitu “*di-...-kan*” yang membentuk perkataan “diberikan”.

Jadual 4 Kesalahan Kata Imbuhan Apitan ‘me-...-kan’

Kesalahan	Pembetulan
Ia menjadi keperluan kepada sekolah rendah yang mana murid di bawah usia kelayakan menerima vaksin, perlu laksanakan ujian saringan mingguan sekurang-kurangnya kepada 10 peratus sampel pelajar di sekolah itu. Sumber data: https://www.utusan.com.my/pendidikan/2021/1/1/ujian-saringan-covid-19-murid-sekolah-setiap-rabu/	Ia menjadi keperluan kepada sekolah rendah yang mana murid di bawah usia kelayakan menerima vaksin, perlu melaksanakan ujian saringan mingguan sekurang-kurangnya kepada 10 peratus sampel pelajar di sekolah itu.

Berdasarkan Jadual 4, perkataan “laksanakan” tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat di atas. Seharusnya perkataan “laksanakan” menerima imbuhan apitan “*meN-...-kan*” iaitu jenis “*me-...-kan*” untuk membentuk perkataan “melaksanakan” agar ayat tersebut menjadi lebih gramatis.

Jadual 5 Kesalahan Kata Imbuhan Awalan ‘me-...’

Kesalahan	Pembetulan
"Hampir setahun saya sudah tidak menangis, tetapi apabila pihak pengurusan UMT minta keluarga hadir menerima ijazah arwah, kami sangat terharu dan sedih. Sumber data: https://www.utusan.com.my/nasional/2021/12/setahun-tidak-menangis-suami-isteri-hiba-terima-ijazah-arwah-anak/	"Hampir setahun saya sudah tidak menangis, tetapi apabila pihak pengurusan UMT meminta keluarga hadir menerima ijazah arwah, kami sangat terharu dan sedih.

Berdasarkan Jadual 5, penggunaan kata dasar “minta” tidak sesuai untuk digunakan dalam konteks ayat tersebut. Kata dasar “minta” tersebut perlu ditambah dengan imbuhan awalan “*meN-*” untuk membentuk perkataan “meminta. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.151), awalan “*meN-*” menjadi “*me-*” apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *m*, *n*, *ny*, *ng*, *r*, *l*, *w*, dan *y*. Oleh itu, kata dasar “minta” perlu menggunakan imbuhan “*meN-*” bagi membentuk perkataan “meminta”.

Jadual 6 Kesalahan Kata Imbuhan Awalan ‘men-...’

Kesalahan	Pembetulan
Jika pembelajaran diadakan secara Google Meet, pembelajaran akan terganggu jika tiba-tiba WiFi tiada dan ada kala saya tidak boleh daftar masuk kembali ke sesi Google Meet yang sedang berlangsung. Sumber data: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/762377/kehadiran-sangat-memberangsangkan-metrotv	Jika pembelajaran diadakan secara Google Meet, pembelajaran akan terganggu jika tiba-tiba WiFi tiada dan ada kala saya tidak boleh mendaftar masuk kembali ke sesi Google Meet yang sedang berlangsung.

Berdasarkan Jadual 6, penggunaan perkataan “daftar” tidak begitu sesuai dalam konteks ayat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan “daftar” seharusnya menerima imbuhan awalan “men-...”. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.153), “*meN-* menjadi *men-* apabila diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf *d, c, j, sy* dan *z*”. Oleh itu, perkataan daftar seharusnya menjadi **mendaftar** supaya ayat tersebut lebih tepat dan gramatis.

Jadual 7 Kesalahan Kata Imbuhan Akhiran ‘...-kan’

Kesalahan	Pembetulan
Ini secara tidak langsung mengelak perasaan malas dan tidak fokus murid semasa menjalani aktiviti pembelajaran di dalam kelas.	Ini secara tidak langsung mengelakkan perasaan malas dan tidak fokus murid semasa menjalani aktiviti pembelajaran di dalam kelas.
Persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pembelajaran murid adalah faktor penting dalam memastikan murid memberi fokus kepada pembelajaran dan berminat untuk mendalami sesuatu topik pembelajaran.	Persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pembelajaran murid adalah faktor penting dalam memastikan murid memberikan fokus kepada pembelajaran dan berminat untuk mendalami sesuatu topik pembelajaran.
<p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/11/888061/5-kaedah-mudah-menangani-murid-malas-belajar-tidak-fokus</p>	

Berdasarkan Jadual 7, penggunaan perkataan “mengelak” dan “memberi” adalah tidak sesuai untuk digunakan dalam konteks ayat tersebut kerana tertinggal kata imbuhan akhiran “...-kan”. Seharusnya perkataan “mengelak” dan “memberi” menerima imbuhan akhiran “...-kan” untuk membentuk perkataan “mengelakkan” dan “memberikan” agar ayat tersebut menjadi lebih gramatis.

ii. Kesalahan Kata Sendi Nama

Jadual 8 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘dengan’

Kesalahan	Pembetulan
Ketika tanggapan umum PdPR adalah kaedah dalam talian, namun apabila kaedah ini tidak berjalan baik atas sebab-sebab tertentu, guru-guru tidak mudah menyerah kalah dan sebaliknya mereka berusaha pula dengan kaedah secara “offline”.	Ketika tanggapan umum PdPR adalah kaedah dalam talian, namun apabila kaedah ini tidak berjalan dengan baik atas sebab-sebab tertentu, guru-guru tidak mudah menyerah kalah dan sebaliknya mereka berusaha pula dengan kaedah secara “offline”.
<p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/831479/guru-masuk-kampung-pedalaman-hantar-bahan-pdpr</p>	

Berdasarkan Jadual 8, petikan ayat tersebut tidak gramatis kerana “...namun apabila kaedah ini tidak berjalan baik atas sebab-sebab tertentu...”. Sekiranya dianalisis perkataan “berjalan” seharusnya perlu diikuti kata sendi nama “dengan” selepas “berjalan”. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.280), kata sendi nama “dengan” membawa maksud “bersama-sama

atau berserta”. Oleh itu, untuk menjadikan petikan ayat tersebut lebih gramatis, kata sendi nama “dengan” harus ditambah.

Jadual 9 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘kepada’

Kesalahan	Pembetulan
<p>“Selain itu, hubungan baik antara guru-guru dan ibu bapa juga, banyak membantu memudahkan PdPR. Bagi pelajar (beragama Islam) pula sentiasa diingatkan menjaga solat lima waktu, solat hajat dan solat Dhuha,” katanya sambil menjelaskan dua orang pelajarnya daripada 36 orang, berjaya mendapat gred A Bahasa Melayu pada SPM 2020.</p> <p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/831479/guru-masuk-kampung-pedalaman-hantar-bahan-pdpr</p>	<p>“Selain itu, hubungan baik antara guru-guru dan ibu bapa juga, banyak membantu memudahkan PdPR. Bagi pelajar (beragama Islam) pula sentiasa diingatkan menjaga solat lima waktu, solat hajat dan solat Dhuha,” katanya sambil menjelaskan kepada dua orang pelajarnya daripada 36 orang, berjaya mendapat gred A Bahasa Melayu pada SPM 2020.</p>

Berdasarkan Jadual 9, petikan ayat di atas tidak gramatis kerana “...katanya sambil menjelaskan dua orang pelajarnya...” tidak menepati susunan struktur ayat yang betul. Seharusnya ayat tersebut menerima penggunaan kata sendi nama “kepada”. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.272), kata sendi nama “kepada” membawa maksud “menyatakan sasaran yang merujuk kepada manusia, haiwan dan unsur mujarad. Contoh ayat yang diberi oleh Nik Safiah Karim et al. (2015, p.272), Ali menghantar surat *kepada* abang. Oleh itu, petikan ayat tersebut seharusnya menerima kata sendi nama “kepada” yang menyatakan sasaran dan merujuk kepada frasa nama “dua orang pelajarnya”.

Jadual 10 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘untuk’

Kesalahan	Pembetulan
<p>Sementara itu Azmi berkata, tabung itu diwujudkan sebagai usaha Farm Fresh membantu kanak-kanak kehilangan tempat bergantung selepas ibu bapa mereka meninggal dunia.</p> <p>Sumber data: https://origin.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/11/886715/bantu-yayasan-didik-negara</p>	<p>Sementara itu Azmi berkata, tabung itu diwujudkan sebagai usaha Farm Fresh untuk membantu kanak-kanak kehilangan tempat bergantung selepas ibu bapa mereka meninggal dunia.</p>

Berdasarkan Jadual 10 di atas, petikan teks tersebut kurang gramatis dan perlu menambah kata sendi nama “untuk” sebelum perkataan “membantu”. Mengikut *Kamus Dewan* (2007,p.126), membantu membawa maksud “memberi pertolongan”. Antara fungsi kata sendi nama “untuk” menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.276), iaitu “menyatakan maksud bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan”. Oleh itu, kata sendi nama “untuk” yang ditambah dalam ayat “...sebagai usaha Farm Fresh *untuk* membantu kanak-kanak...” akan menjadikan ayat tersebut lebih gramatis.

Jadual 11 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘pada - kepada’

Kesalahan	Pembetulan
<p>Malah, pelajar lebih selesa bertanya pada rakan di sebelah sekiranya tidak faham apa yang dipelajari.</p> <p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/12/898764/murid-malu-bertanya-jawab-soalan</p>	<p>Malah, pelajar lebih selesa bertanya kepada rakan di sebelah sekiranya tidak faham apa yang dipelajari.</p>

Berdasarkan Jadual 11, penggunaan kata sendi nama “pada” dalam ayat di atas adalah salah. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.275), kata sendi nama “pada” tidak boleh digunakan di hadapan kata nama yang membawa maksud sasaran. Ayat tersebut seharusnya menggunakan kata sendi nama “kepada” yang merujuk kepada perkataan “rakan”.

Jadual 12 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘daripada - dari’

Kesalahan	Pembetulan
<p>Hal ini bermula dengan kemahiran matematik pengguna yang perlu dipupuk sejak di bangku sekolah, dengan kata lain melentur buluh biarlah daripada rebungunya.</p> <p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/11/891338/penguasaan-ilmu-matematik-pengguna-elak-jerat-hutang</p>	<p>Hal ini bermula dengan kemahiran matematik pengguna yang perlu dipupuk sejak di bangku sekolah, dengan kata lain melentur buluh biarlah dari rebungunya.</p>

Berdasarkan Jadual 12, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama “daripada” dalam ayat di atas yang merupakan peribahasa bahasa Melayu dan seharusnya ditulis sebagai “melentur buluh biarlah *dari* rebungunya”. Oleh itu, ayat tersebut perlu menggunakan kata sendi nama “dari” bagi merujuk kepada peribahasa bahasa Melayu yang betul.

Jadual 13 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘daripada’

Kesalahan	Pembetulan
<p>Guru yang mahu dikenali sebagai Jamilah, berusia 50-an itu berkata, demi nyawanya serta masyarakat sekeliling, beliau nekad mengambil suntikan berkenaan bagi mengelak berlaku jangkitan COVID-19.</p> <p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864015/demi-murid-guru-akhirnya-setuju-divaksin</p>	<p>Guru yang mahu dikenali sebagai Jamilah, berusia 50-an itu berkata, demi nyawanya serta masyarakat sekeliling, beliau nekad mengambil suntikan berkenaan bagi mengelak daripada berlaku jangkitan COVID-19.</p>

Berdasarkan Jadual 13, petikan ayat di atas tidak begitu gramatis. Menurut Nik Safiah et al. (2015. p.269), kata sendi nama "daripada" hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca perbuatan bagi manusia, haiwan, benda, dan unsur mujarad, sumber atau asal

kejadian sesuatu benda, dan perbezaan atau perbandingan. Sehubungan dengan itu, ayat di atas sesuai untuk ditambah dengan kata sendi nama “daripada” kerana ayat “...mengelak *daripada* berlaku jangkitan COVID-19” merupakan ayat yang menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda iaitu kejadian jangkitan COVID-19. Oleh itu, perlulah menambah kata sendi nama “daripada” selepas perkataan “mengelak” untuk menjadikan ayat tersebut lebih gramatis.

Jadual 14 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘atas - dalam’

Kesalahan	Pembetulan
Cabaran yang dihadapi pembelajaran atas talian tidaklah terhad kepada lima perkara ini sahaja. Sumber data: https://laburglobal.com/2021/05/27/cabaran-pembelajaran-secara-atas-talian-di-malaysia/	Cabaran yang dihadapi pembelajaran dalam talian tidaklah terhad kepada lima perkara ini sahaja.

Berdasarkan Jadual 14, penggunaan “atas talian” dalam ayat tersebut adalah tidak tepat. Menurut PRPM DBP dalam pautan (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=online&d=175768&>), perkataan “online” ialah kata adjektif, iaitu “dalam talian” dalam bahasa Melayu. Selain itu, PRPM DBP (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=online&d=175768&>) turut menjelaskan bahawa maksud perkataan "online" ialah "dalam talian". Nik Safiah et al. (2015, p.285) menyatakan kata sendi nama "dalam" hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian “lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak”.

Jadual 15 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘daripada’

Kesalahan	Pembetulan
Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan dua buah blok di sekolah itu terlibat dalam proses baik pulih bumbung ekoran strukturnya yang telah usang. Sumber data: https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/angin-kuat-punca-bumbung-sekolah-runtuh/	Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan dua buah blok di sekolah itu terlibat dalam proses baik pulih bumbung ekoran daripada strukturnya yang telah usang.
Acara ini tiada tahun lalu ekoran kebimbangan penularan wabak Covid-19 dengan edisi ke-21 pada 2019 dihoskan Universiti Malaysia Perlis dan UIAM muncul juara kedua-dua kategori itu. Sumber data: https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/debat-diraja-ipt-2021-um-uia-berentap-kumpul-markah-tertinggi/	Acara ini tiada tahun lalu ekoran daripada kebimbangan penularan wabak Covid-19 dengan edisi ke-21 pada 2019 dihoskan Universiti Malaysia Perlis dan UIAM muncul juara kedua-dua kategori itu.

Berdasarkan Jadual 15, perkataan "ekoran" bermaksud "akibat atau perkembangan seterusnya yang timbul daripada sesuatu peristiwa”. Menurut Nik Safiah et al. (2015, p.269), kata sendi nama "daripada" hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca perbuatan bagi manusia, haiwan, benda, dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu

benda, dan perbezaan atau perbandingan. Oleh itu, kedua-dua ayat tersebut perlu ditambah kata sendi nama "daripada" selepas perkataan "ekoran" berdasarkan konteks ayat tersebut.

Jadual 16 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘dalam - di dalam’

Kesalahan	Pembetulan
Pujian antara bentuk penghargaan dan pengiktirafan paling mudah namun memberi kesan besar terhadap motivasi murid yang malas dan tidak fokus semasa dalam kelas. Sumber data: https://www.hmetro.com.my/akademia/2021/11/777477/pdp-bersemuka-lebih-efektif#:~:text=saya%20tidak%20boleh,.daftar,-masuk%20kembali%20ke	Pujian antara bentuk penghargaan dan pengiktirafan paling mudah namun memberi kesan besar terhadap motivasi murid yang malas dan tidak fokus semasa di dalam kelas.

Berdasarkan Jadual 16, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama yang dapat dikesan dalam ayat tersebut. Nik Safiah et al. (2015, p.285) menyatakan kata sendi nama "dalam" hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian “lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak”. Dalam konteks ayat tersebut, perkataan selepas kata sendi nama ialah kelas, maka seharusnya kata sendi nama yang digunakan adalah di dalam. Hal ini dikatakan demikian kerana kata sendi nama “di” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Memandangkan kelas ialah tempat, maka kata sendi nama yang seharusnya digunakan ialah di dalam. Ayat ini akan menjadi lebih gramatis dengan penggunaan kata sendi nama “di”.

Jadual 17 Kesalahan Kata Sendi Nama ‘dari - daripada’

Kesalahan	Pembetulan
“Berbanding dengan sekolah secara bersemuka, ia lebih senang untuk bertanya guru dan lebih senang untuk fokus kerana di rumah, banyak gangguan bukan saja dari ahli keluarga, tetapi juga keadaan sekeliling," katanya. Sumber data: https://www.hmetro.com.my/akademia/2021/11/777477/pdp-bersemuka-lebih-efektif#:~:text=saya%20tidak%20boleh,.daftar,-masuk%20kembali%20ke	“Berbanding dengan sekolah secara bersemuka, ia lebih senang untuk bertanya guru dan lebih senang untuk fokus kerana di rumah, banyak gangguan bukan saja daripada ahli keluarga, tetapi juga keadaan sekeliling," katanya.
Maklumat dan Komunikasi (ICT) Negeri Perlis Rozieana Ahmad berkata, murid dan pelajar selain daripada kelas berkenaan masih perlu meneruskan pembelajaran menerusi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR). Sumber data: https://www.hmetro.com.my/akademia/2021/10/770300/pendaftaran-patuh-sop	Maklumat dan Komunikasi (ICT) Negeri Perlis Rozieana Ahmad berkata, murid dan pelajar selain dari kelas berkenaan masih perlu meneruskan pembelajaran menerusi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR).

Berdasarkan Jadual 17, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama “daripada” dan “dari”. Kata sendi nama *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat atau waktu. Ciri ini berbeza dengan kata sendi nama *daripada* yang hanya digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan atau benda, sumber dan asal kejadian sesuatu benda. Hal ini bermaksud dalam konteks ayat di atas perkataan ahli keluarga yang merupakan frasa nama haruslah menerima kehadiran kata sendi nama *daripada* sebelum ayat tersebut manakala perkataan kelas yang merupakan tempat pula seharusnya menerima kehadiran kata sendi nama *dari* sebelum ayat tersebut. Penggunaan kata sendi nama yang betul akan menjadikan sesebuah ayat itu lebih gramatis.

iii. Kesalahan Ejaan

Jadual 18 Kesalahan Ejaan ‘baran’

Kesalahan	Pembetulan
Kekemasan dan kreativiti projek stesen #Malaysiamembaca yang dihasilkan dalam tempoh dua hari itu pernah memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan Reka Cipta Baran Terpakai Daerah Sepang 2019. Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/12/898767/sekolahku-kreativiti-barangan-terpakai	Kekemasan dan kreativiti projek stesen #Malaysiamembaca yang dihasilkan dalam tempoh dua hari itu pernah memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan Reka Cipta Barang Terpakai Daerah Sepang 2019.

Berdasarkan Jadual 18, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dalam petikan teks di atas. Perkataan “Baran” di atas sepatutnya dieja sebagai “Barang” yang merujuk kepada sesuatu benda atau perkakas. Mengikut *Kamus Dewan* (2007,129p.), barang membawa maksud “benda secara umum atau sesuatu yang wujud”.

Jadual 19 Kesalahan Ejaan ‘dimakiumkan’

Kesalahan	Pembetulan
"Perincian lanjut mengenai konvokesyen tersebut akan dimakiumkan kepada semua graduan terlibat dalam tempoh terdekat. Sumber data: https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/istiadat-konvokesyen-ipg-2020-2021-secara-bersemuka-dijadual-27-31-mac-2022/	"Perincian lanjut mengenai konvokesyen tersebut akan dimaklumkan kepada semua graduan terlibat dalam tempoh terdekat.

Berdasarkan Jadual 19, terdapat kesalahan ejaan pada perkataan “dimakiumkan”. Seharusnya perkataan “dimakiumkan” dieja sebagai “dimaklumkan”. Perkataan “maklum” merupakan kata dasar yang menerima imbuhan apitan “*di-...-kan*” dan membentuk perkataan “dimaklumkan”. Mengikut *Kamus Dewan* (2007, p.983), maklum membawa maksud “sudah tahu, sudah mengerti, faham”. Nik Safiah Karim et al. (2015, p.202) menyatakan apitan “*di-...-kan*” ialah bentuk pasif “*meN-...-kan*”.

Jadual 20 Kesalahan Ejaan ‘dalaman’

Kesalahan	Pembetulan
<p>Selain itu, untuk memastikan bahawa setiap murid dapat memberi fokus kepada pembelajaran di dalaman kelas, maka pedagogi pembelajaran bermakna (New Deep Learning Pedagogies) sangat penting dalam memastikan bahawa setiap murid menyedari akan kepentingan untuk pembelajarannya.</p> <p>Sumber data: https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/11/888061/5-kaedah-mudah-menangani-murid-malas-belajar-tidak-fokus</p>	<p>Selain itu, untuk memastikan bahawa setiap murid dapat memberi fokus kepada pembelajaran di dalam kelas, maka pedagogi pembelajaran bermakna (New Deep Learning Pedagogies) sangat penting dalam memastikan bahawa setiap murid menyedari akan kepentingan untuk pembelajarannya.</p>

Berdasarkan Jadual 20, terdapat kesalahan ejaan pada perkataan “dalaman”. Seharusnya perkataan “dalaman” dieja sebagai “dalam” kerana kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud yang berlainan dalam sesebuah ayat. Menurut *Kamus Dewan* (2007, p.306), dalaman bermaksud yang tersembunyi dan tidak mudah difahami manakala dalam pula bermaksud jarak iaitu jauhnya ke bawah atau ke dasar dari permukaan. Hal ini bermaksud, perkataan “dalam” lebih sesuai dan gramatis untuk digunakan dalam konteks ayat tersebut.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pencemaran bahasa merupakan satu isu yang perlu diambil perhatian yang serius. Dalam hal ini, kesalahan penggunaan bahasa dalam penulisan berita khususnya berita-berita berkaitan dengan pendidikan yang ditulis dalam talian masih lagi berlaku pada masa kini. Banyak penggunaan unsur dalam bahasa Melayu yang tidak betul dalam penulisan berita dan berlaku penyalahgunaan bahasa dari segi binaan struktur ayat, tatabahasa, peristilahan, pengejaan, kosa kata dan sebagainya. Oleh itu, penganalisan kesalahan bahasa bagi kata imbuhan, kata sendi nama termasuk ejaan berdasarkan Teori Corder (1973) dan menunjukkan kebanyakan penulis berita dalam media elektronik melakukan kesalahan penggunaan bahasa Melayu. Berdasarkan analisis penggunaan bahasa daripada perspektif Waterhouse (1989), kesalahan dalam pemilihan perkataan menyebabkan pembaca mengalami kekaburan dan kekeliruan makna terhadap kata yang digunakan. Justeru, penggunaan bahasa yang kurang tepat dan digunakan bukan pada tempatnya akan menjejaskan kualiti penulisan sesebuah berita malah boleh menyebabkan kekeliruan kepada pembaca. Webber (1981) menyatakan bahawa kesalahan boleh berlaku apabila penggunaanya keliru atau tidak mampu memahami penggunaan aspek-aspek tertentu dalam bahasa yang digunakan. Oleh itu, bagi mengatasi masalah kesalahan penggunaan bahasa ini, para penulis berita dalam talian perlulah sentiasa peka terhadap pemilihan bahasa yang betul dan memandang serius akan isu kesalahan bahasa ini kerana pemilihan perkataan yang tepat dan pembentukan ayat yang betul berupaya menjelaskan kandungan berita dengan efektif dan tidak akan mengundang kekeliruan bahasa kepada para pembaca.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Amran Halim (1972). *Ejaan yang disempurnakan dalam perkembangan ilmu bahasa*. Dewan Bahasa. 16,5 :194

- Arba'ie Sujud (2010). *Perpaduan masyarakat dalam genre sastera dari perspektif sosiostilistik*. In Mohd Sharifudin Yusof, Arba'ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Eds.), *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya: Pemupukan Perpaduan* (pp. 402- 411). Universiti Putra Malaysia.
- Awang Mohamad Amin. (1989). Ke arah penggunaan bahasa yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*. 5(1), 937-941.
- Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011). Analisis kesilapan dalam laporan media: Morfologi dan sintaksis. Dlm. Kamariah Kamarudin, Arba'e Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Samsina Abdul Rahman (Eds). *Kelestarian Bahasa: Satu Rumpun Satu Ikatan*. (pp. 18-31). Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Corder (1973). *Introducing applied linguistics*. Pelican Books.
- Corder (1981). *Error analysis and interlanguage*. University Press.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research, planning, conducting and evaluating quantitative*.
- Ehineni (2014). Lexical, structural and rhetorical features of Nigerian English print media. *Journal of Arts and Humanities*, 3(11), 26-32.
- Hamidah Abdul Wahab. (2012). Aspek kelewahan dalam laporan akhbar atas talian. *Issues in Languages Studies*, 1(2), 24-31.
- Illias Zaidi (2010). *Interlok Karya Sarat Dengan Mesej Perpaduan, Ilmu Pengetahuan*. Diakses daripada www.bharian.com.my.
- Juriah Long, Raminah Sabran & Sofiah Hamid. (1994). *Perkaedahan pengajaran Bahasa Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti.
- Kamarudin Husin, Siti Hajar Aziz dan Hamdan Abdul Rahman. (1997). *Penguasaan kemahiran menulis*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abd.Wahab dan Zulkiefly Hamid (2015). Hambatan memahami bahasa: satu penelitian ke atas teks berita dalam talian berbahasa Indonesia, Tempo.Co. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 493-514.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education (2nd Ed.)*. San Francisco: Jossey-Bass. *and qualitative research (2nd Ed.)*. Prentice Hall.
- Mior Kamarul Shahid (2015). Bahasa: Sejauh manakah media peduli? *Dewan Bahasa*, 15(3), 8-10.
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Sharil Nizam Sha'ri .(2019). Analisis kesalahan penggunaan bahasa dalam rencana akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(2), 55-71.
- Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri dan Nor Azuwan Yaakob. (2019). Keberkesanan penggunaan bahasa dalam akhbar Melayu: Tindak balas strategik terhadap literasi kesihatan dalam kalangan pembaca tempatan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 95-109.

- Nik Safiah Karim. (1981). *Pencemaran Bahasa Malaysia dan Kesannya terhadap Pembelajaran Bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2003). *Bimbingan pelajar bahasa kita jilid 2*. Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Nor Ain Nor Azman & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis Penggunaan kata sendi nama dalam penulisan berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa. *LSP International Journal*, 7(1), 39-59
- Sharil Nizam Sha'ri & Mohd Hazreen Shah Hassan. (2016). *Bahasa dan berita akhbar Tribun Putra dalam perkongsian maklumat warga kampus di Universiti Putra Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIM).
- Suraiya Chapakiya. (2014). *Asas linguistik*. PTS Akademia.
- Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Waterhouse, K. (1989). *Waterhouse on newspaper style*. Penguin.
- Webber, J. J. (1998). *The stylistics reader: from Roman Jakobson to the present*. Arnold.
- Webber, R. D. (1981). *A practical design for identifying and classifying language learning errors*. English Teaching Forum, 19(4), 28-30.
- Zalina Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LPS International Journal* 4(1), 23-25.
- Zulkiefly Hamid (2015). *Komunikasi Kewartawanan: Penulisan Berita, Rencana dan Ulasan*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM APLIKASI MEDIA SOSIAL

Rebecca Lu Yann Ru
becajennlu@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Sejak negara mencapai kemerdekaan sekali gus telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan dan bahasa komunikasi dalam kalangan masyarakat. Dalam pada itu, seiring dengan perkembangan teknologi pada era abad ke-21 ini, bahasa Melayu telah menghadapi pelbagai isu dan cabaran termasuklah isu kesalahan bahasa dalam penggunaan bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis kesalahan penggunaan bahasa Melayu dalam aplikasi media sosial, khususnya *Facebook* dan *Twitter*. Aplikasi media sosial ini dapat diakses melalui peranti mudah alih telah dipilih sebagai sumber data utama dalam kajian ini kerana medium ini sangat popular dan mempunyai pengguna yang ramai tanpa mengira latar sosioekonomi, pendidikan dan status pengguna. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dan kepustakaan iaitu melalui analisis bahan dalam talian. Hasil dapatan kajian diterjemahkan dalam bentuk jadual kesalahan bahasa mengikut kesalahan-kesalahan yang dikaji. Kajian ini berlandaskan hukum-hukum tatabahasa yang diguna pakai dalam *Tatabahasa Dewan* (2015) dan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Aspek-aspek kajian yang dikaji adalah dari segi kesalahan ejaan, kesalahan kata sendi nama dan kesalahan imbuhan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat kesalahan ejaan, kesalahan kata sendi nama dan kesalahan imbuhan yang digunakan oleh pengguna dalam media sosial. Kesimpulannya, pengguna bahasa disarankan agar lebih peka dan prihatin ketika menggunakan bahasa Melayu yang menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu, khususnya aplikasi media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* kerana segala catatan atau komen yang ditulis dalam ruangan dapat dibaca oleh khalayak ramai.

Kata kunci: *kesalahan bahasa, bahasa Melayu, media sosial, Facebook, Twitter*

PENGENALAN

Selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, bahasa Melayu telah dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia. Hal ini turut dinyatakan oleh Awang Sariyan (1996), iaitu bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Selain itu, bahasa Melayu juga menggalas peranan sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu yang mengikut dan mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu tidak seharusnya diambil enteng kerana bahasa melambangkan bangsa dan memperlihatkan jati diri masyarakatnya. Justeru, pengguna bahasa Melayu seharusnya mempunyai kesedaran dan keprihatinan yang tinggi dalam menguasai bahasa Melayu agar dapat menjadi pengguna bahasa yang kompeten.

Penggunaan bahasa Melayu berkait rapat dengan kemajuan alat teknologi terkini dan perkembangan dalam media digital kerana bahasa Melayu merupakan medium utama bagi membolehkan suatu komunikasi berlangsung antara penyampai maklumat dengan penerima maklumat. Oleh hal yang demikian, pada abad ke-21 ini media baharu dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media interpersonal yang lain (Siti Ezaleila dan Azizah, 2011). Namun, tahap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna media sosial dalam masyarakat kita berada pada tahap yang membimbangkan terutama penulisan-penulisan bahasa Melayu yang terdapat

dalam media sosial. Justeru, Nik Safiah Karim (2003) berpendapat bahawa sekiranya permasalahan ini tidak dibendung, kesalahan bahasa yang lebih besar akan berlaku dan akhirnya akan merosakkan bahasa, khususnya bahasa Melayu. Seperkara lagi, pengguna bahasa Melayu seharusnya mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu yang betul mengikut hukum tatabahasa agar mampu mempertahankan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, selain kegramatisan bahasa turut terpelihara. Hal ini disokong oleh pendapat Yahya Othman, Roselan Baki dan Naapie Mat (2009) yang menyatakan bahawa perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu tidak ada titik noktah. Justeru, pelbagai langkah perlu diusahakan oleh pelbagai pihak bagi mengangkat martabat bahasa Melayu ke peringkat yang lebih tinggi, seperti yang pernah tercatat dalam sejarah iaitu bahasa Melayu pernah menjadi lingua franca di rantau Nusantara.

Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2017), penyumbang utama yang mendorong fenomena kesalahan bahasa adalah kekurangan pengetahuan tentang sistem sesebuah bahasa serta keliru terhadap penggunaan unsur-unsur bahasa dalam konteks tertentu. Farizah Hashim, Adenan Ayob dan Mohd Rosli Saludin (2018) menambah, bahasa yang digunakan biasanya lebih ringkas, disingkatkan ejaan dan celaru dari aspek tatabahasanya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji masalah penggunaan bahasa Melayu dari aspek morfologi, khususnya aspek kesalahan dari segi kesalahan ejaan, kesalahan kata sendi nama dan kesalahan imbuhan yang digunakan oleh pengguna media sosial khasnya melalui aplikasi *Facebook* dan *Twitter*.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Nik Safiah Karim (2003), morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Hal ini demikian kerana setiap perkataan yang ditulis pasti mengandungi makna. Sehubungan dengan itu, penulisan yang menepati aspek morfologi dapat difahami oleh pembaca dengan lebih mudah. Corder (1973) pula mentakrifkan kesilapan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Ini menegaskan bahawa kesalahan bahasa merupakan sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati bahasa Melayu. Kesalahan bahasa yang berlaku ini merangkumi semua aspek seperti aspek tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya.

Terdapat banyak pengkaji bahasa Melayu yang mengkaji kesalahan penggunaan kata seperti kata sendi nama, kata majmuk, imbuhan mahupun kesalahan ejaan. Kajian-kajian ini dapat dirujuk daripada bahan seperti buku-buku, majalah bahasa dan jurnal-jurnal bahasa. Antaranya, Khairun Dzuria et al. (2020) pula telah mengkaji tentang penggunaan bahasa rojak dalam media sosial iaitu dalam aplikasi *Whatsapp*. Kajian mereka menyimpulkan bahawa pengguna aplikasi *Whatsapp* menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa matriks dan bahasa Inggeris sebagai bahasa sisipan ketika berkomunikasi dalam konteks non-verbal iaitu dalam medium sosial melalui aplikasi *Whatsapp*. Ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa rojak juga merupakan antara kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pengguna media sosial. Kajian yang dihasilkan oleh Amirra Shazewwna dan Vijayaletchumy (2019) mengkaji tentang kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif iaitu pengumpulan sampel serta tinjauan pemerhatian. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat kesalahan dari aspek morfologi, sintaksis dan ejaan dalam sampel yang dikumpul. Kajian ini telah membuktikan bahawa kesilapan imbuhan sering dilakukan oleh pelajar yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kajian Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018) menjelaskan bahawa media sosial seperti *Facebook* merupakan antara penyebab pencemaran bahasa berleluasa. Kesilapan yang sering dilakukan merangkumi kesalahan tatabahasa yang jelas tidak bertepatan dengan sistem nahu bahasa Melayu. Kajian tersebut juga jelas menunjukkan masalah kecelaruan

berbahasa dalam media sosial seperti aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp*. Selain itu, Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) pula telah mengkaji tentang kesalahan dari aspek morfologi dalam penulisan murid Cina. Hasil dapatan kajian tersebut menyimpulkan bahawa murid-murid Cina sering melakukan kesalahan dari aspek morfologi khususnya kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan. Dalam pada itu, kajian Faridah Hashim, Adenan Ayob dan Mohd Rosli Saludin (2018) tentang pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun lima. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa bagi penulisan murid tahun lima.

Selain itu, kajian tentang penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi juga pernah dilakukan oleh Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (2015). Kajian ini mengkaji kesalahan bahasa daripada aspek pengimbuhan kata nama, kata kerja, kata ganda, kata majmuk dan kata adjektif. Kesimpulannya, kajian-kajian lepas banyak mengkaji tentang kesalahan dalam penggunaan bahasa Melayu dari aspek morfologi oleh masyarakat kita yang merangkumi pelbagai peringkat umur dan latar belakang. Oleh itu, kajian ini memberikan fokus dalam mengenal pasti dan membincangkan kesalahan ejaan, kata sendi nama dan imbuhan dalam media sosial, khususnya *Facebook* dan *Twitter* dengan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)

OBJEKTIF

Secara umumnya, terdapat dua objektif kajian ini iaitu:

- i. Mengetahui kesalahan ejaan, kata sendi nama dan imbuhan yang terdapat dalam *Facebook* dan *Twitter*
- ii. Menganalisis kesalahan ejaan, kata sendi nama dan imbuhan yang terdapat dalam *Facebook* dan *Twitter*.

KERANGKA TEORETIS

Teori yang digunakan sebagai landasan analisis kajian ini ialah Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Dalam teori ini, Corder (1973) menjelaskan bahawa terdapat empat kategori kesalahan bahasa iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah dan kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon. Dalam kajian ini, jenis kesalahan yang difokuskan ialah kesalahan dalam bidang linguistik iaitu kesalahan dari aspek morfologi kerana mengkaji tentang kesalahan ejaan, kesalahan kata sendi nama dan kesalahan imbuhan dalam kalangan pengguna media sosial. Corder (1973) juga menjelaskan bahawa kesalahan bahasa berlaku disebabkan faktor kekeliruan (*mistakes*), kesilapan (*lapses*) dan kesalahan (*errors*). Teori ini juga menekankan empat proses dalam menganalisis kesalahan bahasa iaitu proses pengumpulan data, mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam data, menjelaskan kesalahan dan menambah baik kesalahan. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan mengikuti empat proses tersebut iaitu mengumpul data melalui aplikasi *Facebook* dan *Twitter* mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam data, menjelaskan kesalahan yang dikenal pasti kemudian menambah baik data dengan memperbetulkan kesalahan yang dikenal pasti.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan analisis maklumat yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu dari aspek morfologi dalam media sosial khususnya dalam *Facebook* dan *Twitter*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk tinjauan serta kaedah kepustakaan, iaitu menganalisis teks untuk proses pengumpulan data. Kaedah kepustakaan digunakan bagi melihat hasil kajian terdahulu berkaitan dengan aspek morfologi. Pengkaji turut mengumpul dan merujuk kajian terdahulu agar dapat memahami dengan lebih terperinci mengenai tajuk kajian ini iaitu berkaitan kesalahan tatabahasa dalam media sosial. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini


ialah aplikasi *Facebook* dan *Twitter* kerana kedua-dua media sosial ini mempunyai pengguna yang ramai. Selain itu, kajian ini berlandaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) telah digunakan untuk menganalisis kesalahan ejaan, kesalahan penggunaan kata sendi nama dan kesalahan penggunaan imbuhan yang dikenal pasti dalam media sosial, khususnya *Facebook* dan *Twitter* berlandaskan hukum-hukum tatabahasa yang dinyatakan dalam *Tatabahasa Dewan* (2015).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini merupakan perbincangan tentang hasil dapatan kajian yang dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang telah dinyatakan. Seterusnya, data yang diperoleh disusun mengikut jenis kesalahan dan dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973).

Aplikasi Facebook

Jadual 1

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	<p style="text-align: center;">EJAAN</p> surkur lah allah selama selama Fikir fikirkan	syukurlah Allah selama-lama Fikir-fikirkan

Berdasarkan Jadual 1, kesalahan yang dikenal pasti ialah kesalahan ejaan bagi empat perkataan iaitu ‘syukurlah’, ‘Allah’, ‘selama-lama’ dan ‘Fikir-fikirkan’. Kesalahan ejaan bagi perkataan ‘syukurlah’ berlaku kerana kekeliruan yang menyebabkan penulis tidak mengetahui cara ejaan yang tepat bagi perkataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana timbulnya kekeliruan terhadap bunyi sebutan perkataan ‘syukurlah’ sehingga menyebabkan penulis menulis ‘surkur lah’ dengan pengguguran unsur perlu iaitu abjad ‘y’ serta penambahan unsur tidak perlu iaitu abjad ‘r’. Kekeliruan ini timbul berkemungkinan akibat daripada pengaruh bahasa ibunda penulis atau kebiasaan penulis menyebut perkataan tersebut dalam komunikasi harian. Kesalahan kedua dalam perkataan ini pula adalah pada partikel ‘-lah’. Dalam konteks ayat ini, partikel ‘-lah’ merupakan kata penegas yang menegaskan frasa predikat. Berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2015, p.261), kesemua kata penegas -kah, -tak, -lah merupakan bentuk pascafrasa. Oleh itu, partikel ‘lah’ perlu dieja rapat dengan frasa yang hendak ditekankan. Justeru, ejaan yang tepat ialah ‘syukurlah’.

Seterusnya, perkataan ‘Allah’ pula salah kerana perkataan ini merupakan kata nama khas. Hal ini dikatakan demikian kerana ‘Allah’ merupakan rujukan khusus bagi Tuhan yang Esa (PRPM DBP: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=allah&d=175768&>). Oleh itu, huruf ‘a’ pada pangkal perkataan seharusnya menggunakan huruf besar ‘A’. Hal ini disokong oleh pendapat Nik Safiah Karim et.al dalam *Tatabahasa Dewan* (2015) yang menyatakan bahawa huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar dalam tulisan.

Perkataan ‘selama-lama’ dan ‘fikir-fikirkan’ pula salah kerana tidak diletakkan tanda sempang (-) di antara kedua-dua kata ganda. Kedua-dua kata ganda tersebut merupakan kata ganda separa berimbuhan. Kata ‘selama-lama’ merupakan kata ganda separa berimbuhan awalan ‘se-’ manakala ‘fikir-fikirkan’ merupakan kata ganda separa berimbuhan akhiran ‘-kan’. Oleh itu, simbol sempang perlu diletakkan di antara kedua-dua kata dasar yang digandakan. Hal ini disokong oleh contoh yang terdapat dalam *Tatabahasa Dewan* (2015, p.77) iaitu seperti berikut:

(ii) Penggandaan separa kata berimbuhan

(a) dengan awalan

Kata adjektif


Se- : sepandai-pandai, sebaik-baik, setinggi-tinggi;

(b) dengan akhiran

Kata kerja

-kan : risik-risikkan, doa-doakan, tanya-tanyakan;

Jadual 2

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
 <p>1d • 🌐</p> <p>Terima kasih kepada Mitsubishi ksy kerana sudi menjemput sy mejadi duta Dan mc pada hari ini semoga anda di murahkan rezeki Amin tq?</p>	<p>EJAAN</p> <p>sy</p> <p>IMBUHAN</p> <p>mejadi di murahkan</p>	<p>saya</p> <p>menjadi dimurahkan</p>

Berdasarkan Jadual 2, terdapat dua jenis kesalahan yang dikenal pasti iaitu kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan. Kesalahan ejaan yang terdapat dalam data tersebut ialah kesalahan perkataan ‘saya’ yang ditulis sebagai ‘sy’ oleh penulis. Kesalahan ini dikategorikan sebagai kesalahan singkatan kerana penulis tidak menulis perkataan penuh, ‘saya’. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tay (2011), singkatan ‘sy’ merupakan bentuk kata singkatan pengguguran vokal. Singkatan ini kerap digunakan dalam penulisan tidak formal. Namun, menurut Tay (2011) juga, bahasa singkatan atau ringkas sama ada berasaskan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai suatu bentuk kreativiti terhadap penggunaan bahasa dalam konteks komunikasi akan menjadi ancaman kepada bahasa yang sedia ada.

Kesalahan imbuhan yang terdapat dalam data tersebut pula ialah kesalahan penggunaan imbuhan awalan “me-”. Berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2015, p.151-153), imbuhan “meN-” menjadi “me-” apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf m, n, ny, ng, r, l, w, dan y manakala imbuhan “meN-” menjadi “men-” apabila diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf d, c, j, sy, dan z. Perkataan yang hendak diimbuhkan ialah kata dasar “jadi” yang bermula dengan huruf j. Oleh itu, imbuhan yang paling tepat diimbuhkan pada kata dasar “jadi” ialah imbuhan “men-”. Maka, kata terbitan yang tepat ialah “menjadi” dan bukannya “mejadi”.

Kesalahan imbuhan kedua yang terdapat dalam ayat tersebut ialah kesalahan imbuhan apitan “di-...-kan”. Dalam konteks ayat tersebut, “di-” merupakan imbuhan kepada kata dasar “murah” dan diapitkan dengan imbuhan “-kan”. Oleh itu, kata terbitan tersebut perlulah ditulis secara rapat iaitu “dimurahkan”. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya imbuhan awalan “di-” dieja terpisah dengan kata dasarnya, maka “di” akan menjadi kata sendi nama manakala kata dasar akan dianggap mempunyai imbuhan akhiran “-kan” sahaja. Hal ini turut disokong oleh pendapat *Tatabahasa Dewan* (2015, p.265) yang menyatakan bahawa kata sendi nama “di” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Dalam ayat yang dianalisis, “di” tidak membawa pengertian menunjukkan sesuatu tempat, sebaliknya merupakan imbuhan. Justeru, imbuhan “di-” perlu ditulis rapat dengan kata dasar kerana imbuhan tersebut merupakan sebahagian daripada imbuhan apitan “di-...-kan”.


Jadual 3

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	<p>EJAAN</p> yg <p>IMBUHAN</p> menkongsi	yang berkongsi

Berdasarkan Jadual 3, terdapat dua jenis kesalahan yang dikenal pasti iaitu kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan. Kesalahan ejaan yang terdapat dalam ayat tersebut ialah kesalahan ejaan perkataan ‘yang’ yang ditulis sebagai ‘yg’. Kesalahan ini dikategorikan sebagai kesalahan singkatan kerana penulis tidak menulis perkataan ‘yang’ dengan penuh. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tay (2011), singkatan ‘yg’ merupakan bentuk kata singkatan lazim. Singkatan ini kerap digunakan dalam penulisan tidak formal. Namun, penggunaan singkatan dianggap salah atau tidak menepati hukum dari aspek tatabahasa kerana mampu menimbulkan kekeliruan atau salah faham dalam kalangan pembaca, terutama pembaca yang kurang arif tentang kata singkatan.

Seterusnya, penggunaan kata “menkongsi” juga salah dari segi imbuhan. Kata “menkongsi” merupakan penambahan imbuhan apitan “men-...-kan” pada kata dasar kongsi. Penggunaan imbuhan ini adalah salah kerana tidak terdapat perkataan ‘menkongsi’ dalam bahasa Melayu, sebaliknya hanya terdapat perkataan ‘mengongsi’. Perkataan yang sesuai dalam konteks ayat tersebut ialah perkataan ‘mengongsi’ iaitu penggunaan imbuhan awalan “meng-” yang diimbuhkan pada kata dasar ‘kongsi’. Berdasarkan PRPM DBP (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=mengongsi>), “mengongsi” bermaksud menggunakan (menduduki dll) bersama-sama. Dalam konteks ayat ini, perkataan “mengongsi” lebih sesuai kerana penulis ini memberitahu tentang kesulitan kesihatannya kepada pembaca agar mereka sama-sama mengetahui tentang perkara tersebut. Justeru, penggunaan “mengongsi” betul iaitu frasa “mengongsi kesulitan kesihatan”.

Jadual 4

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	<p>EJAAN</p> tp x	tetapi tidak

Berdasarkan Jadual 4, kesalahan yang dikenal pasti ialah kesalahan ejaan bagi perkataan ‘tapi’ dan ‘tak’. Perkataan ‘tp’ yang ditulis oleh penulis ialah singkatan bagi perkataan ‘tapi’

manakala perkataan ‘x’ dalam ayat tersebut merujuk kepada perkataan ‘tak’ yang biasanya digunakan dalam bentuk lisan. Maka, dua perkataan tersebut boleh dianggap sebagai kesalahan ejaan. Namun, dalam bentuk penulisan, perkataan yang paling tepat untuk digunakan ialah perkataan ‘tetapi’ dan ‘tidak’. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam bahasa Melayu, penggunaan perkataan penuh ‘tetapi’ dan ‘tidak’ adalah lebih gramatis dalam penulisan.

Jadual 5


TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	KATA SENDI NAMA di masa	pada masa

Berdasarkan Jadual 5, kesalahan yang terdapat pada ayat tersebut ialah kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” di hadapan kata “masa”. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2015, p.266), kata sendi nama “di” tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu. Contoh yang diberikan adalah seperti berikut:

164. Dia masih bujang pada ketika itu.
 (**bukan:** Dia masih bujang di ketika itu.)

Dalam ayat yang dianalisis, perkataan “masa” merujuk kepada waktu. Oleh itu, penggunaan kata sendi nama “di” adalah salah dan seharusnya digantikan dengan kata sendi nama “pada”.

Jadual 6

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	EJAAN hari raya KATA SENDI NAMA dari kami Di masa	Hari Raya daripada kami pada masa

Berdasarkan Jadual 6, terdapat dua jenis kesalahan iaitu kesalahan ejaan dan kesalahan kata sendi nama. Kesalahan ejaan yang dikenal pasti ialah ejaan kata ‘hari raya’ yang seharusnya ditulis sebagai ‘Hari Raya’ iaitu huruf pertama bagi setiap perkataan menggunakan huruf besar. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan tersebut merupakan kata nama khas yang merujuk hari yang khusus bagi sesuatu perayaan. Berdasarkan PRPM DBP (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=raya>) ‘Hari Raya’ merupakan hari besar yang dirayakan oleh umat Islam. Oleh itu, ini menjadikan perkataan ‘Hari Raya’ sebagai kata nama khas kerana mendukung makna rujukan khusus bagi hari perayaan tersebut. Oleh itu, huruf pertama kata nama khas tersebut perlu ditulis dengan huruf besar (*Tatabahasa Dewan*, 2015).

Kesalahan penggunaan kata sendi nama yang dikenal pasti pula ialah kesalahan kata sendi nama “dari” di hadapan kata ganti nama diri “kami”. Berdasarkan penerangan *Tatabahasa Dewan* (2015, p.268-269), kata sendi nama “dari” digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat atau waktu manakala kata sendi nama “daripada” hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, dan perbezaan atau perbandingan. Oleh itu, kata sendi nama yang tepat adalah “daripada” kerana dalam ayat tersebut hadirnya kata ganti nama yang menyatakan punca bagi manusia, iaitu “kami” selepas kata sendi nama “daripada”.


Kesalahan penggunaan kata sendi nama seterusnya ialah kata sendi nama “di” di hadapan kata “masa”. Berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2015, p.266), kata sendi nama “di” tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu. Contoh yang diberikan adalah seperti berikut:

164. Dia masih bujang *pada* ketika itu.

(**bukan:** Dia masih bujang *di* ketika itu.)

Dalam ayat yang dianalisis, kata “masa” merujuk waktu. Oleh itu, penggunaan kata sendi nama “di” adalah salah dan seharusnya digantikan dengan kata sendi nama “pada”.

Jadual 7

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	KATA SENDI NAMA disini pada orang lain	di sini kepada orang lain

Berdasarkan Jadual 7, kesalahan yang terdapat dalam ayat tersebut ialah kesalahan imbuan awalan “di-”. Dalam konteks ayat tersebut, “di-” merujuk kepada kata sendi nama ‘di’ dan bukannya imbuan awalan ‘di-’. Oleh itu, perkataan tersebut seharusnya dieja secara terpisah iaitu ‘di sini’. Hal ini disokong berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2015, p.265) yang menyatakan bahawa kata sendi nama “di” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Dalam ayat yang dianalisis, “di” membawa pengertian menunjukkan sesuatu tempat maka perlu dieja secara terpisah dengan kata dasar ‘sini’.

Seterusnya, kesalahan yang terdapat pada ayat tersebut ialah kesalahan penggunaan kata sendi nama “pada”. Menurut *Tatabahasa Dewan* (2015, p.275), kata sendi nama “pada” tidak boleh digunakan di hadapan kata nama yang membawa maksud sasaran. Contohnya adalah seperti berikut:

261. Berikan wangmu padaku.

(seharusnya: Berikan wangmu kepadaku.)

Berdasarkan kesalahan ayat yang dianalisis, kata sendi nama “pada” hadir di hadapan kata nama yang membawa maksud sasaran iaitu “orang lain”. Oleh itu, kata sendi nama yang seharusnya digunakan ialah kata sendi nama “kepada”. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (2015, p.272), kata sendi nama “kepada” digunakan untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad.

Aplikasi Twitter

Jadual 8

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	<p>EJAAN</p> <p>gmbr yg mdftr utk</p> <p>IMBUHAN</p> <p>mejadi</p>	<p>gambar yang mendaftar untuk</p> <p>menjadi</p>

Berdasarkan Jadual 8, terdapat dua jenis kesalahan iaitu kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan. Kesalahan ejaan yang dikenal pasti ialah ejaan perkataan ‘gambar’, ‘untuk’, ‘yang’, dan ‘mendaftar’. Kesemua kesalahan ini timbul kerana penulis menggunakan singkatan dan tidak menulis perkataan-perkataan tersebut dengan penuh. Penggunaan singkatan merupakan kesalahan yang berlaku akibat daripada sikap ambil mudah oleh penulis. Menurut Abdul Jalil Anuar (1979:49), penggunaan singkatan yang sewenang-wenangnya lazimnya berlaku kerana sikap kelalaian penulis yang menyebabkan mutu bahasa Melayu semakin terjejas. Oleh itu, pengguna bahasa Melayu tidak seharusnya membiasakan penggunaan singkatan sehingga menyebabkan martabat bahasa Melayu terjejas.

Kesalahan seterusnya yang terdapat dalam ayat tersebut ialah kesalahan penggunaan imbuhan awalan “me-”. Menurut *Tatabahasa Dewan* (2015, p.151-153), imbuhan “meN-” menjadi “me-” apabila bergadung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf m, n, ny, ng, r, l, w, dan y manakala imbuhan “meN-” menjadi “men-” apabila diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf d, c, j, sy, dan z. Dalam ayat tersebut, perkataan yang hendak diimbuhkan ialah kata “jadi” yang bermula dengan huruf j. Oleh itu, imbuhan yang paling sesuai diimbuhkan pada kata dasar “jadi” ialah imbuhan “men-”. Maka, kata terbitan yang tepat ialah “menjadi” dan bukannya “mejadi”.

Jadual 9

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	<p>KATA SENDI NAMA</p> <p>atas talian</p>	<p>dalam talian</p>

Berdasarkan Jadual 9, penggunaan frasa “atas talian” adalah tidak tepat. Menurut PRPM DBP (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=online>), perkataan “online” ialah kata adjektif, iaitu “dalam talian” apabila diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Selain itu, PRPM DBP dalam pautan (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=talian&d=175768&>) turut menjelaskan bahawa perkataan “online” bermaksud “dalam talian”. Menurut *Tatabahasa Dewan* (2015, p.285) pula, kata sendi nama “dalam” hadir di hadapan kata nama dan frasa nama yang membawa pengertian

lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Oleh itu, penggunaan kata sendi nama “dalam” adalah lebih tepat kerana hadir di hadapan kata nama “talian” yang tidak mempunyai ruang atau jarak.

Jadual 10

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	IMBUHAN sosio ekonomi	sosioekonomi

Berdasarkan Jadual 10, kesalahan yang terdapat dalam ayat tersebut ialah perkataan “sosio ekonomi”. Perkataan tersebut merupakan gabungan imbuhan awalan “sosio” yang diimbuhkan kepada kata dasar “ekonomi”. Berdasarkan carian daripada PRPM (DBP) (<http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sosio>), “sosio” merujuk awalan yang berkaitan dengan faktor sosial atau kemasyarakatan. Oleh itu, kata dasar yang diimbuhkan kepada imbuhan awalan “sosio” perlu ditulis rapat dan membentuk satu patah perkataan. Justeru, perkataan yang tepat dalam ayat di atas ialah “sosioekonomi”.

Jadual 11

TANGKAPAN LAYAR	KESALAHAN	SEHARUSNYA
	IMBUHAN sebabkan	menyebabkan

Berdasarkan Jadual 11, kesalahan yang terdapat dalam ayat tersebut ialah penggunaan kata “sebabkan”. Kata “sebabkan” merupakan penambahan imbuhan akhiran “-kan” pada kata dasar “sebab”. Penggunaan imbuhan akhiran “-kan” tidak sesuai, sebaliknya perlu digantikan dengan imbuhan apitan “meN-...-kan”. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak terdapat penggunaan perkataan “sebabkan” dalam kamus bahasa Melayu. Berdasarkan carian daripada PRPM (DBP) (<http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=menyebabkan>), “menyebabkan” bermaksud mendatangkan atau menimbulkan sesuatu. Oleh itu, penggunaan kata “menyebabkan” dengan tambahan imbuhan apitan “meN-...-kan” pada kata dasar “sebab” adalah lebih sesuai dan tepat dalam konteks ayat tersebut iaitu membawa erti menimbulkan tekanan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa terdapat kesalahan bahasa dari aspek morfologi terutama kesalahan ejaan, kesalahan kata sendi nama dan kesalahan imbuhan dalam kalangan pengguna media sosial, khususnya *Facebook* dan *Twitter*. Dalam pada itu, bahasa Melayu

merupakan bahasa utama yang digunakan dalam perhubungan oleh masyarakat di negara ini. Justeru, ketidakpatuhan hukum tatabahasa bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat selaku pengguna media sosial sedikit sebanyak menyumbang kepada kesalahan yang lebih besar sehingga mampu menjejaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara mahupun bahasa ilmu. Oleh itu, pemertabatan bahasa Melayu yang diperjuangkan selama ini memerlukan komitmen dan rasa sepuanya daripada pengguna bahasa Melayu. Selain itu, pengguna bahasa Melayu harus lebih peka dan prihatin ketika menggunakan bahasa Melayu menerusi media sosial, memandangkan media sosial mempunyai kuasa dalam sebaran maklumat dan mempunyai jumlah pengguna yang ramai, dan natijahnya suatu bahasa yang salah akan menjadi betul penggunaannya kerana sudah terbiasa dan menjadi ikutan ramai sekiranya isu ini tidak diatasi.

RUJUKAN

- Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik* Vol.22(1), 024-031.
- Amirra Shazreena Aminul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 7(1), 3-13.
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Corder, S.P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Pelican Books.
- Farizah Hashim, Adenan Ayob & Mohd Rosli Saludin. (2018). Pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun lima. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 53-76).
- Khairun Dzuria Azniza Mat Yazid, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Nordiana Hamzah, Farra Humairah Mohd, Hasrina Baharum dan Norfaizah Abdul Jobar. (2020). *E-book seminar antarabangsa komunikasi dan budaya 2020*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan. (2018). Analisis pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna Facebook di Malaysia. *E-Academia Journal*, 7(1), p.62-71.
- Nik Safiah Karim. (2003). *Bimbingan pelajar bahasa kita jilid 2*. Cerdik Publications Sdn.Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah. (2011). Online social networking: a new form of social interaction. *International Journal of Social Science and Humanity*, 1(2).
- Siti Norsyahida Mohd A. Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan Bahasa dalam Laman Blog dari Aspek Morfologi. *Journal of Business and Social Development*. 3(2), 34-50.
- Tay, M.G. (2011). Analisis linguistik terhadap penggunaan bahasa SMS dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10.

Yahya Othman, Roselan Baki & Naapie Mat. (2009). *Pemeriksaan pendidikan bahasa Melayu dari teori ke praktik*. Utusan Publications.

Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*. 4(1), 23-35.

DI SEBALIK SEBUAH KUBAH DARI PERSPEKTIF PENGKAEDAHAN MELAYU

Nurul Hasmiera Abd Rashid
hasmiera23-350@epembelajaran.edu.my
Shariff Putra Haikal Sharie Albane
shariff23-1235@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Karya sastera memiliki nilai keunikannya yang tersendiri hasil daripada gabungan idea, pemikiran, dan gagasan pengarang. Sastera merupakan salah satu medium yang diciptakan untuk menyampaikan hasrat, kenyataan, mesej, pengalaman dan maklumat kepada khalayak pembaca yang dihiasi dengan kehalusan dan kecantikan bahasa. Sehubungan dengan itu, sastera dianggap sebagai medium penyampaian nilai-nilai agama yang boleh memberikan kesan kepada pembaca agar dapat meningkatkan keimanan dalam diri. Karya sastera Melayu sering dikategorikan sebagai sastera yang berunsur Islam kerana memberikan mesej kepada pembaca agar meningkatkan penghayatan terhadap nilai-nilai Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej-mesej keagamaan yang terdapat di dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Salleh (1986) dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1980-an sebagai kerangka utama kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif yang memfokuskan analisis teks iaitu menganalisis aspek tekstual dan kontekstual teks kajian. Berdasarkan analisis, novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* didapati hanya menunjukkan lima daripada enam pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Melayu iaitu; pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pemikiran keagamaan jelas dipaparkan di dalam novel menerusi tema, perwatakan watak dan peristiwa-peristiwa bagi menyampaikan mesej keagamaan dan menjadi medium tarbiah kepada khalayak pembaca agar sentiasa mengerjakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Kesimpulannya, kerangka teori Pengkaedahan Melayu berupaya memperincikan unsur-unsur keislaman yang ingin diketengahkan oleh pengarang dalam novel ini sehingga memperlihatkan kesungguhan dan kekuatan pengarang dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

Kata kunci: *Pengkaedahan Melayu, mesej keagamaan, pendekatan dakwah, pendekatan moral, Di Sebalik Sebuah Kubah*

PENGENALAN

Menurut Rosni (2015), sastera Islam mula muncul di Timur Tengah pada awal dekad 50-an. Kemunculan sastera Islam adalah kesan daripada arus kebangkitan Islam sendiri yang dibawa oleh tokoh-tokoh reformasi Islam yang ingin menjadikan sastera Islam sebagai salah satu medium untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Oleh itu, mereka telah memanfaatkan semua peluang yang ada dengan menghasilkan karya sastera yang sarat dengan idea-idea berunsurkan keislaman. Penghasilan sastera yang berunsurkan keislaman telah mendorong kepada kemunculan teori-teori sastera bagi meneroka unsur-unsur keagamaan dalam sesebuah karya sastera seperti Teori Pengkaedahan Melayu, Teori Takmilah, Teori Taabudiyah dan Teori Pendekatan Islam. Salah sebuah karya tanah air hasil nukilan pengarang tempatan yang memaparkan nilai-nilai keislaman ialah novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya seorang pengarang yang berasal dari Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti, Negeri Sembilan iaitu Harun Haji Salleh.

Novel ini telah diterbitkan pada tahun 1986 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau pada peringkat awalnya mula bergiat aktif dalam bidang penulisan sejak tahun 1953 dan menggunakan nama *Terunalara* sebagai nama samaran beliau. Novel ini pernah memenangi tempat pertama dalam Peraduan Mengarang Sempena Abad ke-15 Hijrah anjuran Jabatan Ketua Menteri Sabah. Selain itu, karya beliau yang lain iaitu novel *Hidayah* juga pernah memenangi Peraduan Mengarang Novel Islam anjuran Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. Novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* merupakan karya yang mengetengahkan penceritaan berdasarkan pemikiran keagamaan kerana mengisahkan perjalanan hidup seorang imam iaitu Haji Jamalul yang sentiasa mengisi dadanya dengan segala pengetahuan berkaitan agama yang mendalam serta memiliki sikap seorang Muslim sejati. Novel ini sememangnya layak untuk dikategorikan sebagai sastera Islam kerana memiliki kecenderungan untuk mengajak manusia untuk kembali kepada hakikat manusia iaitu mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan memaparkan pemikiran, tema dan mesej keagamaan. Ringkasnya, kajian ini akan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi merungkai unsur-unsur keislaman yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Salleh (1986) telah banyak dilakukan kerana menarik perhatian ramai menerusi tema dan persoalan yang menjurus kepada dakwah Islamiah yang begitu mendalam. Asmiaty dan Tuan Sanira (2016), telah mengkaji novel ini di dalam makalah yang bertajuk “Nilai Keislaman Dalam Novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* Dan *Hidayah* Karya Harun Haji Salleh”. Kajian tersebut bertujuan untuk mengkaji pencitraan nilai keislaman dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* dengan menggunakan Gagasan Persuratan Melayu Baru sebagai landasan kajian. Hasil kajian menerusi kerangka yang diperkenalkan oleh Mohd. Affandi Hassan tersebut telah mencungkil nilai-nilai Islam yang merangkumi keimanan, ketakwaan, dan akhlak yang murni menerusi watak-watak di dalam novel oleh pengarang. Ringkasnya, penerapan GPB dalam kajian ini telah menonjolkan prinsip tentang hakikat seorang insan oleh pengarang menerusi watak-watak di dalam novel.

Kajian terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* turut dilakukan oleh Kamariah dan Maharam (2002) yang bertajuk “Perspektif Alam Sekitar Menurut Falsafah Islam Dalam Novel *Hidayah* Dan *Di Sebalik Sebuah Kubah*: Satu Analisis Awal”. Kajian ini melihat tanggungjawab tarbiah manusia kepada alam ciptaan Allah SWT sekali gus menonjolkan sumbangan alam kepada manusia menerusi sudut pandangan Falsafah Islam. Hasil kajian memaparkan terdapat interaksi di antara manusia dan alam sekitar yang terbentuk hasil daripada gabungan persekitaran, kefahaman dan nilai yang dipamerkan menerusi tingkah laku manusia. Bukan itu sahaja, kajian bertajuk “Morality and Salvation in Malaysia’s Islamic Literature of The 1970s and ‘80s” oleh Ungku Maimunah (1994) telah mengkaji manifestasi akhlak dan peradaban dalam novel tersebut yang merupakan salah satu novel Islam Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa karya tersebut menegaskan Islam sebagai pegangan hidup selaras dengan matlamat hidup manusia iaitu mencapai keredhaan Allah SWT dan kesejahteraan sesama manusia.

Selain itu, karya sastera Melayu sangat menitikberatkan perkongsian isi, mesej dan pengajaran dalam usaha membentuk modal insan yang dihiasi dengan nilai keindahan karya yang boleh dikaji menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) telah menggunakan teori tersebut dalam dalam kajian yang bertajuk “Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu”. Kajian beliau mendapati bahawa nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat berperanan penting dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai medium dakwah. Pengaplikasian teori tersebut berjaya memaparkan bahawa sastera Melayu merupakan perutusan yang sarat dengan nilai dan nasihat sebagai pengajaran dari generasi ke generasi. Hal ini disokong oleh Osman Ayob (2020) apabila kajian beliau yang bertajuk “Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I” berpandukan pendekatan dakwah yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah

merungkaikan segala persoalan dakwah dalam kumpulan cerpen yang dikaji. Pengaplikasian teori tersebut telah menonjolkan kepelbagaian rencah kehidupan merangkumi aspek takwa, keadilan, ilmu dan taubat sebagai prinsip kehidupan orang-orang Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Allah SWT.

Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, didapati telah ada kajian-kajian yang meneroka karya *Di Sebalik Sebuah Kubah*. Namun begitu, tidak ada kajian terhadap karya *Di Sebalik Sebuah Kubah* yang menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka utama kajian. Bukan itu sahaja, penggunaan teori Pengkaedahan Melayu didapati sangat relevan untuk diaplikasikan bagi merungkai mesej-mesej keagamaan sebagai manifestasi kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, menyedari hakikat ini, makalah ini akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka utama untuk mengkaji karya *Di Sebalik Sebuah Kubah* yang sarat dengan mesej-mesej keagamaan sebagai medium dakwah bagi pembaca.

OBJEKTIF


Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej-mesej keagamaan yang terdapat di dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Salleh (1986) menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1980-an.

KERANGKA TEORETIS

Kajian ini menggunakan kerangka Teori Pengkaedahan Melayu yang telah dicetuskan oleh Hashim Awang pada tahun 1980-an. Beliau telah mencetuskan teori ini kerana mendapati wujudnya kelemahan dan ketidaksesuaian penggunaan teori-teori barat dalam mengkaji karya-karya sastera tempatan. Selain itu, perbezaan kebudayaan dan kepercayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dan barat turut menjadi pendorong kepada beliau untuk menghasilkan satu teori yang sesuai digunakan untuk mengkaji karya sastera Melayu. Menurut Fadzilah dan Norazimah (2021), terdapat unsur moral di dalam teori ini yang begitu kuat sebagai satu percubaan ikhlas Hashim Awang untuk mengkonkritkan *world-view* Islam dalam kritikan sastera. Oleh itu, terhasillah satu teori sastera yang sering digunakan untuk mengkaji karya sastera Melayu yang mengandungi unsur-unsur keagamaan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Hashim Awang telah membahagikan teori Pengkaedahan Melayu kepada dua bahagian iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan yang saling berkaitan serta tidak boleh dipisahkan yang dibahagikan kepada tiga pendekatan seperti yang berikut:

Rajah 1

Teori Pengkaedahan Melayu



Pengkaedahan alamiah merujuk kepada faktor alam yang menjadi latar kehidupan di dalam novel. Teras pengkaedahan alamiah melibatkan cara hidup atau sikap masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Pengkaedahan Alamiah merangkumi tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

Pendekatan gunaan merupakan satu pendekatan yang didasari oleh satu anggapan bahawa sastera merupakan satu objek yang dihasilkan oleh objek lain yang merupakan ciptaan Tuhan iaitu manusia. Menurut Zurinah Hassan (2010), kejadian atau ciptaan yang berlaku mempunyai sebab, hikmah, fungsi tujuan serta ukuran dan imbangan. Secara ringkasnya, sastera dari sudut pendekatan gunaan merupakan satu objek yang boleh memberi kesan kepada manusia. Pendekatan moral lebih bersifat kepada pengalaman hidup seseorang iaitu segala peristiwa yang dilalui oleh manusia dan berkaitan dengan manusia berkenaan serta suasana persekitarannya. Peristiwa yang berlaku tidak kira positif atau negatif mestilah dapat dijadikan pengajaran dan teladan oleh khalayak pembaca.

Pendekatan firasat menganggap sastera mampu memberikan pengalaman kepada manusia dan pengalaman tersebut sering dikaitkan dengan mimpi. Pencarian makna mimpi tersebut atau dikenali sebagai tadbir iaitu proses untuk menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya (Che Abdullah, 2018). Dalam konteks ini, sastera boleh dikatakan serupa dengan suatu mimpi iaitu kejadian yang mengandungi makna atau pengertian untuk dirungkaikan. Bahagian kedua teori Pengkaedahan Melayu ialah pengkaedahan keagamaan yang bersandarkan keimanan yang bersendikan akidah agama Islam. Sumber rujukan utama dalam pengkaedahan ini ialah al-Quran dan hadis. Pengkaedahan Keagamaan menonjolkan sifat keagungan Allah dan meningkatkan ketakwaan manusia kepada Allah menerusi sesebuah karya sastera yang merangkumi pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pendekatan dakwah melihat sastera sebagai satu medium untuk meningkatkan ketakwaan seorang insan terhadap Allah. Sastera di dalam pendekatan dakwah dianggap sebagai kitab yang digunakan manusia untuk mendekati diri kepada Allah sehingga timbul rasa kecintaan dan kehormatan yang lebih besar kepada Allah menerusi nilai kesucian Islam yang ditonjolkan (Che Abdullah, 2018).

Seterusnya, pendekatan kemasyarakatan yang berperanan sebagai medium untuk mendedahkan kehidupan manusia yang baik dan sempurna. Segala persoalan berkaitan tujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat selari dengan tuntutan Islam akan dibangkitkan dalam pendekatan ini. Akhir sekali ialah pendekatan seni yang menjadikan unsur keindahan dalam karya sastera sebagai persoalan utama iaitu nilai-nilai estetika dan etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman Islam. Estetika dalam penulisan Islam merangsang minda penulis untuk menggunakan perkataan yang sah dan sahih, sedap didengar dan indah dari segi bunyi serta makna. Pendekatan seni signifikan dalam meneliti sesebuah sastera untuk memaparkan keindahan dan kesucian Islam. Ringkasnya, Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai landasan analisis dalam kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya yang memerlukan proses penerokaan bagi mengumpul data, menganalisis data dan memproses data yang diperolehi. Menurut Crawford & Irving (2009), kajian yang berbentuk kualitatif merupakan kajian yang melibatkan proses penerokaan. Kaedah ini diaplikasikan untuk meneroka karya *Di Sebalik Sebuah Kubah* dari aspek mesej-mesej keagamaan dan dakwah Islamiah sesuai dengan kerangka Pengkaedahan Melayu. Kaedah ini dapat menentukan sama ada pengarang menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu dalam hasil karyanya bagi merungkai unsur-unsur keagamaan dalam novel tersebut. Kajian ini turut menggunakan kaedah kepustakaan bagi memperolehi sebanyak mungkin maklumat dan rujukan yang relevan untuk melengkapkan kajian kerana dapat membantu proses pemerolehan data dan bukti yang konkrit (Nirwana & Zulkifley, 2016). Kajian ini, telah memanfaatkan novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* sebagai bahan kajian untuk memperoleh bukti-bukti berkaitan mesej-mesej keagamaan dalam novel tersebut. Jurnal atas talian, buku-buku ilmiah, kertas-kertas kerja seminar dan tesis turut digunakan untuk memperoleh informasi berkaitan teori dan maklumat yang bersifat sekunder bagi menyokong kajian. Teknik pembacaan mendalam (*close reading technique*) turut diaplikasikan bagi mendapatkan pemahaman sepenuhnya terhadap bahan yang dibaca kerana sangat

berkesan untuk meningkatkan pemahaman bacaan seseorang. Hal ini memudahkan proses pemerolehan idea-idea pokok, pemerincian fakta-fakta dan pemerolehan informasi tambahan dalam novel. Pembacaan yang mendalam terhadap novel dilakukan bagi memudahkan kerja-kerja menganalisis novel menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu merangkumi aspek konteks dan kontekstual menggunakan pendekatan-pendekatan yang terdapat dalam teori tersebut.

DAPATAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, penerapan Teori Pengkaedahan Melayu adalah sangat signifikan dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* yang mendapati bahawa pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan diterapkan menerusi pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Namun begitu, pendekatan firasat didapati tidak diterapkan dalam novel ini kerana tiada peristiwa yang melibatkan mimpi yang memiliki makna tersirat. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan dapatan daripada penganalisan terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*:

Jadual 1

Penerapan teori Pengkaedahan Melayu dalam novel Di Sebalik Sebuah Kubah

Data/Novel	Teori Pengkaedahan Melayu					
	Pengkaedahan Alamiah			Pengkaedahan Keagamaan		
	Firasat	Gunaan	Moral	Dakwah	Kemasyarakatan	Seni
Di Sebalik Sebuah Kubah		/	/	/	/	/

PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual di atas, hasil analisis mendapati bahawa wujudnya penerapan pengkaedahan alamiah menerusi pendekatan gunaan dan pendekatan moral dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*. Namun begitu, pendekatan firasat tidak diterapkan dalam novel tersebut kerana tiada data yang menunjukkan kewujudan pendekatan tersebut. Pengkaedahan keagamaan pula menunjukkan penerapan ketiga-tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni dalam novel. Pengaplikasian kedua-dua pengkaedahan tersebut yang merangkumi lima daripada enam pendekatan membuktikan kekuatan novel ini sebagai sastera Islam bagi menyampaikan mesej keagamaan dan mencerminkan keindahan agama Islam. Jelaslah bahawa pengarang telah menzahirkan unsur keislaman menerusi pencitraan pemikiran dan falsafah Islam dalam karyanya.

Pendekatan Dakwah

Pendekatan dakwah melihat sesebuah karya sastera sebagai medium dakwah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan pembaca kepada Allah menerusi paparan kesucian agama Islam. *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Salleh memperlihatkan unsur penyebaran dakwah kepada masyarakat Melayu menerusi penonjolan isi, mesej dan konsep keislaman di dalam novel. Menurut Mohd Zaid dan Mohd Nor (2019) dakwah merupakan suatu usaha untuk membawa manusia ke arah yang benar menerusi ajaran Islam, melaksanakan segala arahan Allah SWT di atas muka bumi dan menghambakan diri kepada Allah SWT agar menuju ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT. Penyampaian dakwah dalam *Di Sebalik Sebuah Kubah* digambarkan menerusi watak Tuk Guru Naim yang merupakan guru kepada Haji Jamalul yang memenuhi tuntutan umat manusia menyampaikan ilmu-ilmu untuk mengenal Maha Pencipta. Pemfokusan dakwah ditonjolkan

menerusi kehadiran guru agama sebagai wahana penyebaran ilmu kepada murid-muridnya yang menekankan ilmu tauhid di dalam novel iaitu tentang amalan zikir dalam kalangan umat Islam. Tuk Guru Naim menerangkan tentang amalan zikir kepada anak didiknya yang meliputi zikir secara lisan dan zikir hati yang dapat dilihat melalui petikan berikut:

Bagi orang-orang sufi, berzikir dengan lidah adalah merupakan langkah awal. Hakikat zikir yang sebenarnya ialah menyebut nama Allah di dalam hati. Bila hati berzikir, seluruh anggota akan turut berzikir sama dengan caranya yang tersendiri. Bila sudah sampai ke tahap ini, zikir lidah hamba Allah yang berkenaan semakin kurang. Berzikir di sudut hati, kesannya sekaligus berterap ke seluruh anggota. Apabila ini sudah berterap, hawa nafsu dan perasaan waswas dari godaan syaitan akan hancur lebur lalu terpancarlah cahaya tajalli dan makrifat Allah.

(Harun Haji Salleh, 1986, p. 12)

Menerusi petikan tersebut, pengarang menerusi watak Tuk Guru Naim telah menekankan kepentingan zikir kepada umat Islam. Zikir merupakan salah satu ibadah yang disyariatkan dalam Islam yang telah dijelaskan galakan, pelaksanaan dan kelebihan berzikir menerusi ayat al-Quran dan hadis. Pendekatan dakwah jelas dipaparkan menerusi petikan tersebut yang menyeru umat Islam agar sentiasa berzikir untuk mengingati Allah SWT dalam setiap kesempatan yang ada. Tuk Guru Naim jelas mengingatkan anak didiknya agar berzikir kepada Allah SWT iaitu meliputi zikir lisan dan zikir hati kerana apabila mereka berzikir, seluruh anggota tubuh mereka turut berzikir kepada Allah SWT. Bukan itu sahaja, sebaiknya zikir adalah zikir hati iaitu sentiasa mengingati Allah SWT serta merasai kebesaran dan ketinggian kedudukan Allah SWT di dalam jiwanya sehingga menjadi umat yang rendah diri dan takut kepada Allah SWT. Amalan zikir dapat membantu umat Islam meningkatkan keimanan sehingga semua hawa nafsu, perasaan was-was dan godaan syaitan akan dapat mereka tepiskan.

Jelaslah bahawa terdapat unsur dakwah yang diterapkan oleh pengarang di dalam karyanya menerusi peringatan kepada khalayak tentang amalan zikir yang amat dituntut dalam Islam. Pengarang ingin membuka mata khalayak tentang kepentingan amalan zikir yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam sebanyak mungkin dalam semua kesempatan yang ada agar dapat menyucikan hati dan mendekati diri kepada Allah SWT. Menurut Mohd Anuar dan Muhammad Mustaqim (2019), amalan zikir amat digalakkan dalam Islam berdasarkan pelbagai dalil al-Quran dan hadis kerana umat yang berzikir akan mendapat pahala dan keampunan Allah, menyucikan hati serta melemahkan dorongan nafsu. Justeru, terbukti bahawa sastera mampu menjadi medium dakwah yang membicarakan tentang keunggulan dan kehebatan Islam agar. Tegasnya, dapat kita lihat bahawa orientasi dakwah yang diketengahkan dalam novel ini dapat membentuk insan yang memenuhi ciri-ciri Muslim sejati.

Pendekatan kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan diaplikasikan untuk merungkai segala kepincangan dalam kalangan masyarakat dalam karya sastera. Hal ini kerana, karya sastera dianggap sebagai cerminan masyarakat iaitu mendedahkan segala persoalan yang berlaku dalam masyarakat. Watak-watak yang beriman dan beramal soleh juga sering ditonjolkan dalam karya untuk mengingatkan manusia supaya menjalankan perintah Allah seperti mendirikan solat, berpuasa, membayar zakat dan sebagainya. Secara ringkasnya, pendekatan masyarakat menunjukkan bahawa satu karya sastera tersebut merupakan cerminan masyarakat yang hidup di dunia nyata yang memfokuskan kepada kesejahteraan masyarakat. Pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* dapat dilihat secara jelas menerusi sifat penduduk Kampung Api-api yang saling

berganding bahu untuk mendirikan masjid yang boleh dijadikan teladan oleh khalayak. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan yang berikut:

Mereka sebulat suara bersetuju untuk menghulurkan derma seberapa yang termampu bagi menambah wang yang telah terkumpul. Di muka mereka masing-masing tergambar harapan supaya pembinaan masjid yang mereka idamkan itu disegerakan seberapa boleh. Dan masing-masing juga telah melafazkan ikrar akan turut sama bergotong-royong meratakan tanah tapak masjid yang telah diluluskan itu. Kemudian mereka akan bergotong-royong pula membina masjid itu sebaik-baik saja bahan-bahan binaannya diperolehi kelak.

(Harun Haji Salleh, 1986, p. 48)

Berdasarkan petikan tersebut, watak para penduduk Kampung Api-Api jelas memaparkan mereka mencintai kesejahteraan bersama dengan saling berbuat kebaikan demi merealisasikan impian mendirikan sebuah masjid. Hal ini kerana, Islam amat menuntut penganutnya untuk sentiasa bekerjasama dalam melakukan sesuatu di samping mengeratkan lagi jalinan ukhuwah sesama mereka agar mampu melahirkan sebuah masyarakat yang hidup secara harmoni. Tuntutan ini secara jelas telah dipenuhi oleh penduduk Kampung Api-api yang bekerjasama dalam menjayakan proses pembinaan masjid. Buktinya, mereka tanpa sebarang paksaan dan secara sukarela bersetuju untuk menyumbang dengan cara memberi derma supaya pembinaan masjid yang mereka inginkan dapat dilaksanakan. Selain itu, mereka turut berjanji akan bersama-sama bergotong-royong untuk meratakan tanah tapak pembinaan masjid dan bekerjasama untuk membina masjid apabila mereka telah memperoleh bahan-bahan binaan. Perbuatan mereka untuk bersama-sama membina masjid merupakan satu perbuatan yang mulia sekali gus menggambarkan sikap masyarakat yang inginkan keharmonian bersama. Menurut Mariam & Marlon (2016), masjid merupakan sebuah tempat untuk beribadat, menyampaikan ilmu, mengadakan perbincangan hal ehwal berkaitan pentadbiran, persaudaraan dan tempat untuk merealisasikan segala agenda yang berkaitan perpaduan umat Islam. Justeru, umat yang sering memuliakan masjid juga akan dimuliakan oleh Allah. Oleh itu, penerapan pendekatan kemasyarakatan oleh pengarang dilihat berkeupayaan menyedarkan pembaca akan kepentingan hubungan masyarakat yang harmoni sekali gus memberikan gambaran positif sekiranya amalan memuliakan masjid ini kekal diamalkan dalam kalangan masyarakat.

Pendekatan seni

Pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai estetika dan aspek unsur keindahan yang ada pada karya agar unsur tersebut dapat dijadikan sebagai persoalan pokok. Pendekatan seni memfokuskan kepada unsur keindahan dalam sastera yang berasaskan sumber al-Quran dan hadis (Fadzilah & Norazimah, 2021). Pendekatan seni diaplikasikan untuk menilai aspek dalaman dan luaran sesuatu karya sastera agar aspek keindahan sastera dapat dijadikan persoalan utama. Keindahan luaran dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* ditonjolkan menerusi gaya bahasa dan aspek binaan teks iaitu pengarang telah menggunakan ayat-ayat al-Quran. Penggunaan ayat al-Quran adalah bertujuan untuk mengukuhkan tapak-tapak asas Islam merangkumi keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT. Bukti petikan tersebut wujud di dalam novel ialah:

Mereka terpaksa pergi untuk menjalankan tugas harian masing-masing. Menyaksikan keadaan itu, semacam terdengar bisikan halus suatu firman Allah ke telinga Haji Jamalul.

Selesai saja menunaikan sembahyang hendaklah kamu bertebaran di bumi ini untuk mencari rezeki yang halal. Dan ingatlah sebanyak-banyaknya kepada aku nescaya apa yang kamu usahakan diberkati.

(Harun Haji Salleh, 1986, p. 68)

Petikan tersebut membuktikan wujudnya penggunaan ayat al-Quran iaitu firman Allah SWT dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* yang memainkan peranan signifikan untuk dijadikan rujukan dan panduan oleh khalayak pembaca. Firman Allah SWT tersebut merupakan pesanan kepada hamba-hamba-Nya di muka bumi ini untuk keluar mencari rezeki setelah selesai menyelesaikan tuntutan ibadah solat subuh. Hal ini bermakna, pengarang ingin menyedarkan pembaca bahawa menerusi firman tersebut, Allah SWT telah memerintahkan manusia agar tidak membuang masa dengan menyegerakan usaha mencari rezeki yang halal dan mengelakkan rezeki yang haram. Walau bagaimanapun, sebagai umat Islam yang bertakwa, setiap rezeki yang diperolehi mestilah didahului dengan memunajatkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT agar usaha dan rezeki yang diperolehi, diberkati oleh Allah SWT. Hal ini kerana, tidak ada yang berkuasa mengurniakan rezeki kepada manusia melainkan Allah SWT kerana Allah adalah Maha Pemberi dan sentiasa melimpahkan rezekinya kepada hamba-Nya yang sentiasa bersyukur melalui sujud setiap kali mereka mengerjakan solat.

Pendekatan seni di dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* telah memaparkan nilai keislaman dan pemikiran keagamaan yang signifikan. Hal ini kerana, Islam amat menuntut umatnya keluar mencari rezeki terutamanya setelah solat subuh. Hal ini disokong oleh Robiatul et al. (2014), yang menyatakan bahawa Allah SWT menciptakan waktu siang khusus untuk hamba-Nya bekerja, berusaha dan mencari rezeki. Oleh itu, berdasarkan petikan tersebut, pengarang hendak menyampaikan pemikiran estetika dan etika Islam menerusi tuntutan mencari rezeki yang halal yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sepertimana dalam firman-Nya. Manusia akan berusaha dengan lebih gigih demi mencapai taraf hidup yang lebih sempurna dan segala yang diusahakan adalah semata-mata kerana Allah. Hal ini sekali gus membuktikan keindahan Islam dalam mendidik manusia agar sentiasa berusaha mencari rezeki dan sentiasa merafakkan kesyukuran atas setiap rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Selain itu, gaya bahasa yang menggunakan bahasa Arab yang terdapat dalam al-Quran turut terdapat di dalam novel yang merupakan tanda penerapan pendekatan seni. Contohnya, penggunaan perkataan “*Alhamdulillah*” dan “*Astaghfirullah*” (Harun Haji Salleh, 1986, p.28, & p.69) untuk menyerlahkan keimanan, ketakwaan, dan kecintaan kepada Allah SWT. Perkataan “*Alhamdulillah*” merupakan pengucapan yang memuji Allah sebagai Tuhan yang Maha Pemurah. Ungkapan perkataan ini dapat menandakan rasa kesyukuran kepada Allah atas segala nikmat yang telah dikurniakan di dunia ini. Bagi perkataan “*Astaghfirullah*” pula melambangkan pengucapan seorang umat yang menyesali kesilapan yang telah dilakukan. Hal ini merangkumi kesilapan yang dilakukan secara fizikal menerusi pancaindera, mahupun hati. Penggunaan kata-kata tersebut jelas membuktikan bahawa pengarang ingin menonjolkan unsur keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT menerusi gaya bahasa yang berteraskan al-Quran. Hal ini semakin menyerlahkan nilai estetika Islam agar khalayak pembaca sentiasa mengingati Allah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, penggunaan gaya bahasa ini bukan sahaja membuktikan pengarang telah menyerap unsur Islamik namun turut berperanan sebagai panduan kepada khalayak pembaca menerusi pendekatan seni.

Pendekatan moral

Pendekatan moral menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang mereka alami. Segala ragam dan perlakuan tersebut akan dinilai sama ada positif ataupun negatif supaya dapat dijadikan pengajaran atau contoh teladan yang baik kepada khalayak pembaca. Selain itu, moral juga merupakan satu rangkuman aspek-aspek seperti perbuatan, tingkah laku dan ucapan seseorang semasa berinteraksi dengan orang lain. Menurut Bertens (2003), moral merupakan satu perkara yang dilakukan seseorang dan boleh diterima oleh sesebuah masyarakat. Pendekatan moral di dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* jelas diperlihatkan menerusi watak Jamalul yang menunjukkan aspek moral yang positif menerusi tingkah lakunya yang digambarkan oleh pengarang. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan berikut:

Walaupun perasaan Jamalul sudah mula cemas, namun digagahnya juga dengan secekal mungkin. Perintah Tuk Guru Naim supaya jangan meninggalkan kemudi terus dipatuhi walaupun badannya terhuyung-hayang dan sudah basah kuyup. Maut di tangan Allah. Dialah Yang Maha Mengetahui dan Dialah Yang Maha Penentu, bisik hati kecilnya dengan penuh bersemangat.

(Harun Haji Salleh, 1986, p. 36)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang menerusi watak Jamalul menunjukkan dua nilai moral positif yang boleh dijadikan contoh oleh pembaca. Moral positif yang pertama ialah Jamalul dilihat sebagai insan yang patuh akan arahan yang disampaikan oleh pemimpin, iaitu Tuk Guru Naim. Jamalul dan Tuk Guru Naim sebenarnya sedang bertarung nyawa untuk membebaskan diri mereka dari badai ombak kuat yang melanda. Tuk Guru Naim mengarahkan Jamalul untuk terus memegang kemudi kapal dan tidak melepaskannya. Walaupun berada dalam situasi genting, Jamalul tetap memberanikan diri dan terus mengemudi kapal seperti yang diarahkan oleh Tuk Guru Naim. Moral positif kedua yang dapat dilihat adalah hamba Allah yang tidak sesekali melupakan Allah dalam apa-apa situasi yang dihadapi. Walaupun sedang berhadapan dengan situasi yang mengerikan, Jamalul masih tidak melupakan Allah dan sempat berbisik di dalam hatinya. Dalam bisikan hatinya, dia berserah kepada Allah sepenuhnya jika berlaku perkara yang tidak diingini.

Hasil analisis membuktikan bahawa dua moral yang diperoleh merupakan moral positif yang boleh dijadikan contoh oleh khalayak pembaca. Pengarang menekankan dua moral positif iaitu ketaatan kepada pemimpin dan hamba yang tidak melupakan Allah dalam apa-apa sahaja situasi. Islam sangat menuntut penganutnya untuk taat kepada pemimpin selagi pemimpin tersebut tidak melakukan kemungkaran dan apa-apa perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam. Menurut Muhammad Khairi (2018), memimpin merupakan satu proses yang melibatkan kemahiran merancang, menguat kuasa, membimbing, mentadbir, menggubal polisi, mengurus, memandu, menunjuk, dan mendidik ahli-ahli dibawah pimpinan untuk mencapai matlamat melalui peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah. Islam merupakan satu agama yang mendasarkan kepatuhan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah. Hal ini kerana, umat yang sentiasa mengingati Allah merupakan umat yang patuh dan bertakwa kepada-Nya. Oleh itu, jelaslah bahawa pengarang jelas menekankan nilai moral positif di dalam karya sasteranya sebagai mesej keagamaan yang mampu dijadikan teladan oleh khalayak pembaca agar dapat memperbaiki diri menjadi umat Islam yang sejati.

Pendekatan gunaan

Pendekatan gunaan melihat karya sastera sebagai suatu objek yang mempunyai sebab, hikmat, fungsi, tujuan, ukuran serta imbalan sama seperti objek-objek ciptaan Allah yang lain (Fadzilah & Norazimah, 2021). Sastera diciptakan untuk dimanfaatkan oleh manusia kerana dilihat sebagai suatu objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmat dan fungsinya yang tertentu. Kejadian alam yang digunakan oleh pengarang sebagai perlambangan di dalam karyanya memiliki tujuan yang tersendiri yang perlu diterokai maknanya oleh pembaca sendiri berdasarkan isi dan struktur teks. Hasil analisis mendapati wujudnya penerapan pendekatan gunaan dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* apabila pengarang memanfaatkan alam ciptaan Allah SWT bagi menjelaskan tentang kesungguhan anak muda yang merantau menuntut ilmu jauh dari tempat asalnya. Perlambangan tersebut dapat dilihat dalam petikan tersebut:

"Apakah ilmu yang ada pada orang tua macam saya ni," ujar Tuk Guru Naim merendah diri. Muka Jamalul direnungnya lagi.

"Masakkan anak seluang bersusah payah mudik ke hulu kalau di hulu airnya kering-kontang dan tak punya apa-apa," jawab Jamalul selamba.

(Harun Haji Salleh, 1986, p. 8)

Petikan di atas menggambarkan bahawa pengarang telah menggunakan objek alam iaitu 'seluang' dan 'hulu'. 'Seluang' merujuk kepada salah satu spesies ikan yang tergolong dalam spesies Rasbora, manakala 'hulu' pula merujuk kepada sungai. Pengarang menggunakan unsur alam ini bagi mengidentifikasikan 'anak seluang' sebagai diri Jamalul yang sanggup merantau jauh ke 'hulu' iaitu Tanjung Tualang dengan penuh susah payah hanya kerana ingin menuntut ilmu daripada Tuk Guru Naim. Menerusi petikan dialog tersebut, pengarang telah menganalogikan watak Jamalul sebagai ikan seluang kerana Jamalul persis seperti ikan seluang yang memiliki kebiasaan yang unik iaitu sering berpindah tempat untuk mencari sumber makanan. Hal ini sangat persis seperti sifat Jamalul yang sanggup merantau kerana Jamalul digambarkan sebagai pemuda Islam yang dahagakan ilmu agama. Unsur alam yang digunakan pengarang menggambarkan diri Jamalul yang tidak takut akan risiko yang dihadapi ketika dalam perjalanan ke Tanjung Tualang kerana yakin bahawa tempat yang ditujuinya itu penuh dengan ilmu agama yang ingin dituntut bagi menjadi insan yang kamil. Sekiranya dilihat menerusi konteks agama Islam, Allah SWT menyeru hamba-Nya agar mengembara di muka bumi untuk mencari ilmu kerana menerusi ilmu, darjat seseorang akan dapat diangkat.

Bukan itu sahaja, pada masa ini, banyak golongan muda keluar merantau menuntut ilmu di pusat pengajian tinggi pilihan masing-masing dengan keazaman yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pengarang telah mewujudkan perlambangan yang jelas bagi menjelaskan usaha seorang umat Islam yang merantau mencari ilmu di muka bumi ini jauh dari tempat asalnya dengan memanfaatkan objek alam iaitu seekor ikan seluang yang berpindah tempat tanpa sedikit rasa ragu dan takut akan rintangan sehingga usaha tersebut membuahkan hasil. Salinah Jaafar (2017) menyatakan bahawa objek alam sering digunakan bagi mengungkapkan pelbagai makna tentang amalan dan budaya kehidupan masyarakat Melayu agar karya tersebut mengandungi mesej yang berguna sebagai sumber pembentukan sahsiah manusia. Justeru, pengarang dengan jelas telah mengaplikasikan unsur alam dalam karyanya bagi menekankan kepentingan pengembaraan menuntut ilmu untuk umat Islam bagi meningkatkan keimanan kepada Allah dan membangunkan peradaban dunia Islam.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil penganalisisan terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* memperlihatkan unsur keagamaan dan keislaman yang ingin diketengahkan oleh pengarang. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu berjaya memperincikan dan merungkai mesejmesej keagamaan menerusi beberapa pendekatan bagi membuktikan manfaat novel tersebut kepada khalayak kerana mengajak manusia untuk beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Hal ini membuktikan bahawa karya sastera mampu menjadi medium untuk mengembangkan pemantapan Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis bagi memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam. Penggunaan teori ini juga telah merungkai segala persoalan dan permasalahan bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan insan bagi mengamalkan nilai-nilai penghayatan Islam sebagai pegangan hidup. Segala mesej keagamaan dan pemikiran dakwah dirungkaikan menerusi lima pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, pendekatan seni, pendekatan gunaan dan pendekatan moral. Pengarang telah menjadikan karyanya sebagai kanvas untuk memperlihatkan keindahan dan kesempurnaan Islam sehingga menarik minat khalayak untuk menelaah karyanya. Justeru itu, penulisan karya-karya sastera Islam sebegini wajar dipergiatkan kerana memberi impak yang besar dalam bidang kesusasteraan bagi membuka mata dan minda pembaca untuk menghayati ajaran Islam bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Asmiaty Amat & Tuan Sanira. (2016). Nilai keislaman dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* dan *Hidayah* karya Harun Haji Salleh. In Saidatul Nornis Mahali & Asmiaty Amat (Eds), *Rajut agama dan budaya* (pp. 95-114). Penerbit UMS.
- Bertens, K. (2003). *Etika dan moral untuk pengajian tinggi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328340.
- Crawford, J. & Irving, C. 2009. Information literacy in the workplace: a qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41(1), 29-38.
- Fadzilah Kassim & Norazimah Zakaria. (2021). Fungsi tumbuhan dalam pantang larang Melayu berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 59-77.
- Harun Haji Salleh. (1986). *Di sebalik sebuah kubah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamaruddin & Maharam Mamat. (2002). Perspektif alam sekitar menurut Falsafah Islam dalam novel *Hidayah* dan *Di Sebalik Sebuah Kubah*: Satu analisis awal. In Ong, P. L., Ruzy Suliza Hashim, & Mokhtar Jaafar (Eds), *Prosiding 1: prosiding symposium kebudayaan Indonesia-Malaysia kelapan (SKIM 8)*. *Prosiding Simposium kebudayaan Indonesia-Malaysia ke-8*, Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng. (2016). Masjid dan aplikasi pendekatan dakwah terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 31-48.
- Mohd Anuar Mamat & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2019). Keperluan zikir dalam pembelajaran menurut manuskrip Melayu: Kajian terhadap MSS 2906 Tibyan alMaram. *Journal of Al-Tamaddun*, 14 (1), 37-51.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai baik hati menerusi Cerita Rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4 (2), 48-75.
- Mohd Zaid Ismail Ismail & Mohd Nor Adli Osman. (2019). Dakwah terhadap golongan remaja: Satu kaedah pendekatan. *International Research Journal of Syariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 40-45.
- Muhammad Khairi Mahyuddin. (2018). Kepimpinan berdasarkan kecerdasan hati dalam Islam. *Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah*, 11, 1-8.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-158.
- Osman Ayob, Roslan Chin, & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8 (2), 49-59.

Robiatul Adawiyah Mohd, Norzulaili Mohd Ghazali, Abdul Karem Toure, Noornajihan Jaafar, & Zainah Moktar. Signifikan ibadat harian dengan rentak circadian. *Ulum Islamiyyah Journal* 13, 55-75.

Rosni Samah. 2015. Perkembangan sastera Islam dalam perkembangan sastera arab moden. *International of the Malaya World and Civilisation*, 3(2), 1-5.

Salinah Jaafar. (2017). Unsur alam dan masyarakat dalam teks terjemahan Bahasa Melayu surah Ar-Rahman. *International Journal of the Malay World and Civilization*, 5(3), 123.

Ungku Maimunah Mohd Tahir. (1994). Morality and salvation in Malaysia's Islamic Literature of the 1970s and '80s. *Jurnal Akademia*, 45, 79-97.

Zurinah Hassan. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu moden*. Universiti Kebangsaan Malaysia

PEMAKNAAN LAMBANG DALAM SAJAK SAZALEE YACOB : REKAYASA SEMIOTIK PEIRCE

Muhd Syafiq Farhan Mohammad1

muhd23-356@epembelajaran.edu.my

Vanessa Vynn Aline2

vanessa23-1238@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Teknik penulisan dalam sesebuah karya sastera adalah cerminan dari legasi pemikiran dan keperibadian seseorang penulis. Pengungkapan diksi, lambang, tanda dan gaya serta langgam bahasa yang dihasilkan penulis meletakkan puisi mereka dalam kategori yang tertentu. Puisi seperti sajak merupakan antara genre yang dianggap sukar untuk difahami dari aspek pengayaan bahasa yang digunakan. Diksi yang minimum tetapi sarat dengan lambang dan tanda menuntut pembaca untuk mentafsir dari pelbagai sudut persepsi dengan daya intelektual tersendiri. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis pemaknaan lambang-lambang dalam puisi Melayu moden, iaitu sajak yang bertajuk Pesan Lelaki Kecil Kepada Gadis Kampus (PLKKGK) nukilan Sazalee Yacob (2016). Makalah ini mengaplikasikan kaedah kualitatif, menumpukan kepada analisis teks secara tekstual dan kontekstual dengan menggarapkan Teori Semiotik Peirce (1965) oleh Charles Sander Peirce yang menggagaskan tiga penggunaan lambang iaitu ikon, indeks dan simbol sebagai landasan utama kajian ini. Dapatan analisis memperlihatkan bahawa sajak PLKKGK sarat dengan penggunaan lambang-lambang dan tanda menerusi banyak ungkapan ekspresi serta hubungan penanda dengan mesej puisi yang memerlukan pemaknaan mendalam serta menepati ketiga-tiga lambang yang digarapkan dalam Teori Semiotik Peirce (1965). Sifat ketaksaan diksi serta lambang di dalam sajak ini bersandarkan penyampaian harapan seorang ayah terhadap anak gadisnya menyerlahkan lagi keunggulan sifat estetikanya. Intihanya, Teori Semiotik Peirce berupaya menyirati makna bagi lambang-lambang dalam sajak PLKKGK sekali gus menjadi pemangkin daya berfikir yang tinggi serta wadah menyalurkan mesej dan akal budi kepada pembaca.

Kata kunci: *Teori Semiotik Peirce, sajak, lambang, makna, ikon, indeks, simbol*

PENGENALAN

Ketaksaan dan kekaburan diksi dan lambang merupakan daya tarikan untuk menyampaikan nilai estetika dalam penikmatan karya sastera. Kesusasteraan Melayu moden bukan satu bentuk pernyataan yang muncul dengan mendadak namun lebih kepada satu pertembungan daripada bentuk-bentuk pernyataan yang telah sedia wujud dalam masyarakat Melayu sebelumnya (Yahaya Ismail, 1976). Salah satu keunggulan karya sastera yang dianggap penting ialah keindahan dan makna, yang tercermin baik dalam sistem imej mahupun dalam susunan kata (Braginsky, I.V., 1994). Puisi moden ialah sajak yang merupakan karangan bebas dan tidak terikat pada jumlah baris, perkataan sebaris, suku kata sebaris, rangkap dan rima.

Puisi menuntut pengkaryanya mempunyai pemikiran yang mendalam dan tinggi di samping melibatkan perasaan yang sangat sensitif (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2010). Sastera, yang dibahagikan kepada dua, iaitu tradisional dan moden menuntut pembaca untuk mentafsir dari pelbagai sudut persepsi dengan daya intelektual tersendiri. Mat Jani Hassan (1998) menjelaskan bahawa puisi merupakan karangan atau hasil sastera yang mempunyai rangkap dan bunyinya pula

lebih berirama, di mana kata-kata dan ungkapan di dalam rangkap itu dipilih dengan begitu teliti supaya dapat menghasilkan bunyi irama yang jelas. Puisi Melayu moden pula mempunyai akar dan dasar daripada puisi tradisional.

Rahman Shaari (1987) menjelaskan bahawa sajak ialah puisi Melayu moden yang muncul di Malaysia pada tahun 1930-an, hasil daripada perubahan sikap, pemikiran pandangan hidup dan beberapa aspek kehidupan hasil daripada pengaruh Barat. Puisi tradisional meliputi pantun, teromba, peribahasa, teka-teki, mantera dan prosa berirama, endoi, syair dan sebagainya manakala puisi moden ialah sajak. Menyebut mengenai puisi, sebenarnya satu aspek yang sangat luas dan penuh dengan unsur estetika dapat diamati. Puisi-puisi ini memperlihatkan keindahannya menerusi perkembangan dan liku-liku peradaban kehidupan serta kreativiti masyarakat yang menghasilkannya. Puisi lisan moden seperti sajak yang mengandungi nilai estetika yang melalui perlambangan, kebanyakannya menggunakan unsur alam, telah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu hari ini.

Sajak dan Kekaburannya

Sajak merupakan kesenian Melayu moden berbentuk hiburan yang disampaikan secara lisan iaitu pendeklamasian. Nur Dzai & Ramli Yusop (1992) mengujarkan terdapat dua jenis bentuk sajak iaitu bentuk dalaman dan bentuk luaran. Bentuk dalaman timbul daripada sesuatu idea manakala bentuk luaran merangkumi bentuk yang dapat dilihat seperti ukuran rangkap sama ada seimbang ataupun tidak. Pemilihan lambang seperti personifikasi dan metafora juga merupakan bentuk luaran sesuatu sajak (Nur Dzai & Ramli Yusop, 1992). Sajak ialah karangan berangkap yang dideklamasikan dengan nada. Lim, S. T. (2007) menyatakan ada lima nada sajak iaitu nada melankolik, nada romantik, nada patriotik, nada sinis dan nada protes. Sajak berasal daripada bahasa Arab iaitu *saja* yang bererti persamaan bunyi (Sahlan dan Shaiful, 2005). Sajak adalah tidak terikat tetapi masih mementingkan pemilihan kata yang ampuh untuk membawa kesan yang mendalam. Perkara yang menyumbang kepada keindahan sajak tersebut terletak pada sifat ketaksaannya melalui gaya bahasanya yang simbolik dan metaforikal yang memberi kesan yang mendalam pada jiwa manusia.

Jika diteliti dengan mendalam, sajak PLKKGK yang dikaji mengandungi beberapa fungsi yang menguatkan lagi unsur keindahannya dan retoriknya di samping penggunaan simbol dan bahasa yang menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana keindahan dalam sesebuah karya sastra Melayu juga didasarkan pada fungsinya. Namun, perkara tersebut bukanlah aspek utama yang akan dibincangkan dalam makalah ini. Fungsi utama sajak PLKKGK adalah untuk menzahirkan harapan seorang ayah terhadap anak gadisnya yang akan menuntut ilmu di menara gading. Harapannya terhadap anak gadis adalah supaya dia mampu hidup berdikari di tempat baharu dan menjadi tabah untuk menghadapi cabaran agar dapat memantapkan diri. Ayahnya juga beranggapan terdapat pengaruh dan budaya negatif yang tersebar luas kesan daripada pengaruh rakan sebaya melalui perkembangan media massa. Pada peringkat ini, hal berkenaan mencerminkan besarnya harapan ayahnya agar dirinya dapat membuat pertimbangan yang terbaik dan mengelakkan sikap yang negatif seperti sombong dan mementingkan status sebagai seorang mahasiswa di bandar.

Di samping itu, sajak berfungsi untuk menyalurkan akal budi kepada pembaca. Sajak mengandungi unsur pendidikan dan nasihat kepada masyarakat agar bijak menyesuaikan diri dan tidak dijerat oleh tindakan tidak bermoral melalui gambaran secara simbolik dan metaforikal untuk dijadikan nasihat dalam mendidik pembaca supaya sentiasa berhati-hati dalam membuat pilihan. Menerusi puisi sajak ini, pembaca dinasihatkan untuk berhati-hati kerana di tempat untuk menuntut ilmu, tetap wujud pengaruh negatif yang dapat melemahkan akal budi seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana isi kandungan dalam sajak dapat mendidik pembaca kerana mengandungi simbol-simbol yang bersesuaian untuk menerangkan situasi dan cabaran yang kian menghanyutkan kebanyakan penuntut di menara gading.

Keindahan puisi dalam kajian ini tertumpu kepada lambang dan makna yang diungkapkan dalam sajak. Permasalahan kajian bertitik-tolak daripada timbulnya keaburan dalam memahami lambang dan makna boleh menyebabkan salah faham dan salah tafsir kepada pembaca. Lambang yang diungkapkan mempunyai makna simbolik yang sukar difahami dan gaya bahasa yang digunakan juga sungguh metaforikal dengan permainan bahasa dan pemilihan diksi yang cukup indah, puitis dan ampuh terhadap kalangan pembaca. Justeru, keunggulan nilai estetika dan keindahan diperikan dengan gaya bahasa dalam penciptaan sajak ini.

Secara keseluruhannya, sajak mempunyai nilai keindahannya yang tersendiri sebagai wadah mengekspresikan batin dan akal pemikiran penyajak melalui apresiasi simboliknya. Dengan itu, penulisan ini akan lebih memfokuskan kepada analisis penggunaan lambang-lambang dalam sajak Sazalee Yacob yang bertajuk *Pesan Lelaki Kecil Kepada Gadis Kampus (PLKKGK)*, puisi moden Melayu berunsurkan nasihat akal budi yang telah disunting dan diterbitkan oleh Sasbadi Sdn. Bhd. pada tahun 2015.

SOROTAN LITERATUR

Kepentingan perlambangan dalam puisi terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji, dalam dan luar negara. Kajian tidak sekadar bertumpu kepada kajian puisi secara umum yang menjelaskan tentang kepentingan penciptaannya, tetapi juga kajian puisi yang lebih mengkhusus berteraskan pendekatan tertentu.

Mohamad Azmi Ab. Rahman (1997) misalnya, dalam kajian bertajuk ‘*Simbolisme Dalam Pantun Melayu*’ meneliti penggunaan simbol dalam pantun Melayu dengan menggunakan konsep simbolisme. Objektif kajian beliau adalah untuk memperlihatkan bahawa simbol sebagai salah satu unsur bahasa dan kod budaya turut memancarkan jalur budaya dan pemikiran masyarakat baik secara individu atau kelompok masyarakat yang mewakili zamannya. Dapatan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa simbol dari pembahagian simbolisme yang dilakukan didapati penggunaannya kerap di bahagian maksud pantun dengan mendukung makna di sebaliknya, manakala penggunaan simbol di bahagian pembayang pula biasanya sebagai hiasan semata-mata yang berfungsi sebagai pelengkap pada baris pantun.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Ahadi Sulissusiawan (2014) yang bertajuk ‘*Pantun Muhakam Dalam Adat Perkahwinan Melayu Sambas: Analisis Simbolisme*’ turut meneliti pantun dari aspek perlambangan atau simbol. Fokus utama dalam kajian beliau ialah mengkaji simbol-simbol dalam pantun perkahwinan yang diucapkan oleh muhakam. Berdasarkan analisis beliau terhadap pantun, beliau telah membahagikan empat konsep dalam merumuskan makna simbolik pantun adat perkahwinan Melayu Sambas. Empat kategori tersebut ialah kategori adat, kategori jantina, falsafah kehidupan yang berisikan makna simbolik dan akhir sekali ialah kategori adat dan budaya setempat.

Kajian lain seperti penulisan oleh Andry Hermawan (2010) yang bertajuk ‘*A Semiotic Analysis on Kim Addonizio’s Poems*’ bertujuan untuk menganalisis kewujudan lambang dalam puisi dengan menggunakan pendekatan semiotik Charles Sanders Peirce. Kajian ini meneliti tiga buah puisi oleh penyair terkenal Amerika Syarikat, iaitu Kim Addonizio. Andry Hermawan telah cuba menganalisis jenis simbol yang berbeza menerusi puisi-puisi yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap puisi mempunyai simbol atau lambang yang berbeza yang berfungsi mengikut maksud yang cuba disampaikan oleh penyair dalam satu-satu puisi. Hal ini demikian kerana setiap puisi yang dihasilkan mempunyai tema-tema yang tertentu, maka lambang yang digunakan juga adalah berlainan bagi setiap tema. Sebagai contoh, puisi yang bertajuk *What Do Women Want* menggunakan banyak perlambangan berunsur flora, iaitu bunga. Bunga merupakan lambang sejagat (*universal sign*) yang merujuk kepada wanita, manakala kumbang pula sering digunakan bagimerujuk lelaki.

Terdapat juga kajian lambang oleh Noriza Daud (2004) yang meneliti konsep lambang kata

nama dalam pantun bertemakan perbilangan adat dan keagamaan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1984) dalam Kumpulan Pantun Melayu yang diselenggarakan Zainal Abidin Bakar. Kajian ini menggunakan kerangka semiotik Sanat Mad Nasir, iaitu Model Semiotik Paling Luas (MSPL) bagi *Journal of Advanced Research Design* Volume 57, Issue 1 (2019) 1-20 5 meneliti lambang kata nama yang terdiri daripada lambang kata nama konkrit, lambang kata nama abstrak dan lambang kata nama ghaib. Hasil dapatan menunjukkan bahawa lambang-lambang dalam pantun keagamaan bersifat lambang kata nama literal, iaitu makna disampaikan secara terus, manakala bagi pantun perbilangan adat pula adalah bersifat lambang kata nama kiasan. Kajian yang dijalankan ini lebih cenderung membincangkan konsep lambang dari sudut keagamaan dengan berlandaskan kepada al-Quran dan Hadis. Ringkasnya, kajian seumpama ini amat sesuai dijadikan rujukan dalam bidang semiotik terutamanya kajian yang melibatkan karya-karya sastera tempatan.

Bertitik tolak pada itu, kajian oleh Mohamad Shaidan (2011) yang bertajuk 'Penjabaran Semiotik dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad' juga dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur semiotik yang paling dominan dalam puisi. Kajian ini menggunakan pendekatan semiotik yang dikemukakan oleh Charles Sander Peirce yang menumpukan kepada tiga jenis tanda, iaitu simbol, indeks dan ikon. Hasil dapatan menunjukkan puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad lebih banyak menggunakan simbol berbanding indeks dan ikon. Penggunaan simbol yang banyak ini merupakan sebab mengapa puisi yang dihasilkan oleh Suhaimi Haji Muhammad ini sukar difahami maknanya. Hal ini demikian kerana penggunaan simbol dalam puisi memerlukan pembaca menggunakan sistem kognitif mereka untuk berfikir bagi mentafsir makna puisi tersebut. Makna puisi tidak dapat difahami selagi mana pembaca tidak mampu memahami makna tersirat simbol yang digunakan dalam puisi tersebut. Kajian ini membuktikan penggunaan indeks oleh penulis berfungsi membuka pandangan luas pembaca terhadap kehidupan ini, manakala tanda ikon pula berfungsi untuk merayu emosi pembaca agar tertarik terhadap puisi yang ditulisnya.

Kesimpulannya, kajian perlambangan serta pengaplikasian Teori Semiotik dari kajian-kajian lepas memperlihatkan pengkajinya banyak menumpukan pemaknaan lambang mengikut skop-skop tertentu. Kajian ini pula memberikan fokus yang lebih luas kepada aplikasi Teori Semiotik dalam pencarian lambang menerusi perungkaian makna dan mesej di sebalik diksi yang kabur dan kata-kata bervariasi melalui sajak *Pesan Lelaki Kecil Kepada Gadis Kampus* nukilan Sazali Yaacob (2016).

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemaknaan lambang-lambang dalam sajak *Pesan Lelaki Kecil Kepada Gadis Kampus* berdasarkan tiga penggunaan lambang iaitu ikon, indeks dan simbol yang digarapkan dalam Teori Semiotik Peirce oleh Charles Sander Peirce (1965).

KERANGKA TEORETIS

Dalam menjayakan makalah ini, teori barat iaitu Teori Semiotik Peirce yang digagaskan oleh Charles Sanders Peirce (1965) akan diguna pakai. Semiotik bermakna tanda, berasal daripada perkataan Yunani iaitu "Semeion". Semiotik adalah bidang kajian yang mengkaji tanda-tanda sebagai satu bahagian penting dalam kehidupan, kebudayaan dan komunikasi. Penggunaan perkataan semiotik ini digunakan oleh Charles Sanders Peirce pada abad ke-19. Secara amnya, semiotik merujuk kepada doktrin tanda-tanda (Mana Sikana, 2001). Namun, penggunaan istilah ini digunakan dahulu semenjak kegemilangan zaman teori dan falsafah oleh Plato dan Aristotle. Mereka menggunakan maksud mengkaji sistem perlambangan dan membina kaedah tanda makna. Kehadiran teori ini menjadi lambang tamadun bangsa zaman itu. Walau bagaimanapun, sistem tanda ini dikatakan sukar dan begitu rencam untuk difahami dan menjurus kepada pelupusan. Namun, kehadiran teks-teks romantisme pada abad ke-17 telah membawa semula semangat serta usaha dalam memahami sistem sistem makna tanda itu (Mana Sikana, 2001).

Bertepatan dengan itu, Teori semiotik adalah satu kajian tanda yang bergerak secara

sistematik dan setiap yang ditandai itu dapat dinilai kepada sesuatu yang lain. Ia berdirisecara sebenar atau mutlak. Sifat utama yang diketengahkan adalah dengan memberi tumpuan kepada sebahagian besar struktur dalaman sesuatu tanda itu, lantas mengeluarkan proses yang mengantarai semiosis skopnya. Seperti apa yang dikatakan oleh Peirce's, lambang sebenarnya ialah sesuatu yang mengantarai tanda tersebut, bahawa yang dikatakan tanda itu adalah sebarang sesuatu yang dapat kepada seseorang berdiri untuk sesuatu yanglain (Arbak Othman, 2008).

Bagi Peirce, erti tanda yang sebenarnya adalah mengemukakan sesuatu dan juga disebut sebagai representamen (Panuti Sudjiman dan Aart Van Zoest, 1992). Apa yang dikemukakan oleh tanda, apa yang diacunya, yang ditunjuknya, disebut oleh Peirce dalam bahasa Inggeris object, dan juga digunakan kata designatum atau denotatum (Peirce, 1965). Satu pendekatan semiologi yang diasaskan oleh Charles Sanders Peirce iaitu konsep 'Kepertamaan' (Firstness), 'Kekeduaan' (Secondness) dan 'Keketigaan' (Thirdness) diwujudkan bagi menjelaskan hubungan Representasi/Tanda (R), Objek (O) dan Interpretasi (I). Kaedah semiotik ini berlaku dengan adanya interaksi di antara karya dan juga audien dalam komunikasi, mahupun segala perhubungan yang bersifat neutral.

Dalam mendepani konsepsi terhadap jurang-jurang makna yang umumnya bersifat subjektif, pendekatan semiologi ini mampu mengakses unsur-unsur luar objek-objek atau bentuk visualisasi dalam mengesan makna yang diterjemahkan oleh pengkarya. Merujuk kepada Mudjiyanto Bambang dan Emilsyah Nur (2013), penelitian semiotik ini merupakan kajian mempelajari hakikat tentang kewujudan sesuatu tanda, di mana persepsi dan pandangan berkaitan realiti, dikonstruksi oleh kata-kata dan tanda-tanda yang digunakandalam konteks sosial dan akhirnya membina makna. Tanda membentuk persepsi manusia lebih dari sekadar merefleksikan realiti yang ada. Melalui teori Charles Sanders Peirce, beliau meletakkan konsep terhadap semiotik dengan penggunaan elemen utama iaitu Model Triadik yang terdiri daripada representasi, objek dan interpretasi. Representasi adalah sesuatu yang dirujuk oleh pemerhati terhadap perkara yang melingkari tanda tersebut. Objek disebut sebagai acuan kepada tanda tersebut yang dirujuk fungsinya sebagai suiz dalam membina interaksi. Manakala, interpretasi pula adalah konsep pemikiran yang melemparkan pandangan, idea dan membentuk makna dan diterjemahkan oleh pemerhati. Olahan daripada teori Charles Sanders Peirce ini, beliau mengkriteriakan unsur yang ada dalam sistem tanda iaitu Triadik Model:

- Representasi = Bentuk (form) yang mengambil posisi tanda. Ia tidaklah semestinya material, biasanya berada pada pemikiran yang ditafsirkan.
- Objek = Merujuk kepada sesuatu yang melebihi konteks tanda.
- Interpretasi = Bukan sahaja sebagai penterjemah, tetapi sebagai tafsiran dalam melihat tanda.

Pentafsiran ketiga-tiga kriteria ini harus ada dalam setiap karya dan saling berhubungan di antara penghantar tanda (Pengkarya) dan penerima tanda (Pemerhati). Ia disebut sebagai proses semiosis (Morris,1970). Melihat pula kepada apa yang disebut oleh Danial Chandler, beliau menyatakan kajian semiotik ini adalah kajian mengenai tanda-tanda dan apa sahaja yang boleh diandaikan terhadap tanda-tanda. Bukan sahaja apa yang kita sebutkan, malahan apa sahaja yang mewakili setiap sesuatu.

Kajian tanda ini merujuk kepada bagaimana makna tercipta dan bagaimana sebuah realiti itu dipersembahkan. Ia juga merujuk kepada teks atau media. Daripada perkara ini, pengkaji dapat menyatakan bahawa di atas representasi dari hubungan-hubungan sosial tertentu, bahasa dibentuk oleh subjek-objek dan tema tertentu dalam mengimbangi interpretasi pemerhati. Menurut Charles Sanders Peirce (1965), tanda meliputi tiga mod perhubunganiaitu ikon, indeks, simbol. Ia juga disebut sebagai Modes of Relationship. Beliau telah menghasilkan sebuah trikotomi tanda. Trikotomi tersebut adalah:

Jadual 1
 Trikotomi tanda

Tanda	Ikon	Indeks	Simbol
Hubungan tanda dengan sumber acuannya.	Tanda dirancang untuk mempresentasikan sumber acuan melalui simulasi atau persamaan (ertinya sumber tersebut dapat dilihat, didengar)	Tanda dirancang untuk mengindikasikan sumber acuan atau saling meghubungkan sumber acuan. Merujuk kepada sesuatu.	Tanda dirancang untuk mengekspresikan sumber acuan melalui persetujuan. Ia bersifat konvensional. Perbincangan dan pembelajaran melalui ilmu-ilmu.
Ditandai dengan	Persamaan.	Hubungan sebab dan akibat	Konversi iaitu perubahan dari satu sistem pengetahuan kepada sebuah sistem yang lain.

METODOLOGI

Metodologi kajian adalah signifikan supaya strategi serta kesesuaian instrumen dalam memperoleh data bagi sesebuah penulisan yang dijalankan mempunyai keberkesanan untuk menjawab permasalahan kajian dan tujuan asal kajian. Penggunaan metodologi kajian penulisan ini menjadi lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis teks yang melibatkan penggunaan gaya bahasa, diksi serta lambang yang bermakna dalam puisi sajak *Pesan Lelaki Kecil Kepada Gadis Kampus*.

Penyelidikan berbentuk kualitatif membantu seseorang penyelidik untuk memahami serta mendalami perkara yang dikaji (Clarke & Braun, 2013). Pendekatan tersebut dipilih memandangkan kajian ini lebih memfokuskan pemahaman struktur bahasa dan situasi bahasayang digunakan dalam puisi untuk menganalisis penggunaan lambang-lambang di dalam puisi sajak tersebut. Analisis teks pula merupakan analisis yang dilakukan ke atas sesebuah teks berdasarkan pengkaryanya, kesahihannya dan makna-makna teks (Joubish Muhammad Farooq & Muhammad Asyraf Khurram, 2011).

Penggunaan reka bentuk analisis teks ini menepati hakikat bahawa proses menganalisis sesuatu puisi memerlukan pemahaman seseorang dari segi zahir puisi dan maknanya yang tersirat memandangkan analisis kajian ini berdasarkan analisis penggunaan lambang-lambang dalam puisi sajak. Tambahan pula, pendekatan kualitatif dan reka bentuk analisis teks yang digunakan adalah teknik yang sistematik dengan menekankan penggunaan bahasa dan perkataan-perkataan dalam teks memandangkan subjek kajian merupakan subjek yang berbentuk teks puisi dan juga melibatkan penggunaan bahasa dalam usaha untuk menghuraikan penggunaan lambang-lambang dalam puisi sajak.

Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah untuk memahami makna lambang-lambang dalam teks puisi sajak tersebut memandangkan unsur yang menjadi fokus analisis dalam kajian ini adalah penggunaan diksi dan bahasa menarik yang menguatkan lagi unsur ketaksaan yang menjadi nilai estetika tersendiri bagi puisi sajak PLKKGK ini. Justeru, kajian ini komited mengatakan

kaedah analisis teks sesuai digunakan untuk kajian ini dengan mengaplikasikan Trikotomi tanda dalam Teori Semiotik Peirce (1965) sebagai landasan analisis supaya makna tersirat sesuatu lambang yang digunakan oleh pemilik puisi dapat disampaikan dengan tepat.

DAPATAN

Hasil kajian memperlihatkan bahawa sajak Pesan Lelaki Kecil Kepada Gadis Kampus ini menerapkan dengan signifikan dan menepati konsep lambang yang digarapkan dalam Teori Semiotik Peirce memandangkan ia sarat dengan penggunaan lambang-lambang dan tanda menerusi banyak ungkapan ekspresi serta hubungan penanda dengan mesej puisi yang memerlukan pemaknaan mendalam serta berjaya menyirati fungsinya sebagai panduan, nasihat dan pengajaran kepada pembaca. Berikut merupakan dapatan analisis tersebut:

Jadual 2

Dapatan analisis teks Sajak PLKKGK

Teori Semiotik Peirce	
Ikon	✓
Indeks	✓
Simbol	✓

PERBINCANGAN DAPATAN

Perbincangan analisis makna lambang dalam Sajak PLKKGK memperincikan ketiga-tiga konsep lambang yang dikemukakan oleh Peirce dalam Teori Semiotik. Ketiga-tiga konsep lambang tersebut ialah ikon, indeks dan simbol. Lambang-lambang tersebut akan dikumpul terlebih dahulu dan dikategorikan mengikut jenis sebelum dianalisis makna dengan lebih mendalam.

Penyenaraian lambang

Jadual 3

Senarai lambang

Bil	Lambang	Muka surat	Rangkap
1	Selambar noda	16	3
2	Gunung ego	16	3
3	Awan mulus	16	4
4	Kabus dingin	16	4
5	Percikan duka	17	4
6	Burung	16	2
7	Balutan luka	17	4
8	Hadir sihir angin bernafas api	16	3

Pengklasifikasian lambang

Jadual 4
 Klasifikasi jenis lambang

Tanda	Ikon	Indeks	Simbol
Penanda	Burung (mirip/ analogi)	Hadir sihir angin bernafas api (Hiperbola)	Selumbar noda
			Gunung ego
			Awan mulus
			Kabus dingin
			Percikan duka
			Balutan luka

Pengintepretasian makna

Ikon

Ikon merujuk kepada tanda-tanda yang menjadi bebayang, yang mirip mahupun yang menerupai sesuatu benda atau perkara (Rully Khairul Anwar, Irene Alifa Hapsari dan Dian Sinaga, 2018). Menyoroti inti sajak PLKKGK ini, pengarang melahirkan penceritaan dan nasihat dengan memperagakan lambang ‘burung’ sebagai satu ikon yang mirip dan analogi kepada anak dara suntinya. Perhatikan rangkap dibawah:

*Kulepaskan kau menjadi **burung putih**
 dengan sayap berkembang
 menongkah awan perak dan kabut dingin
 mengenal kalimat hujan dan bilah petir
 menyelit antara sembilu nasib
 dan waras akal.*

(Sazalee Yacob, 2015, p.16)

Burung dikonsepsikan sebagai binatang yang mempunyai paruh, dua kaki, dua kepak dan umumnya dapat terbang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Biarpun pengarang menggunakan kata ‘burung’ dalam sajaknya, lambang tersebut dianggap ambiguiti, iaitu mempunyai makna pelbagai yang dapat ditafsirkan mengikut konteks sehingga menghasilkan makna lebih daripada satu. Riffaterre (1978) mengungkapkan sifat puisi melalui kata-katanya, *says one thing, means another*. Ungkapan tersebut bermaksud lambang sajak berupaya untuk menyatakan ketidaklangsungan erti.

Setelah dihemati, pengarang cuba menyamakan sifat tanda/ ikon ‘burung’ dengan sifat anaknya (objek yang ditandai). Sifat burung yang umumnya akan terbang mengembara ke pelbagai tempat, meneroka alam, dapat melintasi jarak yang begitu panjang serta berkebolehan untuk terbang puluhan ribu kilometer merentasi lautan, gunung-ganang, padang pasir dan paya-bakau menuju ke destinasi tujuannya disamakan dengan sifat anaknya yang akan ‘terbang’ merintis kehidupan baharu sebagai seorang gadis yang bakal memasuki alam kampus yang semestinya berlainan dengan suasana kampung tempat asalnya serta norma ketika zaman kanak-kanak. Anak gadis suntinya tidak lagi berada di dalam ‘sangkar’, tetapi telah dibebaskan terbang untuk menyesuaikan diri di tempat baharu, dengan pemikiran yang lebih luas dan tidak dangkal.

Pengarang malah dilihat memiripkan kebolehan burung yang berupaya terbang *menongkah awan perak dan kabut dingin, mengenal kalimat hujan dan bilah petir, menyelit antara sembilu nasib dan waras akal* dengan sifat anaknya. Neurosains menjelaskan mekanisme bagi kelakuan

burung terbang dengan arah tuju melalui koordinasi laluan menurun sistem motor (Bibi, 2008). Tanpa mengira spesies burung apa sekalipun, secara amnya, burung mempunyai sistem saraf pusat yang sangat baik. Struktur otak serebelum yang kompleks dan lobus optik yang besar adalah penting bagi kawalan badan dan sayapnya serta ketajaman penglihatan ketika bergerak menjadikan interpretasi maklumat, koordinasi signal input dan output sistem sarafnya juga adalah amat baik dan teratur. Maka walau apa keadaan sekalipun, burung akan terus terbang ke destinasi yang dituju tanpa sesat.

Menelusuri sudut kontekstual sajak ini, cabaran utama seorang mahasiswa seperti ungkapan Zaiton Mohamad (2014) ialah mereka tidak berupaya membuat penyesuaian psikologi dek kerana perubahan yang dialami, tidak kira dari sudut sosial mahupun fizikal dan pada akhirnya mereka terkandas di tengah jalan tanpa arah tuju. Bersangkutan dengan itu, pengarang mengharapkan anaknya menjadi persis ikon burung dengan sifat yang dinyatakan seperti dalam sajak, menggunakan naluri dengan berinstropeksi untuk terus dan tetap 'terbang' dan menentukan arah tuju hidup serta berupaya untuk membelah sebarang cabaran dalam arus kehidupan di kampus yang penuh rencah sosial mahupun akademik tanpa berputus asa biarpun datang beribu aral yang menghambat diri.

Ikon 'burung' juga jelas digambarkan mirip dengan anak gadis pengarang dengan bantuan perlambangan kata 'putih' selepasnya. Warna putih didasarkan kepada kesucian dan kebersihan malahan juga memberi kesan kebebasan dan keterbukaan (MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017). Hal ini bermaksud, ikon '**burung putih**' yang diterapkan sememangnya menandakan kebebasan yang diberikan kepada seorang anak. Seumpama lumrah burung yang terbang meneroka alam, anak gadis sunti pengarang bebas hidup di bandar untuk meluaskan pengalaman kehidupannya yang pada asalnya belum tercorak lagaknya kain putih yang suci murni. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis mahu melatih anaknya agar tabah menghadapi cabaran dalam kehidupan untuk memamatkan diri. Dengan berbuat demikian, pemikiran anaknya menjadi lebih matang dan bijaksana menghadapi segala cabaran dalam kehidupannya sebagai seorang mahasiswa agar dapat berjasa kepada keluarga, bangsa, dan negara pada masa depan.

Indeks

Pengkaji mendapati pertautan mesej dengan penggunaan lambang dalam sajak PLKKGK amat menepati konsep indeks dalam Teori Semiotik yang dirintis oleh Peirce (1965). Secara rencananya, indeks merujuk kepada objek, yang menunjukkan kesan daripada objek (Peirce, 1965). Dengan indeks, kita dapat menghubungkan di antara penanda dengan petandanya yang memiliki sifat-sifatnya, iaitu nyata, bertataurut, sebab akibat dan selalu mengisyaratkan sesuatu (Puji Santosa, 1993). Mana Sikana (2001) mengatakan indeks ialah tanda yang merujuk kepada sesuatu tanda yang mengumpulkan satu tanda atau beberapa fenomena, sebab musabab, simptom, isyarat, ikatan, dan sebagainya. Pengaplikasian indeks dalam sajak ini dilahirkan dalam bentuk hiperbola yang menunjukkan perkaitan lambang dengan situasi yang digambarkan oleh pengarang. Perhatikan rangkap di bawah:

*Di awan kampus yang sarat ilmu
hadir sihir angin bernafas api
di pohon kampus yang tegar status
berceracak selumbar noda mengabur fikir
di padang kampus yang hijau pertimbangan
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.*

(Sazalee Yacob, 2015, p.16)

Lambang indeks yang dikenal pasti ialah frasa '*hadir sihir angin bernafas api*' pada rangkap tiga seperti di atas. Jika dihemati dengan penuh teliti, sifat frasa tersebut beratributkan hiperbola, iaitu penggunaan kata atau kiasan yang terdiri daripada ungkapan yang berlebihan untuk menerangkan sesuatu (Keris Mas, 1990).

Gambaran yang dilukiskan dalam hiperbola tidak menepati realiti, tetapi mengandungi nilai estetika. Kata '*sihir*' diungkap oleh Abdul Razak Naufal (1982) sebagai satu perbuatan menyakiti atau mempengaruhi badan, hati atau akal orang yang disihir secara tersembunyi (ghaib) yang melibatkan makhluk halus, dan dilakukan di luar hukum alam bagi mencapai tujuan tertentu manakala angin dikonsepsikan sebagai udara yang bergerak dengan sifatnya tidak tampak oleh mata kasar. Penggunaan frasa *sihir angin* oleh Sazalee Yaacob bertujuan untuk melahirkan amaran bahaya kerana di alam kampus semestinya akan ada anasir-anasir tidak elok yang boleh menyakiti akal, hati dan merasuki pemikiran tanpa disedari sekiranya tidak teguh pendirian yang pada akhirnya memakan diri. Penyampaian tersebut sesuai dengan representasi dan sifat frasa *sihir* (*kesakitan, pengaruh jahat*) dan *angin* (*tidak disedari, tidak boleh dilihat oleh mata kasar*) yang digunakan.

Walaubagaimanapun, frasa '*sihir angin*' yang sudah sedia ada menandakan sesuatu yang merbahaya, boleh memberi natijah biarpun tidak tampak pada mata, diterangkan lagi dengan frasa '*bernafas api*', menunjukkan bahawa ancaman itu tidak boleh dipandang enteng. Perkara ini membuktikan keindahan retorik dan penggunaan gaya bahasa yang versatil. Api dengan sifatnya yang panas membakar dan menyakitkan, digunakan dengan berlebihan oleh Sazalee Yaacob bukan secara konsep sebenar, tetapi menyandarkan sifat tersebut dalam menerangkan keadaan kehidupan kampus dengan penuh kebejatan sosial yang benar-benar memberi ancaman dan dahiat yang menyakitkan kepada anak gadisnya, maka pesanan agar anaknya sentiasa berhati-hati diungkapkan dalam sajak ini. Masalah-masalah sosial seperti pengaruh kurang baik oleh rakan sebaya dan pendedahan budaya yang terlampau bebas acap kali terjadi di alam kampus lebih-lebih lagi melibatkan isu akhlak.

Pengkaji melihat interpretasi dari indeks ini bersangkutan dengan isu-isu sosial yang kerap membelenggu kemaslahatan negara. Misalnya, masalah remaja mengandung anak luar nikah misalnya menjadi satu kebingungan besar dunia. Statistik Kementerian Kesihatan pada tahun 2017 mendedahkan sebanyak 3,980 kes iaitu 28.8 peratus daripada 13,831 remaja yang mengandung anak luar nikah berusia sekitar 19-20 tahun semasa menuntut di universiti (Nurul Husna Rosidi, 2017). Zainal dan Sharani (2004) menjelaskan, pada peringkat usia remaja, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru itu, apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka akan mendorong wujudnya perasaan ingin tahu di dalam diri mereka. Menurut Zainal dan Sharani juga, keadaan ini membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut.

Menyedari hakikat keadaan dunia yang semakin merunsing dengan kebejatan sosial yang berleluasa dan sifat remaja yang penuh dengan rasa ingin tahu yang disandarkan kepada anak gadis suntinya, pengarang menjadikan kesan dan situasi itu sebagai pertautan sebab bagi memajukan puisi berupa sajak nasihat ini yang dihubungkan melalui tanda indeks '*hadir sihir angin bernafas api*' berbentuk hiperbola. Dengan keadaan sedemikian, hubungan tanda menjadi lebih jelas dengan mesej sajak, menepati ciri yang diperuntukkan dalam indeks.

Simbol

Simbol merujuk kepada perlambangan yang sedia difahami dan membawa pengertian (Tuan Rusmawati Raja Hassan, 2021). Menilik inti sajak PLKKGK ini, pengarang mengungkapkan pesanan untuk anak dara suntinya yang bakal melanjutkan pelajaran di bandar melalui penggunaan simbol untuk menzahirkan cabaran yang akan dihadapi oleh anak gadisnya kelak. Menariknya, Sazalee Yaacob banyak mengguna pakai unsur metafora dalam simbol-simbol yang diketengahkan dalam menyampaikan inti sajak.

Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba (1965) mentakrifkan metafora Melayu sebagai peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan mempunyai makna dua lapis. Makna lapisan pertama mengadungi makna yang harfiah, manakala makna dilapisan kedua membawa makna metafora. Dengan kata lain, metafora merujuk kepada pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan atau sebagai perbandingan dan kiasan.

Selumbar noda

Penyampaian pesanan melalui simbol oleh pengarang didapati dalam sajak PLKKGK seperti rangkap ketiga di bawah:

*Di awan kampus yang sarat ilmu
hadir sihir angin bernafas api
di pohon kampus yang tegar status
berceracak **selumbar noda** mengabur fikir
di padang kampus yang hijau pertimbangan
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.*

(Sazalee Yacob, 2015, p.16)

Selumbar ditakrifkan sebagai serpihan kayu dari nibung, buluh dan lain-lain yang halus dan tajam (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Noda pula mempunyai beberapa pengertian merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Noda dapat diertikan sebagai bintik atau kotoran pada baju dan lain-lain. Selain itu, noda juga dikonsepsikan sebagai perihal mendapat aib atau bercacat-cela. Pengarang memperagakan simbol '**selumbar noda**' yang mempunyai makna figuratif, iaitu bersifat abstrak atau imaginatif daripada makna asalnya. Setelah ditelusuri, pengarang cuba memberi peringatan kepada anaknya melalui makna yang tersirat menerusi penggunaan simbol '**selumbar noda**' yang menggambarkan betapa beratnya cabaran yang akan dihadapi oleh anak gadisnya sepanjang menuntut ilmu di universiti. Sesuai dengan sifat fizikal selumbar yang sangat tajam dan runcing, ia melambangkan rintangan berupa hawa nafsu (noda) yang dapat memesongkan akal budi. Pengarang juga menyifatkan rintangan berkenaan tetap hadir *di pohon kampus yang tegar status* iaitu di tempat yang kebiasaannya mempunyai imej yang baik di mata khalayak yakni menara gading.

Pengarang malah beranggapan bahawa universiti ialah tempat yang kaya dengan ilmu pengetahuan untuk ditimba oleh anak gadisnya namun pengaruh negatif tetap tersebar luas. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya pengaruh rakan sebaya dan media massa. Klausmerier & Herbert, J. (1975) berpendapat bahawa dalam hal-hal seperti tanggungjawab moral, keberanian, kejujuran, kemesraan dan lain-lain, para remaja dipengaruhi oleh pendapat dan pandangan rakan sebaya yang lebih tinggi daripada pengaruh ibu bapa. Lantaran itu, remaja

cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana ia berada di dalamnya (Mustafa Fahmi, 1967). Pengarang dilihat menyalurkan wejangan kepada anaknya agar tidak mudah alpha dan dikuasai oleh pengaruh-pengaruh negatif misalnya dijerat oleh kancah dadah, kes buli dan sebagainya. Dengan kehadiran media massa, remaja juga menggunakannya untuk pelbagai tujuan, antaranya sebagai alat hiburan, pembentukan identiti, pencarian sensasi dan mengenalpastian budaya belia (Ferle et al., 2000).

Jika diteliti, pengarang juga sebenarnya hendak berpesan kepada anak gadisnya supaya tidak terhasut dengan hiburan-hiburan yang bercanggah dengan norma ketimuran seperti pornografi. Simbol '*selumbar noda*' yang dipraktikkan sememangnya menandakan peringatan yang disampaikan kepada seorang anak agar sentiasa berwaspada dengan budaya-budaya negatif. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis mahu anaknya sentiasa berfikiran waras dan tidak terjerat oleh belitan hawa nafsu.

Gunung ego

Pesanan daripada pengarang terhadap anak gadisnya juga dizahirkan menggunakan simbol '*gunung ego*' melalui rangkap ketiga dalam sajak di bawah:

*Di awan kampus yang sarat ilmu
hadir sihir angin bernafas api
di pohon kampus yang tegar status
berceracak selumbar noda mengabur fikir
di padang kampus yang hijau pertimbangan
tumbuh **gunung ego** menghalau pekerti.*

(Sazalee Yacob, 2015, p.16)

Gunung diertikan sebagai bukit yang besar dan tingginya melebihi 1500 kaki atau 457.2 meter (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Ego pula adalah berlandaskan persepsi seseorang tentang harga dirinya. Pengarang menggunakan lambang '*gunung ego*' sebagai simbol yang mengandungi makna tambahan atau disebut sebagai makna konotasi. Penelitian ke atas sajak ini menunjukkan bahawa pengarang hendak memberi amaran kepada anaknya dengan menggunakan simbol '*gunung ego*' yang bermaksud rintangan dalaman yakni ego yang mampu mengubah sikap dan menghancurkan budi pekerti. Lambang '*gunung ego*' dalam konteks rangkap tersebut merujuk kepada kemahuan atau cita-cita tinggi yang menjadi impian atau hasrat seseorang sehingga sikap rasional diketepikan.

Sesuai dengan sifat fizikal gunung yang tinggi, pengarang menggunakan simbol berkenaan dengan tujuan untuk memaklumkan betapa besarnya ego yang hadir di antara kewarasan dalam membuat keputusan sehingga ia mampu meremukkan akal budi dan iman seseorang itu. Maka pengarang menitipkan amanat buat anaknya agar dapat membuat pertimbangan dan keputusan yang terbaik dan dapat mengelakkan sikap negatif seperti sombong dan mementingkan status sebagai seorang mahasiswa di bandar.

Awan mulus dan kabus dingin

Setelah ditelusuri, pengarang bukan sahaja menyampaikan wejangan tetapi juga menyalurkan harapan terhadap anak gadisnya melalui penggunaan simbol seperti dalam rangkap di bawah:

*Pandai-pandailah kau terbang
menongkah **awan mulus dan kabus dingin**
jangan kau pulang
dengan **percikan luka dan balutan duka**
di sayapmu yang patah.*

(Sazalee Yacob, 2015, p.17)

Awan ialah wap air yang bergumpal-gumpal di udara manakala mulus bermaksud putih bersih atau suci murni. Kabus pula merujuk kepada wap air yang kelihatan seperti asap yang berada dekat muka bumi pada waktu pagi manakala dingin bermaksud keadaan yang sejuk. Penulis dilihat menggunakan lambang '**awan mulus**' dan '**kabus dingin**' sebagai simbol rintangan, lantas ditujukan untuk menyatakan hajat supaya anak daranya bijak menyesuaikan diri dan belajar bersungguh-sungguh di bandar. Ibarat seekor burung dengan sayap, penulis menaruh asa agar anaknya mampu mengharungi keadaan susah dan senang selama dia berjauhan daripada keluarga. Sesuai dengan keadaan awan yang kelihatan mulus dan hawa pagi yang diselimuti kabus, pengarang juga menanamkan keyakinan bahawa anaknya mampu menyesuaikan diri dalam apa-apa jua keadaan.

Hal ini dikatakan demikian kerana dengan kejayaan yang dirangkul oleh anaknya, pengarang pasti bahawa anaknya dapat mengecapi masa depan yang lebih cerah sekiranya berjaya menamatkan pelajaran. Lantaran itu, penulis sememangnya menggunakan simbol yang memiliki makna tersirat untuk menyampaikan isi hatinya kepada anak dara suntinya.

Percikan duka dan balutan luka

Meneliti pemilihan lambang dalam sajak PLKKGK ini, dapat dirangkumkan bahawa pengarang berharap anaknya tidak mudah berputus asa lalu pulang ke pangkuannya dalam keadaan yang selamat dari sudut emosi dan fizikal. Apresiasi harapan ini digambarkan melalui pengaplikasian simbol kesakitan seperti dalam rangkap keempat di bawah:

*Pandai-pandailah kau terbang
menongkah **awan mulus dan kabus dingin**
jangan kau pulang
dengan **percikan duka dan balutan luka**
di sayapmu yang patah.*

(Sazalee Yacob, 2015, p.17)

Percikan merujuk kepada sesuatu yang memercik seperti air dan lain-lain manakala duka ialah perasaan susah hati (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2008). Berdasarkan Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008), balutan merujuk kepada lilitan atau bebatan untuk membalut. Luka pula ialah belahan iaitu cedera atau lecet pada kulit. Jika diselami jauh ke dasar pentafsiran, pengarang menggunakan lambang '**percikan duka**' dan '**balutan luka**' sebagai simbol kesakitan. Kata

‘duka’ dan ‘luka’ diperagakan secara seiringan, sebagai representasi untuk mengungkapkan hasrat supaya anaknya kembali ke dakapan keluarga tanpa ada sebarang cacat cela sama ada dari sudut fizikal atau emosi.

Pengarang tahu akan rintangan besar dalam menempuh alam remaja dengan lingkungan alam kampus yang berbeza, maka pengarang mengamanatkan agar kesejahteraan jasad dan pemikiran terus direksa dan didindingi dengan tekad, terus cecal dan tidak mudah berputus asa menghadapi onak kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis mahu anaknya menjadi seorang perantau yang tabah menghadapi segala cabaran dalam kehidupan harian. Dengan cabaran hidup yang semakin rencam pada zaman globalisasi, pengarang juga berkehendak agar anaknya sentiasa membuat keputusan yang wajar misalnya tidak terikut-ikut dengan trend bandar.

Marcapada yang penuh persaingan ini memperlihatkan acap kali terjadinya masalah fizikal dan mental dalam kalangan remaja, berlaku disebabkan oleh kesukaran fizikal yang ditafsirkan sebagai kekurangan dalam bentuk material (Haris Abd. Wahab, 2004). Eitzen & Zinn (2000) telah merujuk kepada Teori Keperluan Diri yang dipelopori oleh Abraham Maslow yakni apabila salah satu daripada keperluan fizikal tidak dapat dipenuhi oleh seseorang individu, maka mereka akan mula melanggar peraturan dan norma-norma yang ditetapkan oleh masyarakat. Justeru, pengarang bijak menggunakan simbol kesakitan *‘percikan duka’* dan *‘baluan luka’* sebagai satu peringatan dan berharap agar anaknya menjadi lebih matang agar mampu *menongkah awan mulus dan kabus dingin* supaya tidak mendatangkan kemudaratan pulang membawa kekecewaan.

KESIMPULAN

Secara rangkumannya, lambang digunakan sebagai ikon, indeks dan simbol bagi sajak PLKKGK ini untuk melantaskan aspirasi pengarang. Penggunaan bahasa konotasi yang terkandung dalam puisi PLKKGK ini menyebabkan makna dalam baris-baris puisi itu bersifat tersembunyi, mendalam, kaya, jauh dan luas pengertiannya. Penggunaan lambang berunsurkan gaya bahasa yang bervariasi oleh pengarang juga perlu ditafsir dengan mendalam agar maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang tidak disalah tafsir. Penggunaan gaya bahasa yang bersifat figuratif seperti ini sudah cukup memperlihatkan nilai keindahan dalam kesusasteraan Melayu melalui keterampilan orang Melayu bermain bahasa dengan mengekalkan ciri-ciri kesopanan berbahasa. Maka pengintegrasian lambang juga meningkatkan lagi sifat ketaksaan bagi sajak PLKKGK yang menjadi tarikan estetika tersendiri bagi sajak tersebut. Intihanya Teori Semiotik Peirce berupaya menyirati makna bagi lambang-lambang dalam sajak PLKKGK sekali gus menjadi pemangkin daya berfikir yang tinggi serta wadah menyalurkan mesej dan akal budi kepada pembaca.

Sistem perlambangan dalam puisi menggambarkan cerdik akal yang merupakan *world view* orang Melayu, penuh dengan kekayaan falsafah, nilai dan budi yang menggambarkan masyarakat Melayu itu sendiri. Dalam mengkaji hubungan antara simbol dengan makna, terdapat proses persepsi, kognisi, konseptualisasi, dan reifikasi yang hadir dalam konteks. Beberapa cadangan kajian telah difikirkan dalam proses menjalankan kajian ini. Adalah dicadangkan agar kajian pada masa akan datang dapat meneliti cara pemikiran, akal budi, dan falsafah di sebalik penggunaan lambang-lambang lain dalam puisi Melayu yang terdiri daripadapantun, peribahasa, simpulan bahasa, gurindam, sajak, teromba dan syair. Melalui pendekatan dan Teori Semiotik Peirce ini, pengkaji akan datang dapat mencungkil makna sebenar

mengenai sistem lambang dan rekayasa diksi yang terdapat dalam puisi Melayu seterusnya menyerlahkan lagi nilai estetika dalam sastera di negara kita.

RUJUKAN

- Abdul Razak Naufal. (1982). *Sihir: Tarut, harut, marut*. Pustaka Nasional.
- Ahadi Sulissusiawan. (2014). *Pantun muhakam dalam adat perkahwinan Melayu Sambas: analisis simbolisme*. [Doctoral dissertation]. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Andry Hermawan. (2010). *A Semiotic Analysis on Kim Addonizio's Poems*. Universiti Syarif Hidayatullah.
- Arbak Othman. (2008). *Semiotik*. Citra Kurnia Enterprise.
- Bibi, S. Z. (2008). *Morphological and Histological Study of the brain of Corvus splendens (House Crow)*. [Unpublished bachelor dissertation]. Universiti Malaya.
- Braginsky, I.V. (1994). *Erti Keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayuklasik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clarke, V. & Braun, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. SAGE Group.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Kamus pelajar*. Edd. Ke-2. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus dewan*. Edd. Ke-4. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eitzen, S. D. & Zinn, M. B. (2000). *Social problem*. Edd. Ke-8. A Person Education Company.
- Ferle, C. L., Edwards, S. M., & Lee, W. N. (2000). Teens' use of traditional media and the Internet. *Journal of Advertising Research*, 40(3), DOI:10.2501/JAR-40-3-55-65
- Haris Abd. Wahab. (2004). Masalah sosial di bandar semenanjung Malaysia: Tinjauandari pada perspektif masyarakat Malaysia. *Jati*, 9, 55-74.
- Joubish Muhammad Farooq & Muhammad Asyraf Khurram. (2011). Outlook on some concepts in the curriculum of Social Studies. *World Applied Sciences Journal*, 12 (9): 1374-1377, 2011.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Dewan Bahasa Pustaka.
- Klausmerier & Herbert, J. (1975). Wisconsin research and development center for cognitive learning. *Individually guided motivation*, 26, 155-156.
- Lim, S. T. (2007). *Cakerawala kemerdekaan*. Citra Kurnia Enterprise.
- Majlis Peperiksaan Malaysia (peny.), (2010). *Mutiara sastera Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2001). Teori semiotik: tanda bahasa dan wacana sastera. *Jurnal Bahasa*, Jilid1,

Bil. 2, Jun, hlm. 202.

- Mat Jani Hassan. (1998). *Kajian teks sastera STPM*. Longman Sdn. Bhd.
- Mohamad Azmi Ab. Rahman. (1997). *Analisis simbolisme dalam pantun percintaan Melayu*. [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Shaidan. (2011). *Penjabaran semiotik dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad*. [Doctoral dissertation]. Universiti Putra Malaysia.
- Morris, C., W., (1970). *Foundations of the Theory of Signs*. The University of Chicago Press.
- Mudjiyanto Bambang., & Emilsyah Nur. (2013). Semiotika dalam metode penelitian komunikasi *Pekommas*, vol.16, no. 1, 9 Apr. 2013, pp. 73-82, doi:10.30818/jpkm.2013.1160108.
- Mustafa Fahmi. (1967). *Al-Sihhah al-Nafsiyyah fi al-Usrah wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Dar al-Thaqāfah
- MyHealth. (2017). *Warna dan psikologi*. Laman web rasmi Portal MyHealth, Kementerian Kesihatan Malaysia. Diakses dari: <http://www.myhealth.gov.my/warna-dan-psikologi/>
- Noriza Daud. (2004). *Semiotik daripada perspektif Islam: Konsep lambang pantun warisan rakyat*. [Doctoral dissertation]. University of Malaya.
- Nur Dzai & Ramli Yusop. (1992). *Ulasan kritis sastera STPM puisi baru*. Mahir Publications Sdn. Bhd.
- Nurul Husna Rosidi. (2017). *Akhlag remaja Melayu semakin meruncing*. Akhbar Utusan, Diakses dari: <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/akhlag-remaja-melayu-semakinmeruncing-1.478633#ixzz55UaETUS3>[08 Mei 2017]
- Panuti Sudjiman & Aart Van Zoest. (1992). *Serba-serbi Semiotik*. Penerbit PT Gramedia Utama.
- Peirce, C., S. (1965). *Collected papers of Charles Sanders Peirce* (Vol. I & Vol. II)., Belknap Press of Harvard University Press.
- Puji Santosa. (1993). *Ancangan Semiotika dan Pengkajian Susastra*. Penerbit Angkasa Bandung.
- Rahman Shaari. (1987). *Penilaian dan penghayatan sastera*. Marwilis Publisher. Riffaterre., M. (1978). *Semiotics of Poetry*. Indiana University Press.
- Rully Khairul Anwar, Irene Alifa Hapsari & Dian Sinaga. (2018) Analisis semiotik Charles Sanders Pierce mengenai logo baru Perpustakaan Nasional Republik Indonesia. *Jurnal Kajian Informasi & Perpustakaan*, 6(2), DOI:10.24198/jkip.v6i2.15689
- Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2005). *Persuratan Melayu tradisional ke moden*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sazalee Yacob. (2015). Pesan lelaki kecil kepada gadis kampus. *Antologi Teks Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 5 Sejadah Rindu*. (pp.16-17). Sasbadi Sdn. Bhd.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2021). Alam dan perlambangan dalam cerpen S.Othman Kelantan.

Sastera Hijau di Indonesia dan Malaysia dalam Kajian Ekokritik dan Ekofeminis (pp.311-327). Penerbit Cantrik Pustaka.

Yahaya Ismail. (1976). *Sejarah sastera Melayu moden*. Fajar Bakti.

Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan mengurus remaja moden*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Zaiton Mohamad. (2014). *Cabaran mahasiswa di institusi pengajian tinggi*. Utusan Borneo.

B4. Universiti Malaysia Sabah

ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN KATA BERIMBUHAN DALAM RUANGAN ISU-ISU SEMASA AKHBAR *ONLINE*

Syilvera Gobin

syilvera23-336@epembelajaran.edu.my

Rosemarry Rundin Engkang

rosemarry23-334@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Masyarakat menerima dan mengetahui suatu maklumat atau berita semasa dan terkini menerusi berita, sama ada berita berbentuk elektronik mahupun bukan elektronik. Bahasa utama yang digunakan untuk penyampaian berita melalui akhbar ialah bahasa Melayu, sejajar dengan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dan perhubungan antara masyarakat. Justeru, bahasa menjadi penghubung antara media dengan masyarakat yang tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis kesalahan penggunaan kata berimbuhan dalam akhbar *online*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya menerusi kajian kepustakaan dan analisis teks. Bagi menganalisis kesalahan kata berimbuhan, maka kajian ini berlandaskan teori analisis kesalahan Corder (1981). Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesalahan penggunaan imbuhan dalam ruangan isu-isu semasa akhbar *online*. Kesimpulannya, pihak media terutama wartawan yang menulis berita harus diberikan kursus kebahasaan, khususnya aspek tatabahasa bahasa Melayu, manakala editor akhbar juga harus memainkan peranan dalam meneliti setiap artikel berita yang diterima daripada wartawan sebelum diluluskan untuk penerbitan. Dalam hal ini, pihak syarikat penerbitan akhbar harus memilih orang yang benar-benar pakar atau arif dalam bidang kebahasaan agar mutu bahasa terjamin. Dalam pada itu, akhbar mempunyai kuasa dalam sebaran maklumat atau berita dan pembaca yang ramai. Oleh itu, dengan penjagaan bahasa Melayu yang baku dan menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu dapat melatih masyarakat khususnya pembaca agar menggunakan bahasa Melayu yang betul.

Kata Kunci: *Kata berimbuhan, akhbar online, morfologi, bahasa Melayu*

PENGENALAN

Nik Safiah Karim et al. (2015) menyatakan morfologi bahasa Melayu merupakan satu bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Ahmad Kair Mohammad Nor et. al (2014) pula menyatakan bahawa perkataan bahasa Melayu terbentuk melalui proses morfologi atau proses pembentukan kata. Selain itu, Suraiya Chapakiya (2015) menyatakan bahawa kata terbitan merupakan kata dasar yang mengalami proses penambahan imbuhan iaitu imbuhan awalan, akhiran, apitan dan juga imbuhan sisipan. Kebanyakan bentuk kata dalam bahasa Melayu dibentuk dengan proses pengimbuhan. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), proses pengimbuhan bukan sahaja boleh mengubah maksud sesebuah perkataan, malahan dapat membawa perubahan kepada golongan kata tersebut.

Penulisan berita dalam akhbar perlu menggunakan bahasa Melayu yang menepati ciri-ciri hukum tatabahasa bahasa Melayu, selain menepati laras bahasa berita kerana akhbar mempunyai jumlah pembaca yang ramai. Dalam pada itu, akhbar turut mempunyai kuasa sebaran yang tinggi kerana sebarang berita terkini dan maklumat semasa yang disampaikan

akan diterima dan dipercayai oleh masyarakat. Oleh hal yang demikian, pihak akhbar perlu menggunakan bahasa Melayu yang berdasarkan hukum tatabahasa, di samping kegramatisan bahasa terjaga. Sekiranya bahasa dan ayat yang digunakan gramatis, maka kandungan mesej atau isi berita dapat disampaikan kepada pembaca dengan jelas. Sebaliknya, sekiranya bahasa yang digunakan dalam penulisan artikel berita terdapat banyak kesalahan, terutama aspek morfologi yang merangkumi imbuhan sudah tentu memberi kesan kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca berkemungkinan kabur dengan isi berita yang disampaikan, selain belajar penggunaan perkataan-perkataan bahasa Melayu daripada akhbar yang dibaca. Ini sejajar dengan kenyataan Chew dan Rusdani Mohamed (2013) bahawa penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran oleh guru bahasa Melayu dalam pengajaran karangan di sekolah. Maka perkataan-perkataan yang terdapat kesalahan imbuhan misalnya, berulang kali terpapar dalam ruangan akhbar boleh menjadi ikutan kepada pembaca ekoran daripada suatu perkataan yang salah dianggap sebagai betul oleh pembaca kerana yakin bahawa bahasa dalam akhbar adalah betul dan tepat. Oleh hal yang demikian, kesalahan penggunaan imbuhan pada perkataan yang banyak berlaku dalam penulisan akhbar-akhbar dalam talian boleh mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pembaca.

Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2017), kesalahan bahasa merujuk kepada bentuk penggunaan bentuk bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesalahan tersebut meliputi aspek-aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan dan istilah. Siti Norsyahida Mohd A Rahid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (2015) pula berpendapat kesilapan bahasa berlaku akibat tiga faktor utama ialah *error* dan *lapse* yang disebabkan oleh lupa, gangguan emosi, kelalaian dalam proses penerimaan pengajaran, dan kurang latihan. Faktor kedua ialah disebabkan wujudnya kelainan dalam penggunaan sesuatu bahasa dari aspek penggunaan kata atau ayat. Faktor ketiga pula ialah berkaitan dengan faktor sosiolinguistik yang melibatkan penggunaan laras bahasa dan juga dialek. Kesan kesalahan-kesalahan ini akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca dan boleh menyebabkan mereka mengaplikasikan penggunaan bahasa yang salah tersebut dalam kehidupan seharian kerana beranggapan bahawa penggunaan kata yang terdapat dalam petikan yang dibaca adalah betul. Seperkara lagi, Azean Idruwani dan Zaitul Azma Zainon (2011) berpendapat bahawa bukan semua penulisan dalam akhbar menepati rumus tatabahasa Melayu, malah berlaku banyak kesalahan bahasa dalam penulisan kewartawanan yang dihasilkan.

Menurut Che Hazira Che Rosa dan Hanita Hassan (2020), penggunaan perkataan yang betul makna dan ejaannya merupakan satu ciri penulisan yang baik kerana penggunaan kata yang salah akan mengelirukan pembaca untuk memahami isi kandungan sesebuah berita yang ingin disampaikan malah makna kata yang salah tidak menunjukkan maksud yang ingin disampaikan. Hal ini akhirnya akan mendorong pembaca menyalahartafirkan maklumat sebenar yang ingin disampaikan melalui sesebuah berita. Oleh itu, penggunaan bahasa yang tepat dan jelas sangat penting untuk memastikan para pembaca memahami kandungan akhbar dengan berkesan (Hamidah Abdul Wahab, 2012). Oleh itu, kajian ini membincangkan tentang kesalahan-kesalahan penggunaan kata, terutamanya dari segi penggunaan imbuhan yang terdapat dalam akhbar-akhbar *online* yang berkaitan dengan sebaran isu-isu semasa.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat banyak kajian lepas yang berkaitan dengan penyalahgunaan kata imbuhan dalam bahasa Melayu yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Antaranya, Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021) menjalankan kajian tentang kesalahan bahasa dalam Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa. Berdasarkan dapatan analisis kajian tersebut,

terdapat banyak kesalahan yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa dalam aspek morfologi seperti kesalahan ejaan, kesalahan imbuhan atau penggunaan katserta istilah. Kajian tersebut juga mendapati bahawa pelajar cenderung menulis perkataan berimbuhan secara terpisah. Misalnya, perkataan perkataan *di pakai* yang sepatutnya ditulis secara bercantum iaitu *dipakai*. Berdasarkan kajian Anne Jeffrey Kihob dan Saidatul Nornis (2021) pula, hasil kajian menunjukkan bahawa murid-murid masih keliru dengan penggunaan imbuhan meN-, di- dan beR- dalam penulisan karangan.

Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhana Mohamad Rusli dan Nurfaizah Abdul Jobar (2020) pula menjalankan kajian terhadap kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar di sekolah. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji-pengkaji tersebut mendapati bahawa terdapat banyak kesalahan dari aspek penggunaan kata imbuhan yang melibatkan tiga jenis imbuhan dan mengikut tiga golongan kata. Antara kesalahannya ialah penggunaan imbuhan kata nama, imbuhan kata kerja dan juga imbuhan kata adjektif. Di samping itu, Ahmed Hafizainol dan Karim Harun (2020) telah mengkaji penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar pondok di Thailand. Kajian tersebut mendapati bahawa kesalahan penggunaan imbuhan awalan meN-, dan beR mencatatkan peratusan yang tinggi iaitu 40% pelajar tidak dapat menggunakan imbuhan awalan tersebut dengan betul dalam sesebuah penulisan. Zeckqueline Melai dan Dayang Nurlisa (2020) pula menjalankan kajian terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan yang dihasilkan pelajar-pelajar asing. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 76% pelajar melakukan kesalahan tatabahasa iaitu berkaitan dengan kesalahan penggunaan kata dan juga ejaan.

Mohd Hazreen Shah Hassan dan Sharil Nizam Sha'ri (2019) juga turut mengkaji kesalahan bahasa dalam rencana akhbar. Berdasarkan kajian tersebut, dapatan kajian mendapati 128 penggunaan kata yang tidak tepat dalam penulisan akhbar yang dikaji. Seterusnya, Amirra Shazreena dan Vijayaletchumy (2019) mengkaji tentang kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat murid yang masih tidak dapat menguasai penggunaan imbuhan dan awalan dengan baik. Kesalahan yang sering dilakukan oleh murid-murid ialah kesalahan memilih unsur yang tepat dalam imbuhan akhiran manakala bagi imbuhan awalan pula murid-murid banyak membuat penambahan unsur-unsur yang tidak perlu ke dalam sesuatu perkataan berimbuhan. Selain itu, kajian oleh Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri dan Nor Azuwan Yaakob (2019) tentang keberkesanan penggunaan bahasa dalam akhbar Melayu bagi penulisan rencana kesihatan. Dapatan kajian mereka menunjukkan strategi penggunaan bahasa yang berkesan ditentukan oleh pemilihan perkataan yang tepat, mudah difahami, berpengaruh; dan pembentukan ayat yang pendek dan jelas.

Siti Norsyahida Mohd A. Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (2015) yang mengkaji penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. Pengkaji menerangkan bahawa masalah kecelaruan bahasa terutamanya penggunaan bahasa bagi aspek morfologi menyebabkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi rendah dan dipandang sepi. Selain itu, Mohammed Zin Nordin et al. (2014) turut membuat kajian terhadap kesalahan penggunaan bahasa bagi papan tanda perniagaan. Antara dapatan kajian tersebut ialah kesalahan penggunaan imbuhan akhiran -an yang digunakan pada nama kedai-kedai. Kajian yang pernah dijalankan oleh Chew dan Rusdani Mohamed (2013) tentang keberkesanan penggunaan akhbar dalam pengajaran karangan dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan akhbar boleh memberi kesan yang positif kepada para pelajar untuk menulis karangan. Berdasarkan kajian-kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa kajian tentang kesalahan imbuhan oleh pelajar sekolah banyak dikaji oleh pengkaji. Namun, kajian tentang kesalahan perkataan berimbuhan dalam

akhbar *online* didapati masih kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesalahan penggunaan perkataan berimbuhan dalam akhbar *online*.

OBJEKTIF

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) mengenal pasti kesalahan penggunaan perkataan berimbuhan dalam ruangan isu-isu semasa akhbar *online*.
- (ii) menganalisis kesalahan penggunaan perkataan berimbuhan dalam ruangan isu-isu semasa akhbar *online*.

KERANGKA TEORETIS

Kajian ini dijalankan berlandaskan teori analisis kesalahan Corder (1981) bagi mengenal pasti dan menganalisis kesalahan penggunaan perkataan berimbuhan yang terdapat dalam akhbar *online*. Corder (1981) menyatakan bahawa terdapat lima langkah yang boleh digunakan dalam menganalisis kesalahan bahasa, iaitu (a) kumpul kesalahan bahasa, (b) kenal pasti kesalahan bahasa, (c) memerihalkan kesalahan bahasa, (d) menjelaskan kesalahan bahasa dan (e) menilai atau membetulkan bahasa. Corder (1981) turut membahagikan kesalahan bahasa kepada tiga jenis, iaitu kesalahan bahasa kepada keliru "*mistake*", kesilapan "*lapses*" dan kesalahan "*error*". "Keliru" ialah penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana pengguna bahasa tidak menggunakan bahasa secara tepat ketika bercakap atau menulis mengikut situasi, sementara "kesilapan" merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku akibat peralihan topik perbincangan penutur kerana penutur beralih cara menyatakan sesuatu sebelum keseluruhan ayat dinyatakan dengan selengkapnya. "Kesalahan" pula ialah penyimpangan pemakaian bahasa dari struktur baku kerana pengguna bahasa belum menguasai tatabahasa. Dalam pada itu, "kesalahan" turut boleh berlaku apabila seseorang penutur yang mahir dan telah menguasai tatabahasa bahasa pertama telah menggunakan aturan tatabahasa tersebut dalam bahasa kedua.

METODOLOGI

Bagi menjalankan kajian terhadap kesalahan penggunaan perkataan berimbuhan dalam akhbar-akhbar *online* ini, kaedah kualitatif dipilih menerusi kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan bukti kajian bagi dokumen atau rekod yang sedia ada. Menurut Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016), langkah ini menjadikan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan untuk menyokong dapatan kajian. Selain itu, Nik Murshidah et al. (2018) menyatakan bahawa analisis tekstual ialah analisis yang dilakukan terhadap sesebuah teks yang bertujuan untuk memahami teks tersebut berdasarkan zahir teks. Oleh itu, data-data kajian diperoleh melalui akhbar-akhbar *online* seperti *MyMetro*, *Utusan Borneo Online*, *Harakah Daily* dan *Berita Harian Online* yang didapatkan melalui Internet, kemudian dianalisis secara mendalam untuk mengenal pasti jenis kesalahan imbuhan perkataan tersebut.

DAPATAN

Bahagian ini menumpukan dapatan dan perbincangan kajian melalui penganalisan kesalahan penggunaan kata imbuhan dalam akhbar-akhbar *online*. Skop kajian dibataskan kepada isu-isu semasa dalam akhbar-akhbar *online* pada tahun 2018 sehingga 2022. Akhbar-akhbar yang digunakan adalah seperti *Berita Harian*, *Utusan Sarawak*, *MyMetro* dan *Harakah Daily*.

Jadual 1: Bahan Penganalisan-MyMetro, Utusan Borneo Online, Berita Harian Online dan Harakah Daily.

Bil.	Bahan Penganalisan	Tanda Kesalahan (*)
	<i>Berita Harian Online</i> bertarikh 4 Mei 2018	
1.	... juga adalah salah satu usaha DBP memperkukuhkan penguasaan asas kemahiran berbahasa...	*memperkukuhkan
	<i>Utusan Borneo Online</i> bertarikh 14 Oktober 2018	
1.	Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan memperluaskan jalan raya...	*memperluaskan
2.	“Sebab itu, kita akan memperluaskan program...”	*memperluaskan
	<i>My Metro</i> bertarikh 21 Januari 2019	
1.	...kedua-duanya meninggal dunia dilokasi kejadian.	*dilokasi
	<i>My Metro</i> bertarikh 22 Ogos 2020	
1.	...kami meminta JPS melakukan kerja mengorek dan memperdalamkan kolam...	*memperdalamkan
	<i>Utusan Sarawak</i> bertarikh 29 Jun 2021	
1.	...banyak negara membangun jauh lebih baik daripada negara industri dengan melakukan vaksinasi besar-besaran terhadap penduduk, sebagai pelindungan dari penyakit berjangkit seperti kolera dan polio.	*pelindungan
	<i>Harakah Daily</i> bertarikh 7 Oktober 2021	
1.	...kementerian juga mempergiatkan sesi libat urus dengan pelbagai kementerian...	*mempergiatkan
	<i>Berita Harian Online</i> bertarikh 24 November 2021	
1.	Nur Sajat menegaskan, tidak akan pulang ke Malaysia kerana berasakan dirinya ditindas dan tidak boleh menjadi diri sendiri.	*berasakan
	<i>My Metro</i> bertarikh 5 Disember 2021	
1.	Kita akui ada segelintir yang monopoli .	*monopoli
	<i>My Metro</i> bertarikh 14 Disember 2021	
1.	Bagi pengunjung yang rindukan percutian ke luar negara, abadikan detik indah di enam galeri.	*rindukan
	<i>MyMetro</i> bertarikh 18 Disember 2021	
1.	...turut beroperasi secara penuh untuk mempercepatkan aliran air...	*mempercepatkan
	<i>Berita Harian Online</i> bertarikh 26 Disember 2021	

1.	BSN menambah, pihaknya akan memakluman status permohonan melalui SMS.	*memakluman
	<i>Berita Harian Online bertarikh 24 Januari 2022</i>	
1.	...berdasarkan sambutan orang Malaysia terhadap pempengaruh bangsa asing yang menggunakan bahasa Melayu...	*pempengaruh
	<i>Berita Harian Online bertarikh 25 Mac 2022</i>	
1.	<i>Polis Johor perkemas corak tugas sempena permbukaan sempadan.</i>	*perkemas

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan jadual di atas, kesalahan penggunaan kata terbitan imbuhan memang tidak asing lagi dalam kalangan wartawan yang melaporkan isu-isu semasa yang berlaku di sekeliling. Ayat “...kami meminta JPS melakukan kerja mengorek dan ***memperdalamkan** kolam..”, ayat “Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan ***memperluaskan** jalan raya...”, ayat “Sebab itu, kita akan ***memperluaskan** program...”, ayat “...turut beroperasi secara penuh untuk ***mempercepatkan** aliran air...”, ayat “...kementerian juga **mempergiatkan** sesi libat urus dengan pelbagai kementerian...” dan ayat “... juga adalah salah satu usaha DBP ***memperkukuhkan** penguasaan asas kemahiran berbahasa...” mengandungi kesalahan penggunaan imbuhan apitan *memper-...-kan*. Kelima-lima kata tersebut berasal daripada kata dasar *dalam, luas, cepat, kukuh* dan *giat*. Keempat-empat kata dasar tersebut merupakan golongan kata adjektif yang tidak boleh menerima imbuhan *memper-...-kan*. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2001, pp 209-210), apitan *memper-...-kan* hanya dapat digunakan oleh dua golongan kata, iaitu kata nama dan kata kerja. Justeru, dalam hal ini, kata *dalam, luas, cepat, kukuh* dan *giat* hanya sesuai menerima imbuhan awalan *memper-...-kan* iaitu akan menjadi *memperdalam, memperluas, mempercepat, memperkukuh* dan *mempregiat*.

Selain itu, petikan “...kedua-duanya meninggal dunia ***dilokasi** kejadian” mengandungi kesalahan imbuhan awalan *di-* pada perkataan *dilokasi*. Kata tersebut berasal daripada kata dasar *lokasi* dan kurang sesuai menerima imbuhan awalan *di-*. Apabila melalui proses pengimbuhan, maka terbentuklah kata *dilokasi* yang tidak memberi apa-apa makna yang tepat berdasarkan konteks petikan dalam akhbar tersebut. Setelah diteliti, kata *dilokasi* sepatutnya dieja terpisah menjadi dua perkataan iaitu *di lokasi* yang membawa satu makna baharu iaitu merujuk kepada pernyataan tentang sebuah kawasan atau tempat. Menurut Anne Jeffery Kihob & Saidatul Nornis Mahali (2021), kekeliruan cara pengejaan perkataan *di* sama ada perlu dijarakkan atau dirapatkan, timbul apabila individu tersebut tidak mengetahui perbezaan antara kata perbuatan dengan kata yang menunjukkan kedudukan atau tempat. Kata perbuatan merujuk kepada kata yang menerima imbuhan awalan *di-* dan menunjukkan sesuatu tindakan yang dilakukan, misalnya dihantar, diambil, dibuka, dibeli, disiram dan sebagainya. Maka dengan itu, kata *lokasi* bukan kata perbuatan, sebaliknya kata yang menunjukkan tempat dan tidak sesuai untuk menerima imbuhan *di-*, justeru perlu dieja berpisah iaitu *di lokasi*.

Seterusnya, petikan seterusnya iaitu “Nur Sajat menegaskan, tidak akan pulang ke Malaysia kerana ***berasakan** dirinya ditindas dan tidak boleh menjadi diri sendiri. Kata *berasakan* berasal daripada kata dasar *rasa* yang telah menerima imbuhan apitan *be-...-kan*. Namun, imbuhan apitan *be-...-kan* tidak wujud dan tidak mempunyai makna sama sekali, melainkan *ber-...-kan*, maka pembentukan kata *berasakan* adalah salah. Sekiranya kata dasar perkataan tersebut ialah *asa*, maka apitan *ber-...-kan* boleh digunakan untuk membentuk kata

berasakan, tetapi kata *asa* tidak wujud di samping ia akan menjejaskan konteks sebenar ayat kerana isi utama ayat tersebut ialah tentang perasaan Sajat, maka ia berkaitan dengan kata *rasa*. Setelah diteliti, imbuhan apitan *me-...-kan* yang akan menghasilkan kata *merasakan* yang bermaksud sesuai digunakan untuk menggantikan kata *berasakan*. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *merasakan* membawa maksud memikirkan. Jadi, dalam konteks ayat tersebut jelaslah bahawa Sajat memikirkan dirinya ditindas dan tidak ingin pulang ke Malaysia.

Ayat yang seterusnya iaitu “*Kita akui ada segelintir yang *monopoli.*” mengandungi kesalahan imbuhan istilah yang sepatutnya digantikan dengan istilah untuk menunjukkan makna yang tepat. Kata *monopoli* merupakan kata dasar. Dalam konteks ayat tersebut, penulis sepatutnya menambah imbuhan awalan *me-*, maka terbentuklah kata *memonopoli* yang merupakan golongan kata kerja. *Memonopoli* jelas menunjukkan perbuatan seseorang individu yang berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *memonopoli* bermaksud penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan, perdagangan, perkhidmatan dan sebagainya dalam pasaran tertentu oleh seseorang.

Seterusnya, ayat “*Bagi pengunjung yang *rindukan percutian ke luar negara, abadikan detik indah di enam galeri...*”. Kata *rindukan* merupakan kata terbitan yang berasal daripada dua perkataan iaitu *rindu* dan *akan*. Apabila kata *akan* mengalami proses pengguguran huruf depan vokal 'a', perkataan *rindu* dan *akan* digabungkan dan menjadi *rindukan*. Kata *rindu* merupakan kata adjektif perasaan dan kata adjektif tidak boleh menerima imbuhan akhiran, maka kata *rindu* perlu diikuti oleh kata sendi *akan* untuk menunjukkan kegramatisan ayat tersebut. Berdasarkan Tatabahasa Dewan (2015), kata adjektif tidak boleh menerima mana-mana imbuhan akhiran. Namun, apabila diteliti dengan mendalam, kata *rindukan* boleh digantikan dengan kata *merindukan* yang merupakan golongan kata kerja di mana kata ini mengalami proses pengimbuhan apitan iaitu *me-...-kan*, maka ayat tersebut menjadi “*Bagi pengunjung yang merindukan percutian ke luar negara, abadikan detik indah di enam galeri...*”.

Petikan seterusnya iaitu “*BSN menambah, pihaknya akan *memakluman status permohonan melalui SMS.*”. Perkataan *memakluman* berasal daripada kata dasar *maklum* yang berdasarkan Kamus Bahasa Melayu (2015), bermaksud sudah tahu, sudah mengerti, faham atau mengetahui. Imbuhan apitan *me-...-an* telah ditambah ke dalam perkataan tersebut melalui proses pengimbuhan maka terbentuklah perkataan *memakluman*. Namun, perkataan tersebut salah kerana tidak membawa apa-apa makna dalam konteks ayat tersebut. *Memakluman* sepatutnya digantikan dengan *memaklumkan* yang merupakan kata terbitan hasil daripada penerimaan imbuhan apitan *meN-...-kan* yang memberi makna memberitahukan, mengkhabarkan atau menyatakan.

Ayat seterusnya, “*...berdasarkan sambutan orang Malaysia terhadap *pempengaruh bangsa asing yang menggunakan bahasa Melayu...*”. Jika diteliti, kata *pempengaruh* merupakan kata terbitan yang menerima imbuhan awalan *pem-*. Namun, kata *pempengaruh* sama sekali tidak mempunyai makna dalam ayat tersebut dan kata yang sesuai menggantikan *pempengaruh* ialah *pengaruh* yang tidak perlu menerima apa-apa imbuhan kerana perkataan itu boleh berdiri sendiri untuk menjelaskan makna yang tepat dalam konteks ayat tersebut. Berdasarkan ayat tersebut, setelah ditukar kepada *pengaruh*, konteksnya menunjukkan pengaruh bangsa asing yang menggunakan bahasa Melayu menjelaskan bagaimana sambutan orang Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan bangsa asing. Kebanyakan data yang diperoleh merupakan kesalahan penggunaan imbuhan apitan *memper-...kan* dalam kata adjektif.

Petikan “*Polis Johor perkemas corak tugas sempena permbukaan sempadan.*” mengandungi kesalahan imbuhan awalan *per-* pada perkataan *perkemas*. Menurut Salbia Hassan (2010), imbuhan awalan *peR-* tidak lagi produktif kerana imbuhan *peR-* banyak

membentuk perkataan dalam bahasa Melayu Klasik, misalnya yang dapat dikenal pasti dalam hikayat-hikayat klasik adalah seperti *perkenan*, *peroleh*, *perbuat* dan sebagainya. Kata *perkemas* berasal daripada kata dasar *kemas* dan mengikut konteks ayat tersebut, kata *kemas* sesuai menerima imbuhan awalan *me-*. Maka, ayat tersebut akan menjadi “*Polis Johor mengemas corak tugasan sempena permbukaan sempadan.*”. Setelah dibetulkan, kata *kemas* menerima imbuhan awalan *me-* yang mengalami pengguguran konsonan *k* pada kata *kemas*. Apabila digugurkan, kata yang terbentuk ialah *mengemas* yang tergolong dalam golongan kata kerja yang menunjukkan perbuatan atau perlakuan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, media massa seperti akhbar masih tidak terlepas daripada berlaku kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan artikel berita. Selain itu, akhbar *online* merupakan salah satu platform dalam penyampaian maklumat dan berita yang paling pantas kepada masyarakat, maka apabila terdapat kesalahan dari segi penggunaan perkataan berimbuhan, istilah dan sebagainya akan membawa implikasi kepada bahasa Melayu itu sendiri kerana sudah pasti menyukarkan usaha dalam memartabatkan bahasa Melayu yang disegani oleh masyarakat pengguna bahasa Melayu. Oleh itu, pihak penerbitan akhbar khususnya akhbar *online* hendaklah mengambil inisiatif dengan mewajibkan editor bahasa untuk membuat penyemakan bahasa pada artikel berita yang ditulis oleh wartawan sebelum artikel tersebut dibenarkan untuk diterbitkan bagi menangani isu kesalahan bahasa dalam akhbar. Selain itu, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui munshi bahasa juga boleh bekerjasama dengan pihak akhbar untuk mewujudkan ruangan sembang bahasa Melayu untuk memberikan pendedahan penggunaan tatabahasa yang tepat kepada masyarakat, khususnya para pembaca akhbar *online*.

RUJUKAN

- Ahmed Hafizainol Ahmed Adris & Karim Harun. (2020). Penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar pondok bantan Thailand. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 457 – 477.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan teori analisis Corder (1973). *International Journal of the Malay and Civilisation*, 7(1), 3-13.
- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali. (2021). Penguasaan murid tentang penggunaan imbuhan Men-, Di- dan Ber- dalam penulisan karangan respons terbuka. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 32 (2), 89 – 110.
- Azean Idruwani Idrus & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Analisis kesilapan dalam laporan media: Morfologi dan sintaksis. Dlm. Kamariah Kamaruddin, Arba'ie Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Samsina Abdul Rahman. (Eds.). *Kelestarian Bahasa: Satu Rumpun Satu Ikatan* (hlm. 18-31). Penerbit UPM.
- Che Hazira Che Roza & Hanita Hassan. (2020), Strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah. *LSP International Journal*, 7 (2), 139 – 153.
- Chew, F.P. & Rusdani Mohamed. (2013). Keberkesanan penggunaan akhbar dalam pengajaran karangan dalam kalangan pelajar tingkatan enam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 18-30.

- Corder, S.P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press.
- Hamidah Abdul Wahab. (2012). Aspek kelewahan dalam laporan akhbar atas talian. *Issues in Language Studies*, 1 (2): 24-31.
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Shahril Nizam Sha'ri. (2019). Analisis penggunaan bahasa dalam penulisan rencana akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21 (2), 55-71.
- Mohd Hazreen Shah Hassan, Shahril Nizam Sha'ri & Nor Azuwan Yaakob. (2019). Keberkesanan penggunaan bahasa dalam akhbar Melayu: Tindak balas strategik terhadap literasi kesihatan dalam kalangan pembaca tempata. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 6(1), 95-109.
- Mohd Zin Nordin, Mohd Taib Ariffin, Khairul Azam Bahari & Siti Munirah Md. Zukhi. (2014). Kesalahan penggunaan bahasa papan tanda perniagaan. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 134 (1), 330 - 349
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka: 235-237.
- Nik Murshidah Nik Din, Najihah Abd Wahid, Rahimah Embong, Khazri Osman & Nik Muniyati Nik Din. (2018). Pelanalisis tekstual sebagai method dalam memahami ungkapan puisi imam al-shafie r.h.m. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19(1), 112-119.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2), 145 - 159
- Nurul Adzwa Ahamad, Nurfarakhanna Mohd Rusli & Nurfaizah Abdul Jobar. (2020). Analisis penulisan karangan pelajar dan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1), 77 – 90.
- Nurul Ain Alizudin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu pelajar antarabangsa. *International Social Science and Humanities Journal*, 4 (1), 113 – 127.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2), 197 – 209.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business and Social Development*, 3 (2), 34 – 50.
- Suraiya Chapakiya. (2015). *Asas Linguistik*. PTS Publications Sdn. Bhd.
- Zaliza Mohammad Nasir. (2017). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *International Journal*, 4 (1), 23 -35.

KOLOKIUUM BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU 2022
Anjuran Jabatan Bahasa Melayu International Islamic University Malaysia & Jabatan Bahasa
Melayu IPG Kampus Tun Abdul Razak 31 Mac 2022

Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisan Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issue in Language Studies*, 9 (1), 86 -106.

ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN IMBUHAN DALAM MEDIA SOSIAL MENGIKUT TEORI CORDER

Ervinia Jeselyne Anak Yat

ervinia23-323@epembelajaran.edu.my

Umi Shafirah binti Jinal

Umi23-337@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Perkembangan dunia teknologi mutakhir telah membawa perubahan drastik sehingga kemunculan pelbagai media sosial yang boleh didapati secara percuma melalui *App Store* dan *Play Store*, misalnya *Twitter*, *Instagram*, *Facebook*, dan *WhatsApp*. Media sosial merupakan satu platform untuk pengguna media sosial berkongsi maklumat atau memberi pendapat mengenai suatu isu semasa. Justeru, media sosial mempunyai jumlah pengguna yang ramai kerana mudah digunakan dan tidak dikenakan sebarang bayaran. Bahasa utama yang digunakan oleh kebanyakan pengguna media sosial di negara ini ialah bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan penggunaan perkataan berimbuhan dalam media sosial yang difokuskan, iaitu *Facebook*, *Instagram*, *Whatsapp* dan *Twitter*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan analisis teks, manakala teori yang digunakan dalam kajian ini berlandaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Hasil kajian menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan perkataan berimbuhan masih berleluasa oleh masyarakat di Malaysia, terutamanya pengguna media sosial. Kesimpulannya, pengguna media sosial harus lebih peka dan prihatin semasa menggunakan bahasa Melayu, terutama dalam media sosial kerana apa-apa sahaja yang ditulis dapat dibaca dan dilayari oleh semua pengguna media sosial. Oleh itu, sekiranya bahasa Melayu yang digunakan dalam media sosial terdapat banyak kesalahan seperti imbuhan, kemungkinan akan menjadi ikutan dan dianggap sebagai betul oleh pengguna media sosial yang bukan berlatar belakang akademik yang tinggi dalam bidang tatabahasa bahasa Melayu.

Kata Kunci: *Bahasa Melayu, kesalahan imbuhan, media sosial, teori analisis kesalahan Corder*

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan medium utama dalam komunikasi dan perhubungan antara masyarakat kita untuk menyalurkan maklumat dan berita, meluahkan perasaan serta memberi pandangan terhadap suatu isu khususnya dalam media sosial. Farizah Hashim, Adenan Ayob dan Mohd Rosli Saludin (2018) menyatakan bahawa media sosial merupakan medium yang menjadi pilihan utama semua lapisan masyarakat untuk berinteraksi pada zaman ini. Justeru, fenomena komunikasi dunia tanpa sempadan yang berpaksikan Internet sudah sebatik dalam setiap lapisan umur. Namun demikian, kesalahan bahasa nyata dan banyak ditemui dalam ruangan penulisan media sosial yang merangkumi pelbagai kesalahan morfologi. Menurut Zaliza (2017), kesalahan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai bahasa baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesilapan itu juga meliputi semua aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Oleh itu, Sharil Nizam Sha'ri (2010) berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang tepat, standard dan segar akan menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati dan sukar dilupakan oleh pembaca. Mohd Hazreen Shah Hassan dan Sharil Nizam

Sha'ri (2019) menambah, kesalahan berbahasa yang berlaku mungkin disadari atau mungkin tidak disadari oleh penulis ataupun pembaca.

Menurut Siti Ezaileila Mustafa dan Azizah Hamzah (2011), fenomena pencemaran bahasa melalui sms ataupun aplikasi perhubungan yang lain dan ruang sembang menerusi Internet seperti *Facebook*, *Twitter* dan lain-lain seolah-olah sudah menjadi satu perkara biasa kepada pengamal media berkenaan. Sekiranya kesalahan penggunaan perkataan berimbunan menerusi media sosial semakin dibiarkan, maka usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Malaysia akan tergugat. Hal ini berlaku kerana kurangnya kesedaran tentang penggunaan bahasa Melayu yang menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian tentang kesalahan bahasa khususnya bahasa Melayu banyak dijalankan oleh pengkaji tempatan sebelum ini. Antaranya, seperti kajian daripada Nurul Adzwa Ahamad et al. (2020) tentang kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar telah menunjukkan bahawa berdasarkan kajian dalam beberapa 30 orang murid tingkatan 4. Dapatan daripada kajian mereka telah membuktikan bahawa murid masih melakukan kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan karangan mereka. Kesalahan imbuhan yang dikenal pasti dalam kajian menunjukkan bahawa terdapat 66 kesalahan imbuhan yang telah dilakukan oleh murid-murid tersebut. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Nik Muhammad Izzudin, Pulavendran Vijaya Kumaran dan Kamarul Azmi (2019) terhadap media sosial dan impak kepada perkembangan bahasa menurut Islam. Hasil kajian mereka menyimpulkan bahawa media sosial memberi kesan yang besar kepada perkembangan bahasa sama ada kesan baik ataupun kesan buruk.

Bukan itu sahaja, kajian yang lepas daripada Alhaadi dan Zaitul Azma Zainon (2018) yang mengkaji tentang kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua iaitu pelajar Cina dari aspek morfologi dan dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan imbuhan kerap dilakukan khususnya imbuhan awalan di-, imbuhan awalan men- dan sebagainya. Dapatan kajian tersebut merumuskan bahawa perbezaan dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Cina telah menimbulkan kesukaran kepada murid untuk mempelajari bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua bagi murid yang berbangsa Cina. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Farizah Hashim, Adenan Ayob dan Mohd Rosli Saludin (2018) mengenai pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun lima. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa bagi penulisan murid tahun lima.

Selain itu, kajian oleh Siti Norsyahida, Nor Azuwan dan Che Ibrahim (2015) tentang penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat kesilapan dalam penggunaan morfologi yang meliputi aspek kata tunggal, kata terbitan, kata penggandaan dan kata majmuk. Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan imbuhan bukan sahaja berlaku semasa penulisan karangan oleh murid-murid, namun kesalahan penggunaan imbuhan dalam media sosial juga kerap dilakukan oleh pengguna media sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesalahan penggunaan imbuhan dalam media sosial seperti *Twitter*, *Instagram*, *Whatsapp* dan *Facebook* yang mempunyai pengguna yang ramai.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji kesalahan penggunaan imbuhan di media sosial.
2. Menganalisis kesalahan imbuhan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder.

KERANGKA TEORETIS

Kajian mengenai kesalahan penggunaan imbuhan dalam media sosial ini dianalisis menggunakan teori analisis kesalahan oleh Corder (1981). Menurut Corder (1981), terdapat lima langkah yang boleh digunakan dalam menganalisis kesalahan bahasa, iaitu (i) kumpul kesalahan bahasa, (ii) kenal pasti kesalahan bahasa, (iii) memerihalkan kesalahan bahasa, (iv) menjelaskan kesalahan bahasa dan (v) menilai atau membetulkan bahasa. Selain itu, Corder (1981) turut membahagikan kesalahan bahasa kepada tiga jenis, iaitu kesalahan bahasa kepada keliru “*mistake*”, kesilapan “*lapses*” dan kesalahan “*error*”. Oleh itu, teori Corder (1981) amat sesuai dijadikan landasan dalam kajian ini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kajian kepustakaan dan analisis teks. Mohd Shaffie (1991) menyatakan bahawa kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian terhadap dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Menurut Nik Murshidah et al. (2018), analisis tekstual ialah analisis yang dilakukan terhadap sesebuah teks yang bertujuan untuk memahami teks tersebut berdasarkan zahir teks. Oleh itu, data yang diperlukan dalam kajian ini diperolehi melalui media sosial. Pengkaji menganalisis teks yang didapatkan daripada media sosial iaitu *Twitter*, *Instagram* dan *Facebook*. Selain itu, teori Corder (1981) dijadikan sebagai landasan dalam menganalisis kesalahan penggunaan imbuhan.

DAPATAN KAJIAN

Data kajian yang telah dianalisis kemudian diterjemahkan dalam bentuk jadual. Selain itu, data-data kajian yang dikenal pasti dan dianalisis menggunakan teori analisis kesalahan Corder (1981) tentang jenis kesalahan penggunaan imbuhan menerusi *Twitter*, *Instagram* dan *Facebook*.

Bil.	Jenis Imbuhan	Ayat	Kesalahan imbuhan	Pembetulan	Media sosial
1.	Akhiran	“Ditegur Ogy kerana tinggalkan set, pelakon baharu Nina Smith terpaksa ke Amerika Syarikat ziarah bapa kena strok.”	...tinggalkan... (kesalahan penggunaan imbuhan akhiran ...-kan)	meninggalkan (imbuhan apitan meN...-kan)	<i>Instagram</i>
2.		“Ditegur Ogy kerana tinggalkanset , pelakon baharu Nina Smith terpaksa ke Amerika Syarikat ziarah	...kena... (tiada imbuhan)	terkena (imbuhan awalan ter-)	

KOLOKIUUM BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU 2022
Anjuran Jabatan Bahasa Melayu International Islamic University Malaysia & Jabatan Bahasa Melayu IPG Kampus Tun Abdul Razak 31 Mac 2022

		bapa kena strok.”			
3.	Awalan	“Upacara menaik bendera Sang Saka Bangsa pagi tadi.”	menaik bendera (kesalahan penggunaan imbuhan awalan Me-)	menaikkan (imbuhan apitan <i>meR-...-kan</i>)	<i>Twitter</i>
4.		“Saat ini benar-benar diuji. #Selangor yang paling banyak kemaksiatan yang berlaku, namun tetap dilindung . Ayuh, ambil ibrah bersama.”	...dilindung. (kesalahan imbuhan awalan di-...)	dilindungi (imbuhan apitan di-...-i)	<i>Facebook</i>
5.		Mereka sangat bangga dengan perbuatan menghisap rokok, berminum alkohol dan menagih dadah	...berminum arak... (kesalahan penggunaan imbuhan awal Ber-)	meminum (imbuhan awalan me-...)	<i>Twitter</i>
6.		Semasa kamu bertidur, kamu akan dapat menyelesaikan badan kamu yang sedang keletihan.	...bertidur... (kesalahan penggunaan imbuhan awalan ber-...)	tidur (kata dasar)	<i>Twitter</i>
7.		Peserta Kem Kasih digalak untuk mengisi kehadiran di pautan yang diberikan untuk memudahkan urusan penyediaan sijil.	digalak (kesalahan penggunaan imbuhan awalan di-)	digalakkan (imbuhan apitan di-...-kan)	<i>WhatsApp</i>

KOLOKIU M BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU 2022
Anjuran Jabatan Bahasa Melayu International Islamic University Malaysia & Jabatan Bahasa
Melayu IPG Kampus Tun Abdul Razak 31 Mac 2022

8.	Awalan	Bagi aku roti ni bukan makanan pengenyang , cuma untuk alas perut ketika sarapan.	pengenyang (kesalahan penggunaan imbuhan awalan peng-)	mengenyangkan (imbuhan apitan meng-...-kan)	<i>Instagram</i>
9.	Apitan	Nasi merupakan makanan yang tinggi karbohidrat dan perlu diambilkan dengan banyak setiap hari	diambilkan (kesalahan imbuhan apitan di-...-kan)	diambil (imbuhan awalan di-...)	<i>Twitter</i>
10.		Orang dewasa tidak sepatutnya bergaduhan dan menggunakan kata-kata kesat di depan anak-anak	bergaduhan (kesalahan imbuhan apitan ber-...-an)	bergaduh (imbuhan awal ber-...)	<i>Facebook</i>
11.		Hubungan bermasyarakat perlulah saling bekerjasama. Hal ini petepatan dengan peribahasa bagai aur dengan tebing.	petepatan (kesalahan imbuhan apitan pe-...-an)	bertepatan (imbuhan beR-...-an)	<i>Facebook</i>
12.		“Tak tahu kenapa berat aku ni turun lagi, dia bagus tapi mengrisaukan ya.”	mengrisaukan (kesalahan penggunaan imbuhan apitan meng-...-kan)	merisaukan (imbuhan apitan meN-...-kan)	<i>Twitter</i>
13.		Peserta perlu memastikan telefon bimbit berada dalam mod senyap semasa majlis sedang berlansung.	mempastikan (kesalahan penggunaan imbuhan apitan mem-...-kan)	memastikan (imbuhan apitan me-...-kan)	<i>WhatsApp</i>

PERBINCANGAN DAPATAN

Imbuan Akhiran

Kesalahan penggunaan imbuan dalam media sosial yang telah dikenal pasti ialah **tinggalkan**. Tinggal ialah kata kerja dan dan imbuan akhiran *-kan* tidak sesuai digunakan bagi perkataan tinggal. Dalam konteks ini, tinggal bermaksud diam (di), menetap merujuk kepada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010). apabila dirangkaikan dengan imbuan akhiran *-kan*, ayat tersebut tidak memberi makna kerana tinggalkan tidak ada makna. Tinggal juga yang merupakan kata kerja tak transitif berpelengkap yang memerlukan pelengkap selepas perkataan tinggal. Oleh hal yang demikian, imbuan yang sesuai bagi perkataan *tinggal* mengikut konteks ayat tersebut ialah imbuan apitan *me-...-kan*, iaitu “meninggalkan” yang bermaksud “pergi dari’ atau “berundur dari”.

Dalam masa yang sama, terdapat satu lagi kesalahan yang telah dikenal pasti dalam ayat “Ditegur Ogy kerana tinggalkan set, pelakon baharu Nina Smith terpaksa ke Amerika Syarikat ziarah bapa kena strok.” iaitu perkataan “kena”. Perkataan kena tidak sesuai untuk digunakan dalam konteks ayat tersebut kerana tidak dirangkaikan dengan imbuan. Imbuan ayang perlu dirangkaikan dengan perkataan kena ialah imbuan awalan *ter-* untuk memperoleh perkataan baharu iaitu terkena dengan maksud lebih bermakna. Imbuan awalan *ter-* yang merupakan imbuan yang boleh diimbuhkan pada semua kata dasar untuk menerbitkan perkataan *terkena* yang menunjukkan keadaan seseorang yang menghidap penyakit. Oleh itu, ayat baharu yang menggunakan imbuan yang betul ialah “Ditegur Ogy kerana **meninggalkan** set, pelakon baharu Nina Smith terpaksa ke Amerika Syarikat ziarah bapa **terkena** strok.”

Imbuan Awalan

Seterusnya, analisis bagi kesalahan penggunaan imbuan dalam media sosial yang seterusnya ialah **...menaik** bendera.... Umum mengetahui bahawa, menaik tidak sesuai untuk menunjukkan perbuatan yang ingin dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, menaik hanya menggunakan imbuan awalan *me-* yang akan membawa makna bergerak ke atas menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010). namun, perkataan menaik tidak sesuai untuk menggambarkan keadaan bendera yang naik oleh seseorang. Oleh hal yang demikian, perkataan naik mesti dirangkaikan dengan imbuan apitan *me-...-kan* mengikut konteks ayat membentuk perkataan menaikkan. Perkataan menaikkan yang diberi imbuan apitan *me-...-kan* lebih menunjukkan perbuatan seseorang yang sedang melakukan perbuatan menaikkan bendera ke atas. Menaikkan bermaksud menjadikan sesuatu naik;meletakkan di tempat yang tinggi menurut *Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2008). oleh itu, perkataan menaikkan lebih sesuai digunakan dalam konteks ayat “Upacara **menaikkan** bendera Sang Saka Bangsa pagi tadi.” kerana makna perkataan tersebut lebih tepat dan dapat menggambarkan perbuatan yang hendak disampaikan.

Di samping itu, analisis bagi kesalahan penggunaan imbuan dalam media sosial iaitu **dilindung** dapat dilihat kesalahan imbuan yang digunakan kerana tidak dapat menyampaikan makna kepada orang ramai. Pengguna media sosial yang memuat naik ‘post’ tersebut di *Facebook* tidak mementingkan penggunaan imbuan yang betul dan menganggap perkara tersebut tidak bermakna. Namun, sesetengah orang tidak akan faham maksud yang ingin disampaikan oleh pengguna media sosial tersebut kerana perkataan dilindung tidak mempunyai makna dan salah. Perkataan dasar lindung yang bermaksud bersembunyi; tidak menampakkan diri oleh orang lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010) dan apabila imbuan di-dirangkaikan dengan lindung menjadi dilindung tidak dapat memberi sesuatu yang bermakna kepada maklumat yang ingin disampaikan. Oleh hal yang demikian, imbuan yang sesuai digunakan ialah imbuan apitan *di-...-i*. kata dasar lindung apabila dirangkaikan dengan imbuan apitan *di-...-i* akan menjadi **dilindungi** yang bermaksud terdapat seseorang yang

menyembunyikan benda tersebut dan tidak mendedahkan sesuatu perkara kepada orang lain. Jadi, maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengguna media sosial tersebut akan bermakna dan orang lain akan memahami makna ayat tersebut ketika membacanya.

Bukan itu sahaja, kesalahan imbuhan awalan yang seterusnya pula ditemui menerusi aplikasi *Twitter* iaitu perkataan **berminum**. Ayat tersebut merujuk kepada perbuatan meminum alkohol. Namun demikian, sekiranya awalan *ber-* digunakan menjadi perkataan berminum alkohol, maka ia tidak membawa makna yang tepat yang ingin disampaikan. Hal ini secara tidak langsung tidak akan menunjukkan makna yang tepat untuk menyampaikan perbuatan meminum alkohol. Oleh itu, imbuhan yang sesuai untuk digunakan iaitu awalan *meN-* iaitu *me-*. Hal ini demikian kerana awalan ini akan menjadi *me-* apabila bergabung dengan kata dasar yang dimulakan dengan huruf *l, m, n, r, w, y, ny* dan *ng*. Bukan itu sahaja, penggunaan imbuhan *me-* ini adalah menepati makna penggunaan imbuhan ini, iaitu melakukan sesuatu perbuatan minum alkohol. Tuntasnya, dalam konteks ayat ini, awalan *me-* sepatutnya digunakan, iaitu *Mereka sangat bangga dengan perbuatan menghisap rokok, meminum alkohol dan menagih dadah.*

Bukan itu sahaja, berdasarkan sumber *Twitter*, terdapat juga kesalahan imbuhan awalan *ber-* yang dikenali iaitu bertidur yang diperoleh melalui ayat *Semasa kamu bertidur, kamu akan dapat menyelesaikan badan kamu yang sedang keletihan.* Berdasarkan ayat ini, penggunaan perkataan *bertidur* tidak dapat menunjukkan perihai yang berlaku kerana perkataan ini merupakan bentuk kata kerja transitif yang memerlukan pelengkap, tanpa pelengkap atau berpenerang. Oleh itu, untuk menyampaikan makna ayat ketiga tidur, adalah lebih sesuai dan tepat dengan hanya mengekalkan kata dasar itu sahaja tanpa perlu menambahkan imbuhan. Ayat yang tepat iaitu seperti, *Semasa kamu tidur, kamu akan dapat menyelesaikan badan kamu yang sedang keletihan.*

Kesalahan penggunaan imbuhan awalan seterusnya ialah **dipegang** kerana imbuhan awalan *di-* tidak sesuai untuk dirangkaikan dengan perkataan pegang dan tidak menyampaikan maksud yang betul dalam ayat “*Kawan aku kena ragut masa dia balik dari kerja, dia kata ada dua orang lelaki menaiki sebuah motosikal menghampirinya dan terus meragut beg dipegang. Hati-hati semua ketika berada di luar*”. Maksud perkataan yang menerima imbuhan awalan iaitu dipegang ialah menggenggam sesuatu oleh seseorang tetapi tidak dinyatakan secara jelas pelaku yang memegang beg tersebut. Perkataan pegang hendaklah diberi imbuhan apitan *di-...-nya* bagi konteks ayat di atas. Maksud perkataan yang diberi imbuhan yang betul iaitu dipegangnya ialah seseorang yang diketahui identitinya sedang menggenggam sesuatu. Fungsi imbuhan 'nya' untuk memberikan penegasan terhadap siapa yang memegang beg tersebut iaitu pelajar kolej tersebut dan bukannya peragut. Ayat yang betul ialah “*Kawan aku kena ragut masa dia balik dari kerja, dia kata ada dua orang lelaki menaiki sebuah motosikal menghampirinya dan terus meragut beg dipegangnya. Hati-hati semua ketika berada di luar.*”

Perkataan **digalak** tidak cukup kukuh untuk menunjukkan perbuatan yang mesti dilakukan oleh objek tepat iaitu orang ramai. Dalam konteks ayat tersebut, peserta Kem Kasih merupakan objek tepat manakala objek sipi ialah untuk mengisi kehadiran di pautan yang diberikan untuk memudahkan urusan penyediaan sijil. Penambahan imbuhan *-kan* yang menjadikan perkataan digalak tergolong dalam imbuhan apitan *di-...-kan* iaitu digalakkan. Perkataan digalakkan menunjukkan perbuatan yang dilakukan oleh objek tepat iaitu peserta Kem Kasih ke atas objek sipi (untuk mengisi kehadiran di pautan yang diberikan untuk memudahkan urusan penyediaan sijil.). Jadi, perubahan fungsi daripada imbuhan awalan *di-* iaitu digalak kepada imbuhan apitan *di-...-kan* adalah bertepatan dengan konteks ayat tersebut yang memfokuskan perkara yang patut dilakukan oleh objek tepat.

Bukan itu sahaja, melalui aplikasi *instagram*, terdapat seorang pengguna yang melakukan kesalahan penggunaan imbuhan dalam “post” yang dimuat naik olehnya di media

sosial instagram miliknya. Kesalahan penggunaan imbuhan yang diletakkan dalam ayatnya ialah “Bagi aku, roti ni bukan makanan **pengenyang**, cuma untuk alas perut ketika sarapan”. Imbuhan awalan peng- ditambah dengan kata dasar kenyang menerbitkan perkataan pengenyang tidak sesuai dan tidak tepat dalam konteks ayat tersebut kerana telah menjejaskan gramatis ayat yang ingin dibina di samping tidak memberikan makna pada perkara yang ingin disampaikan. Imbuhan awalan peng- pada kata dasar kenyang perlu diganti dengan imbuhan apitan *meng-...-kan* kerana perkataan pengenyang tidak terkandung dalam kamus dewan dan kata dasar kenyang hanya boleh dirangkaikan dengan imbuhan apitan untuk membina ayat yang gramatis. Oleh itu, perkataan mengenyangkan lebih tepat dan sesuai untuk digunakan dalam ayat tersebut kerana dapat menyampaikan makna yang lebih jelas kepada pembaca. Tambahan pula, ayat tersebut menjadi tidak gramatis juga kerana tidak menggunakan kata hubung pancangan relatif ‘yang’ untuk menghubungkan klausa utama dan klausa kecil. Ayat yang baharu setelah mengganti imbuhan ialah *Bagi aku roti ni bukan makanan yang mengenyangkan, cuma untuk alas perut ketika sarapan.*

Imbuhan Apitan

Berdasarkan data yang diperoleh dalam jadual 1 berikut, dapatan bagi kesalahan penggunaan imbuhan yang telah dianalisis ialah kesalahan imbuhan apitan iaitu **mengrisaukan**. Perkataan mengrisaukan tidak sesuai digunakan dan dimasukkan imbuhan apitan *meng-...-kan* kerana perkataan tersebut tidak memberikan makna kepada ayat yang dibina. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkataan mengrisaukan wujud hasil daripada bahasa pasar yang telah menjadi ikutan generasi kini dan sering digunakan di media sosial. Senario ini amat membimbangkan jika perkataan tersebut masih digunakan, maka tidak mustahil generasi akan datang akan menggunakannya dalam penulisan mereka kerana menganggap perkataan tersebut betul. Namun demikian, perkataan tersebut tidak sesuai dan imbuhan yang betul ialah **merisaukan**. Imbuhan yang digunakan ialah imbuhan apitan *me-...-kan*. Perkataan merisaukan perlu ditambah imbuhan apitan *me-...-kan* daripada kata dasarnya iaitu risau dan terbitlah kata kerja terbitan merisaukan yang bermaksud menimbulkan rasa risau menurut *Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2008). Dengan ini, perkataan merisaukan dapat menyampaikan makna yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Ayat yang betul dengan menggunakan imbuhan yang sesuai ialah “*Tak tahu kenapa berat aku ni turun lagi, dia bagus tapi merisaukan ya.*”. Sesungguhnya, penggunaan imbuhan yang betul dan tepat amat penting dalam pembinaan sesebuah ayat yang gramatis agar makna ayat tersebut dapat disampaikan dengan bermakna.

Bukan itu sahaja, kesalahan imbuhan lain yang turut ditemui menerusi media sosial iaitu *Facebook* termasuklah perkataan *bervitaminkan*. Perkataan *bervitaminkan* tidak sesuai digunakan dan dimasukkan imbuhan apitan *ber-...-kan* kerana perkataan tersebut tidak memberikan makna kepada ayat yang dibina. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan vitamin merupakan kata nama am. Umum mengetahui bahawa, imbuhan *ber-...-kan* adalah wujud dalam apitan kata kerja. Oleh itu, bagi memberi makna kepada ayat tersebut, perkataan yang sesuai digunakan iaitu *mengkonsumsi vitamin*. Perkataan ini sesuai untuk digunakan bersama perkataan vitamin kerana makna yang ingin disampaikan dapat difahami.

Berdasarkan dapatan seterusnya yang menerusi Twitter, terdapat kesalahan imbuhan apitan yang telah ditemui iaitu imbuhan pada perkataan *diambilkan*. Ayat yang ditemui iaitu, *Nasi merupakan makanan yang tinggi karbohidrat dan perlu diambilkan dengan banyak setiap hari*. Apitan *di-...-kan* adalah berperanan untuk membentuk kata kerja pasif dan perkataan yang menggunakan imbuhan ini merupakan penanda pasif diri orang ketiga. Oleh itu, ayat tersebut jelas ingin menjelaskan panduan mengambil makanan karbohidrat tetapi penggunaan apitan *di-...-kan*, iaitu *diambilkan* dalam ayat tersebut telah menjadikan ayat tersebut seakan merujuk orang yang membantu mengambil sesuatu. Jelaslah bahawa makna

ayat yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut adalah terpesong daripada maksud sebenar yang ingin disampaikan disebabkan penggunaan imbuhan yang salah. Oleh itu, penggunaan apitan tersebut adalah tidak sesuai dengan konteks ayat tersebut kerana tidak merujuk kepada orang. Maka, imbuhan tersebut perlu digantikan dengan imbuhan awalan *di-* sahaja, iaitu *diambil*. Ayat tersebut pula perlu ditulis seperti, *Nasi merupakan makanan yang tinggi karbohidrat dan perlu diambil dengan banyak setiap hari*.

Menerusi aplikasi *Facebook*, terdapat kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti iaitu menerusi ayat berikut, *Orang dewasa tidak sepatutnya bergaduhan dan menggunakan kata-kata kesat di depan anak-anak*. Jika dilihat berdasarkan ayat tersebut, penstrukturan ayat yang tidak gramatis dari segi kesalahan penggunaan imbuhan di mana ia telah menjejaskan makna ayat berdasarkan penggunaan imbuhan pada perkataan *bergaduhan*. Menurut Numasitah dan Jama'yah (2015), sesuatu wacana perlu berhubung antara satu sama lain bagi membina makna ayat yang jelas dan mudah untuk difahami oleh pembaca. Ayat ini merupakan ayat aktif tak transitif. Namun demikian, penggunaan imbuhan apitan *ber-...-an* tidak tepat walaupun ia menepati konsep ayat itu sendiri namun kata kerja itu boleh menerima pelengkap kata sendi nama. Makna yang ingin disampaikan pada ayat ini iaitu perihal tidak bergaduh di hadapan anak-anak. Oleh itu, bagi menyampaikan makna yang tepat, adalah sudah mencukupi sekiranya hanya menggunakan imbuhan awal *ber-* sahaja pada ayat tersebut. Jelaslah ayat yang sepatutnya iaitu seperti, *Orang dewasa tidak sepatutnya bergaduhan dan menggunakan kata-kata kesat di depan anak-anak*.

Berdasarkan dapatan ayat menerusi media sosial *Facebook*, terdapat kesalahan imbuhan yang dikenalpasti iaitu kesalahan imbuhan apitan *pe-...-an* pada ayat berikut, *Hal ini petepatan dengan peribahasa bagai aur dengan tebing*. Hal ini dikatakan demikian kerana imbuhan *pe-...-an* membawa maksud tempat atau kawasan yang khusus atau hal atau keadaan yang terkandung dalam kata dasar. Namun demikian, menerusi ayat tersebut jelaslah tidak menunjukkan mana-mana makna bagi perkataan *petepatan*. Makna *petepatan* juga tidak ditemui maknanya dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015). Oleh itu, imbuhan apitan yang seharusnya digunakan iaitu imbuhan apitan *ber-...-an* yang bermakna dalam keadaan seperti maksud yang terkandung dalam kata dasar iaitu keadaan yang tepat atau sesuai. Oleh itu, untuk membawa makna ayat yang tepat, ayat ini seharusnya seperti, *Hal ini bertepatan dengan peribahasa bagai aur dengan tebing*.

Kesalahan imbuhan *mempastikan* tidak tepat dan tidak sesuai untuk digunakan dalam konteks ayat tersebut kerana tidak memberikan sebarang makna kepada ayat tersebut. Imbuhan yang tepat dan sesuai untuk kata dasar pasti ialah imbuhan apitan *me-...-kan* kerana imbuhan *me-...-kan* juga dipengaruhi oleh bilangan suku kata dasar seperti kata dasar pasti yang bermula dengan huruf *p* dan mengandungi dua suku kata, maka bentuk imbuhan *meN-...-kan* pada asalnya digantikan dengan imbuhan yang tepat untuk kata dasar *pasti* iaitu akan diganti dengan *me-...-kan* dan huruf pertama bagi perkataan pasti iaitu *p* akan diganti dengan huruf *m* menjadikannya *memastikan*. Apabila kata dasar pasti ditambah dengan imbuhan apitan *me-...-kan*, maka makna pada perkataan *memastikan* dalam ayat tersebut dapat menyampaikan makna sebenar kandungan ayat tersebut iaitu "*Peserta perlu memastikan telefon bimbit berada dalam mod senyap semasa majlis sedang berlangsung*."

KESIMPULAN

Kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh pengguna media sosial merupakan isu bahasa yang sukar diatasi kerana pengguna bahasa Melayu tidak prihatin dan peka semasa menggunakan bahasa Melayu walaupun bahasa Melayu merupakan subjek wajib yang perlu dipelajari di sekolah, dan subjek utama yang wajib lulus dalam peperiksaan awam. Namun begitu,

berdasarkan dapatan kajian ini dapat memberikan satu gambaran bahawa pengguna bahasa Melayu khususnya pengguna media sosial tidak mementingkan hukum tatabahasa bahasa Melayu. Oleh itu, usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu menjadi sukar kerana tidak mendapatkan kerjasama daripada semua pengguna bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Ahmad Khair Mohd Nor & Sulaiman Masri. (2002). *Tatabahasa Melayu mesra pengguna*. Edisi Baharu. Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1). 024-031.
- Corder. S. Pit. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. University Press.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua*. (2008). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Sharil Nizam Sha'ri. (2019). Analisis kesalahan penggunaan bahasa dalam rencana akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(2), 55-71.
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Muhammad Izzudin Nik Lah, Pulavendran Vijaya Kumaran & Kamarul Azmi Jasmi. (2019). Media sosial dan impak kepada perkembangan bahasa menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 195-210.
- Nik Murshidah Nik Din, Najihah Abd Wahid, Rahimah Embong, Khazri Osman & Nik Muniyati Nik Din. (2018). Pelanalisis tekstual sebagai method dalam memahami ungkapan puisi imam al-shafie r.h.m. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19(1), 112-119.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). Kohesi gramatikal penghubung dalam karangan berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3:101-113.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar dan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 1, 77-90.
- Sharil Nizam Sha'ri. (2010). *Aplikasi Teori dan Format Penyuntingan Bahan Linear dalam Surat Khabar Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia
- Siti Ezaileila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 93-110.
- Siti Norsyahida Mohd. A. Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 34-50.

KOLOKIUUM BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU 2022
Anjuran Jabatan Bahasa Melayu International Islamic University Malaysia & Jabatan Bahasa
Melayu IPG Kampus Tun Abdul Razak 31 Mac 2022

William M. K. Trochim. (2006). Qualitative Methods. Dimuat turun dari laman web Research Method Knowledge Base, <http://www.socialresearchmethods.net/>

Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan tatabahasa Melayu dalam penulisan karangan. *Language for Specific Purposes (LPS) International Journal*, 4(1), 23-35.

NOVEL MAHABBAH: ANALISIS PANDANGAN SISI TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Nur Afrina Miza binti Mazlan

afrina23-347@epembelajaran.edu.my

Victoria Webbly

victoria23-354@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Karya sastra merupakan sebuah kanvas penceritaan yang teretus daripada idea-idea pengarang yang mampu menanggapi segala sorotan kehidupan masyarakat secara realistik dan jitu. Karya sastra menjadi wadah dalam menyampaikan pengajaran, pengalaman, pengetahuan, nilai-nilai Islam dan kesedaran kepada masyarakat berdasarkan paparan sosialisasi kehidupan masyarakat pada zaman kini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej-mesej keagamaan yang diungkapkan oleh pengarang dalam novel Mahabbah karya Shahnnon Ahmad (2019) dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai landasan analisis. Hasil analisis mendapati bahawa novel Mahabbah mencakupi keenam-enam pendekatan yang dikemukakan dalam Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat, gunaan dan moral daripada pengkaedahan alamiah manakala pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni daripada pengkaedahan keagamaan. Novel Mahabbah ini juga mewacanakan unsur keunikan dalam seni kepengarangan daripada novel-novel sebelumnya dengan menetengahkan dua persoalan utama iaitu konflik perpecahan antara masyarakat serta keredaan insan dalam menerima hakikat yang ditentukan Allah SWT dengan berbekalkan ketakwaan dan keimanan kepada Maha Pencipta. Novel Mahabbah mengandungi ciri-ciri kesenian dan kehalusan Islam dalam menggalas seruan hijrah yang disampaikan melalui watak utama. Kesimpulannya, novel Mahabbah menerusi pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu didapati amat signifikan sebagai panduan dan pengajaran kepada masyarakat agar tidak alpa dengan kehidupan hakiki dan tuntutan duniawi sehingga mengabaikan ajaran Islam.

Kata kunci: *masyarakat, Mahabbah, Teori Pengkaedahan Melayu, ketakwaan, pendekatan dakwah*

PENGENALAN

Kedatangan Islam dalam alam Melayu menjadi titik tolak kepada perubahan sosial masyarakat Melayu yang mementingkan keluhuran nilai dan ilmu dalam kehidupan. Menurut Zakaria (2013), antara sumbangan terbesar Islam kepada sejarah dan tamadun Melayu ialah pembentukan keilmuan serantau. Hal ini adalah rentetan daripada kewujudan para cendekiawan Islam yang bergiat aktif dalam menghasilkan sastra-sastra Islam yang berteraskan dakwah dan kerohanian. Justeru, kesedaran ini adalah suatu anjakan paradigma yang mewarnai ujana sastra tanah air sehingga kini. Sehubungan dengan itu, pelbagai karya sastra moden yang memanasifestasikan keindahan pemikiran Melayu-Islam dihasilkan bertujuan untuk menggugah fikiran masyarakat tentang mesej yang ingin dizahirkan dalam sesebuah karya sastra.

Karya sastra merupakan sebuah kanvas penceritaan yang menjadi wadah dalam menyampaikan pengajaran, pengalaman, pengetahuan, nilai-nilai Islam dan kesedaran kepada masyarakat berdasarkan paparan sosialisasi kehidupan masyarakat pada zaman kini. Hal ini disokong oleh Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi (2015) bahawa sastra ialah

jalinan dan siratan bahasa yang datang daripada jiwa yang halus bertujuan mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni sehingga jiwa mereka turut menjadi halus dan lembut. Menyedari hakikat ini, novel *Mahabbah* karya Shahnnon Ahmad (2019) menonjolkan garapan citra-citra keislaman berlandaskan pengajaran al-Quran dan al-Hadis Rasulullah SAW yang menjadi tonggak bagi dakwah sufistik dalam karya ini. Berikutan itu, novel *Mahabbah* yang memaparkan perspektif Islam sebagaimana yang digariskan oleh Teori Pengkaedahan Melayu amat signifikan untuk membincangkan mesej-mesej keagamaan yang diketengahkan oleh pengkaryanya.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang novel *Mahabbah* karya Sasterawan Negara kedua iaitu Shahnnon Ahmad sememangnya banyak dihasilkan kerana pemusatan cerita yang unik dan berbeza daripada novel-novelnya yang lain telah mengejutkan para pembaca. Kajian yang bertajuk “Penerapan unsur-unsur Islam aqidah, syariah dan tasawwuf dalam novel *Mahabbah*, *Ayat-Ayat Cinta* dan *Dunia Bukan Kita Punya* berdasarkan Teori Taabudiyah dan Teksdealisme” telah ditulis oleh Ma’amor bin Yusoff (2016). Kajian ini bertujuan untuk melihat penerapan unsur-unsur Islam dan mutu serta keunggulan karya-karya tersebut menerusi penggunaan dua teori secara elektikal atau penggabungan iaitu Teori Taabudiyah sebagai teori induk dan Teori Teksdealisme sebagai teori sokongan. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga karya tersebut memiliki sifat-sifat unggul kerana telah mematuhi prinsip-prinsip Teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan serta prinsip individualisme yang berjaya memperlihatkan keberanian dan kebijaksanaan pengarang dalam mengemukakan idea baharu dan unik. Justeru, kajian ini berjaya membongkar unsur-unsur Islam yang dimanifestasikan oleh pengarang-pengarang novel melalui pemikiran, watak dan aliran yang sentiasa mendapat peneguhan diri sehingga mampu dijelmakan daripada keperibadian pengarangnya sendiri.

Selain itu, Mana Sikana (2014) dalam buku yang berjudul “Teori Sastera Taabudiyah: Sastera Untuk Pengabdian” menjelaskan analisis penulisan mengaplikasikan Teori Taabudiyah sebagai landasan yang berpaksikan sastera untuk pengabdian iaitu teks sastera dinilai dan dianalisis berdasarkan kepada pencitraan sebagai hamba Allah yang tunduk dan menyerah kepada-Nya dan dikukuhkan dengan unsur ketakwaan dan keinsafan Rabbi. Hasil penulisan mendapati bahawa novel *Mahabbah* mencakupi prinsip-prinsip dalam teori tersebut iaitu aspek latar belakang penulis yang menolak percanggahan antara gagasan karya dengan amalan dan hasrat hati penulis sebagai penentu kepada nilai karya, dan seterusnya aspek pengisian karya yang merujuk kepada kupasan perbincangan isu-isu keislaman dan aspek teknik penulisan yang berfokuskan kepada estetika dan logik bagi memenuhi keperluan fungsi ‘Sastera untuk Pengabdian’. Maka, penulisan ini jelas selari dengan seruan Nabi Muhammad SAW sebagai karya sastera junjungan yang mencerminkan keunggulan dan keindahan ajaran Islam serta keampuhan iman dan takwa.

Mohd Shahrizal Nasir (2015) juga telah menghasilkan sebuah makalah bertajuk “Kejelasan dan kekaburan kosa kata Arab dalam *Mahabbah* karya Shahnnon Ahmad”. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis beberapa kosa kata bahasa Arab dan meneliti ketepatan pemanfaatan kosa kata Arab sejajar dengan kandungan novel yang membicarakan nilai-nilai Islam seperti persaudaraan, kasih sayang, permuafakatan dan kemaafan. Hasil perbincangan mendapati bahawa terdapat penggunaan kosa kata Arab yang tidak bertepatan dengan konteks ayat dalam novel tersebut, penggunaan kosa kata Arab tidak menyumbang kepada pemahaman makna serta tidak memberi penjelasan yang signifikan terhadap jalan penceritaan novel yang mencetuskan kerumitan kepada pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan. Ringkasnya, penggunaan kosa kata Arab dalam novel *Mahabbah* dilambangkan sebagai

identity marker yang cukup ampuh bagi menyokong mesej yang ingin disampaikan tetapi menimbulkan pelbagai kekeliruan kepada pembaca untuk memahaminya.

Dengan berpayungkan kepada rekayasa keislaman yang disampaikan melalui novel *Mahabbah*, maka wujud hubungan timbal balik melalui pandangan sisi Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian Jumali Selamat (2009) yang bertajuk “Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam *Menjaras Ribus* menerusi Pendekatan Dakwah” memperlihatkan analisis teks novel yang menyentuh persoalan dan permasalahan dalam realiti kehidupan manusia yang melibatkan aspek kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai murni, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam menerusi pendekatan dakwah. Keagungan Allah dan keunggulan Islam sebagai sebuah agama yang syumul mendasari unsur dakwah dalam karya ini. Maka, hasil kajian mendapati bahawa pendekatan dakwah ini adalah usaha untuk menyahut seruan dakwah bagi mempengaruhi para pembaca agar sentiasa memperkuatkan keimanan dan ketakwaan dengan mendalami ajaran Islam dan memerangi kejahatan serta khurafat dalam kehidupan. Kesimpulannya, kajian ini memberi gambaran tentang dakwah Islamiah yang mementingkan penghayatan nilai-nilai Islam untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Kajian berjudul “Pendidikan anak-anak menerusi Surah Luqman dalam novel *Ayahanda*” karya Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) yang menganalisis pendidikan anak-anak menerusi Surah Luqman bertujuan memperlihatkan keupayaan pendidikan yang berasaskan al-Quran bagi mendidik anak-anak. Penganalisisan kajian ini memfokuskan kepada pendekatan kemasyarakatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka analisis. Perbincangan kajian mendapati bahawa pendekatan kemasyarakatan adalah bersesuaian untuk digunakan demi memberikan impak positif dalam kehidupan masyarakat khususnya menerusi persoalan dan permasalahan yang diceritakan di dalam novel yang bermatlamat untuk menzahirkan ketakwaan umat Islam terhadap Allah SWT. Kajian ini juga menyatakan bahawa Surah Luqman wajar dijadikan model pendidikan bagi membentuk keperibadian anak-anak berlandaskan syariat Islam yang benar.

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian yang telah dikemukakan, didapati telah ada kajian-kajian yang mengkritik novel *Mahabbah* dengan terperinci. Namun, pemusatan cerita yang menyirati mesej-mesej keagamaan dan unsur-unsur Islam dalam novel *Mahabbah* tidak diterokai dengan lebih mendalam menggunakan Teori Sastera Tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Menyedari hakikat ini, kajian ini akan memfokuskan kepada pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka utama untuk mengkritik novel *Mahabbah* yang sarat dengan mesej dan teladan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej-mesej keagamaan yang terkandung dalam novel *Mahabbah* karya Shahnon Ahmad (2019) berdasarkan enam pendekatan yang digarapkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989).

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Kajian ini dilaksanakan berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh seorang sarjana tempatan dan pengkritik terkemuka iaitu Hashim Awang (1989). Hal ini disebabkan oleh kesedaran akan kelemahan pada Teori Sastera Barat untuk menginterpretasi teks sastera Melayu (Che Abdullah Che Ya, 2018). Maka, teori ini amat relevan untuk digunakan kerana mencakupi pelbagai aspek kehidupan manusia yang meliputi etika dan gaya hidup, kepercayaan dan budaya setempat masyarakat Melayu dalam menghasilkan sesebuah karya sastera. Hashim Awang (2002) telah membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan yang memiliki

pertautan antara satu sama lain untuk mengangkat tinggi kesyukuran agama Islam dan keagungan Allah SWT menerusi penghasilan karya sastera.

Pengkaedahan alamiah merujuk kepada corak kehidupan masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan. Menerusi pengkaedahan ini, alam memiliki fungsi dan manfaat dalam memenuhi keperluan kehidupan manusia untuk membawa punca rezeki, pengalaman, kebajikan dan pengajaran. Di bawah lembayung pengkaedahan alamiah, terdapat tiga pendekatan iaitu pendekatan firasat, gunaan dan moral. Pendekatan firasat dikaitkan dengan mimpi atau kejadian bawah sedar yang memerlukan proses mentafsir makna mimpi tersebut. Seterusnya, pendekatan gunaan pula melihat alam sebagai satu objek ciptaan Tuhan dan sastera sebagai objek ciptaan manusia, yakni dikaitkan dengan sifat masyarakat Melayu yang kreatif dan akrab dengan alam sehingga mampu membentuk kepekaan terhadap segala kejadian alam yang berlaku di sekelilingnya. Pendekatan moral pula merujuk kejadian alam iaitu pengalaman hidup manusia yang membawa pengajaran dan hikmah sama ada positif atau negatif dengan melihat sastera sebagai lubuk ilmu pengetahuan.

Selain itu, pengkaedahan keagamaan pula didasari oleh agama Islam sebagai tunjang utama dalam kehidupan yang dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni. Pendekatan dakwah berteraskan misi dakwah untuk memperkasakan keimanan dan ketakwaan manusia dengan menyerapkan unsur-unsur keindahan Islam dan akidah Islam melalui al-Quran dan al-Hadis sebagai sandaran utama. Selanjutnya, pendekatan kemasyarakatan merujuk kepada sastera sebagai cerminan masyarakat yang menjadi alat untuk membongkar persoalan dan permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat demi kebaikan dan keadilan. Pendekatan seni pula merujuk kepada unsur estetika Islam yang ditonjolkan dalam karya sastera berlandaskan al-Quran dan al-Hadis. Ringkasnya, Teori Pengkaedahan Melayu yang mencakupi elemen-elemen kritikan sastera Melayu amat relevan untuk digunakan sebagai landasan analisis bagi kajian ini.

METODOLOGI

Sesebuah penyelidikan atau penulisan perlulah didasari dengan kaedah yang sesuai bagi membolehkan pencarian data yang sahih dan kukuh. Oleh itu, kajian ini telah mengaplikasikan dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan mampu menjamin kesahihan maklumat yang diperolehi kerana bahan-bahan literatur seperti buku-buku ilmiah, tesis dan jurnal atas talian telah dimanfaatkan dengan sebaiknya. Hal ini membantu memudahkan penghasilan kajian yang berkualiti dengan memperolehi gambaran yang jelas mengenai sesuatu teori, prinsip dan konsep yang bersesuaian dengan objektif kajian. Kenyataan ini disokong oleh Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid (2016) bahawa kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data dan bukti yang konkrit melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Berikutan itu, kajian ini telah menggunakan novel *Mahabbah* sebagai bahan kajian untuk mendapatkan bukti-bukti yang konkrit berkaitan mesej-mesej keagamaan yang disampaikan dalam karya. Maklumat sahih berkenaan Teori Pengkaedahan Melayu juga turut didapati supaya penganalisan teks yang dilakukan adalah bersesuaian dengan landasan teori. Kepelbagaian maklumat yang diperolehi sebagai sumber sekunder juga mampu menyokong dapatan kajian dengan lebih utuh.

Kaedah penganalisan teks turut diaplikasikan dengan menggagaskan keenam-enam pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat, gunaan dan moral daripada pengkaedahan alamiah serta pengkaedahan keagamaan iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni. Keenam-enam pendekatan ini digunakan sebagai landasan kritikan karya merangkumi watak perwatakan, paparan mesej-mesej keagamaan, nilai dan pengajaran secara tersirat mahupun tersurat yang terkandung dalam novel *Mahabbah*. Garapan idea-idea

yang dizahirkan oleh pengkarya mampu dianalisis bersesuaian dengan maklumat yang diperolehi berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu semasa kaedah kepustakaan dijalankan.

DAPATAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, didapati pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu amat sesuai sejajar dengan pemusatan cerita dan paparan mesej-mesej keagamaan dalam novel *Mahabbah* karya Shahnun Ahmad (2019). Penganalisan teks mencakupi keenam-enam pendekatan iaitu tiga pendekatan daripada pengkaedahan alamiah dan tiga pendekatan daripada pengkaedahan keagamaan. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan ringkasan dapatan daripada penganalisan teks *Mahabbah*.

Jadual 1. *Dapatan Analisis Teks Novel Mahabbah*
Teori Pengkaedahan Melayu

Pengkaedahan Alamiah		Pengkaedahan Keagamaan	
Firasat	√	Dakwah	√
Gunaan	√	Kemasyarakatan	√
Moral	√	Seni	√

Perbincangan Dapatan

Perbincangan analisis memfokuskan kepada keenam-enam pendekatan iaitu pendekatan firasat, gunaan, moral, dakwah, kemasyarakatan dan seni.

Pendekatan Firasat

Firasat merujuk kepada perasaan dan naluri hati manusia yang hadir sebelum sesuatu kejadian berlaku dengan mengenal pasti gejala-gejala tertentu. Pendekatan firasat ditunjangi oleh tanggapan bahawa sastera ialah suatu kejadian alam semesta yang memberikan pengalaman dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana setiap karya sastera tidak tercipta melalui ruang kosong melainkan hasil ilham daripada realiti kehidupan manusia. Perkara ini dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Melayu yang diselubungi misteri dan mimpi yang memerlukan tafsiran makna untuk mengetahui pengertian mimpi tersebut. Pencarian makna berlaku menerusi tafsiran lambang-lambang yang diistilahkan dalam karya sastera. Ringkasnya, firasat difahami sebagai gerak hati manusia untuk menerima hidayah yang dikurniakan oleh Allah SWT yang tercetus melalui tanda-tanda yang diterima dalam bentuk mimpi atau pergolakan jiwa yang menyebabkan wujudnya perasaan tidak sejahtera.

Oleh itu, penelitian terhadap novel *Mahabbah* mendapati bahawa pemilihan pendekatan firasat telah ditonjolkan melalui mimpi seorang ikon iaitu Endar yang melambangkan hala tuju kehidupan manusia setelah berpindah ke alam abadi. Bukti pendekatan firasat dapat dilihat melalui petikan berikut:

Mulai tiba berbagai-bagai bayang dalam mimpinya; malah beberapa kali Endar terasa dia menjelma menjadi seekor burung yang beraneka warna dan terbang menuju cahaya langit tinggi dan di sana Endar terbang dari dahan ke dahan, dari taman ke taman dengan aman dan tenteram dan di bawahnya terbentang pula sungai-sungai yang berarus dan bergelombang dengan liku-liku, pusaran dan lubuk-lubuk yang serba indahnya. Dia melihat sungai di sana di mana-mana saja dengan arus dan olengan penuh irama dan berdendang. Taman-taman begitu cantik penuh bunga-bunga dengan bau-

bauan yang serba semerbak. Sungai-sungai yang diharunginya itu bukan lagi sungai di sini yang penuh dengan pencemaran dan kotoran.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.205)

Segala-galanya adalah perjalanan. Dan, perjalanan dengan iringan mahabbah-Nya pasti akan terselamat; baik di sini mahu pun di sana. Yang dituju dalam perjalanan itu adalah keabadian dengan iringan mahabbah-Nya pasti akan tamat dengan syurga yang dibawahnya mengalir sungai-sungai yang indah lagi nyaman.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.193-194)

Petikan-petikan tersebut menonjolkan pengalaman mimpi Endar yang melambangkan situasi pengakhiran kehidupannya semasa berada di alam barzakh setelah berhijrah meninggalkan alam fana. Endar yang menderita dengan penyakit *Myasthenia Gravis* (MG) sehingga menjadi lumpuh dijelmakan kembali sebagai seekor burung yang berwarna-warni dalam mimpinya. Penjelmaan tersebut melambangkan kebebasan yang bakal dimiliki oleh Endar dalam kehidupan abadinya yang tidak lagi dibataskan oleh keadaan fizikalnya yang lumpuh dan uzur sewaktu berada di kehidupan realiti. Kebebasan dan kesejahteraan yang dimilikinya adalah hasil daripada mahabbahnya semasa hidup di dunia yang sentiasa bertakwa dan beriman kepada Allah SWT serta selalu bertawakal dalam menerima takdir qada dan qadar Allah terhadap ujian hidup yang perlu dilalui oleh Endar. Kematian *husnul-khatimah* apabila jasad dan roh tidak lagi bersatu menjadi pengakhiran yang amat bermakna bagi Endar kerana kehidupannya berakhir dengan kebahagiaan dan kemanisan sejati seperti yang dihasratkannya.

Dalam konteks ini, pengkarya ingin menyampaikan mesej tentang sifat-sifat pengabdian diri kepada Allah dalam menelusuri perjalanan *tasawwuf* seorang manusia yang mengakhiri kehidupan dengan kematian yang diidam-idamkan melalui situasi bawah sedar oleh watak Endar. Mimpi ini boleh diterjemahkan sebagai rayuan keinsafan dan hidayah kepada manusia untuk berusaha menjadi insan yang kamil dan bertakwa kepada Allah SWT bagi memperolehi kehidupan yang diredai Allah di dunia dan di akhirat.

Pendekatan Gunaan

Sesebuah karya sastera mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan alam semesta bagi menghasilkan jalan penceritaan yang dekat dengan jiwa pembaca. Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) menyatakan bahawa kejadian atau ciptaan itu mempunyai sebab, hikmah, fungsi, tujuan, ukuran dan imbalan yang boleh dinilai dari segi isi dan struktur teksnya. Pernyataan ini menjelaskan bahawa kejadian alam yang dilambangkan oleh pengkarya dalam karyanya mempunyai tujuan, fungsi dan sebabnya yang tersendiri yang perlu ditafsirkan oleh para pembaca berdasarkan pemahaman masing-masing. Justeru, Shahnon Ahmad (2019) dalam novel *Mahabbah* telah memanfaatkan alam ciptaan Tuhan iaitu sungai bagi menjelaskan konsep persaudaraan dua beradik yang tidak sebulu berikutan perasaan ego yang menebal dalam diri masing-masing. Perlambangan ini boleh diteliti dalam perenggan berikut:

Endar sering memadukan arus saf-saf anak-anaknya itu laksana dua buah sungai yang mengalir melalui dua garisan selari yang bermula daripada satu titik, tetapi kerana banjir dan kemarau yang sering melanda dan sukar dihindari, titik yang satu itu berpecah menjadi dua batang sungai yang selari dan tidak pernah bertemu; malah sering pula membanjiri dan memanjat tebing untuk mencari masalah dan membebani diri dengan kerenah-kerenah yang menyongsangkan arus perjalanan untuk berpadu.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.68)

Petikan di atas memperlihatkan bahawa pengkarya menggunakan sungai sebagai lambang untuk mengidentifikasikan hubungan Abdul Rahman dan Abdul Rahim iaitu anak-anak kepada Endar yang bermusuhan dan bertelingkah angkara perasaan ego yang menebal di dalam diri. Endar memberitahu bahawa anak-anaknya mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain sebelum pertelingkahan dan permusuhan bermula. Jika dilihat dalam konteks persaudaraan Islam, permusuhan dan pertelingkahan antara adik-beradik hendaklah dijauhi kerana perkara tersebut bakal memusnahkan hubungan silaturahim yang terjalin dalam institusi kekeluargaan. Kerenggangan dan perpisahan yang berlaku dalam sesebuah institusi kekeluargaan tidak akan mendapat rahmat dan reda daripada Allah SWT kerana Allah amat membenci umat-Nya yang memusuhi antara satu sama lain. Hal ini membuktikan bahawa pengkarya memberikan perlambangan yang cukup konkrit bagi menjelaskan perhubungan yang terjalin antara kedua-dua adik beradik tersebut dengan memanfaatkan arus-arus sungai yang tenang dan damai, namun dipisahkan dengan tembok yang tinggi dan besar sehingga arus-arus tersebut tidak mampu untuk menyatu antara satu sama lain.

Mana Sikana (2014) menyatakan bahawa bahasanya yang metaforikal tentang dua buah sungai yang dipisahkan melalui satu tebing dan dengan diksi dan ungkapan yang membekas terasa sungguh akrab dengan situasi bangsa yang berlaku. Oleh itu, analogi sungai yang ditegaskan dalam novel *Mahabbah* adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada para pembaca peri mustahak pengekalan ikatan persaudaraan yang kukuh dan utuh bagi menjalankan kehidupan yang aman dan tenteram tanpa berlakunya permusuhan antara darah daging sendiri.

Pendekatan Moral

Pendekatan moral didasari dengan tindakan, perlakuan atau perwatakan yang ditonjolkan oleh watak-watak dalam sesebuah karya yang bermatlamat untuk mempamerkan teladan yang positif mahupun negatif. Nilai-nilai positif yang dirungkaikan menerusi penceritaan karya inilah yang akan memimpin para pembaca untuk bersikap baik dan berperwatakan mulia manakala nilai-nilai negatif akan dijadikan pengajaran dalam kehidupan. Hal ini menunjukkan bahawa karya sastera berperanan sebagai wadah pembentukan akhlak manusia dengan memaparkan jalan penceritaan yang realistik selaras dengan kehidupan manusia kini. Berikutan itu, novel *Mahabbah* telah mengidentifikasikan moral positif yang dipaparkan oleh watak Jawahir selaku isteri kepada Endar manakala moral negatif telah ditonjolkan oleh kedua-dua orang anaknya iaitu Abdul Rahman dan Abdul Rahim.

Jawahir masih ada lagi di sisinya dan masih boleh membantunya sekadar yang Jawahir mampu.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.22)

Isteri Jawahir memang telah lama maklum tentang MG yang dideritai Endar itu, tetapi Jawahir sendiri pun berada dalam keadaan yang serba daif juga, kadang-kadang apabila suhu darahnya menajah naik.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.24)

Aspek moral positif yang dapat dilihat melalui petikan tersebut ialah kesetiaan dan keikhlasan Jawahir dalam menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri untuk memelihara kebajikan suaminya yang uzur. Sifat Jawahir yang mempamerkan perwatakan isteri yang solehah dan berbakti kepada suaminya ini wajar dijadikan teladan oleh para

pembaca untuk membina hubungan kekeluargaan yang bahagia. Konteks perkahwinan dalam perspektif Islam dikaitkan dengan sunnah Rasulullah SAW iaitu usaha membina hubungan rumah tangga dengan niat kerana Allah dan berlandaskan ajaran Islam. Imam Muslim meriwayatkan melalui Ibn ‘Umar RA, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Dunia itu adalah kesenangan, dan sebaik-baik kesenangan dunia ialah (mempunyai) isteri yang soleh.”

(Riwayat Imam Muslim)

Dengan ini, setiap perkahwinan perlu diikuti dengan amanah dan tanggungjawab yang besar. Hal ini selaras dengan isu-isu kepincangan hubungan rumah tangga dalam kalangan masyarakat akibat daripada kurangnya kasih sayang dan persefahaman sehingga berlaku kerenggangan saf dan pertelingkahan dalam perkahwinan. Justeru, bukti ini menyuguhkan pemikiran pengkarya dalam menekankan kepentingan hubungan insaniah melalui pancaran nilai kasih sayang yang seharusnya dimiliki oleh seluruh umat manusia bagi melahirkan kesejahteraan, keharmonian dan memperteguh mahabbah.

Entahlah! Terasa bagaikan ada muslihat dan masalah pula antara kedua-dua saudara itu kebelakangan ini. Abdul Rahman dan Abdul Rahim itu tidak mahu bertemu serentak pula di rumah orang tua mereka. Entah! Endar tidaklah secepat itu membuat keputusan. Mungkin Endar silap. Mungkin tidak begitu penting memikirkan hal itu, tetapi bagi Endar yang sedang terbaring dan yang sudah sukar untuk bersuara ini, kedatangan kedua-dua orang anaknya itu terasa begitu mustahak sekali. Endar pun sedar bahawa Abdul Rahman bukan main sibuk dengan tugasnya memimpin pertubuhan dengan jumlah pengikutnya bukanlah sedikit. Begitu juga Abdul Rahim. Abdul Rahim pun pemimpin juga dengan jumlah pengikutnya yang juga bukan sedikit. Terasa macam satu kerenggangan antara Abdul Rahman dan Abdul Rahim ini.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.24)

Petikan di atas menunjukkan bahawa watak Abdul Rahman dan Abdul Rahim membawa nilai-nilai negatif kepada para pembaca, yakni bermusuhan dan bersengketa antara satu sama lain sehingga enggan bertemu dan bersama di hadapan ibu bapa mereka. Walaupun kedua-dua mereka berperanan sebagai pemimpin yang perlu menjalankan tanggungjawab pertubuhannya, namun pengabaian tanggungjawab terhadap ibu bapa kandung dan tautan perhubungan adik beradik tidak harus diabaikan. Jika ibu bapa berasa sedih dan kecewa dengan anak mereka, maka keberkatan dan kesenangan hidup yang dikurniakan oleh Allah akan ditarik kembali. Hal ini kerana, keredaan Allah SWT adalah bergantung kepada keredaan ibu bapa. Rezeki dan pendapatan yang diperolehi tidak akan diberkati oleh Allah SWT jika kesibukan kerja dan kerakusan dunia menjadi penghalang kepada ikatan silaturahim dalam keluarga. Watak yang ditunjukkan oleh Abdul Rahman dan Abdul Rahim adalah gambaran sesetengah masyarakat yang terlalu leka dan obses dengan kehidupan duniawi sehingga sanggup mengabaikan harta yang paling berharga yang dapat membawa kesejahteraan hakiki di akhirat kelak. Oleh itu, pengkarya memberikan kesedaran kepada para pembaca untuk terus memperkukuh jalinan ukhuwah yang terbina bagi menjamin kehidupan bahagia dan sejahtera di bawah rahmat dan keredaan Allah SWT.

Pendekatan Dakwah

Karya ini memaparkan unsur penyebaran dakwah Islamiah secara menyeluruh seiring dengan pemusatan cerita yang tertumpu pada minda ikon Endar yang bertakwa sepenuhnya kepada Allah SWT menjelang detik-detik akhir kehidupannya. Dakwah merujuk kepada kegiatan dan usaha mempengaruhi manusia melalui seruan yang membawa manusia ke arah kebahagiaan, kebaikan dan keredaan Allah di dunia dan di akhirat (Osman, Roslan & Tuan Rusmawati, 2020). Ringkasnya, pendekatan dakwah dalam sesebuah karya sastera merupakan wahana yang berfungsi untuk menjelmakan penghayatan nilai Islamiah demi mempertingkatkan takwa dan akidah seseorang insan. Maka, bukti pendekatan dakwah dalam novel *Mahabbah* dapat dilihat melalui petikan berikut:

Dia yang menguruskannya. Dia yang akan menyelesaikannya. Dan, Dia yang akan menghisabkannya dan akhirnya Dia yang akan menghukumkan seadil-adilnya. Endar tidak begitu kisah lagi apakah jenis hukuman daripada-Nya dan apakah cara hukuman-Nya itu. Tidak kira sama ada hukuman-Nya itu sama seperti hukuman ke atas kaum ‘Ad atau Thamud; sama ada lewat ribut taufan atau banjir besar atau bunyi tempikan yang memekak telinga. Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih, tetapi Allah Maha Adil bilamana susunan-Nya dan kaedah-Nya dikhianati dan dizalimi.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.44)

Berdasarkan petikan di atas, jelas dilihat bahawa tahap keimanan Endar terhadap kekuasaan dan keagungan Allah SWT sebagai pancaran insan yang *muqarrabin* secara rohaniah dan badaniah. Petikan tersebut dengan tegasnya menyeru umat Islam untuk taat, tunduk, patuh dan mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan mengamalkan *amar makruf nahi mungkar*. Hal ini selaras dengan seruan hijrah bagi menimbulkan bibit-bibit keinsafan dalam kalangan umat Islam agar tidak terpesong daripada jalan kebenaran. Allah Maha Pencipta memiliki kekuasaan mutlak terhadap ciptaan-Nya dan mampu menghancurkan kebatilan dan meneguhkan kebenaran. Sifat-sifat Allah yang diserlahkan dalam selitan dakwah tersebut signifikan bagi meningkatkan rasa kecintaan kepada Ilahi dan memberi kesedaran kepada umat Islam akan kekerdilan manusia sebagai hamba-Nya. Ajaran Islam telah mewasiatkan seluruh umatnya untuk menjaga hubungan dengan Tuhan Yang Maha Esa agar tidak hidup berkiblatkan hawa nafsu, kebendaan, kemungkar, zina dan sebagainya yang melanggar akidah Islam.

Bertepatan dengan itu, pengkarya jelas tidak meminggirkan perjuangan penulis Islam untuk melaksanakan peranannya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini dengan menggalas amanah untuk mendaulatkan dan menegakkan syiar dan Islam melalui karya sastera yang disaratkan dengan unsur dakwah. Oleh yang demikian, setiap insan hendaklah beristiqamah dan bertaubat agar mendapat pengampunan dan keredaan Allah dalam menjalani kehidupan di alam fana ini.

Pendekatan Kemasyarakatan

Para karyawan sering menggunakan isu-isu sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat sebagai cerminan keperibadian untuk menghasilkan sebuah jalan penceritaan yang realistik. Hal ini bertujuan untuk menyebarkan kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat selari dengan kehendak Islam yang sebenar. Persoalan yang berkaitan kemungkar, ketidakadilan,

penipuan dan rasuah menjadi punca kepada kepincangan masyarakat yang terlalu leka dengan urusan duniawi sehingga bersikap lalai dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT. Maka, isu kemungkaran yang terkandung dalam novel *Mahabbah* dapat dilihat dalam perenggan berikut:

Banyak lontaran, banyak percikan dan banyak curahan air dalam wajah-wajah fitnah, pembohongan, kelucahan, dendam kesumat, dengki-mendengki dan carutan berselang-seli dan bertembung bilamana lontaran, percikan dan curahan menjadi-jadi, terpuing-puing melangkah tebing cuba mencemarkan permukaan sungai yang lain. Para syaitan ketawa terkekeh-kekeh bilamana berlalunya berantakan demi berantakan sepanjang dua batang sungai yang berlainan saf itu. Maka, di celah-celah ketawa para syaitan itulah munculnya para jongos, para badut dan pak-pak lawak daripada kedua-dua belah pihak untuk memggamatkan lagi sogokan dan fitnah dalam segala pemberian dan segala penerimaan; baik dalam bentuk sogokan demi sogokan, keceloparan dan kelucahan.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.104)

Petikan di atas menunjukkan bahawa persatuan-persatuan yang dipimpin oleh Abdul Rahman dan Abdul Rahim telah terjebak dengan perbuatan-perbuatan yang mungkar iaitu memfitnah, menerima rasuah dan saling benci-membenci. Mereka dengan sewenang-wenangnya melakukan perbuatan yang dibenci oleh Allah iaitu memfitnah antara satu sama lain bagi memperoleh keuntungan dan sokongan yang banyak daripada masyarakat walaupun kegiatan memfitnah adalah berdosa besar daripada membunuh. Malah, kedua-dua belah pihak juga menerima rasuah secara berterusan bagi membolehkan mereka mendapatkan habuan dan pulangan dengan mudah demi mencapai kekayaan duniawi secara haram. Isu yang dipaparkan ini jelas membuktikan bahawa sesetengah masyarakat kini menjalankan kehidupan dengan mengabaikan seruan-seruan Allah SWT yang telah termaktub di dalam al-Quran dan al-Hadis.

Asiah & Shariffah (2008) menyatakan bahawa kesalahan rasuah dari kaca mata Islam ialah kurangnya penghayatan terhadap Islam dan tiada nilai dan etika yang menyebabkan wujudnya amalan rasuah dalam kalangan masyarakat. Kenyataan ini membuktikan bahawa kekurangan pendedahan agama menyebabkan wujudnya masyarakat yang melanggar perintah dan suruhan Allah tanpa sekelumit perasaan takut dan risau dalam diri mereka. Maka, pendedahan isu kemungkaran yang digambarkan oleh pengkarya haruslah diamati oleh para pembaca agar dapat melahirkan masyarakat yang gemar melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran sejajar dengan seruan Allah dan sunnah Rasulullah SAW.

Pendekatan Seni

Pendekatan seni memfokuskan kepada unsur-unsur keindahan dan kehalusan seni Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Hadis bagi memperkukuh asas keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT. Sesebuah karya sastera Melayu hendaklah menerapkan kesenian dan nilai-nilai etika Islam supaya dapat mengkaji jati diri Melayu dengan lebih jitu dan kukuh. Paparan mesej-mesej keagamaan, perwatakan watak, tema, nilai dan pengajaran dapat menjadi objek penelitian dalam karya sastera Melayu untuk merungkaikan keindahan Islam. Justeru, Shahnon Ahmad (2019) telah memanfaatkan perkataan-perkataan Arab sebagai bahasa-bahasa indah yang digunakan untuk menyampaikan mesej-mesej keagamaan dalam novel *Mahabbah*.

Terhenti separuh perjalanannya dengan su'ulkhathimah penuh kehinaan, bertakahkan saf-saf asfala safilin; bukan tamat dengan husnulkhathimah bertakahkan ahsanu taqwim.

(Shahnon Ahmad, 2019, p.30)

Penelitian terhadap petikan di atas menunjukkan estetika kepengarangan yang menjadi lambang manifestasi jiwa dan tabii pengkarya dalam mengukuhkan pemikiran-pemikiran Islamiah yang mengalir dalam novel ini. Pemilihan diksi yang mencerminkan akhlak Islamiah ini mentakwilkan makna-makna bersifat keagamaan kerana pemilihan bahasa yang indah, tepat dan tidak berbaur erotis berupaya memanipulasi kecintaan, kerinduan dan taubat yang penuh kesyahduan kepada Allah SWT. Misalnya, perkataan '*husnulkhathimah*' merujuk kepada pengakhiran kehidupan manusia yang sebaik-baiknya yang amat diharapkan oleh seluruh umat Islam. Perkataan tersebut mampu melahirkan bibit-bibit keinsafan dalam diri pembaca untuk sentiasa beribadat dan bertakwa kepada Allah SWT supaya mendapat pengakhiran hidup yang *husnulkhathimah*. Kesenian yang ditonjolkan melalui pemilihan kata ini seiring dengan pengucapan berakhlak yang ingin diketengahkan oleh pengkarya sejajar dengan representasi mahabbah serta kesyumuluan dan kemurniaan agama Islam itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, pengkarya menghadkan penggunaan bahasa pasar dalam novel *Mahabbah* seperti perkataan '*mati kojol*' dan '*para jongos*' serta menyeratkan pelbagai metafora bagi menjamin kehalusan makna wacana. Pengucapan yang beradab dan berakhlak ini mencerminkan budi dan iman dalam diri seseorang insan. Oleh itu, seni kepengarangan melalui gaya bahasa Arab ini jelas memaparkan kerancangan pengkarya untuk menjadikan karyanya sebagai wadah penyampaian mesej keagamaan yang mapan. Maka, aspek estetika Islam yang dizahirkan dalam novel *Mahabbah* dapat dijadikan pedoman oleh setiap pembaca.

KESIMPULAN

Keseluruhan kajian yang mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan analisis terhadap novel *Mahabbah* telah membuktikan bahawa unsur-unsur keagamaan dan estetika Islam jelas terpancar bagi memperkukuh keimanan dan ketakwaan para pembaca kepada Maha Pencipta. Pelbagai persoalan, mesej-mesej keagamaan, nilai dan pengajaran dapat dikupas dan dibincangkan secara analitikal berdasarkan keenam-enam pendekatan yang digariskan oleh Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini menerangkan bahawa novel *Mahabbah* oleh Shahnon Ahmad menepati ciri-ciri sastera Melayu yang jelas mengutarakan nilai-nilai keperibadian Melayu yang indah dan dinamik menerusi daya kekreatifan pengarang yang menjadikan alam sebagai sumber inspirasi penceritaan serta agama Islam sebagai pegangan kehidupan. Malah, para pembaca juga mampu menjadikan novel ini sebagai sumber teladan untuk mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah dengan memusatkan satu pemikiran iaitu '*Islam adalah agama yang mudah kepada penganutnya*'. Falsafah pemikiran ini mampu dihayati dan dicernakan oleh para pembaca menerusi penceritaan watak Endar yang menginginkan pengakhiran hidup secara *husnulkhathimah* dan mahabbah daripada Allah SWT. Oleh itu, penghayatan yang mendalam terhadap jalan penceritaan *Mahabbah* mampu mendorong para pembaca agar tidak alpa dengan kehidupan hakiki dan tuntutan duniawi sehingga mengabaikan ajaran agama Islam. Justeru, penulisan karya yang berunsurkan keislaman wajar dipesatkan bagi membolehkan karya sastera berfungsi sebagai wadah untuk meningkatkan keimanan, ketakwaan, kecintaan dan ketaatan kepada Maha Pencipta.

RUJUKAN

Asiah Bidin & Shariffah Nuridah Aishah. (2008). *Jenayah rasuah dan pecah amanah di kalangan pengarah syarikat: Mengenalpasti punca masalah dan cadangan penyelesaiannya menurut Islam*. Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Pusat Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Hashim Awang. (1989). Kajian sastera: Suatu pendekatan Melayu. *Dewan Sastera Disember*, 60-63.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. *Bengkel Teori Sastera*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Jumali Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam *Menjaras Ribus* menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, 19-37.
- Ma'amor Yusoff. (2016). *Penerapan unsur-unsur Islam aqidah, syariah dan tasawwuf dalam novel Mahabbah, Ayat-Ayat Cinta dan Dunia Bukan Kita Punya berdasarkan Teori Taabudiyah dan Teksdealisme*. (Unpublished doctoral dissertation) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mana Sikana. (2014). *Teori Sastera Taabudiyah: Sastera untuk pengabdian*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2015). Kejelasan dan kekaburan makna kosa kata Arab dalam *Mahabbah* karya Shanon Ahmad. *ISLAMIYYAT*, 37(1), 69-76.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 183-194.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan anak-anak menerusi Surah Luqman dalam novel *Ayahanda*. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 30, 103-129.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-158.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59.
- Shanon Ahmad. (2019). *Mahabbah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam *Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 47-63.
- Zakaria. (2013). Dakwah sufistik Hamzah Fansuri (Kajian substantif terhadap "Syair Perahu"). *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 13(1), 105-126.

ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN KATA SENDI NAMA DALAM AKHBAR DIGITAL EDISI SUKAN

Brineysa Bangie Anak Changgau
brineysa23-304@epembelajaran.edu.my
Stacey Olivia Anak John Brooklyn
stacey23-317@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

Abstrak

Kesalahan bahasa dalam bahasa Melayu bukan menjadi isu yang baharu, bahkan isu ini pernah dikeluarkan dalam berita sama ada menerusi televisyen mahupun akhbar. Kesalahan yang lazim berlaku sehingga kini adalah dalam bidang morfologi. Oleh hal yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kesalahan penggunaan kata sendi nama yang terdapat dalam akhbar digital edisi sukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kata sendi nama merupakan salah satu kata tugas yang luas penggunaannya, namun pengguna bahasa Melayu sering kali memandang enteng dan mengambil mudah terhadap kata sendi nama. Justeru, penggunaannya sering tidak menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini berlandaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) bagi menganalisis data yang diperoleh daripada akhbar digital. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya, iaitu menerusi kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam akhbar digital edisi sukan. Kesimpulannya, sebelum sesebuah berita disebarluaskan kepada masyarakat, ketua editor akhbar disarankan agar memperhalus kandungan berita yang ditulis oleh wartawan agar penulisan berita memenuhi hukum-hukum tatabahasa bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana berita mempunyai pembaca yang ramai, termasuk berita edisi sukan. Oleh sebab itu, bahasa yang digunakan dalam berita boleh mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat pembaca akhbar.

Kata kunci: *kesalahan bahasa, akhbar digital, kata sendi nama, bahasa Melayu, edisi sukan*

PENGENALAN

Akhbar secara tradisional berfungsi sebagai sumber maklumat yang menyalurkan perkembangan berita semasa kepada masyarakat tentang hal ehwal mutakhir yang merangkumi berita sukan, berita hiburan, ramalan cuaca serta berita-berita lain. Dengan kemajuan dalam bidang teknologi dan dunia digital telah membawa satu transformasi kepada bentuk penerbitan akhbar, iaitu akhbar secara digital atau akhbar dalam talian. Oleh yang demikian, akhbar tempatan juga mengambil inisiatif untuk mendigitalkan akhbar seperti *Astro Awani Online*, *Utusan Borneo Online* dan *Sinar Harian Online* kerana berdasarkan statistik yang diumumkan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, peratusan capaian isi rumah kepada Internet menunjukkan peningkatan keppada 91.7 peratus pada tahun 2020, sementara capaian oleh isi rumah terhadap telefon bimbit dan komputer masing-masing meningkat kepada 98.6 peratus dan 77.7 peratus pada 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Dalam pada itu, akhbar berbentuk digital menyampaikan hal ehwal semasa dan terkini dengan lebih pantas berbanding dengan akhbar jenis bercetak. Menurut Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri dan Nor Azuwan Yaakob (2019, p.96), akhbar menggunakan bahasa bagi memberikan ungkapan terhadap sesuatu maklumat kepada khalayak umum. Oleh itu, bahasa utama yang digunakan dalam akhbar tempatan menggunakan bahasa Melayu juga bahasa kebangsaan negara kerana boleh

difahami oleh semua lapisan masyarakat. Namun, bahasa yang terkandung dalam akhbar tempatan sering kali berlakunya kesalahan bahasa dalam penulisan berita secara berleluasa. Perkara ini sejajar dengan pendapat Mior Kamarul Shahid (2015) menjelaskan bahawa kekerapan berlakunya kesilapan berbahasa dalam bahasa Melayu yang dilakukan oleh pihak media dan disiarkan secara berterusan kepada masyarakat umum akan menyebabkan pembaca akhbar khususnya pembaca akhbar dalam talian menerima kesalahan bahasa tersebut sebagai sesuatu yang betul sekali gus menjadikan kesalahan yang tidak dibetulkan tersebut menjadi suatu kelaziman buat mereka dalam menghasilkan penulisan dalam bahasa Melayu. Mengikut pandangan Che Hazira Che Roza dan Hanita Hassan (2020, p.140) pula, penulisan yang baik disertai ciri efisien haruslah mengandungi unsur kebahasaan yang jelas, padat, tepat, menarik dan mudah untuk difahami oleh para pembaca di luar sana. Sementara Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) dalam artikel yang bertajuk *Analisis Kesilapan dalam Laporan Media: Morfologi dan Sintaksis* pula memberikan penjelasan bahawa sebilangan penulisan dalam surat khabar didapati tidak memenuhi standard atau kehendak rumus tatabahasa Melayu seperti yang sepatutnya, malah terdapat berlakunya kesilapan dan kesalahan bahasa dalam penulisan kewartanan yang telah dihasilkan. Sehubungan dengan itu, kenyataan oleh Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) ini juga selaras dan seiring dengan pendapat Illias Zaidi (2010) yang dipetik daripada kenyataan Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri dan Nor Azuwan Yaakob (2019, p.97) bahawa masalah atau kekangan tersebut secara tidak langsung telah meranapkan nilai kegramatisan dalam bahasa Melayu, walaupun pihak media di luar sana cuba berkeras sehabis mungkin mempertahankan laras bahasa dalam pelaporan penulisan yang telah dihasilkan oleh mereka.

Sementara itu, Abdul Hamid Moiden dan Ong (2020) memberikan pandangan bahawa bahasa yang kurang sempurna dan mengandungi banyak kesalahan bahasa boleh menyebabkan masalah dalam pemahaman sesuatu mesej secara terperinci. Kesalahan bahasa "error" dan kesilapan bahasa digelar sebagai "mistake". Oleh itu, kesalahan bahasa boleh diklasifikasikan sebagai kesalahan kemampuan "competence" akibat daripada kelemahan penutur atau penulis kerana mereka tidak mampu menguasai rumus-rumus bahasa dengan sempurna. Kesilapan bahasa pula diertikan sebagai kesalahan penampilan "*performance*" yang dipengaruhi oleh faktor fizikal penulis seperti kepenatan, lupa, tekanan perasaan dan bergegas untuk menyiapkan sesuatu tugas dengan cepat. Justeru, kesilapan seperti ini berlaku bukan kerana mereka tidak mengetahui sebarang peraturan bahasa. Dalam pada itu, Awang Sariyan (1996) juga pernah memberikan pendapat bahawa daripada kaca linguistik murni, tiada istilah "bahasa yang betul" dan "bahasa yang salah". Hal ini dikatakan demikian kerana, yang ada ialah pelbagai ragam bahasa yang digunakan menurut konteks tertentu oleh pengguna tertentu disebabkan oleh pelbagai pengaruh seperti pendidikan, pekerjaan, kelas sosial serta umur. Istilah "bahasa yang betul" dan "bahasa yang salah" mestilah dilihat dari pandangan yang tepat kerana masalah kesalahan bahasa perlu dibaiki kerana tuntutan zaman menjadikan bahasa Melayu perlu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi daripada bahasa-bahasa moden lain di dunia untuk menjadi alat komunikasi serta interaksi yang maju dan alat pembinaan budaya yang tinggi. Malah, Mohammed Zin Nordin et al. (2014, p.331) juga tidak ketinggalan dalam memberikan pandangan mereka bahawa kedudukan bahasa Melayu masih lagi terancam dengan kesalahan penggunaan dari segi bahasa walaupun bahasa Melayu telah diiktiraf dan dimartabatkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Kesimpulannya, akhbar tempatan khususnya akhbar digital atau akhbar dalam talian ini merupakan salah satu landasan serta wadah dalam penyebaran dan menjadi saluran maklumat serta sebagai penyalur yang amat berpengaruh kerana kandungannya yang mempunyai tahap kredibiliti dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi

mengenal pasti dan menganalisis terhadap aspek penggunaan kata sendi nama dalam penulisan akhbar digital.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat pengkaji-pengkaji tempatan sebelum ini yang pernah menjalankan kajian terhadap kesalahan bahasa dalam akhbar tempatan. Antaranya seperti kajian yang dilakukan oleh Mohd Hazreen Shah Hassan dan Sharil Nizam Sha'ri (2019) menerusi kajian *Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 128 kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam artikel berdasarkan akhbar yang dipilih. Kesalahan yang berkaitan dengan pembentukan ayat adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 60 kesalahan, sementara kesalahan penggunaan sinonim adalah yang terendah iaitu sekitar 3 kesalahan. Selain itu, kajian oleh Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri dan Nor Azuwan Yaakob (2019) yang mengkaji *Keberkesanan Penggunaan Bahasa dalam Akhbar Melayu: Tindak Balas Strategi Terhadap Literasi Kesihatan dalam Kalangan Pembaca Tempatan*. Hasil kajian mereka mendapati strategi penggunaan kata dalam rencana kesihatan ada kalanya mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan dan ada kalanya tidak mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan.

Kajian ini juga telah membuat tinjauan terhadap beberapa kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji tempatan yang boleh dijadikan rujukan untuk kajian ini. Che Hazira Che Roza dan Hanita Hassan (2020) yang menjalankan kajian tentang *Strategi Penggunaan Bahasa dalam Penulisan Rencana Ilmiah*. Hasil kajian mereka mendapati tidak kesemua rencana yang dikaji menepati ciri-ciri penulisan kewartawanan, iaitu penggunaan kata yang tidak lazim, penerangan berlebihan, kesalahan ejaan dan penggunaan istilah jargon. Sementara Nor Ain Nor Azman dan Nur Farakhanna Mohd Rusli (2020) dengan kajian mereka, iaitu *Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa* terhadap 20 orang pelajar tingkatan 2. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan pelajar berkaitan dengan penggunaan kata sendi nama berada pada tahap yang memuaskan kerana pelajar masih keliru dengan fungsi dan tugas kata sendi nama *dari* dan *daripada* sewaktu digunakan dalam ayat. Namun, kajian terhadap ketepatan penggunaan kata tugas, yakni kata sendi nama masih belum banyak dikaji. Maka, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis kesalahan penggunaan kata sendi nama yang terdapat dalam akhbar digital yang juga dikenali sebagai akhbar bukan bercetak (dalam talian) menerusi akhbar Astro Awani Online, Utusan Borneo Online dan Sinar Harian Online.

Selain itu, Stacey Olivia John Brooklyn dan Chung (2021) melalui kajian *Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Akhbar Tempatan*. Dapatan kajian yang telah dibuat menerusi kajian tersebut menunjukkan majoriti kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam akhbar digital adalah penggunaan kata sendi nama 'di' yang seharusnya ditukar kepada penggunaan kata sendi nama yang betul iaitu kata sendi nama 'pada'. Tidak dinafikan juga bahawa, kajian tersebut telah menunjukkan bahawa kesalahan yang paling menyerlah dalam penulisan akhbar ialah penggunaan kata sendi nama 'dari-daripada'.

OBJEKTIF

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- (a) Mengenal pasti kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam berita sukan dalam talian.
- (b) Menganalisis kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam berita sukan dalam talian.

KERANGKA TEORETIS/KERANGKA KONSEP

Abdul Hamid Moiden dan Ong (2020, p.725) memberikan kenyataan bahawa para sarjana barat seperti Corder, Selinker dan Ellis banyak membahaskan mengenai kesalahan bahasa daripada beberapa perspektif. Oleh yang demikian, pengkaji-pengkaji bahasa telah menjadikan pendapat serta pandangan ketiga-tiga orang sarjana ini sebagai tunjang utama dalam proses pengkajian bahasa. Oleh itu, teori yang menjadi landasan dalam kajian ini berdasarkan teori analisis kesalahan bahasa Corder (1981). Selain itu, Corder (1981) telah memberikan takrifan bahawa kesilapan bahasa merupakan bentuk-bentuk pertuturan yang tersasar atau menyalahi serta menyimpang bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Beliau memberikan penegasan lagi bahawa kesilapan bahasa merupakan sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang tersasar daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang bersifat terpelajar. Justeru, kesilapan tersebut merangkumi aspek tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Menurut Corder (1981) lagi, terdapat lima langkah yang wajar dipatuhi bagi menganalisis kesalahan dalam bahasa, iaitu (i) mengumpul kesalahan bahasa; (ii) mengenal pasti kesalahan bahasa; (iii) memerihalkan kesalahan bahasa; (iv) menjelaskan kesalahan bahasa, dan (v) menilai atau membetulkan bahasa. Oleh hal yang demikian, kajian ini berlandaskan teori Corder (1981) dalam menganalisis kesalahan penggunaan kata sendi nama yang terdapat dalam akhbar digital dalam talian bagi edisi sukan.

METODOLOGI

Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini, iaitu menerusi kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks. Tiga buah akhbar digital dalam talian berbahasa Melayu bagi edisi sukan digunakan bagi melakukan kajian ini. Akhbar-akhbar digital dalam talian edisi sukan tersebut ialah *Astro Awani Online*, *Utusan Borneo Online* dan *Sinar Harian Online* sepanjang bulan November 2021. Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015, p.148) menyatakan bahawa kajian kepustakaan melibatkan aktiviti yang melibatkan pembacaan bagi mengumpulkan bahan-bahan yang berhubung rapat dengan tajuk kajian yang dilaksanakan.

DAPATAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, perbincangan dalam bagaian ini merupakan dapatan kajian telah didapati berdasarkan hasil analisis terhadap akhbar yang terpilih dengan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Data dan dapatan kajian telah dikategorikan dalam bentuk Jadual 1 hingga Jadual 3 seperti berikut.

Jadual 1: Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama ‘daripada-dari’

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
1.	Kumpulan B terdiri daripada Japan, Sri Lanka, China dan tuan rumah UAE. https://www.sinarharian.com.my/article/172872/BERITA/Sukan/Bunga-Raya-7s-sudah-bersedia-fizikal-mental	Kumpulan B terdiri dari Japan, Sri Lanka, China dan tuan rumah UAE.
2.	...beliau turun berlumba di final acara pecut dengan pelumba pilihan daripada Jepun, https://www.sinarharian.com.my/artic/e/173223/BERITA/Sukan/Kekuatan-	...beliau turun berlumba di final acara pecut dengan pelumba pilihan dari Jepun,

spritual-rahsia-kejayaan-Azizulhasni	
--	--

Jadual 2: Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama ‘pada-dalam’ & ‘ke atas-terhadap’

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
1.	Sikh Izhan akhirnya membuat penampilan pertama bersama Selangor FC dalam kemenangan 4-2 ke atas Kedah Darul Aman FC pada aksi Liga Super, Ogos lepas. https://www.astroawani.com/berita-sukan/penjaga-gol-muda-negara-jalani-sesi-percubaan-di-sepanyol-331665	Sikh Izhan akhirnya membuat penampilan pertama bersama Selangor FC dalam kemenangan 4-2 terhadap Kedah Darul Aman FC dalam aksi Liga Super, Ogos lepas.
2.	Aksi pemain badminton perseorangan negara Lee Zii Jia ketika menentang pemain perseorangan Perancis, Brice Leverdez pada perlawanan peringkat kumpulan M... https://www.astroawani.com/berita-sukan/zii-jia-rehat-seminggu-hendrawan-331407	Aksi pemain badminton perseorangan negara Lee Zii Jia ketika menentang pemain perseorangan Perancis, Brice Leverdez dalam perlawanan peringkat kumpulan M...
3.	Lee Zii Jia perlu berehat seminggu selepas mengalami kecederaan belakang pada pusingan pertama di Masters Indonesia. https://www.astroawani.com/berita-sukan/zii-jia-rehat-seminggu-hendrawan-331407	Lee Zii Jia perlu berehat seminggu selepas mengalami kecederaan belakang dalam pusingan pertama di Masters Indonesia.
4.	Rodzli (kiri), Ismail (tengah) dan Dr Ong pada Majlis Perasmian Kejohanan Liga Sepak Takraw Kenyalang... Rodzli (kiri), Ismail (tengah) dan Dr Ong pada Majlis Perasmian Kejohanan Liga Sepak Takraw Kenyalang	Rodzli (kiri), Ismail (tengah) dan Dr Ong dalam Majlis Perasmian Kejohanan Liga Sepak Takraw Kenyalang...
5.	Skuad boling negara gagal menyerlah pada Kejohanan Boling Dunia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu... https://www.utusanborneo.com.my/2021/11/13/kejohanan-dunia-trio-negara-kecundang-di-dubai	Skuad boling negara gagal menyerlah dalam Kejohanan Boling Dunia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu...
6.	...pada temasya (AYPG) empat tahun lepas itu,”...	...dalam temasya (AYPG) empat tahun lepas itu,”...

	https://www.utusanborneo.com.my/2021/11/13/hanya-atlet-di-bawah-program-msn-dibenar-guna-kemudahan-venue-latihan	
7.	...sebab itu kita lihat terdapat beberapa nama besar tidak disenaraikan pada kejuaraan di Singapura. https://www.sinarharian.com.my/article/173274/BERITA/Sukan/Cheng-Hoe-masih-menilai-pemain-Harimau-Malaya	...sebab itu kita lihat terdapat beberapa nama besar tidak disenaraikan dalam kejuaraan di Singapura.
8.	...peristiwa semasa waktu rehat pada Kejohanan Berbasikal Trek Asia di Jincheon. https://www.sinarharian.com.my/article/173223/BERITA/Sukan/Kekuatan-spritual-rahsia-kejayaan-Azizulhasni	...peristiwa semasa waktu rehat dalam Kejohanan Berbasikal Trek Asia di Jincheon.
9.	...pingat emas dimenangi skuad negara pada kejohanan itu... https://www.sinarharian.com.my/article/173223/BERITA/Sukan/Kekuatan-spritual-rahsia-kejayaan-Azizulhasni	...pingat emas dimenangi skuad negara dalam kejohanan itu...
10.	...beliau tewas kepada Wakimoto pada perlumbaan final keirin dua hari sebelumnya. https://www.sinarharian.com.my/article/173223/BERITA/Sukan/Kekuatan-spritual-rahsia-kejayaan-Azizulhasni	...beliau tewas kepada Wakimoto dalam perlumbaan final keirin dua hari sebelumnya.

Jadual 3: Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama ‘*di-dalam*’

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
1.	...komitmen dua badan induk tersebut memastikan sukan tradisional itu terus mendapat tempat di hati generasi muda. https://www.utusanborneo.com.my/2021/11/18/kejohanan-liga-sepak-takraw-kenyalang-platform-cungkil-bakat-baharu	...komitmen dua badan induk tersebut memastikan sukan tradisional itu terus mendapat tempat dalam hati generasi muda.
2.	...terdapat tekanan untuk menyenaraikannya beraksi di Piala AFF... https://www.sinarharian.com.my/article/173274/BERITA/Sukan/Cheng-Hoe-masih-menilai-pemain-Harimau-Malaya	...terdapat tekanan untuk menyenaraikannya beraksi dalam Piala AFF...

KOLOKIU M BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU 2022
Anjuran Jabatan Bahasa Melayu International Islamic University Malaysia & Jabatan Bahasa Melayu IPG Kampus Tun Abdul Razak 31 Mac 2022

3.	...para pemainnya dalam bentuk keputusan positif di kejuaraan Piala Suzuki AFF 2020 di Singapura pada Disember depan. https://www.sinarharian.com.my/article/173267/BERITA/Sukan/Hormati-pilihan-Cheng-Hoe	...para pemainnya dalam bentuk keputusan positif dalam kejuaraan Piala Suzuki AFF 2020 di Singapura pada Disember depan.
4.	Saya berasa sangat bertuah dapat peluang bekerja dengan skuad yang berada dalam kedudukan yang hebat di semua bidang. https://www.sinarharian.com.my/article/173277/BERITA/Sukan/Van-Bronckhorst-ganti-Gerrard-di-Rangers-FC	Saya berasa sangat bertuah dapat peluang bekerja dengan skuad yang berada dalam kedudukan yang hebat dalam semua bidang.
5.	Di babak kedua, pelawat meneruskan pesta gol sekali lagi menerusi Mintah pada minit ke-64... https://www.sinarharian.com.my/article/173254/BERITA/Sukan/TFC-JDT-berentap-separuh-akhir	Dalam babak kedua, pelawat meneruskan pesta gol sekali lagi menerusi Mintah pada minit ke-64...
6.	...satu perlawanan ke satu perlawanan di kejuaraan itu. https://www.sinarharian.com.my/article/172872/BERITA/Sukan/Bunga-Raya-7s-sudah-bersedia-fizikal-mental	...satu perlawanan ke satu perlawanan dalam kejuaraan itu.
7.	...serta menampilkan aksi terbaik di kejuaraan tersebut. https://www.sinarharian.com.my/article/172872/BERITA/Sukan/Bunga-Raya-7s-sudah-bersedia-fizikal-mental	...serta menampilkan aksi terbaik dalam kejuaraan tersebut.
8.	...selepas dua tahun tidak beraksi di saingan luar negara. https://www.sinarharian.com.my/article/171672/BERITA/Sukan/Speedy-Tigers-bawa-momentum-positif-ke-Trofi-Juara-Juara-Asia	...selepas dua tahun tidak beraksi dalam saingan luar negara.
9.	...sekiranya prestasi atlet sukan berprestasi tinggi negara merudum di tiga kejuaraan Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Komanwel. https://www.sinarharian.com.my/article/171046/BERITA/Sukan/Program-Podium-terima-tamparan	...sekiranya prestasi atlet sukan berprestasi tinggi negara merudum dalam tiga kejuaraan Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Komanwel.
10	Perkara tersebut dikongsikan pelumba berusia 33 tahun di laman sosialnya... https://www.sinarharian.com.my/article/173223/BERITA/Sukan/Kekuatan-spritual-rahsia-kejayaan-Azizulhasni	Perkara tersebut dikongsikan pelumba berusia 33 tahun dalam laman sosialnya...

Jadual 4: **Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama ‘di dalam-dalam’**

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
1.	Kami turun ke sana dengan misi untuk mengutip mata penting di dalam proses kelayakan ke Sukan Olimpik Tokyo 2020... https://www.sinarharian.com.my/article/173223/BERITA/Sukan/Kekuatan-spiritual-rahsia-kejayaan-Azizulhasni	Kami turun ke sana dengan misi untuk mengutip mata penting dalam proses kelayakan ke Sukan Olimpik Tokyo 2020...
2.	...kami memilih untuk menyelesaikan tuntutan agama di dalam keadaan yang genting tersebut,”katanya. https://www.sinarharian.com.my/article/173223/BERITA/Sukan/Kekuatan-spiritual-rahsia-kejayaan-Azizulhasni	...kami memilih untuk menyelesaikan tuntutan agama dalam keadaan yang genting tersebut,”katanya.

Perbincangan Dapatan

Dalam Jadual 1, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama *‘daripada’* yang sepatutnya ditukarkan penggunaannya kepada kata sendi nama *‘dari’*. Berdasarkan ayat 1 dan ayat 2 dalam Jadual 1, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama iaitu *‘daripada’*. Kesalahan penggunaan kata sendi nama *‘daripada’* berlaku apabila *‘daripada’* berada di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat mahupun waktu. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.269), kata sendi nama *‘daripada’* sebagai perkataan yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad. Justeru, kata sendi nama yang betul bagi ayat pertama ialah *‘terdiri *dari Japan, Sri Lanka, China dan tuan rumah UAE’* dan *‘turun berlumba di final acara pecut dengan pelumba pilihan *dari Jepun’* bagi ayat yang kedua.

Dalam Jadual 2, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama *‘pada’* yang sepatutnya ditukarkan penggunaannya kepada kata sendi nama *‘dalam’*. Dalam Jadual 2 juga, terdapat satu kesalahan penggunaan kata sendi nama *‘ke atas’* yang sewajarnya ditukarkan penggunaannya kepada kata sendi nama *‘terhadap’* seperti yang terdapat pada ayat pertama dalam Jadual 2. Berdasarkan Jadual 2, ayat-ayat tersebut menunjukkan kesalahan penggunaan kata sendi nama *‘pada’*. Begitu juga kesalahan penggunaan sendi nama *‘ke atas’* yang terdapat pada ayat pertama dalam Jadual 2. Kesalahan penggunaan kata sendi nama *‘pada’* berlaku apabila seharusnya *‘pada’* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan keterangan waktu dan tempat. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.285), kata sendi nama *‘dalam’* sebagai perkataan yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Oleh hal yang demikian, kata sendi nama yang betul bagi ayat 1 dalam Jadual 2 ialah *‘dalam kemenangan 4-2 terhadap Kedah Darul Aman FC *dalam aksi Liga Super’*, *‘* dalam perlawanan peringkat kumpulan M’* bagi ayat 2, *‘kecederaan belakang *dalam pusingan pertama di Masters Indonesia bagi ayat 3, ‘*dalam Majlis Perasmian Kejohanan Liga Sepak Takraw Kenyalang’* bagi ayat 3, *‘gagal menyerlah *dalam Kejohanan Boling Dunia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu’* bagi ayat 4, *‘*dalam temasya (AYPG) empat tahun lepas itu bagi ayat 5’*, *‘tidak disenaraikan *dalam kejuaraan di Singapura’* bagi ayat 7, *‘*dalam Kejohanan Berbasikal Trek Asia di Jincheon’* bagi ayat 8, *‘dimenangi skuad negara *dalam kejohanan itu’* bagi ayat 9 dan *‘beliau tewas*

kepada Wakimoto ***dalam** perlumbaan final keirin' bagi ayat ke-10. Malah, jika diteliti pada ayat pertama dalam Jadual 2, kesalahan penggunaan kata sendi nama '**ke atas**' berlaku apabila seharusnya kata sendi nama '**ke**' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat atau arah yang dituju dan juga digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan waktu atau masa. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015, p.281), kata sendi nama '**terhadap**' lazimnya digunakan sebagai unsur yang menjurus ke arah maksud rujukan yang melibatkan penyambut tertentu. Maka, kata sendi nama yang betul bagi ayat 1 dalam Jadual 2 tersebut ialah kemenangan 4-2 ***terhadap** Kedah Darul Aman FC.

Dalam Jadual 3 pula, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama '**di**' yang seharusnya ditukarkan penggunaannya kepada kata sendi nama '**dalam**'. Hal ini demikian kerana, kata sendi nama '**di**' pada ayat tersebut berada di hadapan kata nama atau frasa nama yang bukan merujuk kepada suatu tempat. Menurut Nik Safiah Karim et al.,(2015, p.285), kata sendi nama '**dalam**' sebagai perkataan yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Jadi, kata sendi nama yang betul ialah 'mendapat tempat ***dalam** hati generasi muda' bagi ayat 1, 'menyenaraikannya beraksi ***dalam** Piala AFF' bagi ayat 2, 'keputusan positif ***dalam** kejuaraan Piala Suzuki AFF' bagi ayat 3, 'kedudukan yang hebat ***dalam** semua bidang' bagi ayat 4, '**Dalam** babak kedua' bagi ayat 5, '**dalam** kejuaraan itu' bagi ayat 6, 'aksi terbaik ***dalam** kejuaraan tersebut' bagi ayat 7, 'tidak beraksi ***dalam** saingan luar negara' bagi ayat 8, '***dalam** tiga kejuaraan' bagi ayat ke-9 dan '***dalam** laman sosialnya' bagi ayat ke-10.

Seterusnya, Dalam Jadual 4, ayat 1 dan ayat 2 tersebut mengandungi kesalahan penggunaan kata sendi nama iaitu '**di dalam**'. Hal ini demikian kerana, kata sendi nama '**di**' pada ayat tersebut berada di hadapan kata nama atau frasa nama yang bukan merujuk kepada suatu tempat. Menurut Nik Safiah Karim et al.,(2015, p.285), kata sendi nama '**dalam**' sebagai perkataan yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Oleh hal yang demikian, kata sendi nama yang betul ialah 'mengutip mata penting ***dalam** proses kelayakan ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 bagi ayat 1 manakala bagi ayat 2 adalah seperti berikut iaitu 'menyelesaikan tuntutan agama ***dalam** keadaan yang genting tersebut'.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesilapan atau kesalahan penggunaan bahasa dalam akhbar digital edisi sukan khususnya kesalahan penggunaan kata sendi nama masih berlaku sehingga kini. Kesalahan yang paling menyerlah dalam akhbar elektronik edisi sukan yang telah dikaji ialah penggunaan kata sendi nama 'pada-dalam' dan juga 'di-dalam' yang masing-masing mempunyai 10 kesalahan. Sehubungan dengan hal ini, penulis berita akhbar elektronik atau para wartawan bagi bahagian sukan disarankan supaya lebih peka dan prihatin terhadap fungsi dan hukum setiap kata sendi nama. Selain itu, para penulis akhbar digital yang bertanggungjawab menulis pada bahagian sukan juga disarankan agar sentiasa membuat penyemakan dan membuat penelitian terhadap setiap penulisan berita sebelum disebarkan kepada khalayak ramai. Hal ini demikian kerana, akhbar mempunyai tahap kredibiliti serta kemampuan yang tersendiri dan bahasa penulisan boleh memberikan implikasi terhadap pembaca akhbar dalam talian kerana kesalahan dan kesilapan yang sama berulang kali digunakan dalam penulisan berita dalam talian khususnya, akan menyebabkan masyarakat pengguna bahasa menganggap bahasa yang digunakan adalah betul dan tepat. Kesalahan penggunaan bahasa khususnya kata sendi nama yang terdapat dalam akhbar akan memberikan kesan dan implikasi kepada masyarakat kita sebagai pengguna bahasa kerana mereka akan terikut-ikut dengan penggunaan bahasa yang salah. Oleh hal yang demikian, pengguna bahasa Melayu khususnya wartawan dan penulis berita perlu memikul tanggungjawab dan mempunyai

obligasi yang tinggi terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat mengikut hukum tatabahasa bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu dalam masyarakat dapat membantu mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu agar setanding dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris di seantero dunia.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Moiden & Ong, J.H.L. (2020). *Penelitian konsep kesalahan bahasa dari perspektif sarjana barat*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, 24-25 November 2020, 724-730.
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azean Idruwani Idrus & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Analisis kesilapan dalam laporan media: Morfologi dan sintaksis. Dlm. Kamariah Kamarudin, Arba'e Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Samsina Abdul Rahman (Eds). *Kelestarian Bahasa: Satu Rumpun Satu Ikatan*. (pp. 18-31). Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Che Hazira Che Roza & Hanita Hassan. (2020). Strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah. *LSP International Journal*, 7(2), 139-153.
- Corder. S.Pit. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. University Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021, 12 April). Kenyataan media: Penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah 2020.
https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/20210412-Kenyataan_Media-Penggunaan_dan_Capaian_ICT_oleh_Individu_dan_Isi_Rumah_2020.pdf
- Mior Kamarul Shahid. (2015). Bahasa: Sejauh manakah Media peduli?. *Dewan Bahasa*, 15(3), 8-10.
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Sharil Nizam Sha'ri .(2019). Analisis kesalahan penggunaan bahasa dalam rencana akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(2), 55-71.
- Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri dan Nor Azuwan Yaakob. (2019). Keberkesanan penggunaan bahasa dalam akhbar Melayu: Tindak balas strategik terhadap literasi kesihatan dalam kalangan pembaca tempatan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 95-109.
- Mohammed Zin Nordin, Mohd Taib Ariffin, Khairul Azam Bahari & Siti Munirah Md. Zukhi. (2014). Analisis kesalahan penggunaan bahasa papan tanda perniagaan. *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, 134(2014), 330-349.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hadi Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

KOLOKIUUM BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU 2022
Anjuran Jabatan Bahasa Melayu International Islamic University Malaysia & Jabatan Bahasa
Melayu IPG Kampus Tun Abdul Razak 31 Mac 2022

- Nor Ain Nor Azman & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis Penggunaan kata sendi nama dalam penulisan berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa. *LSP International Journal*, 7(1), 39-59.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa dalam novel Melunas Rindu: Aplikasi maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 143-172.
- Stacey Olivia John Brooklyn & Chung, M.H.C. (2021). Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Akhbar Tempatan. Seminar Bahasa, Budaya dan Kesusasteraan Melayu IV (*Sebahtera IV*). 29-30 September 2021.

